PERSAINGAN POLITIK MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA, 1978-2013

MOHD SABRI MD NOR

University of Malaya

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

PERSAINGAN POLITIK MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA, 1978-2013

MOHD SABRI MD NOR
AHA 110046

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA

2016

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Mohd Sabri Bin Md Nor**

No. Pendaftaran/Matrik: **AHA 110046**

Nama Ijazah: **Doktor Falsafah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini")

Persaingan Politik Melayu Di Semenanjung Malaysia, 1978-2013

Bidang Penyelidikan: **Sejarah (Politik)**

Saya dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh

Nama:
Jawatan:

University of Malaya

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji perkembangan persaingan parti politik Melayu khususnya antara *United Malays National Organisation* (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), kajian memfokuskan kepada aspek persaingan politik Melayu dalam memperkasakan Islam, merebut kuasa, persaingan kepimpinan dan isu perpaduan bermula pada tahun 1978 sehingga tahun 2013. Skop kajian bermula pada tahun 1978 kerana pada tahun tersebut PAS kembali menjadi pesaing kepada UMNO setelah parti itu disingkirkan daripada Barisan Nasional pada bulan Disember 1977. Hal yang demikian ini kerana keengganan PAS menyokong Rang Undang-undang Darurat di Kelantan berikutan krisis yang melibatkan kedudukan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan. Krisis tersebut menyebabkan berlakunya perpecahan dalam PAS dan pengaruh PAS mulai merosot setelah mengalami kekalahan besar pada PRU-5 (1978) ketika berdepan dengan UMNO dan BERJASA (parti serpihan PAS) sehingga menyebabkan PAS hilang penguasaan di Kelantan. Pengaruh kebangkitan semula Islam yang muncul sejak awal tahun 1970-an menjadikan persaingan untuk memperkasakan agenda Islam melalui pelbagai program anjuran UMNO dan PAS menjadi semakin sengit. Persaingan UMNO dan PAS khususnya pada PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013) dilihat semakin mencabar setelah sokongan kepada UMNO semakin terhakis dengan undi bukan Melayu menjadi lebih dominan. Dalam tempoh masa tersebut (1978-2013), persaingan politik Melayu dilihat dinamik, mencabar dan penting dalam meraih sokongan rakyat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan temubual dan juga kajian kepustakaan. Selain data daripada temubual, kajian turut meneliti dokumen seperti teks ucapan, laporan tahunan dan manifesto pilihan raya untuk mendalami isu dan corak persaingan yang berlaku. Umumnya, kajian ini mendapati bahawa isu Islam dan Melayu menjadi elemen penting dalam

University of Malaya

persaingan politik Melayu, dengan isu Islam lebih mendominasi persaingan. Persaingan politik Melayu yang berlarutan sehingga ke hari ini didorong oleh perbezaan pandangan dan pendapat yang lahir daripada aliran pemikiran politik pemimpin yang pelbagai. Kegagalan menguruskan perbezaan tersebut menimbulkan ketegangan yang akhirnya membawa kepada permusuhan. Permusuhan antara UMNO dan PAS turut membabitkan soal agama dan akidah seperti isu kafir-mengkafir, hudud dan negara Islam. Permusuhan politik ini membawa kepada perpecahan dalam kalangan pengikut mereka sehingga wujudnya sembahyang dua imam, kubur berasingan, terputusnya hubungan kekeluargaan akibat perbezaan fahaman politik. Sungguhpun persaingan yang berlaku dilihat sukar untuk UMNO dan PAS kembali bersatu, tetapi situasi tersebut tidak menghalang kedua-dua parti berbincang soal perpaduan Melayu. Walau bagaimanapun, perpaduan Melayu yang membabitkan kerjasama kepartian masih belum menjadi kenyataan setelah PAS dilihat berhati-hati untuk menerima pelawaan UMNO bagi mengelakkan peristiwa tahun 1977 berulang.

University of Malaya

ABSTRACT

This study aims at examining the history of political rivalry between *United Malays National Organisation* (UMNO) and Parti Islam Se-Malaysia (PAS). This study focuses on the Malay political rivalry in reinforcing Islam, power and leadership struggle and unity issues during 1978 to 2013. The year 1978 was chosen since it was the year PAS returned as the main rival for UMNO after being dismissed from Barisan Nasional in December 1977. This was due to the reluctance of PAS to support Kelantan Emergency Bill following the crisis involving Muhammad Nasir position as Chief Minister of Kelantan. The crisis resulted in a split in PAS and PAS influence began to decline after suffering major defeats in the GE-5 (1978) when confronting UMNO and BERJASA (PAS splinter party). This had caused PAS lost its domination over Kelantan. The emergence of Islamic revivalism since the early 1970s resulted in a stiff competition between UMNO and PAS for the empowerment of Islamic agenda through various programs. The rivalry between UMNO and PAS, especially in the 12th (2008) and the 13th general election (2013) was perceived as more challenging with the declining support for UMNO and non-Malay votes became more dominant. During this period (1978-2013), Malay political rivalry is seen as dynamic, challenging and significant to gain public support. This study used qualitative approach involving interviews and library research. In addition to the interview data, the study also examined documents such as speeches, annual reports and election manifesto in order to explore issues in and patterns of the rivalry. Generally, the study found that the main element in the Malay political rivalry was the issues of Islam followed by the issues of Malay. The prolonged Malay political rivalry is driven by differences in views and opinions of the political leaders that emerged from diverse school of thought. Failure to manage these differences has resulted in tensions that eventually led to hostility. Hostility between

University of Malaya

UMNO and PAS also involved the issue of religion and *aqidah* such as, apostatizing, *hudud* and Islamic country. The political rivalry led to a split among their followers to the extend having separate imams during prayer, separate cemetery and shattered family relationships due to differences in political ideologies. The study found that a suggestion for a coalition between UMNO and PAS is unfeasible. More inclusive type of unity that involves the ruling and opposition parties needs to be promoted with the Malay unity as the pillar. Even though the rivalry between UMNO and PAS is perceived as almost impossible for the two parties to reunite, it does not prevent them to discuss about Malay unity. However unity in term of collaboration between the two parties has not yet to materialize since PAS is seen as too cautious in accepting UMNO's offer to avoid the recurrence of 1977 event.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, saya dapat menyempurnakan kajian ini. Sukar untuk kajian ini disiapkan tanpa kerjasama, penglibatan, dorongan dan sokongan daripada semua pihak. Justeru itu, pada kesempatan ini, pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dengan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga dan terima kasih diucapkan kepada penyelia, Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, atas nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan serta sumbangan idea-idea bernas yang diberikan sepanjang kerja-kerja menyempurnakan penulisan tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dekan Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Laily Hj. Paim dan Mantan Dekan FEM, Profesor Dr. Zaid Ahmad yang membantu kepada kejayaan ini. Tidak dilupakan kepada ahli Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), FEM iaitu Prof. Madya. Dr. Tarmizi, Dr. Mahadee, Dr. Zatul, Dr. Arfah, Dr. Normala, Dr. Adlina, Dr. Murni, Dr. Sri Rahayu dan yang lain. Tidak dilupakan juga kepada Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Profesor Madya Dr. Hanafi Bin Hussin, Ketua Jabatan Sejarah, Prof. Madya Dr. Sivachandralingam serta pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah dan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial iaitu Prof. Abdullah Zakaria, Prof. Madya Dr. Zulkarnain, Dr. Abu Hanifah dan Dr. Amer Saifudee.

Penghargaan juga ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa iaitu Md Nor Ismail dan Hasmoh Ab Rahman serta Ahmad Sidique dan Fatimah Mohamad. Buat nenek iaitu W.

University of Malaya

Yah W. Sulaiman. Rasa kasih dan penghargaan buat isteri, Syahidatul Aazimah dan anak-anak iaitu Syafique Irfan, Sara Aaisya, Syufiya Aayuni serta adik-adik iaitu Mohd Izamie dan Ahmad Shauqi yang banyak memberi dorongan dan sentiasa memahami erti sebuah pengorbanan. Tidak dilupakan juga kepada teman-teman seperjuangan, Norazlan, Mashitah, Amin, Shamsul yang sentiasa berkongsi idea untuk menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, penghargaan turut ditujukan kepada individu-individu yang terlibat dalam proses temubual. Tidak terkecuali, kepada Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang membiayai dan menaja pengajian ini. Kerjasama semua pihak dalam menjayakan tugasan ini amatlah dihargai.

Mohd Sabri Md Nor
Putrajaya
4 Januari 2016

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN …… **ii**
ABSTRAK …… **iii**
ABSTRACT …… **v**
PENGHARGAAN …… **vii**
JADUAL KANDUNGAN …… **ix**
SENARAI JADUAL …… **xii**
SENARAI SINGKATAN …… **xiii**
SENARAI LAMPIRAN …… **xvi**

BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan …… 1
Konsep Persaingan Politik …… 3
Persaingan Politik dari Perspektif Teori dan Praktis …… 5
Permasalahan Kajian …… 16
Objektif Kajian …… 21
Skop Kajian …… 23
Metodologi Kajian …… 29
Kepentingan Kajian …… 31
Kajian Literatur …… 34
Organisasi Kajian …… 51
Penutup …… 53

BAB 2: SEJARAH PERSAINGAN DAN PERPECAHAN PARTI POLITIK MELAYU

Pengenalan …… 56
Perpaduan Melayu dan Penubuhan UMNO …… 58
Pertelagahan Dalam UMNO dan Kelahiran PAS …… 75
Krisis Dalaman dan Perpecahan Politik Melayu …… 83
Persaingan Politik Melayu Menuju Kemerdekaan …… 88
Persaingan Politik Melayu Pada Awal Kemerdekaan …… 96
Kompromi Politik Melayu Melalui Kerajaan Campuran PAS-Perikatan …… 99
Penyingkiran PAS Daripada BN dan Isu Perpecahan Politik Melayu …… 108
Perpecahan Dalam PAS dan Kewujudan BERJASA …… 114
Perpecahan Dalam UMNO dan Penubuhan Semangat 46 …… 118
Pergolakan Dalam UMNO dan Kewujudan KeADILan …… 122
Penutup …… 133

University of Malaya

BAB 3: PERSAINGAN MEMERKASAKAN ISLAM DALAM POLITIK MELAYU

Pengenalan ……. 129
Islam Dalam Perlembagaan UMNO ……. 131
Islam Dalam Perlembagaan PAS …….. 133
Persaingan Dalam Arus Kebangkitan Semula Islam …….. 136
Isu Kafir Mengkafir Dalam Persaingan Politik Melayu …….. 155
Isu Hudud Dalam Persaingan Politik Melayu …….. 167
Isu Negara Islam dan Negara Sekular Dalam Persaingan Politik Melayu … 174
Penutup ……. 187

BAB 4: PERSAINGAN MEREBUT KUASA DALAM POLITIK MELAYU

Pengenalan …….. 189
Pilihan Raya Sebagai Medan Persaingan Merebut Kuasa …….. 191
Persaingan Menguasai Undi Orang Melayu …….. 195
Kelantan Sebagai Medan Perebutan Kuasa UMNO dan PAS …….. 221
Persaingan Merebut Undi Orang Bukan Melayu …….. 240
Penutup …….. 257

BAB 5: PERSAINGAN KEPIMPINAN DALAM POLITIK MELAYU

Pengenalan …….. 259
UMNO dan PAS Dalam Kepimpinan Politik Melayu …….. 260
Persaingan Kepimpinan Dalam Isu Memerkasakan Islam ……. 267
Persaingan Kepimpinan Dalam Menangani Isu Rasuah …….. 282
Persaingan Kepimpinan Dalam Menangani Isu Pendidikan …….. 288
Persaingan Kepimpinan Dalam Menangani Isu Pentadbiran Ekonomi ….. 296
Penutup …….. 305

BAB 6: PERSAINGAN POLITIK MELAYU DAN AGENDA PERPADUAN

Pengenalan …… 307
Polemik Perpecahan Melayu ……... 308
Polemik Perpaduan Melayu …… 314
Perpaduan Melayu Melalui Penubuhan APU ……. 320
Pembubaran Semangat 46 dan Agenda Perpaduan Melayu …….. 324
Krisis Mahathir – Anwar dan Agenda Perpaduan Melayu …….. 327
Agenda Perpaduan Melayu Pasca PRU-12 (2008) ……. 333

University of Malaya

Agenda Perpaduan Melayu Melalui Kerajaan Perpaduan ……. 344
Perpaduan Melayu Melalui Rekonsiliasi Nasional dan Pakatan Nasional …. 350
Penutup …… 353

BAB 7: KESIMPULAN …… 357

RUJUKAN …… 371

LAMPIRAN …….. 398

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Kaedah-Kaedah Pengendalian Konflik	13
2	Agihan Pengundi Mengikut Kaum Bagi Tahun 1955 dan 1959	61
3	Prestasi UMNO Dalam 58 Kerusi Majoriti Melayu yang Besar di Semenanjung Malaysia	214
4	Jumlah Undi Kawasan Parlimen dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-12 (2008) di Kelantan, Kedah, Perak, Selangor dan Terengganu	217
5	Jumlah Undi Kawasan Parlimen dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-12 (2008) di Perak	218
6	Jumlah Undi Kawasan Parlimen dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-12 (2008) di Johor, Pahang dan Negeri Sembilan	218
7	Undi Yang Diperoleh (Peratus) oleh Parti Dalam Pilihan Raya Parlimen di Malaysia	221
8	Kawasan DUN yang Dimenangi BN dengan Majoriti Kecil dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-11 (2004) di Kelantan	238
9	Kawasan DUN yang Dimenangi PAS dengan Majoriti Kecil dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-11 (2004) di Kelantan	238

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

ABIM	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
API	-	Angkatan Pemuda Insaf
APU	-	Angkatan Perpaduan Ummah
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
BA	-	Barisan Alternatif
BATAS	-	Barisan Tani Malaya
BERJASA	-	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
BERSIH	-	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
CCC	-	*Chinese Consultative Council*
DAP	-	*Democratic Action Party*
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DHPP	-	Dewan Himpunan Penyokong PAS
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
EXCO	-	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
FPN	-	Falsafah Pendidikan Nasional
GAPENA	-	Gabungan Penulis Nasional
GMI	-	Gerakan Mansuhkan ISA
HAK	-	Harakah Keadilan Rakyat
HAMIM	-	Parti Hizbul Muslimin Malaysia
HINDRAF	-	*Hindu Rights Action Force*
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JPP	-	Jabatan Pembangunan Persekutuan
IIM	-	Institut Integriti Malaysia
IMP	-	*Independence of Malaya Party*
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISMA	-	Ikatan Muslimin Malaysia
j-QAF	-	Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardu Ain
JIM	-	Jemaah Islah Malaysia

University of Malaya

KAFA	-	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KOMSAS	-	Komponen Sastera
KMM	-	Kesatuan Melayu Muda
KRIS	-	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
LEPIR	-	Lembaga Pendidikan Rakyat
MATA	-	Majlis Tinggi Agama Se-Malaya
MCA	-	*Malaysian Chinese Association*
MIC	-	*Malaysia Indian Congress*
PAS	-	Parti Islam Se-Malaysia
PEKEMBAR	-	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PENA	-	Persatuan Penulis Nasional Malaysia
PEPERMAS	-	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PIBGN	-	Persatuan Ibu Bapa Guru Nasional
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKN	-	Parti KeADILan Nasional
PKR	-	Parti Keadilan Rakyat
PMSJ	-	Pergerakan Melayu Semenanjung Johor
PN	-	Parti Negara
PPP	-	*People Progressive Party*
PPSMI	-	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PR	-	Pakatan Rakyat
PRK	-	Pilihan Raya Kecil
PSRM	-	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PRU	-	Pilihan Raya Umum
NASMA	-	*Nasionalist Party of Malaysia*
NGO	-	*Non Governmental Organization*
RIDA	-	*Rural Industrial Development Authority*
SAR	-	Sekolah Agama Rakyat

University of Malaya

SPRM	-	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SRJK(C)	-	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)
UMO	-	*United Malays Organisation*
UMNO	-	*United Malays National Organisation*
YIK	-	Yayasan Islam Kelantan

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

1	Soalan Temubual	398

University of Malaya

BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan

Pertimbangan ideologi dan kaum merupakan antara faktor yang mempengaruhi penubuhan parti politik di negara ini. Kedua-dua pertimbangan tersebut saling berkait rapat dalam mencirikan suasana politik Malaysia. Aspek perkauman dikaitkan dengan penubuhan parti politik yang berasaskan kaum dan memperjuangkan kepentingan kaum tertentu. Hakikat yang terus ketara juga bagi mencirikan politik di negara ini ialah perbezaan ideologi yang dimanifestasikan melalui wadah kepartian.

Sehingga kini, politik Melayu masih menjadi 'sendi' dan 'tiang seri' kepada politik negara. Kedudukannya menjadi lebih signifikan dengan penglibatan langsung orang Melayu dalam menentukan kuasa pemerintahan melalui politik kepartian. Konsep politik kepartian bermula dengan penubuhan parti politik seperti *United Malays National Organisation* (UMNO) yang pada awal penubuhannya disifatkan sebagai parti ulung orang Melayu. UMNO sebagai sebuah parti yang ditubuhkan bagi menyelamatkan dan mempertahankan orang Melayu, tidak dapat mengelak daripada menghadapi krisis dalaman yang berkaitan dengan pendekatan dan strategi perjuanganya.

Krisis dalaman yang berlaku dalam UMNO membuka ruang kepada wujudnya puak tertentu sehingga terbentuknya beberapa parti politik yang lain. Hal yang demikian ini berlaku setelah pemimpin parti tidak berpuashati dan bertindak keluar atau dipecat daripada UMNO bersama-sama dengan penyokongnya lalu menubuhkan parti baru. Parti Negara,

University of Malaya

Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) merupakan antara parti yang muncul daripada 'tulang rusuk' UMNO.

Meskipun wujud beberapa parti selain UMNO dan PAS untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan Islam di negara ini, tetapi kewujudannya tidak kekal lama seperti yang dialami oleh Parti Negara, Semangat 46, Parti Hizbul Muslim Malaysia (HAMIM) dan Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA). UMNO dan PAS dilihat lebih mendominasi perkembangan politik Melayu di negara ini dengan sejarah persaingan yang panjang iaitu, bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi dan masih kekal hingga kini. Justeru itu, mengkaji sejarah kewujudan serta perjuangan parti politik Melayu khususnya UMNO dan PAS adalah penting bagi memahami sejauh manakah relevannya parti tersebut dalam persada politik negara?

Sejak penubuhannya, perjuangan UMNO lebih berpaksikan simbol Melayu, manakala PAS pula menekankan simbol Islam. Walau bagaimanapun, kedua-dua parti ini bersaing untuk memperlihatkan imej Melayu dan Islam sebagai simbol kekuatan parti dalam usaha untuk menjadi 'juara' bagi membela nasib dan kepentingan orang Melayu dan Islam. UMNO sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan Islam di negara ini, perlu bersaing terutamanya dengan PAS yang turut menjadikan orang Melayu sebagai golongan sasaran untuk meraih sokongan.

Persaingan parti politik Melayu khususnya UMNO dengan PAS dalam kancah politik negara amat signifikan dengan persaingan kedua-dua parti tersebut untuk

University of Malaya

memenangi hati rakyat sentiasa sengit. Selain daripada setiap kali berdepan dalam pilihan raya umum, 'suhu' persaingan menjadi semakin meningkat setelah UMNO menghadapi krisis dalaman sepertimana yang berlaku pada tahun 1987 dan 1998. Krisis dalaman UMNO yang berlaku pada akhir 1987 melahirkan Semangat 46 manakala krisis dalaman UMNO yang berlaku pada penghujung 1998 menyebabkan wujudnya PKR. Tambahan pula, parti tersebut mengadakan kerjasama dengan PAS sekaligus memberikan saingan sengit kepada UMNO untuk menguasai sokongan orang Melayu.

Bermula tahun 1951, PAS muncul sebagai sebuah parti politik yang menjadi saingan kepada UMNO hingga kini. Persaingan untuk mencari pengaruh dan kuasa daripada rakyat yang melibatkan kedua-dua parti politik Melayu iaitu UMNO dengan PAS bukanlah fenomena baru. Keadaan ini memandangkan, persaingan kedua-dua parti tersebut telah melangkaui satu tempoh panjang (sejak penubuhan PAS pada tahun 1951) sehingga sarat dengan pelbagai isu dan impak yang menjurus kepada perpecahan. Setelah berlakunya perpecahan, wujudlah gesaan ke arah perpaduan. Dalam hal ini, persoalan mengenai perpecahan dan perpaduan yang wujud akibat persaingan politik merupakan suatu senario yang bersifat subjektif dan sering menimbulkan polemik.

Konsep Persaingan Politik

Soal kuasa, kedudukan, pengaruh dan pengiktirafan merupakan pencapaian yang diharapkan daripada persaingan politik. Setiap individu atau kumpulan yang terlibat dalam kancah politik sentiasa memasang cita-cita untuk berkuasa dan menjadi pemimpin. Memandangkan kedudukan dan kuasa tidak datang secara mudah, pihak yang terlibat

University of Malaya

perlulah bersaing untuk mendapatkan kuasa dan seterusnya mempunyai pengaruh. Dalam politik yang berlandaskan demokrasi, persaingan untuk mendapatkan kuasa tidak hanya terhad dalam pilihan raya, tetapi sentiasa berterusan.

Penggunaaan perkataan atau istilah 'persaingan' dalam kajian ini adalah lebih bertepatan memandangkan perkataan tersebut menampakkan fenomena yang membawa unsur konstruktif dan destruktif, berbanding perkataan lain seperti pertentangan, percanggahan, pergaduhan, pertikaian, perbalahan dan perselisihan serta konflik yang lebih bersifat destruktif. Hal yang demikian ini bermakna, kesan daripada persaingan yang melibatkan parti politik boleh memberi sumbangan yang bermakna kepada rakyat dan perkara yang sebaliknya boleh berlaku. Semuanya bergantung kepada individu yang terlibat untuk mencorakkannya.

Tidak dapat dinafikan, perbincangan tentang senario politik yang melibatkan parti politik Melayu memperlihatkan parti politik tersebut sentiasa bersaing untuk mencapai kuasa, mengekalkan kuasa, meningkatkan sokongan politik dalam kalangan rakyat atau mencapai matlamat parti masing-masing. Namun begitu, perkara sebaliknya telah berlaku sehingga seringkali dibayangi oleh unsur yang 'tidak sihat' seperti pertentangan, percanggahan, pergaduhan, pertikaian, perbalahan dan perselisihan sehingga menimbulkan konflik. Pendek kata, persaingan diberi gambaran sebagai fenomena yang bersifat negatif sehingga membawa keburukan berbanding kebaikan. Keadaan ini sama sekali berbeza dengan persaingan yang diharapkan ialah persaingan yang membawa unsur konstruktif (membina dan berfaedah) berbanding unsur destruktif (membinasakan).

University of Malaya

Persaingan Politik dari Perspektif Teori dan Praktis

Perspektif teori merupakan instrumen penting yang boleh dijadikan panduan bagi memahami fenomena politik yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, walaupun terdapat banyak teori, tetapi tidak semua teori tersebut boleh disesuaikan dengan iklim politik di Malaysia terutamanya bagi mengupas pendekatan persaingan dalam menilai perkembangan politik Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dengan PAS. Perbincangan mengenai persaingan politik Melayu boleh dianalisis melalui perspektif 'Teori Konflik'.

Konflik secara umumnya memberi gambaran atau menjelaskan akan kewujudan keadaan yang saling bertentangan antara dua atau lebih pihak yang melibatkan tindakan seperti percanggahan, ketidaksetujuan, pertikaian, perselisihan, pergeseran dan pertentangan yang akhirnya akan mencorakkan konflik dalam kalangan mereka sama ada dalam bentuk kumpulan, organisasi atau perseorangan. Justeru itu, konflik yang wujud sama ada dirancang atau secara kebetulan (semulajadi) dalam kehidupan manusia dapat dilihat sebagai satu interaksi yang lahir dalam keadaan yang tidak baik, penuh emosi dan tindakan penentangan dan berkesudahan dengan kekacauan, perselisihan faham, pergaduhan dan pertengkaran. Berdasarkan gambaran awal yang diberikan tentang konflik, dapat menjelaskan tentang keadaan yang tidak baik (negatif), memusnahkan dan merugikan pihak-pihak yang berkonflik.[1]

[1] Lihat Malike Brahim. *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 2011, hlm. 7-8.

University of Malaya

Pendekatan konflik penting bagi melihat perlakuan ahli politik dan parti politik dalam menegakkan kuasa. Teori ini mengandaikan bahawa, konflik merupakan fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam mana-mana kumpulan yang melibatkan persaingan antara satu sama lain. Manusia merupakan ciri utama yang menuju ke arah pertikaian yang disebabkan oleh tiga faktor emosi semulajadi manusia iaitu persaingan, ketakutan dan kemuliaan. Ironinya, politik melibatkan persaingan. Persaingan politik pula boleh menyebabkan berlakunya konflik.[2] Manakala, konflik pula boleh diatasi melalui persaingan (pilihan raya).[3]

Dalam politik, persaingan yang berlaku terarah kepada usaha untuk merebut kuasa. Dalam usaha untuk merebut kuasa, berlakulah perebutan antara dua atau lebih pihak yang terlibat, sama ada melibatkan pemimpin atau parti politik. Sekiranya melibatkan pemimpin, persaingan yang berlaku adalah melibatkan persaingan kepimpinan dalam parti (pemilihan jawatan dalam parti) ataupun dengan pemimpin parti lain. Manakala, jika melibatkan parti politik, persaingan yang wujud adalah melibatkan persaingan antara parti (pilihan raya). Persaingan tidak hanya berlaku sewaktu pilihan raya, tetapi sentiasa berterusan dengan adanya penyertaan secara aktif parti pembangkang dengan mengemukakan pelbagai bantahan dan kritikan kepada kerajaan.[4]

Persaingan dalam parti melibatkan soal pemilihan jawatan seperti penentuan jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Majlis Tertinggi, Ketua Bahagian dan Cawangan. Manakala, persaingan antara parti politik lebih kepada pertandingan semasa pilihan raya sama ada peringkat Parlimen atau DUN. Dalam pilihan raya, persaingan lebih

[2] Ibid., hlm. 201.
[3] Ibid., hlm. 25 dan 48.
[4] Ibid., hlm. 48.

University of Malaya

terarah kepada perseteruan antara parti pemerintah dengan parti pembangkang. Pilihan raya merupakan penyelesaian kepada konflik yang berlaku. Pihak yang berkonflik sedia untuk bertanding dalam menentukan pihak mana yang lebih berpengaruh dan mendapat kuasa. Oleh yang demikian, pihak yang kalah perlu menerima kenyataan bahawa pesaing mereka telah memenangi pilihan raya tersebut secara sah mengikut undang-undang.[5]

Persaingan antara parti politik dan kepimpinan parti dalam mencapai matlamat politik seperti kedudukan, kuasa, pengaruh dan pengiktirafan merupakan titik tolak kepada berlakunya konflik.[6] Hal yang demikian ini bermakna, persaingan menjadi punca kepada kewujudan konflik. Di Malaysia, perkembangan politik tidak dapat lari daripada persoalan konflik. Malah, politik yang berkonflik boleh menjadi tarikan dan perhatian dalam masyarakat. Berdasarkan kepada situasi tersebut, bolehlah disifatkan 'politik sebagai konflik'.[7]

Persaingan politik Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dengan PAS ada kalanya telah mencapai tahap berkonflik. Fenomena ini dapat digunapakai sebagaimana konflik yang berlaku antara kerajaan persekutuan dan Kerajaan Kelantan. Pada tahun 1974, semasa Kelantan berada di bawah pemerintahan PAS, berlaku konflik seperti pemilihan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar yang dikatakan tidak menguntungkan perjuangan PAS. Muhammad Nasir merupakan pemimpin PAS tetapi dilihat lebih mesra UMNO dan

[5] Ibid., hlm. 184.
[6] Ibid., hlm. xi.
[7] Ibid., hlm. 5.

University of Malaya

BN sehingga menimbulkan konflik antara UMNO dan PAS dan berakhir dengan penyingkiran PAS daripada BN (1977).[8]

Konflik juga berlaku termasuk di peringkat dalaman parti politik itu sendiri seperti konflik yang berlaku dalam UMNO akibat pemilihan jawatan dalam parti tahun 1987 yang akhirnya membawa kepada pengharaman parti tersebut pada tahun 1988. Akhirnya, terbentuklah parti baru iaitu Semangat 46. Selain itu, konflik kepimpinan yang melibatkan Mahathir dan Anwar pada tahun 1998 (dikaitkan juga dengan salah laku moral Anwar) membawa kepada penubuhan Parti Keadilan Rakyat (peringkat awalnya dikenali sebagai KeADILan atau Parti Keadilan Nasional).[9]

Konflik dalam PAS juga pernah berlaku yang berpunca daripada krisis yang melibatkan pemimpin PAS di peringkat nasional dengan pemimpin PAS di peringkat negeri. Contohnya, krisis yang berlaku di Terengganu pada tahun 1959. Pemimpin PAS Terengganu iaitu Ahmad Azam Napiah telah bertindak meletak jawatan setelah pemimpin PAS kebangsaan enggan menyerahkan kuasa parti di peringkat negeri kepadanya. Perletakan jawatan ini turut diikuti dengan tindakan penyokong Ahmad Azam Napiah

[8] Ketegangan akibat demontrasi yang tercetus di Kelantan telah menyebabkan kerajaan Pusat mengisytiharkan darurat. Tindakan Kerajaan Persekutuan itu telah menyebabkan PAS sebagai rakan kongsi UMNO dalam BN tidak berpuas hati sehingga menyebabkan beberapa pemimpin PAS dalam Kerajaan Persekutuan meletak jawatan masing-masing kecuali Hassan Adli. Pada Disember 1977, PAS disingkirkan daripada BN kerana enggan mematuhi whip BN tentang Rang Undang-Undang Darurat. Lihat Russli Bin Kamarudin. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (Peny.) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955 -1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995, hlm. 140.

[9] UMNO sebagai parti politik orang Melayu di negara ini sentiasa berdepan dengan konflik dalaman terutamanya ketika wujudnya pertandingan merebut jawatan penting dalam parti atau dipecat daripada parti. Sungguhpun konflik tersebut dapat memberi kematangan kepada parti, tetapi setiap kali berlakunya konflik, UMNO terpaksa 'membayar' dengan harga yang tinggi setelah individu yang tewas dalam persaingan jawatan atau dipecat sebagai ahli parti bertindak menubuhkan parti baharu yang akhirnya menjadi pesaing kepada UMNO.

University of Malaya

keluar daripada PAS secara beramai-ramai. Akibatnya, pada tahun 1961, negeri Terengganu telah dikuasai oleh UMNO.[10]

Tindakan Asri menyingkirkan Abu Bakar Hamzah, Amaludin Darus dan Fakhruddin Abdullah juga menyebabkan berlakunya konflik dalam PAS. Perasaan tidak puas hati dalam kalangan ahli-ahli PAS terhadap Asri bukan sahaja terjadi di Kelantan, tetapi juga di Terengganu, Kedah, Perlis dan Perak. Di Perak misalnya, individu yang menentang kepimpinan Asri terdiri daripada Sukarnain Haji Ahmad (Timbalan Pesuruhjaya PAS Negeri), Haji Abdul Kadir Haji Idris (Bendahari PAS Negeri) dan Muhamad Zainal Abidin (Bekas ADUN). Seramai 15 orang ahli PAS di Perlis, Kelantan dan Johor dipecat pada tahun 1974 kerana didapati mengkritik parti itu dan bertanding menentang calon PAS.[11]

Persaingan bagi memperoleh sokongan politik dan mengekalkan kuasa dalam konteks demokrasi menyumbang kepada pembentukan konflik. Konflik ini wujud disebabkan usaha pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan kuasa dan pengaruh. Usaha untuk memisahkan konflik politik dengan kuasa dan kepimpinan merupakan tindakan yang sukar. Masing-masing cuba membuktikan kepimpinan mereka adalah yang terbaik, efektif dan diterima rakyat. Bersandarkan kepada alasan tersebut, mereka terus berjuang sama ada mempertahankan kedudukan yang sedia ada atau berusaha merampas kuasa di tangan pihak yang sedang memerintah. Disebabkan oleh cita-cita untuk berkuasa dan menjadi pemimpin, akan berlaku persaingan untuk mendapatkan kuasa. Setelah adanya kuasa, dapat menunjukkan seseorang itu mempunyai pengaruh. Hal yang demikian ini

[10] Lihat Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim. *Politik Melayu dan Demokrasi*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen. 1996, hlm. 49.
[11] Ibid., hlm. 50.

University of Malaya

dapat dikaitkan bahawa, cara semulajadi untuk memperoleh pengaruh adalah dengan menjadi seorang pemegang kuasa.[12] Dalam politik Melayu, konflik terjadi adalah disebabkan soal kuasa.[13]

Hakikatnya, kuasa boleh membawa orang Melayu ke kancah polemik persengketaan. Konflik dan pertikaian yang berlaku pada masa kini menjadi semakin tegang. Lantaran itulah, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa senario politik di Malaysia lebih bersifat menyerang seseorang dan menjatuhkan orang tertentu bagi memastikan kedudukan peribadi terus terpelihara sehingga sanggup membelakangkan tuntutan agama. Malah, ada yang sanggup menuduh seseorang itu murtad, kafir dan fasik tanpa melihat akibat dan kesan daripada pertuduhan yang dilemparkan.[14]

Konflik juga menjadi punca berlakunya ketegangan dalam masyarakat. Bagi membincangkan mengenai konflik, faktor yang boleh mencetuskan konflik ialah pemikiran, ketokohan, kumpulan dan kejahilan. Faktor pemikiran menyebabkan wujudnya pandangan dan pendapat yang berbeza-beza. Perbezaan pandangan yang disebabkan cara seseorang itu berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah menjadi punca berlakunya konflik. Faktor ketokohan pula dilihat dari sudut peribadi mereka yang bertentangan pendapat antara satu sama lain memberi kesan kepada pengaruh untuk mengumpulkan kekuatan dari segi

[12] Lihat Robbins, S. P. *Gelagat Organisasi* (Edisi Ke-8). Terjemahan Abdul Razak Ibrahim dan Ainin Sulaiman. Petaling Jaya: Prentice Hall. 2000, hlm. 296.
[13] Lihat Malike Brahim. *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*, hlm. 44.
[14] Isu kafir-mengkafir merupakan antara isu besar yang wujud dalam persaingan politik Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dan PAS. Analisis tentang isu ini dimuatkan dalam bab tiga.

University of Malaya

penyokong yang bersamanya. Dalam isu konflik, pasti akan ada tokoh yang mewakili pendangan yang berbeza ini dan mereka mempunyai pengikut masing-masing.[15]

Faktor kumpulan pula memperlihatkan kekuatan yang terkumpul dari kumpulan yang bersaing mengukuhkan lagi konflik yang berlaku. Individu dalam kumpulan yang berbeza-beza berjuang untuk memenangkan kumpulannya sehingga akan lahir kumpulan yang melihat masalah ini secara personal. Lantaran itu, lahirlah pemikiran tertentu dalam kumpulan ini yang kemudian berkembang menjadi satu perjuangan dalam parti. Faktor terakhir ialah kejahilan. Kejahilan dalam konteks konflik menggambarkan kekeliruan dan ketidakpastian faktor yang menyebabkan seseorang turut serta dalam kancah konflik. Faktor ini memudahkan berlakunya konflik kerana golongan ini berpotensi menjadi mangsa kumpulan yang berkonflik. Keempat-empat faktor ini membentuk proses konflik yang berlaku dengan kemuncaknya ialah satu pertembungan yang tidak dapat dielakkan dan selalunya dilatari dengan tuduh-menuduh, dedah mendedah kelemahan masing-masing yang bermatlamat menjatuhkan pihak lawan.[16]

Perbezaan latar belakang, taraf pendidikan, kaum, kepercayaan, bahasa dan nilai merupakan faktor yang menyumbang kepada berlakunya konflik. Justeru itu, konflik dalam sesebuah organisasi atau pertubuhan sukar dielakkan kerana dianggotai oleh individu yang mempunyai pelbagai tanggungjawab, kepentingan, kehendak, kecenderungan dan persepsi sehingga mencetuskan konflik dalam organisasi. Disebabkan oleh kepelbagaian dan perbezaan yang wujud dalam organisasi, konflik itu sendiri sebagai sebahagian daripada elemen yang mencorakkan perkembangan dalam oraginisasi dan pertubuhan. Justeru itu,

[15] Lihat Mujahid Yusuf Rawa. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme*. Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011, hlm. 23-24.
[16] Ibid., hlm. 24-25.

University of Malaya

tidak hairanlah jika ada dalam kalangan sarjana menyifatkan konflik adalah diperlukan dalam organisasi untuk meningkatkan persaingan, pencapaian dan motivasi (konflik konstruktif).[17]

Dalam persaingan, pihak yang terlibat akan berusaha untuk mencapai kemenangan dan menewaskan pihak lawan. Faktor inilah menjadi keutamaan dan hasil daripada persaingan yang wujud akan terbentuklah keputusan menang-kalah. Situasi 'menang-kalah' yang terhasil membuktikan bahawa akan wujud satu pihak yang memperoleh kemenangan dan satu pihak lagi mengalami kekalahan. Bagi pihak yang mengalami kekalahan, kekecewaan akan dialami dan pastinya tidak berpuas hati. Justeru itu, akan menyimpan perasaan dendam dengan terus memberikan saingan pada masa akan datang. Dalam persaingan, matlamat utama adalah mencapai kemenangan walaupun terpaksa mengorbankan perhubungan kerana pada tahap ini, soal kerjasama tidak diberikan keutamaan.[18]

Dalam hal yang demikian ini, pihak yang berkonflik lebih mengutamakan kepentingan diri dan tahap penegasan adalah tinggi dengan tahap kerjasama yang rendah (Jadual 1). Melalui persaingan, usaha untuk mencapai matlamat peribadi mahupun parti yang diwakilinya adalah tinggi tanpa menghiraukan pihak atau parti lain. Pemimpin dan parti politik yang mengambil pendekatan persaingan berusaha untuk menghapuskan kekuatan pesaing sehingga sanggup untuk menanggung risiko. Justeru itu, konsep

[17] Lihat Malike Brahim. *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*, hlm. 8.
[18] Ibid., hlm. 184.

University of Malaya

kerjasama diketepikan dan bermatlamat untuk mengatasi dan menumbangkan pesaing-pesaingnya.[19]

Jadual 1: Kaedah-Kaedah Pengendalian Konflik

Pendekatan	Tahap Penegasan	Tahap Kerjasama
Persaingan	Tinggi	Rendah
Berkompromi	Sederhana	Sederhana
Bekerjasama	Tinggi	Tinggi
Pengelakkan	Rendah	Rendah
Penyesuaian Diri	Rendah	Tinggi

Sumber: Dipetik dari Malike Brahim. *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*. 2011, hlm. 180 dan Borisoff, D. & Victor. D. A. *Conflict Management: A Communication Skill Approach* (2nd ed.) 1998, hlm. 9.

Kecenderungan persaingan dalam politik antara sesuatu kumpulan atau kelompok manusia disebabkan oleh ideologi (fahaman) berkaitan dengan idea atau fikiran. Dalam masyarakat, wujud perbezaan, kepelbagaian dan kelainan ideologi ada kalanya disebabkan oleh perbezaan pendidikan dan pelajaran yang diterima oleh masyarakat. Perbezaan ideologi telah menyumbang kepada persaingan antara individu atau kumpulan tertentu yang lazimnya mempunyai hubungan yang rapat dengan agama atau kepercayaan.[20]

Berlakunya Isu kafir mengkafir yang melibatkan UMNO dengan PAS adalah disebabkan oleh pemahaman yang berbeza dalam mentafsir maksud ayat al-Quran iaitu; *"Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir".*[21] Penyokong UMNO menyatakan ayat tersebut hanya dituju kepada orang Yahudi dan tidak ada kaitan dengan orang Islam. Manakala, penyokong PAS menyatakan ayat tersebut ditujukan kepada semua manusia termasuklah

[19] Ibid., hlm. 184-185.
[20] Ibid., hlm. 61.
[21] Rujuk al-Quran, ayat 44, Surah Al-Maidah.

University of Malaya

orang Islam di Malaysia. Pemahaman dan pentafsiran yang berbeza ini telah meletakkan dua kumpulan orang Melayu dalam konflik yang berpanjangan.[22]

Penyataan tersebut ada kebenarannya jika dikaji dari sudut perbezaan ideologi politik yang melibatkan orang Melayu di negara ini. Tujuan utama penubuhan UMNO adalah berkaitan dengan menjaga serta mengekalkan maruah dan martabat orang Melayu, agama Islam dan tanah air. Keadaan ini berbeza dengan penubuhan PAS yang bertujuan membentuk sebuah negara Islam dari segi nilai dan hukum-hukumnya. Namun begitu, PAS adakalanya berdepan dengan kesukaran untuk merealisasikan misi tersebut. Keadaan masyarakat Malaysia yang juga terdiri daripada masyarakat bukan Islam ada kalanya agak sukar untuk menerima pendekatan politik PAS.[23]

Pendekatan yang digunakan oleh UMNO dan PAS berkaitan isu agama, iaitu isu Islam dalam usaha kedua-dua parti untuk mencari pengaruh adalah berbeza. UMNO pada peringkat awal perkembangannya, melihat Islam dan politik sebagai dua elemen yang terpisah. Impak daripada kebangkitan semula Islam, UMNO juga terpaksa menerima pengaruh ideologi Islam sehingga memperkenalkan beberapa gerakan Islam dalaman yang akhirnya mempengaruhi dasar negara. Pandangan politik UMNO yang memisahkan elemen agama daripada politik menyebabkan PAS melabelkan UMNO sebagai sebuah parti yang

---

[22] UMNO menyifatkan PAS telah menyalahtafsirkan ayat tersebut sehingga menuduh UMNO sebagai kafir dan *taghut* kerana tidak melaksanakan Undang-Undang Islam. Tindakan itu bermula sejak kempen Pilihan Raya Umum 1969 dan diperhebatkan lagi pada pilihan raya tahun 1978. Lihat Sheikh Abu Muhammad Iqamuddin. *Menjawab Tuduhan Liar Terhadap UMNO dan Barisan Nasional*. Selangor: RZ Emas Sri Selasih Sdn. Bhd. 2004, hlm. 25-26.

[23] Hubungan antara Islam dan nasionalisme yang dikaitkan dengan asas perjuangan parti PAS dan UMNO, menjadi isu yang sering diperdebatkan sebagai isu politik. Isu ini telah lama timbul dan tidak terdapat satu penyelesaian yang jelas mengenainya. Hal yang demikian ini memandangkan, perbincangan itu dilakukan dalam lingkungan persengketaan dan permusuhan politik. Lihat Mohd Nakhaie Ahmad. *Ke Arah Politik Bermaruah*. Damansara: Rangkaian Analisis dan Penyelidikan Islam. 1990, hlm. 67.

University of Malaya

memperjuangkan ideologi sekular dan oleh itu, perjuangan UMNO adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Pegangan PAS terhadap doktrin 'agama dan politik tidak boleh dipisahkan", mempengaruhi dan meresap ke dalam pemikiran parti Islam itu untuk memperjuangkan aspirasi Islam melalui wadah politik. PAS yakin dan percaya bahawa, perjuangan untuk menegakkan agama sukar direalisasikan tanpa pendekatan politik. Sejak mencapai kemerdekaan sehingga kini, faktor agama Islam telah memainkan peranan penting dalam perkembangan politik Melayu di Malaysia. Bagi orang Melayu, perkara yang berkaitan dengan agama tidak boleh dipandang ringan dan masih sensitif kepada mereka. Oleh itu, dalam konteks politik, agama adalah salah satu faktor yang menjadi asas sokongan dan modal politik bagi UMNO dan PAS.[24]

Dijelaskan bahawa persaingan yang berlaku terutamanya UMNO dengan PAS menjadi punca kepada berlakunya konflik. Namun begitu, persaingan juga merupakan satu kaedah dalam penyelesaian konflik. Penyelesaian konflik melalui kaedah ini lebih berupa kepada strategi "menang-kalah" iaitu, sebagai satu cara membenarkan satu pihak untuk memenangi konflik yang berlaku di atas kegagalan pihak lain. Pendekatan ini dipilih setelah pendekatan "menang-menang" tidak berjaya digunakan. Justeru itu, dalam konteks

[24] Menguruskan soal Islam merupakan satu perkara yang paling menentukan dan sensitif dalam politik Malaysia. PAS merupakan satu-satunya parti politik di negara ini yang menggunakan 'Islam' sebagai nama parti sehingga menyebabkan UMNO seringkali menyifatkan tindakan PAS sebagai menggunakan Islam untuk kepentingan politik. Huraian lanjut tentang elemen Islam dalam persaingan politik Melayu dibincangkan dalam bab 3.

University of Malaya

demokrasi di negara ini, penentuan pemenang dibuat berdasarkan pengundian pilihan raya iaitu suara majoriti melalui proses yang bersifat demokratik.[25]

Penyelesaian konflik juga boleh dilakukan melalui pendekatan kompromi yang biasanya digunakan dalam menyelesaikan sesuatu konflik yang timbul terutamanya melibatkan gabungan parti politik. Misalnya, dalam menyelesaikan isu pembahagian kerusi untuk pilihan raya yang melibatkan Angkatan Perpaduan Ummah, Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat. Pendekatan kerjasama juga digunapakai bagi mengatasi konflik terutamanya dalam isu tertentu bagi membentuk pakatan dan perkongsian kuasa di sesebuah negeri seperti, penubuhan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan (1973-1977) dan cadangan penubuhan kerajaan perpaduan yang melibatkan UMNO dengan PAS di Selangor dan Perak selepas PRU-12 (2008).[26]

Permasalahan Kajian

Kebangkitan orang Melayu menentang *Malayan Union* pada tahun 1946 membawa kepada penubuhan UMNO. Kewujudan UMNO sebagai sebuah parti politik yang 'bersemangat' Melayu menyebabkan ada dalam kalangan ahli agama dan ulama dalam UMNO tidak berpuas hati, kemudiannya bertindak keluar UMNO dan menubuhkan PAS. Golongan agama melihat perjuangan mereka di dalam UMNO semakin kabur kerana tidak ada tanda-tanda parti itu akan menegakkan negara Islam sekiranya mencapai kemerdekaan.

[25] Lihat Glassman, E. 1991. *Selling Your Ideas To Management*. Supervisory Management. Vol. 36 (October), hlm. 9.

[26] Prestasi UMNO dan BN yang lemah pada PRU-12 (2008) sehingga menyebabkan parti itu kehilangan beberapa buah negeri menyebabkan UMNO bertindak mengajak PAS supaya meninggalkan kerjasama parti tersebut dalam Pakatan Rakyat (PR) untuk bersama UMNO bagi membentuk kerajaan perpaduan terutamanya di Selangor dan Perak dengan kerusi Menteri Besar akan diserahkan kepada PAS.

University of Malaya

Tambahan pula, ruang untuk menegakkan Islam di dalam UMNO semakin sempit dan terbatas. Menjelang tahun 1955, PAS membuat keputusan untuk bergerak sebagai sebuah parti politik dan menyertai politik arus perdana sebagai wadah menegakkan Islam di negara ini.

PAS didapati berjaya menarik sokongan bukan sahaja golongan alim ulama tetapi orang Melayu lain yang sebelumnya mendukung perjuangan UMNO. Asas kelahiran PAS yang menjadi pesaing kepada UMNO adalah bertunjangkan kesedaran perlunya penerusan Islam bagi menjadi platform kepada golongan yang mahukan Islam. Setelah PAS menjadi parti politik yang terpisah daripada UMNO, persaingan untuk memperkasa agenda Islam di negara ini dilihat semakin sengit sehingga berlakunya tuduh menuduh, kata-mengata, kutuk mengutuk dan fitnah memfitnah antara kedua-dua parti.

Ketika pelbagai isu mewarnai hubungan UMNO dengan PAS sehingga melebarkan jurang hubungan dan seolah-olah mustahil untuk disatukan, tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969 telah membuka dimensi baru kepada hubungan antara UMNO dan PAS. Tun Razak (Presiden UMNO) dan Asri Muda (Presiden PAS) berjaya mewujudkan kerjasama politik melalui pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan. Kerjasama politik yang terjalin sejak 1973 akhirnya terhenti pada tahun 1977 setelah beberapa isu yang wujud terutamanya mengenai krisis politik di Kelantan yang gagal diselesaikan secara bersama.

Bermula tahun 1978, UMNO dengan PAS kembali bersaing. Ternyata, persaingan pada ‘gelombang’ kali ini semakin mencabar. Implikasi kebangkitan semula Islam telah meningkatkan lagi persaingan antara UMNO dan PAS terhadap Islam. Kedua-dua parti ini

University of Malaya

tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa melakukan perubahan bagi menyesuaikan parti kepada pengaruh kebangkitan semula Islam. Perubahan kepimpinan UMNO dan PAS pada awal 1980-an telah menyebabkan kedua-dua parti berusaha menonjolkan imej parti sebagai 'juara' dalam memartabatkan Islam.

UMNO dan PAS melihat agama Islam dari sudut yang berbeza sehingga mencetuskan pelbagai isu seperti isu kafir mengkafir, hudud dan negara Islam. Isu kafir mengkafir merupakan isu besar yang mewarnai persaingan politik. Isu ini telah dikaitkan dengan perpecahan masyarakat Melayu dan perpecahan itu dihubungkan dengan tindakan parti PAS walaupun PAS menafikannya. Isu-isu yang timbul telah menjadi bahan kempen semasa pilihan raya sehingga menyebabkan wujudnya perasaan dendam dan permusuhan yang berterusan dan akhirnya berlakulah keretakan dan perpecahan dalam masyarakat.

Setelah Mahathir menjadi Perdana Menteri, persaingan UMNO dengan PAS menjadi semakin sengit terutamanya setelah berlaku kebangkitan semula Islam. Sejak itu, isu Islam semakin mendapat tempat dalam masyarakat. UMNO di bawah pimpinan Mahathir berusaha memperlihatkan parti tersebut lebih Islam berbanding PAS bertindak memperkenalkan 'Dasar Islamisasi' melalui pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran dan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, sistem perbankan Islam dan pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Tindakan tersebut sedikit sebanyak menggugat kewibawaan PAS sebagai parti politik Islam sehingga PAS memandang sinis agenda Islamisasi UMNO. Kedua-dua parti 'berlumba' untuk menjadikan 'parti mana lebih Islam'.

University of Malaya

UMNO dan PAS telah menjadikan orang Melayu sebagai sasaran untuk mendapatkan kuasa melalui sokongan dan undi, terutamanya dalam pilihan raya. Bersandarkan kepada semangat perjuangan parti yang membela kepentingan orang Melayu dan Islam di negara ini, sokongan orang Melayu dianggap penting kepada survival kedua-dua parti ini. Keputusan PRU-10 (1999) misalnya menunjukkan bahawa, pengaruh PAS semakin berkembang dan tidak hanya terbatas di kawasan luar bandar. PAS berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan di kawasan bandar, termasuk di Lembah Klang. Sebaliknya, sokongan kepada UMNO pada pilihan raya tersebut berkurangan terutamanya daripada orang Melayu. Keputusan PRU-12 (2008) menyaksikan BN menguasai 52.9 peratus sokongan. PRU-13 (2013) juga memperlihatkan kekuatan UMNO dan BN tergugat.

Kini, kegagalan orang Melayu dari UMNO dan PAS untuk menoktahkan titik perpecahan dan membuka lembaran perpaduan menjadi satu cabaran besar yang perlu dihadapi oleh orang Melayu lebih-lebih lagi kuasa politik Melayu dilihat semakin pudar. Keadaan ini berdasarkan kepada impak PRU-12 (2008) terhadap landskap politik Malaysia iaitu kuasa politik bukan Melayu menjadi semakin dominan sehingga wujud kebimbangan dalam kalangan pemimpin Melayu terhadap kemungkinan kuasa politik nasional terlepas kepada bukan Melayu yang boleh menghakis hak dan survival politik Melayu sekiranya PR menguasai pemerintahan negara.[27]

[27] Berdasarkan prestasi UMNO dalam PRU-12 (2008) yang merosot dan bilangan kerusi yang dimenangi oleh PAS paling sedikit (walaupun berlaku peningkatan sokongan kepada PAS) berbanding dengan kerusi yang dimenangi oleh DAP dan PKR dalam Pakatan Rakyat, menyebabkan timbulnya kerisauan terhadap kedudukan Melayu dan Islam di negara ini. Misalnya, selepas pilihan raya tersebut, DAP menjadi parti yang dominan di dua negeri yang mempunyai majoriti Melayu iaitu di Perak dan Selangor. Di dalam gabungan BN pula, pelbagai tuntutan telah dibuat oleh beberapa parti komponen bukan Melayu bagi mengimbangi hegemoni UMNO ke atas gabungan itu. Ini termasuklah tuntutan pemimpin MCA agar satu jawatan Timbalan Perdana Menteri diberikan kepada parti itu. Lihat Mohamad Nazri Mohamed Noor. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari.* Petaling Jaya: Strategik Information and Research Development Centre. 2009, hlm. 123-124.

University of Malaya

Selain isu kafir mengkafir yang menggugat perpaduan orang Melayu, terdapat juga pandangan bahawa orang Melayu sekarang ini telah berpecah disebabkan oleh politik. Perpecahan benar-benar berlaku dalam kalangan orang Melayu akibat persaingan untuk berkuasa setelah dikaitkan dengan perpecahan undi Melayu dalam pilihan raya. Dalam kalangan kepimpinan politik UMNO, keputusan PRU-12 (2008) merupakan manifestasi kepada perpecahan politik Melayu.

Perpaduan orang Melayu terutamanya melalui kerjasama politik antara UMNO dan PAS sememangnya menjadi impian banyak pihak dengan perpaduan dianggap penting bagi memartabatkan Islam dan memperkasa masyarakat Melayu yang menjadi 'tiang seri' kepada masyarakat majmuk di negara ini. Justeru itu, timbul cadangan supaya orang Melayu bersatu bagi mempertahankan kepentingan Melayu dan Islam di negara ini.[28] Sungguhpun perpaduan Melayu yang melibatkan UMNO dengan PAS penting kepada orang kedudukan orang Melayu dan Islam, bermula tahun 1978 hingga kini, cadangan tersebut mengalami pasang surut dan masih belum menjadi kenyataan. Gesaan supaya wujudnya penyatuan antara UMNO dan PAS hanya menjadi isu ketara buat seketika. Tidak ada pembabitan yang berterusan terhadap cita-cita perpaduan Melayu-Islam di Malaysia.[29]

Persaingan yang melibatkan parti politik Melayu menyebabkan berlakunya perpecahan Melayu. Justeru itu, berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini cuba

[28] Para pemimpin UMNO sentiasa melihat perpaduan orang Melayu begitu penting bagi mengekalkan dominasi politik yang diperoleh pada tahun 1948. Pada tanggapan mereka, perpaduan inilah merupakan benteng yang berkesan untuk mengekang penguasaan ekonomi dan politik oleh orang-orang Cina. Cogan kata 'Hidup Melayu" menjadi pengikat kepada orang Melayu untuk bersatu padu demi kepentingan bangsa. Lihat Thock Ker Phong. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007, hlm. 64.

[29] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi.* Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd. 1994, hlm. 125.

University of Malaya

menjawab beberapa persoalan yang boleh disimpulkan kepada beberapa perkara. Pertamanya, bagaimanakah faktor pemerkasaan Islam mempengaruhi persaingan politik Melayu? Kedua, sejauhmanakah perebutan kuasa mempengaruhi persaingan politik Melayu? Ketiga, bagaimana persaingan politik Melayu memberi impak kepada perpaduan Melayu? Semua ini adalah merupakan antara beberapa persoalan penting dalam kajian yang berkaitan dengan politik Melayu ini.

Objektif Kajian

Berasaskan kepada tajuk kajian ini iaitu "Persaingan Politik Melayu di Semenanjung Malaysia, 1978 hingga 2013", kajian ini dilakukan bagi mencapai empat objektif utama iaitu:

1. Menelusuri latar belakang penubuhan dan perkembangan yang membawa kepada persaingan politik Melayu. Justeru itu, politik Melayu yang berada dalam pentas politik sejak tahun 1978 hingga 2013 yang melibatkan UMNO, PAS, Parti Melayu Semangat 46 dan PKR dianalisis. Analisis yang dilakukan ialah dengan menggunakan pendekatan persaingan dalam menilai perkembangan politik Melayu di negara ini.

2. Mengkaji faktor pemerkasaan agenda Islam dalam mempengaruhi persaingan politik Melayu. Memandangkan setiap parti politik Melayu mempunyai pendekatan berbeza kepada agenda Islam, perbezaan tersebut menyumbang kepada peningkatan 'suhu' persaingan politik. Parti politik Melayu seperti UMNO, Semangat 46 dan PKR walaupun tidak menjadikan Islam sebagai asas perjuangan sepertimana PAS, usaha untuk

University of Malaya

mendaulatkan Islam tetap menjadi keutamaan untuk dilaksanakan sehingga wujud ‘perlumbaan’ ke arah pelaksanaan Islam di negara ini.

3. Menganalisis pengaruh perebutan kuasa dalam persaingan politik Melayu. Analisis terarah kepada aspek demokrasi yang berkaitan dengan pilihan raya. Misalnya, persaingan yang berlaku antara UMNO dan PAS bagi menguasai pengundi Melayu. Hal yang demikian ini juga melibatkan persaingan di negeri majoriti penduduknya Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah. Selain itu, menyedari bahawa undi masyarakat bukan Melayu juga penting kepada survival parti politik Melayu, persaingan mendapatkan undi bukan Melayu turut diketengahkan. Analisis berkenaan aspek kepimpinan dalam persaingan politik Melayu turut diketengahkan. Analisis tersebut melibatkan persaingan kepimpinan dalam pelbagai isu seperti dalam isu Islam, isu menangani rasuah, isu pendidikan dan isu ekonomi.

4. Merumuskan bagaimana persaingan politik Melayu memberi impak kepada kelangsungan politik Melayu dan keperluan kepada agenda perpaduan. Justeru itu, analisis berkaitan perpaduan Melayu turut diketengahkan. Analisis melibatkan perpaduan Melayu melalui penyertaan parti Semangat 46 ke dalam UMNO, usaha perpaduan Melayu selepas berlakunya krisis Mahathir–Anwar. Perbincangan juga menyentuh isu ‘Kerajaan Perpaduan’ yang merupakan isu yang menjadi polemik terutamanya selepas PRU-12 (2008) serta berkaitan kewajaran perpaduan politik Melayu terutamanya antara UMNO dan PAS bagi menjamin survival Melayu dan Islam di negara ini.

University of Malaya

Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada persaingan politik Melayu di Semenanjung Malaysia bermula dari tahun 1978 hingga 2013. Fokus kajian ini adalah kepada persaingan politik Melayu yang melibatkan orang Melayu. Parti UMNO dan PAS merupakan parti politik Melayu yang terbesar. Walaupun terdapat pelbagai pandangan oleh sarjana tentang pendefinisian istilah Melayu, tetapi kajian ini merujuk pengertian Melayu berdasarkan Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mendefinisikan Melayu sebagai 'seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu'.

Fokus kajian ialah bermula dari tahun 1978 sehinga 2013. Pemilihan tahun 1978 sebagai permulaan kepada kajian ini adalah kerana wujud persaingan yang sengit UMNO dengan PAS berikutan penyingkiran PAS daripada BN setelah wujud perpaduan Melayu berikutan Peristiwa 13 Mei 1969 dengan pembentukan kerajaan campuran dan BN. Penyingkiran PAS daripada BN telah mengembalikan persaingan politik Melayu. Malah, persaingan dipertajamkan lagi dengan kekalahan PAS di Kelantan sekaligus BN dapat merampas penguasaan di Kelantan yang merupakan kubu kuat PAS. Akibat kekalahan tersebut, PAS mula membina kekuatan baru bagi menyaingi UMNO.

Fokus kajian ini ditamatkan pada tahun 2013 kerana adanya PRU-13 yang memperlihatkan persaingan politik Melayu sampai ke kemuncaknya setelah politik Melayu mengalami persaingan sengit selepas PRU-12 (2012). Hal yang demikian ini memandangkan, pada PRU-12 (2008), UMNO dan BN gagal mempertahankan majoriti dua

University of Malaya

pertiga di parlimen dan kehilangan penguasaan di beberapa buah negeri seperti Selangor, Kedah, Perak, dan Pulau Pinang serta masih gagal menawan Kelantan daripada PAS. UMNO yang selama ini dianggap tonggak kepada kekuatan orang Melayu gagal mendapat majoriti dua pertiga di parlimen dan memperlihatkan berlakunya persaingan sengit kerana UMNO berusaha mendapatkan kembali keyakinan orang Melayu pada PRU-13 (2013).

Selain PRU-13 (2013), beberapa PRU lain juga dianggap signifikan kepada persaingan politik Melayu seperti PRU-10 (1999)[30] dan PRU-12 (2008).[31] Keputusan PRU-10 (1999) menunjukkan, walaupun Barisan Nasional (BN) memenangi 148 kerusi Parlimen, jumlah undi yang diterima oleh UMNO dan BN merosot kepada 52.9 peratus manakala Barisan Alternatif (BA) yang diterajui PAS berjaya mendapatkan 47.1 peratus undi.

Sungguhpun dalam pilihan raya tersebut UMNO dan BN menguasai parlimen lebih daripada dua pertiga, tetapi majoriti pengundi Melayu tidak lagi menyokong UMNO dan BN. Kebanyakan kemenangan yang diperoleh oleh calon BN adalah kerana sokongan yang diberikan oleh pengundi bukan Melayu khususnya kaum Cina dan India. Justeru itu, kemenangan tersebut bukanlah satu kemenangan yang membanggakan bagi UMNO dan BN sebaliknya satu kemenangan yang membawa bersamanya amaran awal terhadap masa depan UMNO sebagai sebuah parti orang Melayu.

[30] PRU-10 (1999) yang berlangsung pada hari Isnin, 29 November 1999 merupakan pilihan raya yang luar biasa dalam sejarah politik tanah air sejak negara mencapai kemerdekaan. Hal yang demikian ini kerana, belum pernah berlaku dalam sejarah pilihan raya, parti pembangkang telah bersatu dalam Barisan Alternatif (BA) yang melibatkan PAS, KeADILan, DAP dan PRM.

[31] PRU-12 (2008) diadakan pada 8 Mac 2008 yang menyaksikan BN dinafikan majoriti dua pertiga daripada 222 kerusi yang dipertandingkan di peringkat parlimen. Bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) pula, BN gagal mempertahankan kerajaannya di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta gagal mencapai hasratnya untuk membentuk kerajaan di negeri Kelantan.

University of Malaya

Keputusan PRU-12 (2008) merupakan satu anjakan yang telah membuka episod baru kepada politik Malaysia dan politik Melayu khususnya. Hal yang demikian ini kerana, UMNO dan BN yang menjadi parti dominan telah mulai dicabar kedudukannya. BN yang ditunjangi UMNO, diberi peringatan oleh rakyat supaya tidak selesa. Keputusan pilihan raya tersebut telah mengubah landskap politik negara ini dengan drastik sekali. Sokongan kepada UMNO dan BN mengalami penurunan ketara bagi kerusi di peringkat parlimen apabila gagal mempertahankan majoriti dua pertiga di parlimen sehingga dikatakan kekuatan dan kekuasaan politik Melayu sudah mula terhakis.

Keputusan PRU-12 (2008) merupakan keputusan terburuk parti UMNO dan BN berbanding PRU-3 (1969) dan PRU-10 (1999). UMNO dan BN juga kecundang di lima buah negeri (Kelantan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah) tetapi yang lebih penting adalah perpecahan dalam kalangan orang Melayu. Begitu juga dengan keputusan PRU-13 (2013) yang menyaksikan kemerosotan pencapaian BN. Akibatnya, kuasa politik orang Melayu menjadi lemah dan mulai goyah sehingga masyarakat bukan Melayu mula lantang bersuara dengan lebih banyak menuntut berbanding sebelumnya. Perubahan sikap orang Melayu terhadap UMNO menyebabkan parti UMNO bimbang dengan perkembangan yang berlaku.

Dianalisis sepanjang tempoh tersebut (1978-2013), UMNO dan PAS telah melalui sembilan pilihan raya di peringkat persekutuan (parlimen). Setiap kali berlakunya pilihan raya, wujud persaingan antara parti politik Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dengan PAS dengan pertembungan kedua-dua parti politik tersebut dalam setiap pilihan raya memberi kesan kepada keutuhan kuasa politik Melayu di Malaysia.

University of Malaya

Ditegaskan juga bahawa kajian ini tidak memfokus kepada persaingan politik Melayu semasa pilihan raya semata-mata. Pada masa yang sama, pengkaji tidak menolak andaian bahawa usaha untuk mencari pengaruh (undi) sewaktu pilihan raya menyumbang kepada persaingan politik yang sengit dalam kalangan parti politik Melayu. Selain bersandarkan kepada faktor tersebut, kajian ini turut memberi penekanan kepada pengaruh ideologi sesebuah parti sehingga mempertajamkan lagi persaingan politik Melayu.

Persaingan yang melibatkan gabungan atau pakatan pelbagai parti seperti BN yang mewakili kerajaan dengan pihak pembangkang seperti Angkatan Perpaduan Ummah (APU) tahun 1990 dan 1995, Barisan Alternatif tahun 1999 dan 2004 serta Pakatan Rakyat tahun 2008 dan 2013 juga turut diketengahkan. UMNO mendominasi dan menjadi tulang belakang kepada pakatan BN sementara PAS juga menjadi tunjang kepada kekuatan pakatan pembangkang seperti yang berlaku melalui penubuhan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) di peringkat persekutuan.

Kajian ini berkenaan dengan persaingan politik Melayu. Justeru itu, fokus utamanya ialah kepada parti UMNO dan PAS. Pemilihan parti UMNO dan PAS amat signifikan kepada kajian ini. Keadaan tersebut adalah bersandarkan kepada beberapa justifikasi. Pertama, kedua-dua parti adalah parti siasah yang hanya dianggotai oleh orang Melayu dan merupakan parti Melayu yang terbesar terutamanya dari segi keahlian dan organisasi serta dilihat dominan dalam mempengaruhi pemikiran politik orang Melayu. Orang Melayu di negara ini seolah-olah sudah mempercayai bahawa jika ingin berjuang di pentas politik, pilihan yang ada hanyalah UMNO ataupun PAS. Bagi orang Melayu-Islam, penglibatan

University of Malaya

politik mereka lebih cenderung kepada sokongan terhadap mana-mana parti politik tersebut.

Kedua, UMNO merupakan antara parti yang telah lama wujud dalam persada politik dan menjadi teras dalam pemerintahan negara sejak merdeka. Manakala, jika dibandingkan dengan parti serpihan UMNO yang lain, PAS boleh dikatakan sebagai sebuah parti serpihan UMNO yang memperlihatkan sejarah kewujudan yang panjang.[32] PAS merupakan antara parti yang paling berpengalaman berbanding dengan parti lain dalam Pakatan Rakyat (PR). Ketiga, UMNO dan PAS merupakan parti 'orang Melayu' yang mempunyai sejarah persaingan yang panjang untuk mendapatkan pengaruh dan sokongan terutamanya daripada orang Melayu. Persaingan yang melibatkan kedua-dua parti bermula sejak penubuhan PAS pada tahun 1951 hingga kini. Tambahan pula, pola *(trend)* persaingan tersebut dilihat berterusan terutamanya bagi mendapatkan kuasa melalui pilihan raya.

Keempat, UMNO dan PAS pernah bergabung dalam Kerajaan Campuran PAS-Perikatan (UMNO) dan bersama-sama mengasaskan BN dari tahun 1973 hingga 1977.[33] PAS pernah menyertai kerajaan pusat dalam tahun 1970-an melalui Kerajaan Campuran PAS-Perikatan, pernah menjadi komponen BN, pernah memerintah di peringkat negeri

[32] Berhubung dengan sejarah kewujudan parti politik di negara ini, kemunculan parti lain (selain UMNO dan PAS) yang cuba bertindak sebagai parti alternatif kepada orang Melayu biasanya tidak mampu untuk bertahan lama. Contohnya, Parti Negara yang diasaskan oleh Onn Jaafar hanya sempat bertanding dua kali dalam Pilihan Raya Umum. Begitu juga nasib yang menimpa Parti Melayu Semangat 46 yang didukung oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Selepas melalui dua pilihan raya, akhirnya terpaksa dibubarkan. Parti lain ialah seperti Persatuan Kebangsaan Perak (NAP) yang ditubuhkan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang, *National Convention Party* yang ditubuhkan oleh Aziz Ishak, HAMIM yang ditubuhkan oleh Asri Muda (Bekas Presiden PAS) dan BERJASA yang ditubuhkan oleh Muhammad Nasir (Bekas Menteri Besar Kelantan).

[33] Pembentukan BN merupakan cetusan idea Tun Razak. Kewujudan BN bermula dengan pembentukan kerajaan campuran di peringkat negeri antara Perikatan dengan parti pembangkang, iaitu di Sarawak (Julai 1970), Pulau Pinang (Februari 1972), Perak (Mei 1972), Kelantan, Terengganu dan Kedah (Januari 1973). BN hanya didaftarkan pada 1 Jun 1974 dengan dianggotai oleh sembilan buah parti. Parti yang menyertai BN ialah Gerakan, PPP dan PAS. Manakala, DAP dan Pekemas (Parti Keadilan Masyarakat) tetap berperanan sebagai pembangkang.

University of Malaya

seperti di Terengganu dan Kelantan tahun 1950-an, 1960-an dan akhir 1970-an. Hal yang demikian ini amat berbeza dengan parti serpihan UMNO yang lain seperti Parti Negara dan Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46).[34]

Peranan parti serpihan UMNO dan PAS yang wujud dari tahun 1969 hingga 2013 seperti Parti Semangat 46, PKR (parti politik yang diwakili oleh pelbagai kaum), Parti BERJASA, HAMIM turut diperhalusi kerana parti tersebut merupakan parti yang ditubuhkan kesan daripada pergolakan dan perpecahan dalam UMNO. Selain itu, kemelut dalam parti yang melanda sama ada dalam UMNO mahupun PAS juga diketengahkan memandangkan impak daripada kemelut tersebut menyebabkan pihak lawan yang bersaing akan memperolehi manfaat politik.

PAS misalnya mengalami perpecahan dalaman sehingga melahirkan Parti BERJASA yang ditubuhkan pada tahun 1977. HAMIM pula telah keluar sebagai 'anak kedua' PAS yang dipimpin oleh Asri Muda. Manakala, UMNO juga tidak terkecuali daripada mengalami beberapa perpecahan seperti tindakan Onn Jaafar, pemimpin UMNO sendiri keluar parti dengan menubuhkan Parti Negara, pertandingan sengit merebut jawatan Presiden UMNO antara Mahathir dan Tengku Razaleigh (24 April 1987) sehingga UMNO diharamkan dan muncul Parti Melayu Semangat 46 dan Pemecatan Anwar Ibrahim (1998) yang menyebabkan wujudnya PKR.

[34] Orang Melayu yang berani meningglkan parti Melayu, terutamanya UMNO akan dikecam sebagai pengkhianat kepada kepentingan Melayu. Hal yang demikian ini dapat dilihat dalam kes Onn Jaafar yang meninggalkan UMNO untuk menubuhkan IMP, sebuah parti pelbagai kaum. Onn Jaafar telah dituduh sebagai menggadaikan hak dan kepentingan Melayu kepada bangsa lain oleh Tunku Abdul Rahman. Lihat Vasil R. K. *Ethnic Politics in Malaysia*, New Delhi: Radiant Publication. 1980, hlm. 102.

University of Malaya

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah (politik) dalam mengkaji persaingan yang melibatkan parti politik Melayu. Manakala, penyelidikan yang dilakukan adalah bersifat kualitatif. Beberapa kaedah pengumpulan data digunakan bagi membantu kajian dapat dilakukan dengan lebih baik dan lancar serta dapat menghasilkan satu penulisan akademik yang maksimum, tepat dan padat. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang diguna pakai dalam kajian ini iaitu kaedah pengumpulan data secara primer dan kaedah pengumpulan data secara sekunder.

Pengumpulan data secara primer dilakukan melalui kaedah temubual. Kaedah ini dilakukan terhadap individu termasuklah beberapa tokoh dalam UMNO, PAS, PKR dan NGO *(Non Governmental Organization)* Melayu dan Islam. Soalan temubual yang dikemukakan telah dibentuk terlebih dahulu bagi pengumpulan data (rujuk lampiran). Seramai 14 orang telah ditemubual iaitu melibatkan pemimpin dan bekas pemimpin tertinggi parti politik Melayu seperti Mahathir Mohamad (mantan Presiden UMNO), Nik Aziz Nik Mat (Mursyidul Am PAS), Nakhaie Ahmad (mantan Naib Presiden PAS) dan Muhammad Sabu (mantan Timbalan Presiden PAS).

Signifikan pemilihan individu tersebut adalah berdasarkan kepada penglibatan luas dalam persaingan politik Melayu. Umpamanya, Mahathir Mohamad (Mahathir) merupakan bekas Perdana Menteri yang banyak mencorakkan persaingan politik Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dengan PAS. Pada zaman kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri, program Islamisasi diperkenalkan di samping tindakannya yang menolak

University of Malaya

pelaksanaan hukum Hudud yang dibawa oleh PAS dan kesediaan beliau ke arah perpaduan Melayu melalui Syarahan Perdana isu Palestin pada tahun 2002.

Nik Aziz Nik Mat (Nik Aziz) pula merupakan individu yang berjaya meningkatkan imej PAS terutamanya di Kelantan yang menjadi medan persaingan sengit antara UMNO dan PAS. Hala tuju PAS juga banyak dicorakkan oleh Nik Aziz terutamanya dalam hubungannya dengan orang bukan Melayu, termasuklah menolak cadangan kerajaan perpaduan UMNO dan PAS. Justeru itu, tidak hairanlah jika dikatakan persaingan politik UMNO dan PAS melibatkan kepimpinan Nik Aziz dengan Mahathir terutamanya sejak tahun 1990 setelah PAS berjaya menguasai pemerintahan di Kelantan.

Selain itu, individu yang ditemubual juga melibatkan beberapa tokoh politik yang pernah bergiat aktif dan memegang jawatan penting dalam beberapa parti. Misalnya, Nakhaie Ahmad (PAS dan UMNO), Kamaruddin Jaafar (UMNO dan PAS), Saifudin Nasution (UMNO dan PKR) dan Muhammad Hj. Muhammad Taib (UMNO dan PAS). Temubual dengan individu tersebut dapat menyumbang kepada kekuatan hasil kajian ini memandangkan pengalaman bersama-sama dengan beberapa parti politik yang bersaing diketengahkan. Manakala, Ahmad Azam Abdul Rahman, Shahruddin Badaruddin, Siddiq Fadzil pula merupakan individu yang terlibat dalam usaha perpaduan Melayu terutamanya melalui NGO.

Selain daripada kaedah temubual, dokumen-dokumen rasmi UMNO, PAS, Semangat 46 dan PKR seperti minit mesyuarat, teks ucapan, perlembagaan parti, manifesto pilihan raya, laporan tahunan parti turut dijadikan sumber analisis. Pengumpulan data

University of Malaya

melalui sumber sekunder pula berdasarkan kepada buku-buku bacaan ilmiah, jurnal, kertas seminar, artikel, tesis serta rujukan daripada media cetak dan internet. Kajian di perpustakaan bertujuan untuk mengumpul, menganalisis dan melengkapkan maklumat-maklumat dengan lebih terperinci berkenaan subjek yang dikaji. Pengumpulan ini dijalankan Arkib Negara Malaysia dan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Yayasan Kepimpinan Perdana.

Kepentingan Kajian

Orang Melayu adalah sinonim dengan penentuan masa depan politik negara dan politik negara pada masa depan bergantung kepada orang Melayu. Dalam politik, orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada dua buah parti yang hanya diwakili oleh orang Melayu iaitu UMNO dan PAS. Persaingan UMNO dengan PAS sentiasa menjadi polemik. Keadaannya berterusan sehingga wujudnya pergeseran antara dua parti politik terbesar Melayu yang disifatkan oleh sesetengah pihak berada dalam keadaan yang semakin getir. Baik Umno mahupun PAS, masing-masing tidak mahu mengalah.

Kajian ini amat bertepatan bagi mengetahui sejauhmanakah wujudnya persaingan politik yang melibatkan parti politik Melayu terutamanya UMNO dengan PAS dalam mendapatkan pengaruh politik? Persaingan kedua-dua parti politik tersebut melibatkan satu tempoh yang panjang iaitu sejak penubuhan PAS 1951 hingga kini (kecuali semasa PAS bersama UMNO dalam Kerajaan Campuran 1973-1977). Dalam hal yang demikian ini, asal

University of Malaya

usul dan sejarah persaingan UMNO dengan PAS diketengahkan bagi memahami dengan lebih tepat dan mendalam persaingan kedua-dua parti tersebut.

Persaingan politik dan ideologi yang melibatkan parti politik Melayu memberi kesan kepada orang Melayu yang merupakan golongan majoriti di negara ini. Kini, kerana berbeza fahaman politik, orang Melayu dilihat berpecah kepada tiga iaitu Melayu UMNO, Melayu PAS dan Melayu PKR. Justeru itu, kajian ini amat relevan untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang perpecahan Melayu termasuklah sejauhmanakah orang Melayu berpecah disebabkan oleh perbezaan fahaman politik? Pelbagai isu yang boleh menyumbang kepada perpecahan, faktor serta impak perpecahan tersebut khususnya kepada orang Melayu dan negara pada umumnya.

Kedudukan politik orang Melayu pada masa kini semakin lemah jika dibandingkan dengan kaum lain akibat persaingan politik UMNO dengan PAS. Dengan kata lain, 'kuasa' politik yang dimiliki oleh orang Melayu semakin pudar dan terhakis. Justeru itu, timbul pula cadangan supaya UMNO dan PAS bersatu atas nama 'perpaduan Melayu' demi mengekalkan kekuasaan Melayu dan Islam di negara ini. Namun begitu, setakat ini perpaduan yang diimpikan melalui dua parti politik Melayu tersebut masih belum menjadi kenyataan.

Hari demi hari jurangnya semakin luas. Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi mengenalpasti sejauhmanakah kesan persaingan politik terhadap perpaduan Melayu? Sejauhmanakah perlunya perpaduan Melayu dalam konteks negara pada masa kini? Faktor dan isu yang menghalang kepada perpaduan tersebut. Perpaduan Melayu disifatkan penting

University of Malaya

dalam konteks negara pada hari ini. Hal yang demikian ini memandangkan, tidak pernah berlaku dalam mana-mana sejarah perjuangan sesuatu bangsa, mengenepikan persoalan perpaduan untuk mencapai sesuatu matlamat yang boleh memberi manfaat kepada bangsa sendiri. Boleh dikatakan semua bangsa yang berjaya mencapai matlamat perjuangan, bangsa tersebut banyak bergantung kepada keutuhan landasan perpaduan.

Isu perpaduan Melayu semestinya melibatkan perpaduan orang Melayu yang bersifat menyeluruh. Justeru itu, perpaduan di semua peringkat, sama ada di peringkat pemimpin mahupun ahli kedua-dua parti tersebut adalah perlu diberi keutamaan, bukannya penggabungan pada nama parti politik tersebut sahaja. Jika persetujuan hanya pada peringkat kepimpinan tertinggi kedua-dua parti sahaja dan tidak disusuli oleh pemimpin bawahan serta ahli kedua-dua parti, perpaduan dalam erti kata yang sebenarnya masih belum berlaku.

Kajian ini adalah bersifat ilmiah. Penggunaan data primer (temubual, teks ucapan, minit mesyuarat, perlembagaan parti dan manifesto parti) yang kemudiannya diadun pula dengan hujah yang rasional, realistik, tidak berat sebelah dan tidak emosional telah menjadikan kajian ini amat menarik. Oleh yang demikian, hasil daripada kajian yang bersifat ilmiah ini juga penting dan amat relevan untuk memberikan maklumat yang berguna kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun sebaliknya dalam merencanakan sesuatu yang menyumbang kepada kemajuan bangsa dan agama di negara ini. Diharapkan juga, hasil daripada kajian ini dapat dijadikan dokumen dan rujukan penting yang didalamnya dirakam sejarah kegiatan, pergolakan dan persaingan politik Melayu.

University of Malaya

Secara keseluruhannya, kajian ini menganalisis berkaitan dengan persaingan politik Melayu di Semenanjung Malaysia dari tahun 1978 hingga 2013 dengan persaingan untuk mempengaruhi orang Melayu dalam memilih parti Melayu mana yang lebih relevan untuk mewakili bangsa Melayu. Kajian ini merupakan satu tafsiran baru berkaitan dengan sejarah politik dalam kalangan orang Melayu untuk mendapatkan kuasa. Justeru itu, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada kefahaman perkembangan sejarah (politik) di Malaysia amnya dan di Semenanjung Malaysia, khususnya.

Kajian Literatur

Persaingan politik Melayu terutamanya UMNO dengan PAS dari tahun 1978 hingga 2013 memperlihatkan persaingan yang sengit . Dalam tempoh tersebut, walaupun ada ketikanya berkelahi, tuduh menuduh, bertikam lidah, saman menyaman tetapi hubungan tersebut memperlihatkan wujudnya senario pasang surut. Persaingan yang melibatkan kedua-dua parti boleh dikaji dan diperhalusi daripada pelbagai perspektif. Perspektif tersebut ialah berdasarkan kepada isu paling dominan yang mendasari perjuangan UMNO dan PAS iaitu isu Melayu dan Islam.

Isu Melayu lebih sebati dengan perjuangan UMNO manakala isu Islam lebih sinonim dengan perjuangan PAS. Namun begitu, isu Islam dilihat lebih mendominasi sehingga persaingan politik kedua-dua parti tersebut juga menjurus kepada soal Islam. Isu hudud, kafir mengkafir, syurga-neraka, siapa yang lebih Islam banyak mewarnai dan menghiasi pentas politik negara. Polemik terhadap isu-isu tersebut berterusan sehinggalah menjelang pilihan raya yang memungkinkan persaingan menjadi lebih sengit.

University of Malaya

Sehubungan dengan itu, kajian literatur ini memfokuskan kepada tiga aspek penting. Pertamanya, kupasan tentang isu-isu yang mendasari persaingan politik Melayu yang telah membezakan asas perjuangan parti politik Melayu terutamanya isu Islam. Keduanya, oleh kerana parti politik Melayu seperti UMNO dan PAS sentiasa bersaing dalam pilihan raya, pola (trend) sokongan rakyat terhadap parti tersebut dalam pilihan raya juga turut diketengahkan. Ketiganya ialah perkaitan persaingan politik Melayu dengan gagasan penyatuan politik melalui kerajaan perpaduan.

Beberapa hasil penulisan yang menyentuh aspek pertama iaitu perbezaan dasar perjuangan dan isu utama yang mendasari persaingan politik antara UMNO dan PAS seperti isu Islam telah diperhalusi termasuklah kajian dan penulisan yang berlegar tentang kebangkitan Islam, Dasar Islamisasi yang dilaksanakan oleh UMNO dan PAS serta pengaruh perkembangan Islam terhadap masyarakat Melayu. Bagi merungkai dan memperhalusi isu tersebut, kajian dan penulisan oleh Funston N. J,[35] Mohammad Redzuan Othman[36] dan Mohamad Abu Bakar[37] telah dikupas. Selain itu, hasil kajian dan penulisan oleh sarjana lain seperti Ibrahim Ahmad,[38] Syed Ahmad Hussein,[39] Hussin Mutalib[40] turut diketengahkan.

University of Malaya

[35] Lihat Funston, N. J. *Malays Politics in Malaysia. A Study of UMNO and PAS.* Petaling Jaya: Heinemann Education Books. 1980, hlm. 292.
[36] Lihat Mohammad Redzuan Othman, Islam dan Proses Politik dalam Peradaban Malaysia, dlm. Aziz Deraman & Rohani Zainal Abidin. *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2003, hlm. 124-132.
[37] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Idel: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987, hlm. 156-161.
[38] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 1989.
[39] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. 2002, hlm. 3-22.
[40] Lihat Hussin Mutalib. *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press. 1990.

Bagi menilai aspek kedua pula iaitu pola (trend) sokongan pengundi terutamanya pengundi Melayu kepada parti politik Melayu seperti UMNO dan PAS dalam kancah pilihan raya, beberapa hasil kajian dan penulisan yang diketengahkan oleh Ahmad Fauzi Hamid,[41] Maznah Mohamad,[42] Amer Saifudee Ghazali[43] dan Ahmad Atory Hussein[44] diutarakan. Sementara itu, bagi aspek ketiga pula iaitu cabaran perkaitan persaingan politik dengan perpecahan dan perpaduan Melayu, kajian dan penulisan oleh Mohamad Abu Bakar,[45] S. Husin Ali,[46] Kamarulnizam Abdullah,[47] Mohd Noor Yazid,[48] Aminuddin Mohd Yusof,[49] dan Hussain Yaakub[50] telah digarap.

Funston N.J. merupakan sarjana terawal yang menghasilkan kajian tentang perjuangan UMNO dengan PAS. Kajian Funston boleh dijadikan rujukan dan amat signifikan dengan kajian ini kerana memfokuskan kepada perbandingan yang amat menarik antara orientasi perjuangan UMNO dan PAS. Tulisan Funston bermula dengan kajian terhadap sejarah awal perkembangan PAS sebagai pesaing politik kepada UMNO. Selain

---

[41] Lihat Ahmad Fauzi Abdul Hamid. The UMNO-PAS Struggle: Analysis of PAS's Defeat in 2004. Dlm. Saw Swee Hock dan K. Kesavapany. *Malaysia: Recent Trends and Challenges.* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS). 2006, hlm. 100-101.

[42] Lihat Maznah Mohamad. The Contest for Malay Votes in 1999: UMNO's Most Historic Challenge. Dlm. Francis Loh Kok Wah and Johan Saravanamuttu (edt). *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies. 2002, hlm. 66-86.

[43] Lihat Amer Saifude Ghazali. *Sokongan Kepada UMNO dan PAS Dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia: Tumpuan Kepada Pilihan Raya Parlimen 1999 dan 2004 Serta Implikasinya Kepada Pilihan Raya 2008*. Journal of Southeast Asian Studies, Vol.13. Universiti Malaya. 2008, hlm. 96-102.

[44] Lihat Ahmad Atory Hussain. *Politik Melayu di Persimpangan: Satu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd. 2009, hlm. 258.

[45] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd. 1994, hlm. 126.

[46] Lihat Syed Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah. 2008, hlm. 48-51

[47] Lihat Kamarulnizam Abdullah. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2003.

[48] Lihat Mohd Noor Yazid. *Sebelum Kuasa Melayu Islam Beralih Tangan*. Jurnal Pemikir, Bil. 63, Januari – Mac 2011. 2011, hlm. 2-5.

[49] Lihat Aminuddin Mohd Yusof. Melayu UMNO, Melayu PAS: Manifestasi Dua Personaliti. Dlm. Wan Hashim Wan Teh. *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan.* Kuala Lumpur: Mahir Publication Sdn. Bhd. 1993, hlm. 99-101.

[50] Hussain Yaakub. *UMNO Tidak Relevan: Hadapi Reformasi Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Penerbit Mariah Jaafar. 2000, hlm. 1-21.

University of Malaya

itu, kekuatan akar umbi, perkembangan serta penglibatan tokoh-tokoh dalam mencorakkan perjalanan kedua-dua parti turut diketengahkan. Menurut Funston, konflik UMNO-PAS pada dasarnya disebabkan oleh kedua-dua ahli parti tersebut memiliki latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza.[51]

Pemimpin UMNO kebanyakannya berasal dalam kalangan aristokrat tradisional yang mendapat pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris (di Britain) dan bekerja sebagai pegawai tinggi kerajaan. Manakala, pemimpin PAS mempunyai latar belakang pendidikan Islam (dari Indonesia dan Timur Tengah) yang mempunyai fahaman moden terhadap Islam dan bekerja sebagai guru agama, pekerja awam bawahan, usahawan kecil dan wartawan.

Perbezaan latar belakang sosio-ekonomi tersebut juga turut menyumbang kepada perbezaan ideologi sehingga memberi kesan kepada lima perkara penting iaitu tentang pengertian nasionalisme Melayu, Islam, ekonomi, bahasa dan pendidikan serta pandangan tentang komunis. Walau bagaimanapun, kajian Funston tidak mencukupi untuk melihat perbandingan antara UMNO dan PAS dan kurang relevan selepas wujudnya fenomena kebangkitan Islam *(Islamic revivalism)* dari Timur Tengah pada awal 1980-an yang kemudiannya mencorakkan perjalanan sejarah dan mempengaruhi perkembangan agama dan politik masyarakat Melayu.

Bersandarkan kepada perkembangan masyarakat Melayu tahun 1980-an banyak dicorakkan oleh kebangkitan Islam yang berpaksikan Timur Tengah sehingga memberi kesan kepada perkembangan politik masyarakat Melayu, hasil penulisan oleh Mohammad

[51] Lihat Funston, N. J. *Malays Politics in Malaysia,* hlm. 292.

University of Malaya

Redzuan Othman dijadikan asas rujukan. Hasil Penulisan tersebut mempunyai signifikannya dengan kajian ini terutamanya dalam menelusuri sejarah kesedaran politik orang Melayu. Mohammad Redzuan Othman mengaitkan pengaruh Timur Tengah yang berlaku pada awal 1980-an dengan kebangkitan kesedaran politik orang Melayu.

Imbasan sejarah kesedaran politik Melayu seperti sebelum tahun 1945, kesedaran politik dalam erti kata yang sebenar masih belum berkembang dalam kalangan orang Melayu. Namun begitu, usaha ke arah memberikan kesedaran politik dan sosial kepada masyarakat Melayu, wujud sejak awal abad ke-20 lagi melalui penerbitan akhbar dan majalah seperti akhbar *al-Imam* (1906), *Neracha, al-Ikhwan, Bahtra* dan *Idaran Zaman*.[52]

Di Tanah Melayu, gerakan Islah yang merupakan gerakan politik anti-penjajah ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua dengan penubuhan Hizbul Muslimin pada tahun 1948. Hizbul Muslimin diharamkan oleh pihak British beberapa bulan selepas penubuhannya. Perjuangan Hizbul Muslimin diteruskan dengan penubuhan PAS pada tahun 1951. Perjuangan PAS menjadi saingan kepada UMNO yang turut memperjuangkan aspirasi Melayu-Islam. Sehingga kini, kedua-dua parti bersaing untuk mendapatkan sokongan orang Melayu dan dalam waktu tertentu mahu bertindak sebagai juara dalam usaha memperkasa Islam di Malaysia.[53]

Secara keseluruhannya, hasil tulisan Mohammad Redzuan Othman lebih banyak menyentuh perkembangan Islam di Timur Tengah dan implikasinya terhadap pemikiran dan kecenderungan politik Melayu terutamanya PAS. PAS dilihat yang banyak menerapkan

[52] Lihat Mohammad Redzuan Othman. *Islam dan Proses Politik*, hlm. 124.
[53] Ibid., hlm. 129.

University of Malaya

kewibawaan Islam dalam pemerintahan kesan daripada kebangkitan semula Islam yang berlaku pada tahun 1982. Misalnya, kepimpinan PAS bertukar daripada nasionalis Islam kepada kepimpinan ulama akibat pengaruh kepimpinan ulama yang berlaku di Iran. Walaupun isu kebangkitan Islam diberikan tumpuan dalam penulisannya, kaitan isu tersebut dengan persaingan politik UMNO dengan PAS agak terbatas.[54]

Tulisan Mohamad Abu Bakar juga selari dengan tulisan Mohammad Redzuan Othman setelah mengaitkan perkembangan parti politik Melayu dengan kebangkitan Islam *(Islamic Revivalism).* Hal yang demikian ini merujuk kepada parti politik utama orang Melayu iaitu UMNO dan PAS. Kedua-dua parti tersebut bersaing bagi melaksanakan Islam berdasarkan cara masing-masing. Bagi Mohamad Abu Bakar, kebangkitan Islam meninggalkan kesan yang hebat terhadap parti-parti politik Melayu. UMNO misalnya menyedari bahawa sokongan orang Melayu sangat penting bagi *survival* parti. Justeru, cara bagi mengekalkan momentum sokongan ialah dengan memuaskan hasrat keIslaman mereka. Kegagalan memenuhi harapan tersebut berkemungkinan menyebabkan rakyat berpaling tadah dan memberikan sokongan kepada parti Melayu lain terutamanya PAS.[55]

Penulisan Mohamad Abu Bakar juga turut mengutarakan pandangan bahawa PAS lebih banyak mendapat keuntungan politik berbanding UMNO kesan daripada kebangkitan Islam. UMNO dilihat agak sederhana dalam melaksanakan syiar Islam kerana dikhuatiri akan kehilangan sokongan bukan Melayu berbanding PAS yang bergerak di atas lunas-lunas Islam telah diradikalkan lagi dengan kebangkitan Islam. Hasil tulisan Mohamad Abu Bakar ada kebenarannya jika dilihat kepada perkembangan yang berlaku pada tahun 1980-

[54] Ibid., hlm. 132.
[55] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal*. hlm. 156–161.

University of Malaya

an dan awal 1990-an. Namun begitu, jika diamati dalam konteks politik selepas itu, didapati sifat radikal PAS semakin luntur terutamanya bagi mencari sokongan masyarakat bukan Melayu.[56]

Jika hasil penulisan sarjana-sarjana lain lebih cenderung untuk mengaitkan faktor Islam dengan perkembangan UMNO dan PAS, penulisan yang agak berbeza diutarakan oleh Ibrahim Ahmad yang berpendapat isu Islamisasi telah memberikan impak sehingga menyebabkan wujudnya konflik antara UMNO dan PAS. Bagi Ibrahim Ahmad, UMNO dan PAS mempunyai pendekatan dan penekanan tersendiri untuk merealisasikan cita-cita Islam. Terdapat jurang yang besar antara pegangan Islam yang dipertahankan oleh PAS dan konsep Islam yang diperjuangkan oleh UMNO sehingga menyebabkan persaingan kedua-dua parti semakin ketara.[57]

Hasil penulisan yang diketengahkan oleh Ibrahim Ahmad amat signifikan dengan kajian ini kerana menyentuh perbezaan dasar perjuangan UMNO dan PAS terhadap Islam, termasuklah pandangan PAS dalam beberapa isu mengenai Islamisasi, konsep negara Islam dan usaha untuk mewujudkan perpaduan melalui Muzakarah UMNO-PAS. Walau bagaimanapun, hasil penulisan tersebut lebih terarah kepada perkembangan yang berlaku pada tahun 1980-an yang dikatakan program-program Islamisasi di Malaysia semakin memuncak.

Tulisan Syed Ahmad Hussein juga relavan dan memberikan sumbangan bermakna kepada kajian ini. Syed Ahmad Hussein berpendapat persaingan antara politik Muslim iaitu

[56] Ibid., hlm. 161.
[57] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 88-91.

University of Malaya

UMNO dengan PAS melibatkan interpretasi simbol dan usaha untuk mengawal institusi-institusi yang melahirkan dan mendukungnya. Misalnya pada dekad 1980-an dan 1990-an, persaingan yang paling jelas ialah persaingan antara golongan elit Muslim yang berkuasa dengan aktivis Islamis yang mempertikaikan kewibawaan kuasa elit tersebut.[58]

Hasil penulisan oleh Syed Ahmad Hussein didapati banyak menyentuh isu demokrasi iaitu melalui pilihan raya yang melibatkan UMNO dan PAS. Selain itu, perbezaan pola *(trend)* Islamisasi yang dilaksanakan oleh UMNO dan PAS bermula pada tahun 1970-an hingga 1990-an turut diketengahkan. Syed Ahmad Hussein menyifatkan pola *(trend)* Islamisasi yang dilakukan oleh UMNO pada tahun 1970-an misalnya banyak dibantu oleh kewujudan PAS dalam kerajaan campuran.[59] Manakala, kegagalan Kerajaan Campuran UMNO-PAS menawarkan satu pentas yang subur untuk kebangkitan pengaruh radikal dalam PAS seperti penonjolan identifikasi PAS dengan Revolusi Khomeini.[60] PRU-7 (1986) merupakan kemuncak kemerosotan pengaruh aliran radikal dalam PAS.[61]

Penulisan Syed Ahmad Hussein juga menyentuh dasar perjuangan kedua-dua parti iaitu UMNO dan PAS untuk disesuaikan dalam suasana politik multietnik. PAS misalnya telah menyederhanakan pendekatannya dalam realiti masyarakat multietnik Malaysia

---

[58] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi*, hlm. 123.

[59] Berikutan daripada perjanjian perkongsian dalam kerajaan campuran, UMNO bersetuju supaya kerajaan meningkatkan usaha mengembangkan Islam. Desakan daripada kumpulan gerakan kebangkitan Islam juga telah memaksa Kerajaan Campuran PAS-Perikatan meningkatkan penglibatan kerajaan pusat dalam hal ehwal Islam. Aktiviti tradisional seperti pembinaan masjid, penyebaran risalah agama, perayaan tarikh-tarikh penting dan pendidikan Islam telah bertambah pesat. Pada tahun 1971, Pusat Penyelidikan Islam ditubuhkan, diikuti pada 1974 dengan Institut Dakwah dan Latihan Islam. Pada tahun 1974 juga, Urus Setia Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam telah ditingkatkan menjadi suatu bahagian penuh di Jabatan Perdana Menteri dan bilangan kakitangan dan peruntukan kewangan juga ditingkatkan berlipat ganda. Walaupun semua ini lebih merupakan peningkatan terhadap aturan-aturan yang sedia ada, usaha ini menampakkan inisiatif pihak kerajaan yang lebih bersungguh-sungguh yang menyumbang kepada pembesaran ruang Islamik dalam dasar dan hal ehwal awam. Ibid., hlm. 137.

[60] Ibid., hlm. 141.

[61] Ibid., hlm. 144.

University of Malaya

terutamanya selepas penyingkiran Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO pada tahun 1998 dengan menyertai pakatan politik dengan parti bukan Melayu dalam Barisan Alternatif (BA) dan mengugurkan matlamat Negara Islam dalam manifesto bersama BA. Lantaran itu, UMNO sebagai pesaing utama parti tersebut biasanya mengeksplotasi semua peluang yang terhidang untuk memburukkan PAS. Permuafakatan politik PAS dengan DAP misalnya digunakan oleh pihak UMNO untuk menonjolkan PAS sebagai sebuah parti yang memperalat Islam dan mudah rela menggadai prinsipnya semata-mata untuk mendapatkan kuasa.[62]

Tulisan Hussin Mutalib dalam bukunya yang bertajuk *Islam and Ethnicity in Malay Politics* mengupas mengenai kekuatan semangat nasionalisme dan Islam dalam politik Malaysia sejak pembentukannya pada tahun 1963 hingga 1987. Hussin Mutalib berpendapat, faktor nasionalisme dan Islam mempunyai perkaitan yang rapat dan tidak dapat dipisahkan dalam masyarakat Melayu. Selain itu, penulisan Hussin Mutalib juga turut mengutarakan perkembangan yang berlaku dalam UMNO dan PAS di samping kecenderungan masyarakat Melayu ialah kepada Islam dan kuat sikap etniknya yang juga boleh menyumbang kepada kekuatan dan perpecahan. Walau bagaimanapun, hasil tulisan Hussin Mutalib lebih menumpukan kepada perkembangan yang berlaku dalam UMNO berbanding PAS.[63]

Bagi mengupas hala tuju sokongan rakyat kepada UMNO dan PAS dalam pilihan raya, tulisan Ahmad Fauzi Abdul Hamid boleh dijadikan rujukan penting. Intipati penulisan Ahmad Fauzi telah memberikan sumbangan penting kepada kajian ini terutamanya

[62] Ibid., hlm. 151-152.
[63] Lihat Hussin Mutalib. *Islam and Ethnicity in Malay Politics.* hlm. 1-5.

University of Malaya

menganalisis punca yang menyebabkan parti PAS ditolak oleh pengundi dalam PRU-11 (2004). Selain itu, komitmen UMNO dan PAS terhadap agenda Islam yang sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan orang Melayu turut diketengahkan. Misalnya, imej Islam yang dibawa oleh Abdullah Badawi dan tindakan Abdullah Badawi yang memperkenalkan konsep Islam Hadhari *(Civilisational Islam)* didapati telah meningkatkan sokongan orang Melayu kepada UMNO.[64]

Kedua-dua faktor tersebut mempengaruhi orang Melayu kembali menyokong UMNO dan BN selepas gelombang reformasi 1999. Walaupun PAS mengutarakan isu hudud, isu tersebut tidak berjaya mempengaruhi pengundi malah tidak diterima oleh rakan seperjuangan PAS dalam gabungan pembangkang iaitu DAP dengan mengugut untuk keluar daripada Barisan Alternatif (BA) jika PAS bertegas mahukan negara Islam. Walaupun penulisan Ahmad Fauzi memperlihatkan senario yang berlaku sebelum dan selepas PRU-11 (2004) sehingga memberi kemenangan besar kepada UMNO, walau bagaimanapun momentum sokongan tersebut tidak berterusan setelah UMNO mengalami kekalahan yang teruk pada PRU-12.[65]

Asas kajian Ahmad Fauzi Abdul Hamid diperkukuhkan lagi oleh kajian yang dilakukan oleh Amer Saifude Ghazali mengenai sokongan kepada UMNO dan PAS dalam PRU-10 (1999) dan PRU-11 (2004) serta implikasinya kepada PRU-12 (2008). Kajian oleh Amer Saifude Ghazali amat signifikan dengan kajian ini terutamanya menganalisis

[64] Pada pilihan raya tersebut (21 Mac 2004), UMNO dan BN memperoleh kejayaan besar dengan menguasai 199 kerusi Parlimen (90.9 peratus) daripada 219 kerusi yang dipertandingkan. Manakala, PAS hanya memenangi enam kerusi parlimen dan hilang penguasaan di Terengganu selepas memerintah hanya satu penggal (1999-2004). Di Kelantan, walaupun penguasaan PAS masih berterusan, tetapi PAS hanya memperolehi 24 daripada 45 kerusi yang dipertandingkan. Selebihnya memihak kepada UMNO dan BN. Lihat Ahmad Fauzi Abdul Hamid. *The UMNO-PAS Struggle*, hlm. 100-101.
[65] Ibid., hlm. 101.

University of Malaya

perbezaan sokongan yang diterima oleh UMNO dan PAS berdasarkan kepada komposisi penduduk dalam sesebuah kawasan pilihan raya, termasuklah kawasan yang majoritinya orang Melayu dan kawasan bercampur yang melibatkan orang Melayu dan bukan Melayu.

Pada PRU-10 (1999), bagi kawasan yang mempunyai lebih 90 peratus orang Melayu, PAS mendapat undi yang lebih tinggi berbanding UMNO. Sokongan kepada PAS semakin meningkat apabila semakin ramai orang Melayu berada dalam sesuatu kawasan dan perkara sebaliknya telah berlaku kepada UMNO. Sokongan kepada UMNO hanya meningkat apabila semakin ramai orang Cina di sesebuah kawasan pilihan raya dan PAS mendapat sokongan yang kurang dalam kawasan pilihan raya yang sama. Prestasi UMNO agak baik dalam kawasan pilihan raya yang bercampur. Keadaan ini memberi petanda bahawa UMNO tidak boleh terlalu bergantung kepada orang Melayu untuk mendapatkan kemenangan berbanding PAS yang memerlukan sokongan orang Melayu terutamanya dalam PRU-10 (1999).[66]

Dalam PRU-11 (2004), prestasi UMNO lebih baik berbanding PAS terutamanya dengan kembalinya sokongan orang Melayu kepada UMNO. Bagi kawasan orang Melayu yang melebihi 90 peratus, sokongan masih lagi berpihak kepada PAS berbanding UMNO (*trend* yang sama dengan tahun 1999). Bagi kawasan orang Cina, tahap sokongan kepada UMNO dan PAS agak seimbang (kawasan orang Cina sekitar 0-5 peratus). Bagi kawasan yang mempunyai pengundi Cina sekitar (10 peratus), UMNO telah mengatasi PAS dan

[66] Pada PRU-10 (1999), UMNO memenangi 60 kerusi (65.2 peratus) daripada 92 kerusi Parlimen yang mereka tandingi, sementara PAS pula menguasai 27 (45.8 peratus) daripada sejumlah 59 kerusi yang mereka sertai. PAS mendapat lebih daripada 70 peratus daripada keseluruhan undi mereka daripada negeri majoriti Melayu (melebihi 87 peratus) seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah. Bagaimanapun, prestasi UMNO lebih baik berbanding PAS dalam kawasan pilihan raya yang orang Melayu berjumlah antara 50-86 peratus. Lihat Amer Saifude Ghazali. *Sokongan Kepada UMNO dan PAS*, hlm. 96–100.

University of Malaya

UMNO juga memperolehi sokongan yang tinggi apabila orang Cina berada sekitar 10-40 peratus. Didapati, UMNO masih lagi mendapat sokongan di kawasan campuran. Pada PRU-10 (1999) dan PRU-11 (2004), dalam kebanyakan kerusi terutamanya jika komposisi orang Melayu kecil, prestasi UMNO lebih baik berbanding PAS. Walau bagaimanapun, dalam PRU-12 (2008), prestasi PAS mengatasi UMNO dalam kebanyakan kerusi sama ada kerusi komposisi orang Melayu kecil ataupun besar.[67]

Secara umumnya, keputusan daripada PRU-12 (2008) menyebabkan corak pengundian yang bersifat etnik atau perkauman telah tenggelam. Namun begitu, hasil kajian oleh Amer Saifude Ghazali menunjukkan sebaliknya. Corak pengundian etnik masih lagi dapat dilihat dengan jelas. Hal yang demikian ini berdasarkan kepada sokongan yang diterima oleh UMNO dan PAS daripada pengundi yang majoritinya bukan Melayu. Semakin bertumpu orang Cina dalam sesebuah kawasan pilihan raya, sokongan kepada UMNO dan PAS semakin menurun. Sebaliknya, sokongan lebih terarah kepada parti-parti yang berasaskan etnik Cina seperti DAP, MCA dan GERAKAN. Begitu juga dengan kawasan yang mempunyai komposisi India.[68]

Kajian oleh Maznah Mohamad (2002) yang mengkaji tentang pola sokongan orang Melayu kepada UMNO pada PRU-10 (1999) mempunyai perkaitan rapat dengan kajian ini. Maznah mendapati, sokongan orang Melayu kepada UMNO merosot daripada 36.5 peratus pada PRU-9 (1995) kepada 29.5 peratus pada PRU-10 (1999). Manakala, sokongan kepada PAS telah meningkat daripada 7.3 peratus kepada 15 peratus. Punca utama kepada perkara

[67] Dalam PRU-11 (2004) pula, prestasi UMNO bertambah baik setelah mampu menguasai 94 kerusi (92.2 peratus) daripada 102 kerusi parlimen yang mereka sertai. Bagi PAS, prestasi yang buruk diperoleh setelah menang tujuh kerusi daripada 83 kerusi yang mereka tandingi. Prestasi UMNO lebih baik berbanding PAS di kawasan pilihan raya yang mempunyai antara 50-90 peratus pengundi Melayu. Ibid., hlm. 102.
[68] Ibid., hlm. 102.

University of Malaya

ini ialah ketidakpuasan hati orang Melayu kepada Mahathir sebagai Perdana Menteri pada ketika itu yang memecat Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ahli UMNO. Secara langsung, menyebabkan orang Melayu menyokong PAS sebagai tanda protes mereka kepada UMNO. Justeru itu, Maznah mencadangkan UMNO dan PAS tidak seharusnya terlalu bergantung kepada sokongan orang Melayu dalam menghadapi sesuatu pilihan raya. Kedua-dua parti perlu mencari sokongan orang bukan Melayu sebagai sokongan tambahan daripada orang Melayu.[69]

Hasil penulisan Ahmad Atory Hussain yang bertajuk *Politik Melayu di Persimpangan* juga mengukuhkan lagi asas kajian ini. Hasil penulisan Ahmad Atory Hussain lebih memfokuskan kepada analisis keputusan PRU-12 (2008) yang memaparkan kebangkitan pembangkang dan kemerosotan parti pemerintah. Jika diteliti, penulisan Ahmad Atory Hussain sebenarnya telah menganalisis perpecahan politik Melayu. Hal yang demikian ini termasuklah menganalisis persoalan adakah UMNO dan BN yang berpecah? atau pengundi Melayu yang berpecah dengan memilih parti politik lain selain UMNO atau sengaja beralih angin untuk 'mengajar' UMNO dan BN.[70]

Kekuatan penulisan tersebut ialah analisis yang mendalam tentang kemerosotan yang dialami oleh UMNO dan BN. Ahmad Atory Hussain berpendapat, kemerosotan undi yang diperoleh oleh UMNO dan BN dalam PRU-12 (2008) merupakan kesinambungan daripada isu yang wujud semasa PRU-10 (1999) lagi terutamanya isu pemecatan Anwar Ibrahim. Faktor Anwar Ibrahim telah menggerhanakan politik UMNO dan BN terutamanya pada PRU-12 (2008) setelah Anwar Ibrahim muncul dan membuat *come back* dalam politik

[69] Lihat Maznah Mohamad. *The Contest for Malay Votes in 1999: UMNO's Most Historic Challenge*, hlm. 66-86.
[70] Lihat Ahmad Atory Hussain. *Politik Melayu di Persimpangan*, hlm. iii.

University of Malaya

apabila dibebaskan oleh pentadbiran Abdullah Badawi (Pak Lah) pada tahun 2005. Anwar Ibrahim melalui PKR kemudiannya memainkan peranan penting bersama-sama dengan PAS dan DAP dalam Barisan Alternatif (BA) yang kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR) selepas PRU-12 (2008).[71]

Mengenai cabaran persaingan politik terhadap perpaduan Melayu dan Islam, tulisan Mohamad Abu Bakar mempunyai perkaitan yang rapat dengan kajian ini. Mohamad Abu Bakar mengupas dengan panjang lebar isu perpaduan dengan menyatakan perpaduan ummah tidak pernah muncul sebagai persoalan dominan, definitif dan berterusan dalam perkembangan politik kepartian di Malaysia. Idea perpaduan Melayu-Islam sebenarnya mengalami tiga tahap perkembangan penting, bermula dari pemikiran 'Melayu Raya' yang berkembang seiring dengan perjuangan kebangsaan di Indonesia yang kemudiannya membuka jalan kepada perpaduan Melayu–Muslim di Semenanjung Malaysia.[72]

Hal yang demikian ini berikutan daripada orang Melayu yang berasal dari pelbagai negeri dan keturunan diseru bersatu terutama sekali pada tahun-tahun tiga puluhan berikutan penghijrahan beramai-ramai orang Cina dan India dan pengukuhan kedudukan mereka dari segi sosio-ekonomi. Perpaduan Melayu kadangkala menjadi saluran untuk membolehkan pencapaian sesuatu objektif sosial seperti yang berlaku ketika bangsa

[71] Mohd Atory Hussain menyenaraikan antara isu yang membawa kepada kekalahan BN dalam beberapa negeri di Semenanjung Malaysia pada PRU-12 (2008) ialah pertamanya masalah rasuah dalam kalangan sesetengah pegawai kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kastam, Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Keduanya, salah laku dalam sistem kehakiman. Ketiganya, pelaksanaan projek-projek kerajaan yang dilihat membazir dan tidak memberi faedah langsung kepada rakyat. Keempat, harga barang yang naik secara mendadak, selain daripada harga minyak dan diesel dan kelima ialah isu pengangguran dalam kalangan siswazah. Ibid., hlm. 258.

[72] 'Perpaduan Ummah' acapkali mengalami perubahan maksud, kadangkala disamaertikan dengan perpaduan Melayu, kadangkala disama tarafnya dengan perpaduan Muslim, kadangkala disama maknanya dengan perpaduan yang berteraskan Islam dan kadangkala serentak disinonimkan dengan kesemua ini. Lihat Mohamad Abu Bakar. *Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi*, hlm. 126.

University of Malaya

Melayu berdepan dengan *Malayan Union*. Adakalanya, perpaduan Melayu dipupuk untuk jangka pendek bagi mempertahankan kepentingan politik seperti peristiwa 13 Mei 1969 serta kadangkala perpaduan Melayu diletakkan beriringan dengan perpaduan ummah seperti waktu perarakan Maulidul Nabi dan perarakan Maal Hijrah.[73]

S. Husin Ali dalam tulisannya yang membicarakan masalah besar yang dihadapi oleh orang Melayu sememangnya relevan dengan kajian ini. Berdasarkan kepada hasil penulisan tersebut, S. Husin Ali menekankan pentingnya perpaduan yang melibatkan orang Melayu disebabkan oleh kuasa yang ada pada orang Melayu sekarang ini hanyalah kuasa politik.[74] Selain itu, kuasa politik dianggap penting kepada bidang lain seperti ekonomi dan pelajaran yang dipercayai mampu untuk memajukan atau sekurang-kurangnya mempertahankan hak, kedudukan dan kepentingan orang Melayu. Namun begitu, langkah-langkah bagi mewujudkan perpaduan dalam kalangan anggota satu-satu kaum itu tidak seharusnya menimbulkan perpecahan dan perkelahian di antara golongan kaum yang berlainan.[75]

Setelah diamati, penulisan S. Husin Ali telah mengupas pelbagai kemungkinan masa depan orang Melayu. Kupasan melalui penulisan tersebut bukan sahaja terarah kepada aspek politik (meliputi juga aspek agama, sosial, ekonomi, pembangunan dan hubungan kaum) bahkan menyusur galurkan perkembangan orang Melayu dalam aspek politik sejak awal kemerdekaan sehinggalah kepada penghujung 1990-an. Hal yang demikian ini termasuklah kegelisahan orang Melayu dan politik kerjasama UMNO, perpaduan orang

[73] Ibid., hlm. 126-127.
[74] Melihat kepada yang dimiliki sekarang ini, pengundi Melayu masih lebih ramai daripada yang lain dan kawasan pilihan raya di mana pengundi Melayu mempunyai majoriti lebih banyak daripada yang mempunyai majoriti bukan Melayu. Lihat S. Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, hlm. 48.
[75] Ibid., hlm. 48-51.

University of Malaya

Melayu dan PAS dalam kerajaan, pemerintahan era Mahathir sehinggalah kepada pemecatan Anwar Ibrahim.[76]

Selain itu, Kamarulnizam Abdullah melalui bukunya yang bertajuk *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia* mengupas mengenai persaingan politik antara UMNO dan PAS dalam era 1980-an dan 1990-an. Menurut pandangannya, jika persaingan politik tersebut berterusan untuk tempoh yang panjang, sudah pasti akan memberi impak kepada keseimbangan politik, sosial dan ekonomi. Hasil penulisan Kamarulnizam Abdullah juga turut menghubungkan peranan Islam dalam masyarakat dan kaitannya dengan politik dan penyatuan Melayu yang mempunyai kaitan secara langsung dengan keselamatan negara.[77]

Mohd Noor Yazid pula membincangkan persoalan kedudukan, gabungan dan kerjasama antara UMNO dan PAS. Terdapat tiga persoalan penting yang telah menjadi intipati dalam penulisan Mohd Noor Yazid. Pertama, wajarkah UMNO dan PAS bekerjasama dan bergabung? Kedua, apakah pentingnya kerjasama UMNO dan PAS kepada bangsa Melayu dan adakah dengan membentuk gabungan, bangsa Melayu akan menjadi kuat? Ketiga, bagaimana kerjasama UMNO dan PAS boleh dimulakan? Selain itu, Mohd Noor Yazid juga melihat kewajaran UMNO dan PAS perlu bersatu sebelum kuasa Melayu-Islam beralih tangan.[78]

Perpaduan UMNO dan PAS penting bagi bangsa Melayu dan Islam, tetapi tidak ada jalan singkat dan mudah bagi kedua-dua parti politik ini bekerjasama. Tambahan pula, UMNO dan PAS harus bersatu atas nama kebenaran untuk kestabilan bangsa dan negara

[76] Ibid., hlm. 51.
[77] Lihat Kamarulnizam Abdullah. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia,* hlm. 1-5.
[78] Lihat Mohd Noor Yazid. *Sebelum Kuasa Melayu Islam Beralih Tangan*, hlm. 2.

University of Malaya

tanpa melihat siapa yang mendapat untung, lebih berkuasa dan juga siapa memimpin dan siapa yang kena pimpin. Perpaduan pada kali ini mungkin juga berbeza dengan gabungan yang berlaku pada awal tahun 1970-an dahulu.[79]

Aminudddin Mohd Yusof telah menjelaskan rasional yang kerap dikemukakan tentang penggabungan UMNO dan PAS ialah kerana perbalahan ahli kedua-dua parti sudah begitu mendalam sehingga pada satu masa pernah menimbulkan fenomena 'dua imam' di kampung-kampung. Aminudddin Mohd Yusof juga melontarkan idea untuk mengatasi masalah konflik akibat daripada persaingan politik UMNO dan PAS iaitu bukanlah melalui percantuman antara kedua parti tersebut tetapi mempertajamkan "pendidikan demokrasi". Hal yang demikian ini kerana, sama ada UMNO mahupun PAS, masing-masing mempunyai peranan tersendiri untuk memenuhi keperluan dua kumpulan orang yang berbeza.[80]

Jika UMNO dan PAS bergabung atau bekerjasama, lama kelamaan akan muncul pula sebuah parti lain yang akan menggantikan PAS. Dengan kata lain, bahaya mencantum dua kumpulan yang mempunyai ideologi yang berbeza untuk mencapai matlamat yang sementara ialah persahabatan itu tidak akan kekal lama atau boleh membawa perpecahan dalam parti masing-masing pula. Oleh kerana UMNO dan PAS mewakili perasaan, sikap, nilai, ideologi dan pandangan hidup yang berbeza, kedua-duanya harus diberi peluang untuk terus hidup dan berkembang.[81]

---

[79] Ibid., hlm. 2.
[80] Lihat Aminuddin Mohd Yusof. *Melayu UMNO, Melayu PAS*, hlm. 99.
[81] Ibid., hlm. 100-101.

University of Malaya

Tulisan Hussain Yaakub pula mengupas mengenai PRU-10 (1999) yang menyaksikan UMNO telah ditolak oleh orang Melayu kesan daripada pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ahli UMNO. Tulisan Hussain Yaakub turut mengetengahkan pola *(trend)* perubahan sikap orang Melayu terhadap UMNO kesan pemecatan Anwar Ibrahim sehingga menyebabkan sokongan kepada PAS meningkat dengan mendadak. Selain itu, kupasan tentang kerjasama PAS dengan DAP juga diketengahkan. [82]

Penulisan Hussain Yaakub lebih menekankan faktor pemecatan Anwar Ibrahim sehingga memberi kesan besar kepada UMNO. Walau bagaimanapun, tulisan Hussain yang memfokus kepada isu atau peristiwa yang berlaku selepas PRU-11 (1999) dan menyatakan UMNO tidak relevan apabila orang Melayu celik politik tidaklah begitu tepat jika keputusan PRU-11 (2004) diambil kira. Hal yang demikian ini memandangkan UMNO dan BN telah mencatat sejarah kerana memenangi bilangan kerusi yang terbanyak dalam pilihan raya tersebut. Sebaliknya, bolehlah dikatakan bahawa UMNO tidak relevan dalama kalangan orang Melayu jika berlaku perpecahan dalam parti itu.[83]

Organisasi Kajian

Bagi merungkai persaingan politik Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dengan PAS dari tahun 1978 hingga 2013, sebanyak tujuh bab diketengahkan temasuk bab pendahuluan dan kesimpulan. Penulisan dalam kajian ini bermula dengan bab satu iaitu pendahuluan yang mengetengahkan persoalan kajian, objektif dan skop kajian. Selain itu,

[82] Lihat Hussain Yaakub. *Umno Tidak Relevan*, hlm. 1-21
[83] Ibid., hlm. 190-193.

University of Malaya

kandungan dalam bab ini juga mengutarakan tentang metodologi kajian, kepentingan kajian dan kajian literatur.

Intipati perbincangan bab dua pula ialah menganalisis latar belakang penubuhan dan perkembangan parti politik Melayu terutamanya UMNO dan PAS. Kupasan ini termasuklah melibatkan penubuhan UMNO yang kemudiannya menyaksikan UMNO mengalami masalah dalaman sehingga wujudnya PAS. Penghujung tahun 1980-an, UMNO sekali lagi berdepan dengan perpecahan dalaman parti yang kemudiannya berakhir dengan penubububuhan Parti Melayu Semangat 46. Manakala, pada tahun 1998, sekali lagi UMNO berdepan dengan krisis kepimpinan sehingga tertubuhnya PKR.

Bab tiga pula mengupas isu persaingan untuk memperkasakan agenda Islam yang diperjuangkan oleh parti politik Melayu. Bagi UMNO, isu Melayu lebih sinonim dengan perjuanganya manakala bagi PAS isu Islam menjadi teras perjuangan. Namun begitu, isu Islam dilihat lebih dominan dalam mempengaruhi perkembangan politik masyarakat Melayu. Justeru itu, analisis lebih menjurus kepada perbezaan dasar perjuangan parti politik Melayu, Dasar Islamisasi dan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Selain itu, isu-isu dalam persaingan politik Melayu seperti isu memartabatkan Islam, memperjuangkan hak Melayu, isu kafir mengkafir, isu hudud, fatwa-fatwa politik dan sebagainya turut diketengahkan. Hal yang demikian ini juga melibatkan perbezaan pendekatan yang diambil oleh parti tersebut dalam mencari pengaruh dan kuasa politik.

Bab empat pula berkaitan aspek perebutan kuasa dalam persaingan politik Melayu seperti persaingan menguasai undi Melayu terutamanya di negeri yang majoriti pengundi

University of Malaya

Melayu *(Malay Heartland)*, persaingan mendapatkan undi bukan Melayu dan persaingan memenangi isu pemerkasaan Islam. Hal yang demikian ini turut melibatkan perbezaan pendekatan yang diambil oleh parti tersebut dalam mencari pengaruh dan kuasa politik. Keadaan ini dilakukan dengan menganalisis pengaruh pilihan raya dan hubungannya dengan kekuatan politik Melayu. Hal yang demikian ini memandangkan, setiap kali pilihan raya diadakan, memberi kesan kepada survival politik Melayu.

Bab lima dalam kajian ini berkisar kepada aspek kepimpinan dan ketokohan dalam persaingan politik Melayu. Analisis dalam bab ini meliputi aspek persaingan kepimpinan yang melibatkan parti politik Melayu dalam pelbagai isu seperti dalam Isu Islam, isu menangani rasuah, isu pendidikan dan isu ekonomi. Bab enam pula, menganalisis isu perpaduan politik Melayu. Analisis melibatkan perpaduan Melayu melalui penyertaan Semangat 46 ke dalam UMNO, usaha perpaduan Melayu selepas berlakunya krisis Mahathir–Anwar. Perbincangan tersebut melibatkan kewajaran penyatuan politik antara UMNO dan PAS melalui 'kerajaan perpaduan' serta berkaitan sejauhmanakah relevannya perpaduan politik Melayu terutamanya antara UMNO dan PAS bagi menjamin kelangsungan politik Melayu dan Islam di negara ini? Manakala, bab tujuh ialah tentang kesimpulan.

Penutup

Sehingga kini, perkembangan politik Melayu banyak mewarnai politik negara sejak penubuhan UMNO (1946) dan kemudiannya PAS (1951). Politik Melayu masih penting dan relevan serta masih menjadi sendi kepada perkembangan politik di Malaysia. UMNO

University of Malaya

dikaitkan dengan satu-satunya parti politik yang membela kepentingan Melayu di negara ini. Persepsi ini seringkali diketengahkan sehingga wujudnya persepsi bahawa sekiranya kedudukan UMNO goyah, kuasa politik Melayu juga turut menerima nasib sama. Kuasa politik Melayu boleh menjadi pudar. Justeru itu, cara terbaik ialah orang Melayu perlu terus 'berpayung' bersama UMNO.

PAS muncul sebagai sebuah parti politik yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan telah menolak asas kebangsaan Melayu yang menjadi teras perjuangan UMNO. Pada masa sama, PAS mendakwa parti itu merupakan satu-satunya parti politik yang memperjuangkan Islam di negara ini. Dakwaan PAS tersebut berjaya mewujudkan persepsi dalam kalangan masyarakat sehingga wujud perkaitan bahawa "PAS itu Islam dan Islam itu PAS". Justeru itu, jika mahukan Islam, platform yang terbaik ialah terus bersama PAS.

PAS dalam usaha menandingi UMNO untuk menjadi parti alternatif kepada orang Melayu dan Islam di negara ini, berusaha sedaya upaya walaupun sehingga kini masih lagi gagal untuk menggantikan UMNO memerintah di peringkat persekutuan (kecuali melalui kerjasama dengan UMNO melalui penubuhan kerajaan campuran dan BN). Pencapaian terbaik PAS dalam pilihan raya hanya pernah dan menguasai negeri yang majoriti penduduknya Melayu dan Islam seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah. Selama mana wujudnya amalan demokrasi di Malaysia, adalah dipercayai UMNO dan PAS akan terus bersaing, kecuali jika wujudnya penyatuan atau perpaduan melalui kedua-dua parti politik tersebut. Jika wujudnya persaingan yang berterusan, persaingan yang berlaku haruslah bersifat matang dan rasional dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan individu dan parti.

University of Malaya

Persaingan dalam gelombang demokrasi terutamanya melalui pilihan raya boleh menjadi puncak kepada ketirisan kuasa politik Melayu sekiranya pemimpin Melayu gagal membaca ‘rentak’ politik. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dikhuatiri boleh menjejaskan masa depan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu. Sungguhpun terdapat perbezaan ketara dari segi ideologi perjuangan dan pendekatan yang diambil dalam sesuatu isu sehingga menampakkan kesukaran untuk diserasikan antara dua parti politik Melayu ini iaitu UMNO dan PAS, dipercayai masih terdapat ruang-ruang yang boleh diterokai bersama secara adil dan saksama. Situasi ‘sama-sama menang’ perlulah menjadi landasan terbaik untuk kedua-dua pihak yang terlibat.

University of Malaya

BAB 2: SEJARAH PERSAINGAN DAN PERPECAHAN PARTI POLITIK MELAYU

Pengenalan

Di Malaysia (Tanah Melayu), Parti Komunis Malaya (PKM) dan Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan dua buah organisasi yang terawal muncul dalam kancah politik. PKM terus wujud selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua, tetapi KMM hanya wujud sehingga zaman pendudukan Jepun (1942 - 1945). Lantaran itu, selepas Perang Dunia Kedua muncul pula sebuah parti politik Melayu yang baru bagi meneruskan perjuangan KMM iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Kebangkitan orang Melayu menentang *Malayan Union* menyebabkan wujudnya sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau lebih dikenali sebagai *United Malays National Organisation* (UMNO). Tindakan UMNO yang mengamalkan dasar politik yang bercorak rundingan ternyata disenangi oleh pihak British sehingga menyebabkan parti-parti politik lain seperti PKM, PKMM, API (Angkatan Pemuda Insaf), PETA (Pembela Tanah Air) dan Hizbul Muslimin digolongkan sebagai parti politik yang berhaluan kiri dan diharamkan oleh pihak British sehingga berlakunya penangkapan pemimpin utamanya.

Pengharaman parti politik yang dikatakan bersikap radikal dan pelaksanaan *Malayan Union* oleh pihak British membuka ruang kepada UMNO di bawah pimpinan Onn

University of Malaya

Jaafar meneruskan perjuangan untuk menebus maruah bangsa Melayu dan tanah air yang dijajah sekian lama. Kepimpinan Onn Jaafar berjaya menyatukan sebahagian besar orang Melayu melalui penubuhan UMNO. UMNO pada ketika itu memberi tekanan kepada pihak British sehingga berjaya memaksa pihak British menghentikan pelaksanaan *Malayan Union*.

Persaingan sengit yang berlaku dalam UMNO disebabkan pengaruh dan tekanan daripada golongan agama (ulama) dalam UMNO yang mahukan Islam dijadikan unsur penting dalam negara ini telah menyebabkan muncul pula PAS. PAS yang berasal berasal daripada Biro Agama dalam UMNO boleh diibaratkan sebagai 'anak kandung UMNO'. Bagi PAS, tindakan UMNO yang bersifat toleran kepada masyarakat bukan Melayu terutamanya dalam isu kerakyatan serta kegagalan UMNO untuk memperjuangkan kepentingan Islam di negara ini menyebabkan parti tersebut membuat keputusan untuk bergerak sebagai sebuah parti politik. PAS akhirnya menjadi sebuah pertubuhan politik yang terpisah dengan UMNO dan seterusnya menjadi pesaing UMNO.

Bagi menganalisis politik Melayu, penglibatan UMNO dan PAS tidak boleh diketepikan kerana kedua-dua pertubuhan politik tersebut berperanan besar menguasai pemikiran masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Kewujudan UMNO dan PAS di persada politik negara dalam tempoh yang panjang, menyebabkan sumbangan kedua-dua parti tersebut kepada masyarakat cukup besar terutamanya orang Melayu di negara ini. Tindakan UMNO dan PAS menjadikan orang Melayu sebagai golongan sasaran bagi mencari pengaruh dan kuasa, menyebabkan persaingan untuk mencapai matlamat tersebut menjadi semakin hebat.

University of Malaya

Sejarah kewujudan dan perkembangan parti politik Melayu yang diwarisi sehingga ke hari ini adalah berpaksikan UMNO dengan kewujudan parti politik Melayu lain seperti PAS, Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Parti-parti tersebut merupakan parti yang ditubuhkan oleh mereka yang pernah menyumbang kekuatan kepada UMNO dan dianggap sebagai parti serpihan UMNO. Namun begitu, kewujudan PAS telah memberikan persaingan sengit kepada UMNO. UMNO dan PAS merupakan parti politik yang sentiasa bersaing antara satu sama lain untuk menjadi 'juara' dalam membela kepentingan orang Melayu dan Islam di negara ini.

UMNO dengan PAS sentiasa bersaing terutamanya dalam pilihan raya dan kedua-dua parti politik Melayu ini juga mempunyai prestasi yang mengagumkan dalam membuat penyesuaian dan responsif kepada perubahan semasa. Masing-masing mempunyai strategi untuk memastikan parti terus kekal relevan atau sekurang-kurangnya untuk mempertahankan parti daripada 'serangan' dalaman dan luaran. Justeru itu, adalah wajar untuk bab ini menyusur galurkan perkembangan politik UMNO dan PAS serta parti politik Melayu lain seperti Semangat 46, BERJASA dan PKR.

Perpaduan Melayu dan Penubuhan UMNO

Perkembangan politik kepartian di Tanah Melayu pada penghujung tahun 1940-an lebih terarah kepada perjuangan membebaskan negara ini daripada penguasaan penjajah. Bagi menyusur galurkan perkembangan awal politik orang Melayu, senario tersebut boleh dilihat daripada dua golongan politik iaitu golongan radikal dan golongan sederhana (konservatif). Golongan radikal (golongan kiri) merujuk kepada golongan ahli politik yang menentang

University of Malaya

atau tidak sealiran dengan keadaan masyarakat Melayu pada masa itu yang diketuai oleh golongan raja dan bangsawan Melayu.[84]

Golongan tersebut (radikal) menggunakan Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebagai organisasi bagi menggalakkan kesedaran politik dengan menentang penjajahan British. KMM yang kuat dipengaruhi oleh perkembangan politik di Indonesia adalah berlandaskan fahaman nasionalisme Melayu yang luas.[85] Golongan sederhana pula terdiri daripada mereka yang mempertahankan dan menerima susun lapis serta struktur masyarakat Melayu dan kepimpinan raja dan kaum bangsawan dalam masyarakat Melayu. Golongan tersebut melihat keadaan ini sebagai sesuatu yang betul dan tidak perlu dihapuskan. Penentangan terhadap penjajahan masih berlaku, tetapi cara penentangan bukanlah dengan kekerasan.

---

[84] Menurut Khoo Kay Kim, perbincangan tentang kewujudan golongan kiri dalam kalangan orang Melayu antara tahun 1945 dan 1948, golongan kiri Melayu pada mulanya boleh didefinisikan sebagai 'mereka yang menentang UMNO' kerana UMNO dapat berunding dengan pihak British dalam politik. Golongan kiri ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa kelompok. Pertamanya, kelompok 'kiri pelampau'. Kelompok ini merupakan kelompok yang paling jauh daripada pihak berkuasa dan mempunyai komitmen yang jelas dari segi ideologi kerana terlibat secara langsung dengan PKM. Kelompok ini paling kurang mendapat sokongan daripada masyarakat Melayu. Kelompok kedua ialah kelompok 'kiri komited' yang lebih cenderung kepada sosialisme dan mahu melihat perubahan struktur dilakukan terhadap masyarakat Melayu. Kelompok ketiga ialah kelompok 'kiri Islam' iaitu mereka yang terlibat dengan Hizbul Muslimin yang dipimpin oleh Abu Bakar Al-Baqir. Hizbul Muslimin mempunyai pengikut yang ramai melalui PEPERMAS, MATA dan LEPIR. Dr. Burhanuddin juga tergolong dalam kelompok ini walaupun tidak terlibat secara langsung. Malah, kerana pengaruh Dr. Burhanuddin, ramai golongan ulama, termasuk Abu Bakar Al-Baqir menyokong PKMM iaitu parti yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin. Setelah Dr. Burhanuddin dilantik menjadi Presiden PAS pada 1956, kebanyakan dari kelompok ini turut menyertai PAS. Keempat ialah kelompok 'kiri fana' yang dikatakan paling mudah membuat penyesuaian. Beberapa orang pemimpin SABERKAS boleh digolongkan dalam kelompok ini. Perjuangan kelompok ini tidak berasaskan sesuatu ideologi sehingga ada yang menganggotai UMNO, PKMM, API dan AWAS. Kelima ialah kelompok yang mempunyai pegangan nasionalistik yang kuat dan dianggap kiri bukan disebabkan oleh ideologi, tetapi kerana menentang UMNO yang mempunyai hubungan rapat dengan British yang banyak memberi kelonggaran kepada golongan bukan Melayu seperti Kesatuan Melayu Semenanjung pimpinan Ahmad Jamal dan Hashim Ghani yang mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Melayu Johor pimpinan Dr. Hamzah. Lihat Khoo Kay Kim. *The Malay Left 1945-1948: A Prelimenary Discourse*. Sarjana 1 (1). 1981, hlm. 167-184. Lihat juga Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2009, hlm. 21-23.

[85] Golongan pemuda nasionalis dalam KMM tidak mengakui KMM dipengaruhi oleh parti politik dari Indonesia. Sebaliknya, mereka mengaitkannya dengan gerakan Turki Muda *(Young Turks)*. Didapati bahawa, Penubuhan KMM adalah sebenarnya dipengaruhi oleh perkembangan politik nasionalisme Indonesia dengan mengikut model Jong Jawa dan Jong Sumatera. Pada masa sama, majlis penubuhan KMM juga turut dihadiri oleh Sutan Jenain yang merupakan pelarian politik dari Indonesia. Lihat Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, hlm. 38.

University of Malaya

Desakan untuk memperbaiki ekonomi, pelajaran dan kedudukan politik orang Melayu tetap dilakukan tetapi dengan cara Perlembagaan, Majlis Mesyuarat Negeri, persatuan-persatuan negeri dan daerah serta kelab-kelab sosial.[86]

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, PKMM muncul sebagai sebuah organisasi politik Melayu baru bagi meneruskan perjuangan KMM. Kemunculan PKMM kemudian diikuti pula dengan penubuhan beberapa buah organisasi yang bergabung dengannya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Malaya (BATAS).[87] Tegasnya, pada akhir tahun 1945 dan awal tahun 1946, isu penubuhan PKMM dan cadangan pelaksanaan *Malayan Union* oleh penjajah British merupakan antara isu besar yang menjadi topik perbincangan dalam masyarakat.

Pengumuman cadangan *Malayan Union* telah menarik perhatian orang Melayu. Hal yang demikian ini kerana, beberapa perkara yang terkandung dalam cadangan *Malayan Union*, terutamanya berkaitan isu pemberian taraf kerakyatan kepada penduduk bukan Melayu berdasarkan prinsip *jus soli* dan penghapusan kuasa Raja-Raja Melayu. Pemberian taraf kerakyatan yang longgar kepada orang bukan Melayu dikhuatiri boleh menjejaskan hak dan kepentingan mereka memandangkan bilangan orang bukan Melayu boleh menyamai bilangan penduduk Melayu.[88] Pada masa sama, berlaku peningkatan ketara

---

[86] Ibid., hlm. 38-39.

[87] Angkatan Pemuda Insaf (API) ditubuhkan pada 17 Februari 1946 sebagai sayap pemuda PKMM. Angkatan Wanita Sedar (AWAS) pula berasal dari bahagian wanita atau jabatan wanita PKMM yang sempat mempunyai tiga orang ketua iaitu Khatijah Ali, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. Manakala, Barisan Tani Malaya (BATAS) merupakan sebuah lagi badan gabungan PKMM yang ditubuhkan untuk menguatkan gerakan PKMM dalam kalangan kaum tani walaupun penubuhannya lewat sedikit berbanding dengan API dan AWAS. Ibid., hlm. 15-16 dan hlm. 75-79.

[88] Pada tahun 1947, jumlah penduduk bukan Melayu adalah seramai 1,885,000 orang, iaitu mewakili 38.4 peratus jumlah penduduk. Jumlah ini menyebabkan orang Melayu menjadi sangat gelisah, apatah lagi ketika itu orang Melayu masih berada di bawah penguasaan penjajah. Lihat Ahmad Atory Hussain. *Melayu di*

University of Malaya

terhadap bilangan pengundi bukan Melayu selepas negara mencapai kemerdekaan. (Jadual 2)

Jadual 2: Agihan Pengundi Mengikut Kaum Bagi Tahun 1955 dan 1959

Kaum	**1955**		**1959**	
	Pengundi	**Peratus**	**Pengundi**	**Peratus**
Melayu	1,078,000	84.2	1,217,000	56.8
Cina	143,000	11.2	764,000	35.6
India	50,000	3.9	159,000	7.4
Lain-lain	9,000	0.7	4,000	0.2
Jumlah	**1,280,000**	**100**	**2,144,000**	**100**

Sumber: Ratnam, *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, 1969.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) merupakan sebuah parti politik Melayu yang paling awal ditubuhkan di Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah di negara ini. Parti ini ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Penubuhannya bertujuan untuk mengisi kekosongan politik Melayu pada masa itu di samping menjadi satu badan gerakan politik radikal bagi orang Melayu Perak dan Semenanjung.[89] Parti ini merupakan parti politik yang pertama ditubuhkan oleh orang Melayu selepas penjajahan Jepun berakhir.[90]

Penubuhan PKMM sebagai sebuah parti politik baru telah menarik perhatian golongan muda yang berminat dengan gerakan politik antikolonial, kerana PKMM dianggap sebagai penyambung perjuangan KMM yang gagal untuk membawa

Persimpangan: Satu Analisis Pilihan Raya Umum 2008. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd. 2009, hlm. 346.

[89] Selain daripada PKMM, kebangkitan orang Melayu di Perak turut menyaksikan kelahiran beberapa pertubuhan politik lain seperti KMM, KRIS, HM, API, AWAS dan PUTERA. Malahan, pertubuhan ini juga turut dibarisi oleh golongan muda kelahiran Perak bagi mengisi perjuangan tersebut seperti Dr. Burhanuddin (Kota Bharu, Gopeng), Abdullah CD (Parit), Abu Bakar Al-Baqir (Gunung Semanggol), Rashid Maiden (Tapah), Zulkifli Mohamad (Kuala Kangsar), Hassan Adli (Bagan Datoh), Ahmad Fuad Hassan (Sitiawan), Ahmad Boestamam (Tanjung Malim), Baharuddin Latif (Lekir, Sitiawan), Musa Ahmad (Tapah) dan Abdul Aziz Ishak (Taiping). Lihat Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2004, hlm. 81.

[90] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1996, hlm. 31.

University of Malaya

kemerdekaan di bawah Indonesia Raya pada tahun 1945.[91] Pada peringkat awal penubuhannya, wujud pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) dalam PKMM jika dilihat dari segi keanggotaan ahli jawatankuasanya. Hal yang demikian ini kerana, Mokhtaruddin Lasso (Presiden pertamanya), Arshad Ashaari (Bendahari), Abdullah C.D (ahli jawatankuasa kerja) merupakan ahli PKM. Manakala, Musa Ahmad, Baharuddin Latif dan Samsuddin Salleh dikatakan bersifat sosialis. Golongan radikal Melayu hanya memegang jawatan yang kurang penting dalam PKMM seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy sebagai Timbalan Presiden,[92] Dahari Ali sebagai Setiausaha, Ahmad Boestamam sebagai Ketua Pemuda dan Aishah Ghani sebagai Ketua Wanita. Keadaan ini bagi mengimbangi pengaruh PKM yang tidak mudah diketepikan dalam PKMM di peringkat awal penubuhannya itu.[93]

Pengaruh PKM juga jelas dilihat dalam Perlembagaan PKMM setelah wujudnya unsur persamaan dengan objektif penubuhan PKMM.[94] PKMM adalah pertubuhan yang didukung oleh golongan radikal Melayu yang menggunakan konsep Melayu Raya dan melihat Indonesia sebagai negara induk bagi negeri-negeri Melayu dalam Kepulauan

---

[91] Lihat Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan dan Tokoh Kiri: Kamarulzaman Teh Dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan.* Petaling Jaya. Strategic Information and Research Development Centre. 2006, hlm. 40.

[92] Dr. Burhanuddin telah dilantik menjadi Yang Dipertua Agung PKMM setelah Yang Dipertua Agung PKMM yang pertama iaitu Mokhtaruddin Lasso kembali ke Jakarta bagi menentang Belanda tidak lama selepas parti itu ditubuhkan pada 17 Oktober 1945. Sewaktu PKMM ditubuhkan di Ipoh, Dr. Burhanuddin tidak terlibat secara langsung sebagai pengasasnya. Dr. Burhanuddin telah dijemput untuk menjadi pemimpin sehinggakan tidak dapat menentukan corak politik dan dasar PKMM sejak di peringkat awal. Dengan itu, peranan dan penyerapan masuk anggota-anggota PKM ke dalam PKMM adalah di luar kawalannya. Sungguhpun begitu, Dr. Burhanuddin bukanlah seorang komunis atau terpengaruh dengan komunisme. Pendidikan Islam yang diterimanya dan pengalamnnya yang luas dalam isu-isu gerakan politik Islam di India dan Timur Tengah menjadikannya cukup kental dengan pegangan hidupnya. Dr. Burhanuddin menolak komunisme sebagai satu ideologi politik dan sebagai satu sistem kepercayaan. Ibid., hlm. 42. Lihat juga Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 84. Lihat juga Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 31dan hlm. 34.

[93] Menurut Dahari Ali, Setiausaha PKMM yang pertama dan salah seorang pengasas PKMM, beberapa orang tokoh komunis telah menjadi penasihat dan anggota PKMM seperti Sutan Djenain, Rashid Maidin dan Abdullah C. D. Beberapa orang lain pula telah memegang jawatan dalam PKMM seperti Musa Ahmad sebagai Ketua BATAS dan Shamsudin Salleh sebagai Ketua Jabatan Sosial. Lihat Ahmad Boestamam. *Merintis Jalan Ke Puncak*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora. 1972, hlm. 57, 60 dan 65. Lihat juga Aishah Ghani. *Memoir Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992, hlm. 24. Lihat juga Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 84.

[94] Lihat Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 84.

University of Malaya

Melayu.[95] Dengan menggunakan seruan 'Merdeka', PKMM cuba mendapatkan pengaruh daripada golongan bawahan, terutama yang mempunyai darah keturunan Indonesia. PKMM berjaya meluaskan pengaruhnya di seluruh Tanah Melayu dengan keanggotaan seramai 53,380 orang pada bulan Disember 1947.[96]

Dalam kongres PKMM yang pertama di Ipoh, Perak pada bulan November 1945, PKMM pada mulanya menerima idea *Malayan Union*. PKMM bersetuju terhadap prinsip *Malayan Union* yang mahu mewujudkan idea negara kesatuan. Alasan penerimaan PKMM terhadap konsep *Malayan Union* adalah:

> "Tuntutan Parti Kebangsaan Melayu Malaya dahulu, mahu menerima *Malayan Union*, tetapi *Malayan Union* menurut corak dan bentuk Melayu iaitu mengikut semangat permulaan *treaty* di antara Raja-Raja Melayu dengan British, menurut erti Melayu terjemahan Malayan itu adalah suatu tuntutan menurut hasrat sejati bangsa Melayu bukan *Malayan Union* buatan England."[97]

Asas kepada penerimaan *Malayan Union* oleh PKMM yang dimaksudkan oleh Dr. Burhanuddin ialah hasratnya untuk membentuk sebuah negara Melayu yang berteraskan kebangsaan Melayu sejati. Dr. Burhanuddin berharap, British melahirkan semula negara Melayu yang bersatu, bukan berpecah dalam negeri-negeri kecil seperti dahulu. Negara Melayu yang diharapkan ialah sebuah negara yang berwajah Melayu seperti keadaannya semasa British menandatangani penjanjian dengan Raja-Raja Melayu dahulu.[98] Tindakan PKMM yang menyokong penubuhan *Malayan Union* disifatkan bertentangan dengan arus

---

[95] Sokongan daripada parti di Indonesia membolehkan Dr. Burhanuddin dan PKMM menentang UMNO dengan lebih gagah lagi. UMNO merupakan lawan PKMM nombor satu yang dipimpin oleh Onn Jaafar. Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 40.
[96] Lihat Ramlah Adam. *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993, hlm. 79.
[97] Lihat Kamaruddin Jaafar. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*, hlm. 108.
[98] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 46-47.

University of Malaya

politik sebilangan besar orang Melayu dan Raja-Raja Melayu yang menentang *Malayan Union*.[99]

PKMM melalui Dr. Burhanuddin kemudiannya menyedari kesilapan dalam memahami konsep *Malayan Union* tajaan British. *Malayan Union* cadangan British bertujuan untuk membina sebuah negara kesatuan yang berdasarkan *Malayan*. Hal ini bermakna, bagi British, dasar kenegaraan *Malayan Union* adalah berdasarkan kepada pembentukan sebuah negara bangsa baru yang tidak berdasarkan sejarah silam yang menunjukkan keagungan bangsa dan kerajaan Melayu. Inilah perkara yang tidak dipersetujui oleh PKMM.[100] Mulai Februari 1946, dasar PKMM terhadap *Malayan Union* telah berubah kepada menentang *Malayan Union*.[101]

Perbezaan antara PKMM dan UMNO tidak menghalang kedua-dua parti tersebut untuk bersama-sama menentang *Malayan Union*. PKMM telah menyertai Kongres Melayu Se-Malaya yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 untuk bersama-sama menentang gagasan itu. PKMM turut menghadiri Kongres Melayu Kedua yang diadakan di Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946 yang menyaksikan penubuhan UMNO. Dr. Burhanuddin dan Zulkifli Auni bagi pihak PKMM menandatangani Piagam Penubuhan UMNO 1946, perlembagaan pertama UMNO sebagai satu pertubuhan politik. Dr. Burhanuddin dan Zulkifli Auni adalah pihak ke-16 yang menandatangani Piagam UMNO tersebut.[102] Dengan itu, PKMM turut menaja penubuhan UMNO dan

[99] Ibid., hlm. 56.
[100] Ibid., hlm. 47.
[101] Ibid., hlm. 60.
[102] Ibid., hlm. 56. Lihat juga Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 105.

University of Malaya

bergabung dengan UMNO bersama-sama persatuan negeri dan profesional Melayu yang lain.[103]

PKMM kemudiannya menarik diri daripada UMNO dalam mesyuarat UMNO yang diadakan di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946 setelah gagal mencapai beberapa persetujuan bersama berkenaan dengan beberapa isu.[104] Pertamanya, isu besar yang melingkari perhubungan PKMM dan UMNO ialah dasar parti yang diyakini jauh berbeza antara satu sama lain. Kedua-dua parti tersebut mempunyai dasar politik yang berbeza. PKMM mempunyai satu dasar politik yang bersifat liberal dan dilihat berhaluan kiri serta mengambil kira persekitaran Nusantara (Indonesia) dan antarabangsa sebagai ideologi dan kerangka politiknya. Manakala, UMNO memperjuangkan sesuatu yang sangat tertutup dan bersifat Melayu sepenuhnya. Pandangan politik PKMM merupakan sesuatu yang sangat progresif jika dibandingkan dengan UMNO.[105]

UMNO ditubuhkan bukan sahaja dengan matlamat yang berbeza daripada PKMM, tetapi juga dengan struktur dan rangka yang berlainan. UMNO tidak dipengaruhi oleh mana-mana unsur luar sebagaimana PKMM yang banyak dipengaruhi oleh Parti Komunis

---

[103] Tindakan PKMM yang pada awalnya menyokong penubuhan *Malayan Union* dan kemudiannya menentang disifatkan sebagai satu strategi politik dan mempunyai perancangan yang tersirat. Sokongan kepada *Malayan Union* kerana prinsipnya sesuai dengan matlamat politik Dr. Burhanuddin dan PKMM seperti prinsip sebuah negara kesatuan, penghapusan kuasa Raja Melayu, penyatuan pentadbiran agama Islam dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Selain itu, tindakan tersebut dikaitkan dengan wujudnya kemungkinan PKMM ingin menggunakan taktik yang sama semasa pendudukan Jepun. Pada masa itu, mereka telah bekerjasama dengan Jepun dengan menjadi pegawai-pegawai Jepun dan dengan itu Jepun kemudian memberi kemerdekaan bersama Indonesia. Justeru itu, dengan menyokong *Malayan Union* dan British, mereka akan diterima sebagai pegawai British dan apabila kemerdekaan diserahkan kepada orang tempatan, golongan radikal daripada PKMM yang akan menjadi pemimpin Melayu. Manakala, tindakan PKMM yang menyertai Kongres 1946 untuk mengutuk *Malayan Union*, bolehlah dianggap sebagai satu usaha untuk mengelakkan PKMM dipandang serong oleh orang Melayu. Keduanya, menguji kepimpinan dan pengaruh PKMM dalam masyarakat Melayu. Ketiga, desakan PKM yang menjadi sekutu PKMM. PKM berharap PKMM akan muncul sebagai pemimpin bagi Kongres 1946 itu. Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 49 dan 57.

[104] Lihat Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, hlm. 67-68.

[105] Lihat Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 116.

University of Malaya

Malaya. UMNO ditubuhkan atas kesedaran orang Melayu untuk mempertahankan nasib mereka dari penjajahan British melalui *Malayan Union*. Kesedaran tersebut merupakan kemuncak perpaduan dan kegiatan nasionalisme Melayu yang telah berlaku sejak awal kurun ke-20.[106]

Kedua, terdapat beberapa cadangan PKMM tidak diterima oleh pihak UMNO. Misalnya, PKMM telah mencadangkan kepada Kongres 1946 yang ditubuhkan untuk menentang *Malayan Union* supaya menggunakan cara kekerasan. Cadangan tersebut berbeza dengan pendekatan politik Kongres 1946 dan para pemimpinnya yang telah menggunakan pendekatan politik yang sederhana, tidak radikal bagi membantah *Malayan Union.* Perbezaan ini menjadi masalah utama yang mempengaruhi kedudukan PKMM dalam UMNO. Oleh itu, alternatif yang terbaik ialah berpisah.[107]

Ketiganya ialah soal kepimpinan dalam UMNO. PKMM tidak berpuas hati kerana wakil PKMM tidak seorang pun dilantik menjadi pemimpin UMNO. Kesemua pemimpin Majlis Kerja Tertinggi UMNO dipegang oleh 'orang besar' yang datang dari negeri-negeri Melayu. Situasi tersebut menyebabkan PKMM tidak berpuas hati dengan UMNO. PKMM merasa kedudukannya terlalu kecil dalam UMNO sedangkan PKMM lebih awal ditubuhkan dan diyakini lebih berpengaruh. Penarikan diri PKMM daripada UMNO merupakan satu jalan terbaik untuk parti itu mengekalkan identitinya dari tenggelam dan terus ditelan oleh UMNO.[108]

---

[106] Ibid., hlm. 117.
[107] Ibid., hlm. 7.
[108] Ibid., hlm. 7 dan 119-120.

University of Malaya

Keempat ialah perselisihan tentang bendera UMNO. Keadaan ini merupakan kemuncak kepada penarikan diri PKMM daripada UMNO. Tindakan ini berlaku semasa Persidangan Majlis Agung UMNO Kedua di Ipoh, Perak pada 29 dan 30 Jun 1946.[109] Sebanyak 34 buah persatuan hadir pada persidangan ini. PKMM mahu bendera Merah Putih, yang sama dengan bendera PKMM sendiri dan sama pula dengan bendera negara Indonesia untuk dijadikan bendera UMNO. Setelah usul PKMM dikalahkan dengan satu undi, Ahmad Boestamam yang menjadi jurucakap PKMM menyatakan dengan panjang lebar pendirian partinya tentang beberapa isu politik, khasnya tentang kemerdekaan yang penuh bagi Tanah Melayu dan tentang penyatuan dengan Indonesia. Selepas mengakhiri ucapannya dengan slogan 'Merdeka', Ahmad Boestamam dan semua perwakilan serta penyokong PKMM keluar daripada mesyuarat tersebut.[110]

---

[109] Di dalam Persidangan Majlis Agung UMNO yang kedua di Ipoh inilah antara lain, perkara corak dan bentuk bendera UMNO telah dibincang dan diambil keputusan. Pelbagai contoh bentuk bendera dibawa dan dikemukakan oleh wakil dengan setiap seorang wakil yang berkenaan telah menerangkan maksud dan pengertian mengenai warna dan sesuatu gambaran yang terkandung di dalam contoh bendera yang dicadangkan itu. Berdasarkan beberapa contoh bendera itu, ada empat contoh yang menarik perhatian ramai iaitu pertamanya corak tiga warna berjalur Hitam, Hijau dan Putih yang dicadangkan oleh Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ). Kedua, warna Merah, Putih selari yang dicadangkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ketiga, Warna Merah Putih dengan ditengahnya gambar sebelah Keris berwarna Hijau yang dicadangkan oleh Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam dan keempat, warna Merah Putih dengan ditengahnmya gambar sebilah Keris berwarna Hijau terletak di tengah bulatan warna Kuning yang dicadangkan oleh Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur. Bendera ini dapat ditafsirkan sebagai warna Merah sebagai lambang keberanian, warna Putih sebagai lambang kesucian, warna kuning sebagai lambang diraja, warna Hijau sebagai lambang agama Islam dan gambar keris melambangkan keutuhan bangsa Melayu. PKMM membawa cadangan yang berkehendakkan supaya bendera yang berwarna Merah dan Putih, bendera Indonesia menjadi bendera UMNO. Ishak bin Haji Mohamad wakil daripada PKMM telah membawa cadangan tersebut dan telah berucap panjang di dalam perkara itu sambil menegaskan bahawa Merah Putih itulah corak bendera pusaka bangsa Melayu sejak zaman berzaman. Wakil daripada PKMM turut menyeru supaya persidangan menerima cadangannya itu. Setelah berlakunya perbahasan yang hebat dan dibuat undian. Akhirnya persidangan telah menolak cadangan PKMM dan juga cadangan daripda PMSJ dan cadangan Sabak Bernam. Persidangan bersetuju dengan bendera yang dicadangkan oleh Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur. Setelah mendapati cadangan mereka ditolak, ketika itulah wakil PKMM yang diketuai oleh Ishak Haji Mohamad dan Ahmad Boestamam telah keluar dari Persidangan Majlis Agung UMNO dan terus menarik diri. Lihat Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1981, hlm. 140-141. Lihat juga Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. *Dato' Onn Jaafar: Tokoh Nasionalis*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn. Bhd. 1987, hlm. 60-61. Lihat juga Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, hlm. 67.

[110] PKMM hanya kalah satu undi sahaja (mendapat 23 undi) berbanding cadangan Ikatan Setia Kampung Baru berjaya memperoleh 24 undi. Manakala, cadangan Onn Jaafar dari Pergerakan Melayu Semenanjung Johor hanya mendapat 19 undi. Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 52-53.

University of Malaya

Perkembangan politik di Tanah Melayu juga mempunyai kaitan dengan kegiatan nasionalisme orang Melayu untuk menebus maruah setelah dijajah beratus-ratus tahun. Tindakan British secara berterusan merobek sistem politik tradisional Melayu terutamanya dengan melaksanakan rancangan *Malayan Union* telah memberi kesan besar kepada orang Melayu. Dengan kedudukan politik seperti itulah, orang Melayu telah bersatu melalui Kongres 1946 bagi menentang cadangan melaksanakan *Malayan Union* yang kemudiannya diperkenalkan secara rasmi oleh pihak British pada 1 April 1946. Pengenalan *Malayan Union* ini menarik perhatian kerana memperlihatkan satu perubahan besar dalam dasar politik British yang begitu drastik sehingga orang Melayu dan Raja-Raja Melayu bangkit menentang cadangan tersebut.[111]

Pelaksanaan *Malayan Union* melahirkan satu kesedaran politik yang tinggi dalam kalangan orang Melayu. Kelahiran pemimpin kebangsaan Melayu dan persatuan negeri yang mendukung Kongres 1946 telah mewujudkan satu semangat kesatuan dan kekitaan yang tidak pernah wujud dalam sejarah orang Melayu di Tanah Melayu. Tuntutan orang Melayu pada masa itu hanyalah untuk menghapuskan *Malayan Union*. Buat pertama kalinya orang Melayu daripada pelbagai latar belakang dari negeri-negeri Melayu telah bersatu kerana mereka sedar tanpa perpaduan, mereka akan menjadi bangsa yang lemah dan memungkinkan kehilangan bangsa mereka sendiri. Tindakan ini memperlihatkan orang Melayu bangkit menentang penjajah walaupun tidak dinafikan bahawa terdapat percubaan

[111] *Malayan Union* yang dirancangkan sejak tahun 1943 oleh Pejabat Perang, Pejabat India dan Pejabat Tanah Jajahan Britain telah dibentuk dengan tujuan untuk melicinkan dan mencantumkan pentadbiran Negeri-negeri Melayu bagi menyediakan kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Pelaksanaan *Malayan Union* juga dikatakan sebagai satu cara 'mengajar' Raja-Raja Melayu kerana bekerjasama dengan Jepun. Ada juga yang mengatakan untuk menjaga kepentingan ekonomi getah Tanah Melayu dan Asia Tenggara dari dikuasai oleh Amerika Syarikat. Bagi membolehkan hal ini berlaku, kuasa undang-undang dan kedaulatan Negeri-negeri Melayu diletakkan dalam kuasa kerajaan British dan satu bentuk kerakyatan yang seragam diadakan. Satu perjanjian dengan Raja-Raja Melayu telah dibuat oleh Sir Harold Mac Michael, wakil kerajaan Britain pada Oktober 1946. Lihat Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 1.

University of Malaya

yang sama pada sebelumnya seperti yang berlaku di Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu, tetapi secara bersendirian dengan pemimpin masing-masing dan di negeri masing-masing. Situasi sedemikian juga telah menyaksikan kelahiran UMNO yang menjadi barisan depan orang Melayu menentang *Malayan Union*.[112]

Sejarah kelahiran UMNO bermula setelah Onn Jaafar yang merupakan Pegawai Daerah Batu Pahat, Johor mengetahui tentang penyerahan Johor kepada Kerajaan British telah bertindak menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) pada 3 Januari 1946.[113] Tujuannya ialah bagi menyatupadukan orang Melayu dan bergerak secara bersama dengan satu tekad untuk menentang dan menghapuskan rancangan Inggeris menubuhkan *Malayan Union*.[114]

Penggunaan perkataan "Semananjung" dalam PMSJ telah membayangkan satu lagi cita-cita Onn Jaafar iaitu untuk memintas pengaruh PKMM yang telah ditubuhkan pada 17

---

[112] Rancangan *Malayan Union* telah menimbulkan bantahan daripada orang Melayu. Akhbar-akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu* (pimpinan Dahlan Masood di Singapura), *Majlis* (dipimpin oleh Yunus Hamidi di Kuala Lumpur) dan *Warta Negara* (dipimpin oleh Ibrahim Mahmood di Pulau Pinang) memainkan peranan utama dengan menjadi pengkritik awal dan penghebah kepada keburukan *Malayan Union*. Akhbar-akhbar ini juga memuatkan surat-surat pembaca yang mengkritik *Malayan Union*. Persatuan-persatuan negeri Melayu yang wujud sebelum perang dan selepas perang menghantar nota-nota bantahan kepada Pejabat Tanah Jajahan *(Colonial Office)*. Orang ramai seperti di Kedah (pertama kali diadakan pada 19 Januari 1946 dengan dihadiri oleh 50 000 orang Melayu Kedah) dan Kelantan (pada 1 Februari 1946 dengan anggaran seramai 36 000 orang telah berhimpun di Kota Bharu) mengadakan tunjuk perasaan menentangnya. Tegasnya, penentangan kepada *Malayan Union* membuktikan wujudnya kesedaran politik yang sangat penting selepas Perang Dunia Kedua. Ibid., hlm. 2. Lihat juga Abd Manaf Haji Ahmad. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distrubutors Sdn. Bhd. 2009, hlm. 36-37. Lihat juga Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. *Dato' Onn Jaafar: Tokoh Nasionalis*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn. Bhd. 1987, hlm. 57-58.

[113] Seramai 3000 orang dikatakan telah berkumpul termasuklah golongan perempuan yang membantu memasak untuk jamuan ringan yang diadakan selepas mesyuarat tersebut. Perjumpaan tersebut adalah merupakan satu perjumpaan besar-besaran orang Melayu Batu Pahat. Dalam ucapannya, Onn Jaafar mencadangkan orang Melayu bersatu dalam sebuah persatuan yang boleh menjaga kepentingan orang Melayu dan dapat dijadikan alat perpaduan penduduk Melayu Batu Pahat. Cadangan Onn Jaafar tersebut disambut baik dan satu sorakan "Hidup Melayu' serta bendera putih hijau dengan peta Tanah Melayu ditengah-tengah telah dikibarkan. Dengan itu, sebuah persatuan yang dinamakan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) dilahirkan dengan Onn Jaafar dilantik sebagai pengerusinya. Lihat Ramlah Adam. *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 75.

[114] Lihat Ja'afar Onn. *UMNO dan Malayan Union*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd. 2007, hlm. 21.

University of Malaya

Oktober 1945. PKMM adalah pertubuhan yang didukung oleh golongan radikal Melayu yang menggunakan konsep Melayu Raya dan melihat Indonesia sebagai negara induk bagi negeri-negeri Melayu dalam Kepulauan Melayu. Pegangan PKMM ini sebenarnya adalah penerusan kepada dasar KMM yang gagal untuk merdeka di bawah Indonesia Raya pada tahun 1945.[115]

Terdapat beberapa faktor lain yang mendorong Onn Jaafar menubuhkan PMSJ terutamanya faktor perkembangan politik di Batu Pahat itu sendiri. Peristiwa pergaduhan Melayu-Cina di Batu Pahat meninggalkan kesan kepada Onn Jaafar. Onn Jaafar melihat bahawa kekuatan penyatuan orang Melayu dalam peristiwa itu menjadikan orang Melayu kuat. Justeru itu, penyatuan seperti ini perlu dijadikan sesuatu yang kekal melalui sebuah pertubuhan politik.[116]

Revolusi Indonesia juga tidak kurang penting yang mempengaruhi Onn Jaafar. Onn Jaafar dapati semangat berpolitik di Indonesia yang sangat tinggi untuk mempertahankan kemerdekaan patut dicontohi oleh orang Melayu. Tambahan pula, perhubungan penduduk Indonesia di Johor adalah sangat rapat kerana kebanyakan penduduk Batu Pahat berasal dari Indonesia. Selain itu, kedatangan British adalah tanda kepada permulaan zaman baru bagi Tanah Melayu. British bagi Onn Jaafar mempunyai dasar yang berbeza daripada Jepun. Onn Jaafar sedar, British sebelum perang, membenarkan penubuhan persatuan separuh politik yang tidak mencabar kedudukan British. Keadaan ini telah menggalakkan

[115] Lihat Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm, 59.
[116] Ibid., hlm. 74 dan 77.

University of Malaya

Onn Jaafar menubuhkan sebuah persatuan yang boleh menyatukan orang Melayu dan dapat menjaga kepentingan orang Melayu, tanpa mencabar British.[117]

Pada 10 Februari 1946, Onn Jaafar menggariskan tujuh tujuan PMSJ ditubuhkan. Tujuan tersebut adalah untuk meningkatkan taraf orang Melayu dari segi kehidupan, membantu mereka dalam perkara politik, menyemai dan menggalakkan perasaan taat setia kepada pemerintah negeri serta memikir dan menjalankan ikhtiar bagi keselamatan dan faedah orang Melayu. Ertinya, PMSJ akan bekerja untuk kepentingan politik, kebajikan dan perpaduan orang Melayu dengan cara yang sederhana dan berperlembagaan.[118]

Onn Jaafar juga menyambut seruan umum supaya orang Melayu bersatu dengan mengirim sepucuk surat kepada *Utusan Melayu* yang bertarikh 23 Januari 1946,[119] memohon agar disiarkan untuk mengajak pemimpin Melayu di seluruh negara berhimpun mengadakan suatu kongres bagi membincangkan isu penubuhan *Malayan Union* dan memikirkan tindakan yang perlu diambil untuk menghapuskan rancangan tersebut.[120]

Pada permulaannya, Kongres Pertama dijadualkan diadakan di Melaka bagi membangkitkan semangat juang orang Melayu sempena semangat hulubalang Melayu iaitu Hang Tuah. Tetapi, cadangan Onn Jaafar itu terpaksa dipinda kerana Persatuan Melayu Melaka tidak mempunyai kemudahan untuk menjadi tuan rumah. Kerjasama antara

---

[117] Lihat Ramlah Adam. *Dato' Onn Jaafar. Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 74.
[118] Lihat Ramlah Adam. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 57-58.
[119] Onn Jaafar pada waktu itu menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat dan Yang Dipertua PMSJ, menghantar surat itu berikutan cadangan daripada beberapa orang anggota Kesatuan Melayu Johor seperti Syed Alwi Al-Hadi (anak Syed Syeikh Al-Hadi) dan Haji Anuar Malik. Bagi mereka, Onn Jaafar mempunyai keupayaan untuk menyatukan orang Melayu. Lihat Ramlah Adam. *Dato' Onn: Pengasas Kemerdekaan,* hlm. 84.
[120] Ibid., hlm. 84. Lihat juga Ja'afar Onn. *UMNO dan Malayan Union*, hlm. 21.

University of Malaya

Persatuan Melayu Selangor pimpinan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)[121] dan Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor yang diketuai oleh Hamzah Abdullah serta bantuan kewangan yang dikurniakan oleh Sultan Hishamudin Alam Shah, persidangan kongres diputuskan untuk dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946.[122]

Kongres Melayu Pertama dihadiri oleh 41 buah Persatuan-Persatuan Negeri Melayu. [123] Kongres sebulat suara bersetuju menubuhkan sebuah pertubuhan induk dengan menggabungkan persatuan, perikatan dan pertubuhan Melayu di seluruh negara. Onn Jaafar mencadangkan penubuhan 'Pertubuhan Kebangsaan' yang dinamakan 'Pertubuhan Melayu Bersatu' atau '*United Malays Organisation'* (UMO) yang bertindak sebagai badan pendesak.[124] Nama tersebut diterima dengan pindaan penambahan perkataan 'Kebangsaan' hasil cadangan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) dengan menjadikannya 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' (PEKEMBAR) atau *'United Malays National Organisation'* atau ringkasnya UMNO.[125]

---

[121] Za'ba adalah merupakan nama singkatan bagi Zainal Abidin Ahmad, pujanggga bahasa Melayu yang sangat terkenal. Penglibatannya sebagai Presiden Persatuan Melayu Selangor pada tahun 1946, telah menyebabkan beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Panitia Kongres atas persetujuan Onn Jaafar yang meminta jasa baiknya. Za'ba menjadi tenaga penggerak kongres yang penting, tetapi kepimpinan kongres sebulat suara telah diberikan kepada Onn Jaafar. Namun begitu, Za'ba tetap dianggap sebagai seorang cendikiawan Melayu yang memberi idea memperbaiki nasib orang Melayu.

[122] Lihat Ja'afar Onn. *UMNO dan Malayan Union*, hlm. 22-23.

[123] Antara persatuan yang hadir ialah Pergerakan Melayu Semananjung Melaka, Kesatuan Melayu Melaka, Persatuan Melayu Pahang, Wataniah, Persekutuan Guru-guru Melayu Pahang, Persatuan Melayu Seberang Perai, Kesatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Perikatan Melayu Perak, Kesatuan Melayu Perak, Persatuan Muslim Teluk Anson, Persatuan Melayu Chendering, Persekutuan Muhibah Malim Nawar, Persatuan Melayu Perlis, Ikatan Setia Kampung Baru, Penang Peranakan Club, Dewan Perniagaan Melayu Malaya, Persatuan Kaum Darat Selangor, Persatuan Penghulu-penghulu Selangor, Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Darul Ehsan Club, Jeram, Persatuan Kaum Ibu Selangor, Persekutuan Bawaen Selangor, Persatuan Melayu Ulu Selangor, Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor, Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Terengganu, Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan Pembantu Indonesia Merdeka Malaya. Lihat *UMNO 10 Tahun.* Ibu Pejabat UMNO Kuala Lumpur. 1956, hlm. 18-22.

[124] *Utusan Melayu*, 24 Jun 1946.

[125] Lihat Ja'afar Onn. *UMNO dan Malayan Union*, hlm. 32. Lihat juga Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. *Dato' Onn Jaafar: Tokoh Nasionalis*, hlm. 46.

University of Malaya

Cadangan Za'ba dan Onn Jaafar telah diterima. Berikutan penerimaan tersebut, sebuah jawatankuasa dibentuk untuk menggubal dan merangka perlembagaan UMNO. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Onn Jaafar sendiri sebagai pengerusi dan beberapa ahli lain iaitu Datuk Panglima Bukit Gantang, Zainal Abidin bin Ahmad, Nik Ahmad Kamil dan Hamzah Abdullah. Ditegaskan bahawa, kewujudan Kongres Melayu Pertama belum lagi menubuhkan UMNO.[126]

Kongres Melayu Kedua pula diadakan di Istana Besar, Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946 bertujuan untuk mengesahkan penubuhan UMNO bagi memperkemas dan memperhebatkan lagi gerakan menentang *Malayan Union*. Kongres Melayu Kedua ini dihadiri oleh 29 buah pertubuhan dan semasa kongres inilah UMNO ditubuhkan secara rasmi dan kongres dibubarkan. Hal yang demikian ini bermakna, UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik orang Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru.[127]

Kejayaan menghapuskan *Malayan Union* menggambarkan muafakat orang Melayu. Onn Jaafar sebagai Pengerusi Kongres Kebangsaan Melayu yang dihormati berjaya menyatupadukan bangsa Melayu di bawah satu payung untuk menentang konsep politik *Malayan Union* yang diperkenalkan oleh British. Ketika ditubuhkan, UMNO menerima orang Melayu daripada pelbagai ideologi dan fahaman untuk sama-sama berjuang. Ternyata, tindakan Onn Jaafar berjaya meletakkan perpaduan Melayu di puncak

---

[126] Ibid., hlm. 56.

[127] Sebelum diadakan Kongres Melayu Kedua, satu kongres tergempar selama dua hari pada 30 Mac 1946 di Pejabat Akhbar *Majlis* dan 31 Mac 1946 di Rumah Persekutuan Penang Peranakan di Jalan Batu (Batu Road), Kuala Lumpur diadakan bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu, wajar dan patut diambil untuk menunjukkan bantahan terhadap pelantikan Gabenor Inggeris dan penubuhan *Malayan Union* yang dijadualkan pada 1 April 1946. Ibid., hlm. 41-43. Lihat juga Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. *Dato' Onn Jaafar: Tokoh Nasionalis*, hlm. 55.

University of Malaya

perjuangan. Slogan UMNO iaitu 'Hidup Melayu' seringkali meniti di bibir-bibir masyarakat Melayu dan menjadi ungkapan keramat sehingga digambarkan 'UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO'.[128]

British dalam memilih sekutunya, menerima UMNO dan Raja-Raja Melayu untuk memulakan rundingan. Sifat UMNO yang sederhana dan tidak dipengaruhi oleh sebarang unsur radikal atau komunisme sepertimana PKMM, dilihat lebih sesuai dengan pihak British. UMNO diiktiraf oleh British sebagai wakil orang Melayu untuk berunding termasuklah untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja bagi mendraf satu perlembagaan yang baru bagi menggantikan *Malayan Union*.[129]

PKMM membidas kerajaan British kerana menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO sahaja. Dr. Burhanuddin dan PKMM berkecil hati dan kecewa dengan British kerana mengetepikan PKMM dan sebaliknya memilih UMNO untuk berunding pada bulan Jun 1946. Hal yang demikian ini memandangkan PKMM telahpun menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan British pada peringkat awal lagi iaitu sebaik sahaja British memperkenalkan *Malayan Union*. Buktinya, PKMM telah mengisytiharkan sokongan kepada *Malayan Union*.[130] PKMM juga telah menghantar empat orang wakilnya untuk berjumpa Gabenor *Malayan Union*, Sir Edward Gent untuk memberi sokongan terhadap kerakyatan secara *jus soli*.[131]

---

[128] Lihat juga Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. *Dato' Onn Jaafar: Tokoh Nasionalis*, hlm. 55-56.
[129] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 57-58.
[130] PKMM mengisytiharkan sokongan kepada *Malayan Union* dalam Kongres PKMM di Ipoh, Perak pada bulan November 1945. Malah sepucuk surat dihantar (melalui Telegram) ke Pejabat Tanah Jajahan untuk menyokong *Malayan Union* dan segala prinsip dasarnya. Telegram itu menyebut *"The MNP retreats to its original stand for a representative democratic form of Malayan Union, popular voting and election, common citizenship and common allegiance to the Malayan Union alone."* CO 537/1548 – Malay Nationalist Party.
[131] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 60.

University of Malaya

Pertelagahan Dalam UMNO dan Kelahiran PAS

Pelaksanaan *Malayan Union* merupakan isu besar yang menarik minat golongan ulama sehingga membawa kepada pembabitan mereka secara aktif dalam politik. Golongan ulama turut memainkan peranan penting dalam pertubuhan-pertubuhan politik.[132] Idea dan penubuhan UMNO bagi menentang *Malayan Union* memperlihatkan penglibatan ulama pondok dalam perjuangan UMNO seperti Haji Abdullah Fahim yang merupakan antara individu terawal yang menyertai UMNO. Individu lain yang turut menyertai UMNO ialah Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi.[133]

Penglibatan Haji Abdullah Fahim, Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki, Haji Ahmad Badawi yang berlatar belakangkan pendidikan agama dalam kegiatan UMNO, sedikit sebanyak memberi pewarnaan Islam kepada perjuangan UMNO yang disifatkan sebuah parti sekular. Selain itu, tindakan tersebut juga boleh dijadikan sebagai platform dan tarikan kepada pihak-pihak yang mempunyai tendensi keIslaman untuk menyokong perjuangan yang diterajui oleh Onn Jaafar yang merupakan seorang tokoh berpendidikan sekular.[134]

---

[132] Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Mohamad Abu Bakar. Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985. Dlm. Khoo Kay Kim, Mohamad Abu Bakar, Abdullah Zakaria Ghazali, Zainal Abidin Borhan, Adnan Hj. Nawang dan Jazamuddin Baharuddin (Editor). *Malaysia Masa Kini*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. 1985, hlm. 97.

[133] Haji Ahmad Fuad telah dibawa ke dalam UMNO oleh Onn Jaafar bagi tujuan perjuangan Islam telah dilahirkan pada tahun 1915 dan berasal dari Sitiawan, Perak. Mendapat pendidikan di Pondok Tanah Liat dan di Sekolah Pondok Madrasah Al-Masriyyah, Seberang Prai dan di Mekah. Haji Ahmad Maliki ialah anak tempatan Seberang Prai yang merupakan bekas lulusan Pondok Dairatul Maarif, Kepala Batas dan penuntut Ilya As-Syarif, Gunung Semanggol yang kemudiannya pernah menjadi guru di beberapa tempat termasuk di Al-Madrasah Al-Khairiah Al-Islamiah, Pokok Sena. Haji Ahmad Badawi pula ialah anak kepada Haji Abdullah Fahim dan merupakan lepasan Pondok Dairatul Maarif. Haji Ahamad Badawi juga telah mengajar di Kedah, termasuk di Limbong Kapal. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Mohamad Abu Bakar. *Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985*, hlm. 101.

[134] Ibid., hlm. 104.

University of Malaya

Kewujudan UMNO sebagai sebuah parti politik yang bertunjangkan perjuangan Melayu menyebabkan ada golongan agama dan ulama dalam UMNO tidak berpuas hati. Golongan agama melihat perjuangan mereka di dalam UMNO semakin kabur kerana tidak ada tanda-tanda parti itu akan menegakkan negara Islam sekiranya mencapai kemerdekaan. Tambahan pula, ruang untuk menegakkan Islam di dalam UMNO semakin sempit dan terbatas. Pada masa sama, tahap kepercayaan golongan tersebut terhadap UMNO kian merosot setelah banyak cadangan alim ulama tidak mendapat tempat yang sewajarnya. Mereka berpendapat, UMNO sebagai sebuah parti yang berperaturan tetapi tidak berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, golongan agama yang dahulunya melihat boleh bersama UMNO akhirnya akur dengan hakikat bahawa mereka perlu memilih jalan sendiri dengan keluar daripada parti tersebut.[135]

Terdapat juga ulama pondok yang bergerak aktif dalam politik pada ketika itu, tetapi tidak menyertai UMNO seperti Abu Bakar Al-Baqir.[136] Menerusi kerjasama dengan Dr. Burhanuddin (PKMM), Abu Bakar Al-Baqir telah berjaya melahirkan PEPERMAS (Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya), MATA (Majlis Tertinggi Agama Se-Malaya), LEPIR (Lembaga Pendidikan Rakyat) dan Hizbul Muslimin, iaitu parti Islam pertama di negara ini.[137] Seorang lagi ulama pondok yang berkecimpung dalam politik ialah Haji Ahmad Hussein.[138]

---

[135] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 51.

[136] Haji Abu Bakar yang berketurunan Jawa dilahirkan pada 1907 dan mendapat pendidikan agama di Pondok Madrasah Al-Rahmaniah dan di Dairatul Maarif, Kepala Batas. Pernah menjadi guru di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar dan kemudiannya menjadi Mudir di Ilya As-Syarif, Gunung Semanggol. Lihat Mohamad Abu Bakar. *Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985*, hlm. 102.

[137] PEPERMAS dan MATA lahir dari cita-cita politik, ekonomi dan sosial pemimpin dan pejuang Melayu yang berhimpun di Ilya As-Syarif, Gunung Semanggol pada bulan Mac 1947 bagi menjayakan "Persidangan Ekonomi-Agama Se Malaya". Haji Abu Bakar Al-Baqir selaku wakil negeri Perak telah menjadi Yang Dipertua Jawatankuasa Kerja PEPERMAS. Berikutan penubuhan MATA (asalnya Lembaga Islam Se Malaya), Haji Abu Bakar Al-Baqir dilantik menjadi salah seorang penasihat badan tersebut bersama Haji Abdullah Fahim dari Seberang Perai. Dari segi fungsinya, PEPERMAS telah memberi penumpuan kepada

University of Malaya

Perkembangan penting dalam persidangan agung MATA pada 17 Mac 1948 di Il-Ihya ialah penubuhan satu parti politik Islam iaitu Hizbul Muslimin (Parti Orang Muslim Malaya) atau ringkasnya HAMIM. HAMIM merupakan parti politik agama yang wujud di Tanah Melayu sebelum tertubuhnya Parti Islam Se-Malaya (PAS). Penubuhan HAMIM adalah sebagai satu parti untuk mengawasi dan memajukan politik orang Islam, tegasnya orang Melayu. UMNO dianggap tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam menjaga kepentingan agama Islam di negara ini. PKMM pula dianggap terpengaruh dengan orang bukan Melayu dan diresapi oleh PKM. Dengan itu, sebuah parti yang berlandaskan Islam dari segi falsafah dan pendekatan adalah wajar ditubuhkan.[139]

HAMIM sebagai sebuah pertubuhan politik yang menggunakan Islam sebagai slogan perjuangannya, pemimpinnya menganggap besar kemungkinan parti tersebut lebih mudah mendapat sokongan sebilangan besar masyarakat Islam di Tanah Melayu. HAMIM dirancang untuk menjadi platform kepada perjuangan politik Islam yang menyerupai Masyumi di Indonesia.[140] Idea pembentukan parti yang ditegakkan berlandaskan lunas-

---

persoalan ekonomi, termasuk perjalanan Bank Kebangsaan Melayu dan idea penubuhan Bank Pertanian. Manakala, MATA yang muncul sebagai badan agama yang menyaingi pihak *establishment* berkaitan dengan pentadbiran Islam bertindak mengkritik pengurusan jabatan dan majlis agama negeri yang bergerak di bawah sultan masing-masing, berusaha menubuh kolej pengajian tinggi dan memberi perhatian kepada beberapa isu antarabangsa yang melibatkan orang Islam seperti perjuangan rakyat Patani dan Palestin. LEPIR pula sebagai lanjutan dari perjuangan MATA dengan penumpuannya ialah kepada pembelaan orang Melayu dari segi pendidikan. Haji Abu Bakar Al-Baqir bertindak sebagai pengerusinya. Ibid., hlm. 102 – 103.

[138] Haji Ahmad Hussein dari Seberang Perai dilahirkan pada 1906, adalah anak kepada Tuan Haji Hussein Kedah, mendapat pendidikan dari bapanya di Pondok Bagan Ulu dan di Mekah selama empat tahun. Beliau kemudiannya menjadi guru di Al-Madrasah Al-Khariah Al-Islamiah di Pokok Sena, Seberang Perai yang diasaskan oleh bapanya sendiri. Ibid., hlm. 102.

[139] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 60.

[140] Pihak risikan British telah melaporkan kegiatan Parti Masyumi Indonesia dalam Persidangan dan penubuhan MATA pada awal 1947. Wakil parti itu, dari Bukit Tinggi, Sumatera telah menghadiri persidangan itu dan menjadi penasihatnya dengan dibiayai oleh PKMM dan AMCJA. Lihat R. J. Stockwell. *British Policy and Malay Politics*, hlm. 138.

University of Malaya

lunas Islamiyyah datang dari Abu Bakar Al-Baqir, yang kemudiannya dilantik sebagai Ketua Umum pertubuhan tersebut.[141]

Kewujudan HAMIM dikaitkan dengan anasir-anasir kiri dari perjuangan PKMM sehingga menimbulkan kebimbangan kepada UMNO dan British.[142] Setelah tertubuhnya ranting HAMIM di beberapa buah negeri dengan begitu cepat bukan sahaja dicurigai oleh pemerintah British, malah turut merungsingkan pemimpin UMNO yang sedang bergerak cergas untuk menyatukan suara orang Melayu. HAMIM dilihat sebagai pertubuhan politik Islam yang mempunyai potensi menggagalkan usaha UMNO. Disebabkan keradikalan HAMIM, Onn Jaafar yang pada waktu itu menjadi pemimpin UMNO, secara sinis mengingatkan ahli-ahli UMNO bahawa perkembangan di Gunung Semanggol itu merupakan satu 'bahaya dari gunung' yang patut diamati benar-benar.[143]

Golongan agama juga mempunyai pengaruh yang besar dalam UMNO. Namun begitu, golongan tersebut kurang berpuashati dengan tindakan UMNO terutamanya dalam menangani isu berkaitan Islam. Terdapat juga perselisihan faham sesama anggotanya terutama dari sayap UMNO serta percanggahan antara sesama mereka dalam mengeluarkan fatwa terhadap umat Islam. Respon dengan keadaan tersebut memaksa UMNO pimpinan Onn Jaafar untuk mewujudkan Biro Agama sebagai bukti keinginannya terhadap cita-cita keIslaman. Penubuhannya juga menurut pandangan UMNO ialah untuk menjadi badan

---

[141] Sila rujuk Mohamad Abu Bakar. *Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985*, hlm. 103.
[142] Ibid., hlm. 103.
[143] Onn Ja'afar dalam satu ucapan di Tangkak, Johor mengingatkan ahli-ahli UMNO tentang perkembangan di Il-Ihya Assyarif dengan menyatakan *"telah timbul pula satu ikhtiar dalam Tanah Melayu dengan memakai nama agama kononnya berdiri di atas dasar-dasar agama tetapi di belakangnya tak suci daripada jalan politik itu. Kita telah melihat merbahaya yang keluar dari hutan dalam tahun 1945 dan hari ini kita melihat merbahaya yang akan turun dari gunung atas muslihat agama"* Lihat Sarim Hj. Mustajab. Gerakan Islah Islamiyyat. Dlm. Kongres Sejarah Malaysia. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. 1979, hlm. 170.

University of Malaya

bertindak bagi menentang golongan ulama di luar UMNO iaitu Hizbul Muslimin yang disifatkan sebagai pesaing kepada UMNO.[144]

Bagi mengukuhkan tujuan tersebut, Jawatankuasa Kerja Agung UMNO pada mesyuaratnya di Kuala Lumpur pada 16 Julai 1949 menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap Agama. Haji Abdullah Fahim, seorang ulama dan Ketua UMNO Seberang Perai, Pulau Pinang dilantik menjadi pengerusinya. Anggota-anggota lain adalah Ustaz Sheikh Jalil Hassan (Setiausaha – Johor), Tuan Salleh Osman (Perlis), Tuan Haji Mohamad Haji Hitam (Negeri Sembilan), Haji Ahmad Mahir (Kelantan), Haji Ab. Rahman "Merbuk" (Kedah), Haji Mohamad Sidin (Selangor) dan Haji Abdul Aziz Salam (Perak).[145]

Pada 21 hingga 22 Februari 1950, satu perjumpaan alim ulama UMNO diadakan di Muar, Johor. Idea perjumpaan ini sebenarnya berasaskan kepada desakan daripada Majlis Ulama Perak kepada UMNO yang dihadiri oleh 40 perwakilan dan 300 orang pemerhati yang terdiri daripada alim ulama dalam UMNO sendiri dan daripada badan agama yang lain termasuk ahli agama yang bebas (tidak mewakili mana-mana badan agama). Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Haji Mohamad Noh bin Omar, iaitu Yang Di Pertua Jabatan Agama Johor. Tujuan persidangan ialah membincangkan penubuhan suatu Majlis Perhubungan Islam bagi menyatukan semua jabatan dan Majlis Agama Islam, menyelesaikan masalah haji ke Mekah, mendirikan Kolej Islam di Kelang, Selangor dan

[144] Lihat Abdul Halim Mahmood. *Asri Dalam Dilema*. Kuala Lumpur: Eagle Trading Sdn. Bhd. 1983, hlm. 32.
[145] Lihat Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 207.

University of Malaya

menyatukan tarikh puasa dan hari raya. Ternyata, jawatankuasa yang dilantik tidak memainkan peranan.[146]

Persidangan kali kedua pula diadakan pada 23 Ogos 1951 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Persidangan kali kedua ini mendapat sambutan lebih meriah berbanding persidangan yang pertama dahulu. Dalam persidangan ini, dua ketetapan penting diluluskan. Pertama, memperbaharui dan meneruskan langkah penubuhan sebuah badan tertinggi agama Islam peringkat kebangsaan. Kedua, pembentukan sebuah Persatuan Ulama SeMalaya iaitu sebuah badan bebas yang tiada kaitan dengan pertubuhan lain.[147] Sebuah Jawatankuasa yang diketuai oleh Ahmad Fuad Hassan, iaitu sahabat Onn Jaafar ditubuhkan untuk menggubal Undang-Undang Tubuh Persatuan itu.[148]

Satu lagi persidangan alim ulama diadakan pada pada 24 November 1951, di perkarangan Kelab Melayu Bagan, Butterworth, Pulau Pinang (Pejabat UMNO Butterworth). Persidangan alim ulama ketiga ini mengambil keputusan mengesahkan penubuhan sebuah 'Persatuan Ulama Se-Malaya' yang tiada kena mengena dengan UMNO. Persidangan ini berlangsung dengan bersemangat manakala Rang Undang-Undang Tubuh Persatuan dicadangkan dan dibahaskan.[149]

Pada peringkat perancangan tersebut, persatuan itu dikira terasing daripada gerakan politik. Penubuhannya semata-mata untuk gerakan dakwah dalam kalangan para ulama

---

[146] Ibid., hlm. 206-208. Lihat juga Ramlah Adam. *Dato' Onn: Pengasas Kemerdekaan,* hlm. 172. Lihat juga Ahmad Kamar. *Islam Tercabar: Satu Pandangan Terhadap PAS*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu. 1979, hlm. 21-22.
[147] Lihat Baharuddin Latif. *Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS*. Gunung Semangol: Pustaka Abrar. 1994, hlm. 17.
[148] Lihat Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 290.
[149] Ibid., hlm. 290.

University of Malaya

UMNO sendiri. Persidangan yang pada asalnya bertujuan untuk menubuhkan sebuah persatuan alim ulama telah berubah ke arah pembentukan sebuah badan siasah (politik). Justeru itu, sewaktu perbincangan meluluskan undang-undang tubuh, majoriti ahli persidangan bersetuju untuk menukar nama Persatuan Ulama SeMalaya kepada Persatuan Islam SeMalaya sebagai nama bagi badan siasah yang hendak ditubuhkan. Pada ketika inilah, tertubuhnya Persatuan Islam Se Tanah Melayu yang lebih dikenali sebagai PAS. Detik itu menandakan bermulanya perpisahan antara UMNO dan PAS.[150]

Selain membincangkan soal nama pertubuhan, pemilihan jawatan juga dilakukan. Terdapat beberapa nama yang dicadangkan untuk jawatan Presiden tetapi ramai yang menarik diri kecuali Ahmad Fuad dan Syeikh Haji Abdullah Fahim (bekas Mufti Pulau Pinang dan bapa kepada Abdullah Ahmad Badawi). Pemilihan Yang Di Pertuanya telah dibuat dengan undian memihak kepada Haji Ahmad Fuad.[151]

Sungguhpun jelas inisiatif untuk mengadakan persidangan tersebut dimulakan oleh UMNO, tetapi sejak persidangan kedua yang diadakan di Kuala Lumpur, terdapat kecenderungan untuk memisahkan kegiatan alim ulama dengan UMNO. Keadaan ini

---

[150] Penubuhan PAS mempunyai pertalian dengan perjuangan Hizbul Muslimin dan penglibatan beberapa aktivis yang berjuang di dalam Hizbul Muslimin terlibat secara langsung membantu Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan menubuhkan sebuah parti politik Islam. Penubuhan PAS bermula dari Persidangan Alim Ulama Pertama dan Kedua yang bersetuju membentuk sebuah parti politik yang bebas dari UMNO. Nama Persatuan Ulama Malaya kemudian ditukar kepada Persatuan Islam Se-Malaya atau PAS. Lihat Ishak Saat. *Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2007, hlm. 229. Manakala, Ahmad Kamar menyatakan pada 24 November 1951 PAS bertukar pula kepada nama Persatuan Islam SeTanah Melayu dan akhirnya apabila Malaysia dibentuk, PAS pada Persidangan 25-27 Disember 1971, ditukar sekali lagi menjadi Parti Islam SeMalaysia (PAS). Huruf A adalah *alif* dalam tulisan Jawi bererti Islam. Lihat Ahmad Kamar. *Islam Tercabar: Satu Pandangan Terhadap PAS*, hlm. 20.

[151] Jawatan Timbalan Presiden pula disandang oleh Haji Mohamad Ghazali Abdullah (Perak), Naib Presiden oleh Haji Husain Che Dol, Faqeh Mohd Nor dan Abdul Rahman Jamaluddin. Manakala Setiausaha Agung PAS yang pertama ialah Haji Ahmad Maliki dan jawatan Bendahari disandang oleh Haji Ahmad Tuan Hussain. Senarai ahli jawatankuasa yang lain ialah Haji Yahya Junid (Kedah), Haji Osman Talib dan Mohd Majzub (N. Sembilan), Haji Mohamad Nor dan Haji Abdul Wahab (K. Lumpur), Haji Zabidi Ali dan Haji Ahmad Badawi (P. Pinang) dan Haji As'iya (Perak). Lihat Baharuddin Latif. *Islam Memanggil*, hlm. 25-26.

University of Malaya

terbukti berdasarkan ketetapan yang diambil oleh perwakilan untuk menjadikan persidangan alim ulama yang ketiga tidak lagi di bawah tadbir UMNO dengan segala perbelanjaan tidak ditanggung oleh UMNO. Namun begitu, bayangan dan pengaruh UMNO terhadap persidangan ini tidak dapat dielakkan.[152] Hal yang demikian ini kerana, tenaga-tenaga penting persidangan adalah 'orang kuat' UMNO seperti Haji Ahmad Badawi dan Haji Ahmad Maliki, malah tempat berlangsungnya persidangan tersebut juga merupakan tempat di mana aktiviti-aktiviti UMNO dijalankan.[153]

Biarpun kemunculan PAS dikaitkan dengan bayangan UMNO, dalam masa yang singkat pertubuhan tersebut mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang mempunyai harapan yang berbeza daripada parti induknya dan mula bertindak secara bebas.[154] Penubuhan PAS merupakan satu platform penting kepada golongan ulama untuk menggembleng tenaga mereka bersama dengan umat Islam yang lain demi melaksanakan tuntutan politik Islam khususnya dalam mengisi ruang kemerdekaan.[155]

Tegasnya, kelahiran PAS adalah bagi menyediakan wadah perjuangan kepada orang Melayu dan orang Islam di negara ini untuk mengimbangi perjuangan UMNO yang berlandaskan semangat kebangsaan Melayu yang kadang-kala bertentangan dengan prinsip

---

[152] Pandangan bahawa PAS ditubuhkan oleh UMNO disangkal oleh Ustaz Fadzil Noor dalam ucapan perasmian Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat di Bukit Mertajam pada tahun 1982 yang juga turut disaksikan oleh Dato' Abu Bakar Omar (Setiausaha Agung PAS). Beliau menegaskan bahawa yang menubuhkan PAS ialah orang PAS, bukan orang UMNO. Walaupun beliau mengakui bahawa perjumpaan itu ditaja, dibiaya dan diselenggara oleh UMNO, tetapi yang menubuhkan PAS ialah orang PAS yang kemudiannya menjadi ahli PAS termasuklah ketika PAS ditubuhkan adalah ahli UMNO tetapi meninggalkan UMNO untuk terus dalam PAS setelah PAS memberi kata dua kepada ahli-ahlinya yang mempunyai dua parti. Lihat Subky Latif. *Fadzil Noor: Dia Guru, Dia Kawan*. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd. 2012, hlm. 219.

[153] Lihat Baharuddin Latif. *Islam Memanggil*, hlm. 22.

[154] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985*, hlm. 105.

[155] Lihat Mujahid Yusuf Rawa. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme.* Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011, hlm. 32.

University of Malaya

dan nilai Islam. Penubuhan PAS adalah berpaksikan kepada kesedaran orang Melayu-Islam bagi melihat syariat Islam didaulatkan di negara ini setelah tidak yakin dengan usaha UMNO untuk meletakkan Islam sebagai asas rujukan utama dalam perjuangan. Hal ini dapat dilihat setelah UMNO bersetuju mewujudkan Loteri Kebajikan Masyarakat dalam usaha parti tersebut membela kebajikan orang Melayu.[156]

Krisis Dalaman dan Perpecahan Politik Melayu

Onn Jaafar mengambil keputusan secara mengejut setelah mengumumkan peletakan jawatan sebagai Yang di-Pertua UMNO pada 11 Jun 1950. Tindakan tersebut dipercayai bagi menguji kekuatan pengaruhnya kepada UMNO setelah ramai perwakilan dalam persidangan UMNO tidak bersetuju dengan pendapatnya mengenai taraf kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. Pada 28 Julai 1950, ahli UMNO mengadakan perarakan besar-besaran menuju ke rumah Onn Jaafar untuk mengajak Onn Jaafar kembali memimpin UMNO. Terdapat seramai 17 orang wakil memberi ucapan dan membuat rayuan supaya Onn Jaafar menarik balik peletakan jawatannya. Setelah meneliti ucapan dan hujah yang diberikan, maka Onn Jaafar telah menarik balik peletakan jawatan tersebut.[157]

Pada 26 Ogos 1951 pula, memperlihatkan satu titik penting lagi dalam UMNO iaitu, krisis kepercayaan terhadap pemimpin kerana majoriti ahli UMNO menolak kepimpinan Onn Jaafar yang cuba membawa orang bukan Melayu menjadi ahli UMNO dan mahu menukar *United Malays National Organisation* (UMNO) kepada *United Malayan National*

[156] Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013).* Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy. 2014, hlm. 2-3.
[157] Lihat Abd Manaf Haji Ahmad. *Kontrak Sosial.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distubutors Sdn. Bhd. 2009, hlm. 101.

University of Malaya

Organisation. Cita-cita Onn Jaafar ternyata tidak dapat diterima oleh kebanyakan ahli UMNO yang tetap mahukan keahlian parti tersebut hanya untuk orang Melayu. Malah, cita-cita tersebut menghadapi tentangan. Oleh kerana tidak ada pilihan lagi baginya selain daripada meninggalkan UMNO dan meneruskan cita-citanya itu dengan menubuhkan sebuah parti lain yang terdiri daripada pelbagai kaum, Onn Jaafar kemudiannya meletak jawatan buat kali kedua sebagai Yang di-Pertua Agung UMNO.[158]

Kepimpinan baru UMNO kemudiannya diterajui oleh Tunku Abdul Rahman (mendapat 57 undi) sebagai Yang Di Pertua UMNO setelah berjaya menewaskan dua pencabar lain iaitu Datuk C.M. Yusof (mendapat 11 undi) dan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan (mendapat 7 undi). Bagi jawatan Timbalan Yang Di Pertua UMNO pula, Tun Abdul Razak menang tanpa bertanding. Jawatan Naib Yang Di Pertua dimenangi oleh C.M Yusof. Pemilihan jawatan tersebut dibuat semasa Persidangan Agung UMNO Kali Ke-6 pada 25 dan 26 Ogos 1951.[159]

Pada persidangan itu juga, Onn Jaafar menyampaikan ucapan terakhirnya sebagai ahli UMNO dengan mencurahkan segala isi hatinya sehingga menarik perhatian dan membuatkan para perwakilan terharu.[160] Setelah menamatkan ucapannya, Onn Jaafar meninggalkan tempatnya di dalam majlis itu dan serentak dengan itu meninggalkan UMNO. Onn Jaafar kemudiannya menubuhkan *Independence Malaya Party* (IMP) pada 16

---

[158] Lihat Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 291.

[159] Dalam mesyuarat tersebut yang diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, seramai 68 orang wakil serta 11 pegawai dan Ahli Jawatankuasa Kerja UMNO telah hadir. Onn Jaafar telah hadir pada kedua-dua hari persidangan itu. Mohammad Noh Omar bertindak sebagai Pengerusi. Persidangan itu telah dimulakan dengan doa dibacakan oleh Ahmad Fuad Hassan (Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Agama UMNO). Persidangan hari pertama telah membahaskan cadangan-cadangan yang telah diterima. Beberapa cadangan telah diluluskan dengan sedikit pindaan termasuklah berkenaan dengan isu dasar UMNO, ketetapan mengenai Onn Jaafar dan pemilihan anggota-anggota baru. Ibid., hlm. 293-297. Lihat juga Abd Manaf Haji Ahmad. *Kontrak Sosial*, hlm. 105.

[160] Lihat Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 298.

University of Malaya

September 1951 yang merupakan parti pelbagai kaum yang pertama pada ketika itu.[161] Kewujudan IMP menjadi pesaing kepada parti UMNO.[162]

Melalui ucapan terakhirnya sebagai Yang di-Pertua UMNO, Onn Jaafar menjelaskan pendirian politiknya serta menafikan tuduhan yang dilemparkan terhadap dirinya. Tuduhan tersebut ialah, Onn Jaafar dituduh melarikan diri daripada UMNO, menderhaka kepada bangsa Melayu, hendak menjadi diktator dalam UMNO dan mencari kepentingan sendiri.[163]

Tindakan Onn Jaafar yang mengundurkan diri daripada UMNO menyebabkan perpecahan dalam parti tersebut terutama di peringkat kepimpinan. Sebahagian besar 'orang kuat UMNO' seperti Menteri-menteri Besar dan pegawai kanan kerajaan pada masa itu menyokong Onn Jaafar. Namun begitu, kebanyakan pemimpin pertengahan dan rakyat biasa masih setia dengan UMNO. Ahli UMNO pada waktu itu sanggup kehilangan Onn Jaafar daripada UMNO kehilangan identitinya. Bagi yang tidak bersetuju dengan tindakan Onn Jaafar, sumbangan Onn Jaafar seperti mengasaskan UMNO, memperkenalkan *Rural Industrial Development Autority* (RIDA) dan Sistem Ahli tidak ditimbulkan. Sebaliknya,

---

[161] Pada tahun 1951, UMNO sekali lagi menerima kejutan setelah pengasas UMNO iaitu Onn Jaafar meletak jawatan kerana cadangannya untuk membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu ditolak. Onn Jaafar bertindak keluar dari UMNO dan menubuhkan *Independent Malaya Party* (IMP). Berbekalkan prinsip partinya iaitu dasar pintu terbuka kepada semua kaum bagi meraih sokongan dari pelbagai kaum. Namun begitu, parti ini kurang mendapat sambutan daripada orang Melayu. Akhirnya IMP gagal dalam Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 yang mana IMP tewas kepada gabungan UMNO dan MCA. Kekecewaan terhadap IMP menyebabkan Onn Jaafar membubarkan IMP dan menubuhkan Parti Negara (PN) pada bulan Februari 1954. Tujuan penubuhan PN adalah untuk menghadapi Pilihan Raya 11 Oktober 1954. Namun begitu, PN kalah teruk dan gagal mendapat sebarang kerusi dalam pilihan raya yang ditandingi. Lihat Ahmad Atory Hussain. Cabaran Politik Melayu. Dlm. Anwar Ridhwan. *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2008, hlm. 194-195. Lihat juga Ramlah Adam. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan, 1945-1951*, Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store. 1978, hlm. 149. Ibid., hlm. 291.

[162] Lihat Ahmad Fawzi Basri, Mohd Idris Salleh dan Shafee Saad. *Bumi Dipijak Milik Orang.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991, hlm. 399-400.

[163] Lihat Ahmad Fawzi Basri, et.al. *Bumi Dipijak Milik Orang*, hlm. 28.

University of Malaya

Onn Jaafar digambarkan sebagai perosak UMNO kerana menyebabkan orang Melayu berpecah pada tahun 1951.[164]

Pengunduran Onn Jaafar daripada UMNO ternyata memberi kesan kepada perjuangan PAS di bawah pimpinan Ahmad Fuad. Hal yang demikian ini kerana hubungan baiknya dengan Onn Jaafar yang mengambil keputusan untuk keluar daripada UMNO dan menubuhkan *Independence of Malaya Party (IMP)*. PAS dibawah pimpinan Ahmad Fuad digambarkan sebagai "seakan-akan pokok ru atau daun lalang yang sedia hendak rebah ke mana angin bertiup".[165] Ahmad Fuad merupakan salah seorang pengikut setia Onn Jaafar. Setelah wujudnya rundingan untuk mencapai kemerdekaan, PAS berdepan dengan masalah sama ada menyertai kumpulan anjuran UMNO dan MCA yang dinamakan *National Convention* (Perhimpunan Kebangsaan) atau menyertai kumpulan yang diketuai oleh Onn Jaafar yang dinamakan *National Conference* (Persidangan Kebangsaan).[166]

Satu mesyuarat agung khas dibuat dan hasilnya majoriti perwakilan yang hadir bersetuju supaya PAS menyertai *National Convention* anjuran UMNO dan MCA. Idea penyertaan PAS dalam *National Convention* mendapat sokongan terutamanya daripada Ahmad Maliki dan Ahmad Badawi. Keputusan tersebut menyebabkan Ahmad Fuad dengan

---

[164] Penentangan orang Melayu terhadap syor Onn Jaafar adalah kerana tiga sebab. Pertamanya, dengan menukarkan nama UMNO, Perlembagaan UMNO juga terpaksa ditukarkan, dengan ini menghilangkan sifat-sifat keMelayuan yang terkandung di dalamnya. Keduanya, UMNO satu-satunya badan yang memperjuangkan politik dan sosial orang Melayu, dengan syor Onn Jaafar itu orang Melayu di masa akan datang tiada keistimewaan lagi di dalam UMNO. Ketiganya, dengan memberikan keahlian biasa kepada kaum asing bererti mereka boleh menjadi pegawai UMNO di peringkat bahagian, cawangan dan pusat, dengan ini soal kepentingan orang Melayu tidak dapat diketengahkan, ertinya, keselamatan orang Melayu tidak ada lagi. Kaum asing memang tidak menunjukkan minatnya terhadap soal Tanah Melayu, seperti yang berlaku di zaman darurat, pengalaman orang Melayu dalam zaman itu telah cukup untuk menolak dengan tegas syor Onn Jaafar ini. Lihat Ramlah Adam. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*, hlm. 145-146.

[165] Lihat Riduan Mohamad Nor. *PAS dan Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources. 2011, hlm. 47

[166] Lihat Alias Mohamed. *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutors Sdn. Bhd. 1978, hlm. 112 dan 121.

University of Malaya

tegas menolak kehendak majoriti perwakilan dengan tidak bersetuju terhadap keputusan tersebut. Akhirnya, Ahmad Fuad meletak jawatan sebagai Yang Di Pertua Agung PAS.[167] Namun begitu, pengunduran Ahmad Fuad daripada PAS tidak menjejaskan perkembangan pesat yang berlaku kerana ramai tuan guru dan golongan agama masih bersama dengan PAS.[168]

Abbas Alias dilantik sebagai Yang Di Pertua Agung PAS pada tahun 1953 (akhirnya dikenali sebagai Presiden) bagi menggantikan Ahmad Fuad.[169] Beliau merupakan seorang pegawai perubatan kerajaan dan tidak mempunyai masa yang cukup serta kemampuan yang gigih untuk memajukan PAS di samping terikat dengan Perintah Am. Walaupun tempoh memegang jawatan tersebut tidak lama, tetapi Abbas Alias tetap memberikan sumbangan yang besar terhadap perjuangan PAS terutama tindakannya mendaftarkan PAS sebagai sebuah parti politik dan membuka cawangan yang sah.[170]

PAS semenjak awal lagi wujud dan berkembang di persekitaran sekolah pondok. Golongan ulama dan agama di Tanah Melayu merupakan agen sokongan kepada PAS. Dalam rakaman sejarah awalnya, PAS berkembang pesat di negeri Perak iaitu di Sebelah Perak Utara dan juga di Seberang Perai, Pulau Pinang, terutamanya di kawasan yang

---

[167] Lihat Mohd Asri Muda. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1993, hlm. 41-42. Lihat juga Alias Mohamed. *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema*, hlm. 121.

[168] Lihat Riduan Mohamad Nor. *Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources. 2011, hlm. 142.

[169] Setelah PAS didaftarkan secara rasmi oleh Pendaftar Pertubuhan pada 31 Mei 1955, Abbas Alias telah dipilih, walaupun Ahmad Fuad sebelum itu terpilih sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang pertama. Oleh keranaAbbas Alias merupakan kakitangan kerajaan, beliau menyerahkan jawatan tersebut kepada orang lain. Di sinilah lahirnya tokoh-tokoh baru pimpinan PAS seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Zulkifli Muhammad. Apabila berlakunya konfrontasi Malaysia-Indonesia, Dr. Burhanuddin ditahan daripada jawatan Yang Di Pertua lalu dipangku oleh Asri. Dr. Burhanuddin meninggal dunia pada tahun 1967 dan Asri Muda dipilih Yang Di Pertua Agung PAS. Zulkifli Muhammad meninggal dunia lebih awal daripada Dr. Burhanuddin iaitu pada tahun 1964. Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi.* Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 1989, hlm. 52.

[170] Lihat Riduan Mohamad Nor. *Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan*. hlm. 16-17.

University of Malaya

mempunyai rangkaian pusat Pengajian Islam seperti Madrasah dan Sekolah Pondok.[171] Selepas itu, PAS mula dikembangkan ke negeri-negeri lain seperti Kelantan. Cawangan PAS yang pertama ditubuhkan di Pantai Timur, Tanah Melayu ialah di Pasir Mas yang ditubuhkan pada 23 Julai 1953. Tokoh yang terlibat dalam urusan penubuhannya ialah Amaluddin Darus dan Ahmad Yatim.[172]

Penglibatan jelas dan konsisten ulama pondok dalam politik kepartian berlaku setelah Parti Islam SeMalaya (PAS) dibentuk berikutan krisis dalam UMNO. Pada dasarnya, konflik dalaman yang melanda UMNO mempunyai kaitan dengan pendirian sebahagian penting ulama pondok yang menganggotai badan agama dan pembabitan mereka dalam perjuangan parti baru itu bukan sahaja menggemparkan UMNO tetapi juga mengubah perjalanan sejarah politik Melayu. PAS bukan sahaja melanjutkan perjuangan HAMIM yang tergendala, tetapi juga memberi ruang kepada beberapa pemimpin pertubuhan yang diharamkan oleh British itu untuk berkecimpung dalam politik kepartian. Keadaan semasa serta ketidakupayaan HAMIM dan UMNO memenuhi tuntutan Islam oleh sebab-sebab tertentu membuat PAS muncul sebagai badan yang berjaya menampung keperluan golongan ulama.[173]

Persaingan Politik Melayu Menuju Kemerdekaan

Perkembangan politik UMNO dan PAS pada peringkat awal kemunculan kedua-dua parti tersebut masih belum menampakkan persaingan yang serius. Bahkan, pada tahap awal

[171] Ibid., hlm. 10-11.
[172] Ibid., hlm. 11.
[173] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985*, hlm. 104.

University of Malaya

kemunculan PAS, perjalanan politik parti tersebut banyak dipengaruhi oleh UMNO.[174] PAS juga lebih memainkan peranan sebagai sebuah pertubuhan sukarela, dengan ahli-ahlinya dibenarkan mengambil bahagian dalam parti politik. Pada tahap awal selepas penubuhannya pada 24 November 1951, PAS bukanlah ditubuhkan untuk berlawan atau menjatuhkan mana-mana parti politik yang telah sedia ada dalam memperjuangkan kemerdekaan.[175]

Menjelang tahun 1955, disebabkan kecewa dan marah kepada UMNO yang melonggarkan syarat kerakyatan kepada orang bukan Melayu melalui prinsip *jus soli*, barulah PAS membuat keputusan untuk bergerak sebagai sebuah parti politik dan menyertai politik arus perdana sebagai wadah menegakkan Islam dan melindungi hak orang Melayu di negara ini.[176] Tindakan UMNO yang bersifat toleran kepada orang bukan Melayu menyebabkan PAS berkecimpung dalam arena politik. Keputusan tersebut timbul daripada kesedaran dan keinsafan umat Islam sendiri bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab sesuai dengan perintah Allah S.W.T. Lantaran itu, diwujudkan sebuah pertubuhan yang secara terbuka menjadikan Islam sebagai dasar dan pegangannya, sebagai ganti kepada pertubuhan yang tidak berdasarkan Islam yang selama ini mereka menjadi ahlinya.[177]

PAS membuat keputusan untuk bergerak sebagai sebuah parti politik dan menyertai politik arus perdana sebagai wadah menegakkan Islam di Malaysia. Pihak pendaftar

---

[174] Hal yang demikian ini diakui sendiri oleh Asri Muda (mantan Presiden PAS) yang menyatakan dirinya tidak berminat dengan PAS pada awal penubuhannya kerana dasar PAS yang tidak menggambarkan sebuah parti politik yang betul-betul serius untuk menegakkan Islam dan memperjuangkan nasib bangsa. PAS ketika itu lebih cenderung ke arah usaha menyokong mana-mana parti politik yang berjuang untuk kemerdekaan seperti menyokong UMNO yang ketika itu di bawah pimpinan Onn Jaafar. Lihat Mohd Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 38.

[175] Lihat Baharuddin Abdul Latif. *Islam Memanggil*, hlm. 11.

[176] Lihat Milne R.S. dan Mauzy D. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1982, hlm. 165-166.

[177] Lihat Baharuddin Abdul Latif. *Islam Memanggil*, hlm. 11-12.

University of Malaya

pertubuhan hanya meluluskan pendaftarannya pada 14 Jun 1955, iaitu sehari sebelum hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum Persekutuan 1955.[178] Kelahiran PAS sememangnya didorong oleh sentimen Islam. Namun begitu, PAS juga memilih untuk menumpukan kesatuan orang Melayu terutamanya dalam menuntut kemerdekaan.[179]

UMNO pada waktu itu merupakan parti Melayu yang tebal dengan semangat Melayunya dan memandangkan sebahagian besar ulama UMNO berhasrat mempunyai sebuah parti politik Melayu-Islam, jadi PAS tidak boleh dipisahkan dengan UMNO dalam konteks tersebut. Malah, menjadi amalan biasa pada waktu itu untuk orang Melayu menyertai kedua-dua parti politik Melayu walaupun dalam Perlembagaan PAS dan UMNO, soal dwi-keahlian tidak diizinkan.[180]

---

[178] Dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, terdapat tujuh parti yang bertanding. Parti Negara, PMC, Parti Buruh dan PAS antara parti yang bertanding. Selain itu, Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC. Pilihan raya tersebut merupakan pilihan raya yang pertama kali dijalankan untuk memilih ahli-ahli Undangan Persekutuan. Parti Perikatan meletakkan kesemua calon dalam 52 kerusi yang dipertandingkan. Nisbah pengundi mengikut kaum ialah Melayu (84 peratus), Cina (11 peratus) dan India (5 peratus). Parti Perikatan menang 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Lihat Ratnam K.J. *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press. 1969, hlm. 223.

[179] Tujuan penubuhan PAS bersandarkan kepada matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Dalam Undang-undang Tubuh PAS, Bab Pertama, Fasal 2, matlamat jangka pendek ialah memperjuangkan kemerdekaan. PAS menjustifikasikan memperjuangkan kemerdekaan bukan sahaja merupakan kewajipan politik semata-mata, tetapi turut merupakan perintah agama yang mesti dilaksanakan. Dengan penjelasan tersebut, dapat menafikan segala tuduhan yang pernah dilemparkan kepada PAS bahawa parti tersebut merupakan sebuah parti yang menghalang kemerdekaan. PAS mentafsirkan kemerdekaan yang diperjuangkan mestilah kemerdekaan yang akan melepaskan umat Islam dan negaranya dari sebarang rupa dan bentuk penjajahan oleh orang-orang bukan Islam bukannya perjuangan kemerdekaan itu berjaya menghapuskan penjajahan oleh orang yang tidak seagama dan diganti pula dengan penjajahan lain yang seperti itu juga. Manakala, matlamat jangka panjang pula ialah mengisi kemerdekaan dengan memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara. Zulkifli Muhamad pernah menegaskan bahawa PAS berazam untuk mengisi kemerdekaan dengan ideologi Islam dan PAS berikhtiar menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Islam *(Islamic Country)* dalam erti kata yang sebenarnya, lebih daripada sebagai sebuah Negeri Islam *(Muslim Country)* semata-mata kerana dengan tertubuhnya sebuah Negara Islam, barulah undang-undang dan peraturan Islam dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Asri Muda dalam ucapan perasmian Kongres PAS Kali Ke-14 pada tahun 1966 antara lain menyatakan, cita-cita PAS ialah untuk menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia. Lihat Baharuddin Latif. *Islam Memanggil*, hlm. 17. Lihat juga Ismail Said. *Menegak Agama Membela Bangsa*: Perjuangan PAS 1951-1970. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah. 2011, hlm. 65-67.

[180] Lihat Mujahid Yusuf Rawa. *Menuju PAS Baru*, hlm. 46.

University of Malaya

Desakan mengenai soal keahlian iaitu memisahkan ahli PAS dengan UMNO melalui pindaan terhadap perlembagaan dan undang-undang tubuh kedua-dua parti tersebut telah berlaku. Desakan tersebut datang daripada pihak yang tidak ada latar belakang UMNO dan mahu melihat PAS menjadi sebuah parti tersendiri tanpa terikat dengan tindak tanduk UMNO. Tambahan pula, UMNO dilihat sebagai sebuah parti yang cenderung kepada kolonialis dan selagi PAS dibayangi UMNO, PAS tidak mampu untuk menjadi lebih tegas dalam tuntutan kemerdekaannya apatah lagi penegasannya kepada isu-isu pentadbiran agama yang menjadi agenda utama PAS.[181]

Penyelesaian kepada masalah dwi-keahlian berlaku setelah PAS menetapkan mana-mana ahli PAS yang menjadi ahli parti politik lain akan gugur keahliannya. Reaksi balas terhadap ketetapan yang diambil oleh PAS, UMNO turut sama mengisytiharkan keahlian akan terbatal kepada mereka yang menyertai parti lain. Implikasi daripada tindakan tersebut menyebabkan PAS mula membentuk identitinya sendiri dengan memisahkan parti tersebut daripada bayangan UMNO. PAS bebas menentukan hala tuju perjuangannya dengan menjadi alternatif kepada orang Melayu terutamanya dari sudut idealisme Islam.[182]

Sejak itu, bibit-bibit persaingan telah muncul terutamanya bagi menghadapi Pilihan Raya Persekutuan 1955. Pada pilihan raya tersebut, PAS hanya memenangi satu kerusi Parlimen iaitu di Krian, Perak.[183] Penglibatan PAS dalam pilihan raya memberikan PAS

---

[181] Ibid., hlm. 46-47.
[182] Ibid., hlm. 48.
[183] Dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, pengaruh PAS hanya wujud di Perak, Kelantan dan Terengganu. Harapan PAS untuk menang tidaklah besar. Harapan sekadar latihan semata-mata dan untuk memperkenalkan PAS kepada rakyat secara terbuka sebagai parti orang Melayu alternatif kepada UMNO. Namun begitu, sejarah tercatat oleh PAS di Perak setelah calonnya, Tuan Haji Ahmad Hussain yang merupakan ulama terkenal telah menang di kawasan Krian dengan mengalahkan Sulaiman Palestin (calon Perikatan). Ahmad Hussain merupakan satu-satunya calon pembangkang yang menang dalam pilihan raya tahun tersebut sehingga diberi jolokan sebagai *master of opposition*. Sebagai ulama terkenal dan mempunyai ketokohan dan

University of Malaya

peluang dan kesempatan untuk menyebarkan dasar, tujuan perjuangan dan ternyata dapat menarik rakyat untuk mengenali dan mendekati PAS. Selepas pilihan raya tersebut, pengaruh PAS mulai meluas dan semakin mendapat sambutan.[184]

Pada tahun 1955, PAS belum meneroka bidang-bidang baru dalam soal keagamaan untuk dijadikan isu politik dalam pilihan raya. PAS hanya berkempen dengan isu orang Cina dan India yang 'mengancam hak-hak orang Melayu' di negara ini. Pada masa itu, sikap UMNO yang membuka pintu kepada orang Cina dan India untuk mendapatkan kerakyatan *jus soli* dikecam oleh PAS. [185] Manakala, pada tahun 1951 hingga 1956, PAS 'nama sahaja parti politik'.[186]

Kemenangan besar Parti Perikatan pada Pilihan Raya Persekutuan 1955 membuka ruang kepada usaha untuk menuntut kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Pada masa sama, UMNO sebagai komponen utama Parti Perikatan menjadi bahan kecaman parti yang tidak berpuas hati dengan pencapaian besar Perikatan. Kecaman yang paling hebat datangnya daripada parti yang tidak berpuas hati dalam soal kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli*. Manakala, orang bukan Melayu pula tidak berpuas hati dengan pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, agama Islam sebagai agama Persekutuan dan kedudukan istimewa orang Melayu. Rasa tidak puas hati ini menyebabkan PAS bercakap lebih banyak terhadap kepentingan kebangsaan Melayu pada sepanjang tahun 1956 hingga 1964.[187]

---

kedudukan yang terhormat dalam masyarakat, kehadiran Ahmad Hussain dalam Majlis Perundangan Persekutuan merupakan titik tolak yang penting dalam sejarah PAS. Lihat Mohd Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 50-51.

[184] Ibid., hlm. 51.

[185] Lihat Alias Mohamed. *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutors Sdn. Bhd. 1978, hlm. 85.

[186] Lihat Funston, N. J. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS.* Petaling Jaya: Heinemann Education Books. 1980, hlm. 94.

[187] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 150.

University of Malaya

Semenjak awal penubuhannya lagi, PAS merupakan sebuah parti Islam dan parti bangsa Melayu. Kunci perjuangan parti tersebut ialah "Tanah Melayu kepunyaan orang Melayu" dan asas kepercayaan dirangkumkan dalam cogan katanya: bangsa, agama dan Tanah Melayu.[188] Pada Mesyuarat Agung tahun 1954, PAS menetapkan untuk menuntut kemerdekaan dan mempertahankan matlamat Islam. Bermula tahun 1956, di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin, tuntutan oleh PAS semakin bertambah. PAS mahukan sebuah kerajaan yang berasaskan agama Islam, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal, mengiktiraf dan menambah lagi hak orang Melayu, menghadkan pemberian kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu dan menyekat imigrasi orang bukan Melayu serta menghapuskan pengaruh tentera dan ekonomi asing.[189]

Kritikan PAS terhadap UMNO dan Parti Perikatan selepas Pilihan Raya Persekutuan 1955 lebih tertumpu kepada isu perlembagaan seperti isu pelantikan Suruhanjaya Reid,[190] kerakyatan berdasarkan *jus soli*,[191] penggunaaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu, sistem pertahanan Tanah

---

[188] Lihat Milne R. S. dan Mauzy D. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 166.
[189] Ibid., hlm. 185.
[190] Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada awal bulan Mei 1956 dengan dianggotai oleh lima orang wakil dari England, Pakistan, India, Australia dan Kanada. Anggota suruhanjaya ini dilantik oleh British dan Parti Perikatan untuk membuat cadangan perlembagaan bagi mendapatkan pandangan yang tidak berat sebelah. Rasa tidak puas hati PAS terhadap cadangan Suruhanjaya Reid telah menjadi bahan ucapan Dr. Burhanuddin dalam rapat umum PAS di seluruh Tanah Melayu. Misalnya, dalam rapat umum di Padang Malaya, Kuala Terengganu pada 17 Mac 1957 di hadapan kira-kira 2000 hadirin, Dr. Burhanuddin melihat "syor-syor Suruhanjaya Reid itu merugikan orang Melayu dan terbabas jauh dari keadilan. Nama bangsa Melayu telah terhapus dan jaminan kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam telah ditinggalkan." Lihat *Utusan Melayu*, 18 Mac 1957. Lihat juga Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 152.
[191] Dasar politik yang dipegang oleh PAS di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin memperlihatkan pegangan yang bersifat 'keMelayuan' dalam membentuk kemerdekaan Tanah Melayu. PAS, seperti kebanyakan parti politik Melayu yang lain menolak dasar politik "Malayan" dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Bagi PAS, kuasa politik orang Melayu sebagai pemilik negara ini atau Bumiputera mesti diakui dan menjadi nyawa dan nadi yang membina tubuh kemerdekaan Tanah Melayu. Oleh sebab itu, kerakyatan *jus soli* tidak boleh diberikan kepada bukan Melayu kerana PAS menganggap mereka sebagai orang dagang. Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 154.

University of Malaya

Melayu dan pendidikan kebangsaan.[192] Bantahan yang dibuat oleh PAS adalah pertamanya, PAS membantah keras tuntutan orang asing yang mahukan prinsip *jus soli*.[193] Keduanya, PAS tidak bersetuju dengan pemberian hak keistimewaan kepada orang Melayu. PAS mahu suruhanjaya memperakui bahawa negara ini adalah milik orang Melayu.[194]

PAS sebaliknya mencadangkan supaya rupa bangsa Tanah Melayu adalah rupa bangsa Melayu. Dari segi hak keistimewaan orang Melayu, PAS meminta Suruhanjaya Reid memperakui bahawa Persekutuan Tanah Melayu adalah hak milik orang Melayu. Oleh itu, hak keistimewaan Melayu sebagai tuan rumah hendaklah diiktiraf dan dihormati. PAS memperjuangkan prinsip Tanah Melayu negeri orang Melayu dan Islam sebagai asas perjuangan. PAS memandang serius tuntutan kaum bukan Melayu yang dianggap sekiranya diterima bukan sahaja menghakis hak ketuanan Melayu tetapi juga menjejaskan kedudukan orang Melayu sebagai pribumi negara ini. PAS tidak yakin bahawa UMNO dapat menjaga kepentingan orang Melayu kerana terikat dengan sekutunya dalam Perikatan.[195]

Kesemua tuntutan dan desakan oleh PAS adalah bagi mempertahankan kedudukan orang Melayu dalam politik. Didapati, persaingan UMNO dan PAS menuju kemerdekaan

---

[192] Lihat Ramlah Adam. *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 325-351.

[193] Prinsip *Jus Soli* telah hangat dibincang sejak 1946 lagi setelah prinsip tersebut mula diperkenalkan oleh British dalam dasar *Malayan Union*. Raja-raja Melayu dan orang Melayu menolak prinsip *Jus Soli* dalam pemberian hak kerakyatan kepada bangsa imigran. Justeru itu, prinsip *Jus Soli* digugurkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Pendirian tegas orang-orang Melayu dan Raja-Raja Melayu terhadap isu ini tidak berubah. Pada tahun 1950, prinsip *Jus Soli* sekali lagi ditolak oleh orang Melayu setelah dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Antara Kaum. Jawatankuasa Penyelaras Antara Kaum menawarkan untuk membantu orang Melayu dalam bidang ekonomi sebagai pertukarannya. Mahasiswa Melayu di Universiti Malaya di Singapura dalam memorandum yang dikemukakan kepada Raja-Raja Melayu merayu supaya cadangan itu ditolak. Pada pandangan mahasiswa Melayu, sekiranya cadangan itu diterima, akan menjejaskan kedudukan orang Melayu dari segi jangka panjang. Berdasarkan hujah yang sama, PAS menentang prinisp *Jus Soli*. Bagi menelusuri penglibataan PAS dalam perjuangan Kemerdekaan, sila rujuk Nik Anuar Nik Mahmud. PAS dalam Perlembagaan Tanah Melayu. Dlm. Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015, hlm. 16.

[194] Ibid., hlm. 15.

[195] Ibid., hlm. 14.

University of Malaya

lebih terarah kepada persaingan untuk menjamin kelangsungan masyarakat Melayu dalam sebuah negara yang berbilang kaum. PAS sebagai sebuah parti yang bergantung kepada sokongan orang Melayu, desakan tersebut adalah sangat wajar dan menunjukkan ada kekurangan dalam usaha UMNO melindungi kepentingan orang Melayu, terutama dalam soal kuasa politik.[196]

Pada pandangan PAS, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka hendaklah mengandungi lima perkara besar. Pertama, mengakui bahawa bangsa Melayu adalah tuan punya negeri ini. Kedua, mengakui bahawa orang Melayulah sebagai Bumiputera negeri ini dan hendaklah mempunyai hak yang istimewa dan bukan pada kulit sahaja. Ketiga, hendaklah ditegaskan dalam kerakyatan negeri ini, satu syarat yang besar iaitu tiada seorangpun boleh menjadi rakyat negeri ini melainkan dibuat syarat dan ikatan bahawa seseorang itu benar-benar taat kepada negeri ini. Keempat, hendaklah ditegaskan bahawa agama Islam mestilah dijadikan agama rasmi. Kelima, hendaklah ditetapkan dalam perlembagan itu bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dengan serta merta.[197]

Tegasnya, PAS sebagai sebuah parti politik orang Melayu harus berbeza daripada UMNO demi mendapatkan sokongan orang Melayu yang tidak berpuas hati dengan ideologi atau perjuangan UMNO. UMNO bagi PAS menjadi lemah kerana tidak lagi mempertahankan kepentingan orang Melayu, terutamanya soal kerakyatan yang terlalu terbuka dan gagal mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta tidak lagi

[196] Lihat Ramlah Adam. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. hlm. 161.
[197] Lihat Nik Anuar Nik Mahmud. *PAS dalam Perlembagaan Tanah Melayu*, hlm. 19.

University of Malaya

menjadi parti yang boleh diharapkan. PAS, dengan itu, boleh mengambil peluang menampung rasa tidak puas hati tersebut.

Persaingan Politik Melayu Pada Awal Kemerdekaan

Pilihan Raya Umum (PRU) Pertama selepas Merdeka iaitu tahun 1959 (PRU-1, 1959), PAS memenangi 12 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Keputusan tersebut jelas menunjukkan PAS diterima dengan baik oleh orang Melayu dan sokongan kepada UMNO terjejas kerana PAS memperoleh hampir separuh daripada undi Melayu keseluruhannya. Sejak itu, PAS menjadi pesaing utama kepada UMNO dalam mendapatkan kuasa daripada orang Melayu.[198]

Situasi paling ketara ialah kejayaan PAS di Kelantan dan Terengganu setelah PAS memperoleh jumlah kerusi di luar dugaan umum. Di Kelantan, PAS menyapu bersih semua kerusi parlimen dan 28 daripada 30 jumlah kerusi DUN dengan meninggalkan 'dua batu nisan' untuk Parti Perikatan, mengikut bahasa popular ketika itu. Di Terengganu, PAS mencapai kemenangan dengan memperoleh 13 daripada 24 kerusi DUN dan sehingga dapat menubuhkan kerajaan. Bagi kerusi parlimen, PAS memenangi empat daripada enam kerusi.[199]

Pada Pilihan Raya Umum Kedua (1964), PAS kekal memerintah Kelantan dengan memperoleh 21 daripada 30 kerusi DUN. Bagi kawasan parlimen, PAS memenangi lapan

[198] Lihat Syed Ahmad Hussein. Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (Peny.) *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007, hlm. 132.
[199] Lihat Mohd Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 23.

University of Malaya

daripada 10 kerusi. Tetapi di Terengganu, kemenangan PAS dengan majoriti kecil pada tahun 1959 tidak dapat dipertahankan pada 1964. PAS Cuma memenangi tiga daripada 24 kerusi Dewan Undangan Negeri dan hanya satu daripada enam kerusi parlimen.[200]

Tahun 1969 lebih mencabar bagi orang Melayu. Pada tahun inilah pilihan raya umum diadakan yang menyaksikan kemenangan di luar jangkaan parti pembangkang sehingga menafikan majoriti dua pertiga UMNO dan BN.[201] Keputusan tersebut ternyata memberi kesan besar kepada kuasa politik UMNO yang disifatkan telah pudar. Pada masa sama, orang Melayu mulai bimbang dan curiga akan kehilangan kuasa politik. Hal ini memandangkan, bilangan ahli Parlimen Melayu hanya seramai 80 orang manakala bukan Melayu pula seramai 64 orang (termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak).[202]

Berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 telah mengejutkan dan menyedarkan orang Melayu. Bersandarkan kepada kesedaran sedemikian, perjuangan untuk perpaduan demi kelangsungan politik orang Melayu dihidupkan semula dan kerjasama politik UMNO-PAS melalui kerajaan campuran adalah hasilnya.[203] Peristiwa tersebut mengubah rentak politik

---

[200] Ibid., hlm. 24.

[201] Parti Perikatan hanya memenangi 74 daripada 144 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Selebihnya dimenangi oleh parti pembangkang terdiri daripada parti PAS (12 kerusi), DAP (13 kerusi), Gerakan (Gerakan Rakyat Malaysia – 8 kerusi), PPP (4 kerusi), SNAP (Parti Kebangsaan Sarawak – 9 kerusi), SUPP (Parti Rakyat Bersatu Sarawak – 5 kerusi), SCA (3 kerusi), PESAKA (2 kerusi) dan USNO (Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu – 13 kerusi), Bebas (1 kerusi). Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013).* Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy. 2014, hlm. 27-28.

[202] Pilihan raya ini juga merupakan kali pertama melibatkan Sabah dan Sarawak. Justeru itu, jumlah kerusi Parlimen telah bertambah sebanyak 40 kerusi (16 kerusi di Sabah dan 24 kerusi di Sarawak) iaitu daripada 104 kepada 144 kerusi. Ibid., 26.

[203] Sebelumnya, Konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia turut menyebabkan orang Melayu menyokong kerajaan dalam menghadapi bahaya tersebut. Perpecahan kerana soal agama dan bangsa tidak nyata lagi, tetapi selepas itu kedua-dua isu tersebut sangat menonjol khasnya menjelang PRU-3 (1969). Keadaan sudah menjadi tidak terkawal dengan PAS mempertikaikan rekod UMNO dalam membantu orang Melayu dan umat Islam sehingga berlakunya perpecahan dalam kalangan orang Melayu. Perpecahan tersebut hampir menyebabkan kuasa pemerintahan yang dimiliki oleh UMNO hilang. Lihat Wan Mohd Mahyiddin. *UMNO: Sejarah, Organisasi dan Pelaksanaan Dasar*, hlm. 428-429.

University of Malaya

UMNO dan PAS setelah kedua-dua parti bersetuju mengadakan muafakat politik bagi menjamin kestabilan politik negara, mengekalkan ketuanan Melayu dan menyerapkan Islam dalam pemerintahan. Hal yang demikian ini bermakna, prestasi UMNO dan Parti Perikatan yang malap pada PRU-3 (1969) dan tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969 membuka dimensi baru kepada hubungan antara UMNO dan PAS terutamanya semasa era pemerintahan Tun Razak yang menggantikannya Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.[204]

Pada awal pemerintahan Tun Razak, tindakan mewujudkan "permuafakatan nasional" yang kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk kompromi telah berlaku bukan sahaja dalam UMNO tetapi juga di luar UMNO. Akhirnya, Tun Razak berjaya menyerapkan parti lawan ke dalam lingkungan UMNO dengan mengasaskan kerajaan campuran bagi mengurangkan 'main politik' dan mencapai perpaduan Melayu serta menggemblengkan seluruh tenaga untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.[205]

University of Malaya

[204] Berdasarkan keputusan PRU-3 (1969), UMNO dan Parti Perikatan masih meneruskan penguasaan di peringkat Persekutuan. Namun begitu, kegagalan mendapat majoriti dua pertiga di parlimen merupakan suatu tamparan kepada UMNO. Prestasi buruk UMNO sejak Pilihan Raya Umum Pertama dilihat sebagai berlakunya perpecahan dalam masyarakat Melayu kerana sokongan orang Melayu dalam pilihan raya yang sebelumnya majoriti berpihak kepada UMNO telah beralih kepada PAS. PRU-3 (1969) memperlihatkan prestasi PAS yang lebih baik berbanding sebelumnya. Era kepimpinan Tunku Abdul Rahman yang bermula pada 27 Ogos 1951 merupakan tempoh yang mencabar sehingga wujudnya beberapa isu besar dalam pentadbiran beliau seperti isu pemisahan Singapura, perletakan jawatan Jaafar Albar, isu Datuk Stephen Kalong Ningkan di Sarawak serta Peristiwa 13 Mei 1969 sehingga perletakan jawatan beliau pada tahun 1970.

[205] Kerajaan Campuran PAS-Perikatan merupakan kerajaan campuran yang terakhir sekali dibentuk di Semenanjung Malaysia pada waktu itu. Sebelumya, Tun Razak berjaya membentuk Kerajaan Campuran Gerakan-Perikatan (Februari 1972) dan Kerajaan Campuran PPP-Perikatan (1 Mei 1972). Lihat Milne R.S. dan Mauzy D. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 207-208 dan 210-211.

Kompromi Politik Melayu Melalui Kerajaan Campuran PAS-Perikatan

Pelawaan secara rasmi untuk membentuk kerajaan campuran pertama kalinya dibuat oleh Samad Idris yang merupakan seorang Timbalan Menteri (kemudiannya menteri) pada bulan Disember 1970. Samad Idris mencadangkan supaya kerajaan campuran dibentuk di Kelantan dan Terengganu untuk menghalang perpecahan dalam kalangan orang Melayu.[206] Isu tersebut menjadi perbincangan hangat pada bulan berikutnya di Perhimpunan Agung UMNO tetapi PAS tidak menunjukkan minat sehingga isu kerajaan campuran beransur-ansur lenyap. Idea mengenai kerajaan campuran dibangkitkan semula pada penghujung bulan April 1972 oleh Ghafar Baba yang menegaskan bahawa Parti Perikatan bersedia menimbangkan pembentukan kerajaan campuran di Kelantan.[207]

Memandangkan sikap permusuhan dan saling mencurigai antara PAS dan UMNO (Perikatan) telah berjalan bertahun-tahun lamanya serta memandangkan betapa hebatnya persaingan kedua-dua parti, tidak hairanlah sekiranya rundingan untuk membentuk kerajaan campuran antara kedua pihak mengambil masa yang panjang. Tempoh yang panjang digunakan oleh UMNO untuk memujuk PAS bagi membentuk kerajaan campuran. PAS hanya berminat untuk membincangkan secara serius isu kerajaan campuran bermula pada tahun 1972.[208]

---

[206] Ibid., hlm. 213. Lihat juga *Straits Times* (Malaysia), 17 Disember 1970.
[207] Ibid., hlm. 213. Lihat juga *Sunday Times* (Malaysia), 30 April 1972.
[208] Sikap PAS terhadap Kerajaan Perikatan berubah selepas Peristiwa 13 Mei 1969 setelah Kerajaan PAS Kelantan nampaknya bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, menyokong pemerintahan MAGERAN, menyokong Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 dan seboleh-bolehnya mengelakkan daripada berkonfrantasi dari segi politik. Dua orang pegawai PAS melaporkan bahawa Asri Muda telah diterbangkan ke Kuala Lumpur pada masa rusuhan untuk menunjukkan perpaduan dan beliau berbincang dengan Tun Razak mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan 'keselamatan negara'. Lihat Milne R. S. dan Mauzy D. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 213.

University of Malaya

Idea Kerajaan Campuran PAS-Perikatan juga pernah dilontarkan oleh Tun Razak (Presiden UMNO) melalui ucapan dasar yang disampaikan dalam Mesyuarat Agung UMNO pada 29 Jun 1972. Gagasan tersebut bertitik tolak atas saranan pihak UMNO yang menegaskan perlunya sebuah kerajaan campuran. Tun Razak menegaskan:

> "Baru-baru ini ada ura-ura hendak mengadakan kerjasama di antara kita dengan parti PAS di Kelantan. Saya telah tegaskan kita tidak menolak sebarang usaha ke arah ini demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat khasnya rakyat di negeri yang kurang maju seperti di Kelantan, Terengganu dan Kedah."[209]

Pelawaan UMNO disambut positif oleh PAS sehingga Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 meluluskan satu usul untuk memberi kuasa kepada Jawatankuasa Agung PAS untuk mengadakan perundingan mengenai penubuhan kerajaan campuran di semua peringkat.[210] Terdapat dua syarat yang ditetapkan kepada jawatankuasa tersebut bagi tujuan perundingan dengan Parti Perikatan iaitu pertamanya, tidak mengorbankan prinsip perjuangan PAS dan kedua, perlu mengemukakan hasil perundingan tersebut kepada satu Muktamar Agung. Keputusan daripada usul tersebut ialah 142 undi menyokong berbanding 50 undi membangkang dan 16 undi berkecuali.[211]

---

[209] Ucapan Dasar oleh Tun Razak dalam Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 24 dan 25 Jun 1972 yang bertajuk 'Ke Arah Pengukuhan Negara".

[210] Beberapa siri rundingan dilakukan oleh pihak PAS dengan wakil Parti Perikatan. PAS diwakili oleh Yang Dipertua Agung (Asri Muda), Timbalan Yang Dipertua Agung (Hassan Adli Arshad) dan Naib Yang Dipertua Agung merangkap Setiausaha Agung (Abu Bakar Hamzah). Hassan Adli Arshad hanya berkesempatan hadir dalam pertemuan awal iaitu pertemuan yang tidak benar-benar bersifat perundingan, tetapi pertemuan yang sekadar menjenguk hati masing-masing dan meninjau pendapat antara kedua-dua pihak. Pertemuan yang seterusnya, Hassan Adli tidak dapat menghadiri oleh kerana keadaan kesihatan dan keuzuran yang dihadapinya. Parti Perikatan pula diwakili oleh Tun Razak dan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. Lihat Ucapan Dasar yang disampaikan oleh Asri Muda, Pemangku Yang Dipertua Agung PAS di dalam Muktamar Agung Khas PAS mengenai Kerajaan Campuran PAS-Perikatan yang telah dilangsungkan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada Disember 1972.

[211] Lihat Kamaruzaman Haji Yusof. PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama (1982-2004), Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2013, hlm. 90.

University of Malaya

Tun Razak sebagai Presiden UMNO dan Asri Muda (Presiden PAS) mengambil langkah muafakat antara UMNO dan PAS dengan mengadakan kerjasama melalui kerajaan campuran.[212] Hasilnya, Kerajaan Campuran PAS-Perikatan berjaya ditubuhkan pada 1 Januari 1973. Kemudiannya kedua-dua pihak bersama-sama menubuhkan Barisan Nasional (BN). Tindakan kedua-dua parti tersebut dilihat membuka lembaran baru dalam persada politik negara demi menjamin kestabilan politik, mengekalkan ketuanan Melayu dan menyerapkan Islam dalam pemerintahan. Ternyata, dalam keadaan negara diancam oleh perpecahan dan untuk mencapai perpaduan menjadi satu masalah besar, PAS telah mengetepikan ideologi parti dan sanggup duduk semeja untuk bekerjasama dengan UMNO, walaupun dalam empat Pilihan Raya Umum sebelumnya (1955, 1959, 1964 dan 1969), kedua-dua parti bertentangan, bermusuh-musuhan dan bersaingan untuk mendapat kuasa.[213]

Tun Razak dan Parti Perikatan terutamanya UMNO menganggap Kerajaan Campuran PAS-Perikatan merupakan strategi penting kerajaan dalam usaha mengurangkan "main politik", untuk mencapai perpaduan orang Melayu dan memfokuskan seluruh tenaga untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Setelah termetrainya perjanjian Kerajaan Campuran PAS-Perikatan, usaha PAS untuk merebut kuasa dari UMNO semakin sukar dan UMNO berjaya menyekat perkembangan PAS yang semakin berpengaruh di kawasan Utara Semananjung Malaysia. Parti Perikatan juga dibenarkan untuk menyertai Kerajaan Kelantan dan mengurangkan ketegangan hubungan kerajaan negeri tersebut dengan kerajaan persekutuan.[214]

---

[212] Asri Muda menceritakan selepas dua hari berlakunya Rusuhan Kaum 13 Mei 1969, beliau dijemput oleh Tun Razak untuk membincangkan sesuatu mengenai masalah perpaduan, survival dan masa depan bangsa Melayu. Pada saat itu juga, lahirlah idea untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang politik antara UMNO dengan PAS bagi tujuan menyatupadukan bangsa Melayu. Lihat Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 24.
[213] Lihat Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 24-25.
[214] Lihat Milne R. S. dan Mauzy D. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 215.

University of Malaya

Kecenderungan PAS terhadap UMNO memudahkan PAS menyertai kerajaan campuran. Alasan yang menyebabkan PAS bersetuju dengan pembentukan kerajaan campuran adalah kompleks. PAS menyatakan tujuan penyertaannya ialah untuk mengadakan lebih banyak pengaruh Islam dalam kerajaan dan untuk meningkatkan pembangunan dan kebajikan negara serta meningkatkan lagi perpaduan dalam kalangan orang Melayu. Bagi negeri Kelantan, salah satu tujuan penting mewujudkan kerajaan campuran ialah untuk mendapat lebih banyak bantuan kerajaan persekutuan bagi kemajuan ekonomi negeri.[215] Dasar pro-Melayu Tun Razak dan suasana pemerintahan darurat membuatkan PAS tiada banyak pilihan melainkan menyertai perkongsian dengan musuh politiknya walaupun terpaksa mengubah rentak politik PAS dalam arus perdana politik negara.[216]

Terdapat juga pertimbangan lain yang mempengaruhi PAS membuat keputusan menerima kerajaan campuran. Pertama, pergerakan PAS dilemahkan oleh Akta Hasutan dan Akta Perlembagaan (pindaan) 1971 yang mengharamkan parti mengguna beberapa isu kempen yang bercorak perkauman dan agama. Dalam suasana politik baru, PAS bimbangkan kuasanya yang semakin merosot di Kelantan yang merupakan pangkalan politiknya dan bimbangkan anggotanya di negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia akan berpaling tadah. Keduanya, PAS berhasrat untuk bersama-sama berkuasa di peringkat persekutuan. Ketiganya, terdapat krisis kepimpinan dalam PAS di Kelantan. Keempatnya ialah Biro Siasatan Negara (BSN) mula menyiasat aktiviti Perbadanan Kemajuan Ekonomi

[215] Ibid., hlm. 215.
[216] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2002, hlm. 17.

University of Malaya

Negeri Kelantan (PKENK) pada tahun 1971 yang mendorong pemimpin PAS supaya bersetuju dengan pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan. [217]

Perisytiharan dan perjanjian menubuhkan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dibuat dan ditandatangani secara rasminya di Pejabat Perdana Menteri pada 28 Disember1972 oleh Tun Razak yang mewakili Parti Perikatan dan Asri Muda yang mewakili PAS.[218] Kerajaan Campuran PAS-Perikatan secara rasminya diperkenalkan pada 1 Januari 1973.[219]

---

[217] Lihat Milne R. S. dan Mauzy D. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 215-216. Alias Mohamed pula menyifatkan penyertaan PAS dalam kerajaan campuran menghasilkan dua reaksi penting. Pertama, sungguhpun Kongres Khas Parti PAS pada 20 Disember 1972 memberi mandat kepada pucuk pimpinan parti untuk menyertai kerajaan campuran, hasrat ahli ternyata berbelah bagi. Undi menyokong untuk menyertai kerajaan campuran ialah 190, tetapi terdapat 94 undi protes. Di samping itu, terdapat pula 19 undi berkecuali dan 30 orang tidak hadir ketika pengundian dijalankan. Jika undi protes dicampur dengan undi tidak hadir dan berkecuali, ternyata keputusan untuk menyertai kerajaan campuran mendapat tentangan hebat dari ahli PAS ketika itu. Kedua, secara umumnya, sambutan orang Melayu terhadap penyertaan PAS dalam kerajaan campuran adalah positif walaupun ada pandangan yang mengatakan penyertaan PAS akan melenyapkan tradisi oposisi dari kalangan orang Melayu dalam politik Malaysia. Lihat Alias Mohamed. *Sejarah Perjuangan Parti PAS*, hlm. 97.

[218] Butir-butir persetujuan yang dicapai dalam perundingan PAS-Perikatan ke arah pembentukan kerajaan campuran ialah pertamanya, sebuah kementerian akan diberikan kepada PAS, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas yang bertanggungjawab dalam hal ehwal tanah, pembukaan dan kemajuannya dan juga perkara lain yang ditentukan oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa. Kedua, Menteri yang tersebut akan dilantik dengan persetujuan Raja-Raja menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Ketiga, jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya bolehlah dipenuhi setelah Menteri berkenaan berunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri. Keempat, Perdana Menteri akan menimbang calon-calon yang ditunjukkan oleh PAS bagi menjadi anggota Dewan Negara apabila ada kekosongan. Kelima, Perdana Menteri akan menimbang pemimpin PAS yang layak untuk menyertai rombongan rasmi keluar negara dan juga jawatan dalam perkhidmatan di luar negara yang difikir sesuai, perlu dan munasabah. Keenam, kerajaan akan menimbang ahli PAS yang difikir sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, lembaga-lembaga dan perbadanan-perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri. Ketujuh, dua orang Anggota Dewan Negeri Kelantan dari Parti Perikatan yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi Exco negeri. Kelapan, dua orang Anggota Dewan Negeri-negeri Kedah dan Terengganu dari parti PAS di tiap-tiap negeri itu yang ditunjukkan oleh partinya akan dilantik menjadi ahli Exco negeri masing-masing. Kesembilan, selama kerajaan campuran ini wujud, hendaklah tiada sebarang pertandingan antara PAS dan Parti Perikatan dalam pilihan raya kecil dalam kawasan masing-masing kecuali kawasan yang dimenangi oleh parti yang lain, perundingan hendaklah diadakan terlebih dahulu. Kesepuluh, begitu juga kawasan pilihan raya yang dimenangi oleh PAS dalam Pilihan Raya Umum 1969 yang kemudiannya ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan terhenti daripada menjadi ahli PAS, sekiranya berlaku pilihan raya kecil dalam kawasan yang tersebut, satu perundingan hendaklah diadakan. Sekiranya sebarang persetujuan tidak tercapai dalam perundingan itu, pertandingan seperti biasa hendaklah diadakan. Kesebelas, hendaklah tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi sebarang pilihan raya umum yang akan datang. Segala sesuatu akan dibincangkan kelak apabila tiba waktunya. Kedua belas, kebebasan anggota-anggota PAS dalam Kabinet Pusat, Exco Negeri, Parlimen dan Majlis Undangan Negeri untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan

University of Malaya

Tercapainya perpaduan politik antara UMNO dan PAS melahirkan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan di semua peringkat. Permuafakan ini akhirnya membawa PAS dan UMNO menghadapi PRU-4 (1974) secara bersama dengan parti-parti lain dalam Parti Perikatan (kemudiannya dikenali dengan Barisan Nasional pada 1 Jun 1974) yang memaksa parti pemerintah menukar lambangnya daripada *kapal layar* kepada simbol *dacing.*[220] Kesan dari kerjasama antara UMNO dan PAS, pada PRU-4 (1974), BN berjaya memenangi kesemua kerusi yang ditandingi sama ada kawasan DUN mahupun parlimen di Kelantan. Bahkan, kerjasama ini lebih memantapkan lagi kedudukan PAS di Kelantan.[221]

---

dengan Islam hendaklah terjamin. Akhir sekali, sebuah Jawatankuasa Penyelaras hendaklah ditubuhkan dengan anggota-anggotanya terdiri sama banyak antara Perikatan dan PAS. Lihat Abdul Halim Mahmood. *Asri Dalam Dilema*. Kuala Lumpur: Hafar Enterprise. 1983, hlm. 126-127.

[219] Isu yang diperjuangkan oleh PAS melalui kerajaan campuran mengikut persetujuan kedua-dua pihak ialah pertamanya ialah PAS berazam membentuk negara Malaysia menjadi sebuah negara yang aman dan damai, harmoni dan mempunyai nilai-nilai moral dan kerohanian, dengan demikian pembangunan rohani rakyat hendaklah digemblengkan bersama dengan usaha pembangunan yang sedang berjalan dengan pesatnya sekarang sesuai dengan Islam sebagai agama negara serta prinsip Rukunegara, nilai ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha pembangunan dan kemajuan negara. Kedua, Dalam menuju kesempurnaan prinsip-prinsip itu, PAS dengan kerajaan campuran yang diwujudkan itu akan berusaha memberi nilai-nilai Islam kepada perundangan dan perntadbiran negara. Ketiga, PAS dengan kerajaan campuran berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan bersungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih sehingga cita-cita mewujudkan perseimbangan sosial dan ekonomi antara yang berada dan tidak berada ini serta cita-cita melenyapkan kemiskinan dalam kalangan rakyat itu mencapai kejayaan yang cemerlang. Keempat, PAS dengan kerajaan campuran berazam mewujudkan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segenap bidang. Kelima, PAS dengan kerajaan campuran berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan sebarang ancaman baik dari dalam mahupun dari luar dan dengan ini pertahanan negara akan diperkemaskan dan diperbesarkan sesuai dengan cita-cita-cita untuk mewujudkan kemampuan nasional dalam bidang pertahanan. Keenam, PAS dengan kerajaan campuran berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif dan akan terus memperjuangkan konsep pengecualian negara-negara Asia bagi menjamin tercapainya keamanan di rantau ini. Di samping itu, akan berusaha mengeratkan lagi hubungan dengan negara-negara umat Islam. Ibid., hlm. 125-126.

[220] Cadangan untuk menukarkan nama Perikatan kepada Barisan Nasional dikemukakan oleh Asri Muda (Presiden PAS) pada persidangan Majlis Tertinggi Parti Perikatan bagi membincangkan perkara khusus untuk menghadapi pilihan Raya 1974. Cadangan tersebut adalah bagi memberi wajah baru kepada Parti Perikatan dan mendapat sambutan baik daripada semua anggota komponen. Pada mesyuarat itu juga, Ghafar Baba sebagai pengerusi mesyuarat, mengemukakan cadangan dan dipersetujui untuk menggantikan simbol lama iaitu 'kapal layar' kepada rupa baru iaitu 'Dacing'. Bentuk rupanya dilukiskan oleh Ghafar Baba sendiri. Warna latar belakangnya tetap sama dengan warna yang lama iaitu biru tua. Lihat Asri Bin Haji Muda. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1993, hlm. 97-98.

[221] Pada PRU-4 (1974), PAS hanya mendapat tentangan dari Barisan Bebas Bersatu yang dikatuai oleh Mohd Fakhrudin yang dipecat dari PAS kerana tidak senang dengan perjuangan PAS yang menganggotai BN. Perjuangan Barisan Bebas Bersatu ini dinamakan Revolusi 14 Mac, sempena penubuhan gerakan ini pada 14 Mac 1974. Revolusi 14 Mac bukanlah untuk menumbangkan PAS tetapi sekadar ingin menumpaskan tokoh-tokoh PAS yang mengelilingi Asri Muda ketika itu seperti Wan Ismail Ibrahim, Nik Mustapha Shafie, Zahari Awang dan Hussin Abdullah. Lihat Russli Bin Kamarudin. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu

University of Malaya

Kewujudan kerajaan campuran memberi makna yang besar kepada perpaduan dan kestabilan negara dalam bentuk identiti yang baru. Kejayaan membentuk kerajaan campuran adalah kerana semua pihak yang terlibat berdiri tegak dan tegas atas kepentingan rakyat dan negara. Pembentukan kerajaan campuran merupakan satu langkah ke hadapan bagi melaksanakan hasrat BN untuk menjamin perpaduan rakyat serta kejayaan pembangunan ekonomi dan pembentukan masyarakat yang lebih adil, makmur dan kuat.[222]

Pemetrian perjanjian kerajaan campuran, wakil daripada UMNO dibenarkan untuk menyertai Kerajaan PAS Kelantan,[223] pemimpin PAS diberi peluang memegang jawatan di peringkat pusat,[224] wakil daripada PAS dilantik sebagai Exco di negeri Kedah dan Terengganu,[225] serta negeri lain seperti Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Akibat tindakan tersebut, persaingan politik sebelum ini saling bermusuhan yang melibatkan orang Melayu telah reda dan memberi ruang kepada pemerintah untuk merancang dan membangunkan

---

Tinjauan. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (Peny). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955 -1995*. Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995, hlm. 138-139.

[222] Ucapan oleh Tun Razak di Perhimpunan Agung UMNO, Hotel Hilton pada 30 Jun 1973 yang bertajuk "Realiti Politik Masa Depan". Dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof. *Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa dan Negara*. Jilid II. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1997, hlm. 146.

[223] Di Kelantan, Pihak PAS telah melantik dua orang ADUN dari UMNO menjadi Exco iaitu Muhammad Idris dan Hussain Ahmad. Lihat Asri Bin Haji Muda. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, hlm. 98.

[224] Pemimpin PAS yang diberi jawatan di peringkat Pusat ialah Mohd Asri Muda sebagai Menteri di Kementerian Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas. Tugas-Tugas Khas ialah berkaitan dengan hal ehwal agama Islam. Selepas PRU-4 (1974), nama kementerian itu telah ditukar kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Asri Muda juga dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam. Yusof Rawa dilantik menjadi Timbalan Menteri Perusahaan Utama pada 1973 dan selepas PRU-4 (1974) dilantik menjadi Duta Besar Malaysia ke Iran dan Turki. Abu Bakar Umar yang menjadi Exco Negeri Kedah pada tahun 1973 telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Kesihatan selepas PRU-4 (1974). Hassan Adli telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) kemudiannya dilantik menjadi Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan. Abu Bakar Hamzah pula telah dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1974. Mustafa Ali yang menang pada PRU-4 (1974) di Kuala Terengganu telah dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan dan Perindustrian yang kemudiannya dilantik menjadi Timbalan Menteri Sains dan Teknologi. Zahari Awang dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri dan Kemudiannya bertukar kepada jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kampung-Kampung Baru. Abdul Wahab Yunus juga dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Lihat Asri Bin Haji Muda. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, hlm. 101-102.

[225] Kedah dan Terengganu merupakan negeri yang bukan diperintah oleh PAS tetapi kerjasama yang telah dicapai mulai 1 Januri 1973 telah menyaksikan dua orang ADUN dari PAS dilantik menjadi Exco. Di negeri Kedah ialah Abu Bakar Umar dan Ahmad Shukri. Di Terengganu ialah Omar Shukri dan Kasssim Ahmad. Ibid., hlm. 98.

University of Malaya

negara. Kedua-dua pihak juga sama-sama bertanggungjawab menangani urusan negara demi survival politik Melayu.[226]

Dalam Ucapan Dasar yang disampaikan oleh Asri Muda dalam Muktamar Agung PAS ke-19 pada 21 September 1973, beliau telah memberikan dua sebab mengapa kerjasama PAS dan Perikatan perlu dilanjutkan sehingga kepada Pilihan Raya Umum berikutnya (1974). Pertamanya, faedah yang sedang dan akan diperoleh oleh negara hasil daripada permulaan kerjasama politik yang sedang wujud. Keduanya, kerana sesuai dengan cita-cita menuju kepada matlamat perjuangan PAS yang akan dapat dicapai peringkat demi peringkat.[227]

Bagi UMNO, kejayaan membawa PAS untuk membentuk kerajaan campuran adalah berpaksikan kesedaran bahawa penyatuan orang Melayu tidak semestinya bermakna penyatuan dalam UMNO. Mustahil untuk menarik semua orang Melayu masuk ke dalam UMNO. Sebahagian orang Melayu masih juga menyokong PAS. Penyatuan orang Melayu tidak dapat dicapai dan UMNO dilihat gagal menyatukan orang Melayu. Kenyataan ini akhirnya diterima oleh pemimpin UMNO. Apabila disedari UMNO tidak wujud kerana UMNO tetapi kerana orang Melayu, sikap pun mula bertukar. Penukaran sikap inilah yang membolehkan kerjasama UMNO dengan PAS iaitu antara orang Melayu dengan orang Melayu. Penyatuan di dalam UMNO tidak tercapai, tetapi perpaduan dalam kalangan orang Melayu sudah tercapai.[228]

---

[226] Ibid., hlm. 100-101.
[227] *Utusan Malaysia*, 22 September 1973.
[228] Lihat Mokhtar Petah. *Dr. Mahathir dan Masa Depan Negara*. Selangor: Tra-Tra Publishing & Trading Co. 1982, hlm. 45.

University of Malaya

Bukan sahaja wujudnya kerjasama dengan PAS di Kelantan, kerjasama UMNO dan Parti Perikatan juga dilakukan dengan Parti Gerakan di Pulau Pinang, Parti Progresif Rakyat (PPP) di Perak dan juga dengan SUPP di Sarawak. Parti-parti ini yang sebelumnya bertindak sebagai parti pembangkang akhirnya bersetuju untuk menerima dasar yang dijalankan oleh kerajaan persekutuan pada waktu tersebut. Asas kepada kerjasama ialah kejujuran dan keikhlasan dalam usaha untuk berbaik-baik dan berkhidmat bersama-sama bagi membangun dan memajukan negara.[229]

Kewujudan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan kemudiannya membuka jalan kepada pembentukan Barisan Nasional (BN) yang secara rasminya ditubuhkan pada 1 Jun 1974. PAS turut menyertai BN bersama-sama dengan Parti Gerakan dan PPP yang merupakan parti pembangkang semasa PRU-3 (1969). Lahirnya BN adalah merupakan kemuncak kepada strategi politik pada tahun 1970-an di bawah kepimpinan Tun Razak. Penyertaan PAS dalam BN yang ditunjangi oleh UMNO adalah jawapan kepada kemelut politik pada waktu itu bagi mencari konsensus terhadap krisis yang berlaku dan dilihat sebagai percampuran ideologi Islam dan demokrasi liberal Melayu.[230]

---

[229] Ucapan oleh Tun Razak di Perhimpunan Agung UMNO, Hotel Hilton pada 30 Jun 1973 yang bertajuk "Realiti Politik Masa Depan". Dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof. *Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa dan Negara*, hlm. 137.

[230] Subky Latif menyatakan pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan melibatkan rundingan yang panjang melibatkan Tun Razak dan Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang mewakili Parti Perikatan dengan PAS diwakili Asri Muda, Hassan Adli dan Abu Bakar Hamzah. Rundingan awalnya berjalan sejak Peristiwa 13 Mei 1969 antara Tun Razak dan Asri sahaja. Tun Razak ketika itu belum lagi menjadi Perdana Menteri dan hanya berkuasa sebagai Pengarah MAGERAN yang dibentuk berikutan kejadian berdarah 13 Mei itu. Rundingan formal kedua-dua pihak berlaku selepas Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Bagi pihak PAS, keputusan menyertai kerajaan campuran itu tidak dibuat oleh Asri saja. Perkara tersebut telah dibawa ke dalam muktamar khas. Bukan semua ahli PAS bersetuju dengan cadangan itu. Namun begitu, perhimpunan khas itu telah membuat keputusan dan menerima cadangan membentuk kerajaan campuran tersebut. Setahun kemudian, PAS bersetuju bergabung dengan Parti Perikatan dengan persetujuan bahawa Parti Perikatan bertukar menjadi Barisan Nasional (BN) dan lambangnya bertukar daripada kapal layar kepada dacing. Individu yang mencadangkan gambar dacing itu ialah Asri Muda dan yang mencipta bentuk simbol itu ialah Ghafar Baba. Lihat Subky Latif. *Istimewa Terkenang.* Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd, 2009, hlm.117-118.

University of Malaya

Penyingkiran PAS Daripada BN dan Isu Perpecahan Politik Melayu

Persetujuan PAS untuk bersama-sama UMNO dalam kerajaan campuran dan BN adalah kerana pujukan dan pengaruh kuat Tun Razak terhadap Asri Muda, pemimpin utama PAS dan Menteri Besar Kelantan yang kemudiannya diberikan jawatan Menteri di peringkat pusat. Selepas Tun Razak meninggal dunia, pemerintahan negara diambil alih oleh Tun Hussein Onn yang disifatkan tidak begitu 'mesra' terhadap PAS. Tun Hussein Onn tidak mahu mengalah untuk memberi peranan penting kepada Asri Muda. Tambahan pula, sebahagian besar ahli PAS tidak berpuas hati dengan BN kerana wujud usaha untuk menghalang PAS bagi meluaskan agenda Islamnya.[231]

Kewujudan UMNO dan PAS dalam kerajaan campuran dan BN memperlihatkan kerjasama erat yang terjalin. Di sebalik kerjasama yang terjalin, masih wujud persaingan kedua-dua parti dalam usaha untuk menarik sokongan orang Melayu sehingga merobek persefahaman yang terjalin. PAS dikatakan giat menubuhkan ranting (cawangan) parti tersebut di Pahang.[232] Bagi UMNO, tindakan PAS meluaskan pengaruh di kawasan Tanah Rancangan Felda dan membuka cawangan PAS di cawangan UMNO yang telahpun wujud juga antara faktor yang menyebabkan hubungan kedua-dua parti tersebut menjadi renggang. Sejak itu, perasaan tidak puas hati wujud hingga kedua-dua parti gagal mencari penyelesaian dalam kes yang berlaku selepas itu seperti isu yang melibatkan Menteri Besar

[231] Lihat S. Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah. 2008, hlm. 52-53.
[232] *Watan*, 15 September 1977. Lihat juga Lotfi Ismail. *Pertarungan Politik di Malaysia, Jilid 3.* Petaling Jaya: Karangkraf Sdn. Bhd. 1978. hlm. 6.

University of Malaya

Kelantan iaitu Muhammad Nasir. Isu ini menyababkan berlakunya krisis UMNO dengan PAS sehingga membawa kepada kemuncak ketegangan.[233]

Krisis politik di Kelantan berkaitan dengan isu Menteri Besar dan keengganan PAS untuk menyokong Undang-Undang Darurat menyebabkan kerjasama politik UMNO dan PAS yang terjalin selama empat tahun akhirnya terlerai. Krisis politik di Kelantan berakar sejak tahun 1974 (PRU-4). Tun Razak menolak keputusan PAS yang menamakan Wan Ismail bin Wan Ibrahim sebagai Menteri Besar Kelantan selepas pilihan raya. Ketika itu PAS mahukan Wan Ismail sebagai Menteri Besar, tetapi UMNO menolak pencalonan tersebut. UMNO mahukan Muhammad Nasir dan tidak mahu menerima sebarang calon lain.[234]

Tindakan UMNO itu membuatkan PAS terpaksa bersetuju demi menjaga perpaduan dan kepentingan BN. Walaupun isu ini lebih kepada masalah dalaman PAS, tetapi situasi tersebut memperlihatkan persaingan antara UMNO dan PAS yang ketika itu masih lagi berada dalam BN. Kes ini mendapat perhatian memandangkan inilah pertama kali satu pergolakan berlaku untuk melancarkan gerakan penggulingan secara terbuka dengan

---

[233] Kerjasama PAS dengan UMNO berjaya memenangi semua kerusi yang dipertandingkan pada PRU-4 (1974). Namun begitu, timbul pula masalah baru iaitu perasaan tidak puas hati sesetengah pemimpin PAS terhadap pelantikan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar. Pelantikan Muhammad Nasir merupakan pilihan Tun Razak yang menjadi Perdana Menteri pada ketika itu dan bukannya PAS Kelantan yang mahukan Wan Ismail Wan Ibrahim. Tindak tanduk Muhammad Nasir yang mesra BN berbanding PAS dilihat sebagai Menteri Besar BN bukannya PAS sedangkan PAS mempunyai kerusi majoriti di DUN. Akibatnya, wujud dua kumpulan dalam PAS iaitu kumpulan Asri Muda dan kumpulan Muhammad Nasir. Usaha menyingkirkan Muhamamd Nasir dilakukan setelah wujudnya Kumpulan 20 (asalnya Kumpulan 16). Caranya dengan menggurkan keahlian Muhammad Nasir dari PAS. Menyedari akan hakikat ini, Muhammad Nasir mula mengambil langkah dengan mendedahkan kepincangan pentadbiran PAS yang terdahulu serta mengungkit isu balak. Muhammad Nasir kemudiannya digulingkan dari jawatan Menteri Besar melalui usul undi tidak percaya oleh 20 ADUN dari PAS yang diketuai oleh Ishak Lufti Omar. Demontrasi telah tercetus pada 19 Oktober 1977 yang dihadiri kira-kira 20 ribu rakyat Kelantan. Akibatnya, darurat diisytiharkan di Kelantan dan PAS disingkirkan dari BN kerana enggan mematuhi whip BN tentang Rang Undang-Undang Darurat. Lihat Russli Bin Kamarudin. *Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan*, hlm. 139-140.

[234] Ibid., 139.

University of Malaya

sekumpulan 20 (ada juga laporan menyebut kumpulan 16) ahli-ahli Dewan Undangan Negeri PAS Kelantan telah dibentuk bagi mendesak Menteri Besar iaitu Muhammad Nasir meletak jawatan. Walaupun tiada alasan yang jelas punca yang menyebabkan kumpulan 20 atau kumpulan 16 itu memberontak, tetapi ada tanggapan yang mengatakan Muhammad Nasir juga turut menjadi sasaran undi tidak percaya kerana dikatakan mempunyai pendirian sebagai "Menteri Besar BN dan bukannya Menteri Besar PAS dalam BN".[235]

Muhammad Nasir mendakwa rasa tidak puas hati timbul dalam kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS berikutan tindakannya yang melancarkan gerakan membasmi rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Tindakan tersebut ialah mengambil semula tanah balak seluas 350,000 ekar yang diberi kepada sebuah syarikat iaitu Syarikat Timbermine. Rasa tidak puas hati tersebut memuncak setelah beliau membekukan kawasan kayu balak seluas 240,000 ekar di sempadan Kelantan dengan Perak yang dipercayai mengandungi bijih timah bermutu tinggi serta meminta mahkamah menyelesaikan kes Syarikat Tembakau.[236]

Tuduhan yang dikemukakan oleh Muhammad Nasir telah disangkal oleh Asri Muda (Presiden PAS) termasuk menafi menjadi 'dalang' dalam isu tersebut dan menyifatkan tindakan Muhammad Nasir melibatkan namanya dalam krisis politik Kelantan sebagai tidak adil dan tidak munasabah. Pada masa sama, Asri Muda menyeru semua parti komponen dalam BN supaya bertenang sambil menekankan bahawa krisis di Kelantan itu adalah soal urusan rumah tangga PAS sendiri dan akan diselesaikan tanpa penglibatan BN seluruhnya. Asri Muda juga menegaskan bahawa perkara tersebut seharusnya tidak dibawa ke peringkat

[235] *Utusan Melayu*, 14 September 1977. Lihat juga Lotfi Ismail. *Pertarungan Politik di Malaysia*, hlm. 5.
[236] *Utusan Melayu*, 18 September 1977. Lihat juga Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 78-80.

University of Malaya

BN. Hal yang demikian ini memandangkan UMNO, MIC dan MCA juga pernah mengalami krisis dalaman masing-masing tetapi tidak dibawa ke peringkat itu.[237]

Krisis politik di Kelantan meletakkan UMNO dalam keadaan serba salah. Jika ahli-ahli UMNO menentang usul tidak percaya kepada pimpinan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan, hubungan UMNO dan PAS mungkin retak dan perpaduan BN akan tergugat. Orang yang paling sukar ialah Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) yang pada ketika itu menjawat jawatan Menteri Kewangan dan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Tengku Razaleigh dikatakan terlibat secara langsung dalam usaha hendak menyelamatkan kedudukan Muhammad Nasir sehingga Kumpulan 20 membuat dakwaan ada kalangan yang tertentu dalam UMNO sanggup membelanjakan setengah juta ringgit untuk menyelamatkan Muhammad Nasir.[238]

UMNO mengambil sikap tunggu dan lihat serta berkecuali dalam kes politik Kelantan. UMNO berpendapat, mereka tidak perlu campurtangan kerana kes tersebut adalah masalah rumahtangga PAS walaupun kemungkinan UMNO merasakan inilah masanya untuk mereka kembali berkuasa di Kelantan. Tindakan Majlis Tertinggi UMNO yang memanggil mesyuarat untuk membincangkan krisis politik Kelantan adalah bagi menentukan pendirian sebenar UMNO terutamanya 13 ADUN UMNO bagi menghadapi undi tidak percaya kepada Menteri Besar, Muhammad Nasir dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 15 dan 16 Oktober 1977.[239]

---

[237] *Berita Harian*, 18 September 1977.
[238] *Watan*, 18 September 1977.
[239] Akhirnya, pada 15 Oktober 1977, Muhammad Nasir dilucutkan jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan setelah Dewan Undangan Negeri yang bersidang meluluskan undi tidak percaya kepadanya. Kesemua 20 orang anggota PAS di dewan itu telah menyokong usul tersebut setelah undi dijalankan. Manakala, 13

University of Malaya

Krisis politik di Kelantan telah berlarutan dan semakin kusut serta menampakkan kesukaran untuk dinoktahkan dengan perlucutan jawatan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar. Walaupun lebih kepada masalah dalaman PAS dan boleh meretakkan hubungan dalam PAS, krisis tersebut telah menimbulkan konflik antara UMNO dan PAS kerana sokongan yang berterusan UMNO kepada Muhammad Nasir. UMNO juga tidak menyatakan pendirian secara rasmi terhadap mana-mana pihak walaupun umum mengetahui kedudukan Muhammad Nasir lebih dekat dengan UMNO. Pendirian UMNO terhadap isu tersebut penting bagi menentukan hala tuju kerjasama UMNO dan PAS.[240]

Asri Muda menyifatkan kerjasama UMNO dengan PAS menimbulkan ketegangan yang berpunca daripada tiga perkara. Pertamanya, kegelisahan yang wujud dalam sebilangan rakyat Kelantan bahawa sehingga bilakah PAS mahu memegang tampuk pemerintahan negeri? Dalam erti kata lain, bilakah UMNO dapat memerintah Kelantan kembali? Kegelisahan ini kadang-kadang menonjol yang menyebabkan suasana kerjasama yang terjalin tergugat. Kedua, timbulnya suara-suara sumbang yang kadang-kadang bertukar menjadi fitnah disebabkan oleh berlakunya gerakan PAS di kawasan tertentu yang memang dahulunya belum ada PAS. Ketiga, salah anggapan yang didorong oleh laporan yang salah tentang sesuatu kejadian yang akhirnya menjadi begitu sensitif.[241]

Ketiga–tiga punca ini akhirnya menimbulkan suasana yang begitu gawat. Pertamanya, kegawatan yang terjadi ketika memilih Menteri Besar Kelantan selepas PRU-4 (1974) sehingga menimbulkan perpecahan dari dalam PAS. Keduanya, tuduhan bahawa

---

anggota UMNO dan seorang anggota MCA telah bangun dan meninggalkan dewan itu. Turut sama meninggalkan dewan ialah Muhammad Nasir. Lihat Lotfi Ismail. *Pertarungan Politik di Malaysia*, hlm. 186.

[240] Keengganan UMNO untuk menyatakan pendirian berhubung isu tersebut adalah disebabkan oleh UMNO berpendapat kekecohan politik yang berlaku di Kelantan adalah urusan rumahtangga PAS. Ibid., hlm. 172.

[241] Lihat Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm. 108-109.

University of Malaya

PAS mencuri ahli parti lain sehingga dapat menubuhkan cawangan atau rantingnya. Ketiga, berlaku satu kejadian, PAS mengadakan majlis pertemuan dengan anggotanya. Kebetulan pada waktu sama, Pemuda UMNO juga mengadakan perjumpaan yang dihadiri oleh Perdana Menteri. Sewaktu rombongan Perdana Menteri melalui tempat perhimpunan PAS itu, anggota PAS berkumpul dan bersorak melambai-lambaikan tangan kepada rombongan Perdana Menteri. Peristiwa ini rupanya menimbulkan salah faham bahawa PAS telah mengejek Perdana Menteri.[242]

Ternyata, berlakunya krisis politik di Kelantan telah memendekkan semangat kerjasama UMNO dengan PAS walaupun harapannya ialah untuk kekal buat selama-lamanya. Disebabkan oleh krisis tersebut, PAS akhirnya disingkirkan daripada BN kerana tidak menyokong satu Rang Undang-Undang Perisytiharan Darurat di Kelantan.[243] Kelantan kemudiannya menjadi medan persaingan sengit antara UMNO dan PAS.

Bagi PAS, pembentukan kerajaan campuran tahun 1973 dan penyertaan parti tersebut dalam BN tahun 1974 menjadi gelombang yang bertiup kencang setelah PAS dikeluarkan daripada BN. Gelombang tersebut telah menghantar PAS kepada suatu pengalaman yang sangat getir dan amat pahit. Bagi PAS, pengalaman tersebut sangat berharga yang membuatkan PAS benar-benar mengenali UMNO. Sejak itu, PAS merasakan penyertaan parti tersebut dalam kerajaan campuran dan BN bersama UMNO merupakan

[242] Ibid., hlm. 109-110

[243] Walau apapun istilah yang berkaitan dengan tindakan UMNO tersebut, PAS tetap mendakwa bahawa parti tersebut disingkirkan daripada BN pada tahun 1977, bukannya PAS bertindak keluar daripada BN. Kenyataan ini juga diakui oleh Nik Aziz dalam temubual oleh pengkaji dengan mendakwa PAS telah disingkirkan daripada BN.

University of Malaya

suatu kesilapan dan mustahil untuk PAS kembali semula ke pangkuan UMNO pada masa hadapan. Pengalaman tersebut sungguh memeritkan dan sukar dilupai oleh PAS.[244]

PAS kemudiannya mengalami kemerosotan prestasi PAS sehingga pengaruh PAS menjadi lemah dalam menghadapi lawannya UMNO. Pada masa sama, parti itu terpaksa menghadapi perpecahan dari dalam kerana terdapat ahli parti yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan parti yang diterajui oleh Asri Muda. Setelah diadakan PRU-5 (1978), PAS yang tidak lagi menjadi anggota BN menerima kekalahan yang paling teruk di tangan BN (diketuai oleh UMNO). Dalam pilihan raya peringkat DUN, PAS hanya mendapat dua kerusi dari 36 kerusi yang dipertandingkan iaitu di Sering dan Manik Urai.[245]

Perpecahan Dalam PAS dan Kewujudan BERJASA

Pelantikan Asri Muda sebagai Menteri dalam Kabinet Persekutuan semasa kerajaan campuran yang sebelumnya menjadi sumber kekuatan PAS Kelantan memberikan kelebihan kepada UMNO untuk memperkukuhkan kedudukan parti tersebut dalam proses politik Kelantan. UMNO Kelantan menyedari parti tersebut berada di pihak yang lemah sekiranya PAS terus diberi peluang menerajui kerajaan negeri. Menyedari hakikat tersebut, UMNO tidak mempunyai pilihan lain kecuali melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberi keuntungan kepada UMNO tanpa mengubah struktur yang sedia ada.[246]

---

[244] Temubual bersama Nik Aziz Nik Mat pada 9 Oktober 2014.
[245] Lihat Rusli Bin Kamarudin. *Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan*, hlm. 140-141.
[246] Mohd Ali Kamarudin. *Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu UMNO Kelantan, 1946-1990*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004, hlm. 155-156.

University of Malaya

Pada PRU-4 (1974), UMNO diperuntukkan sebanyak 13 kerusi, manakala PAS diberikan sebanyak 22 kerusi. Oleh itu, bagi memastikan UMNO mempunyai suara yang kuat dalam Kerajaan BN di negeri Kelantan, UMNO tidak mempunyai pilihan kecuali memastikan Menteri Besar dari kalangan ahli PAS yang bakal dilantik itu boleh bekerjasama dengan parti tersebut. Bahkan, keadaan akan menjadi lebih baik lagi sekiranya Menteri Besar itu berada di bawah pengaruh UMNO. Jika ini berlaku, tindakan UMNO untuk melaksanakan agenda pambangunan di Kelantan akan menjadi lebih mudah, sekaligus dapat meningkatkan sokongan orang Melayu kepada parti berkenaan.[247]

Berasaskan kepada perkiraan tersebut, UMNO Kelantan melalui Tengku Razaleigh yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Istana Kelantan telah mendekati dan melobi pihak Istana terlebih dahulu, sebelum pihak PAS mengemukakan calonnya kepada Sultan untuk diperkenankan. Memandangkan kuasa melantik Menteri Besar adalah merupakan kuasa Perdana Menteri, UMNO mengemukakan nama Muhammad Nasir sebagai calon Menteri Besar Kelantan yang baru.[248]

Sebelum PRU-4 (1974), Muhammad Nasir merupakan Timbalan Menteri Besar. Mengenai pencalonan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar, Sultan juga turut dimaklumkan bahawa Tun Razak merestui pemilihan tersebut. Akibatnya, PAS melalui Asri Muda terpaksa bersetuju dengan cadangan UMNO bagi menjaga hubungan baik dengan Tun Razak dan turut didorong oleh hasrat ingin melihat perpaduan UMNO dan PAS terus berkekalan dalam BN. Tambahan pula, Muhammad Nasir juga merupakan ahli

[247] Ibid., 156.
[248] Ibid., 156.

University of Malaya

PAS walaupun Asri Muda terpaksa berpuas hati dengan pelantikan calon pilihannya iaitu Wan Ismail Wan Ibrahim sebagai Timbalan Menteri Besar.[249]

Situasi berkenaan menjadi kemelut yang akhirnya telah menggugat perpaduan dalam PAS iaitu wujud satu pihak yang menyokong Asri Muda dan satu pihak lagi menyokong Muhammad Nasir. Tambahan pula, tindak tanduk Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar dalam urusan politik dan pentadbiran negeri memberikan lebih banyak keuntungan kepada UMNO berbanding PAS. Berikutan itu, PAS Kelantan memaksa Muhammad Nasir meletak jawatan melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri pada 15 dan 16 Oktober 1977. Akibatnya, kedudukan BN tergugat setelah pihak UMNO menentang tindakan itu.[250]

Selepas dipecat daripada PAS, Muhammad Nasir mengadakan mesyuarat bersama-sama pengikutnya dalam usaha menubuhkan parti baharu. Muhammad Nasir kemudiannya menubuhkan Parti Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) pada Disember 1977 bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh PAS setelah parti itu meninggalkan BN. Penubuhan BERJASA menjelang Pilihan Raya DUN Kelantan tahun 1978 telah memberikan impak besar kepada perkembangan parti politik lain khususnya UMNO terutamanya di Kelantan. Faktor kekalahan PAS kepada UMNO di Kelantan pada pilihan raya tersebut adalah disumbangkan oleh kewujudan BERJASA yang menyokong UMNO dalam pilihan raya itu.[251]

---

[249] Ibid., 156. Lihat juga Zaidi Abdul Rahman dan Osman Md Rasib. Penglibatan BERJASA Dalam Pilihan Raya Umum Di Malaysia, 1977-2013. Dlm. *Jurnal Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL)*. Demokrasi dan Pilihan Raya. Jilid 2. Bil 1, Januari – Disember 2013, hlm. 106.
[250] *Utusan Melayu*, 16 Oktober 1977.
[251] Lihat Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analsisi Peralihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012, hlm. 184.

University of Malaya

Pilihan raya DUN Kelantan tahun 1978 merupakan pilihan raya pertama yang ditandingi oleh BERJASA. Pilihan raya ini diadakan setahun lebih awal dari masa yang sepatutnya setelah berlakunya krisis politik di Kelantan yang berakhir dengan pelaksanaan darurat. Pengalaman pertama menyertai pilihan raya bagi parti yang baru ditubuhkan dengan memperoleh 11 kerusi daripada 25 kerusi DUN merupakan pencapaian yang memberangsangkan bagi BERJASA. Bagi menghadapi PRU-5 (1978), Hussein Onn sebagai Pengerusi BN menjemput BERJASA menyertai BN. BERJASA diterima menyertai BN pada 17 Mei 1980.[252]

Kewujudan BERJASA sebagai sebuah parti Melayu yang lebih sederhana berbanding dengan PAS yang dilihat lebih konservatif. BERJASA pada awal penubuhannya telah memberikan impak besar kepada perkembangan politik terutamanya di Kelantan. Usaha parti ini untuk menjadi parti alternatif kepada PAS ternyata berjaya terutamanya dalam pilihan raya DUN Kelantan tahun 1978. Namun begitu, setelah menyertai BN dan bertanding di 12 kerusi DUN serta satu kerusi parlimen pada PRU-6 (1982), prestasi parti ini mula menampakkan kegoyahan kerana hanya berjaya memenangi empat kerusi DUN sahaja.[253]

Pada PRU-8 (1990) dan PRU-9 (1995), BERJASA bergabung dengan parti lain seperti PAS dan Semangat 46 dalam APU. Namun begitu, peranan BERJASA terlalu kecil dan hanya diperuntukkan satu kerusi sahaja bagi setiap pilihan raya tersebut. Pada pilihan raya berikutnya iaitu PRU-10 (1999), PRU-11 (2004) dan PRU-12 (2008), BERJASA lenyap daripada persada politik negara. Parti ini muncul semula pada PRU-13 (2013)

[252] *Utusan Zaman*, 17 Ogos 1980.
[253] Lihat Zaidi Abdul Rahman dan Osman Md Rasib. Penglibatan BERJASA Dalam Pilihan Raya Umum, Di Malaysia, 1977-2013, Dlm. *Jurnal UMCEDEL*, hlm. 110.

University of Malaya

dengan penampilan berbeza setelah membuat kerjasama dengan NGO Islam iaitu Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Walau bagaimanapun, prestasi BERJASA dan ISMA pada pilihan raya tersebut tidaklah memberangsangkan setelah kalah di semua 14 kerusi yang ditandingi serta hilang wang deposit.[254]

Perpecahan Dalam UMNO dan Penubuhan Semangat 46

Cabaran kepimpinan Mahathir sebagai Perdana Menteri bukan sahaja datang dari luar, tetapi juga daripada dalam UMNO itu sendiri. Hal yang demikian ini termasuklah pertandingan bagi merebut jawatan dalam parti. Konflik politik UMNO di bawah pentadbiran Mahathir bermula setelah Tengku Razaleigh dan Musa Hitam bersaing merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 dan 1984. Ketika pertandingan 1981, Musa Hitam menewaskan Tengku Razaleigh. Pada tahun 1984, Musa Hitam sekali lagi menewaskan Tengku Razaleigh dan Harun Idris.[255]

Pada 24 April 1987 pula, perpecahan yang serius berlaku dalam UMNO berikutan pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO antara Mahathir dan Tengku Razaleigh yang juga merupakan Menteri Kewangan, Naib Presiden UMNO yang paling kanan dan Ketua UMNO Kelantan pada masa itu.[256] Dalam pemilihan UMNO tersebut, Mahathir ditentang oleh Tengku Razaleigh untuk jawatan Presiden UMNO dan Ghafar Baba pula

[254] Ibid., hlm. 120.
[255] Lihat Mohd Rumaizudin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Islam Malaysia. 2011, hlm. 62-63.
[256] Terdapat tiga alasan besar yang menyebabkan Tengku Razaleigh membuat keputusan menentang Mahathir. Pertamanya, Tengku Razaleigh telah biasa mendapat jumlah undi yang besar sebagai Naib Presiden UMNO. Kedua, Tengku Razaleigh pernah diramalkan oleh majalah luar negara akan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Ketiga, Tengku Razaleigh tidak senang hati kerana Mahathhir menyebelahi Musa Hitam dalam *epic battle* mereka. Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Langkah dan Perhintungan*. 1989, hlm. 1.

University of Malaya

ditentang oleh Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO. Mahathir dan Ghafar Baba berjaya mengalahkan lawan masing-masing dengan kelebihan 43 dan 40 undi.[257]

Tengku Razaleigh kemudiannya membawa UMNO ke mahkamah dengan matlamat menafikan kemenangan Mahathir. Akan tetapi, Hakim Mahkamah Tinggi, Harun Hashim bukan sahaja mengisytiharkan pemilihan UMNO tidak sah, malah mengharamkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik. UMNO diheret ke mahkamah dan akhirnya dibatalkan pendaftarannya.[258] Setelah UMNO diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Februari 1988, Mahathir telah menubuhkan sebuah parti lain iaitu "UMNO Baru" yang pendaftarannya diluluskan pada 17 Februari 1988. Justeru itu, Mahathir yang memegang jawatan presiden parti mengambil peluang menyingkirkan musuh utama dalam UMNO.[259]

Tengku Razaleigh dan penyokongnya yang tersingkir daripada UMNO masih mempunyai peluang untuk menyertai UMNO (Baru) dengan memohon menjadi ahli. Namun begitu, Tengku Razaleigh tidak mengambil tindakan tersebut sebaliknya menubuhkan parti politik yang baru iaitu Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) pada 5 Mei 1989. Semangat 46 telah mengadakan persidangan agung pertamanya pada bulan

[257] Lihat Syed Arabi Idid. *Penentuan Agenda: Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994, hlm. 43. Lihat juga Mohd Rumaizudin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*, hlm. 63.

[258] Tengku Razaleigh dan rakan-rakannya dari *team B* mendakwa bahawa terdapat wakil cawangan UMNO yang tidak berdaftar yang melantik wakil ke persidangan parti 1987 tersebut. Pada 4 Februari 1988, mahkamah telah memutuskan bahawa kewujudan 30 cawangan yang tidak berdaftar dengan pendaftar pertubuhan itu sendiri bercanggah dengan peruntukan Akta Pertubuhan dan mengarahkan UMNO dibubarkan. Keputusan mahkamah itu merupakan satu rahmat kepada Mahathir "untuk melumpuhkan musuh-musuhnya dalam UMNO". Lihat Zainuddin Maidin. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutos Sdn. Bhd. 1994, hlm.163.

[259] Lihat Syed Arabi Idid. *Penentuan Agenda: Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 43.

University of Malaya

Oktober 1989.[260] Kesan penubuhan Semangat 46 menyebabkan sokongan kepada UMNO (Baru) terjejas dan merosot.[261]

Tahun tersebut merupakan antara kemuncak perpecahan Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO. UMNO berpecah menjadi dua pasukan iaitu *Team A* dan *Team B* yang kemudiannya mewujudkan UMNO (Baru) dan Semangat 46. Orang Melayu terkesan dengan perpecahan tersebut. Kebanyakan ahli UMNO berbelah bagi sama ada untuk menyokong penubuhan UMNO-Baru (UMNO-88) atau menyambung perjuangan UMNO-Lama (UMNO-46).[262]

Kesan daripada perebutan jawatan tersebut memberi tamparan hebat kepada UMNO kerana kedudukan UMNO tergugat berikutan tindakan Tengku Razaleigh meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Semangat 46 (mengambil nama sempena tahun penubuhan UMNO) yang kemudiannya bergabung dengan PAS yang dipimpin oleh Fadzil Noor, pemimpin golongan moderat dan bekas pemimpin ABIM. Fadzil Noor mengambil alih kepimpinan PAS setelah Yusof Rawa mengundur diri kerana masalah kesihatan dan Nik Aziz Nik Mat dilantik sebagai Mursyidul Am Majlis Syura Ulama.[263]

University of Malaya

---

[260] Lihat Hussain Mohamed. *Membangun Demokrasi: Permasalahan UMNO dan Politik Melayu*: Kuala Lumpur: Dianamedia. 1999, hlm. 40.
[261] Ibid. hlm. 43.
[262] Setelah UMNO baru ditubuhkan pada 16 Januari 1988 oleh *Team A*, pesaingnya iaitu *Team B* melancarkan gerakan untuk memulihkan UMNO 46 yang didakwa sengaja diharamkan oleh *Team A*. Lihat Ahmad Atory Hussain. *Dimensi Politik Melayu 1980-1990*, hlm. 181.
[263] Presiden PAS, Fadzil Noor (Allahyarham) memanfaatkan kesempatan tersebut dengan mewujudkan kerjasama politik dengan Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) yang membolehkan PAS berkuasa semula di Kelantan. Namun begitu, pada 1996, hubungan PAS dengan Semanagat 46 berakhir setelah kedua-dua parti gagal mencapai kesepakatan setelah melalui krisis demi krisis. Dengan itu, menyebabkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang dibentuk pada 1989 berpecah. Lihat www.pas.org.my

Kemunculan Semangat 46 dilabelkan sebagai "Kumpulan Serpihan UMNO" dan merupakan "musuh terbaru UMNO". Parti ini pada mulanya ditubuhkan oleh beberapa orang yang diketahui ada hubungan rapat dengan Suhaimi Kamaruddin yang kemudiannya menjadi setiausaha parti melalui hubungan kepentingan Pergerakan Pertubuhan Belia 4B Malaysia dengan Suhaimi Kamaruddin adalah juga presiden pergerakan itu sejak tahun 1969. Semangat 46 didaftarkan sebagai pertubuhan politik pada 5 Mei 1989 dengan jawatankuasa pengasasnya terdiri daripada Othman Akhir sebagai Presiden, Abdul Wahab Razak sebagai Timbalan Presiden dan Hasan Mokhtar sebagai Setiausaha. Pengambilalihan parti ini di bawah pimpinan Tengku Razaleigh dan jawatankuasa tertingginya yang pertama dibuat pada 29 Oktober 1989. Timbalan Presiden parti ialah Rais Yatim sementara jawatan Setiausaha disandang oleh Suhaimi Kamaruddin.[264]

Semangat 46 dan UMNO (Baru) tetap mahu berpegang kepada gagasan UMNO yang asal iaitu nasionalisme Melayu yang menjadi manifestasi ulung kekuatan dan mercu perpaduan orang Melayu. Situasi yang membezakan ialah Semangat 46 tidak lagi berada dalam *"mainstream"* UMNO yang menjadi parti induk BN yang memegang kuasa kerajaan. Ertinya, Semangat 46 yang sayangkan UMNO asal itu sudah terkeluar daripada komponen parti BN dan bertaraf sama sebagaimana parti pembangkang yang lain, yang secara fungsionalnya berusaha untuk merebut kuasa dan menjadi alternatif kepada UMNO dan BN sekarang.[265]

[264] Lihat Hussain Mohamed. *Membangun Demokrasi: Permasalahan UMNO dan Politik Melayu*, hlm. 58.
[265] Ibid., hlm. 40-41.

University of Malaya

Pergolakan Dalam UMNO dan Kewujudan KeADILan

Pembubaran Semangat 46 pada bulan Oktober 1996 dan kembalinya ahli parti tersebut ke pangkuan UMNO yang berjumlah kira-kira 400,000 orang yang diketuai oleh Tengku Razaleigh ke pangkuan UMNO sepatutnya memberikan kekuatan baru kepada UMNO dan BN dalam menghadapi pilihan raya pada penghujung 1990-an. Namun begitu, kekuatan tersebut telah terencat dengan masalah dalaman yang melanda UMNO. Pada tahun 1998, sekali lagi berlaku perpecahan dalam UMNO setelah pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan pimpinan UMNO.[266]

Pemecatan Anwar Ibrahim mencetuskan kemarahan rakyat dan ahli UMNO sendiri sehingga beberapa rapat umum diadakan di seluruh negara sebagai tanda sokongan kepada beliau. Anwar Ibrahim yang merupakan tokoh penting dan berpengaruh dalam politik Malaysia dikaitkan dengan salah laku moral sehingga menyebabkan sebahagian besar rakyat khususnya orang Melayu bersimpati dengan nasib dan perjuangannya.[267] Anwar Ibrahim pula melihat pemecatannya hasil daripada tindakannya menentang cadangan

[266] Sungguhpun dalam sejarah UMNO, ramai pemimpinnya yang dipecat atau mengundurkan diri akibat tekanan politik, pemecatan Anwar Ibrahim pada 2 September 1998 merupakan suatu tindakan yang luar biasa dan tidak pernah berlaku dalam sejarah politik negara. Tindakan tersebut dibuat oleh pimpinan Mahathir yang berpendapat Anwar terbabit dengan pelbagai salah laku. Anwar bukan sahaja menghadapi tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, malah menghadapi berbagai-bagai tuduhan yang mengaibkan diri dan keluarganya.

[267] Usaha untuk mematahkan kemaraan Anwar Ibrahim dalam politik dikaitkan dengan pengedaran surat layang pada Ogos 1997 yang mendakwa Anwar terlibat dalam hubungan homoseksual dan zina. Biarpun dinafikan kemudiannya oleh Mahathir, tindakan untuk mencemarkan nama Anwar menunjukkan permulaan kempen terancang bagi mengaibkannya dalam pemilihan UMNO tahun 1999. Serangan peribadi terhadap Anwar mencapai momentumnya dalam Perhimpunan UMNO pada Jun 1998 dengan pengedaran surat layang berbentuk buku yang bertajuk 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Layak Menjadi Perdana Menteri. Lihat John, H. *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008, hlm. 110 dan 121.

University of Malaya

Mahathir-Daim untuk menggunakan wang negara bagi menyelamatkan secara *bail out* saudagar-saudagar kroni pemimpin UMNO.[268]

Hakikat bahawa pemecatan tersebut memecah-belahkan orang Melayu sememangnya tidak dapat dinafikan. Dalam masa seminggu, sebelum ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 20 Oktober 1998, Anwar Ibrahim berjaya mewujudkan satu kumpulan teras orang Melayu bagi menentang UMNO.[269] Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)[270] dan Jemaah Islah Malaysia (JIM) memberikan sokongan kepada Anwar Ibrahim di samping individu yang rapat dengannya semasa dalam UMNO sehingga ditubuhkan NGO yang dikenali sebagai ADIL. Penubuhan ADIL tidak diluluskan sebagai sebuah NGO walaupun penubuhan ADIL merupakan langkah awal sebagai tindak balas akibat penyingkiran tersebut bagi menggantikan UMNO dan BN. ABIM terlibat sejak awal lagi dengan penubuhan ADIL berdasarkan kesedaran bahawa perlu ada sebuah parti yang *multi racial* tetapi *Malay-based*.[271] Jika hanya parti Melayu sahaja, sukar untuk pergi lebih jauh bagi menyaingi kekuatan UMNO dan BN. Pemimpin utama ADIL seperti Ahmad Azam Abdul Rahman kemudiannya ditahan di bawah ISA. Kemudian, ADIL dengan sokongan PAS, PRM dan DAP, tertubuhlah GERAK[272] yang diterajui oleh Fadzil Noor.[273]

---

[268] Lihat Kamaruddin Jaafar. *Pilihan Raya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKDAS). 2000, hlm. 2.

[269] *Utusan Malaysia*, 10 Oktober 2001.

[270] ABIM melalui Presidennya (1997-2005), Ahmad Azam Abdul Rahman, Muhammad Nor Manuty, Anuar Tahir dan Mustafa Kamil Ayub memainkan peranan besar sehingga membawa kepada penubuhan KeADILan. Hal ini bermakna, penglibatan ABIM bermula sejak Anwar Ibrahim dipecat dari anggota Kabinet dan UMNO pada September 1998. Hal ini diakui sendiri oleh Ahmad Azam Abdul Rahman semasa ditemubual pada 5 Januari 2015.

[271] Temubual bersama Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.

[272] GERAK adalah merupakan singkatan kepada Gerakan Kebangkitan Rakyat. Fadzil Noor bertindak sebagai Pengerusi GERAK. Penubuhannya turut mendapat sokongan daripada Lim Kit Siang (DAP) dan Syed Husin Ali (PRM) berikutan perlunya ditubuhkan sebuah badan *ad hoc* untuk menangani isu Anwar dan isu penangkapan Anwar dan penyokongnya dibawah tahanan ISA. Kewujudan GERAK telah menyediakan

University of Malaya

ADIL asalnya merupakan sebuah NGO dan kemudiannya berubah menjadi sebuah parti politik bernama Parti Keadilan Nasional (KeADILan). Semasa kewujudan KeADILan, perjalanan politik parti ini banyak dicorakkan oleh anggota ABIM dengan pemimpin-pemimpin ABIM turut memegang jawatan penting dalam KeADILan. Situasi tersebut menggambarkan seolah-olah ABIM ingin mendominasi KeADILan dan mahu mewujudkan proses peng'ABIM'an KeADILan.[274] Pada 10 November 2001, berlaku pemilihan pucuk pimpinan KeADILan di Kemaman, Terengganu. Pada pemilihan tersebut, pemimpin utama ABIM[275] telah tewas kepada bekas pemimpin UMNO dalam pemilihan merebut jawatan Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) KeADILan.[276]

Kegagalan penyokong ABIM menguasai KeADILan memberi tamparan hebat kepada usaha pihak terbabit untuk menjadikan parti berkenaan sebagai sebuah parti Islam yang progresif.[277] Keputusan pemilihan yang tidak berpihak kepada anggota ABIM dan tindakan KeADILan yang kemudian secara rasmi bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia

---

platform penting kepada PAS dan DAP untuk duduk semeja dan berkongsi pentas yang sebelumnya tidak pernah berlaku.

[273] Temubual bersama Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.

[274] *Utusan Malaysia*, 10 Oktober 2001.

[275] Dalam pemilihan tersebut, isu yang timbul ialah kegagalan golongan ABIM menguasai KeADILan berikutan kekalahan empat ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) iaitu Muhammad Nur Manuty (bekas Presiden ABIM) yang bertanding jawatan Timbalan Presiden, kecundang kepada Abdul Rahman Othman. Selain itu, Mohd Anuar Tahir (Pengerusi KeADILan Perlis), Ruslan Kassim (Pengerusi KeADILan Negeri Sembilan) dan Mustafa Kamil Ayub (Merebut jawatan Timbalan Ketua Pemuda). Keempat-empat mereka menolak untuk menyertai kepimpinan tertinggi Parti Keadilan Nasional meskipun menerima pelawaan daripada Presiden, Wan Azizah Ismail. Lihat *Utusan Malaysia*, 21 November 2001.

[276] KeADILan di 'UMNO'kan berikutan kemenangan bekas orang-orang UMNO iaitu Abdul Rahman Othman (bekas Setiausaha UMNO bahagian Muar) dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden menewaskan bekas Presiden ABIM iaitu Muhammad Nur Manuty. Salah satu daripada jawatan Naib Presiden disandang oleh Mohd Azmin Ali (bekas ahli UMNO). Begitu juga jawatan Ketua Pemuda dan Timbalannya yang masing-masing dimenangi oleh bekas Timbalan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan iaitu, Mohd Ezam Mohd Nor dan bekas Penolong Setiausaha Pemuda UMNO iaitu, Saifudin Nasution Ismail. Lihat *Utusan Malaysia*, 12 November 2001. Selain itu, Saifudin yang pada ketika itu merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas dipilih sebagai Timbalan Ketua Pemuda KeADILan bagi penggal 2001/2004 selepas menewaskan penyandangnya, Mustafa Kamil Ayub dengan majoriti 78 undi. Saifudin mendapat 216 undi manakala Mustafa 138 undi. Lihat *Utusan Malaysia*. 10 November 2001.

[277] Lihat *Utusan Malaysia*, 12 November 2001.

University of Malaya

(PRM) pimpinan Syed Husin Ali pada 3 Ogos 2003[278] untuk menjadi Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah menyebabkan ABIM 'tawar hati' dengan PKR sehingga menarik balik sokongan kepada PKR.[279]

ABIM kemudiannya melalui presidennya, Ahmad Azam Abdul Rahman mahu KeADILan berhenti mengaitkan pertubuhan itu dengan kemelut kepimpinan parti, sebaliknya meneruskan haluan masing-masing secara berasingan. Keputusan empat ahli ABIM yang menolak pelantikan sebarang jawatan setelah tewas dalam pemilihan pada peringkat Majlis Pimpinan Tertinggi, pengaruh ABIM dalam parti berkenaan telah hilang.[280] ABIM melalui presidennya juga mahu KeADILan membersihkan semula imej ABIM yang dinggapnya telah 'dihitamkan' akibat *politiking* melampau semasa pemilihan pucuk pimpinan parti 10 November 2001.[281]

Penutup

Sejarah perjuangan UMNO adalah merupakan kesinambungan daripada perjuangan pertubuhan parti politik pada zaman sebelumnya, iaitu untuk memperjuangkan kemerdekaan. Parti politik yang bergerak cergas untuk menentang penjajahan adalah antaranya, Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan sayapnya Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan, UMNO bersaing dengan sebuah parti lain yang lebih awal ditubuhkan iaitu PKMM.

---

[278] Lihat S. Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, hlm. 31.
[279] Temubual bersama Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.
[280] Lihat *Berita Minggu*, 25 November 2001.
[281] Temubual dengan Mohd Anuar Mohd Tahir pada 25 Mei 2015. Lihat *Utusan Malaysia*, 16 November 2001.

University of Malaya

PAS pula muncul setelah British mengharamkan beberapa pertubuhan politik yang sezaman dengan UMNO. Bagaimanapun, PAS sebenarnya ditubuhkan oleh ahli UMNO sendiri. Dasar UMNO yang sentiasa berubah-ubah adalah antara sebab yang membawa pemisahan bahagian agamanya daripada badan induk tersebut. Golongan agama dalam UMNO tidak berpuas hati terhadap UMNO yang tidak berdasarkan al-Quran dan Sunnah, lalu bertindak keluar dari parti itu dan menubuhkan PAS. Oleh kerana cita-cita Islam tidak dapat dicapai dalam UMNO, dirasakan menjadi keperluan untuk menubuhkan sebuah parti Islam bagi menyatukan golongan yang cintakan Islam.

Sejak PAS dirasmikan penubuhannya pada 24 November 1951, PAS banyak memainkan peranan penting untuk meletakkan Islam dalam kerangka rasmi pentadbiran negara terutamanya dalam menetapkan peranan Islam dalam mengisi kemerdekaan yang sedang giat diperjuangkan pada waktu itu. Ideologi PAS yang menekankan perjuangan Islam meletakkan PAS berbeza dengan pesaingnya yang lain seperti UMNO. Perjuangan UMNO adalah berlandaskan gagasan “Semangat Kebangsaan Melayu” yang diterjemahkan sebagai “Nasionalisme Melayu”. UMNO juga memperkenalkan dirinya sebagai sebuah parti nasionalis liberal yang berjuang untuk ketuanan politik Melayu.

Ternyata, UMNO perlu membayar dengan harga yang mahal setelah berlakunya beberapa pergolakan dalaman parti lebih-lebih lagi dengan tindakan bekas pemimpin UMNO bertindak menubuhkan parti baharu. Selain PAS, kewujudan Parti Melayu Semangat 46 dan PKR yang juga merupakan parti serpihan UMNO memberikan saingan yang hebat kepada UMNO sehingga mampu menggugat kedudukan UMNO sebagai sebuah parti yang mendukung aspirasi Melayu.

University of Malaya

Hari ini, UMNO merupakan parti politik terbesar di Malaysia dari segi keahliannya. Kedudukannya amat berpengaruh dalam kerajaan setelah terus menerus memperoleh bilangan kerusi terbanyak di Parlimen. UMNO dilihat berperanan sebagai wakil *de facto* masyarakat Melayu (walaupun juga menghadapi saingan sengit PAS) dan terus menerus melaungkan kepada orang Melayu bahawa UMNO-lah yang mesti mereka sertai dalam memilih pentas perjuangan kerana UMNO sentiasa menjaga kepentingan mereka.

UMNO mengalami beberapa tahap perkembangan iaitu tahap kelahiran (1946), tahap pertumbuhan (1947-1957), tahap kematangan (1957-1986), tahap 'kematian' (1986-1988). Kedudukan politik UMNO dapat digambarkan melalui beberapa tahap iaitu tahun 1946-1957 (perpaduan yang kukuh dan padu dalam kelompok Melayu untuk menentang *Malayan Union* dan menuntut kemerdekaan), tahun 1957-1963 (perpaduan masih utuh walaupun wujud pembangkang Melayu yang kuat), tahun 1963-1969 (perpaduan UMNO masih kukuh), tahun 1970-1981 (perpaduan UMNO masih kukuh tetapi wujud bibit perpecahan dalam UMNO, tahun 1981-1988 (perpaduan UMNO retak dan wujud perpecahan antara dua puak).

Bagi PAS, seperti parti politik lain juga tidak terkecuali daripada mengharungi cabaran sama ada dalaman atau luaran. Namun begitu, cabaran dapat sentiasa dapat diatasi dan diketepikan. Sumbangan yang diberikan oleh setiap pemimpin utamanya berjaya meletakkan PAS di tengah-tengah arus perdana perubahan dan perkembangan yang diharungi oleh negara dan rakyat. Bermula pada era Ahmad Fuad Hassan (1951-1953), Abbas Alias (1953-1956), Dr. Burhanuddin al-Helmy (1956-1969), Mohd Asri Muda (1969-1982), Yusof Rawa (1982-1988), Fadzil Mohd Noor (1988-2002) dan sehinggalah

University of Malaya

Haji Abdul Hadi Awang (2002 hingga kini), PAS dilihat tidak pernah terhenti untuk berusaha menjadi parti alternatif kepada orang Melayu walaupun terpaksa bersaing sengit dan hebat dengan parti lawan seperti UMNO.

PAS sebagai sebuah parti politik Melayu juga telah melalui beberapa tahap perkembangan iaitu tahap kemunculan (1951-1959), tahap kebangkitan (1959-1973), tahap kemuncak (1973-1977), tahap kejatuhan (1977-1990) dan tahap kebangkitan semula (bermula 1990). PAS juga akur yang mereka sukar untuk bergerak sendirian. Oleh yang demikian, PAS bergabung dengan Semangat 46 dalam APU. Manakala pada 1999, PAS bergabung dengan DAP dan KeADILan dalam BA. Walaupun kerjasama dengan DAP terhenti pada PRU-11 (2004), hubungan telah kembali terjalin dalam PRU-12 (2008) yang menyaksikan kejayaan bukan sahaja PAS, tetapi parti lain dalam BA yang kemudiannya dinamakan Pakatan Rakyat (PR) bagi menghadapi PRU-13 (2013).

University of Malaya

BAB 3: PERSAINGAN MEMERKASAKAN ISLAM DALAM POLITIK MELAYU

Pengenalan

Penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 sebagai sebuah parti politik yang sarat dengan agenda Melayu dan adakalanya membelakangi tuntutan Islam menimbulkan keretakan dan perselisihan dalam kalangan ahlinya. Ulama dalam UMNO mula mencurigai peranan UMNO terutamanya dalam memperjuangkan tuntutan Islam. Mereka menganggap UMNO sukar membawa tuntutan Islam terutamanya ketika 'bergelut' dengan British semasa menuntut kemerdekaan. Malah, terdapat juga tindakan yang dilakukan oleh UMNO bertentangan dengan ajaran Islam seperti memperkenalkan Loteri Kebajikan Masyarakat. Bersandarkan kepada asas-asas tersebut, mereka mencadangkan golongan alim ulama patut memilih jalan sendiri dalam menentukan masa depan Islam di negara ini.

Lantaran itu, desakan untuk mewujudkan sebuah gerakan politik yang berteraskan Islam bagi menggarap tuntutan Islam yang lebih telus dan tegas serta bebas daripada pengaruh UMNO membawa kepada penubuhan PAS pada 24 November 1951. Setelah menjadikan usaha memperkasakan Islam sebagai agenda utama PAS, parti itu berjaya menarik sokongan bukan sahaja golongan alim ulama tetapi orang Melayu lain yang sebelumnya mendukung perjuangan UMNO. Asas kelahiran PAS yang menjadi pesaing kepada UMNO adalah bertunjangkan kesedaran perlunya penerusan Islam bagi menjadi platform kepada golongan yang mahukan Islam.

University of Malaya

Sejak penubuhannya, UMNO dan PAS mempunyai ideologi yang berbeza. Perjuangan UMNO lebih berpaksikan simbol Melayu manakala PAS pula bertunjangkan simbol Islam. Masing-masing tidak mahu mengalah dengan ideologi yang diperjuangkan sehingga perbezaan tersebut mempertajamkan lagi persaingan antara kedua parti. Walaupun perjuangan untuk pemerkasaan Melayu lebih sinonim dengan penubuhan UMNO dan pemerkasaan Islam lebih sebati dengan perjuangan PAS, didapati persaingan ke arah pemerkasaan Islam bagi kedua-dua parti lebih menonjol dan mendominasi. Dalam hal ini, didapati terdapat jurang yang besar antara konsep Islam yang dipertahankan oleh UMNO dan konsep Islam yang diperjuangkan oleh PAS.

Perbezaan pandangan dalam mengamalkan agama menyebabkan kaum Melayu secara kasarnya berpecah kepada dua. Perpecahan tersebut adalah berdasarkan perspektif politik kepartian di Malaysia kerana terdapat dua parti politik utama orang Melayu iaitu UMNO dan PAS yang mempunyai ideologi tersendiri. UMNO berpegang kepada nasionalisme Melayu dan PAS berjuang untuk memartabatkan Islam. Pandangan politik UMNO yang memisahkan elemen agama daripada politik menyebabkan PAS melabel UMNO sebagai parti yang memperjuangkan ideologi sekular dan oleh itu perjuangan UMNO adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Menilai persaingan memartabatkan agama Islam antara politik Melayu khususnya UMNO dengan PAS, muncul polemik mengenai agama sama ada Islam benar-benar diperjuangkan sebagai satu kepentingan atau sentimen Islam dipergunakan bagi kepentingan politik sesebuah parti. Persaingan sengit yang berlaku antara UMNO dan PAS dalam isu Islam adalah kerana wujudnya perbezaan pendekatan yang diambil kedua-dua

University of Malaya

parti untuk mendaulatkan Islam sebagai suatu cara hidup. Justeru itu, ditekankan bahawa persaingan UMNO dengan PAS yang menjurus kepada isu Islam ini lebih berpaksikan usaha kedua-dua parti untuk menjadi juara dalam memartabatkan Islam di negara ini. Malah, keupayaan untuk mendapatkan sokongan orang Melayu dalam sesuatu pilihan raya turut bergantung kepada isu agama terutamanya usaha pemerkasaan agenda Islam.

Selain isu Islam, isu Melayu juga mempertajamkan persaingan antara UMNO dan PAS. Perkaitan yang rapat antara Melayu dan Islam telah dipersepsikan sebagai usaha untuk memajukan masyarakat Melayu turut melibatkan usaha mendaulat kedudukan Islam dan sebaliknya usaha mendaulatkan kedudukan Islam turut melibatkan orang Melayu. Senario tersebut jelas menunjukkan kedudukan Melayu dan Islam telah sebati di negara ini. Bagi mengkaji Islam dan orang Melayu, perlu diakui bahawa Islam bukan sahaja agama yang dianuti oleh orang Melayu, tetapi juga satu-satunya dasar terkuat yang memberikan identiti kepada orang Melayu. Cuma, kedua-dua parti ini bersaing untuk memperlihatkan imej Melayu dan Islam sebagai simbol kekuatan parti dalam usaha untuk menjadi juara dalam membela nasib dan kepentingan orang Melayu.

Islam Dalam Perlembagaan UMNO

Perlembagaan merupakan dasar, hala tuju, matlamat dan gambaran kesungguhan perjuangan parti. Islam yang dikaitkan dengan parti politik ialah Islam yang menjadi ideologi dan dasar dalam memperjuangkan matlamat parti tersebut. Manakala, Islam yang dikaitkan dengan sesebuah parti politik bolehlah dianggap sebagai satu ideologi yang

University of Malaya

mempunyai fahamannya tersendiri bagaimana cara-cara pemerintahan didirikan dan diurus mengikut landasan Islam serta mengembalikan jati diri Islam dalam bentuk kekuasaan.[282]

Berdasarkan kepada perlembagaan UMNO dan PAS, dasar kedua-dua parti tersebut didapati amat jauh berbeza. Perlembagaan UMNO menyatakan bahawa, asas dan tujuan UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara.[283] Manakala, tujuan perjuangan UMNO juga untuk menegak, mempertahan dan mengembangkan Islam sebagai agama Persekutuan serta menghormati prinsip kebebasan beragama.[284]

Setelah menjadikan usaha memartabatkan bangsa Melayu sebagai agenda utama, UMNO sering dilabel sebagai parti yang bersifat perkauman dan tidak memperjuangkan Islam berbanding pesaingnya iaitu PAS.[285] Bagi UMNO, tuduhan yang menyatakan parti tersebut tidak memperjuangkan Islam merupakan satu tuduhan yang tidak berasas.[286] Hal

---

[282] Lihat Mujahid Yusuf Rawa. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme*, Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011, hlm. 20.

[283] Fasal 3, Perlembagaan UMNO. Lihat *www.umno-online.my*.

[284] Fasal 3.3. Perlembagaan UMNO menyatakan *"tujuan UMNO adalah untuk "menegak, mempertahan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebangsaan beragama"*. Lihat *www.umno-online.my.*

[285] Kenyataan tersebut diperkukuhkan lagi melalui tulisan Funston "*Boleh dikatakan UMNO mempunyai satu ideologi yang jelas mengenai satu isu sahaja iaitu mengenai semangat kebangsaan Melayu. Walaupun pada praktiknya memberikan orang-orang bukan Melayu peluang yang banyak, UMNO sentiasa berpegang pada satu konsep sempit bangsa Melayu dan sebenarnya lebih perkauman daripada apa yang dilihat. Dalam isu-isu lain, bertindak lebih untuk kepentingan pemerintah daripada berasaskan satu ideologi yang sudah ditentukan. Jadi, ia lebih mementingkan satu ideologi praktikal dan sudut pandangannya lebih besar dengan sokongan terhadap sekularisme, perdagangan bebas dan dunia Barat (terutamanya kuasa yang pernah menjajah negara ini) juga jelas kelihatan".* Lihat Funston, N. J. *Malays Politics in Malaysia. A Study of UMNO and PAS.* Petaling Jaya: Heinemann Education Books. 1980, hlm. 161.

[286] Kenyataan demi kenyataan juga dibuat oleh UMNO bagi meyakinkan rakyat bahawa UMNO sebenarnya membuat pembelaan terhadap Islam dengan Islam telahpun dijadikan asas perjuangan parti tersebut dan ketinggian kedudukan agama Islam di Malaysia adalah atas daya usaha dan inisiatif UMNO. Kenyataan ini juga ada benarnya jika berdasarkan kepada pengakuan pemimpin besar UMNO iaitu Hussein Onn yang menegaskan*"You may wonder why we spend so much money on Islam… If we don't… Parti Islam will get us. The party will and does claim that we are not religious and the people will lose faith"*. Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987, hlm. 156.

University of Malaya

ini memandangkan, UMNO yang tertegak di atas lunas-lunas nasionalisme juga menjadikan kebangunan Islam sebagai salah satu cita-cita politiknya. Tambahan pula, Perlembagaan UMNO yang menjadi tunggak dan perjuangan kemerdekaan negara ini turut memberi kedudukan Islam dan umat Islam suatu kedudukan yang kukuh dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Dari segi kedudukan agama Islam, unsur pengukuhan tersebut meliputi empat perkataan yang penting iaitu mendukung, mempertahan, menegak dan mengembangkan Islam.[287]

Setiap parti politik sentiasa tegas dalam memperjuangkan dasar dan prinsip parti. Dalam hal ini, UMNO juga tidak terkecuali. Berdasarkan realiti perjuangan UMNO, walaupun tertegak atas lunas-lunas nasionalisme, UMNO juga menyedari bahawa sokongan orang Melayu sangat penting bagi survival parti. Justeru itu, usaha bagi mengekalkan sokongan ialah dengan memuaskan hasrat keIslaman mereka. Kegagalan memenuhi harapan tersebut boleh memencilkan orang Melayu dengan mereka serta berpaling tadah dengan memberi sokongan kepada parti lain terutamanya parti PAS.[288]

Islam Dalam Perlembagaan PAS

PAS sebagai satu-satunya parti di negara ini yang menggunakan nama Islam.[289] PAS menegaskan parti tersebut merupakan parti politik yang berjuang untuk menegakkan

[287] Lihat Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 1989, hlm. 61.
[288] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa.*, hlm. 156.
[289] Penggunaan perkataan Islam pada nama parti politik oleh PAS pernah menjadi isu terutamanya pada tahun 1994. UMNO tidak bersetuju dengan penggunaan tersebut kerana berpendapat tindakan itu boleh mencemarkan nama Islam. Justeru itu, timbul desakan oleh ahli UMNO supaya kerajaan menghalang PAS daripada terus menggunakan perkataan Islam dalam nama parti politik mereka. Presiden UMNO iaitu Mahathir semasa Perhimpunan Agung UMNO tahun 1994 menjelaskan bahawa *"Penubuhan Parti Islam Se-*

University of Malaya

sebuah negara Islam di negara ini dengan Islam menjadi dasar perjuangan parti itu.[290] Manakala, tujuan penubuhan PAS adalah untuk memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah.[291] PAS juga berusaha memperjuangkan Islam sebagai akidah dan syariat serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai Islam di segenap bidang.[292]

Perlembagaan PAS menyatakan hukum dan kekuasaan tertinggi dalam parti itu adalah berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta Ijmak dan Qias yang terang dan nyata dengan tertakluk kepada hukum tertinggi itu, kekuasan PAS adalah dipegang oleh

---

Malaya (PAS) atau nama Inggerisnya 'Pan Malayan Islamic Party' yang menggunakan perkataan 'Islam' diberikan oleh British di zaman penjajah yang sememangnya terkenal dengan dasar 'pecah dan perintah'. Ketika UMNO sedang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan, pemerintah British telah meluluskan penubuhan parti PAS yang menentang tuntutan kemerdekaan. Dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955 iaitu pilihan raya yang menentukan sama ada Tanah Melayu boleh Merdeka atau tidak, PAS telah menentang kemerdekaan bersandarkan alasan jika tidak ada British melindungi orang Melayu, orang Cina dengan kekuatan ekonomi mereka akan membeli pemimpin-pemimpin Melayu dan Tanah Melayu. Hujah tersebut ditolak oleh sebahagian besar orang Melayu dengan begitu keras sehingga mereka enggan menaiki kereta PAS semasa pergi mengundi pada tahun 1955. PAS hanya menang satu kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. PAS terus kekal dalam Tanah Melayu dan Malaysia. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Kerajaan Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa terhadap penyalahgunaan perkataan Islam oleh PAS kerana telah dibenarkan oleh British dahulu. Bahkan pada tahun 1955 hingga 1959, PAS telah berjaya mempengaruhi sebilangan besar orang Melayu melalui tohmahan dan fitnah kononnya UMNO tidak Islam dan PAS itu Islam dan Islam itu PAS. Tanpa segan silu, PAS memperalatkan agama dan menyalahtafsirkan ajaran Islam dengan sewenang-wenangnya sehinggakan dalam Pilihan Raya Umum 1959, apabila PAS mendakwa bahawa orang UMNO adalah kafir, ramai dalam kalangan orang Melayu mempercayainya. Sebilangan besar guru-guru agama pondok mempercayai dakwaan PAS tersebut. Dengan penyertaan guru-guru agama, pengaruh PAS mula berkembang dengan luas. Tidak hairanlah semasa Pilihan Raya Umum 1959, PAS dapat menawan Kelantan dan Terengganu. Dengan begitu ramai orang Islam dan tok-tok guru menyokong PAS, penggunaan perkataan Islam kepada parti oleh pemimpin PAS sudah tidak dapat dibatalkan lagi. Jika percubaan dibuat untuk membatalkannya, PAS akan menjadikan perkara tersebut sebagai isu politik yang besar. PAS akan menuduh UMNO mengharamkan Islam dan bukan mengharamkan penggunaan perkataan Islam." Lihat Petikan Ucapan Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 18 hingga 20 November 1994 yang bertajuk "Mengembalikan Maruah Bangsa, Agama dan Tanah Air".

[290] Berdasarkan catatan Fasal 3, Perlembagaan PAS, *"Dasar PAS ialah Islam."* Lihat *www.pas.org.my*.

[291] Fasal 5 (1), Perlembagaan PAS pula menggariskan "*untuk memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah"*. Lihat *www.pas.org.my.*

[292] Fasal 6 (2) Perlembagaan PAS menyatakan *"usaha-usaha memperjuangkan Islam sebagai akidah dan syari'ah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai keIslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan."* Lihat *www.pas.org.my.*

University of Malaya

Muktamar Tahunan.[293] Dengan wujudnya penegasan al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias sebagai sumber utama rujukan PAS dalam semua tindakannya dan kaedah PAS berpolitik menjadikan perjuangan PAS berbeza dengan UMNO.[294]

Dasar perjuangan PAS diwarisi daripada tiga tradisi ideologi iaitu pendekatan Parti Komunis Malaya (PKM) yang bercorak nasionalis dan sosialis, gerakan modenisme Islam daripada Hizbul Muslimin dan yang lebih kuat lagi gerakan anti-UMNO pada tahun 1950-an.[295] Perjuangan PAS sejak ditubuhkan berdasarkan kepada falsafah perjuangan politik Islam dengan mahu mencorakkan masa depan negara dengan Islam sebagai elemen utamanya. Bagi mewarnai keberadaannya dalam politik, perjuangan PAS dimantapkan lagi dengan penegasan ideologi falsafah Islam yang menjadi pegangan PAS sejak ditubuhkan sehingga ke hari ini. Didapati, perjuangan PAS berlegar di sekitar isu-isu keagamaan yang bersifat tulen dan menyeluruh dengan menjadikan Islam sebagai penyelesaian kepada masalah. Dalam hal ini, Shafie Ibrahim berpendapat, PAS boleh dikatakan sebagai sebuah parti agama kerana perjuangannya hendak mendaulatkan Islam.[296] Menurutnya lagi:

> "Dan Islam adalah ideologi partinya, oleh itu PAS mempunyai fahaman dan tafsiran yang tersendiri mengenai istilah agama. Parti itu melihat Islam secara keseluruhannya. Hal yang demikian ini bermakna, PAS percaya dengan semua ajaran Islam dan menerimanya sebagai ideologi yang lengkap dengan tidak percaya kepada sebahagiannya sahaja tetapi kepada keseluruhannya iaitu semua aspek ajaran Islam seperti politik, ekonomi, nilai sosial dan sebagainya. Daripada sudut pandangan ini, PAS berbeza dengan UMNO. Sekiranya pemimpin UMNO mendakwa mereka orang Islam, ini bermakna bahawa mereka berjuang untuk melaksanakan ajaran Islam, bukan sahaja dalam bidang ibadah, tetapi juga dalam politik, ekonomi dan lain-lain."[297]

[293] Fasal 5, Perlembagaan PAS.
[294] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*, hlm. 58.
[295] Lihat Funston, N. J. *Malays Politics in Malaysia*, hlm. 161.
[296] Lihat Shafie Ibrahim. *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1981, hlm. 51.
[297] Ibid., hlm. 51.

University of Malaya

PAS menunjukkan ketegasan dalam soal mempertahankan prinsip Islam sebagai asas utama perjuangan. PAS tidak bersedia untuk mengorbankan asas perjuangan dan melakukan sebarang kompromi tentang dasar parti sehingga menyebabkan usaha untuk mewujudkan kerjasama dengan UMNO menjadi sukar. Sebaliknya, PAS berpendapat UMNO yang perlu melunturkan ideologi perjuangan Melayu kepada perjuangan yang berpaksikan Islam. PAS menyatakan sekiranya perlembagaan UMNO dipinda daripada perjuangan kebangsaan kepada perjuangan Islam tulen, maka PAS akan memberi sokongan penuh kepada Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri buat selama-lamanya.[298]

Berdasarkan ucapan tersebut, PAS sedia bekerjasama dengan UMNO asalkan UMNO mahu melaksanakan Islam sepenuhnya di negara ini. Tetapi UMNO hendaklah membuktikannya dengan meninggalkan perjuangan kebangsaan yang tidak Islam, menukar dasarnya kepada Islam, membawa kepada penggubalan Perlembagaan Islam di Malaysia.[299]

Persaingan Dalam Arus Kebangkitan Semula Islam

Tahun 1970-an dan 1980-an telah menyaksikan Islam muncul semula sebagai kuasa global yang berpengaruh dalam politik dengan tersebar luas di seluruh dunia yang meliputi kebanyakan dunia Islam, termasuk Malaysia. Impak besar kepada kebangkitan semula Islam *(Islamic Resurgence)* dalam konteks politik di Malaysia ialah parti politik Melayu dilihat mula bersandar kepada agama untuk meraih sokongan. Pada masa sama, gerakan kebangkitan semula Islam meningkatkan profil Islam dari segi politik dan masyarakat

[298] Petikan ucapan Nik Aziz Nik Mat semasa merasmikan penubuhan cawangan PAS Kampung Takel, Dewan Besar Labok di Machang pada 26 Ogos 1984. Lihat *Berita Harian* 27 Ogos 1984 dan lihat juga Ibnu Hasyim. *Konflik UMNO-PAS: Satu Penyelesaian Menurut Islam*. Kuala Lumpur: GG Edar Sdn. Bhd.1993, hlm. 82-83.
[299] Lihat Ibnu Hasyim. *Konflik UMNO-PAS: Satu Penyelesaian Menurut Islam*, hlm. 83.

University of Malaya

Islam.[300] Kebangkitan semula Islam di Malaysia berkait rapat dengan pendidikan mengenai Islam yang diterima oleh generasi muda dalam kalangan orang Melayu.[301] Tujuannya adalah untuk mengembalikan nilai Islam, institusi Islam, undang-undang Islam dalam keseluruhan cara hidup.[302]

Terdapat tujuh ciri mengenai kebangkitan semula Islam ini. Pertama, peningkatan kesedaran tentang keagungan masa lepas yang diwujudkan oleh perkembangan ilmu pengetahuan dan pemahaman baru tentang zaman tersebut. Kedua, perubahan sikap atau orientasi terhadap Islam sebagai agama sehingga membawa kepada perluasan fahaman tentang Islam sebagai satu cara hidup dengan pandangan dunia dan visinya yang tersendiri. Ketiga, penambahan amalan dalam kehidupan beragama, sama ada peringkat peribadi atau sosial yang membawa kepada pemupukan syariat dan syiar Islam.[303]

Keempat, pembalikan perjalanan kehidupan lama dan semasa yang menyimpang dari landasan agama supaya sejajar dengan tuntusan keIslaman. Kelima, penggilapan dan pemurnian fikiran dan perlakuan Islam yang sedia ada dan sedang berkembang agar memenuhi kehendak idealnya. Keenam, pembongkaran khazanah Islam terutama warisan ilmunya bagi memperoleh bahan dan garis panduan dalam memenuhi persoalan dan cabaran masa kini. Ketujuh, pendalaman keyakinan atau komitmen, kadangkala secara

---

[300] Lihat John L. Esposito. *Ancaman Islam: Mitos atau Realiti*. Terjemahan oleh Nor Azita Omar. Kuala Lumpur: Institut Penterjemahan Negara Malaysia. 2004, hlm. 7.
[301] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Kebangkitan Islam dan Proses Politik Malaysia*. Kertas Kerja di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu. Kuala Lumpur. 8-9 September 1979.
[302] Lihat Chandra Muzaffar. *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1987, hlm. 2.
[303] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, hlm. 158.

University of Malaya

berlebihan terhadap potensi Islam sebagai penyelesaian dan penawar kepada segala penyakit individu dan masyarakat.[304]

Kebangkitan semula Islam dikaitkan dengan kebangkitan semula agama dalam kehidupan masyarakat dan peribadi. Kesedaran individu terhadap kehidupan beragama menjadi semakin meningkat seperti penglibatan dalam amal ibadat (kehadiran di masjid, sembahyang, berpuasa), peningkatan program dan percetakan bahan agama, penekanan terhadap pakaian dan nilai Islam (bertudung dan menutup aurat). Pembaharuan yang lebih luas juga merangkumi penghayatan semula Islam dalam kehidupan masyarakat seperti penubuhan lebih banyak pertubuhan, undang-undang, bank, khidmat kebajikan masyarakat dan institusi pendidikan yang berorientasikan Islam.[305] Aspek penting yang menyumbang kepada kejayaan kebangkitan semula Islam ialah kejayaan menterjemahkan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan tersebar luas dalam masyarakat Melayu.[306]

Dalam konteks demokrasi, persoalan kebangkitan semula Islam muncul sebagai faktor yang agak penting semasa Pilihan Raya Umum 1978 sehingga mempengaruhi proses politik di saat-saat kempen. UMNO yang mungkin merasa bimbang terhadap kesedaran Islam kerap kali menekankan usahanya bagi membela kedudukan Islam di sepanjang pemerintahnnya. Parti itu juga merakamkan kekecewaan kepada parti lawannya, PAS, yang sanggup menyamakan ideologi parti itu dengan akidah Islam. PAS dilihat sebagai tidak ikhlas memperjuangkan Islam dan hanya bergerak bagi memenuhi nafsu politik beberapa pemimpin yang terlibat sahaja. Isu Islam diketengahkan bagi menjatuhkan kedudukan PAS.

---

[304] Ibid., hlm. 158.
[305] Lihat John L. Esposito. *Ancaman Islam: Mitos atau Realiti*, hlm. 8.
[306] Lihat Mohammad Redzuan Othman. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 41.

University of Malaya

PAS pula mengungkit tentang ketiadaan usaha yang serius oleh UMNO untuk melihat pelaksanaan Islam sepenuhnya.[307]

Keseluruhannya, kedua-dua parti Melayu terbesar ini cuba tunduk kepada pengaruh kebangkitan semula Islam. Didapati, kebangkitan semula Islam memberi kesan yang hebat terhadap parti politik Melayu sehingga menuntut perubahan besar kepada pemerintahan negara. Orang Melayu menjadi semakin kritis terhadap dasar pemerintah dengan memberi tekanan supaya Islam dilaksanakan dalam masyarakat dan negara. Implikasi kebangkitan semula Islam mempertajamkan lagi persaingan antara UMNO dan PAS terhadap Islam. Kedua-dua parti ini tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa tunduk kepada pengaruh kebangkitan semula Islam.[308]

UMNO misalnya merupakan parti politik yang responsif kepada kebangkitan semula Islam. Kekuatan Islam sebagai simbol dan slogan yang kuat mempengaruhi orang Melayu, mendesak UMNO mengubah strateginya. Jika tidak, UMNO akan kehilangan pengaruh kerana bersikap antagonis terhadap tuntutan Islam. Oleh kerana arus kebangkitan semula Islam tidak dapat dibendung, alternatif terbaik menghadapi cabaran kebangunan

[307] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. hlm. 158.
[308] Tekanan tersebut bukan sahaja datang daripada pertubuhan politik tetapi juga datangnya daripada gerakan Islam yang dipelopori oleh badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela Islam serta pusat pengajian tinggi. Pertubuhan yang terlibat secara langsung adalah antaranya, Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM), Pertubuhan Islam Sabah Bersatu (USIA), Angkatan Nahdatul Islam Bersatu Sarawak (BINA), JAMAIAH, Pertubuhan Dakwah Islamiah Selangor, Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) di Pusat Pengajian Tinggi. Lihat Mohd Jamil Bin Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia: Kesinambungan, Respon dan Perubahan 1957 - 2000*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti. 2009, hlm. 24.

University of Malaya

Islam ini ialah dengan melaksanakan banyak program Islamisasi atau *"to challenge Islam with more Islam"*.[309]

UMNO tidak terkecuali menerima tempias daripada kebangkitan semula Islam. Sebab itulah, antara agenda politik utama Mahathir semasa awal pentabirannya ialah bagaimana menangani cabaran Islamis yang bukan sahaja datang daripada PAS tetapi sebenarnya juga daripada UMNO sendiri. Suara-suara untuk lebih Islam yang datang daripada dalam UMNO semakin kuat kedengaran sejak berakhirnya kedudukan PAS dalam Kerajaan Campuran PAS-Perikatan iaitu pada Disember 1977.[310]

Kebangkitan semula Islam yang berlaku menyebabkan UMNO terpaksa responsif terhadap impak kebangkitan Islam kerana UMNO menyedari mereka bukan sahaja berdepan dengan kumpulan yang ingin membawa masyarakat Islam ke tahap yang mengkehendaki Islam sebagai *ad-din*, tetapi juga golongan yang cuba memperjuangkan Islam bagi tujuan politik.[311]

UMNO sebagai parti yang menjadi tunjang pemerintahan negara, peka kepada aspirasi dan keperluan umat Islam memperkenalkan Dasar Islamisasi sebagai tindak balas terhadap kebangkitan semula Islam yang berlaku, termasuklah memperkenalkan program Islam dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan pendidikan. UMNO menganggap menjadi kewajipannya sebagai parti pemerintah untuk membela Islam yang menjadi sebahagian daripada kedudukan orang Melayu. Pentadbiran Mahathir juga dilihat bersungguh-sungguh

---

[309] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 69.
[310] Lihat Syed Ahmad Hussein. Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (Peny.) *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007, hlm. 137.
[311] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS*, hlm. 69.

University of Malaya

untuk melaksanakan proses Islamisasi termasuklah mengasimilasikan nilai Islam ke dalam pentadbiran.[312]

Sewaktu menyampaikan Ucapan Dasar Presiden semasa Perhimpunan Agung UMNO Ke-34 pada tahun 1982, Mahathir mengumumkan pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran yang menjadikan Islamisasi sebagai agenda kerajaan.[313] Dasar ini merupakan dasar pertama Islamisasi di Malaysia di bawah pentadbiran Mahathir yang dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan rakyat Malaysia yang pada ketika itu semakin Islamik berikutan kebangkitan semula Islam dari dalam dan luar negara.[314]

Pelaksanaan Islamisasi adalah tindakbalas kepada arus kebangkitan semula Islam yang sukar untuk dibendung.[315] Justeru itu, alternatif terbaik menghadapi arus tersebut ialah

---

[312] Lihat Laila Suriya Ahmad Apandi dan Mohd Dino Khairri Sharifuddin. Islam dan Kestabilan Politik dan Ekonomi: Kejayaan Malaysia. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (Peny.) *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007, hlm. 243.

[313] Islamisasi merupakan suatu konsep membudayakan masyarakat dengan prinsip dan nilai-nilai Islam, mencakupi semua bidang kehidupan sehingga Islam sebagai *ad-din* diletakkan di tempat yang paling tinggi. Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 11-12.

[314] Badan-badan Bukan Kerajaan Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada ketika itu lantang mendesak kerajaan supaya lebih mengamalkan nilai-nilai Islam. Kewibawaan aktivis masyarakat Islam seperti Anwar Ibrahim pada masa itu membangkitkan lagi semangat rakyat untuk menjadikan Malaysia lebih bersifat Islamik. Pengaruh luar seperti Ayatollah Khomeini turut membakar semangat masyarakat khususnya yang beragama Islam supaya menjadi lebih Islamik. Justeru itu, kerajaan mula menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbirannya kerana pentadbiran merupakan nadi utama kerajaan. Nilai-nilai Islam tersebut kebanyakannya merupakan nilai universal dan dapat diterima oleh rakyat yang bukan beragama Islam seperti amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur. Lihat Laila Suriya Ahmad Apandi dan Mohd Dino Khairri Sharifuddin. *Islam dan Kestabilan Politik dan Ekonomi: Kejayaan Malaysia*, hlm. 243.

[315] Kerajaan Malaysia menggerakkan Islamisasi kerana tidak dapat membendung gelombang kebangkitan Islam dan tekanan politik dalam negara. Pimpinan PAS di semua peringkat menjadi pendesak kepada kerajaan supaya melaksanakan Islam secara menyeluruh. Di Dewan Undangan Negeri dan di Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Rakyat PAS menegur dasar kerajaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Di luar dewan, pemimpin PAS menggunakan medan ceramah, majlis ilmu dan forum mendesak kerajaan memartabatkan Islam. Di dalam UMNO juga terdapat suara-suara yang menuntut kerajaan melakukan perubahan setelah wujudnya kesedaran masyarakat ingin kembali menghayati ajaran Islam yang

University of Malaya

dengan melaksanakan Islamisasi.[316] Islamisasi dalam abad ke-20 mengambil bentuk yang berbeza daripada sebelumnya. Islamisasi merupakan agenda terbesar kerajaan Malaysia kesan dari kebangunan atau kebangkitan semula Islam yang melanda negara ini sejak awal 1970-an dan disifatkan sebagai suatu konsep membudayakan masyarakat dengan prinsip dan nilai Islam. Usaha Islamisasi kerajaan telah berjaya memupuk kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat.[317]

Selaras dengan pengiktirafan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan peka kepada aspirasi umat Islam, kerajaan telah menunjukkan minat terhadap Islam dengan memperkenalkan program Islam dalam bidang tertentu terutama dalam pentadbiran dan sedikit sebanyak dalam kehidupan, ekonomi serta pendidikan.[318] Selain daripada kakitangan kerajaan digalak mengkaji dan mengamalkan Islam, sekolah agama didirikan untuk mengajar pelbagai aspek Islam dan juga subjek biasa sekolah sehingga kepada penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1982),[319] penubuhan Bank Islam (1983)[320] dan Sistem Takaful Islam.[321] Penekanan kepada nilai Islam menjadi semakin jelas

---

syumul. Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah. 2013, hlm. 73.

[316] Lihat Judith Nagata. Religion Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia. Jurnal *Pacific Affairs*. Vol. 53, No. 3. 1980, hlm. 158.

[317] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 11.

[318] Ibid., hlm. 68.

[319] Cadangan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dibuat oleh Mahathir semasa lawatan ke Emiriah Arab Bersatu iaitu beberapa minggu sebelum berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1982 yang dilihat bertujuan untuk mengukuhkan kredibiliti UMNO dalam melaksanakan hasrat keIslaman. Pada bulan Februari 1982, konsep mengenainya dibentuk yang mengandungi butir-butir mengenai skop, konsep, falsafah, struktur akademik, organisasi, fakulti, mauduk kursus dan stafnya serta struktur kewangan. UIAM mula berfungsi setelah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong pada 20 Mei 1983. Pengajian bermula pada 18 Julai 1983 di Petaling Jaya dan seramai 72 orang pelajar telah diambil untuk mengikuti kursus LLB. UIA dianggap sebagai wadah mempersiapkan kemampuan ke arah terlaksananya Undang-Undang Islam sepenuhnya pada masa hadapan. Ibid., hlm. 75-76. Lihat juga Sivamurugan Pandian. *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publicatioan & Distrubutors Sdn. Bhd. 2005, hlm. 190.

[320] Bank Islam telah ditubuhkan pada 1 Julai 1989. Bank Islam merupakan kerjasama syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, dengan modal sebanyak RM100 juta yang disumbangkan oleh Kerajaan Pusat (30 peratus), Lembaga Urusan Tabung Haji dan Tabung Amanah (10 peratus), PERKIM (10 peratus), Jabatan Agama Negeri-Negeri (20 peratus), badan-badan keagamaan lain (10 peratus), Lembaga Kemajuan Persekutuan (10

University of Malaya

setelah wujudnya pelbagai program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti pembangunan umat, kemerdekaan ekonomi, mewujudkan pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah, memperhebatkan usaha membanteras rasuah dan Kepimpinan Melalui Teladan.[322]

Pada era kepimpinan Mahathir, proses Islamisasi yang dijalankan oleh kerajaan (UMNO) semakin mendapat tempat. Mahathir mengemukakan pandangan yang semakin tegas dalam soal orientasi Islamnya yang dilihat jelas berbeza berbanding dengan pemimpin sebelumnya dalam soal komitmen terhadap Islam, bukan sahaja kepada masyarakat Islam di Malaysia bahkan juga masyarakat Islam antarabangsa. Sejak mengambil alih pimpinan negara, Mahathir menyuarakan hasrat kerajaan untuk menjadi negara Islam yang kuat. Langkah tersebut bertujuan untuk memupuk nilai murni yang bukan beracuankan elemen total kebaratan dan dapat memanfaatkan semua rakyatnya yang terdiri daripada berbilang kaum.[323]

Terdapat dua faktor yang mempengaruhi kerajaan yang diterajui oleh UMNO dalam melaksanakan program Islamisasi. Pertamanya, dalam UMNO sendiri terdapat ramai golongan menengah Melayu yang sejak dahulu lagi menjadi penyokong kuat UMNO, terpengaruh dengan cita-cita fundamentalis Islam. Keadaan ini menyebabkan mereka semakin kritis terhadap perjuangan UMNO. Oleh kerana kebangkitan semula Islam mempengaruhi golongan menengah Melayu ini, UMNO harus tunduk pada perkembangan yang berlaku demi survival politik. Keduanya, terdapat usaha daripada UMNO untuk

---

peratus) dan badan-badan bebas yang diiktiraf (10 peratus). Operasi Bank Islam bergerak atas konsep 'untung' dan 'rugi' yang ditanggung bersama. Ibid., hlm. 77.

[321] Sistem Takaful ini dilaksanakan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang merupakan sebahagian syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 1965 dan dilancarkan pada 29 November 1984. Ibid., hlm. 79.

[322] Ibid., hlm. 26.

[323] Ibid., hlm. 69-70.

University of Malaya

menyaingi PAS terutamanya berkenaan dengan komitmen terhadap Islam. Anwar Ibrahim, bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), memberikan impak yang besar kepada UMNO untuk melaksanakan Islam.[324]

Sebagai pemimpin UMNO, Mahathir turut menggerakkan kempen untuk meningkatkan imej UMNO terhadap Islam, penekanan kepada perpaduan sesama Islam, perisytiharan UMNO sebagai parti Islam terbesar di Malaysia serta ketiga terbesar dan tertua di dunia dan mendedahkan bahawa Iran sebagai sebuah negara Islam yang diiktiraf oleh PAS turut mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Pendedahan ini secara tidak langsung menolak tuduhan PAS bahawa kerajaan Malaysia mengamalkan sistem sekular.[325]

Beberapa tahun sebelum memegang jawatan Perdana Menteri, Mahathir telah menyatakan kesediaannya untuk mengusahakan peranan yang lebih besar bagi Islam dalam masyarakat dan kerajaan. Hal yang demikian ini termasuklah janjinya untuk meningkatkan liberalisme dan toleransi politik serta membantu memujuk Anwar Ibrahim yang pada ketika itu merupakan Presiden ABIM dan bekas aktivis pelajar untuk menyertai UMNO. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO yang satu ketika dulu begitu kritikal terhadap kerajaan, membolehkan UMNO berjaya mengetepikan seorang pengkritik yang lantang

[324] Kemasukan Anwar Ibrahim dalam kancah politik UMNO pada Februari 1982, memperteguhkan lagi komitmen ke arah Islam dalam pentadbiran Mahathir. Hakikat ini berasaskan latar belakang Anwar sebagai pemimpin Islam yang dominan, bukan sahaja dalam ABIM tetapi juga dalam dunia Islam amnya. Bagi Anwar, perjuangan ke arah mendaulatkan Islam bukan hanya mentadbir orang Islam bahkan juga bukan Islam dalam realiti di Malaysia. Ibid., hlm. 71.

[325] Lihat Ahmad Sunawari Long. Islam di Malaysia: Era Mahathir. Dlm. Mazlan Ibrahim dan Kamarudin Salleh. *Islam Pasca Kemerdekaan*, Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2008, hlm. 9.

University of Malaya

terhadap pertubuhan itu untuk membolehkan memberi tumpuan menghadapi pesaing yang lain terutamanya PAS.[326]

Bagi PAS pula, kebangkitan semula Islam yang berlaku sejak tahun 1970-an telah memberikan implikasi politik yang ketara. Berikutan kejayaan Revolusi Iran yang dipimpin oleh ulama, PAS menjadikan Revolusi Iran sebagai sumber inspirasi.[327] Terdapat dalam kalangan aktivis yang terlibat dalam kebangkitan semula Islam cenderung kepada keyakinan bahawa perubahan dalam masyarakat hanya boleh berlaku dengan berkesan apabila wujudnya pemerintahan Islam.[328] Hal ini menunjukkan telah wujud permintaan baru iaitu, keperluan kepada penerapan Undang-undang Syariah.

Secara langsungnya, kebangkitan semula Islam menyebabkan orang Melayu semakin menyedari kemampuan dan keutuhan Islam. Oleh kerana Islam menjadi landasan perjuangan PAS, adalah logik untuk golongan tersebut mendukung parti itu. Secara tidak

---

[326] Kejayaan Mahathir membawa Anwar Ibrahim menyertai UMNO sesungguhnya merupakan satu *coup* politik. Bukanlah satu rahsia bahawa PAS yang sedang menghadapi masalah kepimpinan akibat krisis dalaman selepas kegagalan kerjasama dengan BN juga berminat dengan pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang berkarismatik itu. Anwar juga membawa bersamanya sebilangan penyokong ke dalam UMNO dan ABIM sendiri mula berubah daripada pengkritik kepada pendokong dasar dan program-program UMNO. Anwar berada dalam UMNO dan kerajaan selama 16 tahun dan di bawah naungan Mahathir, terus meningkat dalam hierarki kepimpinan sehingga dikenalpasti sebagai bakal pengganti Mahathir sebelum beliau disingkirkan daripada kabinet dan UMNO pada 2 September 1998 atas tuduhan rasuah dan salah laku seksual. Kehadiran Anwar dalam UMNO melambangkan komitmen baru parti itu kepada Islam. Kemasukan Anwar, seperti juga kemasukan PAS dalam kerajaan campuran dahulu, telah mengikat kerajaan untuk melakukan lebih banyak komitmen Islam. Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 138.

[327] ABIM merupakan pergerakan Islam terawal di negara ini yang 'menghidu' revolusi Iran dan membawa revolusi Iran ke negara ini pada tahun 1978 dan bukannya PAS. Mohamad Sabu menyatakan beliau merupakan individu yang bertanggungjawab memperkenalkan konsep kepimpinan ulama di negara ini berdasarkan revolusi Iran setelah sekembalinya daripada Iran bersama dengan Anwar Ibrahim dan pimpinan ABIM yang lain. Temubual dengan Muhammad Sabu pada 25 Mei 2015. Setelah Anwar Ibrahim menyertai UMNO, gelombang revolusi Iran berterusan dan kemudiannya diteruskan oleh PAS. ABIM kemudiannya berhenti mendukung revolusi Iran setelah menyedari revolusi Iran adalah bukannya revolusi Islam, tetapi lebih kepada menggunakan gelombang revolusi Islam untuk mengembangkan fahaman Syiah. Namun demikian, gelombang tersebut diteruskan oleh PAS sehingga PAS dikatakan terpalit dengan politik Syiah. Temubual bersama Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.

[328] Mohammad Redzuan Othman. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 42.

University of Malaya

langsung, kebangkitan semula Islam mempengaruhi sesetengah orang Melayu sehingga mereka menjadi bertambah kritis terhadap perjuangan UMNO yang bercorak perkauman. Tambahan pula, UMNO tidak sanggup untuk menerima Islam sepenuhnya bagi dijadikan landasan perjuangan politiknya. Sikap tersebut boleh mengurangkan kekuatan UMNO dan menambahkan kemampuan PAS.[329]

Kemunculan golongan muda *(Young Turks)* dalam PAS yang mahu meletakkan kembali perjuangan parti tersebut seperti yang termaktub dalam perlembagaan PAS iaitu menegakkan Islam yang sebenarnya telah menyebabkan berlaku perubahan dalam arah perjuangan parti. Kemunculan golongan ini yang rata-ratanya mendapat pendidikan di Timur Tengah serta ditambah pula dengan semangat kebangkitan semula Islam dan Revolusi Iran pimpinan Ayatullah Khomeini yang bersifat revolusioner, progresif dan radikal, memberi kesan kepada masyarakat dan arah perjuangan gerakan Islam termasuklah PAS. Komitmen untuk memperteguhkan Islam pada era 1980-an oleh parti politik Melayu dilihat lebih rancak disebabkan oleh pengaruh kebangkitan semula Islam.[330]

Golongan ini berjaya memberi arah baru kepada parti yang bersesuaian dengan perubahan yang berlaku. "Kelesuan" usaha memartabatkan Islam PAS dalam era kepimpinan Asri Muda menjadi alasan bagi golongan muda dalam PAS untuk mencorakkan kembali masa depan PAS bagi mengimbangi rentak kebangkitan semula

[329] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal*: *Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, hlm. 157-158.

[330] Golongan muda dalam PAS seperti Haji Hadi, Nakhaie Ahmad, Fadzil Noor berusaha untuk memberikan peranan yang lebih penting kepada ulama. Hal ini ditambah dengan kebangkitan semula ulama PAS yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Asri Muda sebagai Presiden. Asri dipersalahkan kerana membawa PAS menyertai BN, mengamalkan nepotisme, melantik Menteri Besar Kelantan mengikut kehendak UMNO, mentadbir parti secara 'demokrasi terpimpin', membelakangkan pandangan Dewan Ulama dalam krisis Kelantan dan menjadi punca kepada kejatuhan Kerajaan PAS Kelantan kepada UMNO tahun 1978. Lihat Dewan Ulama PAS Pusat. *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*. Nufairstreet Sdn. Bhd. 2009, hlm. 60.

University of Malaya

Islam. PAS misalnya, merupakan parti politik di negara ini yang kuat dipengaruhi oleh revolusi Iran. Sebilangan anggota PAS mendapat inspirasi daripada revolusi tersebut terutamanya pemimpin muda dalam PAS. Mereka mulai meniup semangat baru dan ingin meletakkan PAS pada landasan yang berbeza berbanding sebelumnya (ideologi berasaskan Islam dan faham kebangsaan Melayu). Hal yang demikian ini bermakna, perjuangan untuk menegakkan syiar Islam dipisahkan daripada faham kebangsaan atau nasionalisme yang dianggap sesuatu yang bertentangan dengan Islam.[331]

Penyertaan beberapa tokoh ulama muda ke dalam PAS seperti Fadzil Noor, Abdul Hadi Awang, Nakhaie Ahmad dan Abu Bakar Chik ke dalam PAS sejak tahun 1978 membolehkan PAS meneruskan perjuangan memartabatkan Islam dan mencetuskan pengaruh ulama dalam kepimpinan PAS. Fadzil Noor, Hadi Awang, Nakhaie Ahmad merupakan antara anggota ABIM yang bertindak menyertai PAS ketika PAS disifatkan berada dalam keadaan lemah setelah disingkirkan oleh BN pada tahun 1977. Pada ketika itu, ABIM mengambil keputusan untuk menghantar Fadzil Noor (Presiden) dan kepimpinan utama ABIM ke dalam PAS untuk mentransformasi PAS daripada parti politik Melayu-Islam kepada parti politik Melayu-Islam yang berasaskan gerakan Islam. Hal yang demikian ini bermakna, sejak itu, orientasi gerakan Islam yang wujud dalam PAS telah disuntik oleh ABIM.[332]

[331] Dalam hal ini, PAS menolak dasar perjuangan UMNO kerana perjuangan parti tersebut berasaskan ikatan bangsa semata-mata dengan keahliannya dibataskan kepada orang Melayu, sedangkan keahlian PAS terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang beragama Islam tanpa mengira bangsa dan keturunan. Lihat Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), (Pindaan 2001), Fasal 9 (1) dan (2).
[332] Temubual bersama Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.

University of Malaya

Bagi golongan muda ini, zaman Asri sudah berlalu dan satu penegasan semula kepada dasar Islam PAS perlu dibuat.[333] PAS selepas kepimpinan Asri Muda dipimpin oleh golongan ulama yang membawa obor perjuangan Islam sejagat. Pembawaan PAS di bawah kepimpinan ulama adalah sesuatu yang bersifat menyeluruh dengan memperjuangkan identiti Islam tanpa mengira keturunan bangsa, menghidupkan kesedaran Islam tulen, mahukan penubuhan sebuah negara Islam, melaksanakan undang-undang Islam dalam negara serta kepimpinan ulama.[334]

Isu kepimpinan ulama timbul dalam PAS setelah PAS dilanda krisis di bawah pimpinan Asri terutama pada penghujung pemerintahannya. Isu tersebut bermula dengan polemik apakah PAS merupakan sebuah parti Islam atau parti nasional? Peletakan jawatan Asri Muda memberikan satu kekuatan kepada PAS untuk menonjolkan PAS sebagai parti Islam yang lebih tulen dan tegas penonjolan identiti Islamnya. Rentak tuntutan kebangkitan semula Islam dijadikan asas untuk mengubah wajah PAS dengan memperkenalkan kepimpinan ulama yang mula diperkenalkan pada tahun 1982 dalam Muktamar Pemuda PAS Pusat yang diadakan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.[335]

University of Malaya

[333] Ketidakpuasan terhadap Asri semakin melonjak kerana Asri dilihat sebagai pemimpin yang sederhana, liberal dan tidak bertegas dalam soal penubuhan negara Islam. Kepimpinannya dikritik hebat bukan hanya kerana tindakannya mengheret PAS ke dalam kerajaan campuran dan BN, tetapi juga Asri dilihat gagal menyerap sistem perundangan Islam ke dalam pentadbiran negara. Lihat Izani Mohd Zain. *Islam dan Demokrasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005, hlm. 80.

[334] Lihat A. Ghani Ismail. *Muzakarah UMNO-PAS*. Kuala Lumpur: Pustaka Islah Sdn. Bhd. 1987, hlm. 19.

[335] Lihat Mujahid Yusof Rawa. *Menuju PAS Baru*, hlm. 73. Muktamar Pemuda PAS Pusat (di Bukit Mertajam) itu diadakan secara berasingan dengan Muktamar PAS Pusat (di Kuala Lumpur). Muktamar ini dibuat secara berasingan sebagai isyarat untuk memprotes kepimpinan Asri dan dirasmikan oleh Fadzil Noor yang pada ketika itu merupakan Naib Presiden PAS. Lihat juga Riduan Mohamad Nor. *Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan*. K. Lumpur: Jundi Resources. 2011, hlm. 48.

Pengaruh kebangkitan semula Islam membawa kepada wujudnya kepimpinan ulama dalam PAS di bawah kepimpinan Yusof al-Rawi atau Rawa.[336] Beliau menjadi pemimpin PAS mulai tahun 1982 setelah Asri meletak jawatan sebagai Presiden PAS pada 23 Oktober 1982 dalam Muktamar Tahunan PAS ke-28.[337] Hal yang demikian ini bermakna, PAS berjaya mencetuskan semula pengaruh ulama dalam kepimpinannya yang semakin pudar terutamanya pada zaman Asri. Kewujudan kepimpinan ulama menjadi titik tolak kepada berakhirnya era perjuangan PAS yang dipimpin oleh tokoh-tokoh kebangsaan atau nasionalisme seperti Dr. Burhanuddin, Zulkifli Muhammad dan Asri Muda. Muktamar PAS tahun 1983 menjadi titik berakhirnya satu era perjuangan PAS yang dipimpin oleh tokoh kebangsaan dan nasionalisme.[338]

Bagi PAS, kepimpinan ulama bukanlah ditujukan kepada individu yang bergelar ulama, tetapi merupakan usaha organisasi PAS untuk memartabatkan peranan Institusi

---

[336] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS*, hlm. 55.

[337] Asri Muda ialah Yang Di Pertua Agung PAS yang ketiga selepas Tuan Haji Ahmad Fuad dan Dr. Burhanuddin al-Helmy dan telah memimpin PAS selama 18 tahun antara tahun 1965 dan 1983. Di Kelantan, Asri dikenali dengan beberapa panggilan mesra seperti 'Ayah Mat', 'Pak Su Mat' atau 'Pak Mat'. Asri menyertai PAS dan dilantik sebagai Setiausaha Kerja (1953-1954), Pesuruhjaya PAS pertama bagi negeri Kelantan dan Terengganu, Pemangku Naib Yang Di Pertua setelah Ustaz Zulkifli Muhamad meninggal dunia (1964) dan sebagai Pemangku Yang Di Pertua setelah Dr. Burhanuddin al-Helmy meninggal dunia dan dilantik sebagai Yang Di Pertua pada 1965 hingga 1983. Setelah meninggalkan PAS, Asri telah menubuhkan sebuah parti Islam yang baru HAMIM (Hizbul Muslimin) pada 1983 dan meninggalkan parti itu pada 1988 untuk menyertai UMNO. Hakikat ini dirasakan tidak ada percanggahan dari sudut perjuangan politiknya kerana apa yang diperjuangkan oleh UMNO dalam era Dr Mahathir adalah hampir sama dengan perjuangan politik Asri Muda semasa dalam PAS dan kemudiannya HAMIM. Jawatan tertinggi dalam kerajaan yang pernah disandang oleh Asri Muda adalah antaranya, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan (1959-1961), Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO) Dewan Undangan Negeri Kelantan (1961-1964), Menteri Besar Kelantan (1964-1972) dan Menteri Pembangunan Tanah dan Kemajuan Wilayah semasa PAS menyertai kerajaan campuran dan Barisan Nasional (1973-1977). Lihat Asri Muda. *Memoir Politik Asri*, hlm.14.

[338] Bibit-bibit awal ke arah kepimpinan ulama sudah kelihatan pada tahun 1978 setelah Dewan Pemuda PAS meluluskan usul supaya pemilihan kepimpinan parti dilakukan secara syura dan ulama diberikan kedudukan lebih penting. Usul ini dikemukakan oleh Nakhaie Ahmad dan diluluskan oleh Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat. Golongan muda dalam PAS ketika itu mengatakan bahawa, PAS diasaskan oleh para ulama dan seharusnya ulama yang berkemampuan mewarnai gerakan dan haluan PAS. Mereka melihat Asri Muda semasa memimpin PAS gagal membawa PAS untuk bergerak sebagai sebuah parti Islam. Lihat Dewan Ulama PAS Pusat. *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*, hlm. 80.

University of Malaya

Syura yang berpandukan kepada al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias.[339] Kepimpinan ulama telah dibentuk bagi menghalang pemusatan kuasa dengan memberikan kuasa membuat keputusan secara kolektif kepada Majlis Syura Ulama.[340] Konsep ini kemudian dijelmakan dalam Perlembagaan PAS yang memperuntukkan penubuhan Majlis Syura Ulama dan keahliannya serta pelantikan Mursyidul Am yang merupakan pimpinan tertinggi parti.[341] Ulama yang dimaksudkan ialah ahli syura yang menganggotai Majlis Syura dengan ciri-ciri seorang alim yang lebih arif tentang ilmu Islam.[342]

Kerancakan proses Islamisasi terbantut berikutan terdapat beberapa kejadian dan tindakan yang melibatkan UMNO dengan PAS. Tuduh-menuduh berlaku sehingga melebarkan lagi hubungan kedua-duanya. PAS ternyata tidak setuju dengan proses Islamisasi yang dianjurkan oleh UMNO dan membuat dakwaan bahawa tidak wujud usaha serius yang dilakukan oleh UMNO untuk melihat pelaksanaan Islam sepenuhnya di negara ini. PAS berusaha menunjukkan bahawa parti yang memerintah (UMNO) menjalankan dasar yang boleh membantutkan perkembangan Islam setelah wujudnya aspek tertentu daripada dasar pemerintah yang bercanggah dengan hukum Islam.[343] Respon UMNO terhadap Islam tidak diikuti dengan sebarang perubahan positif yang benar-benar bercorak Islam.[344]

---

[339] Lihat Mujahid Yusof Rawa. *Menuju PAS Baru*, hlm. 75-76.

[340] Istilah kepimpinan ulama muncul ketika PAS berusaha untuk keluar dari kemelut dalaman yang dihadapi hasil dari kepimpinan Asri yang dipertikaikan. Salah satu masalah kepimpinan Asri ialah membuat keputusan hanya dalam kalangan segelintir kelompok dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Ibid., hlm. 76 dan hlm. 144.

[341] Usul PAS Pusat yang melibatkan pindaaan perlembagaan dengan memasukkan fasal baru iaitu penubuhan Majlis Syura Ulama telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat pada 12 April 1982 dan kemudiannya dibawa ke Muktamar Ke-29. Ibid., hlm. 83.

[342] Ibid., hlm. 76.

[343] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal*: *Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, hlm. 160.

[344] Lihat Syed Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah. 2008, hlm. 80.

University of Malaya

PAS tidak menolak sepenuhnya konsep Islamisasi tetapi parti itu hanya menolak Islamisasi yang bersifat cebisan atau serpihan. PAS menyifatkan program Islamisasi di Malaysia sebagai program 'kosmetik' untuk menutup tindakan kerajaan yang tidak Islamik.[345] Pada masa sama, PAS menyifatkan kerajaan tidak serius dengan cita-cita Islam. PAS menganggap, segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan satu *window dressing* dan kadangkala bersikap *double standard*. Hal yang demikian ini memandangkan, di sebalik wujudnya komitmen pemerintah terhadap penghayatan Islam, berlaku pelanggaran terhadap entiti penghayatan Islam itu seperti penyalahgunaan kuasa, rasuah dan kezaliman.[346]

Usaha penerapan nilai-nilai Islam oleh UMNO tidak pernah mendapat pengiktirafan oleh PAS. PAS memandang dengan penuh skeptis usaha Islamisasi yang dibawa oleh UMNO. Bagi PAS, walaupun UMNO disifatkan sebagai 'parti Islam yang terbesar di dunia', tetapi tidak benar-benar komited untuk menubuhkan sebuah negara Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.[347] PAS mentakrifkan inisiatif Islamisasi oleh UMNO sebagai "kosmetik" yang bertindak sebagai label menempek tempek sesuatu sistem yang tidak kena-mengena dengan Islam. Namun begitu, PAS tidak dapat menidakkan penerimaan masyarakat Melayu-Islam terhadap inisiatif tersebut seperti yang digambarkan oleh sokongan mereka kepada UMNO dalam pilihan raya.[348] Nik Aziz menyifatkan

---

[345] Ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat (Ahli Parlimen PAS Pengkalan Chepa, Kelantan). Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-6, Penggal Ke-3, Jld. III, Bil 39, 5 November 1985, hlm. 60.

[346] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 27.

[347] Lihat Chandra Muzafar. *Islamic Resurgence in Malaysia.* Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1987, hlm. 80.

[348] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, hlm. 144. PAS telah mengkritik setiap tindakan kerajaan (terutamanya mengenai Islam) di bawah pentadbiran Mahathir. Dalam satu forum di Universiti Kebangsaan Malaysia, Fadzil Noor mengatakan Penerapan Nilai-nilai Islam oleh kerajaan laksana gadis memakai gincu. Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Sikap dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: D'Enterprise. 1990, hlm. 71.

University of Malaya

Islamisasi di Malaysia sebagai 'kosmetik' untuk menutup tindakan kerajaan yang tidak Islamik.[349] Manakala, Yusoff Rawa pula mengatakan Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran merupakan tempelan dan perhiasan kepada sistem sekular.[350]

Bagi PAS, penerapan nilai-nilai Islam sebagai satu model politik di dalam kerajaan sekular, bukanlah baru. Penyertaan PAS dalam Parti Perikatan pada tahun 1973 mempunyai kesan politik yang tertentu. Kemasukan PAS adalah atas isu bekerjasama dengan UMNO untuk melaksanakan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara. Hasilnya, wujud usaha PAS dengan Biro Agama UMNO untuk mencadangkan program Islam. Oleh kerana usaha inilah, beberapa institusi Islam dapat diwujudkan seperti Maktab Perguruan Islam, Yayasan Dakwah Islamiah dan penubuhan Bank Islam yang diusulkan oleh PAS di dalam BN.[351]

PAS mahukan UMNO melaksanakan Islamisasi dari atas dan juga mengkehendaki UMNO menegakkan hukum Allah dan bukannya nilai Islam. PAS bersedia menerima kepimpinan Mahathir dengan syarat perlembagaan UMNO perlu dipinda, membuang sikap pragmatisme dan mendaulatkan dasar-dasar Islam di negara ini. Sekiranya perlembagaan UMNO dipinda daripada perjuangan kebangsaan kepada perjuangan Islam yang tulen dengan mengisytiharkan syariah sebagai sumber utama perundangan, PAS akan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri buat selama-lamanya. PAS tidak akan menentang UMNO dan menawarkan kerjasama, asalkan mengubah perjuangannya dan melaksanakan Islam sepenuhnya.[352]

---

[349] Lihat ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat (MP PAS Pengkalan Chepa), Kelantan. Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-6, Penggal Ke-3, Jld. III, Bil. 39, 5 November 1985.
[350] Teks Ucapan Dasar Yang Di Pertua Agung PAS di Muktamar Tahunan PAS Ke-31 pada 13 April 1985 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
[351] Ibid., hlm. 137.
[352] Ibid., hlm. 149.

University of Malaya

Program Islamisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan yang diterajui oleh UMNO telah ditafsirkan oleh PAS sebagai bermotifkan politik daripada melaksanakan tuntutan Islam. Individu yang berlatar belakangkan aliran agama dalam kerajaan pimpinan UMNO seperti Yusof Nor, Abdul Hamid Othman, Wan Mokhtar Wan Ahmad dan Wan Kadir Wan Ismail dilabelkan oleh PAS sebagai "syaitan bisu" kerana tidak menegur pemimpin kerajaan yang melakukan kemungkaran.[353] Kenyataan tersebut disangkal oleh UMNO dengan membuat penegasan bahawa pendekatan parti tersebut dalam memperjuangkan Islam dan bangsa Melayu di negara ini adalah jauh lebih baik daripada PAS. Malah, UMNO mendakwa PAS yang tidak ikhlas memperjuangkan Islam serta memperalatkan hukum agama kerana politik dan bagi mendapatkan kuasa.[354]

Berkaitan dengan agenda memperkasa Islam di Malaysia, UMNO walaupun tidak menyatakan perkara tersebut seperti mana PAS, turut menjadikan Islam sebagai komponen penting perjuangannya. Namun begitu, bagi Abdul Ghani Othman, sepanjang tempoh lebih 50 tahun negara mencapai kemerdekaan, Islam di negara ini dipertahankan dan diperjuangkan oleh UMNO, sejajar dengan kedudukannya sebagai parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan martabat agama dan negara. Perkara ini disebut dengan jelas dalam Perlembagaan UMNO iaitu "Peranan UMNO antaranya menegakkan, mempertahankan dan mengembangkan Islam".[355]

---

[353] Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 181.
[354] *Berita Harian*, 4 September 2001.
[355] Dalam Fasal 3 Perlembagaan UMNO, menyatakan bahawa *"UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah, martabat bangsa, agama dan negara. Peranan UMNO antaranya menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, memajukan ekonomi bangsa Melayu, menjamin kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu dan hak-hak istimewa orang Melayu".* Lihat Abdul Ghani Othman. *Hidup Melayu Bersatu*. Johor Bahru: Pejabat Menteri Besar Johor. 2009, hlm. 25.

University of Malaya

Walaupun PAS dan UMNO menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan, masing-masing dengan pendekatan tersendiri. Bagi Mahathir, UMNO lebih berjaya meyakinkan masyarakat Melayu bahawa pendekatan mereka lebih berkesan dalam usaha memartabatkan Islam.[356] PAS yang lebih bergantung pada retorik dan pengalaman sejarah Islam lampau bagi menarik perhatian masyarakat kadangkala menghadapi kesukaran untuk meyakinkan orang Melayu bahawa Islam yang cuba mereka tegakkan melalui wadah politik mampu menjadi alternatif yang lebih baik untuk pembinaan masa depan peradaban bangsa dan agama.[357]

PAS sejak awal penubuhannya merupakan sebuah parti yang responsif kepada perubahan dan tuntutan semasa. Kebangkitan semula Islam sebagaimana yang dimanifestasikan dalam kesedaran meluas untuk menghayati nilai Islam sebagai satu cara hidup dalam kalangan orang Melayu, serta kemahuan bertambah yang ditunjukkan oleh kerajaan pimpinan UMNO untuk melaksanakan cita-cita Islam telah menuntut PAS mengatur langkah yang bercirikan Islam. Dibandingkan dengan UMNO, PAS lebih banyak mendapat keuntungan politik, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada kebangkitan semula Islam.[358]

University of Malaya

[356] Pendirian UMNO terhadap agama Islam adalah jelas. UMNO berpegang kepada ajaran agama Islam yang sebenar. UMNO tetap akan mengimbangi dunia dan akhirat. Justeru itu, UMNO tidak akan menjadi fanatik tetapi sebaliknya akan bersikap sederhana dan pragmatik. Lihat Mahathir Mohamad. Ke Arah Meningkatkan Martabat Bangsa Melayu. Dlm. Mat Zin Mat Kib & Mohd Shukri Omar. *Melayu dan Isu Kebumiputeraan.* Shah Alam: UPENA. 2007, hlm. 87.

[357] Dalam soal tersebut, perlu membezakan antara fungsi Islam untuk "kepentingan politik" atau fungsi Islam sebagai "sumber ideologi politik". Hal yang demikian ini kerana pemimpin dan pengikut PAS sudah tentu akan mendakwa bahawa parti itu menggunakan Islam sebagai "sumber ideologi politik", tetapi pemimpin dan penyokong UMNO pula mungkin akan menuduh tindakan PAS selama ini ialah menggunakan Islam untuk kepentingan politik. Ertinya, Islam digunakan hanya untuk mengobar-ngobarkan semangat demi mendapatkan sokongan. Keterangan lanjut, sila rujuk Firdaus Abdullah. *Komentar Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2004, hlm. 90-95.

[358] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal*: *Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa,* hlm. 157.

Isu Kafir Mengkafir Dalam Persaingan Politik Melayu

UMNO dan PAS melihat agama Islam dari sudut yang berbeza sehingga mencetuskan pelbagai isu seperti isu kafir mengkafir.[359] Isu tersebut merupakan antara isu besar yang mewarnai persaingan politik UMNO dengan PAS. Istilah kafir mengkafir merupakan saling tuduh menuduh antara dua orang atau lebih sebagai kafir. Manakala istilah takfir pula dikaitkan dengan tindakan menuduh seseorang Islam sebagai kafir.[360] Dalam hal ini, istilah kafir mengkafir lebih disinonimkan memandangkan dalam isu ini, berlaku sehingga ke peringkat tuduh menuduh dan cabar mencabar antara UMNO dan PAS.

Bagi meraih sokongan politik, UMNO dengan PAS saling tuduh menuduh sehingga mencetuskan isu kafir mengkafir. Isu ini adalah antara isu keagamaan yang sentiasa hangat diperdebatkan dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya ketika menjelang pilihan raya. Isu kafir mengkafir dikatakan sebagai punca utama berlakunya perpecahan orang Melayu.[361] Isu kafir mengkafir dikaitkan dengan perpecahan orang Melayu dan perpecahan itu dihubungkan dengan parti PAS.[362] PAS menafi bertanggungjawab memecah belah masyarakat dengan hujah bahawa dasar PAS sentiasa memupuk ukhuwah Islamiah dan

---

[359] UMNO dan PAS dikaitkan mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap Surah Al-Maidah, ayat 44 yang bermaksud "*barang siapa yng tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka ini adalah orang-orang yang kafir*."

[360] Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 38.

[361] Lihat Ahmad Zaki Hj. Abd. Latif. Isu Kafir Mengkafir dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu. Dlm. *Jurnal Usuluddin*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bil. 17, Julai 2003, hlm. 15.

[362] *Utusan Malaysia*, 8 Jun 1999. Chandra Muzaffar menyatakan PAS telah melihat dirinya sebagai satu-satunya pejuang yang suci dan benar, manakala UMNO pula dilihatnya sebagai tidak suci, tercemar dan ternoda dari kacamata Islam kerana parti itu tidak menegakkan Syariah. PAS membayangkan secara tidak langsung bahawa orang UMNO bukan Islam. Lihat Chandra Muzaffar. *Islamic Resurgence in Malaysia.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1987, hlm. 68. Zainah Anwar pula menyatakan PAS menjadi faktor utama perpecahan dalam kalangan orang Melayu kerana penyokong PAS menganggap kerajaan sebagai kafir yang tidak mempunyai hak yang sah untuk memerintah. Lihat Zainah Anwar. *Islamic Revivalisme in Malaysia Dakwah Among The Students.* Petaling Jaya: Pelanduk Publication. 1987, hlm. 90.

University of Malaya

perpaduan dalam kalangan orang Melayu[363] dan juga berjuang untuk mewujudkan keharmonian antara kaum di negara ini.[364]

UMNO menuduh PAS yang memulakan isu kafir mengkafir.[365] Manakala, PAS pula menuduh UMNO yang mencetuskan isu tersebut. PAS menolak tuduhan UMNO yang menyatakan PAS memulakan isu kafir mengkafir. Sebaliknya PAS menyatakan isu tersebut dicetuskan oleh UMNO sebagai satu strategi politik untuk menimbulkan kesan negatif masyarakat terhadap PAS.[366] Pemimpin PAS secara terbuka mengecap penyokong dan pemimpin UMNO sebagai kafir.[367]

Titik permulaan kepada kewujudan isu ini ialah sejak 1955 dan masih berterusan. Kemenangan besar parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955 dikaitkan dengan kerjasama pelbagai kaum. Menjelang pilihan raya tersebut, satu fatwa telah dikeluarkan oleh Abdullah Fahim,[368] Mufti Pulau Pinang yang mewajibkan pengundi beragama Islam memilih calon dari kalangan orang Islam sahaja. Sesiapa yang memberi undi kepada calon

---

[363] Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Pindaan 2001, Fasal 6 (3).

[364] Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Pindaan 2001, Fasal 6 (9).

[365] Ucapan Tunku Abdul Rahman di Perhimpunan Agung UMNO Ke-19, di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 30-31 Julai 1966. Dlm. Ahmad Fauzi Basri (Peny.) et al. *Bumi Dipijak Milik Orang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991, hlm. 416.

[366] Lihat Ucapan Nik Abdullah Arshad (Ahli Parlimen PAS Pengkalan Chepa). Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-7, Penggal Ke-3, Jld. III, Bil. 21, 27 Jun 1989, hlm. 65.

[367] Pelampau PAS mengisytiharkan perkahwinan pengikut PAS dengan penyokong UMNO sebagai tidak sah dan anak-anak mereka sebagai anak luar nikah. Lihat Alias Mohamed. *Kelantan Di Bawah PAS – Masalah Tanah dan Rasuah*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd. 1984, hlm. 16.

[368] Abdullah Fahim merupakan ulama yang terkenal lahir pada tahun 1989 di Kampung Shaab Ali, berhampiran dengan Masjidil Haram, Mekah. Beliau dilantik menjadi Mufti Pulau Pinang yang pertama dan memegang jawatan tersebut selama lima tahun. Dalam bidang politik, Abdullah Fahim dilantik menjadi penasihat Hizbul Muslimin pada tahun 1948. Menyertai Persatuan Melayu Seberang Perai dan menjadi ahli UMNO yang pertama di Pulau Pinang. Dalam UMNO, beliau dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Agama UMNO. Pada 3 April 1952, beliau dilantik sebagai Ketua Dewan Ulama PAS yang pertama, tetapi pada tahun 1953, keluar dari PAS disebabkan tindakan PAS yang menyokong *National Convention*. Tunku Abdul Rahman dan pemimpin Melayu lain sering mendapat nasihatnya dalam hubungan dengan kemerdekaan Tanah Melayu. Abdullah Fahim mencadangkan 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Beliau merupakan datuk kepada Abdullah Badawi, bekas Perdana Menteri Malaysia. Abdullah Fahim meninggal dunia pada 28 April 1961 di Seberang Perai, Pulau Pinang pada usia 91 tahun. Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 42.

University of Malaya

bukan Islam dianggap melakukan satu perkara yang berlawanan dengan ayat-ayat Allah S.W.T. Abdullah Fahim kemudiannya menafikan pernah mengeluarkan fatwa tersebut. Fatwa tersebut merupakan episod awal babak kafir mengkafir dalam sejarah politik kepartian Melayu.[369]

Isu kafir mengkafir mula dipolemikkan secara meluas dalam kalangan orang Melayu selepas era penjajahan, terutamanya setelah wujud pelbagai parti politik. Isu kafir mengkafir digunakan sebagai satu cara untuk melemahkan pihak lawan dalam persaingan politik kepartian. Dalam sejarah perkembangan politik Melayu, ahli agama atau ulama PAS pernah menggunakan isu ini bagi mengaitkan tindakan UMNO dan Parti Perikatan, terutamanya berhubung dengan isu pelantikan orang kafir sebagai pemimpin umat Islam, pemisahan agama dan politik, ayat-ayat al-Quran yang menyentuh kekafiran dan perlembagaan *taghut*.[370]

Pada awal tahun 1961, isu kafir mengkafir merebak berikutan pengedaran buku Syeikh Abdul Qadir al-Mandili[371] yang bertajuk, "Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi

---

[369] Lihat Mohamad Abu Bakar. Konservatisme dan Konflik Isu Kafir Mengkafir Dalam Politik Kepartian. Dlm. *PEMIKIR*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutors Sdn. Bhd. 2000. Julai – September, hlm. 127. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 43.

[370] Lihat Ahmad Zaki Hj. Abd. Latif. Isu Kafir Mengkafir dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu. Dlm. *Jurnal Usuluddin*, hlm. 20.

[371] Syeikh Abdul Qadir al-Mandili atau nama sebenarnya Abdul Qadir bin Abdul Mutallib dilahirkan di Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Belanda hingga darjah lima. Kemudian menyambung pelajaran di Pondok Panjang Rong, Tobiar, Pendang, Kedah. Seterusnya di Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah. Mandili kemudiannya berpindah ke Kelantan dan berguru dengan Tok Kenali, di Kota Bharu. Tok Kenali manasihatinya supaya mempertingkatkan ilmunya di Mekah. Pada 1936, Mandili berhijrah ke Mekah dan beguru dengan beberapa ulama terkenal seperti Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir al-Fatani, Syeikh Ali al-Maliki, Syeikh Hassan Muhammad al-Mashat, Syeikh Muhammad al-Arabi, Syeikh Sayid al-Alawi bin Abbas al-Maliki dan Syeikh Muhammad Ahyad. Mandili juga diberi kepercayaan menjadi tenaga pengajar di Masjid al-Haram selama hampir 30 tahun iaitu dari 1936 sehingga beliau meninggal dunia pada 1965 ketika berusia 55 tahun. Sebagai ulama terkenal, Mandili telah menghasilkan sebanyak 24 buah kitab termasuk enam buah karya terjemahan meliputi pelbagai bidang ilmu. Karya yang terkenal ialah *Islam Agama dan Kedaulatan (1959), Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah (1960), Kebagusan Undang-Undang Islam dan Kecelaan Undang-Undang Manusia* (1961) dan sebagainya. Beberapa karya Mandili

University of Malaya

Indah". Buku tersebut memuatkan fatwa politik dan pemikiran Mandili termasuk mengenai hukum perkongsian kuasa antara orang Islam dengan orang bukan Islam dalam sesebuah negara. Mandili menghukum adalah haram melantik orang kafir berkongsi kuasa memerintah dalam negara Islam seperti melantik mereka menjadi wakil rakyat, menteri dan gabenor. Fatwa Mandili turut menyumbang kepada perkembangan isu kafir mengkafir di Malaysia.[372]

Kesan daripada fatwa tersebut, iklim politik menjadi semakin panas setelah ahli politik campurtangan dan membesarkan isu tersebut. Misalnya, terdapat dalam kalangan pemimpin UMNO mempolitikkan isu tersebut dalam kempen Pilihan Raya Kecil Rantau Panjang, Kelantan pada tahun 1962 dengan mengaitkan penglibatan PAS dengan fatwa Mandili.[373] PAS dituduh memperalatkan Mandili untuk kepentingan politiknya.[374]

Pada tahun 1963, Omar Awang yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri, Bandar Pasir Mas dituduh mengeluarkan fatwa mengharamkan kerjasama politik antara orang Islam dan orang bukan Islam dalam pemerintahan. Pada masa sama, masyarakat diingatkan haram memakan hasil sembelihan ahli Parti Perikatan, tidak sah pernikahan dengan ahli parti itu dan menjadi kesalahan menyembahyangkan jenazah ahli UMNO.[375] Isu tersebut terus merebak ke negeri lain seperti Terengganu, Kedah dan Perak terutamanya

---

termasuk *Islam Agama dan Kedaulatan* menjadi kontroversi dalam isu kafir mengkafir di Malaysia. Lihat Ramli Awang. Syeikh Qadir al-Mandili: Satu Kajian Biografi dan Aliran-Aliran Pemikirannya. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2000/2001, hlm. 29-59. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 70-71.

[372] Lihat Mohd Nakhaie Ahmad. *Penyelewengan Tafsiran Mengenai Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. 2003, hlm. 33.

[373] *Utusan Melayu*, 16 Mei 1962. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 44.

[374] Lihat Mohd Nakhaie Ahmad. *Penyelewengan Tafsiran Mengenai Ajaran Islam*, hlm. 9.

[375] Lihat Mohamad Abu Bakar. Konservatisme dan Konflik Isu Kafir Mengkafir Dalam Politik Kepartian, hlm. 127.

University of Malaya

di kawasan penduduk Melayu-Islam yang ramai. Fatwa tersebut menimbulkan kegelisahan dalam kalangan orang Melayu sehingga mula wujud keretakan dalam masyarakat.[376]

Semasa kempen PRU-2 (1964), isu ini semakin panas setelah PAS menyatakan ahli UMNO menjadi kafir kerana berkongsi kuasa memerintah dengan parti yang ahlinya bukan beragama Islam seperti MCA dan MIC serta parti komponen lain yang tidak beragama Islam.[377] PAS tidak dapat menerima tindakan UMNO yang bergabung dengan parti politik yang bukan Islam untuk memerintah Malaysia. Menjelang PRU-3 (1969), isu kafir mengkafir terus dijadikan bahan kempen untuk meraih undi. Bagimanapun, isu kafir mengkafir reda seketika dan hampir tidak kedengaran setelah PAS menganggotai Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan kemudiannya bersama-sama menubuhkan BN pada 1 Jun 1974.[378] Pemimpin PAS tidak lagi membangkitkan isu tersebut.[379]

Isu kafir mengkafir muncul kembali selepas PAS disingkirkan daripada BN pada Disember 1977, terutamanya menjelang PRU-5 (1978). PAS mengeluarkan tuduhan

---

[376] Terengganu, Kelantan dan Kedah lebih terdedah kepada gejala kafir mengkafir kerana negeri-negeri tersebut orang Melayu-Islam agak ramai berbanding dengan negeri lain di Malaysia. Manakala, negeri Terengganu dan Kelantan lebih menonjol berbanding dengan negeri di Utara Semenanjung Malaysia. Di Kedah, kawasan yang lebih menonjol menerima pengaruh ini ialah di Sala, Langgar dan Guar Perahu, di Perak ialah Gunung Semanggol, Krian dan Selama manakala di Terengganu ialah Besut dan Setiu. Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 45.

[377] Lihat Sheikh Abu Muhammad Iqamuddin. *Menjawab Tuduhan Liar Terhadap UMNO dan Barisan Nasional*. Selangor: RZ Emas Sri Selasih Sdn. Bhd. 2004, hlm. 3.

[378] Setelah tertubuhnya kerajaan campuran tersebut, ahli PAS di peringkat bawahan yang hampir dua puluh tahun disuntik dengan perasaan kebencian terhadap ahli UMNO dan Parti Perikatan, menjadi terpinga-pinga dengan tindak tanduk pemimpin PAS. Soal 'halal dan haram', 'Islam dan kafir' yang digunakan dalam kempen pilihan raya sejak 1959 oleh pemimpin dan ahli PAS telah menjadi sebati dengan fikiran rakyat dan setelah konsep ini dileburkan pada tahun 1973, PAS terpaksa membayar dengan harga yang mahal setelah pemimpinnya hendak menegakkan kembali konsep 'undi PAS halal dan undi UMNO haram' dalam Pilihan Raya yang berlangsung pada 11 Mac 1978. Lihat Alias Mohamed. *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Suatu Dilema*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1978, hlm. 98.

[379] Dalam buku "Sikap Saya" yang ditulis oleh Nik Aziz Nik Mat, terbitan Badan Perhubungan PAS Kelantan (15. 12. 1977), memetik fatwa Dewan Ulama PAS Pusat mengenai kerjasama dengan Perikatan tahun 1973 sebagaimana berikut; "*mengenai kerajaan campuran, adalah harus dan ditarjih oleh kongres PAS. Sebab itulah PAS menyertai BN sejak tahun 1973-1977.*" Lihat Nik Aziz Nik Mat. Sikap Saya: Rebah, Bangkit dan Terus Bangkit. Kota Bharu: Terbitan Badan Perhubungan PAS Kelantan. 1977, hlm. 3.

University of Malaya

bahawa kerajaan BN memisahkan agama dengan politik dan dengan tindakan kerajaan itu menyebabkan terkeluar dari landasan Islam. Terdapat juga tuduhan bahawa kerajaan UMNO sebagai kafir dan taghut kerana tidak melaksanakan Undang-Undang Islam (Hudud) yang bermula semasa kempen Pilihan Raya Umum 1969 dan diperhebatkan kembali dalam kempen pilihan raya tahun 1978.[380]

PAS sekali lagi melancarkan kempen mengkafirkan UMNO semasa Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Kuala Besut, Terengganu pada bulan Julai 1979. Semasa pilihan raya tersebut, isu kafir mengkafir menjadi kritikal setelah Haji Mustafa Abu Bakar,[381] disaman oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) atas tuduhan mengeluarkan lima fatwa yang ditafsir sebagai mengkafirkan orang UMNO pada 4 November 1979, di Surau Haji Salleh, Kampung Seberang Sungai Keruak, Ulu Besut, Terengganu.[382]

Isu kafir mengkafir di Malaysia mencapai kemuncaknya dengan ucapan kontroversi (dikaitkan dengan amanat) oleh Abdul Hadi Awang (Haji Hadi) pada tahun 1981 yang pada masa tersebut merupakan Pesuruhjaya PAS Terengganu merangkap Naib Yang Di-Pertua PAS Pusat. Haji Hadi mengemukakan ucapan tersebut semasa berceramah di Kampung

[380] Lihat Sheikh Abu Muhammad Iqamuddin. *Menjawab Tuduhan Liar Terhadap UMNO dan Barisan Nasional*, hlm. 19.

[381] Haji Mustafa Abu Bakar merupakan seorang tokoh ulama terkenal di Kelantan. Mendapat pendidikan Islam secara tradisional daripada beberapa ulama terkenal di negeri itu, termasuk Tok Kenali. Kemudian menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di Mekah. Setelah kembali ke tanahair, beliau mendirikan Madrasah Diniah al-Bakriah, di Pasir Tumbuh, Kelantan, pada tahun 1954. Pusat pengajian tersebut kemudiannya lebih dikenali sebagai Pondok Pasir Tumbuh. Lihat Dinsman (Peny.) *10 Tahun Membangun Bersama Islam – Kelantan Di Bawah Kepimpinan Ulama*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik. 2000, hlm. 87.

[382] Lima fatwa yang dikeluarkan oleh Haji Mustafa Abu Bakar ialah, pertamanya, orang UMNO Islam dalam BN hukumnya murtad. Kedua, orang UMNO dalam BN tidak sah dijadikan Imam sembahyang. Ketiga, sembelihan orang UMNO dalam BN tidak boleh dimakan. Keempat, tidak sah akad nikah sekiranya jurunikah itu orang BN. Kelima, sekiranya tidak mempunyai persefahaman antara suami dan isteri, jika salah seorang PAS yang satu BN, nescaya hukumnya tertalaklah antara suami dan isteri dan jika bersetubuh juga hukumnya zina, kalau dapat anak, hukumnya anak zina. Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 46-47.

University of Malaya

Banggol Peradong pada 7 April 1981. Haji Hadi mendakwa UMNO adalah ibarat orang munafik yang gagal untuk melaksanakan hukum Islam yang menjadi sebahagian daripada jihad keseluruhan umat Islam. Penyokong PAS telah menjadikan amanat tersebut sebagai pegangan dalam menentukan status orang UMNO dan penyokong BN. Mereka menganggap berjuang menentang UMNO dan BN adalah satu jihad dan jika mati, adalah mati syahid.[383] Amanat tersebut adalah berdasarkan kepada ucapan Haji Hadi. Teks penuh adalah seperti berikut:

> "Saudara-saudara sekalian, percayalah! Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO, kita menentang Barisan Nasional, bukan kerana nama Barisan Nasional. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka. Percayalah saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawanan ini, mati kita adalah mati syahid. Mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku".[384]

Petikan itu diberi nama "Amanat Haji Hadi" oleh pihak tertentu yang kemudiannya dikaitkan pula dengan fatwa. Sedutan ucapan itu kemudiannya dicetak secara besar-besaran dan dijual oleh pihak tertentu untuk meraih keuntungan. Haji Hadi sendiri tidak bermaksud memberi amanat.[385] Menurut Haji Hadi *"Itu hanyalah ucapan saya tetapi telah dinaikkan taraf menjadi amanat dan kemudiannya disifatkan sebagai fatwa".*[386]

---

[383] Lihat Sheikh Abu Muhammad Iqamuddin. *Menjawab Tuduhan Liar Terhadap UMNO dan Barisan Nasional*, hlm. 54.

[384] Kata-kata Haji Hadi tersebut merupakan petikan daripada ucapannya yang panjang iaitu mengambil masa kira-kira satu jam semasa berceramah di Kampung Banggol Pradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981. Teks tersebut kemudiannya dicetak sebagai AMANAT HAJI HADI dan dijadikan bahan kempen. Ucapan ini didedahkan di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 11 Ogos 1983 (jam 2.00 petang) dan disiarkan oleh Berita Harian pada 12 Ogos 1983. Kemudian dijadikan bahan bercetak oleh PAS Kelantan untuk kempen Pilihan Raya Kecil Selising dan Kemumin pada 8 September 1983. Ibid., hlm. 19-20 dan hlm. 53-54.

[385] Temubual dengan Zulkifli Sulong pada 21 Januari 2015.

[386] *Utusan Malaysia*, 21 Februari 1986.

University of Malaya

Ucapan tersebut menjadi kontroversi dan bahan kempen antara kedua parti tersebut bahawa PAS telah mengkafirkan UMNO. Pemimpin UMNO menjadikan ucapan tersebut sebagai modal politik dengan menuding jari kepada pemimpin PAS yang dianggap sebagai berusaha memecah belahkan masyarakat di negara ini.[387] UMNO juga melihat tindakan Haji Hadi yang mengemukakan dakwaan tersebut adalah bertujuan menghidupkan kembali agenda mengkafirkan UMNO yang berlaku sebelumnya dan lebih dahsyat lagi mengisytiharkan jihad dan syahid dalam menentang UMNO.[388]

PAS berusaha supaya muzakarah dan perbincangan diadakan dari semasa ke semasa. Dalam Muktamar PAS ke-28 yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 23 dan 24 Oktober 1982, PAS mengemukakan usul bersetuju mendesak kerajaan Malaysia menganjurkan satu majlis muzakarah yang melibatkan ulama PAS dengan ulama UMNO bagi membincangkan tiga perkara. Pertama, isu menggunakan agama bagi kepentingan politik. Kedua, isu PAS memecahbelahkan masyarakat Islam dan menyelewengkan Islam. Ketiga, Islam yang dibawa oleh UMNO adalah Islam yang sebenar.[389]

Abdul Hadi semasa berucap di satu perhimpunan mengalu-alukan pembebasan Latif Mohamad daripada tahanan Akta Kediaman Terhad,[390] di Kampung Pasir Akar, Hulu Besut, Terengganu, menegaskan, orang UMNO boleh dianggap kafir berpandukan kepada

---

[387] *Utusan Malaysia*. 8 Jun 1999.
[388] Lihat Ibnu Hasyim. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 327-328.
[389] Peringatan Muktamar Tahunan PAS Pusat Ke-28, Sesi 1981/1982, hlm. 21. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 152.
[390] Latif Mohamad merupakan bekas Yang Dipertua PAS Besut (1988-1998) dan bekas ADUN Jertih (1990-1994) ditahan pada 26 Ogos 1982 di bawah Enakmen Kediaman Terhad, Seksyen 2 dan dibuang negeri ke Batu Gajah, Perak selama tiga tahun kerana dikaitkan dengan isu kafir mengkafir. Beliau sinonim dengan isu kafir mengkafir dan menjadi terkenal dengan isu perpecahan orang Melayu di negara ini. Ibid., hlm. 154.

University of Malaya

tiga faktor. Pertamanya, ahli UMNO menyokong perlembagaan negara yang bukan perlembagaan Islam. Kedua, pemerintah yang terdiri daripada orang UMNO meletakkan perlembagaan negara lebih dari al-Quran dan ketiga, kezaliman yang ditunjukkan oleh pemerintah terhadap orang Islam, khususnya PAS jelas menunjukkan mereka tidak Islam.[391]

Kontroversi tentang isu kafir mengkafir berlarutan sehingga UMNO dan PAS sedia berdebat di kaca televisyen. Pemimpin UMNO sangat tersentuh dengan petikan ucapan tersebut sehingga mengajak pemimpin PAS untuk berdebat. Tajuk awal yang dicadangkan oleh UMNO ialah "PAS kafirkan UMNO" kemudian dipinda kepada "Isu kafir mengkafir antara UMNO dengan PAS" dan akhirnya bersetuju dengan tajuk yang dikemukakan oleh Biro Agama UMNO iaitu "PAS tuduh ahli UMNO kafir, sesiapa yang menentangnya, jika mati adalah mati syahid".[392]

Tarikh debat ditetapkan pada 11 November 1984. Pengerusi debat yang dicadangkan ialah Lukman Musa. PAS mengemukakan tiga tokohnya iaitu Hadi Awang, Nakhaie Ahmad dan Mustafa Ali. Manakala, UMNO mengemukakan tokoh Wan Mokhtar Ahmad, Ibrahim Azmi Hassan dan Anwar Ibrahim.[393] Bagaimanapun, debat yang dijadualkan secara langsung oleh RTM dibatalkan menjelang berlangsungnya majlis tersebut. Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Raja-Raja memutuskan pembatalan debat

[391] *Utusan Malaysia*, 17 Jun 1986.
[392] Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1984/1985, hlm. 18. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 150.
[393] Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 150.

University of Malaya

UMNO-PAS. Atas perintah Yang di-Pertuan Agong, debat tersebut dibatalkan pada 10 November 1984.[394]

Isu kafir mengkafir dalam politik bukanlah dasar dan pendirian PAS kerana pemimpin utama PAS seperti Zulkifli Muhammad, Dr. Burhanuddin Helmy, Asri Muda, Yusof Rawa dan Fadzil Noor tidak pernah mengemukakan isu berkenaan dalam siri ucapan mereka. Mereka menafi mengkafirkan UMNO.[395] Sungguhpun, pendirian PAS dalam isu kafir mengkafir adalah jelas iaitu menolak amalan tersebut,[396] tetapi tiada usaha untuk menghalang supaya isu kafir mengkafir tidak menular dalam masyarakat.[397] Pemimpin PAS tidak menafikan ada individu tertentu dalam parti tersebut yang terlibat sehingga mereka ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Kediaman Terhad seperti bekas aktivis PAS di Besut, Terengganu iaitu Abdul Latif Muhammad dan Mohamad Jusoh pada 27 Oktober 1987 dan Omar Khalid pada 8 November 1987. Di Kelantan pula, nama seperti Wan Ismail Wan Ahmad, Mohd Nor Deris dan Mustaffa Taib juga dikaitkan dengan isu kafir mengkafir.[398]

Tahun 1985 pula menunjukkan konfrantasi UMNO dengan PAS menjadi semakin memuncak setelah berlaku kejadian pembunuhan seorang penyokong PAS di Lubuk Merbau ketika Pilihan Raya Kecil Padang Terap. Kemudian berlaku pula Peristiwa Memali pada 19 November 1985.[399] Peristiwa Memali kemudiannya menjadi isu yang melibatkan

---

[394] *Berita Harian*, 11 November 1984.
[395] Lihat Ahmad Zaki Hj. Abd. Latif. Isu Kafir Mengkafir dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu. Dlm. *Jurnal Usuluddin*, hlm. 22.
[396] Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 223.
[397] Temubual dengan Mohd Nakhaie Ahmad pada 16 November 2014.
[398] Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*, hlm. 225.
[399] Memali merupakan nama tempat yang menempa sejarah hitam dalam kebangkitan Islam di Malaysia. Hal yang demikian ini kerana berlaku suatu peristiwa pada 19 November 1985 yang dikenali sebagai Peristiwa Memali. Peristiwa tersebut menggemparkan masyarakat Malaysia kerana seramai 18 orang terbunuh termasuk

University of Malaya

wujudnya persaingan UMNO dengan PAS. Kejadian tersebut meletakkan PAS di pihak yang membela Ibrahim Libya. Justeru itu, ketegangan berlaku antara UMNO dan PAS. Peristiwa Memali menimbulkan kemarahan orang Melayu khususnya dalam kalangan penyokong PAS terhadap pemerintah kerana tindakan polis (dianggarkan 4000 orang) dianggap kejam dan singkat fikiran. Imej kerajaan telah merosot selepas peristiwa tersebut. Andaian yang dibuat oleh golongan pro-Mahathir ialah Peristiwa Memali boleh mencemarkan imej Mahathir di kalangan masyarakat Islam bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga negara-negara Islam di seluruh dunia yang mana Mahathir dianggap seorang pemimpin Islam yang dihormati ramai.[400]

Pada tahap ini, perpecahan orang Melayu memasuki fasal yang lebih serius sehingga mengakibatkan nyawa ahli UMNO dan PAS terkorban (peristiwa pertama berlaku di sebuah kampung kecil di Kuala Terengganu), berlaku pergaduhan antara penyokong UMNO dan PAS sehingga menyebabkan seorang terbunuh. Keduanya, seorang ahli PAS terbunuh manakala beberapa lagi cedera dalam satu pergaduhan yang melibatkan penyokong PAS dan UMNO di Lubuk Merbau semasa Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Padang Terap di Kedah pada tahun 1985. Selepas pilihan raya itu, PAS mengisytiharkan kematian penyokongnya sebagai mati syahid.

---

empat orang anggota polis. Ibrahim Libya, bekas calon PAS yang menjadi pemimpin para pejuang yang menentang pemerintah, turut terkorban bersama 13 lagi muridnya. PAS menganggap 14 orang kampung yang terkorban sebagai ‘mati syahid’ manakala kerajaan pimpinan UMNO menganggap mereka sebagai golongan yang membawa ajaran sesat dan kematian mereka bukanlah ‘syahid’. Lihat Yahaya Ismail. *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif. 1986, hlm. 68.

[400] Kerajaan di bawah pimpinan Mahathir mempunyai cabaran bagi mempertahankan kredibiliti sebagai sebuah negara Islam walhal pejuang-pejuang Islam dibunuh dengan kejamnya di Memali. Mahathir terkenal sebagai juara negara-negara Islam dan suaranya lantang dalam forum antarabangsa menggesa umat Islam untuk menentang musuh Islam yang sebenar dan menggesa menghentikan peperangan yang tidak berfaedah antara Iran dan Iraq. Tetapi, di Kampung Memali yang terpencil dengan rakyatnya hidup miskin, pasukan polis yang beratus-ratus jumlahnya sanggup membunuh orang-orang Islam sendiri. Ibid., hlm. 71.

University of Malaya

Semangat penentangan terhadap kerajaan menjadi 'senjata' kepada PAS untuk menarik orang ramai terhadap perjuangan PAS dan Islam.[401] Kekuatan PAS tidak dapat dihancurkan dengan Peristiwa Memali mahupun Peristiwa Lubuk Merbau. Penahanan beberapa orang tokoh PAS dibawah ISA juga tidak melemahkan semangat para pejuangnya. Malah PAS menjadi semakin kuat untuk menggerakkan rakyat menyokongnya.[402] Perkembangan tersebut menguntungkan PAS tetapi membimbangkan UMNO.[403] Sikap Mahathir terhadap PAS pada mulanya menentang habis-habisan kerana sedar PAS merupakan ancaman terbesar kepada UMNO dan kepimpinannya. PAS tidak cukup menjadi parti pembangkang sahaja, tetapi memperlihatkan sikapnya untuk menjadi parti alternatif kepada UMNO dan BN untuk memerintah negara ini.[404]

Penonjolan Islam berlebih-lebihan oleh PAS menyebabkan ada dalam kalangan rakyat berpendapat hanya PAS yang tulen dan Islam UMNO tidak, sehingga melempar tuduhan kafir kepada UMNO. Orang PAS berkeyakinan bahawa akidah orang UMNO sudah rosak dan menyeleweng. Sikap sambil lewa UMNO terhadap pelaksanaan Islam menyebabkan masyarakat beranggapan UMNO tidak bersungguh-sungguh dalam

---

[401] Peristiwa Memali menyebabkan pengaruh PAS berkembang dengan pesatnya di Kedah, Perak, Perlis dan Selangor. Pada masa sama, Kelantan dan Terengganu masih lagi menjadi kubu kuat PAS. Malah, perkembangan politik PAS tidak hanya berpusat di empat buah negeri yang majoritinya Melayu. PAS sudah berjaya menarik perhatian orang Kuala Lumpur dengan ceramah PAS di ibu kota turut dihadiri oleh ribuan orang. Ibid., hlm. 69.

[402] Ibid., hlm. 71.

[403] Kalangan UMNO Kelantan misalnya menganggap, besar kemungkinan PAS akan kembali berkuasa di negeri tersebut disebabkan banyak pihak tidak berpuas hati dengan kepimpinan UMNO Kelantan. Dikatakan juga bahawa Menteri Besar Kelantan, Datuk Hj. Mohammad Yaakob, tidak seia sekata dengan DYMM Sultan Kelantan. Lebih-lebih lagi UMNO Kelantan juga agak berpecah belah akibat dari konflik antara Musa Hitam dan Tengku Razaleigh. Terengganu juga diramalkan akan jatuh kepada PAS sekiranya pucuk pimpinan UMNO negeri tidak berhati-hati. Keadaan ini ditambah pula dengan ketokohan Haji Hadi, Pesuruhjaya PAS Terengganu dan salah seorang Naib Presiden PAS yang boleh menggerhanakan sesetengah pemimpin UMNO di Terengganu. Ibid., hlm. 69-70.

[404] Ibid., hlm. 71.

University of Malaya

melaksanakan Islam. UMNO seakan anti kepada Islam sedangkan yang sebenarnya UMNO mempunyai cara dan pendekatan tersendiri mengenai Islam.[405]

Isu Hudud Dalam Persaingan Politik Melayu

Dekad 1990-an memperlihatkan wujudnya kebangkitan PAS dengan gaya dan pendekatan baru. PAS dilihat lebih terbuka setelah bersetuju untuk bergabung dengan Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46), HAMIM dan BERJASA bagi membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kerjasama tersebut diwujudkan selepas PAS mengambil kesempatan terhadap masalah perpecahan dalaman yang melanda UMNO pada penghujung tahun 1980-an. Hasil daripada kerjasama yang wujud, ternyata memberi kelebihan kepada PAS dan parti lain dalam APU untuk menandingi UMNO terutamanya di negeri yang majoriti masyarakatnya Melayu.[406]

Kemenangan PAS di Kelantan pada PRU-8 (1990) membuka ruang kepada PAS melaksanakan syariat Islam di negeri tersebut memandangkan usaha mendaulatkan syariat Islam menjadi asas perjuangan PAS.[407] PAS menjadikan syariat Islam sebagai panduan

[405] Lihat Mohd Sayuti Omar. *Dilema Politik Kelantan. Mampukah BN Gugat Angkatan*? Kuala Lumpur: Tinta Merah. 1994, hlm. 20-21.

[406] Kerjasama PAS dalam APU memberi tekanan kepada UMNO terutamanya selepas PAS menang besar pada PRU-8 (1990) dan berjaya menawan kembali Kelantan yang diperintah oleh UMNO sejak PRU-5 (1978). Kejayaan PAS memenangi semua kerusi DUN dan Parlimen menamatkan penguasaan UMNO dan BN selama 12 tahun di Kelantan. Negeri Kelantan menjadi negeri pertama yang dikuasai oleh PAS setelah berlakunya proses Islamisasi pada awal tahun 1980-an. Sebagai sebuah negeri yang majoriti penduduknya Melayu dan beragama Islam, dasar pentadbiran yang bersendikan konsep 'Membangun Bersama Islam' diperkenalkan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat (Nik Aziz) setalah dilantik menjadi Menteri Besar. Pelaksanaan dasar Islam sebagai *Ad-din* direalisasikan dengan tema "Membangun Bersama Islam" dengan semua dasar dalam bidang pentadbiran, pembangunan serta perundangan digubal dengan berpandukan al-Quran, Al-Hadis, Al-Ijmak dan Al-Qias dengan mengaplikasikan segala ruang atau bidang kuasa undang-undang dan keupayaan yang ada pada pentadbir kerajaan negeri. Lihat Dewan Ulamak PAS Pusat. *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*. Kuala Lumpur: Nufairstreet Sdn. Bhd. 2009, hlm. 130.

[407] Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Pindaan 2001), Fasal 5 (1)

University of Malaya

berpolitik bagi mencari keredhaan Allah SWT.[408] Bagi memperkasakan agenda 'Membangun Bersama Islam', Kerajaan PAS Kelantan mengusulkan pelaksanaan hudud setelah draf undang-undang tersebut disiapkan pada 1 Julai 1992. Kerajaan Negeri Kelantan mengumumkan bahawa draf rang undang-undang itu "telah disediakan oleh satu jawatankuasa dan disemak serta diluluskan oleh Jemaah Ulama Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan Mufti Negeri setelah mengambil kira semua sudut syariah Islam".[409]

Pada 17 Oktober 1993, seminar mengenai hudud dianjurkan oleh Semangat 46 di Kuala Lumpur.[410] PAS juga telah menganjurkan "Hari Hudud" di seluruh negara bagi memberi pemahaman kepada masyarakat terutamanya masyarakat bukan Islam berkaitan hudud.[411] Pada 17 November 1993, Kerajaan Kelantan menganjurkan Majlis Taklimat Undang-Undang Syariah II (Hudud) yang turut dihadiri oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas.[412] Dalam majlis tersebut, Nik Aziz menyatakan:

> "Hak menggubal dan menguatkuasakan hukum hudud sebenarnya terletak di tangan Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, sekiranya mereka tidak mahu melaksanakannya, hak itu boleh diberikan kepada mana-mana Kerajaan Negeri dengan cara meminda Perlembagaan Persekutuan"[413]

---

[408] Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Pindaan 2001), Fasal 6 (2)

[409] Lihat Mohammad Hashim Kemali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu.* Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd. 2003, hlm. 36.

[410] Seminar bertajuk "Cadangan Pelaksanaan Undang-Undang Islam Negeri Kelantan" telah diadakan di Hotel Concorde, Kuala Lumpur. Seminar anjuran parti Semangat 46 tersebut bukan sahaja dihadiri oleh wakil parti politik yang sehaluan dengan penajanya, malah dihadiri juga oleh beberapa pertubuhan Belia seperti ABIM, Persatuan-persatuan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Tempatan, Badan-badan Islam, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Wanita Malaysia. Beberapa orang penganut agama Buddha juga hadir. Semasa Seminar, Haji Hadi yang bertindak selaku Pengerusi Jawatankuasa Penggubal Enakmen telah membentangkan kertas cadangan "Enakmen Jenayah Syariah Negeri Kelantan". Turut hadir dalam majlis tersebut ialah ahli panel pakar rujuk, Tun Salleh Abbas, Daud Mohammad, Kadi Besar Negeri, Exco Negeri iaitu Halim Mohammad.

[411] Laporan Tahunan PAS Pusat. Sesi 1998/1999.

[412] Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. 2011, hlm. 79.

[413] *Harakah*. 22 November 1993.

University of Malaya

Pada 20 November 1993, buat pertama kalinya Draf Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang terkandung di dalamnya hukum hudud dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan. Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz sewaktu membentangkan Rang Undang-Undang, menyatakan tindakan ini merupakan satu amanah yang besar.[414] Pada 25 November 1993, rang undang-undang tersebut diluluskan dengan keputusan sebulat suara melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS dan termasuk dua orang ADUN dari UMNO.[415]

Nik Aziz sebagai Menteri Besar juga menjelaskan bahawa dengan meluluskan rang hudud ini, kerajaan negeri telah "melaksanakan tugas sejajar dengan kehendak Islam" dan kegagalan untuk melaksanakannya adalah "suatu dosa yang sangat besar".[416] Nik Aziz turut menyatakan bahawa "Sultan Kelantan telah memberi persetujuan terhadap Enakmen tersebut". Perundangan Negeri Kelantan telahpun meluluskan Rang Undang-Undang Hudud dan rang undang-undang tersebut telahpun menjadi satu Enakmen. Walau bagaimanapun, Nik Aziz selaku Menteri Besar Kelantan membuat kenyataan bahawa rang hudud "tidak boleh dilaksanakan sehingga Kerajaan Pusat membuat perubahan kepada Perlembagaan Persekutuan".[417]

---

[414] Ucapan YAB Menteri Besar Kelantan ketika membentangkan Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Dlm. Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Perlaksanaan Hukum Hudud Di Kelantan.* Kota Bharu: Telda Corporation Sdn. Bhd. 1994, hlm. 19.

[415] Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*, hlm. 80. Lihat juga Yusri Yusof. *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daisii Communication. 1995, hlm, 155. Lihat juga Mohammad Hashim Kamali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*, hlm. 35.

[416] *New Straits Times*, 25 November 1993. Lihat juga Mohammad Hashim Kamali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*, hlm. 41.

[417] Kenyataan tersebut jelas merupakan suatu pengakuan pihak kerajaan negeri bahawa dengan meluluskan Rang Undang-undang Hudud, perundangan negeri telah melampaui bidang kuasanya di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan meneruskan tindakan atas suatu perkara yang jatuh di bawah kuasa persekutuan yang dinyatakan dalam Senarai Persekutuan (Jadual Ke-Sembilan, Senarai 1 Perlembagaan Persekutuan). Lihat Mohammad Hashim Kemali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*, hlm. 35.

University of Malaya

Sejak rang hudud diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan, isu tersebut menjadi perdebatan hangat di Malaysia terutamanya antara PAS dan UMNO. Beberapa isu telah timbul berkaitan dengan Rang Hudud Kelantan sehingga menjadi perdebatan antara pihak PAS dan UMNO seperti isu berkaitan dengan perlembagaan dalam melaksanakan hukum hudud. PAS berpendapat undang-undang sekular tidak membantu mengurangkan jenayah sehingga kadar jenayah semakin meningkat dalam masyarakat. Justeru itu, hudud perlu dilaksanakan bagi membolehkan masyarakat membuat perbandingan tentang keberkesanan kedua-dua undang tersebut.[418]

Mahathir menegaskan bahawa UMNO tidak menolak undang-undang hudud tetapi hanya menolak undang-undang yang dicipta oleh PAS untuk kepentingan politik. Mahathir menyatakan bahawa PAS 'hanya berminat dengan kepentingan politik' dengan menggunakan isu ini bagi persediaan untuk pilihan raya. Konflik berlaku antara kerajaan Kelantan di bawah pemerintahan PAS dengan kerajaan persekutuan yang ditunjangi UMNO terutama dalam melaksanakan hukum hudud. Penolakan hukum hudud PAS Kelantan oleh kerajaan UMNO pimpinan Mahathir adalah bersandarkan kepada beberapa alasan. Pertama, kerajaan persekutuan berpendapat hukum hudud bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Kedua, hukuman tersebut sukar dilaksanakan di negara ini kerana masyarakat tidak seratus peratus Islam.[419] Pada 3 Mac 1994, Mahathir atas kapasitinya sebagai Perdana Menteri mencabar Kelantan melaksanakan hudud di hadapan orang bukan Islam. Ketiga, Mahathir berpendapat, wujud ketidakadilan pada Rang Hudud

[418] Ucapan YAB Menteri Besar Kelantan ketika membentangkan Enakmen Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Dlm. Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Perlaksanaan Hukum Hudud Di Kelantan*, hlm. 10-11.
[419] Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*, hlm. 80.

University of Malaya

PAS dalam mengenakan hukuman kepada mangsa kerana didakwanya enakmen tersebut mengetepikan prinsip keadilan Islam.[420]

Rang Hudud PAS disifatkan gagal untuk mengutamakan kesaksamaan atau keadilan sosial dan hakikat masyarakat majmuk di Malaysia. Undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara ini yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Sebagai contoh, jika dua orang iaitu orang Islam dan orang bukan Islam melakukan sesuatu jenayah, pesalah Islam akan dihukum seperti dipotong tangannya sementara pesalah bukan Islam hanya dikenakan hukuman ringan seperti denda ataupun penjara.[421] Mahathir turut berhujah:

> "Menghukum orang Islam dengan lebih berat tetapi orang bukan Islam dengan amat ringan untuk jenayah yang sama atau jenayah yang dilakukan bersama-sama amatlah tidak adil dan merupakan satu kezaliman, sedangkan undang-undang Islam adalah untuk keadilan."[422]

Mahathir sebaliknya berpendapat, hukuman yang dikenakan mestilah adil. Jika berlaku ketidakadilan, hal yang demikian ini adalah bertentangan dengan semangat keadilan dalam ajaran Islam dan undang-undang tersebut semestinya ditolak.[423] Tambahan pula, bagi Mahathir:

> "Hukum hudud Islam bertujuan untuk memberi keadilan kepada semua pihak. Ia bukanlah bertujuan untuk melakukan kezaliman. Undang-undang PAS jelas menunjukkan ketidakadilan den kezaliman yang ketara akan berlaku. Justeru itu, undang-undang yang disediakan oleh PAS bukanlah undang-undang yang menepati ajaran Islam. Ia hanyalah undang-undang ciptaan PAS yang bertentangan dengan penekanan oleh agama Islam yang menuntut supaya menghukum secara adil dan menolak sebarang kezaliman."[424]

---

[420] *Berita Harian*, 10 September 1994. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-isu Agama*, hlm. 16.
[421] Temubual bersama Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Disember 2014.
[422] Surat Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad bertarikh 15hb Julai 1994 ini telah dihantar kepada Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dipetik daripada Yusri Yusof. *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daiisi Communication. 1995, hlm. 151.
[423] Temubual bersama Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Disember 2014.
[424] Petikan surat Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad bertarikh 15hb Julai 1994 ini telah dihantar kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dipetik daripada Yusri Yusof. *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*, hlm. 153.

University of Malaya

Mahathir selaku Perdana Menteri pernah menghantar surat amaran kepada Menteri Besar Kelantan (Nik Aziz) berhubung hasrat kerajaan Kelantan untuk menguatkuasakan Enakmen Hudud. Amaran tersebut terkandung dalam surat kepada Menteri Besar Kelantan yang bertarikh 8 Jun 1994 sebagai jawapan kepada surat Menteri Besar Kelantan bertarikh 21 Mac 1994.[425] Mahathir memberi amaran akan mengambil tindakan tegas jika Kerajaan Kelantan menguatkuasakan "Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kelantan". Kerajaan Pusat tidak dapat membenarkan Kerajaan PAS Kelantan menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan Islam. Justeru itu, Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan sewajarnya kepada kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam.[426] Tambah Mahathir lagi:

> "Kerajaan pusat tidak berhajat untuk bersubahat dengan PAS bagi melaksanakan ketidakadilan semata-mata untuk kepentingan politik dan sokongan oleh orang yang telah diabui matanya. Kerajaan Malaysia yang sentiasa dan terus mempertahankan ajaran dan nilai-nilai Islam tidak dapat membenarkan kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditekankan oleh Islam sendiri. Jika PAS cuba untuk menguatkuasakan undang-undang yang diciptanya yang sudah jelas bercanggah dengan prinsip keadilan Islam, kerajaan pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam dan penganut-penganutnya."[427]

Di Terengganu pula, kemenangan besar PAS di Terengganu pada Pilihan Raya Umum 1999 membolehkan PAS kembali menguasai negeri tersebut. Terengganu di bawah kerajaan PAS pimpinan Haji Hadi sebagai Menteri Besar menggunakan slogan

---

[425] Lihat Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-isu Agama*, hlm. 16.

[426] Mahathir mengumumkan bahawa *"kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Kerajaan PAS Kelantan sekiranya melaksanakan hukum hudud ciptaan PAS"*. Undang-undang yang dicadangkan itu tidak dapat dilaksanakan kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan persekutuan tidak dapat membenarkan Kerajaan PAS melaksanakannya kerana bertentangan dengan semangat keadilan dalam Islam. "*kita akan menyekat sesiapa yang cuba melaksanakan undang-undang ini dan kita mempunyai peruntukan yang memadai dalam Perlembagaan Persekutuan untuk mengambil tindakan sedemikian".* Mahathir menambah bahawa *"UMNO tidak menolak undang-undang hudud tetapi kita menolak undang-undang yang dicipta oleh PAS untuk kepentingan politik*". Lihat *New Straits Times*. 10 September 1994. Lihat juga Mohammad Hashim Kemali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*, hlm. 43-44.

[427] Surat Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad bertarikh 15hb Julai 1994 ini dihantar kepada Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dipetik daripada Yusri Yusof. *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*, hlm. 153-154.

University of Malaya

"Membangun Menurut Islam". Selepas Kelantan, Terengganu muncul sebagai negeri kedua yang bertindak mewartakan Undang-undang Hudud di negeri itu yang dikenali sebagai Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002.[428]

Pada 7 Julai 2002, Rang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) dibentang di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Rang tersebut dicadangkan oleh Menteri Besar, Haji Hadi dan disokong oleh 28 ADUN yang mewakili pihak kerajaan. Tiga ADUN pembangkang daripada UMNO iaitu Abdul Rashid Ngah (ADUN Seberang Takir), Abu Bakar Ali (ADUN Kemasik) dan Rasol Wahid (ADUN Ajil) tidak menyokong manakala Tengku Putera Awang (ADUN Telemong) tidak hadir.[429] Setelah dibahaskan selama dua hari, pada 8 Julai 2002, enakmen tersebut diluluskan oleh DUN Terengganu. Ketika menggulung perbahasan, Haji Hadi selaku Menteri Besar menyatakan bahawa kerajaan negeri membentangkan rang undang-undang berkenaan adalah untuk memenuhi tuntutan Islam dan rakyat. Enakmen tersebut kemudiannya dipersembahkan kepada Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin pada 25 Julai 2002.[430]

Sama seperti yang berlaku kepada Kerajaan PAS Kelantan, Mahathir turut memberi amaran akan mengambil tindakan tegas tanpa kompromi kepada Kerajaan Terengganu jika menguatkuasakan "Enakmen Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002" yang juga dikira bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Pada masa sama, Mahathir turut menegaskan, negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan BN tidak akan melaksanakan hukum hudud.[431]

---

[428] Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*, hlm. 82.
[429] *Warta Darul Iman*, 22 Julai 2002.
[430] *Warta Darul Iman*, 22 Disember 2003.
[431] *Mingguan Malaysia*. 3 Mei 1992. Lihat juga Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-isu Agama*, hlm. 16-17.

University of Malaya

Justeru itu, persaingan dekad 1990-an didapati banyak diwarnai dengan isu 'hudud' yang menjadi bahan politik. Ulasan isu hudud seringkali dipolitikkan atas pelbagai kepentingan. UMNO semasa pemerintahan Mahathir tidak bersetuju dengan cadangan hudud yang dibawa oleh PAS. PAS sejak dahulu menyebut tentang perlaksanaan hudud sehingga kelihatan pada mata umum PAS dan hudud bagaikan isi dan kulit. Ternyata, isu hudud dilihat telah menjauhkan UMNO dengan PAS terutamanya selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan meluluskan Rang Undang-undang Hudud pada bulan November 1993 untuk dikuatkuasakan.[432]

Isu Negara Islam dan Negara Sekular Dalam Persaingan Politik Melayu

Kewujudan PAS sebagai parti politik yang terpisah daripada UMNO menjadikan persaingan memperkasakan Islam menjadi semakin mencabar. Situasi ini boleh dilihat sejak sebelum merdeka setelah kedua-dua parti mendakwa perjuangan untuk meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan adalah hasil cadangan dan tuntutan mereka kepada Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan untuk menggubal perlembagaan. PAS mendakwa parti tersebut mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Reid dengan mencadangkan agama Islam perlu dijadikan agama rasmi negara berasaskan kepada keyakinan bahawa ajaran Islam mampu untuk memandu kemajuan negara dari segi politik.[433]

[432] Lihat Mohammad Hashim Kemali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*, hlm. 29.
[433] Lihat Nik Anuar Nik Mahmud. PAS dan Perlembagaan Tanah Melayu. Dlm. Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015, hlm. 16-17.

University of Malaya

Peruntukan Islam sebagai agama bagi persekutuan yang termaktub dalam perlembagaan[434] kemudiannya menimbulkan perdebatan antara UMNO dan PAS tentang status negara ini sama ada negara sekular atau negara Islam. Kedua-dua parti mempunyai pendapat yang berbeza dalam mentafsirkan sama ada negara ini merupakan sebuah negara Islam ataupun negara sekular. Sehingga kini, isu ini masih menjadi perdebatan. UMNO dan PAS mentafsirkan kedudukan Islam dalam perlembagaan daripada sudut yang berbeza sama ada Islam itu hanyalah sekadar agama atau *ad-din*. Jika Islam hanyalah sekadar agama seperti yang difahami mengikut konsep Barat, negara ini merupakan negara sekular. Sebaliknya, jika Islam sebagai *ad-din* seperti yang dimaksudkan dalam al-Quran, negara ini merupakan negara Islam.

Bagi UMNO, semua prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, menjadi pegangan politik parti tersebut sehingga perjuangan memperkasakan Islam di negara ini oleh kerajaan yang diterajui UMNO adalah bersandarkan kedudukan Islam sebagai agama bagi persekutuan. UMNO berusaha menzahirkan niat dan tindakan yang dilihat sederhana bagi menjuarai usaha untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia melalui contoh kefahaman dan pengamalan Islam yang progresif. UMNO juga dilihat mahu mengekalkan kerelavanan peranannya dalam memperjuangkan Islam di Malaysia dan menawarkan contoh kepada negara Islam lain. UMNO berusaha meyakinkan rakyat bahawa parti tersebutlah yang sebenarnya memperjuangkan kedaulatan Islam, bukannya PAS.

[434] Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan dan turut memperakui bahawa agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam persekutuan. Lihat Perkara 3 (1) *Perlembagaan Persekutuan.* 2008, hlm. 1.

University of Malaya

PAS pula berpendapat, UMNO tidak serius untuk meniupkan roh Islam dalam pentadbirannya. Buktinya, ulama UMNO tidak diberi kedudukan dan jawatan penting dalam kerajaan. Bagi PAS, jika benar UMNO mahu menjadi juara dalam mendaulatkan Islam, UMNO harus menerima Islam secara keseluruhan dan melaksanakannya dalam segenap aspek kehidupan masyarakat. PAS juga sentiasa berusaha untuk memposisikan Islam sebagai dasar perjuangan sudah semestinya mahukan Islam dijadikan 'ideologi negara' bagi mencorakkan negara dengan Islam sebagai elemen utamanya. PAS menyifatkan selagi al-Quran dan al-Sunnah tidak mendapat tempat dalam Perlembagaan Persekutuan, selagi itulah negara ini akan terus dikenali sebagai negara sekular.

Penubuhan sebuah negara Islam memerlukan perancangan terperinci bagi membolehkan sesebuah negara Islam itu dilaksanakan mengikut kehendak Islam. Kegagalan untuk menanganinya boleh mencemarkan imej Islam itu sendiri. Justeru itu, pertembungan dalam mentafsirkan konsep 'Negara Islam' mengikut acuan tersendiri merupakan cabaran besar bagi mengelakkan imej Islam dirosakkan untuk kepentingan politik. Hal yang demikian ini, didapati, terdapat perbezaan dan kelainan konsep "negara Islam" dalam perspektif UMNO dan PAS dengan terdapat perbezaan tafsiran dan pemahaman antara kedua-dua parti berhubung status Malaysia sama ada sebagai sebuah negara Islam atau sebaliknya.[435]

Disebabkan perbezaan dalam mentafsir dan memahami konsep negara Islam, polemik mengenai konsep negara Islam yang melibatkan UMNO dan PAS tidak berkesudahan dan gagal menemui noktah. Kedua-dua parti mendakwa ingin melaksanakan

[435] Lihat Kamaruddin Salleh. Politik Melayu: Konsep Negara Islam UMNO dan PAS. Dlm. *Jurnal Islamiyyat*. Vol. 28. 2006. 79-107, hlm. 85.

University of Malaya

negara Islam mengikut acuan masing-masing. Hal yang demikian ini kerana, Islam tidak menggariskan format yang tetap sebagai konsep negara Islam. Malah, takrif dan ciri-ciri negara Islam merupakan perkara yang tidak disepakati oleh para ulama. Ulama tidak sependapat tentang ciri-ciri dalam menentukan identiti sebenar negara Islam. Justeru itu, timbul perdebatan dalam memberi definisi yang tepat bagi menentukan negara Islam sehingga isu negara Islam menjadi modal perdebatan antara UMNO dan PAS. Tidak ada definisi yang tepat tentang konsep negara Islam.[436]

Peruntukan Islam sebagai agama persekutuan dalam perlembagaan tidaklah membawa maksud bahawa negara ini mengamalkan dasar dan sistem Islam, tetapi melaksanakan sistem sekular seperti yang diamalkan di Indonesia dan Mesir.[437] Dalam Kertas Putih Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Reid, dicadangkan agar mempertahankan kedudukan asal Tanah Melayu sebagai sebuah negara sekular, iaitu:

> "Agama bagi Malaya adalah Islam, kepatuhan pada prinsip ini tidaklah menjadi halangan kepada orang bukan Islam bagi menyebar dan mengamalkan agama mereka dan tidak boleh ditakrifkan sebagai negara bukan sekular".[438]

Pada awal penubuhan UMNO dan PAS, isu sama ada negara ini merupakan negara Islam atau negara sekular bukanlah menjadi isu besar dalam persaingan politik antara kedua parti. PAS yang merupakan parti berideologi Islam sememangnya menjadikan matlamat menubuhkan sebuah negara Islam sebagai keutamaan parti tersebut jika diberi kuasa memerintah. UMNO pula tidak menganggap penubuhan sebuah negara Islam merupakan satu keutamaan dalam perjuangan politik parti tersebut. Bahkan, sebagai pertubuhan politik

[436] Temubual bersama Tun Mahathir pada 3 Disember 2014.
[437] Lihat Suhaimi Said. *Orang Melayu di Sisi Perlembagaan*. Temerloh: Penerbitan Ujud. 1984, hlm. 58.
[438] Ibid., hlm. 58.

University of Malaya

Melayu paling awal, UMNO boleh dirumuskan tidak mempunyai idea langsung tentang konsep negara Islam.[439]

Malaysia (Tanah Melayu) di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman mengakui bahawa negara ini bukanlah sebuah negara Islam sebaliknya merupakan sebuah negara sekular. Kepimpinan UMNO pada zaman Tunku Abdul Rahman menolak andaian yang menyatakan negara ini merupakan negara Islam dengan Islam tidak menjadi ideologi negara dan negara ini bukan mengamalkan dasar Islam.[440] Nada yang sama turut diulangi oleh Tunku Abdul Rahman semasa menyambut hari lahirnya yang ke-80 supaya UMNO jangan menjadikan negara ini sebagai negara Islam yang tulen.[441]

Komitmen terhadap Islam tetap berlaku tanpa memikirkan status negara ini memandangkan Islam merupakan agama yang dianuti oleh orang Melayu. Hussein Onn misalnya, ketika menjadi Perdana Menteri telah menunjukkan komitmen terhadap Islam. Malah, menegaskan bahawa ketinggian agama Islam di Malaysia adalah atas daya usaha UMNO.[442] Walau bagaimanapun, Hussein Onn menegaskan kerajaan tidak bercadang

University of Malaya

[439] Lihat Kamarudin Salleh. Negara Islam Dalam Wacana UMNO, PAS dan ABIM. Dlm. Abdull Rahman Mahmood et.al. *Survival Politik Muslim Malaysia*, hlm. 41.

[440] "*Saya bukan menjelaskan bahawa negara ini bukanlah sebuah negara Islam sebagaimana difahamkan secara umumnya, kita cuma memperuntukkan Islam hendaklah menjadi agama rasmi negara*" kata-kata Tunku Abdul Rahman dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 1958. Kenyataan ini dipetik daripada Laporan Rasmi Perdebatan Majlis Perundangan, 1 Mei 1958. Lihat Suhaimi Said. *Orang Melayu Di Sisi Perlembagaan*, hlm. 59.

[441] Tunku Abdul Rahman menjelaskan *"The country has a multi racial population with various beliefs. Malaysia must continue as a secular state with Islam as the official religion"* Lihat *The Star*. 9 Februari 1983. Lihat juga Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 31.

[442] *Watan*. 16 September 1978. Lihat juga Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 63.

untuk menggubal satu perlembagaan baru yang sesuai dengan undang-undang Islam bagi menggantikan Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada.[443]

UMNO menyedari bahawa, walaupun meneruskan 'tradisi negara sekular,'[444] usaha yang berterusan terutamanya usaha yang dilaksanakan oleh parti tersebut dalam memperkasakan Islam di negara ini mengubah sistem pemerintahan negara kepada sebuah negara Islam. Justeru itu, tidak timbul lagi polemik yang mengatakan negara ini merupakan negara sekular setelah pelbagai usaha dilakukan oleh pemerintah bermula dari tahun 1980-an yang seiring dengan kebangkitan semula Islam. UMNO berpendapat, usaha berterusan parti tersebut semenjak merdeka dalam melaksanakan pembangunan Islam membolehkan Malaysia diberi label sebagai 'Negara Islam'. UMNO menolak pelabelan bahawa Malaysia adalah negara sekular dengan berlandaskan fakta bahawa, kerajaan secara berterusan dan sistematik berusaha mempromosikan nilai Islam dalam urusan kerajaan, pentadbiran dan masyarakat sedangkan negara sekular itu dipersepsikan sama sekali menolak kepercayaan kepada Tuhan, hari akhirat dan pemisahan dunia serta akhirat secara total.[445]

Pengumuman oleh Mahathir pada 29 September 2001 (selepas Peristiwa 11 September 2001) bahawa Malaysia sebagai sebuah 'Negara Islam' membuka lembaran baru kepada perdebatan mengenai status Malaysia sama ada sebagai sebuah negara Islam atau sekular. Pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Ke-30 Parti GERAKAN pada 2001, Mahathir menjelaskan:

---

[443] *Utusan Malaysia*. 10 September 1980. Lihat juga Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 30.
[444] Lihat Funston, N. J. *Malays Politics in Malaysia. A Study of UMNO and PAS*, hlm. 146.
[445] Lihat Kamaruddin Salleh. Politik Melayu: Konsep Negara Islam UMNO dan PAS. Dlm. *Jurnal Islamiyyat*, hlm. 85.

University of Malaya

> "Baru-baru ini Presiden PAS mencabar UMNO mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam. Harapan PAS ialah apabila UMNO mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam maka rakan-rakan bukan Islam dalam Barisan Nasional akan menentang UMNO seperti DAP menentang PAS kerana cadangan PAS untuk mendirikan Malaysia sebagai negara Islam. UMNO ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam. Pendapat ini berasas kepada pendapat ramai daripada ulama-ulama di zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dianya negara Islam. Untuk pengetahuan umum seorang ulama telah menulis buku yang bertajuk Malaysia adalah sebuah negara Islam".[446]

Perisytiharan secara rasmi bahawa Malaysia merupakan sebuah 'Negara Islam' berasaskan kepada pendapat ramai daripada ulama zaman dahulu sama sekali menolak kefahaman dan pegangan PAS yang menyifatkan sebaliknya. Pada masa sama, tindakan tersebut merupakan suatu pemaparan berani dan terbuka, memandangkan sebelumnya tidak pernah muncul dalam kalangan pemimpin UMNO yang berkesanggupan membuat perisytiharan serupa.[447]

Perkembangan politik berikutan perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Mahathir menyebabkan wujud pertikaian sehingga menjadikan persaingan politik UMNO dengan PAS terutamanya selepas tahun 2001 semakin sengit. Perisytiharan tersebut menimbulkan reaksi yang berbeza dalam kalangan masyarakat dan juga parti politik. UMNO berpendapat, penubuhan parti itu yang walaupun kaya dengan semangat keMelayuan tulen berasaskan nasionalisme, tetapi sedikit demi sedikit diisi oleh Islam. Bagi UMNO, sebagai salah satu parti yang memainkan peranan besar dalam meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, sudah tentu parti itu berusaha untuk mengekalkan kedudukan tersebut di samping memastikan perjuangan menegakkan Islam yang terkandung dalam Perlembagaan UMNO terus terpelihara. Oleh kerana Islam merupakan

---

[446] Ucapan Mahathir Mohamad di Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Ke-30, Parti Gerakan Malaysia di Menara PGRM, Kuala Lumpur pada 29 September 2001.

[447] Lihat Mohamad Abu Bakar. Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik di Malaysia. Dlm. *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002, hlm. 162.

University of Malaya

agama persekutuan, Melayu pula sinonim dengan Islam, oleh itu kekuatan orang Melayu dalam UMNO juga bererti kekuatan Islam.[448]

Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam sistem pentadbiran dan perundangan Islam sudah cukup untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Tambahan pula, Malaysia sudah jauh ke hadapan sebagai sebuah negara Islam dan melaksanakan pelbagai tuntutan Islam seperti Undang-undang Syariah dan nilai Islam dalam pentadbiran. Malaysia merupakan sebuah negara Islam adalah berlandaskan faktor bahawa Malaysia tidak menentang ajaran Islam. Malah, kerajaan sesuaikan pelaksanaan Islam mengikut kehendak agama Islam dengan orang Islam di negara ini bebas mengamalkan ajaran Islam.[449]

UMNO berpendapat, Malaysia tidak boleh dianggap sebagai sebuah negara sekular memandangkan tidak ada negara sekular yang meluluskan undang-undang berkaitan dengan kepentingan kebajikan dan pembangunan sesuatu agama. Malah, Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang paling moden dan progresif di dunia apabila kalangan bukan Islam sendiri memberi sokongan dalam parlimen terhadap kelulusan undang-undang mengenai penubuhan institusi Islam seperti Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Tabung Haji dan memperkenalkan kursus Tamadun Islam di universiti tempatan. Mahathir turut menegaskan bahawa Malaysia dianggap oleh negara Islam lain sebagai negara contoh. Negara Islam lain amat berbangga dan kagum dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam maju.[450]

---

[448] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 57.
[449] Temubual bersama Tun Mahathir pada 3 Disember 2014.
[450] Teks Ucapan Dr. Mahathir Mohamad (Presiden UMNO) pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada Jumaat 5 September 1997 yang bertajuk "Menebus Maruah

University of Malaya

Malaysia juga merupakan model negara Islam yang baik kerana rakyat pelbagai bangsa dan agama selesa dengan sebuah negara pimpinan orang Islam yang mengamalkan Islam yang sebenarnya yang mana pembelaan sewajarnya kepada semua kaum tidak pernah diketepikan. Pada masa sama, Perlembagaan Malaysia tidak perlu dipinda kerana telah memenuhi prinsip-prinsip asas Piagam Madinah sekaligus mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang menepati ajaran Islam. UMNO turut berhujah bahawa, Perlembagaan Malaysia mengambil semangat Piagam Madinah setelah meletakkan Islam sebagai agama persekutuan dengan memberikan kebebasan kepada rakyat bukan Islam mengamalkan agama masing-masing.[451]

Tindakan UMNO yang mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam ternyata tidak diterima oleh PAS. PAS sebagai pesaing UMNO, tidak dapat menerima pendirian ini dengan mempersoalkan peruntukan perundangan yang tidak ada kerana, tanpa peruntukan undang-undang, mustahil untuk dilaksanakan.[452] PAS turut mempertikaikan pengumuman Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Mahathir dan mendakwa tindakan UMNO tidak berasas sama sekali. Pada PAS, perisytiharan tersebut telah menimbulkan kekeliruan kerana Malaysia tidak mencukupi syarat-syarat sebagai negara Islam. PAS menyifatkan konsep tersebut sebagai "negara Islam ala-UMNO" disebabkan pengisytiharan dibuat tanpa hujah yang mantap.[453]

Bangsa dan Agama". Dlm. Ahmad Fauzi Mohd Basri dan Mohd Foad Sakdan. *Melangkah Ke Alaf Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005, hlm. 334-335.

[451] Lihat Sivapepegasam, R. *Perisytiharan Malaysia sebagai Negara Islam: Bantahan PAS dan DAP*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti. 2010, hlm. ix.

[452] Lihat Kamaruddin Salleh. Politik Melayu: Konsep Negara Islam UMNO dan PAS. Dlm. *Jurnal Islamiyyat*, hlm. 85.

[453] Lihat Kamarudin Salleh. Negara Islam Dalam Wacana UMNO, PAS dan ABIM. Dlm. Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015, hlm. 35.

University of Malaya

PAS juga turut berpandangan bahawa UMNO tidak mampu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam memandangkan penubuhan negara Islam bukan menjadi matlamat UMNO sebaliknya merupakan matlamat PAS. PAS mahukan parti tersebut yang menubuhkan negara Islam dan bukannya UMNO. PAS yang sentiasa berjuang untuk menubuhkan negara Islam dan menjadi asas kepada perjuangan sudah semestinya tercabar dan apalah ertinya perjuangan PAS jika Malaysia sudah menjadi negara Islam. PAS mahu membuktikan negara Islam yang terbentuk atas daya usaha perjuangan PAS dan jika negara Islam dibentuk oleh UMNO sekalipun, PAS tetap menganggap tindakan tersebut bukan daripada tekanan PAS. PAS seterusnya mendakwa kedudukan Islam di negara ini sebagai 'Islam yang diperintah' dan bukannya 'Islam yang memerintah' menjadi pokok perdebatan yang nyata lebih memihak kepada PAS yang tidak berganjak daripada pendiriannya untuk meletakkan Islam kembali bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sehingga menyukarkan usaha untuk mewujudkan persefahaman antara kedua parti Melayu-Islam tersebut.[454]

Keengganan Mahathir mengulangi perisytiharan tersebut di parlimen, di samping menolak cadangan untuk meminda perlembagaan, ditafsirkan oleh PAS sebagai tindakan yang bersandarkan kepada beberapa tujuan. Pertamanya, bagi meningkatkan martabat serta imej keIslaman pemerintah yang ditunjangi oleh UMNO. Kedua, bagi meneutralisasi cabaran dan desakan PAS yang mencanang idealisme mereka sejak sekian lama untuk mendirikan sebuah kerajaan Islam di Malaysia jika ditakdirkan mereka berkuasa. Ketiga, bagi mengembalikan sokongan orang Melayu-Islam selepas merosotnya sokongan mereka terhadap UMNO dalam PRU-10 (1999). Bagi PAS, Malaysia belum lagi mencapai sebuah

[454] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO–PAS Dalam Isu Islamisasi*, hlm. 5.

University of Malaya

negara Islam tulen. Segala langkah selama ini masih belum mencukupi dan belum memenuhi tuntutannya. Oleh itu, PAS berusaha menjayakan wawasan tersebut walaupun mendapat tentangan hebat dari golongan bukan Islam. Sehubungan dengan itu, PAS mengeluarkan buku "Dokumen Negara Islam" (DNI) yang dilancarkan pada 12 November 2003 sebagai panduan menjayakan sebuah negara Islam dan sekaligus membuktikan bahawa PAS tidak mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam seperti yang dinyatakan oleh pemerintah UMNO.[455]

DNI setebal 53 halaman disifatkan oleh Hadi Awang sebagai dokumen yang sangat penting dalam sejarah perjuangan PAS. Malah, penyebaran DNI diharapkan dapat menjelaskan kepada rakyat tentang konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS yang bersifat hakiki (tulen) dan bukannya *taqlidi* (saduran).[456] Negara Islam yang menjadi cita-cita PAS ialah *Baldatun Taiyibatun Warabun Ghafur*, iaitu negeri yang baik dari Tuhan yang mengampuni. Dokumen tersebut sebagai panduan yang sarat dengan maklumat serta hujah berhubung perlaksanaan Negara Islam serta perundangan Islam atau hudud di Malaysia.[457]

PAS turut berpendapat ulasan dan pandangan pihak luar khususnya UMNO yang menyatakan perjuangan PAS menegakkan negara Islam ditolak oleh rakyat yang beragama Islam dan rakyat yang bukan beragama Islam. Oleh itu, mereka menyarankan supaya PAS mengkaji cita-cita politik yang lebih sesuai untuk masyarakat majmuk di negara ini. Sebahagian daripada mereka mencadangkan supaya PAS kembali menjadi sebuah

---

[455] Lihat Mohd Rumaizudin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia Dalam Era Mahathir*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. 2011, hlm. 199.
[456] *Dokumen Negara Islam*, hlm. 16.
[457] Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*, hlm. 83.

University of Malaya

pertubuhan politik yang mendukung perjuangan nasionalisme Melayu yang berteraskan Islam, dengan menggunakan bahasa yang lebih sinis, mereka menyindir "PAS perlu berpakaian Melayu semula bagi menggantikan lilitan serban seperti yang dipakai pada hari ini."[458]

Pada masa sama, dengan menyokong perjuangan Islam yang bersifat universal, PAS akan kehilangan sokongan daripada orang Melayu sedangkan, orang bukan Melayu tidak akan menerima Islam yang perjuangan oleh PAS. Justeru itu, PAS mestilah kembali kepada masyarakat Melayu dan berjuang untuk menegakkan kedaulatan bangsa Melayu yang berteraskan Islam sesuai dengan suasana politik negara yang kian menebal corak perkaumannya. Jika PAS bersedia mengubah dasarnya, PAS akan mendapat sokongan dan perjuangnya lebih dihormati.[459]

Kenyataan tersebut disangkal oleh Yusof Rawa dengan menyatakan tindakan itu sebagai lanjutan serangan dalam peperangan pemikiran yang tidak putus-putus terhadap perjuangan Islam yang didukung oleh PAS. Pertamanya, cuba meyakinkan masyarakat supaya perjuangan PAS untuk menegakkan Islam telah gagal. Kedua, meyakinkan masyarakat Melayu supaya tidak lagi memberikan sokongan kepada perjuangan Islam oleh PAS kerana perjuangan tersebut tidak akan mencapai kejayaan di dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Selain itu, mereka cuba menanam perasaan kecewa dalam kalangan ahli dan pemimpin PAS supaya *give-up* dengan perjuangan Islam. Berdasarkan

[458] Ucapan Dasar oleh Haji Yusof Rawa (Yang Dipertua Agung PAS) yang bertajuk "Teguhkan Jama'ah, Teruskan Jihad" dalam Muktamar PAS Ke-32 pada 26 September 1986 bertempat di Dewan PAS Rusila, Marang, Terengganu. Dlm. Kamaruddin Jaafar. *Memperingati Yusof Rawa*. Kuala Lumpur: IKDAS. 2000, hlm. 164.
[459] Ibid., hlm. 164.

University of Malaya

kepada tekanan tersebut, mereka (UMNO) berharap pemimpin PAS akan mengubah haluan perjuangan, menjadikan sebagai parti Melayu sahaja.[460]

Pada Jun 2011, PAS mulai mengambil isu politik yang lebih luas setelah PAS bersedia untuk menenggelamkan desakan bagi membentuk negara Islam demi menarik sokongan daripada lebih ramai bukan Islam dan juga orang Melayu yang lebih sekular pendiriannya setelah memilih gagasan "Negara Berkebajikan".[461] UMNO sebagai pesaing utama PAS, bangkit mendakwa perjuangan PAS telah melencong dan terbabas dari perjuangan asal iaitu menubuhkan negara Islam.

Dakwaan UMNO tersebut bagi PAS adalah tidak berasas dengan menyifatkan tidak ada perubahan dalam Perlembagaan PAS, Fasal 3 iaitu, tujuan PAS ialah *"memperjuangkan wujudnya dalam negara ini, sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukum menuju keredaan Allah S.W.T."* Taktik dan strategi boleh berubah mengikut keperluan tetapi dasar utama perjuangan parti tersebut tidak berubah. PAS menyifatkan parti itu konsisten dengan perjuangan Islam sejak dahulu sehingga kini. Tiada perubahan dalam soal dasar. PAS hanya mengubah pendekatan dan strateginya, sesuai dengan keperluan politik semasa, selama mana ianya bertepatan dengan garis panduan dalam al-Quran dan al-Sunnah.[462]

---

[460] Ibid., hlm. 165.
[461] *Dokumen Negara Islam*, hlm. 78.
[462] Isu yang dikatakan PAS mengorbankan perjuangan untuk menubuhkan kerajaan Islam bukanlah merupakan isu yang baru bagi PAS. Semasa PAS dibawah pimpinan Yusof Rawa juga timbul isu ini sehingga ditepis oleh Yusof Rawa dalam Ucapan Dasar Muktamar PAS ke-32 pada 26 September 1986 di Dewan PAS Rusila, Marang, Terengganu.

University of Malaya

Penutup

Dalam usaha pemerkasaan Islam di negara ini, didapati terdapat perbezaan ketara antara pegangan Islam yang diperjuangkan oleh PAS dan konsep Islam yang diperjuangkan oleh UMNO. Ternyata, kedua-dua parti tersebut mempunyai pendekatan dan penekanan tersendiri untuk merealisasikan cita-cita Islam. Perbezaan pendekatan juga telah menyebabkan banyak isu yang sering melingkari perjuangan UMNO dan PAS seperti isu hudud, kafir mengkafir, pembentukan negara Islam, proses Islamisasi dan sebagainya gagal untuk disepakati. Satu pihak ingin melihat Islam ditegakkan secara total sehingga terbentuknya sebuah negara Islam, manakala di satu pihak lagi mahu menjadikan Islam sebagai strategi bagi menyempurnakan kehendak umat Islam, sekadar menyesuaikan dengan tuntutan dan keadaan semasa. Adakalanya isu "siapa lebih Islam" turut menjadi fokus.

Bersandarkan kepada Perlembagaan UMNO dan PAS, kedua-duanya mempunyai dasar dan cita-cita politik yang jelas berbeza. Matlamat perjuangan PAS berbeza dengan matlamat UMNO. UMNO memperjuangkan dasar kebangsaan yang lebih bersifat sekular, manakala PAS berjuang untuk menegakkan sebuah negara Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun undang-undang dasar atau Perlembagaan UMNO dan PAS memberi ciri dan fungsi kedua-duanya merupakan pertubuhan politik, namun begitu yang mencorakkan perjuangan UMNO dan PAS dalam situasi semasa bukanlah perlembagaannya tetapi pemimpin utamanya.

University of Malaya

Era Mahathir menyaksikan zaman UMNO yang mengutamakan kepimpinan korporat telah bertembung dengan zaman PAS yang mengutamakan kepimpinan ulama. Dasar kepimpinan Mahathir menyamai dasar PAS di bawah Asri Muda dan Asri juga mempunyai cita-cita yang tidak begitu berbeza daripada Mahathir dalam mempertingkatkan Islam. Orientasi politik Fadzil Noor tidak begitu berbeza dengan Anwar Ibrahim dan Nakhaie Ahmad tetapi amat berbeza dengan Haji Hadi dan Nik Aziz. Abdullah Badawi yang dilihat pemimpin UMNO berjiwa Islam bagi menyaingi ketokohan pemimpin PAS juga berdepan tuntutan dalaman parti.

Dalam menyusurgalurkan peranan ke arah pemerkasaan Islam dalam persaingan politik UMNO dengan PAS, kedua-dua parti dilihat tersepit antara kepentingan politik dan kepentingan agama. Sudah menjadi lumrah pada satu pihak untuk tidak seia sekata dalam sesuatu isu. Bahkan yang dipentingkan perbezaan sebagai garis pemisah sehingga mempertajamkan lagi persaingan kedua-dua parti. Jika pemimpin UMNO turut serta bersama PAS dalam memperjuangkan sesuatu isu, UMNO bimbang jika penyokong parti tersebut ‘cabut lari’ terutamanya daripada BN. Begitu juga dengan PAS. Justeru itu, jalan terbaik ialah menjauhkan daripada sesuatu perkara yang boleh melukakan hati parti yang bergabung.

University of Malaya

BAB 4: PERSAINGAN MEREBUT KUASA DALAM POLITIK MELAYU

Pengenalan

Proses perkembangan kuasa politik yang melibatkan orang Melayu dapat difahami dengan melihat bagaimana persepsi dan hubungan orang Melayu dengan kuasa politik. Dari sudut pandangan orang Melayu, kuasa politik dianggap sebagai kuasa yang mampu menjamin dan melindungi nilai kehidupan seperti agama, bangsa dan negara. Selagi kuasa politik mampu untuk memenuhi keperluan tersebut, unsur kepatuhan dan kesetiaan akan wujud yang kemudiannya boleh diterjemahkan dalam bentuk sokongan kepada parti politik.

Semasa kewujudan Kerajaan Melayu Melaka, kuasa politik bersandarkan kepada raja. Raja mempunyai kuasa multlak dalam pemerintahan. Zaman penjajahan pula menyaksikan kuasa politik beralih kepada British dan selepas merdeka beralih pula kepada parti politik. Hal yang demikian ini bermakna, berlaku proses transformasi kuasa politik daripada raja kepada rakyat. Sejak merdeka, rakyat mempunyai penglibatan secara langsung dalam menentukan kuasa pemerintahan. Segala usaha yang dilakukan untuk memenangi kepercayaan orang Melayu dapat dibuktikan setiap lima tahun iaitu melalui proses pilihan raya.

Dalam sistem politik yang diamalkan di Malaysia, kerajaan dibentuk melalui pilihan raya. Ertinya rakyat mempunyai kuasa untuk menentukan parti politik yang layak diberi mandat untuk memerintah. Pada kebiasaannya, sesebuah parti atau gabungannya yang diberi kuasa menubuhkan kerajaan cuba sedaya upaya untuk meningkatkan taraf hidup

University of Malaya

rakyat dalam pelbagai aspek termasuk sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Pada masa sama, setiap ahli parti berusaha untuk memperlihatkan imej dan ciri-ciri kepimpinan yang mulia seperti jujur, amanah dan dedikasi. Maknanya, perwatakan yang positif lebih diutamakan. Sebaliknya, tidak mahu pemimpin yang mementingkan diri sendiri, tidak menepati janji, mengumpul kekayaan dan boros membelanjakan wang rakyat. Pilihan raya adalah ujian kepada perpaduan, semangat perjuangan, kerjasama serta kematangan parti, pemimpin dan ahli-ahli.

Kini, politik Melayu telah menjadi teras kepada perkembangan politik negara sehingga menyebabkan kuasa politik Melayu menjadi penting. Terdapat beberapa senario yang menggambarkan betapa pentingnya kuasa politik Melayu. Pertamanya, sesuatu parti yang bertanding perlu terlebih dahulu menguasai undi orang Melayu jika ingin menguasai politik di peringkat nasional. Lantaran itu, usaha yang jitu dan berterusan perlu digarap untuk dijadikan sebagai instrumen politik bagi menarik 'hati dan pemikiran' orang Melayu. Kedua, bilangan kerusi Parlimen dan DUN yang mempunyai majoriti pengundi Melayu adalah lebih banyak sehingga bilangan calon Melayu-Islam lebih ramai berbanding calon bukan Melayu.

Pada setiap kali pilihan raya, persaingan antara UMNO dan PAS untuk menarik sokongan orang Melayu sentiasa sengit dan menarik perhatian terutamanya di kawasan yang menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon UMNO dan PAS. Lebih-lebih lagi bagi kawasan yang mencatatkan kemenangan dengan majoriti yang tipis. Kawasan yang sering menjadi pertarungan langsung antara UMNO dan PAS dalam pilihan raya ialah kebanyakannya di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu,

University of Malaya

Kedah dan Perlis. Hal yang demikian ini memandangkan, kedua-dua pihak menyedari bahawa, sekiranya mampu menguasai kawasan majoriti orang Melayu, bererti potensi untuk mencatatkan kemenangan dalam pilihan raya agak tinggi.

Berbanding dengan parti politik Melayu lain, dominasi UMNO dalam politik Malaysia lebih jelas dan ketara. Walaupun UMNO berkongsi kuasa dengan parti lain di bawah payung BN, tetapi dominasi parti tersebut dalam BN dan kerajaan amat terserlah. UMNO juga dilihat sebagai parti yang berjaya menyatukan parti lain dalam BN. Manakala, PAS dalam mencari kuasa, sentiasa berjuang untuk menyaingi UMNO bagi menjadi parti alternatif kepada orang Melayu-Islam di negara ini. Namun begitu, PAS sukar untuk menjadi peneraju dalam sesebuah gabungan pembangkang yang disertainya bagi menandingi pemuafakatan politik BN. Kegagalan PAS tersebut menyebabkan PAS dilabelkan sebagai parti 'pak turut'.

Pilihan Raya Sebagai Medan Persaingan Merebut Kuasa

Persaingan merebut kuasa yang melibatkan parti politik Melayu seperti UMNO dengan PAS bukan hanya berlaku semasa pilihan raya. Namun begitu, ketika pilihan raya, persaingan memperoleh dan mengekalkan kuasa dengan berusaha merebut sokongan pengundi akan lebih terserlah. Hal yang demikian ini memandangkan, undi yang diterima oleh setiap calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya boleh menjadi kayu

University of Malaya

pengukur penerimaan dan sokongan rakyat terhadap parti politik. Justeru itu, setiap parti politik berusaha melakukan yang terbaik bagi menarik sokongan.[463]

Sehingga kini, setiap kali menjelang pilihan raya, parti yang bertanding masing-masing ingin menunjukkan kekuatan. Di Malaysia, keputusan pembentukan kerajaan banyak ditentukan oleh parti yang bertanding di Semenanjung Malaysia. Hal yang demikian ini kerana, lebih 80 peratus penduduk Malaysia tinggal di Semananjung Malaysia. Begitu juga, parti politik utama juga berasal dan mendapat sokongan kuat di Semenanjung. Hal yang demikian ini bukan mahu menafikan peranan yang dimainkan oleh parti politik di Sabah dan Sarawak. Parti politik di Sabah dan Sarawak tetap penting dalam menentukan arah politik Malaysia, tetapi lebih didominasi oleh parti politik utama di Semenanjung seperti UMNO, MCA, MIC, PAS, DAP, PKR dan GERAKAN. Namun begitu, selepas PRU-12 (2008), faktor kemenangan BN di Sabah dan Sarawak adalah penting.[464]

UMNO dan PAS terlibat dalam pilihan raya sejak tahun 1955, sama ada secara bersendirian ataupun terlibat dengan gabungan dan beberapa pakatan politik. Bagi UMNO, gabungan bersama parti lain membentuk Parti Perikatan (1955-1969) dan BN (1974-2013) merupakan kaedah yang digunakan bagi mendapatkan sokongan sama ada daripada pengundi Melayu ataupun bukan Melayu. Kaedah tersebut merupakan formula ampuh yang digunakan oleh UMNO dan BN untuk mematahkan dominasi dan kemaraan pihak lawan sehingga membolehkan parti tersebut terus menguasai pemerintahan di peringkat

[463] UMNO dengan PAS telah bersaing dalam pilihan raya sejak tahun 1955 lagi. Hal ini bermakna, sehingga tahun 2013, kedua-dua parti menyertai Pilihan Raya Umum sebanyak 14 kali dengan persaingan kedua-dua parti dalam pilihan raya menjadi 'reda' pada tahun 1974 setelah PAS menyertai BN.

[464] Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2011, hlm. 106.

University of Malaya

persekutuan walaupun mengalami penurunan sokongan terhadap gabungan parti tersebut sejak PRU-12 (2008).[465]

Sehingga kini, pengaruh PAS pernah terbukti di negeri yang majoriti penduduknya Melayu-Islam seperti Kelantan, Kedah dan Terengganu. Peluang PAS untuk menang adalah lebih mudah di kawasan luar bandar dan beberapa kawasan di pinggir bandar yang mempunyai majoriti pengundi Melayu melebihi 70 peratus. PAS dilihat sukar untuk menembusi kawasan yang majoriti pengundi Melayu kurang 70 peratus. Dalam usaha PAS menyekat penguasaan UMNO (berdasarkan slogan PAS ganti UMNO), parti tersebut perlu berusaha untuk memenangi hati pengundi bukan Melayu sebagai tambahan kepada sokongan pengundi Melayu. Jika tidak, PAS sukar untuk meluaskan penguasaan di negeri-negeri lain.[466]

Berbanding UMNO, setiap kali berhadapan dengan pilihan raya, PAS sukar untuk melonjakkan penguasaanya jika tidak melakukan kerjasama dengan parti lain seperti yang pernah dialami oleh PAS pada PRU-7 (1986). Bagi memenangi lebih banyak kerusi dalam pilihan raya, PAS perlu mengadakan kerjasama atau persefahaman politik *(tahaluf siyasi).* Sukar bagi PAS jika bergerak sendirian. Kegagalan untuk mengadakan kerjasama

[465] Penurunan sokongan yang ketara yang diterima oleh UMNO dan BN pada PRU-12 (2008) menyebabkan BN hilang penguasaan di beberapa buah negeri (Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perak), masih gagal merampas Kelantan daripada PAS dan juga gagal mengekalkan majoriti dua pertiga di palimen. Penurunan sokongan kepada UMNO dan BN kemudiannya dilihat berterusan pada PRU-13 (2013).

[466] Penerimaan masyarakat bukan Melayu terhadap PAS terbukti pada PRU-12 (2008) dan pada PRU-13 (2013) selepas PAS mula berjaya mencapai kemenangan di kawasan parlimen dan Dewan Undangan Negeri di kawasan bandar yang mencatatkan komposisi pengundi berdaftar Melayu dan Cina yang hampir sama. Keseluruhannya, PAS pada dua PRU terakhir mencatatkan peningkatan sokongan di negeri Selangor (Hulu Langat, Kuala Selangor, Shah Alam, Kota Raja), Perak (Parit Buntar, Bukit Gantang), Pahang (Temerloh) dan Wilayah Persekutuan (Titiwangsa) sekaligus menangkis imej PAS yang dikaitkan dengan parti negeri Pantai Timur. Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013).* Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy. 2014, hlm. 106-107.

University of Malaya

menyebabkan berlaku pertandingan tiga penjuru yang akhirnya akan memberi kelebihan kepada UMNO dan BN. Menyedari hakikat tersebut, PAS pernah mengadakan kerjasama politik bersama bekas pimpinan UMNO (Semangat 46) melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada tahun 1990 dan 1995, Barisan Alternatif (BA) pada tahun 1999 dan 2004 serta Pakatan Rakyat (PR) iaitu selepas PRU 2008 dan 2013.[467]

Ternyata, kerjasama dan persefahaman yang diwujudkan turut memberi kelebihan kepada PAS. Bermula PRU-12 (2008), penerimaan parti PAS dalam kalangan masyarakat dilihat bertambah menyeluruh. PAS bukan sahaja mula disokong oleh orang Melayu di bandar, tetapi juga masyarakat bukan Melayu terutamanya orang Cina dan India. Sokongan oleh orang bukan Melayu adalah kebanyakannya mengambil kira kedudukan PAS dalam PR. Kini, meneruskan kerjasama politik terutamanya dengan parti bukan Melayu merupakan cabaran besar yang perlu dilalui oleh PAS bagi meluaskan penguasaan parti tersebut terutamanya di negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Cabaran tersebut perlu ditangani memandangkan usaha PAS menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam jika berkuasa sukar diterima oleh DAP.[468]

---

[467] Pada tahun 1990, PAS telah mewujudkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) bersama-sama dengan Semangat 46, HAMIM, BERJASA dan KIMMA. Hasilnya, PAS berjaya merampas semula Kelantan selain menambah bilangan kerusi parlimen yang dimenangi sebelumnya. Kerjasama Politik PAS dalam Barisan Alternatif (BA) pula memperlihatkan buat pertama kalinya PAS mengadakan persefahaman dengan DAP dan KeADILan yang juga memberikan kelebihan kepada PAS pada PRU-10 (1999) setelah memperoleh 27 kerusi parlimen sekaligus meletakkan Fadzil Noor sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat yang baru. Kerjasama PAS dalam PR pada PRU-12 (2008) membolehkan parti itu mengekalkan penguasaan di Kelantan dengan majoriti besar, membentuk kerajaan di Kedah dan menjadi sebahagian daripada kerajaan di Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Pada PRU-13 (2013), PAS kekal dalam PR dan mendapat kerusi yang secara relatifnya lebih banyak berbanding dengan penyertaan secara bersendirian. Ibid., hlm. 13-14.

[468] Negeri Selangor misalnya adalah antara negeri di Pantai Barat yang sukar ditembusi oleh PAS. Hal yang demikian ini kerana, sejak pilihan raya tahun 1959 hingga 1995, PAS tidak pernah memenangi sebarang kerusi di Selangor sama ada di peringkat DUN mahupun parlimen melainkan tahun 1974 setelah bertanding menggunakan tiket BN. Walau bagaimanapun, landskap politik PAS di Selangor berubah secara drastik setelah peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim sehingga mula membuka mata pengundi untuk memilih PAS sebagai parti alternatif. Pada PRU-10 (1999), PAS buat pertama kalinya berjaya menawan empat kerusi DUN Selangor iaitu Sungai Besar (Sallehin Mukhyi), Sungai Burung (Hasan Ali), Gombak Setia (Ismail Kamus) dan Kajang (Shafie Abu Bakar). Pada PRU-12 (2008), PAS memenangi lapan kerusi DUN Selangor iaitu

University of Malaya

Persaingan Menguasai Undi Orang Melayu

Ukuran penerimaan rakyat terhadap parti politik ialah kemenangan dalam pilihan raya. Kemenangan dalam pilihan raya pula dapat menentukan survival dan jangka hayat sesebuah parti politik. UMNO dan PAS masih berada dalam arus politik adalah kerana kedua-dua parti ini mampu mencapai dan mempertahankan kemenangan dalam pilihan raya. UMNO sebagai peneraju utama BN menguasai pemerintahan negara sejak merdeka.[469] Bagi PAS, Kelantan menjadi tapak kuasa parti tersebut walaupun berjaya menguasai negeri lain tetapi tidak kekal lama seperti yang berlaku di Terengganu (1999) dan Kedah (2008). Tambahan pula, krisis politik dalaman yang melanda UMNO tahun 1987 dan 1998 banyak membantu kepada kelangsungan perjuangan PAS. [470]

Gombak Setia (Hasan Ali), Hulu Kelang (Saari Sungip), Lembah Jaya (Khasim Aziz), Chempaka (Iskandar Samad), Bangi (Shafie Abu Bakar), Meru (Abd Rani Osman), Selat Kelang (Halimah Ali) dan Sijangkang (Ahmad Yunus Hairi). Manakala, pada PRU-13 (2013), PAS menggandakan penguasaan di DUN Selangor setelah memenangi 15 kerusi DUN iaitu, Sabak (Sallehen Mukhyi), Taman Templer (Zaidy Abdul Talib), Gombak Setia (Hasbullah Ridzwan), Hulu Kelang (Saari Sungip), Lembah Jaya (Khasim Aziz), Chempaka (Iskandar Samad), Dusun Tua (Razali Hassan), Bangi (Mohd Shafie Ngah), Sri Serdang (Noor Hanim Ismail), Paya Jaras (Mohd Khairuddin Othman), Meru (Abd Rani Osman), Selat Kelang (Halimah Ali), Sijangkang (Ahmad Yunus Hairi), Morib (Hasnul Baharuddin) dan Tanjong Sepat (Mohd Haslin Hassan). Ibid., hlm. 80-81.

[469] Semenjak pilihan raya pertama selepas Merdeka yang diadakan pada tahun 1959 sehingga Pilihan Raya Umum ke-13, hanya BN (sebelum 1974) dikenali sebagai Parti Perikatan yang menang dan menguasai kerajaan pusat. Pada peringkat negeri pula, Parti Perikatan/BN memenangi semua negeri dalam setiap pilihan raya kecuali Kelantan (1959, 1990, 1995, 1999, 2004, 2008, 2013), Terengganu (1959 dan 1999), Pulau Pinang (1969, 2008, 2013), Sabah (1995), Perak (2008), Selangor (2008, 2013), Kedah (2008). Walaupun sentiasa menang, pencapaian BN sentiasa berubah setiap kali pilihan raya. Pencapaian terendah BN ialah pada PRU-3 (1969) (memperoleh undi popular 44.9 peratus dan memenangi 51.4 peratus kerusi Dewan Rakyat) dan antara yang tertinggi ialah Pilihan Raya 2004 memperoleh 63.7 peratus undi popular dan 90.0 peratus kerusi Dewan Rakyat. Lihat Ghazali Mayudin. Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2006, hlm. 50-51.

[470] Selain daripada faktor kemenangan dalam sesuatu pilihan raya, faktor 'tapak kuasa' (yang dikaitkan dengan sejarah penguasaan parti) juga memainkan peranan penting bagi menyaingi kerajaan pimpinan UMNO dan BN. PAS sejak selepas Merdeka, PRU-1 (1959) dilihat bertapak kukuh di Kelantan. Cubaan mana-mana parti untuk bertapak di Kelantan seperti yang berlaku pada Semangat 46, HAMIM dan BERJASA akan berdepan dengan kesukaran. Semangat 46 misalnya, walaupun cuba menguasai politik di peringkat nasional, tetapi kuat dikaitkan dengan perkembangan parti tersebut yang hanya terarah di Kelantan. Kegagalan untuk menandingi PAS menyebabkan perjuangan Semangat 46 kemudiannya berkubur. BERJASA pula dilihat tidak dapat menyaingi perjuangan UMNO walaupun parti tersebut mengecapi populariti yang luar biasa sejak awal penubuhannya dengan bersama-sama UMNO merampas penguasaan PAS di Kelantan pada tahun 1978.

University of Malaya

UMNO dan PAS mempunyai pengalaman memerintah sama ada di peringkat pusat dan negeri. Persaingan sengit yang berlaku antara UMNO dan PAS mempunyai sejarah yang panjang sehingga disifatkan kedua-dua parti ini sukar untuk berbaik-baik atau mengadakan kerjasama. Ternyata, sangkaan tersebut meleset setelah wujud kerjasama antara UMNO dan PAS yang membawa kepada penubuhan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan seterusnya sama-sama mengasaskan BN. Wujudnya permuafakatan politik memberi peluang kepada PAS untuk bersama-sama dengan UMNO memerintah di peringkat pusat.[471]

UMNO dan PAS menjadikan orang Melayu sebagai sasaran untuk mendapatkan kuasa melalui sokongan dan undi terutamanya dalam pilihan raya. UMNO dan PAS sebagai sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu dan Islam di negara ini, sokongan yang diterjemahkan dalam bentuk undi oleh orang Melayu dianggap penting kepada survival politik. Persaingan UMNO dengan PAS lebih terarah di negeri-negeri koridor Melayu atau negeri yang majoriti masyarakatnya terdiri daripada masyarakat Melayu yang beragama Islam *(Malay-belt)* seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Kejayaan mendapat undi daripada masyarakat di kawasan ini digambarkan sebagai kejayaan parti. Di negeri tersebut, persaingan UMNO dan PAS untuk mendapatkan kuasa sentiasa sengit.[472]

[471] Permuafakatan UMNO dan PAS melalui kerajaan campuran memberikan peluang untuk kedua-dua parti melaksanakan agenda Islam dengan lebih tersusun. Selain itu, pemimpin PAS diberi tanggungjawab sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik.

[472] Hal yang demikian ini boleh dilihat terutamanya di kampung-kampung ketika tempoh berkempen dan menjelang hari pengundian dalam sesuatu pilihan raya. Kerancakan kempen oleh parti yang bertanding juga terserlah.

University of Malaya

UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik berteraskan Melayu, seringkali berdepan dengan cabaran terutamanya bagi memperoleh sokongan orang Melayu. Masalah dalaman yang melanda UMNO memberikan cabaran kepada parti tersebut dalam usaha menarik sokongan orang Melayu. Perpecahan akan berlaku dan diburukkan lagi sekiranya parti politik baru muncul yang turut memberi tekanan kepada UMNO. Hal yang demikian ini boleh dilihat melalui kewujudan Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Kedua-dua parti ini merupakan parti serpihan UMNO. Kemunculan parti serpihan UMNO ini memberikan keuntungan yang besar kepada prestasi PAS yang semestinya mengambil peluang daripada masalah yang melanda UMNO.[473]

PAS mengalami kesukaran untuk mengalahkan UMNO di peringkat pusat. Jika dibandingkan dengan UMNO, pencapaian PAS masih jauh di belakang. UMNO dan BN mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam setiap pilihan raya kecuali PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013) setelah hilang majoriti dua pertiga di Parlimen. Prestasi buruk ini disumbangkan oleh kekalahan besar parti MCA dan MIC yang merupakan parti komponen UMNO dalam BN. Dalam kedua-dua pilihan raya tersebut, orang Melayu terutamanya di luar bandar masih bersama UMNO.[474] Semasa krisis dalaman UMNO yang berlaku pada tahun 1998 yang kemudiannya diadakan PRU-10 (1999), UMNO dan BN masih mengekalkan majoriti dua pertiga di parlimen walaupun sokongan orang Melayu pada

[473] Prestasi PAS terbukti meningkat setelah wujudnya kerjasama dengan parti lain terutamanya parti serpihan UMNO seperti Semangat 46 dan PKR. Kerjasama kali pertama dengan Semangat 46 melalui penubuhan (Angkatan Perpaduan Ummah) pada PRU-8 (1990) membolehkan PAS dan Semangat 46 merampas Kelantan daripada penguasaan UMNO. Manakala, kerjasama buat pertama kalinya dengan PKR dan DAP melalui Barisan Alternatif (BA) pada PRU-10 (1999) membolehkan PAS menguasai Terengganu selain daripada mengekalkan penguasaan di Kelantan.

[474] Keputusan dalam PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013) menunjukkan bahawa pengaruh BN semakin merosot dan semakin hampir ke garis kehilangan kuasa. BN banyak bergantung kepada isu perkauman dan pemberian dana secara langsung seperti BR1M yang menelan banyak peruntukan kerajaan. Pemerintahan BN yang terpalit dengan imej rasuah dan salah guna kuasa selain pelbagai isu kenaikan kos sara hidup yang semakin menekan rakyat telah menyebabkan sokongan rakyat berubah kepada PR. Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 115.

University of Malaya

ketika itu berubah kepada PAS dan BA. Kemenangan BN dibantu oleh sokongan besar orang bukan Melayu.[475]

Perjuangan PAS yang lebih serasi dengan citarasa dan kebimbangan orang Melayu sememangnya mendapat sambutan terutamanya di kawasan yang didiami oleh majoriti orang Melayu. Misalnya, negeri Kelantan yang penduduknya yang melebihi 90 peratus Melayu-Islam dapat dikuasai dari tahun 1959 hingga Mac 1978 dan 1990 hingga kini. Selain Kelantan, PAS pernah menguasai Terengganu (1999-2004) dan Kedah (2008-2013).[476] Bagi negeri yang mempunyai bilangan penduduk bukan Melayu-Islam yang agak ramai, penguasaan mutlak oleh PAS adalah sukar. PAS perlu mengadakan kerjasama dengan parti lain sepertimana yang berlaku melalui kerjasama PAS bersama Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dan DAP dalam Barisan Alternatif (1999) dan Pakatan Rakyat (2008 dan 2013).[477]

---

[475] Masyarakat bukan Melayu terutamanya masyarakat Cina beralih sokongan kepada BN hasil momokan media yang menakut-nakutkan pengundi Cina bahawa PAS akan memerintah negara ini seperti Taliban dengan melaksanakan hukum hudud dan pelbagai syariat Islam lain. Hasilnya, DAP yang bergabung bersama PAS dan PKR dalam BA ditolak oleh pengundi Cina termasuk pemimpin utamanya seperti Lim Kit Siang tewas di Bukit Bendera dan Karpal Singh tewas di Jelutong. Kerusi Ketua Pembangkang yang dipegang oleh DAP beralih kepada PAS. Ibid., hlm. 41.

[476] Tidak dinafikan bahawa orientasi agama sebelum ini ternyata membantu PAS meraih undi daripada orang Melayu yang kuat pegangan keIslaman. Mereka gembira apabila pimpinan PAS sentiasa mengingatkan tentang hari akhirat dan hal ehwal dosa-pahala. Institusi agama seperti pondok dan masjid menjadi medium penting bagi PAS untuk melebarkan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat. Hal yang demikian ini dapat difahami dengan kemenangan PAS di Kelantan, Kedah dan Terengganu. Dapat dilihat juga dengan kemenangan PAS di kerusi DUN Gunung Semanggol, Perak pada tahun 1959, 1974, 2008 dan 2013. Walaupun pengundi Melayu di Perak lebih cenderung kepada UMNO, tetapi pengundi Melayu di Gunung Semanggol yang serasi dengan pengaruh Maahad Al-Ihya As-Syarif lebih cenderung untuk memilih PAS. Ibid., hlm. 115.

[477] Tidak dinafikan, kerjasama PAS dengan parti pembangkang lain merupakan tindakan yang dapat membantu meningkatkan prestasi PAS. Namun begitu, kerjasama tersebut bukanlah jaminan untuk mencapai kejayaan yang besar seperti yang pernah dilalui oleh PAS pada PRU-7 (1986). Pada PRU tersebut, PAS yang mengadakan kerjasama dengan parti PSRM, NASMA dan SDP melalui penubuhan HAK telah mengalami kekalahan besar dalam sejarah penyertaan parti tersebut dalam pilihan raya.

University of Malaya

Bagi menghadapi sesuatu pilihan raya, didapati jika kawasan yang majoriti penduduknya Melayu, calon pilihan raya kebanyakannya terdiri daripada kaum yang sama. Demikian juga sebaliknya yang berlaku dalam kalangan orang bukan Melayu.[478] Berhubung dengan perkara ini, lazimnya bagi kawasan yang majoriti pengundinya orang Melayu, pertandingan biasanya melibatkan parti Melayu yang utama iaitu UMNO dengan PAS. Didapati, semakin ramai orang Melayu dalam kawasan pilihan raya, peratusan keluar mengundi juga adalah tinggi. Hubungan ini adalah merupakan manifestasi daripada persaingan sengit UMNO dengan PAS yang mana kedua-dua parti kebiasaannya akan bertanding di kawasan yang mempunyai majoriti Melayu.[479]

PAS mempunyai asas sokongan yang kuat di negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu. Ketiga-tiga negeri ini mempunyai peratus pengundi Melayu yang tinggi iaitu Kelantan (94.46 peratus), Terengganu (95.87 peratus) dan Kedah (76.18 peratus). Negeri-negeri ini juga mempunyai institusi agama seperti sekolah pondok dan maahad tahfiz yang subur selain peranan tokoh agama yang berpengaruh dalam masyarakat. Jika dilihat daripada pecahan kerusi parlimen yang dimenangi oleh PAS sejak 1955 hingga 2013, sebanyak 82 kerusi (54.3 peratus) adalah di Kelantan. Manakala, 25 kerusi (16.56 peratus) adalah di Kedah dan 24 kerusi (15.89 peratus) adalah dari Terengganu.[480]

University of Malaya

[478] Pada PRU-5 (1978), terdapat 69.3 peratus atau 79 kawasan Dewan Rakyat daripada sejumlah 114 kawasan yang mempunyai pengundi majoriti orang Melayu. Bagi DUN pula, terdapat sejumlah 236 kawasan atau 75.6 peratus daripada 312 kawasan. Sementara dalam kalangan orang Cina, mereka mempunyai 22 kawasan Dewan Rakyat (19.3 peratus) dan 51 kawasan DUN. Selebihnya iaitu 143 kawasan Dewan Rakyat dan 25 kawasan DUN adalah tergolong dalam kawasan majoriti pengundi campuran. Bagaimanapun, pada PRU-6 (1982), sedikit perubahan berlaku di mana terdapat 20 kawasan majoriti Cina dan 15 kawasan majoriti campuran. Lihat Hussain Mohamad. *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Karya Bestari. 1987, hlm. 46.

[479] Lihat Amer Saifude Ghazali. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2009, hlm. 35.

[480] Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 104-105.

Menyorot kembali penglibatan PAS dan UMNO dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, sokongan padu diberikan kepada UMNO dan Parti Perikatan sehingga memenangi 51 daripada 52 kerusi parlimen, adalah kerana isu kemerdekaan dan isu mewujudkan serta mempertahankan kedaulatan Melayu.[481] Pada masa sama, perkembangan PAS pada masa itu masih belum menampakkan perbezaan yang ketara dengan UMNO. Kekalahan PAS dalam pilihan raya tersebut kepada UMNO dan Parti Perikatan,[482] mendorong parti itu melipatgandakan usaha memperkenalkan PAS kepada rakyat.[483]

Tumpuan utama PAS adalah di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dan sesetengah kawasan di negeri Perak.[484] Keadaan dan kedudukan PAS terutamanya di Pantai Timur sudah meluas pengaruhnya sehingga timbul tanda-tanda untuk menang.[485] PAS juga membuka banyak ranting dan cawangan di seluruh negara terutama di kawasan yang majoriti penduduknya Melayu. Di negeri Kelantan umpamanya, PAS menyusun dan memperluaskan keahliannya dengan memberi ceramah, penerangan di ranting-ranting dan cawangan diperhebatkan lagi.[486]

Hasilnya, PAS berjaya menawan Kelantan dan Terengganu pada PRU-1 (1959) yang merupakan pilihan raya pertama selepas negara mencapai kemerdekaan. Pada pilihan

---

[481] Lihat Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analisis Peralihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012, hlm. 14.

[482] Dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, UMNO mendapat tentangan yang hebat dari Parti Negara, bukannya dari PAS. Kebanyakan pemimpin Parti Negara pada masa itu terdiri daripada kalangan bangsawan, pegawai dan bekas pegawai kerajaan dan mendapat sokongan daripada penghulu dan pengawa. Lihat Mohd Zain Salleh. *Sejarah UMNO Kelantan*. Kota Bharu: Jawatankuasa Penerangan UMNO Perhubungan Negeri Kelantan. 1985, hlm. 55.

[483] Lihat Ismail Said. *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam. Karisma Publication Sdn. Bhd. 2008, hlm. 75-76.

[484] Lihat Badaruddin Mohd Salleh. *Sejarah Politik dan Perkembangan PAS*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara. 1977, hlm 20.

[485] Lihat Mohd Asri Muda. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1993, hlm. 53.

[486] Lihat Ismail Said. *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*, hlm. 76-77.

University of Malaya

raya ini, sokongan kepada UMNO menurun kerana pergolakan dalaman parti dan tentangan kuat daripada PAS dan Parti Negara. UMNO juga pada waktu itu dianggap kurang menampilkan imej Melayu, khususnya sikap terhadap bahasa Melayu dan Islam serta banyak bertolak ansur kepada parti bukan Melayu dalam hal yang berkaitan dengan Melayu.[487]

Pada PRU-2 (1964), prestasi UMNO kembali meningkat dan berjaya mengalahkan PAS di Terengganu walaupun masih gagal di Kelantan. Walaupun pada waktu itu, faktor konfrantasi oleh Indonesia menjadi isu utama dalam pilihan raya, namun begitu isu Islam dan Melayu masih menjadi isu utama kepada para pengundi Melayu. Selepas PRU-3 (1969), UMNO kemudiannya berjaya memperbaiki imejnya setelah wujudnya permuafakatan politik dengan PAS. Orang Melayu memberikan sokongan padu kepada UMNO dan PAS. Kerjasama dan permuafakatan politik UMNO dengan PAS menerusi penubuhan kerajaan campuran membolehkan kedua-dua parti mencapai kemenangan besar dalam PRU-4 (1974). Dalam pilihan raya ini, UMNO dan PAS mendapat tentangan daripada Barisan Bebas Bersatu yang diketuai oleh Mohd Fakhrudin yang dipecat daripada PAS kerana tidak menyokong tindakan PAS menganggotai BN.[488]

Krisis politik yang melibatkan kedudukan Menteri Besar Kelantan iaitu Muhammad Nasir memberikan impak besar kepada perjalanan politik PAS. Tindakan kerajaan pusat

---

[487] Lihat Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analisis Peralihan*, hlm. 14.

[488] Permuafakatan politik yang terjalin antara UMNO dan PAS adalah bertujuan untuk mempastikan survival bangsa Melayu selepas kejadian 13 Mei 1969, di samping perpaduan yang mesti diwujudkan demi keselamatan negara. Kedua-dua parti mendapat manfaat besar kesan daripada kerjasama tersebut setelah memenangi kesemua kerusi parlimen dan DUN yang dipertandingkan dalam PRU-4 (1974). Bahkan kerjasama ini lebih memantapkan lagi kedudukan PAS di Kelantan. Lihat Russli Bin Kamarudin. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Suatu Tinjauan. Dlm. Mohammad Agus Yusof (Peny.) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995, hlm. 138.

University of Malaya

yang memperkenalkan Akta Darurat ternyata tidak dipersetujui oleh pimpinan PAS yang kemudiannya bertindak meletak jawatan dalam kepimpinan kerajaan pusat kecuali Hassan Adli. PAS berpendapat, tindakan kerajaan pusat mengisytiharkan darurat adalah tidak wajar memandangkan kerajaan pusat tidak pernah mengadakan sebarang rundingan dan rujukan dengan PAS sebagai rakan kongsi kuasa. Akibat pelaksanaan akta ini, sistem pemerintahan demokrasi di Kelantan digantung dan Kelantan ditadbir secara *de facto* oleh kerajaan pusat setelah MAGERAN dikuatkuasakan pada 8 November 1977. [489]

Pada Disember 1977, PAS disingkirkan daripada BN kerana enggan mematuhi whip BN tentang Rang Undang-Undang Darurat. Persaingan mencari kuasa kembali berlaku. Pada PRU-5 (1978), PAS kembali bertanding sendirian tanpa kerjasama dengan mana-mana parti politik. Pada pilihan raya tersebut, PAS merupakan satu-satunya parti pembangkang yang meletakkan calon paling ramai iaitu seramai 88 orang untuk kerusi Parlimen tetapi hanya menang di lima kawasan sahaja sementara daripada seramai 203 orang calon DUN (selain di Kelantan),[490] hanya menang di sembilan kawasan sahaja.[491] Berdasarkan calon yang sedemikian itu, PAS menjadi parti yang banyak kehilangan wang

[489] Ibid., hlm. 140.

[490] Pada 12 Februari 1978, setelah pemerintahan MAGERAN ditarik balik, kerajaan pusat menasihati Sultan Kelantan supaya membubarkan DUN. Hasil pembubaran ini, Kelantan mengadakan pilihan raya negerinya secara berasingan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia iaitu pada 11 Mac 1978. Dalam pilihan raya tersebut, PAS yang tidak lagi menjadi anggota BN menerima kekalahan teruk di tangan UMNO dan BN setelah memenangi dua kerusi daripada 36 kerusi yang dipertandingkan iaitu di DUN Sering dan Manik Urai. UMNO mendapat 23 kerusi dan BERJASA memperoleh 11 kerusi. Ibid., hlm. 140.

[491] Kerusi Parlimen yang dimenangi oleh PAS ialah Pengkalan Chepa (Nik Aziz Nik Mat, majoriti 1,978 undi), Bachok (Mohd Zain Abdullah, majoriti 964 undi), Baling (Nakhaie Ahmad, majoriti 291 undi), Kota Setar (Abu Bakar Umar, majoriti 2,635 undi) dan Permatang Pauh (Zabidi Ali, majoriti 860 undi). Senarai sembilan DUN yang dimenangi oleh PAS pula (selain Kelantan) ialah Jerlun (Abu Bakar Umar, majoriti 1,129 undi), Anak Bukit (Wahab Sulaiman, majoriti 1,174 undi), Langgar-Limbong (Sudin Abdul Wahab, majoriti 2,165 undi), Bukit Raya (Ismail Kassim, majoriti 1,101 undi), Sik (Hamzah Abdul Latif, majoriti 506 undi), Kupang (Romli Abdullah, majoriti 407 undi), Sala (Haji Yahya Junid, majoriti 631 undi), Sungai Dua (Zabidi Ali, majoriti 704 undi) dan Kuala Kurau (Abdul Rahman Mokhtar, majoriti 203 undi). Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 122 dan hlm. 139-140.

University of Malaya

pertaruhan iaitu seramai 26 orang bagi kawasan Dewan Rakyat dan 51 orang bagi kawasan DUN.[492]

UMNO terus menguatkan penguasaan pada PRU-6 (1982) dan PRU-7 (1986) di negeri majoriti penduduknya Melayu sekaligus mengerhanakan prestasi PAS. Pada PRU-6 (1982), PAS yang bertanding di 82 kerusi parlimen hanya berjaya memenangi lima kerusi sahaja iaitu di Kelantan (Pengkalan Chepa, Bachok, Pasir Mas dan Rantau Panjang) dan Kedah (Kota Setar). Parlimen Rantau Panjang dan Pasir Mas merupakan kerusi yang berjaya dirampas oleh PAS daripada UMNO setelah PAS kehilangan kerusi Parlimen Baling dan Permatang Pauh. UMNO dan BN pula memenangi 132 kerusi parlimen.[493]

Pada PRU-7 (1986) pula, PAS hanya mempertahankan satu kerusi parlimen sahaja, iaitu Pengkalan Chepa yang dimenangi oleh Abdullah Arshad. Keputusan tersebut merupakan pencapaian terburuk PAS sejak 1959.[494] Pada PRU ini, UMNO telah menang 83 daripada 84 kerusi yang ditandingi. Pada 1955 (pilihan raya semasa masih dijajah oleh British) UMNO menang 34 daripada 35 kerusi yang ditandingi atau 97 peratus)**.** Seramai 431 calon bertanding untuk merebut 177 kerusi parlimen, manakala 808 calon bertanding untuk 351 kerusi DUN. PAS meletakkan seramai 98 calon pada peringkat parlimen dan 265 calon pada peringkat DUN. Keputusan pilihan raya menunjukkan, secara keseluruhannya

[492] Lihat Hussain Mohamad. *Membangun Demokrasi*, hlm. 98.
[493] Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 33.
[494] Ibid., hlm. 35-36. Manakala, kekalahan PAS turut dikaitkan dengan tindakan PAS yang mula berdampingan dengan masyarakat Cina melalui penubuhan *Chinese Consultative Council* (CCC) yang dipelopori oleh Nakhaie Ahmad (bekas Naib Presiden PAS). Hal yang demikian ini diakui sendiri oleh Nakhaie Ahmad dalam temubual bersama beliau pada 16 November 2014.

University of Malaya

BN menang 148 kerusi parlimen daripada 177 kerusi yang dipertandingkan dan 307 kerusi DUN daripada 351 kerusi yang dipertandingkan.[495]

Perpecahan dan krisis dalaman antara kem Mahathir dan Tengku Razaleigh serta terbentuknya *Team* A dan *Team* B dalam UMNO,[496] memberi kesan kepada parti tersebut dalam pilihan raya berikutnya. Pada PRU-8 (1990),[497] prestasi UMNO dan BN agak merosot berikutan persaingan dalam pilihan raya kembali sengit kerana kehadiran parti serpihan UMNO yang baru iaitu Semangat 46. Semangat 46 kemudiannya telah bergabung dengan PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Bagi kawasan majoriti Melayu, wujud pertandingan satu lawan satu pada sebahagian besar kerusi antara calon UMNO yang menentang calon PAS atau Semangat 46.[498] Keputusan PAS untuk memberikan tumpuan kepada kerusi DUN di Kelantan, Terengganu dan Kedah nyata membuahkan hasil setelah berjaya menguasai Kelantan.[499]

PRU-8 (1990), menyaksikan UMNO dan BN ditentang hebat oleh dua pakatan parti lawan, iaitu APU dan Parti Gagasan Rakyat (GAGASAN). APU terdiri daripada Semangat 46, PAS, HAMIM (Hisbul Muslimin) dan BERJASA manakala GAGASAN didukung oleh DAP, PRM dan IPF. Jika APU bertujuan menonjolkan imejnya sebagai parti yang

---

[495] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa dalam Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994, hlm. 42-43.
[496] Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutors Sdn. Bhd. 2011, hlm. 82.
[497] PRU-8 (1990) diadakan pada 20 dan 21 Oktober 1990 iaitu sembilan hari selepas diumumkan tarikh penamaan calon yang ditetapkan pada 11 Oktober 1990. Sejumlah 177 kerusi Parlimen dipertandingkan. BN telah bertanding di semua kerusi parlimen dan 385 kerusi DUN, DAP bertanding di 50 kerusi parlimen dan 103 DUN, PAS bertanding di 45 kerusi parlimen dan 178 kerusi DUN dan Semangat 46 bertanding di 65 kerusi parlimen dan 130 kerusi DUN. Selain itu, PRM turut bertanding di tiga kerusi parlimen dan dua kerusi DUN, AKIM di satu kerusi parlimen dan 15 kerusi DUN, HAMIM dan BERJASA, masing-masing di satu kerusi DUN dan calon bebas bertanding di 41 kerusi parlimen dan 34 kerusi DUN. Ibid., hlm. 24-25 dan 46.
[498] Lihat Amer Saifudee. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*, hlm. 34.
[499] Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 39.

University of Malaya

berasaskan kepentingan orang Melayu, GAGASAN pula ditonjolkan untuk kepentingan masyarakat majmuk. Walau bagaimanapun, PAS dan DAP dalam beberapa kenyataan yang dikeluarkan menyatakan perbezaan prinsip untuk membolehkan GAGASAN dan APU digabungkan.[500]

Calon yang bertanding dalam pilihan raya tersebut kebanyakan secara satu lawan satu. Jika terdapat pertandingan lebih daripada dua penjuru, keadaan sedemikian menguntungkan UMNO dan BN. DAP juga mendapat faedah daripada situasi tersebut. Dalam pertandingan lebih daripada dua penjuru yang melibatkan 39 kawasan Parlimen, 29 kawasan telah dimenangi oleh BN dan 10 oleh DAP.[501] Di Kelantan, PAS dan Semangat 46 melalui gabungan APU menang dengan 39-0 bagi kerusi DUN dan 13-0 bagi kerusi parlimen. Kelantan kembali dikuasai PAS. Walau bagaimanapun, pihak pembangkang masih belum mampu menjatuhkan BN di peringkat pusat, malah BN masih berupaya mendapat majoriti dua pertiga.[502]

---

[500] PRU-8 (1990) mempunyai beberapa ciri yang membezakannya daripada pilihan raya umum lain. Pertamanya, BN telah ditentang hebat oleh dua pakatan iaitu Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat (GAGASAN). Keduanya, tujuan parti lawan bertanding ialah untuk menubuhkan kerajaan, tidak seperti sebelumnya yang hanya untuk menafikan kuasa dua pertiga yang dipegang oleh BN. Ketiga, keazaman parti lawan untuk menubuhkan kerajaan di Kedah, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu. DAP dengan slogan "Tanjung 11" mengulangi hasratnya untuk menawan Pulau Pinang. PAS dan Semangat 46 mempunyai strategi untuk menawan negeri negeri lain di Semenanjung Malaysia terutama negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Keempat, kemunculan parti baru iaitu Semangat 46 yang ditubuhkan oleh bekas ahli UMNO. Kelima ialah terdapat ramai calon yang bertanding dalam pilihan raya umum secara satu lawan satu. Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 44-45.

[501] Adakalanya, jumlah undi yang diperoleh oleh calon BN kurang daripada jumlah undi yang diperoleh oleh calon lain yang bertanding menentang BN. Misalnya, calon BN yang juga Presiden Gerakan, Lim Kheng Yaik mendapat 11,924 undi setelah bertanding di Beruas, Perak, tetapi jumlah undi yang diperolehi oleh DAP dan PAS ialah 12,505. Ibid., hlm. 25-26.

[502] Ibid., hlm. 45.

University of Malaya

Menghadapi PRU-9 (1995),[503] tidak banyak isu besar yang mempengaruhi pilihan raya kecuali isu pindaan perlembagaan 1993. PAS bersama Semangat 46 meneruskan penguasaan di Kelantan tetapi masih lagi gagal meluaskan penguasaan di negeri lain. Fokus pilihan raya kali ini turut tertumpu di Kelantan, negeri yang diperintah oleh APU. Kemenangan sembilan calon BN iaitu tujuh kerusi DUN dan dua kerusi parlimen melegakan UMNO dan BN.[504] Di Kelantan, PAS dan Semangat 46 hanya berjaya memenangi kerusi parlimen di Kelantan sekaligus menjelaskan pengaruh kedua-dua parti tersebut hanya terbatas di negeri Kelantan. Bagi UMNO, populisme PAS di Kelantan bukan sahaja diperoleh daripada nilai tradisional Islam tetapi daripada fahaman kebajikan sosial parti itu, iaitu daya penarik yang dinyatakan dalam manifesto 1995, iaitu 'Membangun Bersama Islam', berbeza dengan manifesto BN 'Wawasan, Keadilan, Kecekapan'.[505] Di Kedah, PAS hanya mampu menang dua kerusi sahaja iaitu DUN Bukit Raya (Fadzil Noor) dan DUN Sala (Azizan Abdul Razak). Manakala, PAS Terengganu pimpinan Haji Hadi dengan kerjasama Semangat 46 pimpinan Tengku Seri Paduka Raja gagal untuk menawan Terengganu buat kali kedua.[506]

Tengku Razaleigh mengakui kekalahan Semangat 46 di beberapa kerusi parlimen dan DUN berpunca kesilapan strategi serta ada ahli Semangat 46 "bermain kayu tiga".

[503] PRU-9 (1995) diadakan pada 25 April 1995 di Semenanjung Malaysia, manakala di Sabah dan Sarawak pula pada 24 dan 25 April 1995. Pembubaran parlimen dibuat pada 5 April 1995. Sebanyak 192 kerusi parlimen dan 394 kerusi DUN dipertandingkan. Seramai 20 orang calon menang tanpa bertanding, iaitu 11 kerusi parlimen dan 9 kerusi DUN. Oleh itu, seramai 1,270 calon bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1995 bagi merebut 181 kerusi parlimen dan 385 kerusi DUN. Daripada jumlah tersebut, seramai 857 calon bertanding merebut 385 kerusi DUN dan 413 calon bersaing merebut 181 kerusi parlimen. Ibid., hlm. 46.

[504] Calon BN yang menang di peringkat parlimen ialah Mustapa Mohamad (Timbalan Menteri Kewangan dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO) di Parlimen Jeli dan Annuar Musa (Pengerusi BN Kelantan) yang menang di Parlimen Peringat. Calon BN yang menang di peringkat DUN pula ialah Zainal Abidin Abdul Kadir (Melor), Mohd Adhan Kechik (Kemahang), Aziz Derasid (Pergau), Mat Nawawi Mat Jusoh (Pengkalan Kubur), Mohd Razali Che' Mamat (Guchil) dan Leong Sue Siang (Kota Lama). Lihat Ab. Rahim Tahir. *Analisis 1995: Perangkap BN Tahun 2000*. Ampang: Citakhidmat (M) Sdn. Bhd. 1995, hlm. 73-74.

[505] Lihat John, H. Malaysia: *Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008, hlm. 211.

[506] Lihat Ab. Rahim Tahir. *Analisis 1995: Perangkap BN Tahun 2000*, hlm. 74.

University of Malaya

Semangat 46, DAP dan PAS menggunakan strategi berbeza kerana masing-masing tidak berada pada landasan yang sama. Setiap parti pula mengemukakan isu yang berlainan menyebabkan parti lawan (BN) mudah mematahkan setiap percubaan yang dilakukan. Tambahan pula, wujud pertandingan tiga penjuru di beberapa kawasan yang menyebabkan undi berpecah. Kes seumpama ini jika dilihat sebenarnya tidak berlaku pada PRU-8 (1990) sehingga menyebabkan Semangat 46, PAS dan DAP mencapai kemenangan besar.[507]

Nik Aziz pula mendakwa faktor yang membawa kepada kemerosotan calon yang dikemukakan oleh APU adalah pertamanya, media massa yang terlalu berat sebelah. Keduanya, surat layang yang disebarkan menggunakan nama Nik Aziz dan ketiganya, pemberian wang secara terbuka kepada pengundi oleh pihak BN.[508] Secara umumnya, kekalahan besar parti pembangkang dalam PRU-9 (1995) adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti pembangkang tidak mempunyai isu besar, kegagalan isu Islam yang dibangkitkan oleh PAS, tidak wujud kerjasama mantap dalam kalangan parti pembangkang, politik wang yang berleluasa dan keyakinan tinggi rakyat terhadap Mahathir. Sebelum pilihan raya umum diadakan, terdapat rombakan kabinet dalam kerajaan BN setelah Anwar Ibrahim dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri pada 1 Disember 1993.[509]

Hasil PRU-9 (1995) menunjukkan BN berjaya mengekalkan kedudukannya di parlimen dengan memenangi 162 daripada 192 kerusi yang dipertandingkan. Pembangkang pula memenangi 30 kerusi di parlimen. Bagi PAS, keputusan PRU-9 (1995) merencatkan harapan untuk membentuk kerajaan dan memperluaskan penguasaan di Kedah dan

[507] Ibid., hlm. 94-95.
[508] Ibid., hlm. 94-95.
[509] Lihat Mohd Sayuti Omar. *Analisis Pilihan Raya 1995*. Kuala Lumpur: Tinta Merah. 1995, hlm. 8-9.

University of Malaya

Terengganu. Namun begitu, sikap sedemikian tidaklah mengejutkan dan malah merupakan satu tradisi dalam PAS. Setiap kali menjelang pilihan raya, parti itu diberi sambutan hangat dan memberangsangkan. Sungguhpun begitu, prestasi dan pencapaian PAS di beberapa buah negeri seperti Terengganu dan Kedah telah meningkat 15 hingga 22 peratus. PAS bolehlah disifatkan sebagai tidak kalah dan tidak pula menang.[510]

Pada PRU-10 (1999), situasi pilihan raya menjadi 'panas' kesan daripada isu pemecatan Anwar Ibrahim. Isu politik dalam negara berkaitan dengan penyingkiran Anwar Ibrahim daripada UMNO merupakan isu yang mendasari perkembangan politik pada penghujung tahun 1990-an. Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO, Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan ahli parti pada 2 September 1998 selepas satu Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.[511] Keadaan ekonomi yang lemah serta isu pemecatan Anwar Ibrahim dijadikan senjata utama oleh parti pembangkang untuk menunjukkan kelemahan kerajaan UMNO dan BN. Tidak dinafikan bahawa PRU-10 (1999) merupakan antara pilihan raya yang cukup getir buat UMNO dan BN.[512]

Pemecatan dan layanan buruk terhadap Anwar Ibrahim mendominasi, mendasari dan menjadi pemangkin kepada kemunculan isu lain dalam PRU-10 (1999). Sentimen anti-Mahathir, penentangan terhadap penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, korupsi dan kronisme, keinginan kepada kerajaan yang telus, urus tadbir yang baik serta hak asasi yang dihormati bukanlah merupakan isu baru. Walau bagaimanapun, pemecatan Anwar Ibrahim

[510] Ibid., hlm. 8.
[511] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 47.
[512] Seramai 417 calon bertanding merebut 193 kerusi parlimen dan 813 calon bertanding untuk 394 kerusi DUN. Pembubaran parlimen dibuat pada 10 November 1999. SPR menetapkan 20 November 1999 sebagai hari penamaan calon dan 29 November sebagai hari mengundi. Ibid., hlm. 47.

University of Malaya

telah menyedarkan dan meningkatkan lagi keyakinan dan komitmen rakyat untuk menangani isu tersebut. Setelah wujudnya perasaan simpati yang mendalam terhadap Anwar Ibrahim dan kemarahan yang meluap-luap kepada Mahathir, rakyat didapati bersedia melupakan isu dan kepentingan kaum demi memperjuangkan isu bersama yang bersifat sejagat.[513]

Pengundi Melayu yang rata-rata bersimpati dengan isu pemecatan Anwar Ibrahim telah beralih sokongan kepada parti pembangkang terutamanya PAS pada PRU-10 (1999). Sokongan kepada PAS meningkat secara mendadak dan sokongan yang amat positif diterima oleh Parti Keadilan Nasional (KeADILan). PAS berjaya mengekalkan penguasaan di Kelantan, merampas Terengganu daripada UMNO, menafikan majoriti dua pertiga UMNO dan BN di DUN Kedah, meluaskan penguasaan di Perlis serta berjaya menembusi kubu kuat UMNO di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Johor. Analisis daripada keputusan PRU-10 (1999) memperlihatkan keputusan yang tidak begitu baik buat BN jika dibandingkan dengan PRU-9 (1995). UMNO dan BN memenangi 102 kerusi daripada 144 kerusi parlimen di Semenanjung dan 148 kerusi daripada 193 kerusi parlimen di seluruh negara. BN memenangi 76.7 peratus kerusi parlimen walaupun undi popular yang diperoleh hanya 56.5 peratus (jatuh daripada 65 peratus pada 1995).[514]

Sokongan kepada UMNO menurun daripada 76.5 peratus pada PRU-9 (1995) kepada 29.5 peratus pada PRU-10 (1999). Pada masa sama, sokongan kepada PAS meningkat daripada 7.7 peratus kepada 15 peratus. UMNO, iaitu parti komponen terbesar dalam BN paling merasai kesannya berbanding parti politik lain. Jumlah kerusi parlimen

[513] Lihat Ghazali Mayudin. *Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia*, hlm. 60.
[514] Lihat Francis Loh Kok Wah. *Politik Baru di Malaysia.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2005, hlm. 5.

University of Malaya

yang dimenangi oleh UMNO pada PRU-10 (1999) didapati berkurangan kepada 72 kerusi berbanding tahun 1995 (UMNO menang 94 kerusi parlimen tahun 1995). Kemerosotan kerusi DUN turut menyebabkan kemerosotan yang cukup ketara bagi pencapaian BN di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.[515]

UMNO mengalami satu tamparan hebat pada PRU-10 (1999) kerana 94 kerusi parlimen yang dahulunya dipegang oleh UMNO (1995) telah berkurangan kepada 72 kerusi pada 1999. Manakala, 231 kerusi yang sebelumnya dipegang oleh UMNO dalam DUN di Semenanjung Malaysia telah berkurangan kepada 175 kerusi. Empat orang Menteri Kabinet, bebarapa orang Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta seorang Menteri Besar telah tewas.[516]

Beberapa orang pemimpin UMNO yang terkenal juga mengalami penurunan yang drastik dalam undi majoriti. Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) menang dengan majoriti 2,774 undi (penurunan daripada 11,000 undi pada 1995). Manakala, Siti Zaharah Sulaiman (Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat) menang dengan 3,563 undi (penurunan daripada 17,000 undi pada 1995). Najib Razak (Menteri dan Naib Presiden UMNO) yang menang dengan 11,000 undi pada 1995, mengalami pengurangan undi majoriti sehingga hanya 241 undi.[517]

---

[515] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 48.
[516] Menteri Kabinet yang tewas dalam pilihan raya tersebut ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Megat Junid Megat Ayub (Parit, Perak), Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdul Hamid Othman (Sik, Kedah), Menteri Kewangan Kedua, Mustapa Mohamed (Jeli, Kelantan) dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Annuar Musa (Ketereh, Kelantan). Turut tewas ialah Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad yang gagal mempertahankan DUN Cukai, Terengganu selepas memimpin negeri itu selama 25 tahun. Lihat Francis Loh Kok Wah. *Politik Baru di Malaysia*, hlm. 8.
[517] Ibid., hlm. 8.

University of Malaya

Kemerosotan prestasi BN pada PRU-10 (1199) adalah berkaitan langsung dengan krisis politik berikutan pemecatan Anwar Ibrahim. Hal yang demikian ini menyebabkan orang Melayu memberikan sokongan untuk PAS sebagai tanda protes kepada UMNO. Anwar Ibrahim dilihat sebagai tokoh penting dalam politik Malaysia dan mempunyai pengaruh yang sangat besar. Sebahagian besar rakyat amat bersimpati dengan tindakan pemecatan Anwar, khususnya orang Melayu yang menyifatkan inilah masanya bagi menjatuhkan kerajaan pimpinan Mahathir.[518]

Kemelut dalaman UMNO memberi kesan kepada pengaruh dan perkembangan PAS. Ternyata, masalah yang berlaku dalam UMNO memberi rahmat kepada PAS. Keahlian PAS bertambah secara mendadak dengan penyertaan lebih ramai golongan profesional menyertai PAS dan kemudiannya memperolehi jawatan penting dalam parti. Situasi tersebut telah memberi arah baru kepada perjuangan PAS yang sebelum ini dilabelkan sebagai 'Parti Pak Lebai'. Kerjasama PAS bersama dengan KeADILan, PRM dan DAP melalui Barisan Alternatif (BA), berjaya mencapai kejayaan yang membanggakan dalam PRU-10 (1999).[519]

PAS muncul sebagai parti komponen yang paling berjaya dalam Barisan Alternatif (BA) berbanding tiga lagi parti gabungan lain iaitu DAP, PRM dan KeADILan. PAS juga berjaya menawan negeri Terengganu dengan memenangi 28 kerusi DUN daripada 32 kerusi dan tujuh kerusi parlimen di samping kejayaan PAS mengekalkan penguasaan di Kelantan. Malah, kedua-dua negeri tersebut dimenangi oleh PAS dengan majoriti lebih

[518] Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*, hlm. 106.
[519] Kemenangan masih lagi berpihak kepada BN dengan jumlah kerusi parlimen sebanyak 148 kerusi daripada 193 kerusi parlimen yang dipertandingkan. PAS menang sebanyak 27 kerusi parlimen, diikuti DAP 10 kerusi, KeADILan sebanyak lima kerusi. Bagi kerusi DUN pula, BN memenangi sebanyak 281 kerusi, diikuti PAS sebanyak 98 kerusi, DAP 11 kerusi dan KeADILan sebanyak empat kerusi. www.spr.gov.my.

University of Malaya

daripada dua pertiga. Negeri lain yang turut menunjukkan kemaraan PAS ialah Kedah, Selangor, Pahang dan Perlis.[520]

Kerusi yang dimenangi oleh PAS di peringkat parlimen telah bertambah dari tujuh kerusi (1995) kepada 27 kerusi. Berlaku perubahan sokongan orang Melayu yang selama ini menyokong UMNO telah bertindak memberikan sokongan kepada PAS sehingga berlaku perpecahan sokongan oleh pengundi Melayu. Manakala, golongan muda bukan sahaja menjauhi UMNO, tetapi mencuba sedaya upaya untuk mempengaruhi ibu bapa dan ahli keluarga lain supaya turut sama berbuat demikian. Sebelum pilihan raya, sentimen anti-UMNO dan anti-Mahathir telahpun wujud.[521]

Krisis kepimpinan yang dihadapi UMNO pada tahun 1998 menyebabkan berlakunya perpecahan dalam UMNO. Kejadian yang menimpa Anwar Ibrahim menyebabkan pengaruh PAS berkembang. Prestasi UMNO yang lemah memberikan keuntungan kepada PAS sehingga pada PRU-10 (1999), bilangan ahli parlimen PAS bertambah daripada lapan kepada 27 (termasuk satu di kerusi majoriti Melayu yang kecil). PAS menguasai Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu dan menang satu pertiga daripada semua kerusi di Kedah.[522]

---

[520] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media massa dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 48.

[521] Tindakan Mahathir memecat Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO sehingga mencetus gelombang reformasi telah menghakis hegemoni kuasa Mahathir sehingga sentimen anti-Mahathir memuncak. Malah, Mahathir digelar 'Mahafiraun' dan 'Mahazalim'. Pemecatan Anwar telah mengubah suasana politik Melayu terutamanya dengan penyertaan golongan muda dalam kancah politik kepartian berikutan penyertaan golongan tersebut dalam PAS.

[522] UMNO hanya memenangi satu daripada 14 kerusi di Kelantan dengan undi popular yang diperolehi adalah sebanyak 37 peratus. Di Terengganu, walaupun gagal memenangi sebarang kerusi daripada lapan kerusi parlimen, UMNO masih mendapat 41 peratus undi popular. Sementara di Kedah, UMNO hanya berjaya memenangi lima kerusi dan PAS pula sebanyak lapan kerusi dengan undi popular 50-50. Lihat Francis Loh Kok Wah. *Politik Baru di Malaysia*, hlm. 10.

University of Malaya

Keputusan PRU-10 (1999) menunjukkan bahawa, pengaruh PAS tidak hanya terbatas di kawasan luar bandar di negeri Utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. PAS berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan di bandar, termasuk di Lembah Klang.[523] Pada pilihan raya tahun tersebut juga PAS terus mengekalkan pemerintahan di Kelantan sejak 1990 dan berjaya menawan Terengganu daripada pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional.[524]

Perubahan sokongan daripada UMNO kepada PAS pada PRU-10 (1999) merupakan "cabaran yang paling bersejarah". Hal yang demikian ini merupakan satu pencarian alternatif kepada sistem kerajaan di luar rangka UMNO dan BN, tetapi masih mengekalkan pendominasian Melayu di samping boleh bertolak ansur dengan kaum lain. Kesimpulan pada pertikaian yang dibuat adalah, walaupun tidak mendapat perhatian khusus oleh kelas menengah Melayu di bandar, tetapi PAS mendapat faedah yang paling besar dalam pilihan raya ini.[525] UMNO hanya menang 27 kerusi daripada 58 kerusi majoriti Melayu yang besar (bilangan pengundi Melayu melebihi 66 peratus), biasanya terletak di luar bandar.

[523] Keputusan PRU-10 (1999) menunjukkan jumlah undi yang diterima oleh Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi UMNO merosot kepada 52.9 peratus manakala Barisan Alternatif (BA) yang diterajui PAS berjaya mendapat 47.1 peratus undi.

[524] Di Kelantan, kejayaan PAS memerintah bermula pada tahun 1990 yang kemudianya melakukan pembaharuan khususnya berkaitan dengan struktur pentadbiran dan program-program Islam bagi membentuk pemikiran Melayu-Islam. Usaha tersebut membolehkan kedudukan PAS di Kelantan semakin selesa sehingga kini dan sukar digugat oleh pihak UMNO dan BN. Lihat Ishak Saat. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2005, hlm. 81.

[525] Petanda yang paling bermakna mengenai peningkatan sokongan kepada PAS setelah berlakunya pertambahan permohonan keahlian sebanyak sepuluh kali ganda dalam masa enam bulan selepas krisis Anwar, dengan rekod permohonan tertinggi adalah seramai 15,000 orang pada bulan Oktober 1998. Lihat Hilley, J. Malaysia: *Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008, hlm. 237. Selain itu, peningkatan sokongan kepada PAS juga ditandai dengan bertambahnya jumlah edaran akhbar *Harakah* yang diterbitkan dua kali seminggu. Dari awal krisis Anwar sehingga penghujung tahun 1998, pengedarannya meningkat daripada 60,000 naskah kepada lebih kurang 300,000 naskah. Temubual dengan Zulkifli Sulong pada 21 Januari 2015.

University of Malaya

Manakala PAS menang 27 kerusi dan KeADILan menang 5 kerusi.[526] Prestasi UMNO dalam 58 kawasan parlimen majoriti Melayu yang besar (pengundi Melayu melebihi 66 peratus) pada PRU-10 (1999) telah menunjukkan penurunan ketara berbanding pilihan raya sebelumnya. (Jadual 3)

Jadual 3: Prestasi UMNO Dalam 58 Kerusi Majoriti Melayu yang Besar di Semenanjung Malaysia (Jumlah pengundi berdaftar melebihi 66 peratus)

Negeri	**Peratusan undi untuk UMNO**			**Peratus perubahan 1999-1995**	**Peratus kerusi majoriti Melayu besar dalam negeri (1999)**
	1990	**1995**	**1999**		
Kelantan	32	43	37	- 6	100
Terengganu	64	55	41	-14	100
Perlis	61	68	56	-12	100
Kedah	61	59	50	- 9	66
Pahang	73	69	53	-16	45
Melaka	77	87	66	-21	40
Perak	64	70	54	-16	30
Pulau Pinang	76	77	52	-25	27
Selangor	68	82	51	-31	18
Johor	79	86	75	-11	15
N. Sembilan	72	86	55	-32	14
Keseluruhan (Semenanjung)	**58**	**62**	**49**	**-13**	

Sumber: Francis Loh Kok Wah. *Politik Baru di Malaysia*. 2005, hlm. 10.

Pada PRU-11 (2004),[527] Parti Keadilan Rakyat (PKR) masih lagi bersama PAS bagi menyaingi UMNO dan iklim politik masih tidak berubah. Sekali lagi menyaksikan UMNO

[526] Lihat Maznah Mohamad. The Contest for Malay Votes in 1999: UMNO's Most Historic Challenge. Dlm. Francis Loh Kok Wah and Johan Saravanamuttu (edt). *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies. 2002, hlm. 56.

[527] Keputusan PRU-11 (2004) menyaksikan perubahan yang ketara berbanding keputusan PRU-10 (1999). BN mendapat kejayaan yang jauh lebih baik berbanding sebelumnya dengan memenangi 198 kerusi parlimen daripada 219 kerusi keseluruhannya. UMNO menunjukkan prestasi yang memberangsangkan setelah memenangi sebanyak 109 kerusi parlimen (berbanding 71 kerusi pada PRU-1999). Kemerosotan yang besar dialami oleh parti PAS yang hanya mendapat 7 kerusi berbanding dengan 27 kerusi pada PRU-10 (1999). Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*, hlm. 109.

University of Malaya

bersaing dengan PAS dan PKR (gabungan PKN dengan PRM) untuk menguasai undi orang Melayu.[528] PRU ini memperlihatkan PAS mengalami kemerosotan setelah tidak mampu berdepan dengan populariti Perdana Menteri, Abdullah Badawi (Pak Lah) yang dilantik menggantikan Mahathir pada tahun 2003. Beliau dilihat lebih sederhana dan digelar *Mr. Clean.* UMNO juga berjaya meraih sokongan padu setelah melaungkan keazaman untuk memerangi gejala rasuah.[529] Pada masa sama, gagasan Islam Hadhari yang baru diperkenalkan dapat membina persepsi bahawa UMNO semakin menerima Islam sebagai dasar perjuangan lebih-lebih lagi Abdullah Badawi merupakan cucu kepada ulama tersohor iaitu Abdullah Fahim. Tindakan ini sekaligus berjaya menenggelamkan imej PAS sebagai parti yang memperjuangkan Islam.[530]

Keputusan PRU-12 (2008) mengubah landskap politik Malaysia.[531] Senario politik di Malaysia didapati sama sekali berubah dengan memperlihatkan wujudnya satu politik baru iaitu politik yang bukan berasaskan kaum. Keputusan tersebut memberi kesan yang besar kepada UMNO dan BN. Keadaan ini meletakkan UMNO dan BN dalam keadaan yang tidak pernah dialaminya sebelum ini. UMNO berada dalam keadaan yang sangat defensif dan setiap tindakan dan gagasan pemimpinnya dilayan dengan sinis dan kritikal oleh rakyat.[532]

Di sebalik persepsi yang mengatakan UMNO kehilangan sokongan, antara fakta penting yang terhasil dari pilihan raya tersebut ialah betapa pengundi Melayu secara umumnya masih bersama UMNO dan BN. Perubahan undi *(swing)* dalam kalangan

---

[528] Lihat Amer Saifudee. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*, hlm. 34.
[529] Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 43.
[530] Ibid., hlm. 44.
[531] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 1.
[532] Lihat Haris Zulkapli. *Cabaran Politik Baharu Malaysia*. Kuala Lumpur: Media Icon. 2009, hlm. vii.

University of Malaya

pengundi Melayu secara puratanya sekitar lima peratus berbanding pengundi Cina (30 peratus) dan pengundi India (60 peratus). Pengundi Melayu yang berubah (menyokong PR) adalah pengundi Melayu yang berada di bandar dan pinggir bandar.[533] Selain pengundi Melayu dari kampung-kampung tradisional, pengaruh UMNO pada pilihan raya ini juga kuat dalam kalangan pengundi Melayu yang berada di Tanah Rancangan Felda yang menyumbang sekitar 40 kerusi Parlimen kepada UMNO dan BN.[534]

Isu yang berlegar dalam analisis politik negara berdasarkan keputusan PRU-12 (2008) termasuklah berkenaan dengan kedudukan dan pengaruh UMNO dalam persada politik negara. Persoalan yang timbul adalah, benarkah orang Melayu telah menolak dan membenci UMNO? Sejauhmanakah pula kedudukan dan pengaruh UMNO dalam kalangan masyarakat Melayu? Parti politik manakah yang menjadi pilihan orang Melayu bagi menggantikan UMNO? Senario tersebut ada benarnya jika dianalisis berdasarkan kepada pencapaian UMNO di negeri yang majoritinya orang Melayu (khususnya di kawasan pertandingan langsung UMNO dengan PAS yang majoriti pengundi Melayu melebihi 70 peratus) seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Perak.

Menganalisis dari sudut jumlah undi yang diperoleh oleh calon UMNO dan PAS berdasarkan pertandingan langsung antara UMNO dan PAS dalam PRU-12 (2008), tidak banyak perbezaan sebagaimana yang berlaku dalam pilihan raya tahun 1970-an dan 1980-an. Berdasarkan keputusan PRU-12 (2008), jumlah undi yang diperoleh oleh calon UMNO

[533] Lihat Wan Abd Rahman Latif. *Teori Domino: PRU 13 BN Tumbang*. Kuala Lumpur: Jundi Resources. 2010, hlm. 49.
[534] Ibid., hlm. 50.

University of Malaya

dan PAS di kawasan parlimen di negeri Kelantan, Kedah, Terengganu, Perak dan Selangor tidak menunjukkan jumlah perbezaan yang besar.[535] (Jadual 4)

Jadual 4: Jumlah Undi Kawasan Parlimen dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-12 (2008) di Kelantan, Kedah, Perak, Selangor dan Terengganu

Negeri	Undi UMNO	Undi PAS
Kelantan	222 847 undi	273 965 undi
Kedah	174 481 undi	185 787 undi
Perak	82 123 undi	80 079 undi
Selangor	118 809 undi	122 061 undi
Terengganu	173 459 undi	145 955 undi
Jumlah	**771 719 undi**	**807 847 undi**

Sumber: *Berita Harian*. 9 Mac 2008 dan dipetik dan disesuaikan daripada Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*. 2011, hlm. 116.

Terdapat enam kawasan parlimen yang berlaku pertandingan antara UMNO dengan PAS di negeri Perak (tidak mengambil kira pertandingan yang berlaku antara PAS dengan parti komponen BN dan juga pertandingan UMNO dengan parti komponen Pakatan Rakyat yang lain). Kawasan parlimen tersebut ialah P55 Lenggong, P56 Larut, P57 Parit Buntar, P59 Bukit Gantang, P67 Kuala Kangsar dan P69 Parit. Daripada enam kerusi parlimen ini, dua kawasan telah dimenangi oleh PAS iaitu Parlimen Parit Buntar dan Bukit Gantang. Manakala, empat yang lain dimenangi oleh UMNO. Dari segi jumlah undi keseluruhan enam kerusi parlimen ini sebenarnya tidak terdapat perbezaan yang besar iaitu jumlah undi UMNO adalah 82,123 undi, manakala PAS pula sebanyak 80,079 undi. Perbezaan hanya 2,044 undi sahaja.[536] (Jadual 5)

[535] Lihat Mohd Noor Yazid. *Sebelum Kuasa Melayu/Islam Beralih Tangan*. Jurnal Pemikir. Januari – Mac 2011, hlm. 7.
[536] Ibid., hlm. 7-8.

University of Malaya

Jadual 5: Jumlah Undi Kawasan Parlimen dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-12 (2008) di Perak

Parlimen	Undi UMNO	Undi PAS	Perbezaan Undi
P55 Lenggong	10,992	6,073	4,919
P56 Larut	15,878	13,967	1,911
P57 Parit Buntar	13,670	21,221	7,511
P59 Bukit Gantang	18,449	20,015	1,566
P67 Kuala Kangsar	10,735	9,277	1,458
P69 Parit	12,399	9,526	2,873
Jumlah Undi	**82,123**	**80,079**	**2,044**

Sumber: *Berita Harian*, 9 Mac 2008 dan dipetik dan disesuaikan daripada Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*. 2011, hlm. 8.

Bagi negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang, jumlah undi yang lebih besar diperoleh oleh calon UMNO. Jumlah undi bagi calon PAS agak kecil berbanding dengan apa yang diperolehi di negeri Kelantan, Kedah, Selangor, Terengganu dan Perak.[537] (Jadual 6)

Jadual 6: Jumlah Undi Kawasan Parlimen dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-12 (2008) di Johor, Pahang dan Negeri Sembilan

Negeri	Undi UMNO	Udi PAS
Johor	146 959 undi	53 588 undi
Pahang	103 546 undi	71 357 undi
Negeri Sembilan	69 053 undi	32 044 undi
Jumlah	**319 558 undi**	**156 899 undi**

Sumber: *Berita Harian*, 9 Mac 2008 dan dipetik dan disesuaikan daripada Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*. 2011, hlm. 118.

Bersandarkan kepada prestasi UMNO dan BN yang merudum pada PRU-12 (2008), wujud desakan supaya Abdullah Badawi meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Tekanan dilihat berterusan termasuklah daripada Mahathir dan Muhyiddin Yassin (Naib Presiden UMNO). Mahathir berpendapat Abdullah Badawi harus mempertimbangkan

[537] Ibid., hlm. 8.

University of Malaya

peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana kekalahan besar UMNO dan BN pada PRU-12 (2008). Akhirnya, Abdullah Badawi mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Najib Tun Abdul Razak (Najib Razak) pada 3 April 2009.[538]

Era pemerintahan Najib Razak merupakan era yang cukup mencabar bagi UMNO dan BN selepas gagal mendapat majoriti dua pertiga kerusi parlimen dalam PRU-12 (2008). Pada masa sama, kehilangan penguasaan UMNO dan BN di Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Perak (kemudiannya bertukar kembali kepada BN setelah dua Adun PKR dan seorang Adun DAP keluar parti dan menjadi ADUN bebas yang mesra BN) serta kejayaan PAS meneruskan pemerintahan di Kelantan memberikan cabaran besar kepada Najib Razak untuk memikirkan formula terbaik bagi UMNO dan BN merampas kembali negeri tersebut serta memastikan UMNO dan BN terus berkuasa di peringkat nasional.[539]

---

[538] Kerjaya politik Abdullah Badawi banyak dicorakkan oleh Mahathir termasuklah membawa Abdullah Badawi kembali bersamanya dalam UMNO selepas perpecahan UMNO tahun 1987 sehinggalah kepada menggantikannya sebagai Perdana Menteri. Semasa Abdullah menjadi Perdana Menteri, hubungan akrab kedua-duanya berakhir dengan buruk. Hubungan kedua-duanya menjadi longgar selepas PRU-11 (2004) setelah Abdullah yang mendapat mandat besar dalam pilihan raya tersebut mahu melaksanakan perubahan urustadbir dan mencabar legasi Mahathir termasuklah menjarakkan diri daripada dasar-dasar Mahathir terutamanya projek-projek mega. Kemarahan Mahathir terhadap Abdullah menyebabkan Abdullah kehilangan sejumlah undi Melayu. Dendam Mahathir untuk melihat Abdullah disingkirkan daripada jawatannya sangat kuat sehingga Mahathir menyatakan sanggup melihat UMNO dan BN tewas untuk memastikan Abdullah tidak lagi menjadi Perdana Menteri. Mahathir juga membuat keputusan keluar UMNO pada Mei 2008 setelah tidak yakin dengan penggantinya iaitu Abdullah dan menggesa ahli-ahli UMNO lain supaya turut berbuat demikian. Tindakan akhir Mahathir untuk menjatuhkan Abdullah berlaku beberapa bulan kemudian setelah Majlis Tertinggi UMNO bersetuju untuk mengekalkan Abdullah sehingga pertengahan penggal (tahun 2010) sebelum menyerahkan kuasa kepada timbalanya, Najib. Mahathir dengan segera melancarkan kempen sehingga berjaya memendekkan tempoh tersebut kepada bulan April 2009. Lihat James U.H. Chin dan Bridget Welsh (Peny.) Kesedaran, Transformasi dan Zaman Pentadbiran Abdullah. Dlm. *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm xlv-xlix.

[539] Najib mempunyai tanggungjawab yang cukup besar setelah mengambil alih kuasa iaitu perlu memulihkan kembali UMNO. Mengenai hal ini, Mahathir berhujah; *"Mengenai usaha memulihkan UMNO, memang terserah kepada Najib. Oleh itu, jika dia terus ambil orang yang terlibat dengan rasuah, ini menunjukkan dia tidak mahu menukar imej UMNO. Imej UMNO sekarang ini sangat kotor. Kalau ada orang UMNO yang fikir orang sayang pada UMNO, orang itu buta dan pekak. Pemandu teksi pun cakap macam itu". Utusan Malaysia*, 3 April 2009.

University of Malaya

Menjelang PRU-13 (2013) yang diadakan pada 5 Mei 2013, persaingan antara UMNO (BN) dengan PAS (PR) semakin sengit dengan masing-masing meletakkan harapan yang tinggi untuk mencapai kemenangan. PRU-13 (2013) merupakan PRU pertama yang diketuai oleh Najib Razak selepas menyandang jawatan Perdana Menteri. Pilihan raya kali ini menjadi pentas untuk rakyat menilai pentadbiran Najib Razak yang genap empat tahun semasa Parlimen dibubarkan (3 April 2013). Bagi UMNO dan BN, mandat yang besar diperlukan untuk memastikan segala program transformasi yang dirancang dapat dilaksanakan oleh kerajaan dengan berkesan. Manakala, bagi PAS dan parti lain dalam gabungan PR, PRU-13 (2013) adalah merupakan PRU yang dinanti-nantikan untuk menawan Putrajaya. Lantaran itu, tidak hairanlah jika persaingan untuk menghadapi PRU-13 (2013) antara UMNO dan BN dengan PAS, PKR dan DAP (Pakatan Rakyat) menjadi bertambah sengit sehingga ada yang menggelarkan PRU-13 (2013) sebagai "ibu kepada segala pilihan raya".[540]

Keputusan PRU-13 (2013) menyaksikan UMNO dan BN masih meneruskan penguasaan di peringkat pusat. Walau bagaimanapun, jumlah kerusi parlimen yang dimenangi oleh UMNO dan BN terus berkurangan kepada 133 kerusi berbanding pilihan raya sebelumnya iaitu sebanyak 140 kerusi, sekaligus masih gagal menebus kegagalan mencapai majoriti dua pertiga. Selain itu, jumlah undi popular yang diterima oleh UMNO dan BN juga terus menurun kepada 47.3 peratus berbanding sebelumnya iaitu 52.9 peratus. (Jadual 7)

[540] Konsep "PRU-13 merupakan ibu kepada segala pilihan raya" turut diketengahkan oleh Muhyidin Yassin (Timbalan Presiden UMNO) semasa merasmikan secara serentak Persidangan Tahunan Puteri, Pemuda dan Wanita UMNO pada November 2011 yang bertemakan "Menunjangi Survival Bangsa; Suatu Jihad".

University of Malaya

Jadual 7: Undi Yang Diperoleh (Peratus) oleh Parti Dalam Pilihan Raya Parlimen di Malaysia

	1978	1982	1986	1990	1995	1999	2004	2008	2013
BN	57.4	60.5	57.2	53.5	65.1	56.6	63.8	52.9	47.3
UMNO	31.9	32.4	32.4	30.2	36.4	30.0	35.6	30.8	29.3
PAS	15.5	14.4	15.5	6.9	7.3	14.9	15.3	14.8	14.7
PKR	-	-	-	-	-	11.5	8.8	19.0	20.3

Sumber: Amer Saifudee, *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. 2009, hlm. 16.

Kelantan Sebagai Medan Perebutan Kuasa UMNO dan PAS

Kelantan menjadi negeri penting kepada survival parti politik yang berasaskan etnik Melayu-Islam seperti UMNO dan PAS. UMNO dan PAS ada kalanya menjadi simbol sekular dan Islam di Kelantan. Sungguhpun wujud parti politik Melayu lain di Kelantan seperti HAMIM, BERJASA dan Semangat 46 yang disifatkan sebagai parti serpihan UMNO ataupun PAS, survival atau kelangsungan politik parti serpihan ini tidak berpanjangan. Masyarakat Kelantan lebih meyakini perjuangan UMNO mahupun PAS.

Kelantan menjadi medan penting persaingan merebut kuasa antara UMNO dan PAS. Hal yang demikian ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti demografi dan budaya politik. Dari segi demografi penduduk, hampir 95 peratus penduduk Kelantan terdiri daripada masyarakat Melayu. Justeru itu, sebagai parti yang disertai oleh orang Melayu-Islam, UMNO dan PAS sangat memerlukan Kelantan bagi menaikkan imej dan seterusnya boleh menjadi simbol kekuatan parti. Secara khususnya, Kelantan menjadi penting kepada UMNO bagi mengelakkan Kelantan terus menerus dijadikan pengkalan politik kepada PAS. Tambahan pula, penguasaan PAS di Kelantan boleh membuka ruang kepada parti

University of Malaya

tersebut untuk meluaskan kuasa ke negeri lain seperti Terengganu, Kedah dan Perlis. Negeri-negeri ini turut mempunyai majoriti masyarakat Melayu.[541]

PAS secara khususnya pula melihat Kelantan menjadi penting kepada parti tersebut kerana Kelantan mempunyai jumlah penduduk Melayu-Islam yang ramai, situasi sedemikian memudahkan PAS untuk menang kerana dasar dan matlamat perjuangannya ialah Islam. Elemen Islam yang menjadi perjuangan politik PAS diyakini mampu untuk mendapat sokongan di Kelantan dengan Kelantan bolehlah dianggap subur dengan benih-benih keIslaman. Selain itu, PAS mahu menjadikan Kelantan sebagai simbol negeri Islam. Ideologi PAS yang memperjuangkan Islam didapati sebati dengan tradisi dan sifat semulajadi orang Melayu di Kelantan yang kuat berpegang kepada agama. Tambahan pula, matlamat PAS adalah untuk menegakkan Islam serta kebetulan tokoh-tokoh yang menyertai PAS kebanyakannya ulama, tok lebai dan ustaz menjadikan mereka lebih serasi dengan perjuangan PAS.[542]

Kedua, budaya politik di Kelantan agak berbeza dengan budaya politik di negeri lain. Perbezaan tersebut jelas terbukti dalam beberapa perkara seperti kepekaan rakyat Kelantan terhadap amalan demokrasi terutamanya semasa pilihan raya.[543] Masyarakat Kelantan mempunyai kepekaan dan keaktifan yang disifatkan sebagai kesedaran politik yang tinggi dengan minda politiknya yang sukar dibaca dan diramal. Kesedaran ini boleh

---

[541] Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. 2010.

[542] W. Shawaluddin W. Hassan. Orang Luar Sebagai Pemimpin Politik Di Kelantan: Satu Tinjauan Berdasarkan Pilihan Raya 1955-1990. Dlm. Mohamad Agus Yusoff. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995, hlm. 44.

[543] Hanapi Dollah. Politik Rakyat Kelantan Dalam Zaman Transisi, 1990-1995. Dlm. Mohamad Agus Yusoff. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995, hlm. 1.

University of Malaya

dilihat kepada jumlah keluar mengundi setiap kali pilihan raya dengan Kelantan mencatat jumlah undi tertinggi.[544]

Selain itu, politik di Kelantan agak dinamik terutamanya dalam memilih parti pemerintah dan pemimpin.[545] Wujud keberanian dan kesediaan orang Melayu Kelantan menanggung risiko dengan mengubah dan menukar 'selera' politik jika mendapati kerajaan yang sedia ada menyeleweng dari budaya dan tradisi orang Melayu-Islam.[546] Keadaan inilah yang menyebabkan citarasa masyarakat Kelantan seringkali berbeza dan tidak sehaluan dengan citarasa pemimpin pusat. [547] Sehingga kini, perjuangan parti UMNO dan PAS mendapat sambutan di Kelantan disebabkan oleh kedua-dua parti ini merupakan parti terawal yang sebati dalam kehidupan berpolitik masyarakat. Selain itu, kedua-dua parti ini juga menunjukkan jasa kepada rakyat semasa memerintah serta tidak banyak perbezaan

---

[544] Kelantan merupakan negeri yang paling tinggi kadar keluar mengundi dalam sejarah pilihan raya peringkat Parlimen. Secara keseluruhannya, dalam pilihan raya parlimen 1959 hingga 2013, peratus keluar mengundi dalam pilihan raya di Kelantan ialah antara 71 hingga 82 peratus. Misalnya, pada PRU-8 (1990), negeri Kelantan mencatat peratusan tertinggi iaitu (78.1 peratus), Pulau Pinang (76.5 peratus), Kedah (75.9 peratus), Johor (74.3 peratus) dan Pahang (73.8 peratus). Sementara itu, Kelantan juga mencatat jumlah undi rosak yang terendah. Lihat Mohd Sayuti Omar. *Dilema Politik Kelantan: Mampukan BN Gugat Angkatan?* Kuala Lumpur: Tinta Merah. 1994, hlm. iv-v.

[545] Walaupun dilabelkan sebagai menolak pembangunan (tidak menyokong UMNO/BN), bersifat kedaerahan (tidak suka orang luar) dan fanatik agama, keterbukaan fikiran orang Kelantan sangat jelas dalam bidang politik. Hal yang demikian ini berdasarkan kepada sifat keterbukaan masyarakat Kelantan untuk mengangkat 'orang luar' menjadi pemimpin seperti Amaluddin Darus (Perak), Zulkifli Mohamad, (Perak), Abu Bakar Hamzah (Perlis), Abu Hanafiah (Negeri Sembilan), Mohamad Sabu (Pulau Pinang), Daeng Sanusi Mariok (Johor) dan Mohd Hatta Ramli. Lihat Hussain Mohamed. Nilai Budaya dan Risiko Kuasa dalam Politik Melayu Kelantan. Dlm. Mohamad Agus Yusoff. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatdan dan Kemanusiaan, Bangi, Selangor. 1995, hlm. 31.

[546] Mana-mana parti politik yang tidak amanah dan menyeleweng dari budaya dan tradisi orang Melayu-Islam akan ditolak oleh rakyat. Hal yang demikian ini boleh dilihat kepada penolakan rakyat Kelantan terhadap PAS pada tahun 1978 kerana sebahagian besar pemimpin PAS telah melupakan tanggungjawab kepada rakyat. Mereka kebanyakannya mementingkan sanak saudara sendiri. Meluasnya politik nepotisme Mohd Asri dikatakan menjadi punca utama sehingga PAS di zaman Asri Muda dikenali sebagai 'Parti Asri Sekeluarga'. Manakala, kekalahan UMNO tahun 1990 dikaitkan dengan tindakan parti tersebut yang membelakangkan Sultan.

[547] Keberanian masyarakat Kelantan menukar selera politik ini kerana mereka tidak akan mengalami kerugian sekiranya berada di bawah pentadbiran UMNO mahupun PAS. Hal yang demikian ini kerana, kedua-dua parti ini adalah parti yang didukung oleh orang Melayu-Islam juga. Dengan demikian, pihak manapun yang berkuasa, tidak akan mencetuskan apa-apa perubahan atau kelainan yang mencemaskan. Lihat Hussain Mohamed. *Nilai Budaya dan Risiko Kuasa dalam Politik Melayu Kelantan*, hlm. 26-30.

University of Malaya

antara satu sama lain melainkan hanya matlamat dan pendekatan yang digunakan dalam mencapai matlamat tersebut.[548]

UMNO dan PAS mahukan Kelantan menjadi simbol kekuatan parti masing-masing. PAS mahu menjadikan Kelantan sebagai kubu kuatnya dengan Kelantan adalah pengkalan untuk melancar dan menggerakkan perjuangan. Kelantan yang mempunyai jumlah orang Melayu paling banyak menjadi sebab PAS beriya-iya untuk menguasainya. Keadaan ini memudahkan PAS untuk menang di Kelantan kerana dasar dan matlamat perjuangannya adalah Islam. Demikian juga bagi pihak UMNO. UMNO mahu merampas Kelantan berdasarkan kepentingan politik mereka sendiri. Kepada UMNO, selagi Kelantan menjadi milik PAS, selama itulah mereka merasakan parti mereka dianggap tidak Islamik.[549]

Perkembangan dalam persaingan PAS dan UMNO khususnya di Kelantan boleh disusurgalurkan dalam dalam dua gelombang yang berbeza. Gelombang pertama persaingan UMNO dengan PAS bermula sejak penubuhan kedua-dua parti ini sehinggalah kepada penubuhan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan. Gelombang kedua ialah permulaan kepada persaingan UMNO dan PAS setelah PAS disingkirkan daripada BN pada tahun 1977 yang menyaksikan PAS kembali menjadi pesaing kepada UMNO sehinggalah kini. Perkembangan politik di Kelantan sejak penubuhan UMNO dan PAS sebelum tahun 1978 secara umumnya diwarnai dengan pelbagai isu sehinggalah membawa kepada terbentuknya Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan BN. Bagi menganalisis perkembangan tersebut, UMNO yang ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1946 berdepan dengan keretakan

[548] Dalam agenda pemerkasaan Islam misalnya, PAS mengambil pendekatan menggunakan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dan mentafsirkannya sebagai landasan dan panduan perjuangan. Sementara UMNO mengambil pendekatan yang lebih terbuka berdasarkan kondisi dan realiti negara. Lihat Mohd Sayuti Omar. *Dilema Politik Kelantan*, hlm. 20.
[549] Ibid., hlm. vi.

University of Malaya

dalaman parti sehingga tertubuhnya PAS. Sungguhpun penubuhan PAS berlaku di Pulau Pinang, parti tersebut turut bertapak di Kelantan khususnya di Pasir Mas pada tahun 1953 atas inisiatif Amaluddin Darus.[550]

Sejak itu, persaingan kedua-dua parti berlaku terutamanya menjelang Pilihan Raya Persekutuan 1955. UMNO dan PAS pernah mengalami pasang surut politik di Kelantan dengan kedua-dua parti secara bergilir-gilir memerintah Kelantan sejak dari tahun 1955. Hal yang demikian ini menunjukkan, UMNO dan PAS pernah mendapat kepercayaan rakyat. Berasaskan kepada perkembangan yang berlaku di Kelantan sejak 1955, UMNO

[550] Kelahiran PAS di Kelantan bermula pada 23 Julai 1953 setelah cawangannya yang pertama ditubuhkan di Pasir Mas oleh Amaluddin Darus yang merupakan anggota bomba yang berasal dari Kedah. Detik-detik awal sebelum penubuhan cawangan yang pertama di Kelantan, Amaluddin mengambil daya inisiatif yang bukan sedikit di dalam usahanya mempengaruhi orang tempatan supaya menerima PAS. Dalam usahanya ini, Amaluddin berbaik-baik dengan masyarakat setempat seperti Ahmad Yatim dan Mohammad Hj. Senik yang kemudiannya menjadi tokoh yang turut bergiat sama dalam mengerakkan aktiviti PAS di Pasir Mas. Dengan usaha Amaluddin dan bantuan dua orang tokoh tersebut, akhirnya mereka dapat mengumpulkan lebih daripada 60 orang ahli di Pasir Mas yang kemudiannya membawa kepada tertubuhnya cawangan PAS di Pasir Mas dan merupakan yang pertama di Kelantan. Keputusan menubuhkan PAS Kelantan dibuat di dalam Masjid Pasir Mas. Saudara Omar Bin Yusoff, seorang saudagar getah dilantik menjadi ketua dan Amaluddin sendiri menjadi setiausahanya. Tertubuhnya cawangan PAS yang pertama ini, disusuli pula dengan penubuhan cawangan PAS di daerah lain di Kelantan. Cawangan yang kedua selepas Pasir Mas ialah Machang yang ditubuhkan pada 21 September 1953. Bangunan Madrasah Wataniah Machang dijadikan sebagai pusat kegiatan PAS Machang. Penubuhan cawangan ini adalah atas inisiatif Haji Mohd Nor Bin Yusof. Ketua bagi cawangan Machang ialah Ibrahim Muhammad, Setiausahanya ialah Haji Mohamad Daud, manakala Wan Ismail sebagai Penolong Setiausaha dan Ustaz Salleh Zaki sebagai Bendahari. Penubuhan cawangan PAS Pasir Puteh, Kota Bharu dan Tanah Merah dilakukan pada tahun berikutnya iaitu tahun 1954. Berkembangnya pengaruh PAS di Kelantan pada tahun 1954 dikaitkan dengan kemunculan Asri Muda dan Othman Abdullah. Penglibatan Asri Muda dalam kancah politik PAS di Kelantan membolehkan PAS berkembang dengan mempunyai cawangannya di seluruh pelosok Kelantan dalam masa yang singkat iaitu bermula Julai 1953 hingga bulan Mac 1954. Dilihat dari segi cepatnya PAS menubuhkan cawangannya di setiap pelosok negeri Kelantan, menggambarkan bahawa PAS dapat diterima dan disukai oleh rakyat Kelantan. Meskipun pada peringkat awal permulaannya agak sukar bagi PAS untuk mendapatkan ahli, namun begitu, PAS kemudiannya berjaya memenangi hati rakyat Kelantan dengan isu yang digunakan iaitu berkaitan dengan perjuangan orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Lihat Ibnu Hasyim. *Konflik UMNO-PAS: Satu Penyelesaian Menurut Islam*. Kuala Lumpur: GG Edar Sdn. Bhd. 1993, hlm. 45. Lihat juga Abdul Halim Mahmood. *Gelora Politik Kelantan.* Kuala Lumpur: Tinta Enterprise. 1993, hlm. 26 dan lihat juga Russli Bin Kamaruddin. *Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Suatu Tinjauan*. Dlm. Mohammad Agus Yusof (Peny). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995, hlm. 130.

University of Malaya

mula berkuasa sejak Pilihan Raya Persekutuan 1955 setelah menang di semua 16 kerusi DUN dan lima kerusi parlimen yang dipertandingkan.[551]

Pada Pilihan Raya Umum Pertama tahun 1959 pula, PAS berjaya merampas kerajaan negeri daripada UMNO. PAS menang 28 kerusi daripada 30 kerusi DUN. Pilihan Raya Umum 1959 merupakan pilihan raya pertama diadakan selepas merdeka.[552] Pilihan raya ini tidak lagi memfokus kepada usaha mencapai kemerdekaan negara tetapi lebih terarah kepada pengisian kemerdekaan.[553]

Kekalahan besar PAS pada PRU-6 (1982) berpunca daripada perpecahan yang berlaku dalam PAS setelah berlakunya krisis Menteri Besar yang melibatkan Muhammad Nasir. Pelantikan Muhammad Nasir pada tahun 1975 sebagai Menteri Besar Kelantan yang diperkenankan oleh Tun Abdul Razak untuk menggantikan Ishak Lofti, iaitu anak saudara Mohd Asri meruntuhkan kerajaan negeri pimpinan PAS. Mohd Asri mengaitkan pelantikan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar dengan peranan dua orang tokoh UMNO.

---

[551] Semasa Pilihan Raya Persekutuan 1955, UMNO Kelantan berjaya menyapu bersih kesemua kerusi yang ditandinginya. PAS pada waktu itu bukan lawan yang setanding dengan UMNO. Kegemilangan UMNO dan Parti Perikatan menyapu bersih kelima-lima kerusi parlimen di Kelantan terbukti dengan keupayaannya memperoleh sejumlah 130,513 undi berbanding dengan PAS yang hanya memperoleh 13,399 undi. Parti Negara pimpinan Onn Jaafar (bekas Presiden Pertama UMNO) memperoleh sebanyak 33,784 undi. Calon bebas dan undi rosak, masing-masing mencatatkan sejumlah 1,758 dan 4,354 undi. Asri Muda dalam percubaan julung kalinyanya di kawasan Kelantan Timur telah tewas dan hilang wang pertaruhan dengan hanya memperoleh 2,292 undi berbanding dengan calon Perikatan, Nik Hassan Nik Yahya yang mendapat 30,954 undi. Akibat kekalahan teruk ini, PAS telah melancarkan gerakan dan kempen secara aktif untuk menjelaskan dasar perjuangan parti tersebut kepada rakyat. Lihat Abdul Rahman Ismail dan Mohammad Agus Yusoff. Pencapaian PAS dan UMNO Dalam Politik Kelantan, 1959-1990. Dlm. Mohammad Agus Yusof (Peny). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995, hlm. 109-110.

[552] Dalam PRU-1 (1959), seramai 259 calon bertanding untuk merebut 104 kerusi. Di peringkat negeri pula, sebanyak 282 kerusi dipertandingkan. Parti Perikatan bertanding di 282 kerusi, PAS (200 kerusi), *Socialist Front* (124 kerusi), PPP (39 kerusi), Parti Negara (79 kerusi) dan *Malayan Party* (6 kerusi). Pada PRU-1 (1959), PAS membangkitkan isu Perlembagaan 1956 iaitu kedudukan Bahasa Melayu dan agama Islam.

[553] Lihat Hussain Mohamad, Proses Politik dan Pilihan Raya di Negeri Terengganu 1954-1978. Dlm. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*. Malaysia Dari Segi Sejarah. Bil. 11, 1980, hlm. 104.

University of Malaya

Pelantikan tersebut telah mengenepikan calon pilihan PAS iaitu Haji Wan Ismail yang pernah menjadi Setiausaha Politik Asri semasa PAS menyertai UMNO.[554]

Bermula dengan krisis dalaman PAS di Kelantan, krisis tersebut menjadi semakin meruncing setelah wujud pergeseran politik mulai tahun 1977 antara UMNO dan PAS ketika kedua-dua parti masih berada dalam BN. Kesan daripada krisis itu menyebabkan ketidaktentuan politik Kelantan sehingga PAS disingkirkan daripada BN pada Disember 1977. Penyingkiran PAS telah membuka ruang kepada UMNO bagi memperkemaskan parti sehingga berjaya menawan kembali pemerintahan Kelantan daripada PAS dalam pilihan raya yang diadakan pada bulan Mac 1978.[555]

Tindakan Muhammad Nasir yang membongkar rahsia pentadbiran PAS sejak zaman Asri Muda yang selama ini tertutup rapat dari segi pengetahuan rakyat Kelantan ternyata tidak disenangi oleh PAS. Tambahan pula, Muhammad Nasir walaupun Menteri Besar yang mewakili PAS tetapi banyak tindakannya dilihat lebih mesra UMNO. Muhammad Nasir kemudiannya dipecat daripada PAS dan dikenakan undi tidak percaya oleh 20 ADUN. Akibatnya, Muhammad Nasir kehilangan jawatan Menteri Besar.[556]

Usaha Muhammad Nasir mendedahkan penyelewengan PAS mendapat simpati rakyat Kelantan dengan memberikan sokongan padu kepadanya. Berlakulah demonstrasi di

---

[554] Lihat Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim (Peny.) *Politik Melayu dan Demokrasi.* Kuala Lumpu: A.S Nordeen. 1996, hlm. 50.

[555] PAS memenangi lima kerusi parlimen dan hanya menang dua kerusi DUN di Kelantan iaitu, Selising dan Manik Urai. Rentetan daripada peristiwa tersebut, parti komponen BN yang utama iaitu UMNO dan BERJASA telah berkongsi kuasa di Kelantan. Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 40.

[556] Lihat Halim Mahmood dan Kamal Osman. *Politik Kelantan: Korban Digeruni*. Kuala Lumpur: Tintan Enterprise. 1995, hlm. 82.

University of Malaya

setiap pelosok negeri Kelantan terutamanya di saat-saat penggulingannya kerana mahu mempertahankannya dari kerusi Menteri Besar. Tetapi, undang-undang membenarkan seorang MB dilucutkan jawatan setelah kalah dalam undi tidak percaya di DUN. Muhammad Nasir kemudiannya bertindak menubuhkan BERJASA. Ahli PAS yang tidak bersetuju dengan kepimpinan Asri Muda sebagai presiden mula mengambil keputusan keluar parti dan seterusnya menyertai BERJASA yang diterajui oleh Muhammad Nasir.[557] Muhammad Nasir menjadi 'wira' rakyat Kelantan kerana sikap jujurnya.[558]

BERJASA kemudiannya mengadakan kerjasama politik dengan UMNO bagi mengharungi PRU-5 (1978), terutamanya bertujuan untuk menentang PAS, khususnya di Kelantan. UMNO dan BERJASA bekerjasama erat untuk menjatuhkan PAS. Pembahagian kerusi DUN dan parlimen antara UMNO dan BERJASA dibuat dengan UMNO berjaya mendapat lebihan kerusi berbanding BERJASA. UMNO sebagai parti induk meletakkan lebih ramai calonnya dalam Pilihan Raya Negeri 1978.[559]

Akibatnya, UMNO menang lebih banyak kerusi. BERJASA memenangi 13 kerusi DUN sahaja. Hal yang demikian ini bermakna, UMNO berjaya membentuk kerajaan Kelantan yang disertai oleh BERJASA. UMNO melantik Menteri Besarnya iaitu Muhammad Yaakob yang dibawa dari kerajaan pusat. Hasrat rakyat Kelantan melihat Muhammad Nasir menjadi Menteri Besar baru tidak kesampaian. Sebaliknya, Muhammad Nasir dihantar ke pusat untuk menjawat jawatan Menteri Tugas-Tugas Khas. Kelantan hilang seorang pemimpin yang benar-benar diperlukan, seorang yang popular dalam kalangan rakyat Kelantan. Populariti Muhammad Nasir beransur pudar. Sebaliknya,

[557] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 40.
[558] Lihat Halim Mahmood dan Kamal Osman. *Politik Kelantan: Korban Digeruni*, hlm. 82.
[559] Ibid., hlm. 83.

University of Malaya

populariti Tengku Razaleigh semakin meningkat setelah berjaya merampas Kelantan sesudah 18 tahun diperintah PAS.[560]

Pada PRU-5 (1978), PAS mula kembali bertanding melawan UMNO setelah pada pilihan raya sebelumnya iaitu PRU-4 (1974), kedua-dua parti tersebut bersama dalam BN. PAS bertanding menggunakan lambang sendiri. PAS yang tidak menjangkakan penubuhan BERJASA, mengambil keputusan mencipta pelbagai isu untuk menentang UMNO dan BN, tetapi gagal. PAS mengalami kekalahan yang teruk di Kelantan iaitu hanya memenangi dua kerusi DUN iaitu Selising dan Manik Urai. Manakala, UMNO berjaya merampas 34 kerusi daripada 36 kerusi yang dipertandingkan. Rentetan daripada peristiwa tersebut, UMNO dan BERJASA berkongsi kuasa di Kelantan.[561]

Krisis dalaman parti meletakkan UMNO dan PAS dalam situasi getir memandangkan krisis tersebut boleh melemahkan parti. Kegagalan mengurus krisis dalaman boleh menyebabkan perpecahan dalam parti dan berkemungkinan berdepan dengan risiko kehilangan penguasaan. Buktinya, PAS hilang penguasaan di Kelantan pada tahun 1978 setelah berlaku krisis Menteri Besar iaitu Muhammad Nasir. Begitu juga dengan UMNO yang berdepan dengan krisis kepimpinan akibat perebutan sengit jawatan Presiden UMNO antara Mahathir dan Tengku Razaleigh sehingga menyebabkan parti tersebut diharamkan oleh mahkamah pada tahun 1988 yang kemudiannya menyebabkan UMNO kehilangan penguasaan di Kelantan.[562]

---

[560] Ibid., hlm. 84.
[561] Ibid., hlm. 40.
[562] Pada PRU-8 (1990), UMNO tidak memenangi sebarang kerusi di Kelantan. Sebaik sahaja UMNO tewas, UMNO mengambil tindakan drastik kononnya bagi mengajar dan memberi kesedaran kepada rakyat Kelantan seperti memberhentikan pemberian subsidi baja kepada para petani, membekukan projek-projek raksaksa, menukar guru-guru yang menyokong PAS ke kawasan pedalaman atau ke negeri lain dan sebagainya.

University of Malaya

UMNO dilanda krisis demi krisis akibat perebutan jawatan. Pada tahun 1981, perebutan jawatan Timbalan Presiden berlaku. Tengku Razaleigh yang merupakan Naib Presiden UMNO dan Menteri Kewangan ditentang oleh Musa Hitam.[563] Musa Hitam yang mendapat sokongan Mahathir yang ketika itu baru dilantik menjadi Perdana Menteri telah menang dan kemudiannya Musa Hitam dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.[564]

Para penyokong Tengku Razaleigh tidak dapat menerima kemenangan Musa Hitam memandangkan Tengku Razaleigh dikira lebih 'senior' berbanding Musa Hitam. Mahathir mahukan Musa Hitam menjadi timbalannya. Penglibatan Mahathir dalam pemilihan tersebut menyebabkan UMNO berpecah. Ketidakpuasan dan rasa marah kepada Mahathir wujud kerana campur tangan dalam perebutan jawatan pada pemilihan sehingga menjadikan keadaan di dalam UMNO semakin parah. Pertandingan jawatan sama itu berulang pada tahun 1984. Pada pertandingan tersebut, kemenangan berpihak kepada Musa Hitam.[565]

Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri, tidak senang dengan Mahathir kerana gagal memenuhi hasratnya supaya menyingkirkan Tengku Razaleigh daripada barisan kabinet sehingga Musa Hitam mula memusuhi Mahathir. Bermulalah krisis pimpinan 2M (Mahathir-Musa) yang selama ini dianggap secocok. Krisis ini membawa

---

Pengamalan politik sedemikian menjadikan UMNO dilabelkan sebagai parti zalim di Kelantan. Lihat Mohd Sayuti. *Dilema Politik Kelantan*, hlm. 33.

[563] Dalam pertandingan merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO pada 26 Jun 1981, Musa Hitam menewaskan Tengku Razaleigh dengan majoriti 205 undi. Musa Hitam mendapat 722 undi sementara Tengku Razaleigh mendapat 517 undi dengan majoriti 205 undi. Dalam pertandingan kali kedua pada 26 Mei 1984 untuk merebut kerusi yang sama, Musa Hitam mendapat 744 undi dengan Tengku Razaleigh mengutip 501 undi dan Harun Idris mendapat 34 undi. Pertandingan ini memberikan kelebihan undi kepada Musa Hitam sebanyak 243 undi, iaitu 38 undi lebih banyak dari majoriti diperolehinya pada tahun 1981.

[564] Lihat Halim Mahmood dan Kamal Osman. *Politik Kelantan: Korban Digeruni*, hlm. 84.

[565] Ibid., hlm. 84-85.

University of Malaya

kepada perletakan jawatan Musa Hitam.[566] Tatkala krisis kepimpinan antara Tengku Razaleigh dan Mahathir dilihat berterusan, telah membawa kepada rangka kerjasama antara Musa Hitam dan Tengku Razaleigh bagi menentang kepimpinan Mahathir.[567]

Pemilihan jawatan tertinggi dalam UMNO tahun 1987 menyaksikan pertarungan antara regu Mahathir dan Ghafar Baba dengan regu Tengku Razaleigh dan Musa Hitam. Mahathir ditentang oleh Tengku Razaleigh untuk jawatan Presiden UMNO, sementara Musa hitam ditentang oleh Ghafar Baba untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO. Ghafar Baba berada di kerusi Naib Presiden ketika pertandingan tersebut sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri menggantikan Musa Hitam. Justeru itu, wujudlah *Team* A dan *Team* B akibat perebutan kuasa dalam UMNO. Pertandingan tersebut yang membawa kemenangan tipis kepada *Team* A merupakan pertandingan yang paling sengit dalam sejarah UMNO.[568]

Tengku Razaleigh kalah dalam pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO pada 24 April 1987. Tengku Razaleigh dan Musa Hitam yang tewas telah membawa kes tersebut ke mahkamah sehingga menyebabkan pengharaman UMNO pada 12 Februari 1988. Krisis melanda UMNO setelah Tengku Razaleigh bertindak keluar dari UMNO pada tahun 1988 dan menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 dengan tujuan meneruskan semangat dan idealisme UMNO, iaitu memperjuangkan nasib bangsa Melayu.[569]

---

[566] Peletakan jawatan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 16 Mac 1986 turut dikaitkan dengan 'Peristiwa Memali' di Kampung Memali, Baling, Kedah pada 18 November 1985 yang mengorbankan seramai 18 orang termasuk 4 orang anggota polis. Peristiwa Memali membuka peluang kepada pihak pembangkang, terutamanya PAS untuk mengurangkan bilangan kerusi BN. Selain Kelantan dan Terengganu, pengaruh PAS berkembang pesat di Kedah, Perlis, Perak dan Selangor. Pengaruh PAS juga bertambah tidak lama selepas Peristiwa Memali setelah seorang penyokongnya iaitu Othman Talib dibunuh di Lubuk Merbau dalam Pilihan Raya Kecil Padang Terap, Kedah pada 18 Januari 1985. Lihat Mohd Sayuti Omar. *Analisis Pilihan Raya 1995*, hlm. 42.
[567] Lihat Halim Mahmood dan Kamal Osman. *Politik Kelantan: Korban Digeruni*, hlm. 85.
[568] Ibid., hlm. 85-86.
[569] Ibid., hlm. 86.

University of Malaya

Penglibatan PAS dalam kancah politik Malaysia memperlihatkan perluasan pengaruh yang mendadak selepas berlakunya kemelut politik yang melanda UMNO pada tahun 1988. Perpecahan berlaku dalam UMNO sehingga tertubuhnya Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46). PAS tidak menunggu lama untuk mengambil kesempatan di atas kemelut tersebut setelah mengadakan kerjasama dengan Semangat 46. Kerjasama kemudian diperluaskan juga dengan BERJASA dan HAMIM menerusi Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Pada 21 Oktober 1990, APU berjaya menumbangkan kerajaan BN di Kelantan. Permuafakatan politik yang terjalin membolehkan APU berjaya menawan Kelantan yang dikuasai oleh UMNO pada PRU-8 (1990). Ternyata kerjasama yang dilakukan melalui APU banyak memberi manfaat politik kepada PAS. PAS dan Semangat 46 mencapai kemenangan besar setelah menyapu bersih kerusi DUN dan parlimen di Kelantan. Gabungan APU berjaya menoktahkan penguasaan UMNO di Kelantan.[570]

UMNO mengalami kekalahan yang teruk di Kelantan sehingga tidak memenangi sebarang kerusi DUN dan parlimen. Keputusan PRU-8 (1990) memperlihatkan permulaan kepada kebangkitan semula PAS terutamanya di Kelantan.[571] Perpecahan UMNO di peringkat pusat menjadi punca. Kekuatan Semangat 46 di Kelantan adalah disumbangkan oleh pengaruh Tengku Razaleigh. Setelah beliau menubuhkan Semangat 46, seluruh kekuatan UMNO tertumpu kepada Semangat 46 sehingga PAS dilihat menumpang Semangat 46 untuk merampas semula Kelantan dari UMNO pada PRU-8 (1990). Tetapi, Semangat 46 menjadi parti kedua di Kelantan selepas PAS.[572]

---

[570] PRU-8 (1990) merupakan pilihan raya pertama PAS di bawah Presiden barunya iaitu Fadzil Noor dan kali pertama PAS bertanding bersama Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh. Formula yang digunakan oleh Fadzil Noor dalam menguruskan persefahaman politik dengan Semangat 46 dalam APU ternyata berhasil setelah berjaya menguasai Kelantan. Ibid., 87.
[571] Ibid., hlm. 87.
[572] Ibid., hlm. 87.

University of Malaya

Pada PRU-8 (1990), Semangat 46 menentang UMNO. Pembahagian kerusi menyaksikan Semangat 46 mendapat kurang kerusi berbanding PAS. Hal yang demikian ini kerana, Semangat 46 mempunyai matlamat menubuhkan kerajaan pusat. Penubuhan APU memberi kekuatan kepada PAS. Keputusan PRU-8 (1990) menunjukkan bukan sahaja UMNO hilang penguasaan di Kelantan, malah beberapa pemimpin utama UMNO Kelantan seperti Tengku Ahmad Rithauddin dan Mohamad Yaakob telah kecundang.[573]

Sejak APU mentadbir Kelantan mulai 21 Oktober 1990, pelbagai krisis berlaku antara PAS dan Semangat 46. Krisis tersebut termasuklah krisis PAS dengan Wan Hashim Wan Daud (Setiausaha Kerajaan Kelantan) mengenai pertukaran Pegawai Tadbir Negeri (PTN) dan krisis dengan pihak Istana berkaitan dengan campurtangan pihak Istana dalam pentadbiran kerajaan negeri. Ironinya, krisis yang berlaku disebabkan beberapa peristiwa yang menjadi punca perpecahan seperti isu ketidakadilan pembahagian jawatan dan pangkat.[574]

[573] Ibid., hlm. 87.

[574] Sebelum pilihan raya tahun 1990, persetujuan dicapai untuk memperuntukkan jawatan Menteri Besar kepada PAS di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis walaupun kerusi Semangat 46 melebihi daripada kerusi PAS dalam Dewan Undangan Negeri, manakala jawatan Timbalan Menteri Besar diberikan kepada Semangat 46. Selepas pilihan raya, hanya Kelantan yang menang. PAS telah memungkiri janji dengan jawatan Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar dikuasai oleh PAS. Tindakan PAS menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penyokong Semangat 46. Justeru itu, bagi meredakan keadaan, PAS mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar II untuk Semangat 46, walaupun Perlembagaan Negeri menyatakan hanya satu jawatan Timbalan Menteri Besar. Berasaskan sikap menghormati keutuhan dan perpaduan dalam APU, Semangat 46 menerima jawatan tersebut yang hanya bertaraf EXCO. Selain itu, agihan jawatan 'politik' dan 'bukan politik' dalam pentadbiran kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan anak-anak syarikatnya dimonopoli oleh PAS. Pada awal 1996, PAS bertindak mengurangkan kuota Ahli Majlis Perbandaran dan Daerah dari Semangat 46 walaupun EXCO Kerajaan Kelantan membuat keputusan kuota 1995 dikekalkan. Lihat Wan Imran Wan Ab. Rahim. *Krisis Politik Kelantan… Siapa Salah… Sultan? Semangat 46? Atau PAS.* Kota Bharu: Penerbit Federal Public Agency, 1996, hlm. 3-6.

University of Malaya

Isu pindaan Perlembagaan Negeri juga gagal untuk diselesaikan.[575] PAS menolak permintaan Semangat 46 agar meminda Perlembagaan Negeri pada tahun 1991 bagi membolehkan dua orang wakil Semangat 46 yang menang dalam Pilihan Raya Kecil Sungai Pinang dan Limbongan disahkan sebagai wakil rakyat kawasan berkenaan. Masalah tersebut berpunca daripada ADUN Limbongan iaitu Wan Najib Wan Muhamad dan ADUN Sungai Pinang iaitu Nordin Salleh yang bertanding dan menang atas tiket Semangat 46 telah 'melompat' parti dengan menyertai UMNO. Mereka digugurkan secara automatik sebagai ADUN. Pilihan Raya Kecil diadakan. Semangat 46 meletakkan Haji Samat Mamat sebagai calon di Limbongan dan Haji Mahmood Yaacob di Sungai Pinang manakala calon UMNO ialah bekas wakil rakyat yang 'melompat' itu. Keputusan pilihan raya tersebut memihak kepada Semangat 46.[576]

Calon BN yang kalah membawa kes tersebut ke mahkamah dan kemudiannya mahkamah mengisytiharkan bahawa, pindaan Perlembagaan Negeri untuk melucutkan jawatan ADUN secara automatik sekiranya melompat parti adalah tidak sah dan mereka kekal sebagai ADUN. Semangat 46 meminta PAS membuat pindaan Perlembagaan Negeri sekali lagi bagi membolehkan wakil rakyat yang menang dalam pilihan raya kecil itu sah sebagai ADUN. PAS berjanji untuk melaksanakan tetapi tidak ditunaikan sehingga menimbulkan kemarahan Semangat 46.[577]

Selain itu, pada April 1996, PAS menjalankan kempen untuk meminda Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan bagi menghadkan kuasa Sultan Kelantan. Hasrat

---

[575] Ibid., hlm. 10-11.
[576] Lihat Wan Imran Wan Ab. Rahim. *Krisis Politik Kelantan… Siapa Salah… Sultan? Semangat 46? Atau PAS?* hlm. 10.
[577] Ibid., hlm. 11.

University of Malaya

PAS itu ditentang oleh Semangat 46 sehingga menimbulkan krisis yang lebih besar.[578] Pada 7 Julai 1996 semasa Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan, PAS meminda Enakmen Saraan (1980) Pindaan 1995 khusus untuk menurunkan gaji bulanan Mohd Rozali Isohak selaku Timbalan Menteri Besar II.[579]

Isu yang wujud ternyata merobek kesabaran Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh. Pada Mac 1996, Tengku Razaleigh mengadakan pertemuan 'rahsia' dengan Mahathir (Presiden UMNO). Tindakan Tengku Razaleigh tersebut dikritik hebat oleh pemimpin PAS Kelantan. Kemuncak kepada krisis tersebut ialah pada 14 Julai 1996, PAS memutuskan hubungan dengan Semangat 46 di semua peringkat. Semua portfolio dan jawatan yang dipegang atau dianggotai oleh EXCO dan ADUN dari Semangat 46 dilucutkan.[580]

Semenjak tahun 1990, PAS berjaya menguasai Kelantan dan terus menterjemahkan aspirasi 'Membangun Bersama Islam' dalam pentadbiran. Gagasan tersebut adalah merupakan cetusan idea Nik Aziz selepas dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan, merupakan idea yang realistik dan mengambil kira realiti sosio-politik masyarakat Kelantan.[581]

Dengan slogan "Membangun Bersama Islam" yakni satu sistem pentadbiran yang diasaskan dalam kerangka Islam, setiap dasar dalam pentadbiran negeri dirangka mengikut

[578] Ibid., hlm. 4.
[579] Ibid., hlm. 83.
[580] Ibid., hlm. 5.
[581] Lihat Wan Abd Rahman Latif. *Teori Domino: PRU 13 BN Tumbang*, hlm. 67.

University of Malaya

tuntutan hukum Islam dalam setiap aspek pengurusan pentadbiran.[582] Terdapat tiga aspek dasar dan program yang dilaksanakan iaitu program pentadbiran dan kewangan,[583] program kemajuan Islam[584] dan program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.[585]

---

[582] Bagi mencapai hasrat tersebut, pelbagai dasar dilaksanakan yang berasaskan tiga prinsip utama iaitu *Ubudiah*, *Mas'uliah* dan *Itqan*. *Ubudiah* berkait dengan soal Iman (Akidah), yakni merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah SWT yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepada-Nya. Keadaan tersebut memberi siqnifikan dari susut sifat dirinya, tujuan hidupnya serta cara aktivitinya. Apakah tujuan mentadbir sebuah negeri? adakah sebagai ibadat atau penderhakaan kepada Allah SWT? *Mas'uliah* pula berkait rapat dengan soal Amal (Syariat), iaitu pertanggungjawaban (akauntabiliti) yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah SWT sebagai pemberi tanggungjawab. Segala kerja (tanggungjawab) akan dipersoalkan oleh Allah SWT untuk pengadilan. Aspek ini dirakamkan dalam konsep khilafah. Manakala, *Itqan* berkait dengan soal Soleh (Akhlak), yakni merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan pada peringkat awal dan disusuli dengan fokus dalam melakukan kerja. Juga bermaksud berterusan dengan tidak memberi ruang berlakunya penyelewengan atau sikap sambil lewa. Lihat *Kelantan Menerajui Perubahan*, hlm. 22-23.

[583] Bagi program pentadbiran dan kewangan, sumber pendapatan kerajaan negeri diasingkan melalui akuan halal dan haram, pemindahan akaun simpanan tetap kerajaan daripada sistem perbankan riba kepada sistem perbankan Islam, pinjaman secara Islam kepada kakitangan kerajaan, sistem Al-Rahn iaitu Pajak Gadai Islam, menubuhkan Tabung Serambi Mekah, Tabung Amanah Tok Kenali, Skim Takaful Kifaalah untuk warga emas dan sebagainya.

[584] Program kemajuan Islam pula meliputi sambutan hari Hudud, sambutan bulan sembahyang, mengimarah masjid, Ihya' Ramadhan, kempen menutup aurat, menghapuskan aktiviti pelacuran, penubuhan unit dakwah halaqat, meningkatkan aktiviti dakwah melalui jabatan dan agensi kerajaan, mempertingkatkan fungsi bahagian dakwah di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, menambahkan peruntukan MAIK, menyelaraskan aktiviti bersama badan-badan dakwah, program kursus perkahwinan, ujian HIV kepada bakal pengantin lelaki dan perempuan, menganjurkan program kursus keluarga bahagia, memartabat tulisan Jawi, pengisytiharan Kota Bharu sebagai Bandar Raya Islam, Dasar Kebudayaan Negeri berteraskan prinsip Islam, Dasar Pelancongan Negeri berprinsipkan Islam, Dasar Pencegahan Gejala Sosial Negeri, Dasar Belia Negeri, Dasar Wanita Negeri, Pakej Pelancongan bulan Ramadhan, menggalakkan penyertaan bukan Islam di Majlis kebesaran Islam dan program rasmi kerajaan, sukan wanita menutup aurat dan pembinaan Masjid Jubli Perak di Rantau Panjang yang berkonsepkan senibina China.

[585] Menetapkan pembinaan rumah sekurang-kurangnya perlu tiga bilik, Rumah Dhuafat kepada rakyat yang daif, jihad ternak, penutupan premis-premis judi, melarang menjual, menyaji arak ditempat awam, hotel dan restoran, tidak mengeluarkan lesen premis kepada pusat hiburan, pengawalan kedai gunting, mewujudkan kaunter berasingan bagi lelaki dan wanita di pasar raya, mengasingkan lelaki dan wanita dalam majlis rasmi, Hospital An-Nisa, cuti bersalin ditambah daripada 42 hari kepada 60 hari, bekerja lima hari seminggu dengan cuti pada hari Jumaat dan Sabtu, penghulu wanita, penghulu tanpa Mukim, pelantikan kaum Cina, India dan Siam sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan, menguatkuasakan etika pakaian Islam iaitu menutup aurat, melarang papan tanda (iklan) yang memperagakan wanita dan yang bercanggah dengan Islam, kawalan waktu berniaga pada waktu Maghrib bagi membolehkan peniaga menunaikan solat, meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri 1998 yang mengutamakan nilai keIslaman, pengurusan hotel berkonsepkan Islam, bangunan bercirikan senibina Islam, papan tanda al-Quran dan doa-doa, membudayakan adat membuka dan menutup majlis dengan cara Islam iaitu dimulakan dengan membaca surah al-Fatihah dan menutup dengan surah al-Asr dan Tasbih Kafaarah, waktu pulang kerja diperawalkan dengan ditiadakan waktu rehat tengah hari dalam bulan Ramadhan, Dinar Emas, skim galakan tanaman pokok karas dan e-nikah. Sejak tahun 1990, Kerajaan Kelantan berjaya menubuhkan beberapa institusi pengajian tinggi yang mengkhususkan bidang-bidang tertentu berteraskan al-Quran ke arah melahirkan generasi yang beriman, bertakwa, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangunkan keluarga, masyarakat dan negara. Dalam mencapai hasrat tersebut, Yayasan Islam Kelantan (YIK) diberi amanah dan tanggungjawab memastikan kelangsungan pendidikan di Kelantan terutama pendidikan Islam sesuai dengan slogan "Membangun Bersama Islam". Program pendidikan Kelantan adalah lebih menekan kepada melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, akidah dan jasmani berdasarkan ajaran Islam. Program pendidikan yang

University of Malaya

Kelantan telah dikuasai oleh PAS sejak Pilihan Raya Umum 1990 di bawah pimpinan Nik Aziz sehingga PRU-13 (2013). Karisma kepimpinan Nik Aziz dengan imej Islam sukar untuk dicabar oleh UMNO sehinggakan semasa pentadbirannya UMNO belum berjaya untuk merampas kembali pemerintahan di Kelantan daripada PAS. Nik Aziz dianggap sebagai pemimpin sebenar orang Kelantan.[586] Peluang terbaik UMNO untuk kembali berkuasa di Kelantan ialah pada PRU-11 (2004) dan selepas PRK Pengkalan Pasir pada 6 Disember 2005, setelah BN menang kerusi DUN tersebut. PRK Pengkalan Pasir diadakan berikutan kematian ADUN PAS iaitu Wan Abdul Aziz Wan Jaafar. [587]

Pada PRU-11 (2004), memperlihatkan persaingan yang sengit antara UMNO dan PAS di Kelantan berdasarkan hasil jumlah undi dengan majoriti yang kecil. Hal yang demikian ini memandangkan, terdapat sebanyak empat kawasan DUN di Kelantan yang dimenangi oleh UMNO dengan majoriti kurang daripada 500 undi dengan majoriti paling kecil ialah Manik Urai (N41) iaitu sebanyak 53 undi. (Jadual 8)

---

dilaksanakan ialah antaranya penubuhan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang bertaraf universiti, penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong, penubuhan Maahad Tahfiz Sains, menubuhkan pusat Pembangunan Pondok Berhad, membuka Kelas Aliran Sains Tulen di Maahad Muhammadi Lelaki dan Perempuan, menubuhkan Kolej Pondok Darul Naim di Pasir Tumboh, Penubuhan Tadika Tengku Anis III di Pasir Mas dan menambah bilangan guru al-Quran dan Fardu Ain.

[586] *Mingguan Malaysia*, 9 Februari 2003.

[587] DUN Pengkalan Pasir merupakan kawasan sengit dalam persaingan UMNO dan PAS dengan keputusan yang silih berganti. Dalam PRU tahun 1974, 1990, 1995, 1999, 2004 dan 2013, kemenangan berpihak kepada PAS. Manakala, BN memenangi DUN tersebut pada PRU 1978, 1982, 1986 dan 2008. DUN Pengkalan Pasir (N.12) terletak dalam kawasan Parlimen Pasir Mas. Dalam PRK tersebut (2005), calon UMNO yang diwakili oleh Hanafi Mamat menang dengan mendapat 7422 undi mengalahkan Haji Hanifa Ahmad yang mendapat 7288 undi dengan majoriti 134 undi. Kemenangan BN telah menjadikan kedudukan BN kepada 22 kerusi, hanya satu kerusi di belakang PAS yang mempunyai 23 kerusi DUN. Pengerusi BN Kelantan ketika itu, Annuar Musa ada mencadangkan supaya DUN Kelantan dibubarkan sepenuhnya dan satu pilihan raya negeri diadakan bagi mendapat mandat baharu daripada seluruh rakyat Kelantan, tetapi Nik Aziz tidak menerima cadangan ini dan Kelantan terus berada dalam kedudukan 23-22 sehingga PRU-12 (2008). Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*, hlm. 143.

University of Malaya

Jadual 8: Kawasan DUN yang Dimenangi BN dengan Majoriti Kecil dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-11 (2004) di Kelantan

DUN	Undi UMNO	Undi PAS	Perbezaan Undi
N.41 Manik Urai	4362	4309	53
N.29 Selisisng	5679	5492	187
N.23 Melor	6775	6563	212
N.39 Mengkebang	5315	4999	316

Sumber: *Berita Harian*, 10 Mac 2008 dan dipetik dan disesuaikan daripada Mohd Noor Yazid, *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*, 2011, hlm. 145.

Pada PRU-11 (2004) juga, terdapat lima kawasan DUN di Kelantan yang dimenangi oleh PAS dengan majoriti kurang daripada 100 undi dengan majoriti yang paling kecil ialah Kemuning (N35) iaitu, sebanyak dua undi (Jadual 9). Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan PRU-11 (2004) dan selepas PRK Pengkalan Pasir, PAS hanya mempunyai majoriti satu kerusi dalam DUN di Kelantan dengan PAS sebanyak 23 kerusi dan BN sebanyak 22 kerusi.

Jadual 9: Kawasan DUN yang Dimenangi PAS dengan Majoriti Kecil dalam Persaingan UMNO–PAS Pada PRU-11 (2004) di Kelantan

DUN	Undi PAS	Undi UMNO	Perbezaan Undi
N.35 Kemuning	6078	6076	2
N.9 Kota Lama	9154	9120	34
N.32 Gaal	4969	4926	43
N.34 Temangan	5600	5525	75
N.33 Pulai Chondong	5866	5761	105
N.12 Pengkalan Pasir*	7168	7113	56

* Pada PRK Disember 2005, calon BN menang dengan majoriti sebanyak 129 undi.

Sumber: *Berita Harian*, 10 Mac 2008 dan dipetik dan disesuaikan daripada Mohd Noor Yazid, *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*. 2011, hlm. 148.

Kerajaan PAS Kelantan telah memprojekkan imejnya sebagai sebuah organisasi pemerintahan yang mewakili suatu budaya politik Melayu-Islam yang serba sederhana. Kehadiran seorang tokoh agama seperti Nik Aziz memimpin kerajaan negeri yang kaya dengan tradisi keilmuan dan amalan agama Islam itu jelas merupakan benteng psikologi

University of Malaya

politik yang cukup kebal bagi mendasari perjuangan politik Islam PAS. Nik Aziz merupakan Menteri Besar bertaraf ulama dan sebagai tokoh agama dan politik, Nik Aziz bukan sahaja terkenal dan dihormati oleh penyokong PAS tetapi juga sebilangan ahli UMNO. Pemerintahan Nik Aziz di Kelantan memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan PAS di Kelantan mahupun di peringkat nasional.[588]

Imej dan personaliti yang ada pada Nik Aziz dilihat sebagai seorang tokoh yang alim, berhemah sederhana, berjiwa rakyat dan penuh ketakwaan. Sifat-sifat sedemikian tidak pernah luntur walaupun setelah bergelar Menteri Besar. Semuanya ini dirasakan sukar untuk dimiliki oleh orang lain, khususnya orang UMNO, bahkan dalam PAS sendiri.[589] Imej Islam yang dimiliki oleh Nik Aziz sesuai dengan jiwa rakyat Kelantan. Rakyat dapat menerima keperibadiannya dan iltizamnya kepada Islam. Selain itu, keperibadian dan ketinggian akhlak serta hidup dalam kesederhanaan sebati dengan tindak-tanduknya sejak mula menceburkan diri dalam politik PAS pada tahun 1967.[590]

Nik Aziz disifatkan juga sebagai ikon 'perpaduan nasional' kerana mementingkan ummah berbanding perjuangan bersifat kebangsaan.[591] Pembinaan masjid berkonsepkan seni bina China yang diberi nama Masjid Jubli Perak, di Rantau Panjang membuktikan sifat keterbukaan.[592] Dari segi kualiti kepimpinan, imej politik bersih, jujur, ikhlas dan bertimbang rasa menjadi sandaran sehingga umum meramalkan betapa sukarnya UMNO

---

[588] Lihat Hussain Mohamed. Nilai Budaya dan Risiko Kuasa dalam Politik Melayu Kelantan. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (Peny.) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995, hlm. 34.
[589] Ibid, hlm. 34.
[590] Ibid., hlm. 35.
[591] Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. 2011, hlm. 56.
[592] Ibid., hlm. 57.

University of Malaya

memenangi semula Kelantan selagi Kelantan diterajui oleh Nik Aziz. Tambahan pula, rakyat Kelantan berpendapat penguasaan PAS di bawah kepimpinan Nik Aziz tidak melakukan 'dosa besar' sehingga perlu diganti dengan UMNO.[593]

Persaingan Merebut Undi Orang Bukan Melayu

Parti politik Melayu juga perlu mendapatkan sokongan daripada masyarakat bukan Melayu untuk menang dalam pilihan raya terutamanya di negeri Pantai Barat Semenanjung. UMNO dan PAS perlu mencari sokongan dalam kalangan orang bukan Melayu sebagai sokongan tambahan kepada orang Melayu. Namun begitu, bagi negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu serta negeri-negeri Utara seperti Kedah dan Perlis, undi daripada bukan Melayu tidaklah dianggap penting kecuali di bandar-bandar besar memandangkan negeri tersebut kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu.

Di negara ini, sukar bagi sesuatu parti untuk menguasai persada politik negara jika hanya mengharapkan sokongan Melayu sahaja. Sehubungan dengan itu, persoalan antara kaum juga merupakan isu penting yang perlu ditangani bagi menentukan halatuju perjuangan parti politik. Sejarah membuktikan di awal pembabitan UMNO dalam kancah politik negara, tindakan UMNO berkongsi kuasa dengan bukan Melayu diterima baik oleh orang Melayu dan bukan Melayu. Buktinya, dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, UMNO yang mengadakan muafakat politik bersama MCA dan MIC membentuk Parti Perikatan berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi parlimen.[594]

---

[593] Lihat Hussain Mohamed. *Nilai Budaya dan Risiko Kuasa dalam Politik Melayu Kelantan*, hlm. 34-35.

[594] Kemenangan Parti Perikatan memberikan kedudukan yang selesa kepada Parti Perikatan untuk menuntut kemerdekaan daripada British. Hal yang demikian ini menggambarkan wujudnya penerimaan masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu terhadap kerjasama politik antara kaum.

University of Malaya

UMNO semenjak awal lagi menyedari kepentingan suara masyarakat bukan Melayu berdasarkan jumlah mereka yang layak mengundi adalah besar. Faktor inilah membolehkan muafakat politik diwujudkan melalui Parti Perikatan yang membawa kepada kemenangan besar UMNO yang mewakili orang Melayu serta MCA dan MIC yang mewakili bukan Melayu pada pilihan raya tahun 1955. Pertambahan jumlah pengundi bukan Melayu menjadi lebih besar terutamanya pada PRU-1 (1959) yang merupakan pilihan raya pertama negara selepas mencapai kemerdekaan.[595]

PAS pada awal kewujudannya tidak bersetuju dengan tindakan UMNO yang berkongsi kuasa dengan bukan Melayu. Malah, PAS pernah mengecam UMNO kerana berkongsi kuasa dengan bukan Melayu. PAS tidak yakin bahawa UMNO akan dapat menjaga kepentingan orang Melayu memandangkan UMNO terikat dengan sekutunya dalam Parti Perikatan. Bahkan, Dewan Ulama PAS Kelantan mengeluarkan 'fatwa' mengatakan orang Islam yang berkongsi kuasa dengan orang kafir untuk memerintah negara, hukumnya menjadi kafir atau haram.[596]

Berbanding UMNO, PAS dilihat sukar untuk berdepan dengan masyarakat bukan Melayu bagi meraih sokongan. Persepsi masyarakat bukan Melayu terhadap PAS sebagai

---

[595] Sekiranya dibandingkan dengan pengundi pada Pilihan Raya Persekutuan 1955, pada PRU-1 (1959) menyaksikan pertambahan pengundi bukan Melayu dengan jumlah yang sangat besar sehingga hampir seimbang dengan jumlah pengundi Melayu. Daripada sejumlah 2,144,829 pengundi, sejumlah 1,217,000 (56.8 peratus) adalah pengundi Melayu, 764,000 (35.6 peratus) adalah pengundi Cina, 159,000 (7.4 peratus) adalah pengundi India dan 4,000 (0.2 peratus) adalah pengundi daripada bangsa lain. Hal yang demikian ini bermakna, jumlah pengundi bukan Melayu adalah 927,000 orang (43.2 peratus). Pertambahan jumlah pengundi pada tahun 1959 berkemungkinan besar akibat daripada pertambahan mereka yang layak mengundi. Kira-kira 75 peratus penduduk negara ini kaum Cina dan India pada tahun 1955 berada di bawah umur 21 tahun yang menyebabkan mereka tidak layak mengundi. Oleh kerana pilihan raya tahun 1959 menggunakan daftar pemilih tahun 1958, mereka yang dahulunya berada dalam lingkungan 18 hingga 21 tahun pada tahun 1955 layak mengundi. Kemungkinan kedua ialah perlembagaan tahun 1957 yang menjadikan orang bukan Melayu lebih mudah menjadi warganegara menurut pendaftaran dan naturalisasi. Lihat Ismail Said. *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*, hlm. 75-76.

[596] Huraian terperinci telah dibincangkan pada bab tiga berkaitan dengan isu kafir mengkafir.

University of Malaya

sebuah parti yang kuat mendukung perjuangan Islam dan ditambah dengan usaha menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam menyebabkan masyarakat bukan Melayu curiga dengan perjuangan PAS dalam membela nasib mereka.[597] Malah, masyarakat bukan Melayu turut menganggap tindakan PAS yang menjadikan hasrat penubuhan negara Islam sebagai agenda utama politik tidak sesuai dalam konteks masyarakat majmuk di negara ini dengan kurang daripada 60 peratus masyarakat di negara ini diwakili oleh orang Islam.[598]

PAS semasa kepimpinan Dr. Burhanuddin pernah dicadangkan oleh Zulkifli Muhammad ketika menjadi Timbalan Yang Di Pertua Agung PAS supaya PAS membuka keahliannya kepada masyarakat bukan Islam sebagai ahli bersekutu. Cadangan tersebut merupakan satu langkah memungkinkan PAS menjadi wadah yang memperjuangkan kepentingan masyarakat majmuk. PAS belum bersedia dan cadangan tersebut ditolak sehinggalah Zulkiflimeninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.[599]

Ternyata, selagi PAS tidak mengetuk dan memecahkan tembok yang memisahkan orang Islam dan bukan Islam, PAS sukar untuk meluaskan pengaruhnya dan akan kekal sebagai pembangkang. Parti itu tidak akan berupaya mengatasi pesaing tradisinya iaitu UMNO. UMNO dilihat berupaya mengekalkan kuasanya kerana mampu mengikat sokongan pengundi bukan Melayu kepada BN. PAS akhirnya menerima hakikat bahawa

---

[597] Isu negara Islam bukanlah merupakan isu baru yang menjadi polemik antara UMNO dan PAS. Orang bukan Islam dihantui dengan idea yang mengatakan negara Islam akan menyekat kebebasan dan menjadikan mereka warganegara kelas kedua. Pada awal tahun 1985, PAS melalui Haji Hadi percaya DAP akan menyokong hasrat PAS mendirikan negara Islam. PAS berpendapat, DAP lebih memahami negara Islam berbanding dengan UMNO. Namun begitu, DAP meminta PAS membatalkan hasratnya untuk mendirikan negara Islam.

[598] Lihat Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long, Faudzinaim Badaruddin. Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia. Dlm. *Jurnal Hadhari*. Bil. 2. 2009, hlm. 43.

[599] Lihat Subky Latif. *Fadzil Noor: Dia Guru, Dia Kawan*. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd. 2012, hlm. 206.

University of Malaya

perjuangan parti itu seharusnya tidak terbatas kepada orang Melayu dan Islam sahaja. Bagi merungkai permasalahan tersebut, PAS telah menubuhkan Majlis Perunding Cina *(Chinese Consultative Council)* pada tahun 1983/84 atau lebih dikenali sebagai CCC. Penubuhan CCC kemudiannya dikaitkan dengan punca kekalahan besar PAS dalam PRU-7 (1986).[600]

PAS kemudiannya menubuhkan Lajnah Dakwah dan Hubungan Antara kaum (HAK) pada akhir tahun 1990-an bagi menyediakan platform untuk menjalin hubungan dengan bukan Melayu. Sungguhpun usaha demi usaha dilakukan oleh PAS untuk mendekati masyarakat bukan Melayu, PAS ternyata belum bersedia untuk membuka keahlian kepada bukan Melayu. Persoalannya ialah, perlukah PAS membuka keahliannya kepada bukan Melayu? Dalam hal ini, beberapa persoalan perlu dirungkai seperti aspek perlembagaan dan identiti parti tersebut. Aspek perlembagaan PAS yang mensyaratkan keahlian PAS mestilah Islam.[601] Selain itu, persoalan juga timbul sejauhmanakah PAS dapat mengekalkan identiti Islamnya jika berinteraksi dengan bukan Islam?

Pencapaian PAS dalam meraikan penyokong bukan Melayu dan bukan Islam ialah setakat menubuhkan kelab penyokong sebagai sekutu PAS. Berbanding sebelum ini, PAS mempunyai CCC dan HAK dan kini dikenali sebagai Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) yang menjadi platform kepada orang bukan Islam yang disifatkan sebagai ahli

[600] Pada PRU-7 (1986), terdapat 92 kawasan parlimen yang mempunyai majoriti pengundi Melayu (17 darinya mencapai lebih 90 peratus pengundi Melayu), 26 kawasan undi majoriti Cina dan 14 kawasan undi majoriti campuran. Di peringkat DUN pula, 261 adalah kawasan undi majoriti Melayu (82 darinya mencapai lebih dari 90 peratus), 61 majoriti Cina dan 29 adalah majoriti campuran. Penumpuan kawasan majoriti bukan Melayu adalah di negeri Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Keputusan menubuhkan CCC adalah perancangan strategik PAS untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina ketika itu. Malah, pada pilihan raya tersebut, calon CCC bertanding atas tiket PAS. Oleh kerana wujudnya CCC, PAS dilihat lari dari perjuangan asas sehingga PAS hilang banyak kerusi dan kalah dengan teruk. Lihat Mujahid Yusof. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme.* Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011, hlm. 86.

[601] Fasal 11 (2), Perlembagaan PAS (Pindaan 2011).

University of Malaya

bersekutu PAS dan bukannya ahli penuh. DHPP diusahakan penubuhannya oleh Mujahid Yusuf Rawa. Penubuhannya pada 23 Mei 2010 menyaksikan penyokong PAS dalam kalangan bukan Islam mempunyai ruang untuk bergiat dan melontarkan pandangan.[602]

Ketika Fadzil Noor mengetuai pimpinan PAS, tuntutan perkongsian kuasa semakin memuncak. Fadzil Noor berdepan dengan tuntutan perlunya PAS meraih undi bukan Islam demi merealisasikan cita-cita politik Islam PAS. Meraih undi bukan Islam mesti diusahakan.[603] Sehingga terbentuknya BA, Fadzil Noor berpegang kuat kepada pendekatan bekerjasama dengan CCC untuk mendekati dan menarik sokongan masyarakat bukan Islam. Setelah wujud pandangan untuk mendapat sokongan Cina melalui persefahaman dengan DAP, reaksi Fadzil Noor ialah DAP bukan satu-satunya organisasi politik orang Cina di negara ini. Banyak lagi pertubuhan selain DAP yang boleh diusahakan untuk dijadikan jambatan. Kebimbangan PAS pada ketika itu ialah parti tersebut belum tentu mendapat sokongan orang bukan Melayu/Islam melalui DAP. Sebaliknya, PAS mungkin berdepan dengan kehilangan sokongan orang Melayu yang sebelumnya telah setia bersama PAS. PAS tidak mempunyai kekuatan yang cukup untuk memberi imej baik tentang DAP kepada orang Melayu.[604]

Imej ekstremis yang dilontarkan kepada PAS dengan mengaitkan PAS sebagai 'Parti Taliban', terutamanya bagi menakut-nakutkan orang bukan Melayu menjadi cabaran kepada parti tersebut. Tindakan kerajaan pimpinan UMNO yang cuba mengaitkan PAS

---

[602] Penubuhan DHPP di peringkat nasional dilancarkan oleh Haji Hadi di Pejabat Tanah, Klang, Selangor. DHPP mempunyai keahlian (ketika itu) seramai 20,000 orang merupakan pengukuhan kepada penubuhan Kelab Penyokong PAS (KPP) yang ditubuhkan sejak tahun 2004 bagi menarik sokongan masyarakat bukan Melayu menjelang PRU-11 (2004). Lihat abunuha.wordpress.com.
[603] Lihat Subky Latif. *Fadzil Noor: Dia Guru, Dia Kawan*, hlm. 206.
[604] Ibid., hlm. 206-207.

University of Malaya

dengan kegiatan militan menjarakkan sokongan orang bukan Melayu terhadap PAS setelah menunjukkan prestasi yang baik dalam PRU-10 (1999). PAS digambarkan oleh UMNO menyokong Kerajaan Taliban di Afghanistan. Penangkapan dibuat terhadap beberapa aktivis pemuda PAS seperti Zainon Ismail, Nik Adli Nik Aziz, Rafi Udin, Lutfi Arifin, Solehan Ghaffar dan Alias Ngah. Mereka ini digelar sebagai Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) dan kemudiannya ditukar kepada Kumpulan Militan Malaysia. Penangkapan tersebut menimbulkan kemarahan rakyat sehingga ditubuhkan Gerakan Mansuhkan ISA (GMI).[605]

Bagi PAS, isu hudud, negara Islam dan imej ulama merupakan isu yang sengaja ditimbulkan oleh UMNO untuk menakut-nakutkan masyarakat bukan Melayu/Islam kepada perjuangan PAS. Perjuangan PAS seringkali menghantui masyarakat bukan Melayu tentang pembawaan Islam yang disifatkan agak radikal dan konservatif. Pelabelan golongan ulama dan golongan profesional dalam PAS menyebabkan pembawaan Islam terbelah kepada dua. Kebanyakan golongan ulama dalam PAS seringkali dikaitkan dengan pembawaan Islam yang bersifat tertutup dan konservatif berbanding pembawaan Islam oleh golongan profesional yang dikatakan lebih terbuka dan progresif. Penerimaan terhadap PAS bukan sahaja di negeri yang dihuni oleh majoriti orang Melayu, tetapi juga di negeri seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.[606]

---

[605] Penangkapan ahli KMM di bawah ISA adalah kerana dipercayai mereka mendapat latihan di Afghanistan bagi menggulingkan kerajaan. Nik Adli Nik Aziz yang merupakan anak Nik Aziz (Mursyidul Am PAS) ditahan di bawah ISA pada 4 Ogos 2001 kerana Nik Adli dipercayai dilantik sebagai ketua Mujahidin Malaysia. Lihat Riduan Mohamad Nor. *Menerjang Badai*, hlm. 93. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 9 Ogos 2001.

[606] Walaupun hanya berjaya memenangi dua buah kerusi DUN di Johor pada PRU-12 (2008) iaitu N-13 Sungai Abong dan N-15 Maharani, tetapi masih banyak kerusi Parlimen dan DUN yang memberi sokongan kuat kepada PAS seperti P-143 Pagoh (8447 undi), P-148 Ayer Hitam (6321 undi), P-151 Simpang Renggam (8597 undi), P-158 Tebrau (16202 undi), P-161 Pulai (17587 undi). Angka ini adalah agak baru bagi pengundi Johor kerana sebelum ini jumlah undi popular yang diperoleh PAS adalah jauh lebih kecil daripada undi yang diperoleh dalam PRU-12 (2008). Misalnya di P-158 Tebrau dan P-161 Pulai, terdapat peningkatan sokongan kepada PAS yang sangat besar. Dalam PRU-11 (2004), calon PAS di P-158 Tebrau iaitu Yaakob Mohd Yusof

University of Malaya

PAS menggunakan pendekatan muafakat politik atau *'tahaluf siyasi'* dalam usaha mendekati golongan bukan Islam bagi mematahkan penguasaan UMNO dan BN. Percubaan awal untuk membentuk sebuah pakatan alternatif telah dilakukan pada tahun 1990 dengan tiga parti utama iaitu PAS, HAMIM dan BERJASA membentuk APU. Namun begitu, pakatan tersebut mensasarkan pengundi beragama Islam. Usaha untuk membawa DAP melalui kerjasama ini bagi memperoleh sokongan bukan Islam tidak berjaya sehinggalah satu lagi perikatan yang muncul semasa tempoh tersebut ialah Gagasan Rakyat yang dibentuk pada 11 Oktober 1990.[607]

Gagasan Rakyat terdiri daripada Semangat 46, DAP, *Indian Progressive Party* (IPF) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Tindakan ini merupakan kali pertama dilakukan oleh parti pembangkang dengan cara yang tersusun dan diterajui oleh seorang pemimpin Melayu yang sudah terbukti dari segi kepimpinan iaitu Tengku Razaleigh. Semangat 46 pernah bertindak menjadi orang tengah kepada hubungan PAS dan DAP. Namun begitu, tindakan tersebut tidak berjaya sehinggalah dua bentuk kerjasama terpaksa dilakukan pada ketika itu iaitu APU yang melibatkan PAS, Semangat 46, BERJASA dan HAMIM. Manakala, satu lagi ialah Gagasan Rakyat yang melibatkan Semangat 46 dan DAP.[608]

---

hanya mendapat 6060 undi dan kemudiannya meningkat kepada 16202 undi pada PRU-12 (2008) iaitu peningkatan sebanyak 10 142 undi. Begitu juga peningkatan besar undi PAS di P-161 Pulai iaitu sebanyak 10,107 undi, dalam PRU-11 (2004) calon PAS, Md Nasir Abd Wahab mendapat hanya 7480 undi meningkat kepada 17587 undi dalam PRU-12 (2008). Peningkatan sokongan yang besar kepada PAS juga berlaku di beberapa kawasan DUN seperti N-43 Permas, N-46 Pengkalan Rinting dan N-49 Nusajaya. Di N-43 Permas, calon PAS mendapat sebanyak 11860 undi iaitu peningkatan sebanyak 7033 undi (dalam PRU-11 (2004) calon PAS yang sama hanya mendapat 4827 undi), di N-46 Pengkalan Rinting peningkatan undi PAS sebanyak 6426 undi dan di N-49 Nusajaya peningkatan undi PAS sebanyak 5583 undi. Angka-angka ini adalah sangat besar bagi sebuah kawasan DUN. UMNO harus melihat perubahan ini sebagai satu pola perubahan besar pengundi Melayu daripada UMNO kepada PAS. Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*, hlm. 109.

[607] Transparency International–Malaysia. *Reformasi Pembiayaan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. 2010, hlm. 42.

[608] Ibid., hlm. 42.

University of Malaya

Sebelum berlakunya isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO, pertemuan PAS dengan DAP adalah sensitif. UMNO mentafsirkan hubungan PAS dengan DAP sebagai 'hubungan tidak suci'. Bagi UMNO, hubungan akrab PAS dengan DAP dibimbangi mencabar muafakat politik BN. Isu pemecatan Anwar Ibrahim berjaya memecahkan tembok penghalang PAS dengan masyarakat bukan Islam. PRU-10 (1999) turut mencatat sejarah setelah parti utama pembangkang yang mempunyai ideologi, bangsa dan agama yang berbeza iaitu PAS, DAP, PRM dan parti baru, Parti Keadilan Nasional (KeADILan) telah bersatu mewujudkan kerjasama politik melalui penubuhan Barisan Alternatif (BA). KeADILan telah ditubuhkan pada 4 April 1999 bagi memperjuangkan pembebasan Anwar Ibrahim. Sebagai persediaan menghadapi pilihan raya, BA telah mengeluarkan satu manifesto bersama yang bertajuk "Ke Arah Malaysia Yang Adil" pada 24 Oktober 1999.[609]

Pada PRU-10 (1999), UMNO bertanding 92 kerusi daripada 144 kerusi parlimen di Semenanjung Malaysia. Selebihnya iaitu 52 kerusi parlimen iaitu 24 kerusi majoriti Cina, 20 kerusi campuran dan lapan kerusi majoriti Melayu yang kecil ditandingi oleh komponen parti lain dalam BN. Gabungan parti dalam BA pula bersetuju untuk membahagikan 144 kerusi parlimen di Semenanjung Malaysia dalam tiga cara iaitu membahagikan kerusi majoriti Melayu yang besar kepada PAS, kerusi majoriti Cina dan kerusi campuran kepada DAP dan kerusi majoriti Melayu yang kecil kepada Parti KeADILan.[610]

Keputusan PRU-10 (1999) menunjukkan beberapa pola pengundian baru yang menarik seperti sokongan orang Melayu kepada UMNO telah merosot, majoriti pengundi

[609] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*, hlm. 47.
[610] Lihat Francis Loh Kok Wah. *Politik Baru di Malaysia*, hlm. 7.

University of Malaya

muda tidak lagi bersama UMNO dan UMNO sebagai parti pemerintah semakin hilang kredibilitinya.[611] Dalam pilihan raya tersebut, wujud pertandingan satu lawan satu antara calon BN dengan calon BA yang menyaksikan banyak kawasan parlimen dan DUN berjaya dimenangi oleh PAS dan juga KeADILan yang menganggotai BA.[612] Sebaliknya, bagi DAP banyak kerusi yang sebelumnya dimenangi, telah kecundang disebabkan oleh kerjasama dengan PAS. Justeru itu, menjelang PRU-11 (2004), DAP kemudiannya memutuskan kerjasama dengan PAS dan KeADILan dalam BA dan bertindak sendirian bagi mengharungi PRU-11 (2004).[613]

Pemecatan Anwar Ibrahim menjadi pemangkin kepada pembentukan BA yang menggabungkan parti politik pembangkang. Parti politik yang bertanding menerima nasib yang berbeza dalam PRU-10 (1999). Keputusan menunjukkan BN terus memenangi lebih dua pertiga kerusi dalam Dewan Rakyat, gagal merampas kembali Kelantan dan tewas di Terengganu. Dalam pilihan raya itu juga UMNO dan DAP menerima nasib yang sama. Orang Melayu menolak UMNO dan menyokong PAS sementara orang Cina menolak DAP kerana bersekongkol dengan PAS.[614]

---

[611] Lihat Mohammad Agus Yusoff. *Politik Terengganu Selepas Pilihan Raya Umum 1999: Dari Royalti Ke Wang Ihsan*. Jurnal Jebat. Vol. 31. 2004.

[612] Setelah diambil kira bahawa daripada jumlah undi yang diperolehi oleh BN ialah 3,772,931 (iaitu 56.1 peratus) dan UMNO hanya perolehi 72 daripada 148 kerusi parlimen Barisan Nasional. Manakala, PAS dapat 1,075,491 undi (16.1%) dan KeADILan dapat 752,295 undi (11.2%). Didapati bahawa majoriti orang Melayu menyokong Barisan Alternatif (BA) dengan 70 peratus pengundi Melayu, 35 peratus pengundi Cina dan kurang dari 20 peratus pengundi India telah mengundi BA pada PRU-10 (1999). Kekuatan sokongan Melayu kepada BA jelas berlaku di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan di kawasan bandar di Selangor. BN pula mendapat sokongan kuat di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Lihat Kamaruddin Jaafar. *Pilihan Raya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia.* Kuala Lumpur: IKDAS. 2000, hlm. 27.

[613] Tindakan meninggalkan BA adalah disebabkan DAP tidak mahu dikaitkan dengan parti tersebut menyokong perjuangan PAS untuk menubuhkan negara Islam yang sememangnya tidak dapat diterima oleh pemimpin utamanya seperti Lim Kit Siang dan Karpal Singh. Malah, prestasi buruk DAP pada PRU10-(1999) dikaitkan dengan sentimen negara Islam.

[614] Lihat Ghazali Mayudin. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*, hlm. 60.

University of Malaya

Kemenangan masih lagi berpihak kepada BN dengan jumlah kerusi parlimen sebanyak 148 kerusi daripada 193 kerusi Dewan Rakyat yang dipertandingkan. Keputusan lain menunjukkan PAS menang sebanyak 27 kerusi parlimen, DAP sebanyak 10 kerusi, KeADILan sebanyak lima kerusi dan PBS tiga kerusi. Jumlah kerusi parlimen BN meningkat kepada 152 setelah PBS menyertai semula BN pada bulan Januari 2002 dan calon BN iaitu, Othman Abdul menang dalam Pilihan Raya Kecil di Pendang, Kedah pada 18 Julai 2002. Bagi kerusi DUN, BN memperolehi sebanyak 281 kerusi, diikuti PAS sebanyak 98 kerusi, DAP sebanyak 11 kerusi dan KeADILan sebanyak empat kerusi. Biarpun kemenangan BN melebihi dua pertiga, namun begitu BN telah kehilangan 10 kerusi parlimen (BN menang 162 kerusi parlimen tahun 1995) kepada pembangkang, terutamanya PAS.[615]

Pada PRU-11 (2004), keputusan pilihan raya menunjukkan sokongan terhadap PAS merosot sama ada di peringkat negeri mahupun pusat. Walaupun PAS berjaya meneruskan pemerintahan di Kelantan, tetapi bilangan kerusi yang dimenangi berkurangan. UMNO dan BN hampir berjaya menawan kubu PAS iaitu di Kelantan. Manakala, negeri Terengganu kembali kepada pemerintahan BN setelah sepenggal diperintah oleh PAS. Pembebasan Anwar Ibrahim daripada hukuman penjara pada tahun 2004 memberi cabaran kepada UMNO dan BN. Peranan Anwar Ibrahim yang berjaya merapatkan hubungan antara PAS dan DAP menjadi salah satu faktor ancaman kepada UMNO dan BN terutamanya dalam mengharungi PRU-12 (2008). Pada masa sama, UMNO mempersoalkan tindakan PAS yang mengadakan kerjasama dengan DAP yang disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai anti Islam, fanatik dan chauvanis. Sebaliknya, mengapa PAS tidak boleh mengadakan

[615] Lihat Syed Arabi Idid. *Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*. hlm. 47.

University of Malaya

kerjasama dengan UMNO yang dilihat lebih mudah berbanding dengan DAP dan PKR? Justeru itu, PAS dituduh telah menggadai prinsip perjuangan. Dalam hal ini, Nik Aziz menjelaskan bahawa PAS menyambut baik pendirian DAP sekarang ini kerana DAP sudah berubah sikap sehingga sanggup bekerjasama dengan PAS, asalkan PAS tidak mendirikan negara Islam.[616]

Menjelang PRU-12 (2008), PAS dilihat memposisikan parti tersebut yang merentasi semua kaum kerana PAS menolak politik perkauman yang sempit dan rasis. Membuktikan hal tersebut, PAS meletakkan calon bukan Islam berbangsa India iaitu P. Kumutha Raman untuk bertanding di DUN Tiram, Johor.[617] Pada masa sama, slogan *'PAS For All'* (PAS Untuk Semua) yang diperkenalkan sejak 11 September 2007 terus diperkasakan bagi menunjukkan keprihatinan parti tersebut terhadap seluruh rakyat tanpa mengira agama dan kaum. Slogan tersebut berjaya memecah persepsi negatif masyarakat terutamanya bukan Islam tentang perjuangan PAS.[618]

Slogan *'PAS For All'* juga bertujuan untuk mendekati golongan bukan Islam melalui gerakan dakwah bagi mengikis perasaan fobia kepada Islam kesan daripada Peristiwa 11 September 2001. Slogan ini dicetuskan oleh Mujahid Yusof Rawa yang juga merupakan Pengerusi Lujnah Perpaduan Nasional (LPN) PAS. Terdapat empat pendekatan

---

[616] *Berita Harian*, 12 Mei 1999.

[617] Berkelulusan ijazah Sarjana Muda Undang-undang di salah sebuah universiti di United Kingdom. Merupakan anggota Biro Perpaduan Kelab Penyokong PAS Johor. Sedutan ucapan P. Kumutha Raman *"Saya tahu saya tidak rasa terasing kerana saya percaya para pengundi sekarang lebih bersikap terbuka. Saya juga tahu orang Islam dan bukan Islam dapat menerima saya. Saya menyertai kelab ini kerana saya lihat PAS tidak radikal. Bagi saya, semua bangsa, tanpa mengira bangsa Melayu, Cina atau India, semuanya sama. Bagi saya, PAS adalah parti untuk semua. Jadi, tidak timbul soal sama ada saya layak ataupun tidak bertanding sebagai calon PAS."* Dipetik daripada *HarakahDaily.Net*. Dlm. Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Selangor: PTS Milenia Sdn. Bhd. 2011, hlm. 76.

[618] Lihat Mujahid Yusof. *Wajah Baru Politik Malaysia*. Petaling Jaya: Anbakri Publika Sdn. Bhd. 2009. hlm. 67.

University of Malaya

yang dilakukan oleh PAS bagi menambahkan keyakinan masyarakat bukan Melayu ialah pendekatan politik,[619] pertautan *(engagement)*,[620] kenyataan politik[621] dan perbahasan intelektual.[622]

Selepas PRU-12 (2008),[623] kebangkitan PAS bersama-sama dengan PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat menjadikan kedudukan PAS dalam kancah politik semakin terbuka. Unsur keterbukaan ini dibuktikan melalui tindakan PAS menangani persoalan agama seperti isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam, hukum orang bukan Islam memasuki masjid, hukum orang bukan Islam membaca ayat al-Quran, berpolitik di dalam masjid dan sebagainya. Pemerintahan PAS di Kelantan menjadi model kepada perubahan sikap masyarakat bukan Islam terhadap PAS. Sifat kesederhanaan dan personaliti yang mudah didekati yang ditunjukkan oleh Nik Aziz merupakan penawar kepada penerimaan

---

[619] Hal yang demikian ini termasuklah adanya usaha memecah tembok yang memisahkan antara ideologi PAS dengan pengundi bukan Melayu melalui Majlis Perunding Cina (CCC) pada tahun 1980-an. Dialog dengan Persatuan Cina bagi menyatakan pendirian PAS terhadap isu perkauman sering diadakan. Model Kelantan yang melibatkan penyertaan semua kaum dalam kepimpinan akar umbi pentadbiran, tahap hormat menghormati dan kepimpinan yang disegani semua kaum. Usaha Kelab Penyokong PAS, Kempen 'PAS Untuk Semua' *(PAS For All)* dan penerbitan risalah berbahasa Cina – *Reh Men She She*. Ibid., hlm. 67.

[620] Penyertaan PAS dalam isu yang melibatkan kepentingan kaum lain seperti memperjuangkan bahasa ibunda, hak beribadat, kebajikan merentasi kaum dan isu penyisihan sesuatu kaum dalam arus pembangunan dan lain-lain. Tindakan ini bukan sahaja simpati tetapi turut sama dalam isu seperti isu SRJK (C) Damansara, Protes Kenaikan Harga Minyak (PROTES), Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), Kempen Kebebasan Media, Gerakan Mansuhkan ISA (GMI). Kesemua ini adalah isu yang merentasi semua kaum. Ibid., hlm. 67.

[621] Pemimpin PAS membuat kenyataan yang meyakinkan pengundi bukan Melayu tentang keluasan perjuangannya dan ini memberi kesan kepada pemikiran pengundi khususnya yang disiarkan dalam akhbar-akhbar mereka. Contohnya isu perhimpunan HINDRAF (Badan Bertindak Hak Hindu), perobohan kuil di Shah Alam, menghormati kebebasan agama dan sebagainya. Ibid., hlm. 68.

[622] PAS mengambil bahagian dalam masyarkat sivil dalam perbahasan sihat melalui debat secara langsung. Pemikir PAS turut menulis dalam rencana, menghadiri seminar dan pengiktirafan orang lain kepadanya. Ibid., hlm. 68.

[623] UMNO dan BN menerima tamparan hebat setelah mengalami kekalahan yang teruk selepas gagal mempertahankan majoriti dua pertiga di parlimen pada PRU-12 (2008). Keputusan tersebut telah menyebabkan PAS berjaya merampas negeri Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Perak selain terus mengekalkan penguasaan di Kelantan. Dalam PRU-12 (2008), BN kehilangan kuasa di Kedah, Selangor, Perak dan Pulau Pinang manakala di Kelantan, PAS terus berkuasa. Keputusan pada masa itu menyaksikan 4,082,411 atau 50.6 peratus pengundi memihak kepada BN manakala 3,796,464 pengundi atau 49.4 peratus menyebelahi pihak pembangkang yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS.

University of Malaya

masyarakat bukan Islam. Pandangan Nik Aziz bersifat universal apabila dikaitkan dengan soal perpaduan.[624]

Isu penggunaan 'kalimah Allah' untuk orang bukan Islam berlaku setelah editor Majalah *Herald: The Catholic Weekly*, majalah Gereja Katholik menggunakan kalimah tersebut dalam artikel penerbitan majalah mingguan mereka. Hal ini mendapat banyak tentangan daripada orang ramai khususnya orang Melayu-Islam, kumpulan NGO Islam, parti politik serta pemimpin agama. Editor majalah tersebut, Reverend Lawrence Andrew membawa isu tersebut ke Mahkamah Tinggi bagi mempertahankan penggunaan kalimah itu.[625]

Timbul polemik setelah pihak gereja mahu menggunakan kalimah 'Allah' bagi menggantikan perkataan 'Tuhan' dalam kitab *Bible*. Isu tersebut dianggap sensitif dan bertukar menjadi isu politik antara UMNO dan PAS. UMNO agak konsisten tentang pendirian parti tersebut terhadap penggunaan kalimah Allah dengan menyatakan kalimah Allah adalah merupakan hak mutlak umat Islam dan tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam. PAS melalui Mursyidul Am iaitu, Nik Aziz berpendapat, berdasarkan prinsip al-Quran dan Islam, penggunaan kalimah Allah dalam kalangan bukan Islam (penganut agama warisan Nabi Ibrahim seperti Kristian dan Yahudi) adalah dibenarkan.[626]

---

[624] Muhammad Haji Muhammad Taib menyifatkan tindakan PAS yang mengabaikan sikap prihatin terhadap penyokong bukan Melayu boleh menyebabkan parti tersebut berdepan dengan kehilangan sokongan terutamanya daripada masyarakat Cina dan India. Malah, PAS juga bakal kehilangan ahli dan pemimpin yang bersifat terbuka dan progresif. Temubual dengan Muhammad Haji Muhammad Taib pada 25 Mei 2015.
[625] Lihat Mujahid Yusof. *Wajah Baru Politik Malaysia*, hlm. 69.
[626] Ibid., hlm. 68.

University of Malaya

Kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin PAS pada peringkat awal tidak konsisten dalam isu ini sehinggalah Majlis Syura Ulama parti tersebut membuat keputusan bahawa kalimah Allah hanya boleh digunakan oleh umat Islam sahaja. Selepas melihat dan mendalami beberapa perkara berkaitan dengan masyarakat pada ketika itu, Nik Aziz dilihat tidak konsisten dalam melontarkan pandangannya terhadap isu ini. Nik Aziz kemudiannya berpendapat:

> "Kita bimbang dan takut orang ini menyalahgunakan perkatan Allah iaitu salah guna dalam pengertian, sebab itu dalam fiqah kita boleh sekat orang bukan Islam guna perkatan Allah walaupun benda itu harus. Saya juga bimbang kalimah ini disalahgunakan sehingga menyebabkan orang Melayu beragama Islam keliru… dia kata sana Allah, sini pun Allah sehingga akhir-akhir ini dia minta gereja pun dipanggil masjid Kristian. Penggunaan Allah boleh tetapi bimbang disalahgunakan. Jadi lebih baik kita berhenti daripada membenarkan agama lain menggunakan perkataan Allah."[627]

Isu orang bukan Islam membaca ayat al-Quran pula timbul setelah seorang pemimpin politik berbangsa Cina iaitu Setiausaha DAP Perak, Nga Kor Ming (Ahli Parlimen Taiping dan ADUN Pantai Remis) membaca sepotong ayat al-Quran dalam ceramahnya pada kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Bukit Gantang, Perak. Laporan polis dibuat oleh Badan Bertindak Perpaduan Melayu (BBPM) di Ibu Pejabat Polis (IPD) Taiping, setelah menganggap tindakan Nga Kor Ming itu menghina Islam. Mufti Perak iaitu Harussani Zakaria turut bertindak mengutuk dan mengecam tindakan tersebut. Nik Aziz sebaliknya berpendapat tindakan tersebut membuktikan Islam berkembang kepada segenap masyarakat sehinggakan orang bukan Islam mampu membaca ayat al-Quran.[628] Nik Aziz juga turut menghantar surat kepada Nga Kor Ming bagi menyatakan pendirian dan harapannya. Kandungan surat tersebut adalah:

[627] Ibid., hlm. 70.
[628] Ibid., hlm. 124.

University of Malaya

> "Saya juga terharu mendengar keluhan YB yang berbunyi "saya berasa amat kesal apabila masyarakat Tionghua yang cuba mengenali Islam dan al-Quran melalui kitab berkenaan, tiba-tiba dihalang". Saya boleh memahami dan menyelami perasaan kecewa yang sedang melanda hati YB. Mudah-mudahan dengan sikap 'tidak mesra UMNO' dan pemimpin-pemimpin UMNO berkaitan kecenderungan masyarakat Tionghua dan India yang sihat ini, ia meningkatkan lagi kesedaran Non-Islam untuk lebih mengkaji, mendalami dan mengadakan forum serta wacana berkaitan Islam dengan cara yang lebih meluas."[629]

Keterbukaan PAS juga boleh dilihat dalam isu bukan Islam masuk ke masjid berikutan tindakan Ahli Parlimen DAP iaitu Teo Nie Ching menyertai satu Majlis Penyampaian Bantuan kepada ahli kariah Surau Al-Huda, Kajang Sentral, Selangor pada 22 Ogos 2010. Ketika itu juga, ahli parlimen tersebut menyampaikan sedikit 'tazkirah' sebelum menyampaikan bantuan. PAS melalui Nik Aziz memberikan pandangan terhadap isu tersebut dengan mempersoalkan kewajaran isu membenarkan orang bukan Islam masuk ke rumah ibadah orang Islam diperbesar-besarkan sedangkan orang bukan Islam yang membina dan membuat mimbar masjid tidak dipersoalkan.[630]

Isu kerjasama politik dengan parti bukan Islam atau *tahaluf siyasi* PAS dengan DAP juga timbul terutamanya melalui kewujudan Pakatan Rakyat (PR). PAS banyak menerima kritikan daripada ahli parti (termasuk Dewan Ulama) mahupun lawannya UMNO terhadap kerjasama dengan DAP. UMNO mendakwa PAS sanggup bersekongkol dengan pihak yang menentang perjuangan menegakkan negara Islam. Tindakan PAS yang menukar perjuangan membentuk 'Negara Islam' kepada 'Negara Berkebajikan', memecat EXCO agama Selangor, Hasan Ali dan tidak lagi membicarakan isu hudud disifatkan sebagai tindakan mengalah kepada sekutunya dalam PR terutamanya DAP.[631]

---

[629] Ibid., hlm. 127.
[630] www.themalaysiainsider.com. 6 September 2010.
[631] Bagi PAS, konsep Negara Berkebajikan adalah pelaksanaan kepada konsep negara Islam yang menekankan kepada pemerintahan yang adil dan baik, saksama, memberi perlindungan kepada rakyat, hak mereka dan kerajaan. Negara Berkebajikan juga membawa kepada pembinaan sebuah masyarakat yang

University of Malaya

Bagi menepis tuduhan tersebut, PAS berpendapat, *tahaluf siyasi* adalah penting bagi menangani isu negara yang bersifat majmuk. Kerjasama politik ini bukan sahaja dalam konteks pembangkang, tetapi turut melibatkan kerjasama dalam konteks mentadbir sesebuah negara yang lebih besar. Bahkan, jika PAS bersama gabungan pembangkang seperti Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA) mahupun Pakatan Rakyat (PR), sokongan kepada PAS oleh orang Melayu mahupun bukan Melayu menunjukkan peningkatan. Sokongan kepada PAS bukan lagi terarah di *Malay-belt* dan kawasan tradisi Melayu tetapi di Pantai Barat Semenanjung Malaysia seperti di Selangor. Pencapaian PAS di Selangor pada PRU-13 (2013), PAS menang di kawasan majoriti Melayu yang kurang 70 peratus seperti Hulu Langat (53 peratus), Shah Alam (69 peratus), Kota Raja (44 peratus) dan Sepang (57 peratus).[632]

PAS telah mendakwa untuk menegakkan hak Melayu dan syiar Islam serta menentang kerajaan BN yang mereka cap sebagai 'kafir' dan 'penjual hak Melayu' kerana kerjasamanya dengan parti yang terdiri daripada orang bukan Islam. Namun begitu, menjelang PRU-12 (2008) sehingga 2013 terutamanya, PAS sanggup bekerjasama dengan DAP yang hampir keseluruhan ahlinya terdiri daripada orang bukan Melayu dan bukan Islam. PAS berpendapat, tindakan parti itu lebih kepada membuat perubahan pendekatan bukannya dasar. Ternyata, sokongan kepada perjuangan politik Islam yang diperjuangkan

---

berlumba-lumba melakukan kebajikan *(Istibaq al Khayrat)* dan saling bekerjasama *(at-Ta'awun)* ke arah kejayaan *(al Falah)* pemerintah dan rakyat di dunia dan akhirat. PAS juga menyifatkan tindakan tersebut hanya melibatkan perubahan pendekatan (bukan dasar). Malah, Dokumen Negara Berkebajikan yang diutarakan oleh PAS diluluskan di peringkat pimpinan tertinggi dan Majlis Syura Ulama PAS, setelah dibincangkan secara terperinci dengan rujukan al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan ulama muktabar. Lihat Abdul Shukur Harun. *Gelombang di Pesisir Waktu*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah. 2012, hlm. 17-18

[632] Majoriti undi yang dimenangi oleh PAS ialah 17,267 (Hulu Langat), 10,929 (Shah Alam), 29,395 (Kota Raja) dan 1,142 (Sepang). Lihat spr.gov.my.

University of Malaya

oleh parti tersebut sangat menyerlah dalam PRU-12 (2008). Dalam kalangan bukan Melayu sendiri telah bersama orang Melayu menyokong PAS.[633]

Keadaan ini ditambah pula dengan tindakan PAS yang menukar slogannya daripada 'Membangun Bersama Islam' kepada 'Membangun Negara Berkebajikan' pada 2011. Tindakan menukar 'taktik' tersebut dilihat menenggelamkan desakan untuk membentuk negara Islam demi menarik sokongan daripada lebih ramai bukan Islam dan juga orang Melayu yang lebih sekular pendiriannya. Penekanan idea tersebut dikritik hebat oleh pesaing politik PAS iaitu UMNO dengan menyatakan bahawa PAS sanggup menggadai prinsip perjuangan demi meraih kemenangan politik. Malah, PAS dianggap terpengaruh dengan DAP sehingga menyebabkan PAS sanggup 'menjual' agama demi mencapai matlamat untuk mendapatkan kuasa dan pengaruh. PAS dilihat sanggup untuk meninggalkan perjuangan asal parti itu untuk memenangi pilihan raya. PAS diyakini jauh berbeza berbanding sebelumnya. Jika dahulu agenda penubuhan negara Islam dan undang-undang hudud merupakan perkara penting yang diperjuangkan oleh PAS, kini, interpretasi PAS terhadap Islam semakin terbuka dan moderat. Agenda yang lebih besar bagi PAS ialah bukan lagi penubuhan negara Islam tetapi negara berkebajikan.[634]

Pendapat tersebut disangkal oleh beberapa pemimpin tertinggi PAS termasuklah Presiden PAS sendiri iaitu Hadi Awang. Hadi Awang menyatakan UMNO dan BN sekarang ini menggunakan falsafah "Negara Pembangunan" *(Development State)* yang

[633] Pada 21 Ogos 2008, Pengarah Pusat Penyelidikan PAS (PPP), Dr. Zulkifli Ahmad menegaskan, kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh PPP jelas menunjukkan kemenangan PAS pada pilihan raya 8 Mac 2008 adalah hasil sokongan pengundi Cina dan India kepada PAS yang tidak pernah mereka berikan secara besar-besaran sebelum ini. Lihat Zulkifli Sulong. *Politik Baru Abad Ke-21: Perubahan ataupun Harapan Palsu*. Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2009, hlm. 63.

[634] Konsep 'Membangun Negara Berkebajikan' diketengahkan oleh Presiden PAS, Haji Hadi semasa membentangkan Ucapan Dasar Presiden pada Muktamar Tahunan PAS Ke-57 (2011).

University of Malaya

meletakkan pembangunan untuk kecemerlangan fizikal sebagai keutamaan. Manakala, PAS menawarkan sebuah pemerintahan menggunakan falsafah "Negara Berkebajikan" *(Caring Society)* yang mengutamakan pembangunan untuk kebajikan dan keselesaan rakyat sebagai agenda utama pembangunan negara dan bukannya Negara Kebajikan" (*Walfare State).*[635]

Penutup

Tidak dinafikan, perjuangan untuk memperkasakan orang Melayu dan agama Islam di negara ini adalah menjadi tanggungjawab parti yang berasaskan Melayu dan Islam seperti UMNO dan PAS. Penglibatan PKR juga tidak terkecuali walaupun disertai oleh pelbagai kaum kerana PKR masih lagi bersifat *'Malay-based'*. Dalam hal ini, adalah penting bagi UMNO yang menjadi tunjang pemerintahan negara untuk menjadi juara dalam membela masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Kegagalan UMNO untuk berbuat sedemikian menyebabkan orang Melayu beralih arah dengan memberikan sokongan kepada PAS mahupun PKR. PAS dan PKR pula harus menggunakan kesempatan yang ada setelah menguasai pemerintahan di peringkat negeri bagi menunjukkan kepada rakyat bahawa parti tersebut lebih terkehadapan berbanding UMNO.

Di sebalik usaha berterusan untuk menguasai dan menarik sokongan masyarakat Melayu, parti politik Melayu juga perlu menguasai masyarakat bukan Melayu. UMNO telah menyedari kepentingan mengadakan kerjasama politik dengan bukan Melayu/Islam

[635] Di Pihak PAS, pengalaman 2004 membolehkan parti itu belajar. Tidak ada lagi kempen bagi mewujudkan Negara Islam sebaliknya kempen untuk Negara Berkebajikan diketengahkan. Pengenalan "Dokumen Negara Islam' telah ditunjukkan sebagai punca kekalahan besar PAS dalam PRU-11 (2004). Lihat Zulkfli Sulong. 'Satu Hubungan Istimewa': PAS dan Abdullah Badawi. Dlm. Bridget Welsh dan James U. H. Chin (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. 150-151.

University of Malaya

sejak tahun 1950-an lagi. Pada masa tersebut, PAS lantang mengkritik UMNO kerana mengadakan kerjasama dengan MCA dan MIC melalui Parti Perikatan. Dalam ceramah dan rapat umum PAS tahun 1960-an dan 1970-an, pemimpin dan ahli biasa PAS menjadikan satu isu politik yang besar mengenai UMNO bekerjasama dengan orang bukan Melayu. Namun begitu, PAS tidak menimbulkan isu itu setelah PAS yang dipimpin oleh Asri Muda menyertai BN di bawah pimpinan Abdul Razak sehingga tahun 1977.

PAS pula menyedari kepentingan mengadakan kerjasama politik dalam tahun 1980-an. Sungguhpun PAS terikat dengan perlembagaannya yang tidak menerima bukan Islam menyertai parti tersebut, beberapa orang pemimpin PAS Pusat mulai tahun 1983 telah memikirkan cara untuk menarik sokongan undi bukan Islam kepada PAS bagi menghadapi UMNO dan BN. Salah seorang pemimpin PAS Pusat yang jelas diketahui memikirkan secara serius hal ini ialah Nakhaie Ahmad yang kemudiannya bertindak menubuhkan CCC. PAS kemudiannya mulai merasa nikmat permuafakatan politik dengan bukan Melayu setelah PAS memperlihatkan prestasi memberangsangkan dalam PRU-10 (1999), PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013). Sifat keterbukaan perlu untuk PAS dalam mengadakan kerjasama dengan masyarakat bukan Melayu-Islam. Namun begitu, disebalik keterbukaan tersebut, PAS seharusnya perlu berhati-hati bagi memastikan teras perjuangan parti tersebut tidak luntur.

University of Malaya

BAB 5: PERSAINGAN KEPIMPINAN DALAM POLITIK MELAYU

Pengenalan

Bab ini memfokus kepada analisis berkaitan aspek kepimpinan yang melibatkan parti politik Melayu. Dalam usaha untuk mendapatkan kuasa, penonjolan imej kepimpinan yang berkesan sama ada di peringkat individu atau parti adalah penting bagi memenangi hati rakyat. Dalam usaha meraih pengaruh dan sokongan, pelbagai isu diperdebatkan dalam kalangan parti politik Melayu seperti isu kepimpinan Melayu, kepimpinan Islam, kepimpinan pembangunan, integriti pemimpin, pendidikan dan sebagainya.

Selepas mencapai kemerdekaan, pemerintahan negara ini secara rasminya diserahkan kepada orang Melayu yang beragama Islam dan sejak itu orang Melayu mempunyai peluang untuk memerintah dan menerajui bangsanya sendiri. Sejarah merakamkan negara ini telah dipimpin oleh beberapa orang tokoh Melayu-Islam yang berkaliber sama ada pemimpin dalam UMNO, PAS mahupun parti politik Melayu lain. Kepimpinan parti politik Melayu banyak dibentuk oleh faktor sejarah dan persekitaran semasa. Misalnya, proses yang berlaku dalam UMNO memberi kesan kepada hala tuju pembentukan kepimpinan Melayu Islam.

Kegagalan dasar dan pelaksanaan pentadbiran yang perlu dilakukan oleh parti politik bagi memenuhi keperluan bangsa dan agama menyebabkan munculnya pihak yang menunjukkan sikap kritikal kepada kepimpinan yang akhirnya menyebabkan orang Melayu berpecah kepada beberapa parti politik. Aliran politik yang dipegang oleh orang Melayu

University of Malaya

menyebabkan mereka berpecah kepada beberapa kelompok, iaitu orang PAS, orang UMNO, orang PKR dan sebagainya. Masing-masing mempunyai pemimpinnya yang tersendiri. Kewujudan parti tersebut telah melebarkan lagi perpecahan politik dalam kalangan orang Melayu. Perbezaan idea dan pemikiran antara UMNO dan PAS menjadikan kedua-dua parti saling bermusuhan sehingga menjadi satu budaya dalam kehidupan orang Melayu. Sifat saling bermusuhan tersebut akhirnya meletakkan kedua-dua parti dalam konflik yang berpanjangan.

Halatuju kepimpinan sesebuah parti politik bukan sahaja didorong oleh dasar perjuangan parti tetapi juga ditentukan oleh faktor pemimpin. Pemimpin yang dapat merealisasikan dasar parti dengan jayanya akan menyumbang kepada kelangsungan parti. Dalam aspek ini, pemimpin memainkan peranan mencorak dan menentukan halatuju parti lebih-lebih dalam iklim politik yang mencabar. Suasana dan persekitaran politik tahun 1980-an dan 1990-an banyak berbeza dengan situasi politik sejak akhir-akhir ini. Cabaran besar perlu dihadapi oleh parti politik dalam menentukan halatuju dengan mengambilkira persekitaran semasa masyarakat untuk disesuaikan dengan dasar perjuangan. Kegagalan untuk mempertahankan dasar yang dijadikan asas perjuangan memungkinkan wujudnya persepsi bahawa sesuatu parti telah meleburkan idealisme perjuangan.

UMNO dan PAS Dalam Kepimpinan Politik Melayu

Orang Melayu melihat soal kepimpinan adalah perkara yang sangat penting dalam membawa hala tuju sesuatu bangsa. Kepimpinan politik Melayu terbahagi kepada dua iaitu, penekanan kepada Melayu atau Islam. UMNO memberi penekanan kepada Melayu

University of Malaya

berbanding Islam manakala PAS menekankan Islam melebihi Melayu. Lantaran itu, dalam masyarakat Melayu pada masa kini, menyaksikan pertembungan corak kepimpinan yang bersifat sekularisme dan Islamisme. Perbincangan yang melibatkan sekularisme dan Islamisme telah melahirkan kontroversi dan polemik yang berpanjangan, lebih-lebih lagi setelah pendukung Islamisme dianggap sebagai fundementalis.[636]

UMNO masih meneruskan dasar perjuangan yang berteraskan identiti nasionalisme sepertimana yang diperjuangkan sejak daripada lahirnya parti tersebut. Bagi menyesuaikan dengan tuntutan semasa, UMNO banyak menerapkan nilai Islam sebagai pelengkap kepada dasar perjuangan yang berbentuk nasionalisme. UMNO juga merupakan sebuah parti politik yang bersifat pragmatis yang sederhana dan liberal berasaskan kebangsaan Melayu. Bagi UMNO, unsur nasionalisme yang diperjuangkan oleh parti tersebut adalah merupakan satu cara yang bertepatan dan memenuhi kehendak ajaran Islam.[637]

Persaingan UMNO dengan PAS memperlihatkan pertembungan antara kepentingan mendaulatkan Melayu dengan pengaruh Islam dalam kehidupan orang Melayu di negara ini. UMNO lebih cenderung kepada agenda Melayu-Islam manakala PAS lebih condong kepada agenda Islam-Melayu. Malah, adakalanya bagi PAS, persoalan Melayu tidak menjadi keutamaan. UMNO sebagai sebuah parti yang mendukung perjuangan Melayu, sentiasa mencanangkan agenda Melayu sebagai isu utama dalam kempen politik. Selain itu, UMNO sebagai parti berorientasikan etnik Melayu pernah dikritik kerana menerima pakai

[636] Lihat Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Mohd Suhail Ab Majid. Kepimpinan Melayu dalam Wacana Politik UMNO-PAS. Dlm. Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015, hlm. 55-56.
[637] *Berita Minggu*, 7 Februari 1982.

University of Malaya

fahaman nasionalis (kebangsaan) yang dikaitkan mempunyai persamaan dengan konsep *assabiyah*.[638]

Usaha untuk memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu yang pada asasnya menjadi perjuangan UMNO iaitu "alif", "ba" dan "ta" iaitu agama Islam, bangsa Melayu, tanah air. Asraf Wajdi Dusuki menegaskan bahawa UMNO tidak mengetepikan agenda Islam.

> "Sememangnya UMNO telah banyak menyumbang kepada peningkatan syiar dan syariat Islam sama ada berbentuk fizikal seperti perundangan, pembangunan prasarana dan institusi keagamaan mahupun dalam konteks penerapan nilai-nilai Islam melalui pendidikan, sosial dan pembangunan ekonomi"[639]

> "Kerajaan (UMNO) memperuntukkan ratusan juta daripada bajet negara setiap tahun untuk membiayai imam, bilal, guru-guru agama JQAF, KAFA yang semuanya bagi memastikan rakyat di semua peringkat sentiasa dibangunkan kefahaman Islamnya."[640]

PAS pula merupakan entiti politik yang berlegar di sekitar isu keagamaan bersifat tulen meletakkan agama pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding bangsa. Bagi PAS, Islamlah yang dapat menyatukan manusia dan bukannya bangsa yang bersifat perkauman. PAS lebih melihat kepentingan ketuanan Islam berbanding ketuanan Melayu. Sungguhpun begitu, PAS melihat isu ketuanan Melayu tidak patut disisihkan sepenuhnya kerana Melayulah masyarakat majoriti Islam di negara ini dan PAS juga diwakili orang Melayu-Islam. Sikap PAS berhubung dengan wacana identiti Melayu-Islam ialah menolak secara tegas ketuanan Melayu yang hanya berasaskan kepada bangsa Melayu semata-mata. Malah, ketuanan Melayu akan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan bangsa lain.

---

[638] Dalam hal ini, Nik Aziz Nik Mat berhujah; *"Dalam hubungan UMNO dan PAS, PAS tetap merasakan bahawa UMNO bersalah kerana UMNO membawa fahaman kebangsaan, sedangkan UMNO itu sendiri terdiri daripada orang Islam. Sudah cukup dengan Islam sebagai dasar parti. Tindakan UMNO yang meletakkan fahaman kebangsaan menyebabkan orang PAS yang sedar bahawa perlunya Islam sebagai dasar telah menentang UMNO".* Temubual dengan Nik Aziz Nik Mat pada 9 Oktober 2014.

[639] Lihat Asyraf Wajdi Dusuki. *Politik Islam dan Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). 2014, hlm. 181.

[640] Ibid., hlm. 181.

University of Malaya

Justeru itu, penyelesaian kepada permasalahan tersebut ialah berasaskan kepada ketuanan Islam. Bagi PAS, ketuanan Islam yang tidak berasaskan kepada etnik atau bangsa adalah lebih relevan dalam konteks Malaysia.[641]

Perjuangan tahun 1970-an yang diperlihatkan oleh UMNO mahupun PAS didapati masih tebal dengan semangat kebangsaan. Penyatuan UMNO dan PAS dalam Barisan Nasional (BN) telah mengukuhkan tendensi kebangsaan dalam politik Melayu. UMNO selaku parti komponen yang utama berjaya mempengaruhi arah dan rentak kemajuan barisan kebangsaan yang dibentuk pada awal 1970-an. Sungguhpun PAS berusaha menyerapkan cita-cita Islamnya ke dalam pentadbiran negara, namun begitu terdapat sesetengah pemimpinnya yang tenggelam dalam gelombang semangat kebangsaan.[642]

PAS pada zaman Asri Muda dikaitkan dengan PAS yang nasionalis Islam dan dilihat kurang berjaya membawa nama parti Islam dalam identitinya.[643] PAS di bawah kepimpinan Asri Muda juga merupakan suatu masa peralihan antara fahaman kebangsaan yang kian malap kepada faham fundementalisme Islam dengan PAS tidak begitu agresif menunjukkan kemampuan untuk bergerak sebagai sebuah parti Islam. Malah, tidak banyak bezanya dengan UMNO dari segi cita-cita Melayu dan pemimpinnya juga tidak

[641] Lihat Abdull Rahman Mahmood, et. al. *Kepimpinan Melayu dalam Wacana Politik UMNO-PAS*, hlm. 68.
[642] Lihat Mohamad Abu Bakar. *Penghayatan Sebuah Ideal*. Selangor: Ampang Press Sdn. Bhd. 1987, hlm. 168.
[643] Sebelum PAS dipimpin oleh Asri Muda (1969-1982), Dr. Burhanuddin (1956-1969) mengetuai PAS yang merupakan tokoh nasionalis Islam. Pada zaman kepimpinan Dr. Burhanuddin, pergerakan PAS mula berubah. Sebahagian besar ahlinya mula dicorakkan pemikiran yang menjurus kepada soal kebangsaan Melayu dan kemerdekaan. Keadaan tersebut secocok dengan gaya kepimpinan Dr. Burhanuddin yang berusaha menentang penjajah dan mahukan kemerdekaan sejati dan menganggap PAS membawa cita-cita ini bersama. Lihat Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. 2011, hlm. 17.

University of Malaya

memaparkan perwatakan Islam (sahsiah Islamiah). Bagi golongan fundementalis, PAS tidak menepati kehendak atau idea sebuah pergerakan Islam.[644]

Selepas PAS disingkirkan daripada Barisan Nasional (BN), PAS kembali kepada perjuangan memartabatkan Islam di luar daripada UMNO dan BN. Sebahagian besar golongan ulama dan golongan muda dalam PAS kurang senang dengan pimpinan Asri Muda yang membawa PAS menyertai BN. Golongan tersebut menganggap kepimpinan Asri Muda tidak cukup semangat Islam.[645] Pemimpin muda PAS seperti Haji Hadi, Yusof Rawa dan Nik Aziz Nik Mat tidak setuju dengan sikap sederhana Asri Muda. Mereka berpendapat, sebagai pemimpin nombor satu parti, Asri Muda harus lebih tegas menyaingi UMNO, khususnya selepas Mahathir mengumumkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran. Golongan pemimpin muda dalam PAS ketika itu sangat terpengaruh dengan Revolusi Iran. Sikap sederhana Asri Muda menyebabkan beliau mula disisih oleh golongan muda dalam PAS yang dilihat agak ekstrem dari segi pemikiran dan tindakan.[646]

Semasa Muktamar Tahunan PAS tahun 1982, perwakilan PAS menolak Ucapan Dasar Presiden yang merupakan satu situasi yang tidak pernah berlaku dalam sejarah perjuangan PAS. Mereka melaung pekikan Marakbar Asri (Mampuslah Asri) berselang seli dengan kalimah *Allahu Akbar*. Tindakan tersebut menyebabkan Asri Muda meletak jawatan sebagai pemimpin tertinggi PAS pada 23 Oktober 1982.[647] Berakhirnya

---

[644] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO–PAS Dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 1989, hlm. 54-55.
[645] Lihat Syed Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah. 2008, hlm. 78.
[646] Ibid., hlm. 78-79.
[647] Lihat Russli Bin Kamarudin. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (Peny.) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955 -1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995, hlm. 142.

University of Malaya

kepimpinan Asri Muda dan dalam usaha PAS memperjuangkan pemerintahan bercorak Islam, peranan ulama dilihat penting. Justeru itu, PAS cuba memberikan peranan lebih besar kepada ulama dalam organisasi kepartian PAS itu sendiri sehingga mendorong PAS meminda perlembagaannya.[648]

Kepimpinan PAS selepas zaman Asri Muda yang terdiri daripada tokoh agama seperti Haji Hadi, Fadzil Noor, Mohd Nakhaie Ahmad, Yusof Rawa dan Nik Aziz Nik Mat, merupakan tokoh penting yang 'cukup dikenali' dalam arus pergolakan dan perkembangan politik negara. Arus 'kebangkitan semula Islam' sedunia dan termasuk juga usaha 'penerapan nilai-nilai Islam' yang dianjurkan oleh kerajaan pimpinan UMNO, perjuangan dan pengaruh PAS di bawah pimpinan tokoh tersebut serta sebilangan tokoh PAS yang lain adalah cukup berkesan dan dapat menarik pelbagai pihak untuk memberikan sokongan, sama ada sokongan yang bersifat keagamaan ataupun sokongan yang bersifat politik dan kepentingan sosio-ekonomi.[649]

Perubahan perjuangan PAS kepada konsep kepimpinan ulama pada awal tahun 1980-an telah mengubah pendekatan politik parti tersebut. Pendekatan politik PAS menjadi lebih ekstrem lebih-lebih lagi dengan kemasukan tokoh muda ke dalam PAS seperti Haji Hadi. Dalam sejarah politik PAS, era Hadi Awang adalah era penuh semangat. Era ini bukan sahaja dicirikan oleh sikap anti-nasionalisme, tetapi dicirikan juga oleh corak pakaian pemimpin, iaitu kebanyakannya memakai serban. Berdasarkan hujah-hujah Islam

---

[648] Bagi merealisasikan ketetapan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 yang meminta supaya PAS mempelopori dan mengamalkan konsep kepimpinan ulama, Perlembagaan PAS 1977 perlu dipinda bagi menyelaraskan dengan konsep kepimpinan ulama. Hassan Shukri dan Mohd Nakhaie Ahmad dipertanggungjawabkan untuk mengkaji pindaan perlembagaan tersebut melalui penubuhan sebuah jawatankuasa khas. Lihat *Laporan Tahunan PAS*, 1982/1983.

[649] Lihat Hussain Mohamed. *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bestari. 1987, hlm. 202.

University of Malaya

dan dengan corak pakaian sedemikian, PAS mengemukakan cita-cita utama mereka iaitu mahu menubuhkan kerajaan Islam tulen.[650]

Sejak itu, imej PAS sebagai pertubuhan politik Islam tunggal di negara ini sedikit sebanyak menampakkan perbezaan bukan sahaja dengan UMNO tetapi dengan imej PAS yang sebelumnya. PAS menonjolkan imej Islamik sesuai dengan asas perjuangan parti tersebut, termasuklah dari sudut pakaian, bahasa dan simbol yang digunakan. PAS menganggap berlebai dan berkopiah dan mengenakan serban adalah menjadi keutamaan sehingga timbul pula label ustaz (ulama) dan bukan ustaz (bukan ulama).[651]

Perpecahan dalam UMNO pada tahun 1998 setelah penyingkiran Anwar daripada kerajaan dan parti memberikan kelebihan kepada perkembangan politik PAS. Bilangan ahli PAS bertambah secara mendadak dengan kemasukan ahli UMNO dan golongan atas pagar yang tidak menyertai mana-mana parti sebelumnya. Keadaan ini menyebabkan PAS dibanjiri oleh kemasukan orang Melayu yang turut melibatkan golongan profesional. Sejak itu, PAS tidak lagi hanya menjadi 'Parti Pak Lebai' dan 'parti ustaz'. Golongan profesional dan golongan agama (ulama) kemudiannya bersama-sama dalam parti untuk meneruskan usaha menyaingi kepimpinan UMNO. Isu ini kemudiannya berkembang kepada label baru iaitu golongan ulama dan profesional dengan kedua-dua kelompok ini dilihat sebagai pelengkap kepada perjuangan PAS melalui usaha "memprofesionalkan ulama dan mengulamakan profesional".[652]

---

[650] Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir. Langkah dan Perhintungan*, Kuala Lumpur: D' Enterprise. 1989. hlm. 108.

[651] Lihat Mujahid. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme.* Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011, hlm. 96.

[652] Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 3 Oktober 2014. Tengku Hassan Bin Tengku Omar pula menyatakan semasa PAS memerintah Terengganu (1999-2004), walaupun PAS Terengganu diketuai oleh

University of Malaya

Selepas PRU-12 (2008), berlaku persaingan dalaman PAS yang menyaksikan pertembungan antara golongan profesional (reformis) dan ulama (konservatif). Golongan konservatif dalam PAS mahukan idealisme kepimpinan ulama dikekalkan manakala golongan reformis pula mahu melihat organisasi parti diolah semula mengikut keperluan semasa tanpa menghilangkan prinsip Islam yang diperjuangkan selama ini. Pertembungan ini menjadi lebih ketara setelah PAS berhadapan dengan isu kerajaan perpaduan.[653]

Persaingan Kepimpinan Dalam Isu Memerkasakan Islam

Penglibatan PAS dalam kerajaan campuran dan BN pada tahun 1973-1977 membantu meningkatkan usaha Islamisasi UMNO.[654] PAS mempunyai peluang dan ruang untuk membawa masuk agenda Islamnya ke dalam pentadbiran kerajaan. Hal yang demikian ini dilakukan dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan, anggota tentera dan juga di institusi pendidikan.[655] Dalam perjanjian perkongsian kuasa, UMNO bersetuju supaya kerajaan campuran meningkatkan usaha mengembangkan Islam. Desakan daripada kumpulan gerakan kebangkitan semula Islam juga memaksa Kerajaan Campuran PAS-Perikatan meningkatkan penglibatan kerajaan pusat dalam hal ehwal Islam. Hasilnya,

---

Haji Hadi yang merupakan seorang ulama, proses membuat keputusan turut melibatkan golongan profesional seperti Mustapa Ali dan Wan Mutalib Embong. Temubual dengan Tengku Hassan Bin Tengku Omar pada 25 Oktober 2014.

[653] Lihat Mujahid. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme*, hlm. 104. Sementara itu, Siddiq Fadzil menyifatkan ideologi perjuangan PAS yang agak rigid boleh menyumbang kepada perpecahan dalam parti tersebut memandangkan akan ada individu atau golongan yang mahukan prinsip perjuangan parti dikendurkan mengikut tuntutan semasa. Temubual dengan Siddiq Fadzil pada 5 Disember 2015.

[654] Lihat Syed Ahmad Hussein. Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (Peny.) *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007, hlm. 137.

[655] Lihat Shukri Ahmad. Penyertaan Ulama Dalam Politik dan Pilihan Raya di Semenanjung Malaysia Dari 1950-an Hingga 1990-an. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (Peny.) *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007, hlm. 200.

University of Malaya

aktiviti tradisional seperti pembinaan masjid, penyebaran risalah agama, pendidikan Islam menjadi bertambah pesat.[656]

Agenda memerkasakan Islam berjaya ditingkatkan setelah UMNO dan PAS bersama-sama dalam kerajaan BN. Namun begitu, dengan berakhirnya permuafakatan politik yang terjalin antara UMNO dan PAS melalui BN pada tahun 1977 dan dalam keadaan PAS terpaksa berdepan dengan defisit sokongan orang Melayu terhadap parti tersebut yang jauh merosot, PAS kembali menjadi pesaing kepada UMNO termasuk dalam usaha memperkasa Islam di negara ini. Suara-suara untuk lebih Islam yang datang daripada dalam UMNO ini semakin kuat selepas PAS dikeluarkan daripada BN pada tahun 1977. Pada masa sama, PAS kembali mempertikaikan keIslaman UMNO sepertimana yang dilakukan sebelum penubuhan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan.[657]

Pengaruh kebangkitan semula Islam yang turut melanda negara ini sejak awal tahun 1970-an memberi kesan kepada parti politik Melayu khususnya UMNO dan PAS. Kedua-dua parti menjadikan kebangkitan semula Islam sebagai peluang untuk mendekatkan masyarakat Melayu dan Islam di negara ini dengan agenda yang bersifat keIslaman. Malah, persaingan politik UMNO dengan PAS pada tahun 1980-an lebih tertumpu kepada usaha untuk memperkasakan Islam. Sama ada UMNO dan PAS, masing-masing mahu menjadi 'juara' dalam memerkasakan Islam di negara ini.[658]

---

[656] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 137.
[657] Ibid., 137.
[658] UMNO sentiasa bersaing dengan PAS untuk memperolehi kuasa politik terutamanya daripada orang Melayu. Islam menjadi satu platform politik dalam menjana sokongan. UMNO, walaupun tidak menjadikan Islam sebagai asas utama perjuangan, kepimpinan UMNO mahu menonjolkan parti itu sebagai sebuah parti yang sentiasa mendaulatkan Islam dan berusaha mengetengahkan imej Islam progresif sesuai dengan persekitaran masyarakat majmuk di negara ini. Dalam hal ini, UMNO dilihat berusaha menjadikan parti tersebut lebih Islamik berbanding PAS walaupun Islam menjadi asas utama perjuangan PAS.

University of Malaya

Sama ada UMNO mahupun PAS, komitmen terhadap Islam tetap menjadi agenda perjuangan kedua-dua parti. Justeru itu, setiap parti politik yang menjadikan golongan Melayu-Islam sebagai kumpulan sasaran untuk meraih undi dalam pilihan raya, pasti berusaha untuk mengetengahkan imej Islam sehingga berlakunya polemik berterusan parti mana yang lebih Islamik antara UMNO dan PAS. Ironinya, sama ada UMNO mahupun PAS, Islam dijadikan modal politik oleh kedua-dua parti untuk mendapatkan sokongan. Keadaan inilah yang menyebabkan persaingan parti UMNO dengan PAS sentiasa sengit. Bagi memenuhi arus kebangkitan semula Islam yang dipengaruhi oleh revolusi Islam di Iran, UMNO di bawah kepimpinan Mahathir menunjukkan minat[659] untuk memperkenalkan peradaban Islam atau *Islamic Civilization*. Usaha tersebut dibuat kerana UMNO pada pengamatan Mahathir sebagai parti Islam dan tulang belakang kerajaan adalah bertanggungjawab terhadap Islam dan negara.[660]

Perhimpunan Agung Tahunan UMNO juga semakin dikuasai oleh persoalan tentang Islam sepanjang tahun 1980-an. Sebahagian besar isu yang dibangkitkan ditujukan kepada mengecam kumpulan aktivis gerakan kebangkitan semula Islam dan menuntut kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka. Terdapat juga tuntutan supaya peningkatan Islam dilaksanakan dalam pelbagai bentuk, daripada seruan supaya dilaksanakan syariah dan dilipatgandakan aktiviti Islam yang dibiayai oleh wang awam sehinggalah kepada cadangan

[659] Minat yang ditunjukkan oleh Mahathir boleh dikaitkan dengan sikapnya terhadap Islam. Pendekatan Mahathir kepada agama Islam dilihat berbeza jika dibandingkan dengan para pemimpin UMNO sebelumnya. Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak misalnya, mengambil pendekatan menyendiri dan tidak lebih daripada menghormati agama Islam sebagai agama adat orang Melayu. Mereka mengambil sikap pasif selagi faktor agama tidak menggugat nasib politik orang UMNO. Kecuali di Kelantan, di negeri-negeri lain, agama tidak menjadi isu yang merugikan UMNO. Mereka juga mengambil sikap tidak masuk campur dan menyerahkan perkara tersebut kepada golongan agama yang dianggap arif. Lihat Mohd Rumaizuddin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Islam Malaysia. 2011, hlm. 88-89.

[660] Ucapan Presiden UMNO, Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 10 hingga 12 September 1982. Dlm. Hambali Abdul Latif. *Amanat dan Visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, hlm. 14.

University of Malaya

supaya istilah 'Melayu' dalam UMNO digantikan dengan 'Muslim' untuk lebih mencerminkan identifikasi dengan Islam.[661]

Mahathir berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya dengan melancarkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran atau memperkenalkan "Dasar Islamisasi". Tindakan 'mengasimilasikan nilai Islam ke dalam pentadbiran' adalah merupakan usaha untuk menyeimbangkan spiritualisme dengan materialisme yang dapat dicapai melalui 'pelaksanaan yang inkremental dan moderat dengan mengambil kira sensitiviti penduduk bukan Muslim'[662] dengan dasar ini merupakan satu ekspresi dan kesungguhan tentang proses Islamisasi yang pernah dilaksanakan oleh UMNO.[663] Kebolehan Malaysia 'menjadi Islamik tanpa menjadi negara Islam' mendapat pengiktirafan daripada cendikiawan Islam seperti Hossein Nasr, Fazlur Rahman dan Ismail Faruqi mahupun ulama terkemuka dunia seperti Yusof al-Qardhawi, *Sheikh Al-Azhar* Mohamad Sayed Tantawi dan Sheikh Muhamad Al-Ghazali.[664]

Langkah terawal yang dirancang untuk dilaksanakan oleh Mahathir sebagai bukti komitmen terhadap Islam ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), menubuhkan Bank Islam dan memperkenalkan kursus Tamadun Islam di universiti-universiti.[665] UIAM telah didirikan dalam suasana tuntutan sosial dan politik yang agak berlainan. Universiti ini dibentuk hasil tuntutan yang dilahirkan oleh fenomena

---

[661] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 137.
[662] *New Straits Times*, 26 Februari 1983; *Utusan Malaysia*, 31 Mac 1983.
[663] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 137.
[664] *Utusan Malaysia*, 24-26 Ogos 1986; *New Straits Times*, 24 Mac 1997; Lihat juga Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 139.
[665] Ucapan Presiden UMNO, Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 10 hingga 12 September 1982. Dlm. Hambali Abdul Latif. *Amanat dan Visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, hlm. 14.

University of Malaya

‘kebangkitan semula Islam’ baik pada tahap kebangsaan mahupun pada tahap antarabangsa, sejak pertengahan tahun 1970-an lagi dan keupayaan pemerintah mengakomodasikan tuntutan yang demikian itu melalui Dasar Penerapan Nilai-nilai Islamnya.[666]

Persaingan membawa suara masyarakat Melayu-Islam mendorong kedua-dua pihak saling mempertikaikan tafsiran Islam masing-masing. Peningkatan imej positif UMNO melalui pelaksanaan program Islamisasi telah mengundang respon yang tidak kurang agresif daripada PAS. Usaha pemerkasaan Islam yang dilakukan oleh UMNO mendapat kritikan oleh musuh politiknya. Bagi PAS, UMNO tidak melaksanakan pembangunan Islam yang sebenar-benarnya dan dilihat sebagai tidak ikhlas dalam memperjuangkan agenda tersebut. PAS mengkritik program Islamisasi Mahathir sebagai hanya bersifat luaran dan tidak meletakkan asas sebuah negara Islam dan oleh itu, tidak memadai.[667]

Pada April 1984, Yusof Rawa pada waktu itu merupakan Presiden PAS dalam ucapan dasarnya yang bertajuk “Menggempur Pemikiran Assabiyah” di Muktamar Tahunan PAS mengkritik program Islamisasi UMNO dengan mendakwa program tersebut dilaksanakan sebagai salah satu cara UMNO meningkatkan ruang pengaruhnya terhadap orang Melayu. PAS menyifatkan rancangan Islamiasai UMNO sebagai salah satu pelaksanaan politik perkauman UMNO.[668] Di sebalik kritikan tersebut, UMNO menegaskan bahawa usaha parti dalam menegakkan syiar Islam di negara ini adalah selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan.

---

[666] Lihat Rustam A Sani. *Melayu Baru dan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1993, hlm. 35.
[667] Lihat Farish A Noor. *Islam Embedded: The Historical Developmnet of The Pan Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003).* Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute. 2004, hlm. 379-380.
[668] Rujuk Teks Ucapan Dasar Yang Di Pertua Agung PAS, Yusoff Rawa di Muktamar Tahunan PAS Ke-30 pada 13 April 1984 yang bertajuk “Menggempur Pemikiran Assabiyah”.

University of Malaya

Kesedaran orang Melayu terhadap Islam yang semakin berkembang pada awal tahun 1980-an turut memberi kesan kepada perkembangan NGO Islam seperti ABIM yang dilihat kritikal terhadap UMNO. Sebelumnya, ABIM merupakan platform kepada masyarakat Melayu yang ingin memperjuangkan Islam di luar daripada kerajaan ketika PAS bersama-sama dengan UMNO dalam BN. Setelah PAS disingkirkan daripada BN, pemimpin utama ABIM menyertai parti politik sama ada UMNO mahupun PAS.[669]

PAS yang mengalami perubahan dalam kepimpinan berikutan pengunduran Asri Muda sebagai presiden telah menyaksikan kemasukan beberapa pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) seperti Fadzil Noor, Nakhaie Ahmad, Syed Ibrahim dan Abdul Hadi Awang sehingga memberi kekuatan baru kepada parti tersebut.[670] Mereka ini bersama-sama dengan tokoh ulama yang sedia ada dalam PAS seperti Nik Aziz dan Yusof Rawa yang kemudiannya telah memperkenalkan konsep kepimpinan ulama. Dalam usaha PAS untuk menerapkan konsep kepimpinan ulama, satu pindaan kepada perlembagaan parti diluluskan pada tahun 1983 untuk membentuk Majlis Syura Ulama. Bagi PAS, kepimpinan ulama bukan sahaja diterajui oleh ulama semata-mata, tetapi hendaklah diisi dengan ciri-ciri pentarbiyahan, dakwah, ilmu dan satu gerakan yang menjadikan citra Islam sebagai teras dan matlamat perjuangan.[671]

---

[669] Anwar Ibrahim merupakan antara pemimpin tertinggi ABIM yang menyertai UMNO selain daripada Kamaruddin Jaafar, Mohd Annuar Tahir dan Mohd Noor Manuty. Manakala, Fadzil Noor, Nakhaie Ahmad, Haji Hadi Awang dan Syed Ibrahim menyertai PAS. Temubual dengan Shahruddin Badaruddin pada 25 Februari 2015.

[670] Tindakan ini bagi Nakhaie Ahmad merupakan sebagai *infusion of blood* ke dalam PAS. Nakhaie juga menyatakan cadangan ini datangnya daripada Pak Natsir yang meminta ABIM memperkuat PAS. Temubual dengan Nakhaie Ahmad pada Disember 2014.

[671] Lihat Badlihisham Mohd Nasir. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2009, hlm. 117

University of Malaya

Anwar Ibrahim sebagai pemimpin utama ABIM dan aktivis mahasiswa pula menyertai UMNO pada 29 Mac 1982, iaitu beberapa minggu sebelum PRU-6 (1982) berlangsung.[672] Anwar Ibrahim dianggap sinonim dengan ABIM. Malah suatu masa dahulu ada yang secara bergurau mengatakan singkatan ABIM itu ialah "Anwar Bin Ibrahim Malaysia". Itu hanyalah sekadar bayangan betapa eratnya Anwar dengan pertubuhan belia Islam yang berpengaruh luas itu.[673]

Terdapat juga pemimpin ABIM yang turut mengikuti jejak langkah Anwar untuk bersama-sama dalam UMNO.[674] Penyertaan Anwar ke dalam UMNO menyebabkan ABIM mula berubah daripada pengkritik kepada pendukung dasar dan program UMNO. Kemasukan Anwar ke dalam UMNO yang dikaitkan dengan usaha Mahathir, seperti juga kemasukan PAS dalam kerajaan campuran dahulu telah mengikat kerajaan untuk melakukan lebih untuk Islam. Tindakan Anwar menyertai UMNO dengan niat mentarbiahkan UMNO dari dalam telah dianggap sebagai 'mencuci najis dari dalam tong tahi.' Anwar dibawa masuk ke dalam UMNO oleh Mahathir setelah menyedari bahawa Anwar berupaya menarik sokongan kepada UMNO daripada golongan Muslim dan majoriti Melayu. Pada masa sama juga dapat memberikan imej Islam kepada UMNO.[675]

---

[672] Ibid., hlm. 41.

[673] Lihat Mohd Firdaus Abdullah. *Komentar Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2004, hlm. 112.

[674] Antara pemimpin ABIM yang menyertai UMNO pada ketika itu ialah Kamaruddin Jaafar, Anuar Tahir dan Mohd Noor Manuty. Hal yang demikian ini diakui sendiri oleh Kamaruddin Jaafar dan Anuar Tahir semasa ditemubual. Kamarudin Jaafar misalnya menyatakan bahawa, sebelum menyertai UMNO, beliau terlebih dahulu bergiat aktif dalam PAS. Sebab itulah, setelah dipecat daripada UMNO pada bulan Julai 1999, beliau membuat keputusan untuk kembali bersama PAS dan bukannya KeADILan. Temubual dengan Kamaruddin Jaafar pada 22 Januari 2015.

[675] Kemasukan Anwar ke dalam UMNO pada 29 Mac 1982 merupakan keputusan yang tepat bagi Anwar walaupun terdapat pihak yang mencurigai tindakan tersebut. Tokoh-tokoh UMNO pula ada yang bimbang dengan kehadiran Anwar dalam UMNO, walaupun secara umumnya Anwar diterima baik. Anwar memasuki gelanggang politik dengan bertanding dalam pilihan raya di Parlimen Permatang Pauh dan menang menentang Zabidi Haji Ali dari PAS dengan majoriti 14,352 undi. Kemenangan tersebut merupakan kemenangan besar dan meyakinkan. Pada tahun tersebut juga, Anwar dapat mengalahkan Haji Suhaimi Kamaruddin dalam pertandingan sengit merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO. Pencapaian Anwar Ibrahim

University of Malaya

Wujud pendapat mengatakan Ismail Faruqi yang merupakan bekas guru dan mentor Anwar yang memainkan peranan untuk membawa Anwar ke dalam UMNO. Dengan bertindak sebagai pergantara, Faruqi berjaya memujuk Anwar bahawa Mahathir 'mempunyai kecenderungan terhadap Pergerakan Islam' dan dapat bekerja dengan Anwar serta 'meneruskan matlamat Islam'. Walau bagaimanapun, Mahathir mengemukakan tiga syarat kepada Anwar sebelum kemasukannya ke dalam UMNO. Tiga syarat tersebut ialah ABIM membatalkan semua hubungannya dengan PAS termasuklah bertanding atas tiket PAS semasa pilihan raya, membuang pandangan bahawa DEB sebagai tidak Islam dan menyokong peningkatan hak bumiputera dan ketiganya tidak mengutuk dasar pendidikan untuk orang Melayu.[676]

PAS mengakui bahawa kehadiran Anwar dalam UMNO telah membantu meningkatkan legitimasi Islam UMNO di mata orang Melayu sehingga melemahkan kekuatan PAS. Usaha PAS untuk menawarkan sesuatu yang lebih daripada dasar Islamisasi UMNO dengan konsep negara Islamnya sukar mendapat tempat dalam kalangan pengundi Melayu. PAS semasa kempen PRU-7 (1986) di samping menekankan ketidakadilan sosial turut mengutarakan slogan 'PAS Parti Allah' yang memberikan tumpuan terutamanya kepada versi negara dan undang-undang Islamnya, termasuk janji untuk memperkenalkan hudud sebagai alternatif kepada 'nasionalisme sekular' UMNO.[677]

---

dalam pilihan raya dan dalam UMNO menyebabkan kepercayaan Dr. Mahathir terhadapnya bertambah-tambah. Anwar telah dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982), Menteri Kebudayaan (1983), Menteri Pertanian (1986), Menteri Pendidikan (7 Mei 1986), Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri. Lihat Rahman Shaari. *Langkah dan Perhintungan*, hlm.129.

[676] Lihat John Hilley. *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru.* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008, hlm. 108.

[677] Lihat Ibnu Hasyim. *PAS Kuasai Malaysia*. Kuala Lumpur: GG Edar Sdn. Bhd. 1993, hlm. 289-303.

University of Malaya

Pada masa sama, terdapat pendekatan PAS yang dianggap 'membelakangi kepentingan orang Melayu' bagi menawan hati masyarakat bukan Melayu seperti mengecam nasionalisme Melayu sebagai tidak Islamik, Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai satu bentuk *assabiyah* (kepuakan sempit) yang menindas kaum lain dan mengimbaskan bahawa PAS akan menghapuskan peruntukan hak istimewa orang Melayu dalam perlembagaan jika mendapat kuasa.[678] Tindakan tersebut menyebabkan pengundi Melayu menjauhkan diri daripada PAS dan tidakpun membantu menarik pengundi bukan Melayu.[679]

Kempen PAS untuk PRU-8 (1990) dan lebih-lebih lagi PRU-9 (1995), bertumpu kepada dakwaan kecenderungan autoritarian dan ketidakseimbangan dasar ekonomi kerajaan pimpinan Mahathir. Manifestonya yang bertemakan 'Membangun Bersama Islam' untuk kedua-dua pilihan raya tersebut menekankan soal nilai akhlak, pilihan raya yang adil, ketelusan pemerintahan, pemeliharaan alam sekitar, pemansuhan undang-undang represif dan penubuhan institusi *hisbah* untuk mengawal kesewenangan tindakan jentera kerajaan.[680]

Pada PRU-9 (1995), isu kegagalan hudud di Kelantan telah dijadikan bahan berfikir umat Islam di luar Kelantan untuk tidak mengundi PAS. Kegagalan itu menyebabkan mereka tidak yakin PAS mampu melaksanakan Islam. Kalaupun mereka memilih PAS, PAS tidak juga berkeupayaan melaksanakan Islam kerana dihalang oleh perlembagaan yang dikuasai oleh kerajaan BN. Ketidakyakinan tersebut juga bersandarkan kepada gaya dan peribadi sesetengah pemimpin PAS. Pengundi tidak percaya PAS mampu

[678] Lihat Ibnu Hasyim. *PAS Kuasai Malaysia*. hlm. 289-303.
[679] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 137.
[680] Manifesto PAS. *Membangun Bersama Islam*. 1994.

University of Malaya

mengimplementasikan nilai-nilai Islam yang dihasratkan itu memandangkan peribadi pemimpinnya sendiri masih boleh dipertikaikan.[681]

Ketika pemerintahan Mahathir, wujud usaha untuk membetulkan kefahaman tentang Islam dan berusaha mengubah pandangan umum tentang Islam yang digambar dan ditonjolkan dalam imej yang amat negatif. Imej negatif terhadap Islam yang ditonjolkan ialah Islam sebagai agama keganasan, radikal, umatnya yang tidak rasional dan sebagainya. Justeru itu, pada tahun 1992, Mahathir menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Penubuhan IKIM sebagai *think-tank* merupakan satu usaha ulung dalam dunia Islam yang melihat kepada isu-isu keIslaman sebagai isu sejagat yang merangkumi segala aktiviti dan pemikiran untuk membangunkan Islam dan umatnya sesuai dengan perkembangan dunia semasa dan perhubungan antarabangsa yang memerlukan interaksi umat Islam dalam arena antarabangsa.[682]

Penyingkiran Anwar daripada kerajaan dan parti UMNO pada September 1998 telah membuka dimensi baru kepada hubungan PAS dengan Anwar. PAS melalui Fadzil Noor bertindak mengasaskan penubuhan Barisan Alternatif yang turut dianggotai oleh Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dan DAP bagi menyaingi penguasaan BN. Respon awal PAS terhadap menyingkiran Anwar ialah menimbulkan soal bagaimana pertuduhan salah laku seksual seharusnya ditangani mengikut ajaran Islam.[683]

---

[681] Lihat Mohd Sayuti Omar. *Analisis Pilihan Raya 1995*. Kuala Lumpur: Tinta Merah. 1995. hlm. 12-13.
[682] Lihat Ismail Ibrahim. *Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2002, hlm. 27-28.
[683] Lihat Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia*, hlm. 149.

University of Malaya

Pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti juga memberi peluang kepada Abdullah Badawi untuk dilantik oleh Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri pada Januari 1999. Abdullah Badawi kemudiannya dilantik menjadi Perdana Menteri menggantikan Mahathir pada 31 Oktober 2003. Gaya kepimpinan Abdullah Badawi dilihat berbeza berbanding mantan Perdana Menteri iaitu Mahathir. Beliau memulakan kepimpinannya dengan motto 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang'. Imej Islam dan 'bersih' selain daripada dicirikan dengan amalan keterbukaan, konsultatif, menggalakkan partisipasi pelbagai pihak serta memberikan banyak ruang dan peluang kepada kementerian dan badan kerajaan membuat keputusan telah melonjakkan Abdullah Badawi sebagai Perdana Menteri. Keadaan tersebut memberi tekanan kepada PAS yang juga turut membawa keperibadian Islam bagi menambat hati rakyat terutamanya orang Melayu. Selain itu, beliau juga memberikan perhatian yang khusus kepada bidang pertanian yang rata-rata disertai oleh orang Melayu di kawasan luar bandar.[684]

Gaya kepimpinan yang diketengahkan oleh Abdullah Badawi dan ditambah pula dengan perlaksanaan konsep Islam Hadhari sebagai kerangka utama agenda pembangunan negara bagi menyaingi parti PAS telah membuahkan hasil positif terutamanya dalam PRU-11 (2004) yang merupakan pilihan raya sulung yang diketuai oleh Abdullah Badawi sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi BN. Pada pilihan raya tersebut, UMNO dan BN memperolehi kemenangan besar dengan memperoleh 198 daripada 218 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dan 65 peratus undi popular serta memperoleh lebih 90 peratus kerusi parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Kemenangan ini merupakan kemenangan terbesar

[684] Tindakan Abdullah Badawi tersebut merupakan usaha mentransformasi sektor pertanian ke arah berinovasi, moden, mempunyai nilai komersil yang tinggi sehingga boleh menambahkan pendapatan petani. Malah, minat Abdullah terhadap bidang pertanian dapat dilihat dengan adanya Pameran *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism* (MAHA) yang julung kali diadakan pada tahun 2006.

University of Malaya

sepanjang sejarah BN. Kemenangan besar yang diraih UMNO dan BN juga dikaitkan dengan tindakan meraikan pengunduran Mahathir.[685]

Era Abdullah Badawi memperlihatkan usaha menjadikan perkembangan Islam sebagai projek asas bernegara. Proses membina dan memperkembangkan Islam melalui Islam Hadhari menjadi acuan pentadbiran Abdullah Badawi sehingga dianggap sebagai pemimpin negara yang berorientasikan Islam. Islam Hadhari dilihat sebagai kesinambungan daripada elemen asas yang diterapkan sejak era pentadbiran Mahathir. Abdullah membawa pendekatan sederhana melalui Islam Hadhari yang bertujuan mengadakan ruang bersama untuk semua rakyat Malaysia dengan asas prinsip toleransi, keadilan dan ekuiti.[686]

Abdullah Badawi memperkenalkan Islam Hadhari untuk menekankan peranan penting Islam dalam urus tadbir. Tindakan tersebut juga untuk cuba menjarakkan diri daripada Islam yang dipromosikan samasa era Mahathir sebagai sebahagian persaingan politik antara UMNO dan PAS kepada konsep yang lebih besar. Konsep Islam Hadhari didorong terutamanya oleh keperluan menangani sokongan masyarakat Melayu kepada PAS. Bagi mendapatkan sokongan orang Melayu dan Islam dari PAS, Abdullah Badawi

[685] Bagi UMNO dan BN, keputusan PRU-11 (2004) telah berubah dengan mendapat kejayaan yang lebih besar berbanding keputusan PRU-10 (1999). UMNO dan BN telah memenangi 198 kerusi parlimen daripada 219 kerusi keseluruhannya. UMNO telah memenangi 109 kerusi parlimen (berbanding 71 kerusi pada tahun 1999). Kemerosotan yang besar dialami oleh parti pembangkang. PAS hanya mendapat 7 kerusi parlimen (berbanding 27 kerusi pada tahun 1999). Lihat Mohd Noor Yazid, *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2011, hlm. 109.

[686] Lihat James U. H. Chin. Dlm. Bridget Welsh dan James U. H. Chin (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm 7.

University of Malaya

telah memperkenalkan pelbagai program Islam bagi mewujudkan sebuah pentadbiran berasaskan prinsip Islam.[687]

Konsep Islam Hadhari meliputi sepuluh prinsip dalam skop pemerintahan yang dilaksanakan oleh Abdullah Badawi di bawah pemerintahnnya. Sepuluh prinsip tersebut ialah keimanan dan ketakwaan kepada Allah, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, keutuhan budaya dan moral, pemeliharan alam semulajadi dan kekuatan pertahanan. Pendekatan Islam Hadhari merupakan cara pendekatan yang lebih inklusif mendapat sokongan daripada elemen liberal dan progresif dalam negara terutama dalam kalangan orang bukan Melayu. Islam Hadhari dilihat sebagai penerusan dasar Islamisasi jangka masa panjang oleh kerajaan sambil cuba memasukkan kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia ke dalam kerangka terbuka dan toleran.[688]

Islam Hadhari sering diterjemahkan sebagai Islam bertamadun dan memberi imej Islam yang maju dan berkembang dengan teknologi, pengetahuan dan pembangunan.[689] Tetapi, konsep Islam Hadhari ini tidak memperlihatkan sifat-sifat keIslaman sebenar yang kukuh dan tidak juga menyatakan prinsip-prinsip Islam yang mengasaskannya.[690] Reaksi PAS kepada pendekatan Abdullah ialah dengan mewujudkan 'Pelaksanaan Pentadbiran

---

[687] Lihat Zulkfli Sulong. 'Satu Hubungan Istimewa': PAS dan Abdullah Badawi. Dlm. Bridget Welsh dan James U.H. Chin (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. 147-148.
[688] Lihat Gerhard Hoffstaedter. Islam Hadhari: Membentuk Muslim Sederhana dan Moden. Dlm. Bridget Welsh dan James U.H. Chin (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. 197.
[689] Ibid., hlm. 197.
[690] Lihat Syed Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: Buku Harakah. 2008, hlm. 79.

University of Malaya

Islam Abad Ke-21'. Namun begitu, setelah isu ini diambil alih oleh Ketua Penerangan PAS ketika itu, Haron Din, konsep tersebut telah ditukar kepada 'Dokumen Negara Islam.' [691]

Di sebalik kemenangan besar UMNO dan BN di bawah kepimpinan Abdullah pada PRU-11 (2004), tindakan Abdullah membenarkan lebih banyak ruang untuk demokrasi dilihat sebagai tindakan menyantuni perbezaan tetapi membawa implikasi negatif kepada pemerintah terutamanya menjelang PRU-12 (2008). Sungguhpun tindakan tersebut telah menyumbang kepada ruang politik yang lebih luas dan meningkatkan penglibatan rakyat dalam politik, tetapi isu berkaitan agama semakin banyak muncul termasuklah ketidakpuasan pihak tertentu terhadap kerajaan dalam menangani isu agama. Badan Bertindak Masyarakat Hindu (HINDRAF) misalnya, menganjurkan perhimpunan yang dihadiri kira-kira 50,000 orang di depan Menara Berkembar Petronas pada 25 November 2007 sebagai bantahan terhadap tindakan meminggirkan komuniti India, terutamanya melalui pemusnahan Kuil Hindu oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Selangor[692] dan kes kontroversi pertukaran agama daripada Hindu kepada Islam.[693]

---

[691] Lihat Zulkifli Sulong. *'Satu Hubungan Istimewa': PAS dan Abdullah Badawi*, hlm. 148.

[692] Badan Bertindak Masyarakat Hindu (HINDRAF) mendakwa terdapat lebih daripada 50 buah kuil Hindu dirobohkan dalam tempoh satu tahun. Tindakan merobohkan dua buah Kuil Hindu di Selangor iaitu Kuil Sri Maha Mariaman di Kampung Rimba Jaya pada 30 Oktober 2007 dan Kuil Hindu Mariaman di Padang Jawa pada 15 November 2007 menimbulkan kemarahan masyarakat India terutamanya pencerobohan itu dibuat satu minggu sebelum dan selepas sambutan Hari Deepavali. Lihat *Malaysiakini*, 30 Jun 2008 dan K. Kabilan. Dlm. Bridget Welsh dan James U. H. Chin (Peny.) *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. 134.

[693] Satu isu besar yang berkait dengan pertukaran agama secara rahsia seperti yang melibatkan Maniam Moorthy. Maniam Moorthy merupakan seorang koperal dalam Tentera Malaysia dan merupakan salah seorang daripada kumpulan pertama pendaki Gunung Everest. Semasa beliau meninggal dunia pada 20 Disember 2005, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAIWP) mendakwa Maniam Moorthy telah menukar agama kepada agama Islam semasa berkhidmat dalam tentera dan diberi nama 'Mohammad Abdullah'. Namun begitu, tindakan tersebut dibantah oleh isterinya dengan memaklumkan dan disokong oleh bukti-bukti lain bahawa Moorthy aktif mengamalkan ajaran Hindu sebelum kematiannya, Kes tersebut dibawa ke Mahkamah Syariah dan mahkamah memutuskan bahawa Moorthy adalah Muslim dan pihak berkuasa Islam berhak mengambil mayatnya. Ibid., hlm 121. Lihat juga *Aliran monthly*. Vol. 25, 2005. Isu 11, hlm. 3.

University of Malaya

Pada PRU-12 (2008), BN memenangi pilihan raya dengan kelebihan 58 kerusi atau 63 peratus. BN telah berjaya memenangi 140 kerusi parlimen manakala Pakatan Rakyat memperoleh 82 kerusi parlimen sekaligus BN hilang penguasaan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat. Dalam tempoh setahun sahaja, Abdullah terpaksa menyerahkan kepimpinan parti dan kerajaan kepada timbalannya, Najib Razak. Abdullah meletak jawatan pada 1 April 2009, selepas 1,979 hari memegang jawatan.[694]

Kemenangan di luar jangkaan parti PAS dan parti pembangkang lain pada PRU-12 (2008) sepatutnya memberi kelebihan kepada PAS untuk mengambil alih peranan UMNO. Namun begitu, tindakan pemimpin utama PAS condong kepada UMNO dalam isu perpaduan Melayu menyebabkan PAS berhadapan dengan konflik sehingga menimbulkan perpecahan dalam parti. Sekelompok dalam parti melihat bahawa PAS seharusnya mempunyai pilihan strategiknya tersendiri dan perlu melihat keutamaan dasar dan partinya. Justeru itu, pilihan untuk bersama UMNO akan dapat mengukuhkan kedudukan dan apa yang diperjuangkan oleh PAS selama ini iaitu kedudukan Islam menjadi lebih mantap. Sekelompok yang lain pula melihat bahawa PR sebagai wadah yang membawa kemenangan kepada PAS perlu diperkukuhkan. Perdebatan dua kelompok dalam PAS selepas PRU-12 (2008) menjadi fenomena konflik baru dalam organisasi PAS dan terus menghantui pemikiran ahli-ahli PAS.[695]

PAS sebagai parti yang didominasi oleh orang Melayu tidak dapat lari daripada asakan UMNO yang bercakap tentang perpaduan Melayu dan perlunya PAS berbincang

---

[694] Lihat Bridget Welsh dan James U.H. Chin (Peny.) *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*, hlm. xvi.

[695] Lihat Mujahid Yusof Rawa. *Rejuvenasi PAS: Idea, Realiti, Aplikasi Ke Arah Aspirasi Massa*. Shah Alam: Ilham Centre. 2012. hlm. 60-61.

University of Malaya

bagaimana perpaduan tersebut boleh dicapai. Bersandarkan alasan PAS pernah disingkirkan daripada BN, isu perpaduan Melayu menjadi sesuatu yang fobia bagi PAS dan amat sukar untuk meyakini PAS tentang apa jua bentuk persefahaman politik dengan UMNO. Isu ini menekan PAS untuk membuat satu keputusan kerana bagi sesetengah ahli PAS, isu ini telah menimbulkan beberapa keraguan dan kekeliruan dan sekaligus menggugat keutuhan parti.[696]

Usaha ke arah perpaduan Melayu yang melibatkan UMNO dan PAS telah menjarakkan kembali golongan ulama dengan profesional dalam PAS. Isu pemecatan Hasan Ali (Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia) daripada PAS berdasarkan Fasal 82 (9) kerana tindakan Hasan Ali yang seringkali mengeluarkan kenyataan yang 'menongkah arus' dilihat bertentangan dengan dasar parti. Nakhaie Ahmad (bekas Naib Presiden PAS) mengaitkan pemecatan tersebut disebabkan dua faktor iaitu pertamanya pengaruh pemikiran dalam PAS yang berubah ke arah pandangan yang bersifat liberal dan keduanya adalah perubahan barisan kepimpinan yang dikuasai oleh golongan liberal sehingga menyebabkan golongan ulama diketepikan.[697]

Persaingan Kepimpinan Dalam Menangani Isu Rasuah

Kewujudan sebuah kerajaan yang lebih baik, lebih telus, lebih bertanggungjawab, akauntabiliti dan beramanah merupakan tanggungjawab parti-parti politik yang menjadi tulang belakang sesebuah kerajaan. Kegagalan UMNO menguruskan integriti dalam parti turut sama mendedahkan kegagalan kerajaan dalam menguruskan hal tersebut. Justeru itu,

[696] Ibid., hlm. 58-59.
[697] Temubual dengan Mohd Nakhaie Ahmad pada 16 November 2014.

University of Malaya

peranan UMNO dalam usaha memperkasakan soal integriti dalam parti mahupun kerajaan merupakan tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan supaya keyakinan rakyat terhadap parti dan kerajaan tidak terhakis.

Tidak dinafikan telah wujud komitmen daripada UMNO dalam memperkasakan isu integriti sama ada dalam parti mahupun kerajaan. Hal yang demikian ini termasuklah usaha yang dilaksanakan oleh UMNO bagi membasmi rasuah, salah guna kuasa dan ketidakadilan dalam pentadbiran. Namun begitu, usaha yang dilakukan tidak memadai sehingga PAS mendakwa kerajaan yang ditunjangi UMNO dilihat tidak serius bagi menghapuskan amalan tersebut. PAS berpendapat usaha untuk mengatasi amalan rasuah bukan sekadar berslogan tetapi melibatkan usaha yang jujur, komited dan konsisten. Pemantapan dan pengukuhan integriti bagi membanteras rasuah merupakan tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan. Mengambil kira perkembangan yang berlaku semasa pentadbiran Mahathir, isu politik wang dalam UMNO mahupun kerajaan sering kedengaran. Dalam UMNO misalnya, isu politik wang dikaitkan dengan tindakan individu tertentu menggunakan wang bagi memperoleh jawatan dalam parti. Keadaan ini bertambah serius memandangkan jawatan dalam parti merupakan 'tiket' kepada jawatan dalam kerajaan.[698]

Wujud kebimbangan terhadap politik wang dalam UMNO memandangkan ada pemimpin UMNO sanggup untuk membelanjakan sejumlah wang hanya untuk mendapatkan jawatan dalam parti. Malah, menganggapnya sebagai satu bentuk pelaburan kerana jawatan parti adalah lesen besar bagi mendapatkan projek yang boleh membawa

[698] Lihat Ho Kai Leong. Kerangka Politik dan Pentadbiran: Cabaran dan Pembaharuan dan Bawah Pentadbiran Mahathir. Dlm. Ho Kai Leong dan James Chin. *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis Dalam Pemerintahan.* Singapore; Times Books International, 2003, hlm. 19.

University of Malaya

pulangan berganda. Pemimpin yang terpilih bukan lagi dinilai dari segi kewibawaan ilmu dan ketrampilan peribadinya, tetapi kepada berapa banyak wang yang telah ditaburnya. Slogan dalam bentuk poster yang berbunyi "satu undi untuk PAS bererti satu undi untuk rakyat dan satu undi untuk BN bererti satu undi untuk kontraktor" membuktikan demikian.[699] Gejala politik wang dalam UMNO turut mendapat perhatian Mahathir yang menyifatkan:

> "UMNO sekarang memasuki satu era yang mana kepentingan diri sendiri nampaknya diberi keutamaan yang lebih berbanding kepentingan parti. Sekiranya semakin ramai orang Melayu menjadi kaya, rebutan jawatan dibuat dengan menggunakan wang yang banyak. Sekali lagi saya ingin memberi amaran. Penggunaan wang dan rebutan jawatan akan menghancurkan UMNO dan melemahkan orang Melayu. Sekiranya ini berlaku, satu hari nanti *'millionaire'* sahaja yang akan memimpin UMNO. Pada waktu itu, UMNO bukan lagi parti politik. Ia akan menjadi persatuan orang kaya, dan sudah tentu rakyat umum tidak lagi akan menyokongnya."[700]

Pemangkin dan pendorong dalam arus perubahan dalam kehidupan orang Melayu ialah kepimpinan Mahathir yang bermula sejak tahun 1981. Mahathir tidak hanya meneruskan kesinambungan dasar pembangunan kerajaan pra-1981, tetapi juga memperkenalkan pelbagai dasar baharu sebagai strategi pembangunan ekonomi negara. Mahathir menjadi pengerak kepada perubahan sosial dan ekonomi telah berkembang pesat dalam kehidupan rakyat. Satu daripadanya ialah kemunculan kelas menengah Melayu. Kemajuan dan kemewahan hidup dalam kalangan orang Melayu telah mempengaruhi politik UMNO sehingga menimbulkan kesan. Pertamanya ialah, wujudnya *'political warlords'* dalam kalangan tokoh utama parti yang boleh atau mempunyai peluang menggunakan kekayaan dan jaringan ekonomi serta perniagaan untuk mengukuhkan

[699] Lihat Asyraf Wajdi Dusuki. *Politik Islam dan Melayu*, hlm. 29.
[700] Petikan ucapan Dr. Mahathir pada Persidangan Agung UMNO Ke-35 di Hotel Hilton, pada hari Jumaat 25 Mei 1984.

University of Malaya

kedudukan politik. Kedua, penggunaan wang dalam usaha mendapatkan jawatan dan mengekalkan kuasa politik iaitu gejala 'politik wang'[701]

Penggunaan wang ringgit untuk membeli sokongan, mengekalkan kedudukan dan mandat politik, memastikan pengaruh dapat dipertahankan. Perbelanjaan yang besar juga diperlukan semasa kempen pilihan raya diadakan. Tanpa upah, kerja-kerja seperti menampal poster tidak dapat dijalankan. Sekurang-kurangnya, wang, rokok dan minuman merupakan bentuk upahan terpenting. Pemberian basikal kepada pelajar sekolah, kain pelikat dan kain sarung telah menjadi buah tangan semasa kempen oleh parti politik yang bertanding.

Di Kelantan dan Terengganu, tindakan ini agak ketara sehingga memperlihatkan gejala politik wang bukanlah rahsia dalam politik orang Melayu. Kata-kata yang diungkapkan oleh Nik Aziz dalam kempen PRU-9 (1995) iaitu, *"beri duit ambil, beri gula kacau, beri kain pakai, bila mengundi, pangkah PAS"* menjadi ungkapan yang sentiasa didendangkan oleh penyokong PAS. Selain daripada isu rasuah dalam bentuk politik wang, terdapat beberapa isu lain yang turut menjejaskan imej dan kewibawaan UMNO seperti, salah guna kuasa, penggunaan jawatan dan kedudukan dalam kerajaan, penggunaan jentera kerajaan dan penggunaan media massa.[702]

Tahun 1998 yang dikaitkan dengan penyingkiran Anwar Ibrahim, isu nepotisme, kronisme, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa terhadap badan kehakiman

[701] Lihat Hussain Mohamed. *Membangun Demokrasi: Permasalahan UMNO dan Politik Melayu*, hlm. 11-12.
[702] Ibid., 103.

University of Malaya

dan perundangan telah muncul.[703] Sebelumnya, menjelang pilihan raya 1995, banyak skandal didedahkan seperti kes Rahim Tamby Chik, isu *United Engineering Malaysia* (UEM), pemberian saham kepada menantu oleh Rafidah Aziz, isu Projek Hidroelektrik Pergau di Kelantan, isu tanah di Kerpan, Kedah, saham Maika Holdings dan sebagainya. Isu-isu ini melibatkan soal moral, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan ketelusan.[704]

Isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO dan Timbalan Perdana Menteri membawa PAS kepada kemuncak prestasi terutamanya dalam Pilihan Raya Umum 1999. Kejayaan PAS menggunakan isu korupsi, kronisme dan nepotisme menyumbang kepada pencapaian terbaik PAS untuk melebarkan sayap kuasa setelah berjaya menguasai Terengganu dan terus mengekalkan penguasaan di Kelantan. Tambahan pula, dengan kemasukan golongan muda dan profesional ke dalam PAS telah menyediakan pentas perjuangan bagi membolehkan PAS berjuang menegakkan pemerintahan Islam yang yang selari dengan perkembangan dan tuntutan semasa.[705]

Berakhirnya pemerintahan Mahathir dan kesungguhan Abdullah untuk membanteras rasuah yang disifatkan sebagai melancarkan 'perang yang habis-habisan

---

[703] Penyalagunaan kuasa terhadap badan kehakiman umpamanya dikaitkan dengan isu yang dibangkitkan dalam perbicaraan Anwar. Anwar menyelar Mahathir selaku Perdana Menteri dan sistem kehakiman setelah dijatuhi hukuman enam tahun penjara. *"saya tiada harapan pada keadilan*", Anwar memberitahu mahkamah dalam utusan bertulis setelah diberi kebenaran membuat penyataan selepas dijatuhi hukuman. Anwar mengulangi bahawa tuduhan yang dilemparkan kepadanya adalah *"sebahagian daripada konspirasi politik untuk memusnahkan saya"* dan memastikan Mahathir *"terus memegang kuasa walau apapun terjadi meskipun ini bererti mengorbankan apa sahaja yang tinggal pada keutuhan badan kehakiman".* Anwar dikutip sebagai berkata, *"Perdana Menteri menggunakan sistem kehakiman sebagai alat untuk mengenakan tekanan politik. Segala instrumen kerajaan termasuk Pejabat Peguam Negara, polis dan badan kehakiman berada di bawah telunjuk Perdana Menteri".* Lihat *Agence France-Press*, 14 Ogos 1999 dan lihat juga Ho Kai Leong. *Kerangka Politik dan Pentadbiran: Cabaran dan Pembaharuan dan Bawah Pentadbiran Mahathir*, hlm. 16.

[704] Lihat Ghazali Mayudin. Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2006, hlm. 61-62.

[705] Ibid., hlm. 62.

University of Malaya

terhadap rasuah' telah memberikan harapan baru kepada masyarakat Malaysia. Beberapa pembaharuan dan penambahbaikan telah dilakukan oleh Abdullah yang menyentuh aspek integriti antaranya, menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) bagi memupuk nilai integriti dalam kalangan penjawat awam dan sektor swasta, penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menggantikan Badan Pencegahan Rasuah (BPR) dan Penubuhan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman (JAC).[706]

Sebulan sebelum PRU-11 (2004), dua tangkapan terhadap kes rasuah berprofil tinggi memberikan harapan bahawa Abdullah akan menangani isu rasuah secara langsung. Pada Februari 2004, Pengarah Urusan Perwaja Steel, Eric Chia dan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Kasitah Gaddam dari Sabah telah ditahan kerana dikatakan terlibat dengan rasuah. Seminggu kemudian, kerajaan mengumumkan 18 lagi kes rasuah berprofil tinggi sedang menanti untuk tindakan. Keadaan ini memberi gambaran kepada pengundi bahawa sekiranya Abdullah diberikan mandat dalam PRU-11 (2004), Abdullah akan meneruskan tangkapan terhadap 'ikan jerung' yang terlibat dengan rasuah. Walau bagaimanapun, Eric Chia dan Kasitah Gaddam dilepaskan dalam tuduhan rasuah yang dikenakan setahun kemudian. Lebih serius lagi, semua '18 kes berprofil tinggi' tidak lagi disebut selepas pilihan raya.[707]

---

[706] Pembaharuan dan penambahbaikan adalah merupakan usaha Abdullah untuk memastikan legasi perubahan urustadbir. Penubuhan SPRM adalah bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana banyak dipertikaikan. Sungguhpun SPRM telah diberikan lebih kuasa untuk menyiasat, tetapi SPRM masih tidak boleh melakukan pendakwaan kerana keputusan untuk mendakwa mesti datang daripada pihak Peguam Negara. Dalam kalangan orang awam, ada pandangan mengatakan bahawa SPRM tidak akan menangkap ahli politik kanan, khususnya daripad UMNO atau merka yang berjawatan tinggi dalam kerajaan negeri. Ada juga pandangan mengatakan SPRM lebih banyak digunakan untuk mensasarkan pihak pembangkang. Di bawah Abdullah, perubahan SPRM hanya bersifat luaran, tanpa perubahan sebenar dan tidak mungkin mengurangkan amalan rasuah. Lihat James U.H. Chin dan Bridget Welsh (Penyunting). Kesedaran, Transformasi dan Zaman Pentadbiran Abdullah. Dlm. *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. xxxi-xxxii.

[707] Ibid., hlm. xxx.

University of Malaya

Persaingan Kepimpinan Dalam Menangani Isu Pendidikan

Isu pendidikan menitikberatkan perubahan kurikulum selaras dengan hasrat yang bermula sejak merdeka. Penekanan ialah kepada mengintegrasikan kurikulum terutamanya antara ilmu moden dengan ilmu agama. Ilmu moden sebagai ilmu sekular dan pertembungan dengan pendidikan aliran agama. Wujud persepsi golongan berpendidikan agama tidak dapat menguasai ilmu moden dan tidak berupaya aktif dalam arus pembangunan negara. Justeru itu, lulusan sistem ini menjadi terpinggir dari arus pembangunan.[708]

Sistem pendidikan kebangsaan pula didukung oleh kerajaan tetapi mempunyai lulusan pelajar yang berbeza dengan pelajar sistem agama. Lulusannya masih gagal mempunyai ciri-ciri kesepaduan antara nilai agama dan bukan agama. Keadaan ini mewujudkan dualisme dalam pemikiran dan mengekang serta menjejaskan usaha ke arah pembentukan sahsiah diri yang sepadu.[709] Oleh itu, kerajaan mengambil langkah proaktif ke arah mewujudkan pendidikan dan ilmu bersepadu dengan memperkenalkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Falsafah Pendidikan Negara yang dikuatkuasa pada awal tahun 1989 menegaskan bahawa:

> "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara."[710]

[708] Lihat Ahmad Mohammad Said. *Dualisme Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996, hlm. 14-15. Lihat juga Mohd Rumaizuddin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia Dalam Era Mahathir*, hlm. 134.
[709] Ibid., hlm. 134.
[710] Lihat Mohd Jamil Bin Mukmin, *Gerakan Islam di Malaysia: Kesinambungan, Respon dan Perubahan 1957 -2000*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti. 2009, hlm. 80.

University of Malaya

Perkara yang penting dalam FPN ialah proses pendidikan yang dikenali sebagai pendidikan bersepadu atau perspektif bersepadu sejagat. Pendidikan bersepadu merupakan saluran terbaik untuk mengoperasikan hasrat FPN ke arah pembentukan insan dan masyarakat Malaysia. Dengan demikian, pendidikan bersepadu dijadikan dasar dalam kurikulum sekolah dan pendidikan negara.[711] Tambahan pula, impak kebangkitan semula Islam menekankan kepada pengislaman ilmu yang memperjuangkan idea kesepaduan ilmu dengan hasrat melahirkan konsep baru dalam dunia pendidikan iaitu pendidikan bersepadu. Perkara inilah yang merupakan isu yang diberikan penekanan dalam Memorandum Pelajaran tahun 1974 oleh ABIM yang diserahkan kepada Menteri Pelajaran pada waktu itu iaitu Mahathir.[712]

ABIM telah menyampaikan Memorandum Pelajaran 1974 kepada Mahathir, Menteri Pelajaran ketika itu dengan mengutarakan Falsafah Pendidikan Islam. Mewajibkan mata pelajaran agama Islam selain daripada menganjurkan agar kementerian menyediakan buku teks tentang Konsep dan Falsafah Pendidikan Islam untuk kegunaan para guru dan pelatih di Maktab-Maktab Perguruan dan juga para pensyarah pusat pengajian tinggi.[713]

Komitmen kepada pelaksanaan pendidikan Islam secara bersepadu ini kemudian menjadi agenda kerajaan setelah Anwar Ibrahim dilantik menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1986. Pembentukan FPN menunjukkan idea yang terkandung di dalamnya mempunyai persamaan dengan Falsafah Pendidikan ABIM yang dirangka sebelumnya yang menunjukkan bahawa idea Islamisasi pendidikan yang diperjuangkan oleh ABIM telah

[711] Lihat juga Mohd Rumaizuddin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*, hlm. 135.
[712] Lihat Mohammad Redzuan Othman. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu.* Syarahan Perdana di Universiti Malaya. 25 Februari 2015, hlm. 38-39.
[713] Lihat Mohd Jamil Bin Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia: Kesinambungan, Respon dan Perubahan 1957 -2000*. hlm. 34-35.

University of Malaya

berjaya diarusperdanakan.[714] Pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan usaha bagi melaksanakan pendidikan bersepadu ini. KBSR mula dilaksanakan tahun 1982/1983 dan KBSM dilaksanakan mulai 1989/90.[715]

Satu lagi perubahan penting dalam masyarakat Islam di negara ini ialah berkaitan pakaian. Sebelumnya, dalam tahun 1960-an dan 1970-an, mahasiswi Islam di Universiti Malaya (UM), maktab dan kolej, rata-ratanya memakai *skirt* dan *mini skirt* sama seperti mahasiswa bukan Islam. Tetapi, selepas tahun 1980-an, keadaannya berubah dengan ketara kepada pemakaian baju kurung serta bertudung dan seterusnya bermini telekung. Perubahan ini juga berlaku di sekolah rendah dan menengah.[716] Pelajar juga diberi peluang untuk menunaikan solat ketika sesi pembelajaran dan diasingkan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam bilik darjah.[717]

Bagi UMNO, parti tersebut tidak pernah meminggirkan Islam dalam agenda perjuangannya. Bahkan, parti tersebut memperakukan antara lain perjuangan UMNO ialah "menegak, mempertahan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama".[718] UMNO juga menyifatkan parti tersebut berusaha menyuburkan kefahaman Islam kepada rakyat melalui pelbagai bentuk program seperti pengajaran Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dan Kelas Al-

---

[714] Lihat Mohammad Redzuan Othman. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 39.
[715] Lihat Mohd Jamil Bin Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia: Kesinambungan, Respon dan Perubahan 1957 -2000*, hlm. 81.
[716] Ibid., hlm. 115.
[717] Lihat Mohammad Redzuan Othman. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm. 52.
[718] Fasal 3.3. Perlembagaan UMNO.

University of Malaya

Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang bertujuan membolehkan anak-anak Islam terdidik dengan perkara asas-asas agama.

Tindakan tersebut yang dilakukan oleh UMNO, sedikit sebanyak berjaya menangkis tanggapan bahawa lulusan pendidikan Islam tidak mempunyai nilai ekonomi dan sosial yang tinggi semakin lama semakin pupus. Sambutan yang begitu memberangsangkan telah mendorong kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan bagi Pengajian Islam di negara ini sehingga wujudnya Kolej Islam, Maktab Perguruan Islam, Fakulti Pengajian Islam di universiti. Kemuncak segala kemudahan ini ialah penubuhan Univeriti Islam Antarabangsa Malaysia yang diakui oleh masyarakat antarabangsa.

Isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) menjadi isu politik antara UMNO dan PAS. Isu ini timbul berikutan tindakan kerajaan persekutuan menghentikan bantuan perkapita yang bernilai RM 60 hingga RM 70 setahun bagi setiap murid untuk SAR. Bantuan dihentikan kerana UMNO berpendapat PAS mempolitikkan SAR dengan SAR dikatakan sebagai menyeleweng ajaran Islam atau membawa Islam yang menyeleweng, tenaga penggerak SAR dituduh mengaut keuntungan besar dengan menjadikan pelajar sebagai mangsa,[719] menyemai sikap anti kerajaan dan mengajar politik kepartian. Selain itu, SAR juga dikaitkan dengan kemungkinan menjadi sarang pengganas, tidak mempunyai guru terlatih, mencerca pemimpin terutamanya pemimpin UMNO. SAR juga dikatakan telah mensia-siakan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan. Walaupun bantuan disalurkan,

[719] Lihat Annual Bakri Haron. *Nik Aziz Nik Mat: Unplugged*. Petaling Jaya: La Khauf Marketing. 2005, hlm. 98.

University of Malaya

prestasi pelajaran SAR amat menyedihkan kerana pentadbiran sekolah yang lemah, kualiti guru yang rendah dan prasarana yang daif.[720]

Berikutan itu, wujud cadangan supaya kerajaan pusat mengambil alih pengurusan dan pembangunan SAR secara berperingkat-peringkat. Di Kelantan, kerajaan negeri pimpinan PAS menolak cadangan tersebut bersandarkan kepada alasan Kementerian Pendidikan tidak mempunyai pengalaman untuk meningkatkan mutu pendidikan Islam.[721] Satu debat tentang SAR yang berjudul "Sekolah Agama Rakyat: Cabaran, Masa Depan dan Harapan," antara Mohamed Nazri Aziz (Ketua UMNO Chenderoh) dan Salahuddin Ayub (Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS) telah berlangsung di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka.[722]

Mengenai langkah memperkasa pendidikan Agama Islam di Malaysia sama ada melalui sistem SAR atau sistem yang lain, dua perkara yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu ialah kedua-dua pihak (UMNO dan PAS) perlu memahami latar belakang sejarah dan permasalahan semasa yang berkaitan dengan isu pendidikan agama Islam dan membebaskan isu pendidikan agama daripada perangkap politik *(depoliticised the issues)*.[723]

---

[720] *Utusan Malaysia*, 3 Julai 1999.
[721] *Utusan Malaysia*, 3 Julai 1999.
[722] Pada peringkat awal, tajuk perdebatan yang dicadangkan ialah "Sekolah Agama Rakyat: Siapakah Sebenarnya Pengkhianat." Berdasarkan tajuk yang sedemikian, sudah tentu kedua-dua pihak akan bersikap agresif untuk mencari kemenangan. Sedangkan yang patut diketengahkan ialah kebenaran. Lihat Mohd Firdaus Abdullah. *Komentar Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2004, hlm. 53.
[723] Maksud *depoliticised the issues* ialah supaya kedua-dua belah pihak menganggap dan menangani isu ini sebagai isu pendidikan yang akan meningkatkan sahsiah dan kualiti orang Melayu/Islam dan bukan sebagai isu politik yang membawa perpecahan. Salah satu sebab yang sering disebut mengapa kerajaan menghentikan bantuan per kapita kepada SAR ialah kerana sesetengah perlakuan yang menyalahgunakan SAR untuk menyebarkan politik kebencian dan antikerajaan. Perbuatan sedemikian dianggap sebagai satu usaha pihak pembangkang (PAS) mengembangkan pengaruh politiknya dan memang ada tanggapan bahawa SAR adalah kawasan yang subur untuk pertumbuhan pengaruh pembangkang. Manakala, keputusan kerajaan

University of Malaya

Isu lain yang melingkari perkembangan dalam bidang pendidikan di negara ini yang menimbulkan keresahan dalam kalangan orang Melayu ialah tindakan kerajaan pimpinan UMNO yang memperkenalkan dasar meritokrasi untuk kemasukan ke IPTA. Dasar ini yang dilaksanakan pada era kepimpinan Mahathir. Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 3 September 2001 memutuskan untuk melaksanakan sistem meritokrasi dalam menentukan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pada tahun 2002, kerajaan pimpinan UMNO telah menggantikan sistem kuota bagi kemasukan ke IPTA kepada sistem meritokrasi. Hal yang demikian ini bermakna, dasar pengambilan pelajar ke IPTA dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi bagi menggantikan Dasar Pengambilan Pelajar Mengikut Kuota Kaum. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum untuk menjana markah merit pelajar.[724]

Pelaksanaan meritokrasi menimbulkan pelbagai reaksi seperti ada yang menerima, ragu-ragu malah tidak kurang juga yang menolak. Bagi yang menolak, wujud kebimbangan kepada tindakan tersebut yang dikhuatiri boleh menjejaskan peluang pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran di IPTA. Mahathir mempertahankan tindakan itu dengan menyifatkan dasar tersebut bukan bertujuan menganiaya para pelajar Melayu sebaliknya untuk menyedarkan bangsa Melayu yang masih lena dibuai mimpi yang majoritinya masih jauh ketinggalan berbanding dengan bangsa lain dalam pendidikan.[725] PAS melihat tindakan kerajaan sebagai suatu bentuk penghakisan terhadap hak keistimewaan orang

---

menghentikan bantuan per kapita kepada SAR dianggap sebagai tindakan politik untuk menyekat pengaruh pembangkang. Justeru itu, isu ini perlu dilihat secara lebih menyeluruh sebagai suatu isu pendidikan yang mengatasi kepentingan politik kepartian. Ibid., hlm. 56.

[724] *Sinar Harian*, 25 Julai 2013.

[725] *Berita Harian*, 4 September 2001.

University of Malaya

Melayu. Pada masa sama, tindakan itu adalah bagi meraih undi masyarakat bukan Melayu terutama orang Cina.[726]

Sebelum pelaksanaan dasar meritokrasi, kemasukan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke IPTA dikawal oleh sistem kuota. Dasar kemasukan pelajar-pelajar ke pusat pengajian tinggi yang secara langsung dikawal oleh pemerintah sejak tahun 60-an amat kuat dicirikan oleh semacam dasar tindakan *affirmative* berasaskan kuota, dipertahankan alasan untuk mengimbangi keadaan keterbelakangan kelompok tertentu khususnya orang Melayu dan Bumiputera.[727] Namun begitu, reaksi PAS dilihat tidak konsisten dengan tindakan PAS selama ini yang seringkali mengeluarkan kenyataan untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu sekiranya berkuasa.[728] Penolakan Haji Hadi terhadap hak istimewa orang Melayu dikatakan sesuai dengan Islam.[729] Malah, Haji Hadi menyifatkan idea untuk menolak hak keistimewaan orang Melayu dimulakan oleh Mahathir yang pernah mengatakan bahawa hak istimewa orang Melayu telah memalukan orang Melayu sendiri.[730]

Tindakan kerajaan memperkenalkan Dasar Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003 telah menimbulkan polemik dalam masyarakat. Kerajaan berpendapat, penguasaan bahasa Inggeris adalah penting bagi meningkatkan daya saing. Pelaksanaan dasar ini adalah merupakan kesinambungan daripada keputusan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 19 Julai 2002, memutuskan

---

[726] www.kelantan.parti-pas.org.
[727] Lihat Rustam A Sani. *Melayu Baru dan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1993, hlm. 41.
[728] Pada tahun 1985, PAS berjanji akan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu jika mereka berkuasa. Janji tersebut diucapkan oleh Haji Hadi dalam sebuah majlis dialog yang dihadiri oleh masyarakat Cina di Kuala Terengganu dalam usaha PAS mengikis imej perkauman. Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir. Langkah dan Perhintungan*, hlm. 53.
[729] Ibid., hlm. 56.
[730] Ibid., hlm. 61.

University of Malaya

pelaksanaan Dasar PPSMI. Berdasarkan kepada keputusan tersebut, Dasar PPSMI akan dilaksanakan secara berperingkat mulai sesi persekolahan 2003 melibatkan murid Tahun 1 (Sekolah Rendah) dan Tingkatan 1 serta Tingkatan 6 Rendah (Sekolah Menengah). Pelaksanaan penuh PPSMI ialah tahun 2007 yang melibatkan peringkat Sekolah Menengah dan tahun 2008 bagi peringkat Sekolah Rendah.[731]

Dasar PPSMI mencetuskan perdebatan hangat serta bantahan pelbagai pihak kerana dianggap boleh melemahkan pencapaian pelajar Melayu terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi. Sebaliknya, memberi kelebihan kepada pelajar yang tinggal di kawasan bandar yang sememangnya terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris. Selain daripada guru dan ibu bapa, bantahan turut datang daripada ahli parti politik. PKR melalui Anwar Ibrahim pada bulan April 2008 menyatakan tidak akan bertolak ansur mengenai kedudukan bahasa kebangsaan. Gerakan Mansuhkan PPSMI telah ditubuhkan. Pada 8 Julai 2009, Muhyiddin Yassin (Menteri Pelajaran) mengumumkan pemansuhan PPSMI setelah mengambil kira pelbagai aspek dan kajian yang mendalam.[732]

Penglibatan PAS dalam menangani isu novel kontroversi iaitu Novel *Interlok*: Edisi Murid (2010) hasil karya Sasterawan Negara, Abdullah Hussain terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dikritik. Novel *Interlok* telah dijadikan Teks Sastera Sekolah dengan dijadikan Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia (KOMSAS) bagi pelajar Tingkatan 5. Kontroversi timbul kerana novel berkenaan didakwa

[731] *Mingguan Malaysia*, 22 Februari 2009.
[732] Masih ada lagi suara supaya keputusan kerajaan yang memansuhkan PPSMI dipertimbangkan semula dengan cadangan memberi pilihan kepada sekolah sama ada menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Lihat *Utusan Malaysia*, 18 Ogos 2011.

University of Malaya

mengandungi unsur negatif serta menyinggung perasaan kaum India, iaitu di halaman 211 dan 220.[733]

PAS dilihat tidak mempertahankan novel tersebut walaupun berpendirian tegas dalam novel *Shit* karya Sasterawan Negara, Shahnon Ahmad. Hal yang demikian ini berikutan penglibatan Ahli Parlimen Kota Raja, Dr. Mariah Mahmud menyertai demonstrasi *anti-Interlok* walaupun menafikan terlibat dalam pembakaran novel itu atau menunjukkan sokongan. Dr. Mariah Mahmud dituduh mengutamakan undi bukan Melayu dan mengabaikan kepentingan Melayu. Lima persatuan termasuk Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Ikatan Melayu Asli Nusantara (IMAN), Penasihat Persatuan Silat Selangor, Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) membuat laporan polis berhubung tindakan membakar novel *Interlok* oleh beberapa individu di hadapan Dewan Sentosa, Majlis Perbandaran Klang, Selangor.[734]

Persaingan Kepimpinan Dalam Menangani Isu Pentadbiran Ekonomi

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang sebati dengan perjuangan UMNO untuk membela nasib ekonomi orang Melayu ternyata tidak diterima oleh PAS. PAS mengkritik dasar kerajaan dengan menegaskan bahawa kerajaan hanya berjaya mewujudkan kelas pertengahan Melayu yang kaya dan juga sejumlah kecil jutawan yang merupakan simbol ciri DEB. Pada masa sama, parti tersebut juga mengecam kerajaan kerana gagal menghapuskan kemiskinan. Walaupun PAS berpendirian tegas dalam matlamat utamanya

[733] *Sinar Harian*, 21 Disember 2010.
[734] *Utusan Malaysia*, 9 Januari 2011.

University of Malaya

untuk meningkatkan lagi keadaan ekonomi orang Melayu, tetapi parti tersebut tidak mempunyai program ekonomi yang komprehensif. Ini dijelaskan oleh Chandra Muzafar:

> "PAS bercakap tentang mustahaknya pembangunan perusahaan mengadakan peluang kerja, mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka yang diberhentikan kerja, namun begitu tidakpun berusaha memberikan cadangan tentang bagaimana para pembuat dasar dan perancang dapat menyelesaikan masalah tersebut. Ini merupakan satu gambaran yang tidak baik sehubungan dengan pendekatan parti nitu terhadap isu ekonomi sedangkan para pemimpin yang penting pun sering mengatakan bahawa ancaman pengangguran boleh diselesaikan jika rakyat bersedia bekerja keras. Begitu juga PAS tidak mempertimbangkan sistem ekonomi alternatif yang lain yang juga dikira penting. Apakah hubungan antara buruh dan modal dalam ekonomi Islam? Ini memerlukan gambaran dan penyataan yang mendalam tentang kenyataan ekonomi yang ada – yakni gambaran atau penyataan belum lagi dibuat oleh PAS."[735]

Politik pembangunan juga sebati dengan perjuangan UMNO, malah parti tersebut telah menjadikan pembangunan ekonomi berasaskan kepada politik pembangunan sebagai agenda utama dalam menjayakan pencapaian DEB. UMNO sebagai sebuah parti yang menjadi pendukung utama kerajaan, berusaha meyakinkan pengundi bahawa parti tersebut sebenarnya serius untuk membangunkan negeri-negeri yang kurang maju terutamanya negeri yang diperintah oleh PAS seperti Kelantan. Bagi negeri tersebut, UMNO mendakwa negeri Kelantan mengalami krisis pembangunan berikutan kegagalan karajaan PAS di negeri itu membawa kemajuan kepada rakyatnya.[736]

UMNO seringkali berhujah bahawa kerajaan persekutuan tidak sesekali menyekat peruntukan pembangunan kepada negeri yang diperintah oleh pembangkang. Di Kelantan umpamanya, UMNO menyatakan walaupun parti berkenaan tidak memerintah, pelbagai projek pembangunan disalurkan kepada Kelantan sebagai satu usaha menunjukkan kepada orang Melayu Kelantan serta meyakinkan mereka bahawa UMNO benar-benar serius dalam

---

[735] Lihat Chandra Muzafar. *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1987, hlm. 57.

[736] Lihat Mohd Ali Kamarudin. *Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu UMNO Kelantan, 1946-1990*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004, hlm. 104.

University of Malaya

melaksanakan agenda pembangunan. Melalui cara ini, UMNO berharap tindakan sedemikian mampu mencelikkan rakyat Kelantan bahawa PAS hanya tahu bercakap tentang Islam dan manabur janji tetapi tidak mampu membuat sesuatu bagi membantu kedudukan Islam dan orang Melayu.[737]

Pihak UMNO menyedari bahawa sumber kewangan yang terhad merupakan punca utama kerajaan PAS Kelantan gagal menyediakan pelbagai projek pembangunan untuk rakyat di negeri itu. UMNO juga bersedia menjanjikan peruntukan pembangunan yang lebih besar sekiranya parti tersebut diberi kuasa memerintah. Dalam usaha menyekat pengaruh PAS, kepimpinan UMNO berusaha untuk menonjolkan imej parti yang peka kepada kemajuan dan pembangunan orang Melayu dan agama Islam. Bagi mencapai matlamat tersebut, kepimpinan UMNO melihat pembangunan merupakan isu yang perlu dipolitikkan secara serius.[738]

Penyediaan pelbagai projek pembangunan ekonomi merupakan matlamat utama politik pembangunan UMNO. Bagi disesuaikan dengan keperluan setempat, tumpuan yang lebih diberikan kepada usaha menyediakan pelbagai kemudahan yang dapat mempertingkatkan syiar Islam berbanding dengan kemudahan bercorak keagamaan. Sehubungan dengan itu, penyediaan projek pembangunan yang berasaskan kepada kepentingan Islam lebih tertumpu kepada usaha seperti membina dan membaikpulih masjid, surau, madrasah dan sekolah agama. Projek yang bukan bercorak keagamaan pula adalah berbentuk penyediaan (termasuk baik pulih) balai raya, jalan-jalan kampung (termasuk menurap tar ke atas jalan raya yang sedia ada), pusat kesihatan kecil, perhentian

[737] Ibid., hlm. 110.
[738] Ibid., hlm. 106.

University of Malaya

bas, kemudahan air bersih dan elektrik, jambatan kampung, gelanggang sukan dan sebagainya.[739]

PAS juga seringkali mengingatkan orang Melayu bahawa program pembangunan yang dirancang oleh UMNO dan kerajaan persekutuan (khususnya pembangunan fizikal dan proses urbanisasi) tidak banyak memberikan keuntungan kepada mereka. PAS turut mendakwa bahawa pendekatan yang diambil oleh UMNO dan kerajaan persekutuan dalam merancang program pembangunan merupakan suatu pendekatan yang tidak diredai Tuhan. Hal yang demikian ini kerana, UMNO lebih mementingkan aspek kebendaan semata-mata sehingga melupai aspek kerohanian. Sebagainya alternatifnya, PAS menyeru orang Melayu menerima konsep pembangunan yang didakwa lebih berteraskan kepada usaha-usaha berbentuk pembetulan akidah serta mendidik, melatih dan membekalkan individu dengan fahaman yang syumul.[740]

Pada tahun 2003, Husam Musa semasa menjadi Ahli Parlimen PAS Kubang Kerian menyifatkan janji Perdana Menteri, Mahathir untuk memajukan Kelantan sekiranya BN diberi kepercayaan untuk menerajui semula negeri itu sebagai hujah lapuk yang tidak mungkin mempengaruhi rakyatnya.[741] Pada tahun 2013, Perdana Menteri, Najib menawarkan tujuh projek pembangunan sekiranya BN kembali memerintah rakyat Kelantan iaitu pembinaan Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai, stadium baru, Projek Perumahan Rakyat sebanyak 3000 unit, kampus Bandar Universiti Teknogi Mara (UiTM) yang boleh memuatkan 5000 penuntut, membina masjid yang menjadi ikon negeri dengan

[739] Ibid., hlm. 128.
[740] Manifesto PAS Kelantan 1986.
[741] *Malaysiakini*, 16 Januari 2003.

University of Malaya

kos RM50 juta, mewujudkan sistem pengangkutan Rapid Kota Bharu dan menyelesaikan masalah bekalan air.[742]

PAS menyifatkan tindakan UMNO mengenakan diskriminasi dalam melaksanakan agenda pembangunan menyebabkan kedudukan mereka selalu ditekan. Mereka mengatakan UMNO lebih kepada slogan tetapi pada realiti PAS sentiasa diperas. Diskriminasi ini mungkin timbul disebabkan oleh sikap pemimpin UMNO yang menganggap pembangunan sebagai suatu *favour* yang mesti dihargai dan dibayar dengan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan. Mahathir juga pernah menyelar pelajar, khususnya pelajar luar negara yang mengkritik dasar-dasar kerajaan sebagai tidak mengenang budi, tidak berterima kasih dan tidak bersyukur.[743]

UMNO dilihat mahukan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada parti pemerintah sebagai balasan kepada *favour* yang telah diberikan. Sekiranya ini tidak dihargai, *favour* itu akan dihentikan atau ditarik balik atau dinafikan kepada mereka yang menentang kerajaan. Oleh kerana tekanan demi tekanan yang dikenakan terhadap penyokong PAS, akibatnya berlaku pulau-memulau, tindak balas dengan mengasing diri dan sebagainya.[744]

Diskirminasi pembangunan juga dikaitkan dengan isu pembayaran royalti minyak oleh Petronas sehingga mengeruhkan hubungan UMNO dan PAS. PAS menyifatkan

---

[742] Tujuh projek besar tersebut diumumkan oleh Perdana Menteri, Najib semasa berucap merasmikan proram Jelajah Janji Ditepati di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung, Kota Kharu. Lihat *Utusan Malaysia*, 20 Januari 2013.

[743] *Utusan Malaysia*, 25 Januari 1984. Lihat juga Mohammad Agus Yusoff. Politik Terengganu Selepas Pilihan Raya Umum 1999: Dari Royalti Ke Wang Ihsan. Dlm. *Jurnal JEBAT*. 2004, 93.

[744] Lihat Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*, hlm. 116.

University of Malaya

tindakan kerajaan BN memberhentikan pembayaran royalti hasil petroleum kepada Kerajaan Terengganu selepas PAS berjaya menguasai negeri tersebut pada tahun 1999 sebagai satu bentuk diskriminasi. Hal yang demikian ini memandangkan, kerajaan persekutuan yang dikuasai oleh UMNO dan BN mengambil keputusan secara rasminya pada 5 September 2000 mengumumkan menggantikan pembayaran wang royalti oleh Petronas kepada Kerajaan Terengganu dengan pemberian wang ehsan yang juga dikenali sebagai Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP). Melalui kaedah ini, wang tersebut tidak dibayar kepada kerajaan negeri sebaliknya disalurkan melalui projek pembangunan.[745]

Tindakan kerajaan persekutuan adalah untuk menyekat pengaruh PAS. Kemenangan PAS di Terengganu pada tahun 1999 merisaukan UMNO kerana Terengganu merupakan sebuah negeri yang kaya dengan hasil minyak. Bagi UMNO, kekayaan ini tentunya boleh digunakan oleh PAS dengan menggunakan wang minyaknya di Terengganu untuk menyebarluaskan lagi pengaruhnya di seluruh negara. Bagi menjelaskan permasalahan tersebut, kerajaan pusat berhujah bahawa wang yang telah dibayar kepada Kerajaan PAS Terengganu pada bulan Februari 2000 sebanyak RM432 juta telah dibelanja dengan boros oleh Kerajaan PAS Terengganu, bukan untuk tujuan pembangunan tetapi untuk kepentingan parti. Jadi, kerajaan persekutuan perlu menilai semula pembayaran penggunaan wang royalti kepada negeri berkenaan agar tidak disalah guna.[746]

Selain Terengganu, Kelantan juga merupakan negeri yang mengemukakan tuntutan sebanyak lima peratus kepada Petronas dan kerajaan persekutuan untuk mendapatkan royalti minyak. Tuntutan tersebut adalah berdasarkan perjanjian Petronas dengan Kerajaan

[745] *Malaysiakini*, 20 April 2008.
[746] *Utusan Malaysia*, 27 Jun 2000.

University of Malaya

Kelantan pada 9 Mei 1975. Petronas diwakili oleh Tengku Razaleigh Hamzah (Pengerusi Petronas) dan Kerajaan Kelantan diwakili oleh Muhammad Nasir (Menteri Besar). Menurut terma perjanjian, Kelantan diberikan royalti sebanyak lima peratus setahun dan dibayar tunai dua kali setahun untuk hasil minyak ditemui di kawasan pantai dan pesisirnya.[747]

Nik Aziz semasa menjadi Menteri Besar pernah menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri, Najib Razak mengenai tuntutan tersebut mengikut Akta Petroleum 1974 yang dianggarkan berjumlah satu billion ringgit. Tindakan tersebut disokong oleh Tengku Razaleigh melalui suratnya kepada Nik Aziz dengan menyifatkan tuntutan itu sebagai hak kerajaan negeri Kelantan.[748]

Isu tuntutan royalti minyak oleh Kerajaan Kelantan menjadi bahan kempen ceramah PAS menjelang PRK Manik Urai pada 14 Julai 2009. Pada November 2009, Perdana Menteri, Najib Razak mengumumkan di Dewan Rakyat mengenai pemberian tunai hasil petroleum kepada Kelantan meskipun pengeluaran petroleum buat masa ini terletak di luar perairan negeri itu. Peruntukan itu telah disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan. Pada 28 Januari 2010, pidato royalti minyak diadakan di Kota Bharu yang disampaikan oleh Haji Hadi, Nik Aziz, Tengku Razaleigh dan Salleh Abbas bagi mengupas isu pembayaran royalti. Pada 4 Ogos 2012, kerajaan persekutuan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Tuntutan Bayaran Tunai Petroleum yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad. Pada 30

[747] Lihat Mohd Aizat. *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. 2011, hlm. 114.
[748] *Harakahdaily*, 15 September 2009.

University of Malaya

Ogos 2010, Kerajaan PAS Kelantan memulakan tindakan perundangan dengan memfailkan saman kepada Petronas.[749]

Isu melibatkan program bantuan seperti pemberian subsidi baja padi, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan isu yang boleh menyumbang kepada perpecahan orang Melayu. Isu diskriminasi atau sikap tidak berlaku adil telah dikaitkan dengan isu pemberian bantuan kepada nelayan dan petani. Bagi nelayan, penyokong PAS sering dinafikan hak mereka untuk mendapatkan lesen bot.[750] Bagi petani pula, PAS mendakwa, ahli mereka dinafikan pemberian subsidi baja padi.[751] Malah, PAS mendakwa penyokongnya dipaksa memasang bendera BN di rumah bagi mendapat subsidi baja padi dan pihak UMNO bertindak menghentikan pemberian subsidi baja padi sekiranya petani menghadiri program ceramah PAS.[752]

Permohonan mendapatkan subsidi pula perlu disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang merupakan pemimpin UMNO di peringkat kampung. Tindakan tersebut menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati oleh para petani. Misalnya, seramai 23 orang petani yang menjadi Ahli Lembaga Pertubuhan Peladang kawasan Tumpat membuat laporan polis terhadap pengerusi JKKK Bendang Pak Yong kerana Pengerusi JKKK tersebut tidak mahu 'mengecop' dan menandatangani borang

[749] *Berita Harian*, 31 Ogos 2010.
[750] Ucapan Haji Hadi Awang (MP Marang, Terengganu) di Dewan Rakyat yang mendedahkan dua orang nelayan dari Besut dan Kuala Terengganu ditolak permohonan mereka untuk mendapatkan lesen bot. Lihat Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-8, Penggal 1, Jld. 1, Bil. 56, 15 Julai 1991, hlm. 56.
[751] Ucapan Abdul Fatah Harun (MP PAS Rantau Panjang, Kelantan) di Dewan Rakyat yang mendedahkan petani-petani di Pasir Mas, Kelantan didiskriminasikan. Lihat Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-10, Penggal Ke-2, Jld. II, Bil. 12, 2 Mac 2000, hlm. 96.
[752] *Harakahdaily*, 14 April 2013.

University of Malaya

pendaftaran pesawah terhadap petani berkenaan. Kegagalan tersebut menyebabkan pejabat Lembaga Pertubuhan Kawasan tidak dapat memproses borang petani dan seterusnya menyalurkan subsidi.[753]

Fadzil Noor menyatakan kerajaan terikat dengan laporan JKKK kerana institusi itu sendiri merupakan sebahagian daripada faktor yang menimbulkan masalah, terutamanya perpecahan.[754] Pada dasarnya, JKKK ditubuhkan untuk membantu meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira fahaman politik. Tetapi, dari segi pelaksanaannya adalah sebaliknya. Anggota JKKK dipengaruhi oleh pemimpin UMNO. Kerajaan persekutuan menubuhkan JKKK bagi menyaingi penghulu dan ketua kampung lantikan kerajaan PAS seperti yang berlaku di Kelantan dan Terengganu sehingga timbul istilah "Penghulu PAS" dan "Penghulu UMNO".

Penyokong PAS terpaksa mendapat pengesahan dan tandatangan wakil rakyat atau penghulu atau pengerusi JKKK. Kegagalan mendapat pengesahan dari agen kerajaan menyebabkan penyokong PAS tidak berpeluang mendapat bantuan. PAS menyifatkan JKKK gagal memainkan peranan sebagai penyambung suara rakyat kerana sikap mereka yang memihak kepada penyokong UMNO dan BN sahaja. Tindakan tersebut menyebabkan berlakulah perpecahan yang berlarutan antara penyokong PAS dan penyokong UMNO.[755]

[753] *Harakahdaily*, 11 Jun 2013.
[754] Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-10, Penggal Ke-3, Mesyuarat Ke-3, Jld. III, Bil. 72. 3 Disember 2001, hlm 82-83.
[755] Abdul Razak Ayub. *Perpecahan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. 1985. hlm. 79.

University of Malaya

Penutup

Kepimpinan politik banyak mengalami perubahan. Perkembangan pengaruh politik telah memperlihatkan kewujudan pelbagai unsur baru dalam kalangan orang Melayu dengan pembaharuan terhadap unsur tradisi. Amalan politik setia dan politik naungan telah berubah kepada amalan berpuak-puak sehingga amalan ini seolah-olah menjadi kemestian dalam parti politik kini di semua peringkat daripada cawangan sehingga kepada kepimpinan tertinggi. Budaya berpuak-puak ini terdapat dalam semua parti politik. Dalam UMNO misalnya, budaya ini mula dipaparkan dalam kancah politik selepas UMNO berjaya menerajui kerajaan. Pada mulanya, budaya berpuak-puak dalam UMNO di peringkat tertinggi tidaklah ketara. Namun begitu, budaya ini semakin berleluasa setelah wujudnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan pemimpin yang mahukan sesuatu perubahan dalam corak kepimpinan. Misalnya, pada era pemerintahan Tunku Abdul Rahman, wujud berpuak-puak yang dikenali sebagai orde baru dan orde lama dan menjadi sebati dalam budaya politik orang Melayu.

Satu lagi perubahan ketara dalam nilai kepimpinan poilitik Melayu ialah kewujudan parti pembangkang yang dilihat selari dengan idea demokrasi yang memberikan hak kepada setiap individu untuk membuat pilihan dan menentukan masa depan politik mereka. PAS adalah parti pembangkang Melayu yang pertama wujud pada tahun 1951. Kelahiran PAS nyata dipengaruhi oleh perbezaan dasar perjuangan dengan UMNO iaitu, kesan daripada latar belakang pendidikan para pemimpin yang mengasasnya. Kewujudan parti pembangkang ini menunjukkan orang Melayu semakin matang dan serius dalam politik.

University of Malaya

Budaya politik orang Melayu yang mengalami perubahan juga boleh dilihat daripada nilai kerjasama, permuafakatan dan tolak ansur sudah banyak berubah walaupun dalam masa sama budaya politik itu masih terikat dan tertumpu kepada personaliti, tokoh, kedudukan dan kuasa. Sebaliknya, nilai politik seperti tohmahan, tuduh menuduh, memburukkan antara satu sama lain semakin berkembang.

PAS sebagai 'musuh ketat' dan 'musuh tradisi' bagi parti UMNO. Sejak berakhirnya kedudukan PAS dalam BN pada Disember 1977 dan lebih-lebih lagi dengan tersingkirnya pimpinan Asri Muda pada akhir tahun 1982, persaingan kedua-dua parti menjadi semakin sengit dan hebat. Sebilangan pemimpin dan tokoh muda dalam PAS yang lebih berpengetahuan dan komited dengan cita-cita perjuangan untuk menegakkan pemerintahan negara Islam di Malaysia menjadi semakin lantang dan semakin 'dibimbangi' oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan kerajaan.

Pada masa sama, pemimpin parti politik Melayu dilihat sentiasa bersaing untuk menonjolkan imej kepimpinan yang berwibawa supaya dapat menarik sokongan masyarakat. Sehubungan dengan itu, kegagalan seseorang pemimpin untuk memenangi hati rakyat akan menyebabkan kehilangan sokongan. Justeru itu, sikap pemimpin yang 'berjiwa rakyat', berintegriti, amanah, bertanggungjawab, berpandangan ke hadapan, berilmu dan sebagainya akan mendapat tempat di hati rakyat.

University of Malaya

BAB 6: PERSAINGAN POLITIK MELAYU DAN AGENDA PERPADUAN

Pengenalan

Keputusan PRU-3 (1969) yang menyaksikan UMNO dan Parti Perikatan mengalami kekalahan besar sehingga gagal mencapai majoriti dua pertiga di parlimen dan kemudiannya berlaku Peristiwa 13 Mei 1969 membuka dimensi baru kepada hubungan UMNO dan PAS yang telah sekian lama bersaing. Bermula tahun 1973, kedua-dua parti bersetuju untuk mengadakan kerjasama melalui penubuhan kerajaan campuran. Setelah wujudnya kerjasama tersebut, hubungan yang sebelumnya keruh berjaya dijernihkan. Matlamat untuk melihat perpaduan orang Melayu akhirnya tercapai dengan wujudnya penyatuan parti politik terbesar Melayu iaitu UMNO dengan PAS.

Kerjasama politik antara UMNO dan PAS akhirnya ternoktah pada 1977. Bermula tahun 1978, PAS dan UMNO kembali bersaing. Persaingan antara dua parti utama orang Melayu iaitu UMNO dengan PAS terus berlaku sehingga tahun 2013. Dalam tempoh tersebut, persaingan terus berlaku antara UMNO dan PAS sehingga menyebabkan hubungan antara kedua parti menjadi semakin keruh dan sukar untuk didamaikan walaupun tidak dinafikan terdapat beberapa usaha untuk mewujudkan kerjasama kedua-dua parti. Kesungguhan dan keikhlasan untuk bersatu masih belum terbukti. Bahkan, keadaan menjadi lebih mencabar berikutan wujudnya parti baru yang merupakan parti serpihan UMNO seperti Semangat 46 dan PKR.

University of Malaya

Kini, kegagalan menyatupadukan kuasa politik Melayu memperlihatkan secara umumnya orang Melayu berpecah kepada tiga kumpulan iaitu Melayu UMNO, Melayu PAS dan Melayu PKR. Situasi ini belum lagi mengambil kira orang Melayu yang tidak menyertai mana-mana parti. Kewujudan parti tersebut dengan ideologi dan fahaman yang berbeza dianggap oleh sesetengah pihak sebagai berlakunya perpecahan Melayu walaupun persaingan melibatkan parti politik Melayu yang berbeza ideologi untuk mendapatkan kuasa dan pengaruh merupakan suatu yang lumrah dalam sebuah negara yang bertunjangkan amalan demokrasi.

Dalam hal yang demikian ini, pergeseran yang berlaku melalui persaingan politik tidak seharusnya berakhir dengan perpecahan. Perpecahan hanya boleh terjadi sekiranya parti politik Melayu gagal menguruskan persaingan tersebut. Merujuk kepada keadaan ini, persaingan UMNO dengan PAS dan PKR juga tidak terkecuali sehingga persaingan antara parti tersebut seringkali dikatakan menyumbang kepada perpecahan dalam kalangan orang Melayu. Persaingan ini dianggap sebagai punca kepada perpecahan orang Melayu. Lantaran itu, wujud desakan supaya parti politik berteraskan Melayu mencari asas kerjasama bagi mengukuhkan kedudukan orang Melayu di negara ini. Bahkan wujud cadangan supaya UMNO dan PAS kembali bersatu bagi membina kekuatan Melayu dan Islam di negara ini.

Polemik Perpecahan Melayu

Terdapat dua pandangan yang berbeza dalam mengutarakan isu perpecahan Melayu. Pertama, pandangan yang mengatakan orang Melayu tidak mengalami sebarang perpecahan. Pandangan ini kebanyakannya didukung parti pembangkang seperti PAS dan

University of Malaya

PKR. Kedua, pandangan yang menyatakan bahawa telah wujud perpecahan Melayu kerana berbeza fahaman politik. Pandangan ini kebanyakannya dipersetujui oleh UMNO. Isu perpecahan Melayu menimbulkan polemik dalam masyarakat. Parti politik Melayu seperti UMNO dan PAS sering menuding jari berkenaan isu ini.

Bagi menyusurgalurkan pandangan yang mengatakan orang Melayu tidak berpecah, justifikasi yang dikemukakan menyatakan bahawa, situasi yang berlaku hanya disebabkan wujud perbezaan pandangan dan sokongan kepada parti politik yang sah di sudut perlembagaan. Perbezaan fahaman politik membawa kepada perbezaan sokongan. Pada masa sama, masalah kepimpinan dalam kerajaan yang didukungi oleh UMNO seperti salah guna kuasa dan rasuah serta tiadanya harapan untuk melihat wujudnya tadbir urus kerajaan yang baik *(good governance)* membawa kepada penghijrahan orang Melayu meninggalkan UMNO dengan memberikan sokongan kepada PAS mahupun PKR.[756]

Persepsi perpecahan Melayu yang wujud hanya disebabkan oleh perpecahan yang berlaku dalam UMNO, bukannya disebabkan kewujudan parti lain seperti PAS dan PKR. Perpecahan dalam UMNO kemudiannya dikaitkan pula dengan perpecahan orang Melayu. Perpecahan yang pernah berlaku dalam UMNO adalah antaranya, tindakan Onn Jaafar keluar daripada UMNO setelah cadangannya untuk membuka keahlian kepada bukan Melayu ditolak, pertentangan pendapat antara Tunku Abdul Rahman (YDP UMNO) dengan Ahmad Fuad (Ketua Biro Agama) sehingga kumpulan ulama dalam UMNO bertindak meninggalkan UMNO dan menubuhkan PAS, pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO (1987) dan isu pemecatan Anwar Ibrahim (1998). Perpecahan dalam

[756] http://www.freemalaysiatoday.com. 18 Mei 2015.

University of Malaya

UMNO kemudiannya menyaksikan penubuhan parti serpihan UMNO seperti Parti Negara, PAS, Semangat 46 dan PKR. [757]

Kedua, pandangan bahawa telah wujud perpecahan Melayu kerana berbeza fahaman politik. Pandangan ini mengaitkan bahawa perpecahan Melayu merupakan sesuatu yang benar-benar berlaku. Malah, perpecahan tersebut berada pada tahap yang membimbangkan. Kewujudan pelbagai parti politik untuk orang Melayu telah menjadi punca perpecahan. Orang Melayu sudah mempunyai pelbagai parti politik yang boleh disokong. Dahulu, hanya UMNO dan PAS. Sekarang ini, bilangannya semakin bertambah. Orang Melayu sudah berpecah menjadi tiga atau mungkin lebih. Perpaduan Melayu hanya berlaku sekiranya orang Melayu-Islam menyokong UMNO. Sebaliknya, orang Melayu yang menyokong PAS dan PKR dianggap golongan yang memecahbelahkan masyarakat Melayu.[758]

Kewujudan parti politik untuk orang Melayu dikatakan menyumbang kepada perpecahan jumlah undi dalam sesuatu pilihan raya. Perjuangan UMNO turut dan pernah mendapat saingan daripada PAS, Semangat 46, PKR (parti serpihan UMNO), HAMIM dan BERJASA (parti serpihan PAS). Setelah wujudnya parti serpihan ini, orang Melayu

[757] UMNO juga menerima tamparan hebat setelah Ahmad Fuad, pegawai agama dalam UMNO bertindak keluar dari UMNO dan menubuhkan PAS pada tahun 1951. Sejak penubuhannya, PAS berkembang sebagai sebuah parti politik yang menjadi saingan kepada UMNO hingga kini. Berbekalkan isu dan konsep negara Islam, PAS mengutarakan agendanya kepada rakyat yang pada mulanya berperanan sebagai pembangkang Melayu. Kini, secara perlahan-lahan menaruh harapan untuk menjadi parti alternatif dan seterusnya memerintah negara. Namun begitu, kejayaan yang dicapai oleh PAS tidak begitu membanggakan. Sejak penubuhannya hingga ke hari ini, PAS belum berjaya mencapai cita-citanya untuk memerintah negara walaupun mengadakan kerjasama dengan parti lain. Dari segi prestasi dan pencapaiannya, berlaku sedikit sebanyak peningkatan prestasi calonnya dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2008 dan 2013. Lihat Ahmad Atory Hussain. Cabaran Politik Melayu. Dlm. Anwar Ridhwan. *Minda Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2008, hlm. 195.

[758] Lihat Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analisis Peralihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012, hlm. 88.

University of Malaya

mempunyai pilihan sama ada menyokong perjuangan UMNO ataupun sebagai alternatifnya menyokong perjuangan PAS dan PKR. Kewujudan lebih daripada satu parti politik yang memperjuangkan idealisme Melayu dan Islam di negara ini, sokongan dan undi orang Melayu telah berpecah sehingga menampakkan wujudnya perpecahan Melayu. Perpecahan undi Melayu dikaitkan dengan perpecahan orang Melayu. Kesannya, kuasa politik Melayu digambarkan semakin lemah dan pada masa sama kuasa politik orang bukan Melayu dipersepsikan semakin kuat.[759]

PAS dan parti pembangkang lain menyifatkan, isu perpecahan Melayu kedengaran kerana isu tersebut sengaja ditimbulkan oleh UMNO setelah sokongan kepada parti itu merosot seperti yang berlaku pada PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013). Tambahan pula, kedua-dua PRU tersebut memperlihatkan UMNO dan BN berada dalam keadaan lemah kerana kehilangan banyak kerusi di parlimen sehingga hilang penguasaan dua pertiga dan beberapa buah negeri. Tujuannya adalah bagi menakut-nakutkan rakyat seterusnya mengandaikan rakyat akan beralih sokongan dengan kembali kepada UMNO. Bagi PAS, UMNO yang tebal dengan semangat perkauman akan sentiasa memainkan isu perpecahan Melayu demi kelangsungan parti berkenaan.[760]

University of Malaya

[759] Persepsi sedemikian timbul terutamanya selepas PRU-12 (2008) setelah prestasi UMNO dan BN mengalami penurunan sokongan sehingga gagal mempertahankan negeri Selangor, Perak dan Kedah. Manakala, sokongan orang bukan Melayu terutamanya pengundi Cina adalah kepada parti pembangkang seperti DAP sehingga membolehkan parti tersebut merampas Pulau Pinang daripada GERAKAN dan memenangi bilangan kerusi DUN yang paling banyak di Perak berbanding PAS dan PKR.

[760] Hal yang demikian ini boleh dikaitkan juga dengan beberapa golongan pemimpin politik yang merasakan kedudukan diri mereka sudah terancam. Oleh itu, cara yang paling sesuai adalah menimbulkan suasana dengan mengatakan bahawa orang Melayu sudah berpecah. Setelah menimbulkan suasana sedemikian, kebimbangan akan wujud dalam masyarakat dan akhir sekali golongan tersebut akan menggunakan suasana kebimbangan untuk mengembalikan sokongan. Lihat Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analisis Peralihan*. hlm. 87-88.

Faktor ideologi perjuangan dan faktor cita-cita menyumbang kepada berlakunya perpecahan. Tahun 1950-an soal perpecahan tidak begitu ketara memandangkan orang Melayu masih berada dalam satu cita-cita iaitu untuk mencapai kemerdekaan. Bagaimanapun, setelah negara memperoleh kemerdekaan, peluang orang Melayu membina negara telah terbuka luas, barulah perpecahan menjadi ketara. Waktu itu, mula menampakkan ketegangan antara UMNO dan PAS yang berusaha untuk menambat hati orang Melayu agar menyertai parti masing-masing. UMNO dan PAS berebut untuk menguasai orang Melayu dengan gagasan dan agenda masing-masing. Dalam persaingan mencari pengaruh inilah timbul pelbagai strategi dan tindakan politik yang mendorong kepada perbalahan Melayu UMNO dengan Melayu PAS.[761]

UMNO mendakwa kewujudan PAS menyumbang kepada berlakunya perpecahan orang Melayu di negara ini. Kerajaan pimpinan Mahathir mengenalpasti berlaku perpecahan orang Melayu ialah disebabkan parti politik (pembangkang) menggunakan masjid untuk mengembangkan pengaruh. Tindakan tersebut dikatakan sebagai mengeksploitasi agama untuk kepentingan politik sehingga menyebabkan wujudnya pandangan serong antara satu sama lain sehingga keyakinan dan kepercayaan telah tergugat yang dikaitkan dengan akidah. Orang PAS beranggapan orang UMNO telah rosak akidahnya sehingga orang PAS menyifatkan orang UMNO sebagai kafir. Situasi ini wujud disebabkan oleh motif politik yang dikosmetikkan dengan soal agama.[762]

Perpecahan juga disebabkan oleh kegagalan untuk mencari titik penyelesaian kepada sesuatu isu yang diperdebatkan. Misalnya, kegagalan untuk menangani isu seperti

[761] Lihat Mohd Sayuti Omar. *Hikayat Tok Guru dan Tiga Abdul*. Kuala Lumpur: Tinta Merah. 2000, hlm. 125.
[762] Ibid., hlm. 121.

University of Malaya

isu kafir mengkafir (takfir) yang melibatkan UMNO dan PAS. Keadaan ini menjadi semakin ketara setelah wujudnya sembahyang dua imam, pulau-memulau majlis kenduri, tidak bertegur sapa, kubur berasingan dan sebagainya. Ukuran perpecahan boleh dilihat dalam aspek berikut. Sungguhpun isu kafir mengkafir yang melibatkan UMNO dan PAS wujud sejak tahun 1959 lagi, tetapi situasi tersebut tidaklah hilang. Cuma, isu ini reda seketika setelah PAS dan UMNO bersama-sama dalam kerajaan campuran dan BN (1973-1977).[763]

Perkaitan rapat orang Melayu dengan agama Islam di negara ini menyebabkan timbul persepsi bahawa perpecahan orang Melayu disamakan juga dengan perpecahan umat Islam. Tanggapan sedemikian adakalanya menimbulkan perdebatan memandangkan ada pihak berpendapat hanya berlaku perpecahan orang Melayu dan bukannya orang Islam di negara ini. Orang Islam di negara ini masih lagi bersatu seperti yang dapat dilihat dalam Perarakan Maulidur Rasul dan sebagainya. Malah, perpecahan tersebut hanya terhad kepada aspek politik.[764]

Jika dianalisis, isu ini bukanlah merupakan satu isu yang baru. Kegagalan untuk bersependapat dalam isu tertentu akibat fahaman politik yang berbeza dan adakalanya berterusan sehinggalah menjadi bahan kempen dalam pilihan raya memburukkan lagi keadaan. Kini, kegagalan orang Melayu dari UMNO dan PAS untuk menoktahkan

[763] Lihat Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analisis Peralihan*. hlm. 88.

[764] Perpecahan masyarakat Islam di negara ini yang dikaitkan dengan perbezaan fahaman politik, khususnya antara UMNO dan PAS telah menjadi halangan dan cabaran besar dalam melaksanakan sepenuhnya hukum Islam. Bagi UMNO, usaha memartabatkan agama dan umat Islam sentiasa dilakukan selaras dengan Perlembagaan UMNO dan memastikan kedudukan Islam terjamin dalam perlembagaan negara. UMNO sebagai pemegang amanah bangsa Melayu tidak dapat lari daripada tanggungjawab kepada umat Islam yang perlu dibela dan diselamatkan. PAS pula berusaha menjelaskan kepada pengundi Melayu bahawa survival Melayu dan Islam adalah lebih terjamin di bawah PR berbanding BN. Bersandarkan kepada situasi ini, usaha menyelamatkan Melayu dengan Islam terletak kepada kedua-dua parti tersebut bagi memastikan Islam dan umat Islam tidak diperlekehkan oleh pihak lain.

University of Malaya

perpecahan dan membuka lembaran perpaduan menjadi satu cabaran besar yang perlu dihadapi. Tindakan tersebut memberi cabaran kepada orang Melayu lebih-lebih lagi kuasa politik Melayu dilihat semakin pudar. Keadaan ini berdasarkan kepada impak PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013) terhadap landskap politik orang Melayu.[765]

Polemik Perpaduan Melayu

PAS pernah bersama-sama dengan UMNO dalam kerajaan campuran dan BN daripada tahun 1973 hingga 1977. Kerjasama tersebut jelas membuktikan bahawa, walaupun kedua-dua parti berlainan fahaman politik tetapi tidak mustahil untuk bersama demi kepentingan rakyat. Sebelumnya, perpaduan Melayu juga telah terbukti apabila *Malayan Union* (1946) tajaan pihak British dapat disekat dan kemerdekaan dapat dicapai pada tahun 1957.[766]

Harapan untuk melihat permuafakatan dan kerjasama politik yang berkekalan antara UMNO dan PAS melalui pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan BN bagi menjamin kelangsungan politik Melayu tidak menjadi kenyataan. Kerjasama hanya berlangsung selama empat tahun (1973 hingga 1977). Sepanjang tempoh tersebut walaupun singkat, banyak pengalaman berguna diperolehi oleh kedua-dua parti sehingga masing-

[765] Dominasi undi bukan Melayu pada PRU-12 (2008) semakin terserlah terutamanya di kawasan bandar (kawasan majoriti Cina). Di Kuala Lumpur misalnya, daripada 11 kerusi parlimen, lima dimenangi oleh DAP, empat oleh PKR (dua daripadanya wakil Cina), satu BN dan satu PAS. Bahkan, calon DAP menang dengan majoriti yang sangat besar seperti di P.114 Kepong, majoriti 23,848 undi, P.120 Bukit Bintang, majoriti 14, 277 undi, P.122 Seputeh, majoriti 36, 492 undi dan P.123 Cheras, majoriti 28,300 undi.

[766] Sebelum pelaksanaan *Malayan Union* yang mempunyai kaitan dengan penubuhan UMNO, terdapat pelbagai gerakan nasionalisme Melayu untuk menentang penjajah. Perjuangan menentang *Malayan Union* bukanlah tindakan UMNO sahaja. Beberapa pertubuhan di luar UMNO termasuklah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan cabangnya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) turut memainkan peranan menyanggah *Malayan Union*. Ternyata, usaha menentang *Malayan Union* telahpun digerakkan oleh badan dan pertubuhan tempatan dan negeri selama kira-kira lima bulan sebelum UMNO lahir secara rasmi pada 11 Mei 1946. Lihat Abdul Rahman Hj. Ismail. *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2006, hlm. 56.

University of Malaya

masing lebih mengenali. Kedua-dua parti sering berdepan dengan masalah. Satu demi satu masalah timbul dan gagal untuk diselesaikan secara bersama sehingga PAS disingkirkan daripada BN.[767]

Sejak itu, PAS merasakan tindakannya bersama UMNO dan BN merupakan kesilapan besar. PAS menyedari akan keperitan untuk membina kembali kekuatan parti lebih-lebih lagi setelah parti tersebut mengalami kekalahan yang besar dalam PRU-5 (1978).[768] Penyingkiran PAS daripada BN dan permulaan tahun 1978 menjadi cabaran besar kepada orang Melayu setelah PAS tidak lagi menjadi anggota BN. PAS kembali bertanding di luar BN dan kembali menjadikan UMNO sebagai seteru utama politik yang perlu dikalahkan. Orang Melayu kemudiannya dilihat kembali berpecah.[769]

Perpecahan Melayu dikaitkan dengan perpecahan undi Melayu dalam sesuatu pilihan raya kerana wujudnya pelbagai parti. Kekuatan pengaruh UMNO pada tahun 1978 pula amat terserlah terutamanya di negeri yang majoritinya orang Melayu. UMNO kemudiannya berjaya membina satu persepsi bahawa parti tersebutlah merupakan satu-satunya parti yang memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu di negara ini. Hal yang demikian ini bermakna, UMNO turut dipersepsikan sebagai parti yang dapat menjamin survival politik Melayu. Tanggapan bahawa survival politik Melayu bergantung kepada UMNO berkait dengan sejauhmanakah UMNO berjaya memainkan peranannya bagi mengukuhkan kuasa politik Melayu? UMNO sebagai sebuah parti politik

[767] Perbincangan lanjut mengenai penyingkiran PAS daripada BN, sila lihat bab dua di bawah tajuk, "Penyingkiran PAS daripada BN dan Isu Perpecahan Politik Melayu".
[768] Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 3 Oktober 2014.
[769] PAS terpaksa berdepan dengan cabaran besar dalam usaha memulihkan kembali sokongan orang Melayu setelah parti tersebut mengalami perpecahan dalaman sehingga wujudnya BERJASA. Kehilangan penguasaan PAS di Kelantan pada PRU-5 (1978) kepada UMNO dan BERJASA membuktikan bahawa pengaruh PAS telah tergugat.

University of Malaya

sememangnya disinonimkan dengan Melayu sehinggakan survival politik Melayu dikatakan bergantung kepada UMNO. Sekiranya kedudukan parti UMNO menjadi kukuh, ini menyebabkan masyarakat Melayu di negara ini juga akan bertambah kukuh. Sebaliknya, kehilangan kuasa UMNO ditafsirkan sebagai kehilangan kuasa Melayu.[770]

Kemunculan formula *Malayan Union* yang dianggap mencabuli Kesultanan Melayu dan menguntungkan orang bukan Melayu telah menjadi titik permulaan kepada penyatuan orang Melayu. Namun begitu, situasi tahun 1946 tidak boleh dijadikan ukuran sebenar memandangkan pada ketika itu PAS masih belum wujud. Penentangan terhadap *Malayan Union* merupakan salah satu titik penting kepada kebangkitan politik orang Melayu. Penglibatan orang Melayu melalui UMNO untuk menentang pelaksanaan *Malayan Union* telah menyumbang kepada kejayaan hasrat penyatuan kebangsaan Melayu setelah sekian lama diusahakan oleh para penggerak kesedaran kebangsaan Melayu. Kejayaan UMNO tersebut diibaratkan sebagai kejayaan orang Melayu.[771]

Tindak tanduk UMNO terutamanya yang menyentuh isu berkaitan agama tidak disenangi oleh individu tertentu dalam UMNO sendiri sehingga mereka bertindak keluar

---

[770] Bagi PAS, persepsi yang dikaitkan dengan UMNO sebagai satu-satunya parti yang dapat membela Islam dan Melayu di negara ini adalah merupakan helah untuk menakut-nakutkan orang Melayu supaya terus memberikan sokongan kepada UMNO, sedangkan setelah berpuluh tahun UMNO memerintah, nasib orang Melayu dan Islam masih lagi tidak terbela.

[771] Buat pertama kalinya orang Melayu telah bersatu dan bangkit menentang rancangan British yang mencabar maruah dan hak bangsa Melayu. Semangat ini telah melahirkan UMNO. Penyatuan orang Melayu pada tahun 1946 adalah satu perkara yang tidak pernah terbayang dalam fikiran penjajah. Penjajah yakin orang Melayu tidak akan bersatu malah sejarah membuktikan orang Melayu sering bergaduh antara satu sama lain walaupun dalam hal yang kecil. Situasi yang berlaku pada tahun 1946 adalah satu perkara yang bertentangan dengan teori penjajah. Orang Melayu telah membuktikan bahawa mereka boleh bersatu. Penyatuan bukan diasaskan pada satu ideologi tetapi atas kesedaran, semangat dan cita-cita untuk menyelamatkan bangsa dan tanah tumpah darah Melayu dari terus dijajah. Justeru itu, 41 buah persatuan Melayu pada tahun 1946 telah mengetepikan rasa ego, semangat kenegerian, kedaerahan, puak, ideologi dan fahaman masing-masing dengan meletakkan masa depan Melayu sebagai asas yang mengikat penyatuan hati antara mereka. Lihat Mustapa Mohamed. *Kemelut Politik Melayu*. Petaling Jaya: Media Centre Sdn. Bhd. 2001, hlm. 9. Lihat juga Wan Imran Wan Abdul Rahman. *Krisis Politik Kelantan. Siapa Salah... Sultan? Semangat 46? Atau PAS?* Kota Bharu: Percetakan dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd. 1996, hlm. 141-142.

University of Malaya

daripada UMNO dan menubuhkan PAS. Pentadbiran British yang merestui kewujudan PAS sebagai sebuah parti politik serpihan daripada UMNO yang bercirikan Islam dilihat sebagai tindakan untuk memecahkan orang Melayu pada ketika itu. Tindakan British yang merestui pendaftaran PAS, sedangkan diwaktu kemuncak darurat, Parti Hizbul Muslimin yang disertai oleh ramai pemimpin agama tidak digalakkan bagi mengurangkan pengaruh UMNO. Jika itulah tujuannya, nyata tindakan tersebut berjaya (secara terhad) kerana berlaku perpecahan dalam kalangan orang Melayu.[772]

Persaingan antara UMNO dan PAS bermula dengan penubuhan PAS pada 24 November 1951. Perpecahan ini mula kelihatan semasa Pilihan Raya Umum Pertama (PRU-1) tahun 1959, dua tahun selepas merdeka dalam persaingan untuk mendapat kerusi di peringkat persekutuan dan negeri.[773] Persaingan sengit kedua-dua parti berjaya dinoktahkan setelah wujudnya kerjasama melalui kerajaan campuran yang secara rasminya diperkenalkan pada 1 Januari 1973. Namun begitu, tempoh kerjasama tidak berkekalan setelah PAS disingkirkan daripada BN pada Disember 1977. Penyingkiran PAS daripada BN meletakkan PAS kembali menjadi pesaing kepada UMNO. PAS meneruskan perjuangan politik di luar BN yang memperlihatkan situasi sukar bagi PAS terutamanya dalam mendapatkan kembali sokongan orang Melayu. Pengaruh PAS menjadi lemah sehingga PAS mengalami kekalahan besar dalam sejarah penyertaan parti tersebut dalam PRU-5 (1978).[774]

---

[772] Lihat Wan Mohd Mahyiddin. *UMNO: Sejarah, Organisasi dan Pelaksanaan Dasar*. Kuala Lumpur: HPI Lectures Sdn. Bhd. 2007, hlm. 428.
[773] Ibid., hlm. 428.
[774] PRU-5 (1978) diadakan pada 8 Julai 1978. PAS kembali bertanding sendirian setelah disingkirkan daripada BN berikutan krisis yang melibatkan Menteri Besar Kelantan. PAS bertanding di 88 kerusi parlimen tetapi hanya berjaya mempertahankan 5 kerusi sahaja iaitu di Kelantan (2 kerusi), Kedah (2 kerusi) dan Pulau Pinang (1 kerusi). Secara keseluruhannya, BN berjaya memenangi 130 kerusi parlimen. Di Kelantan umpamanya, dua kerusi parlimen yang dimenangi oleh PAS ialah Pengkalan Chepa dan Bachok. Kedua-dua kerusi ini adalah kubu kuat PAS di Kelantan. Di Pengkalan Chepa, Nik Aziz Nik Mat mengalahkan Mohamad

University of Malaya

Memandangkan kajian ini bermula pada tahun 1978, tahun tersebut disifatkan sebagai permulaan kepada gelombang kedua persaingan politik UMNO dengan PAS setelah persaingan gelombang pertama disifatkan berakhir dengan terbentuknya kerajaan campuran pada 1 Januari 1973 yang bertahan sehingga tahun 1977. Sejak tahun 1978, PAS kembali menjadi 'musuh ketat' dan 'musuh tradisi' bagi UMNO. Sungguhpun selepas tahun 1978 hingga 2013 wujud gesaan dan cadangan supaya UMNO dan PAS kembali bersatu, walau bagaimanapun harapan tersebut tidak berjaya.[775]

Dalam tempoh tersebut (1978-2013), usaha dilakukan untuk melihat wujudnya kerjasama antara UMNO dan PAS serta PKR demi perpaduan Melayu. Perpaduan Melayu melalui kerjasama politik terutamanya yang melibatkan UMNO dengan PAS, Semangat 46 dan PKR sentiasa menjadi bahan polemik. Pelbagai reaksi telah dilontarkan sama ada oleh masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mahupun pemimpin kedua-dua parti tersebut. Hasil pandangan tersebut yang berkisar mengenai perpaduan Melayu, beberapa pandangan diketengahkan. Pertama, pandangan yang menyatakan perpaduan Melayu adalah perkara yang perlu diberi keutamaan demi kepentingan Melayu dan Islam di negara ini. Perpaduan Melayu berada pada tahap yang membimbangkan sehingga kekuatan orang

---

Nor Haji Ali dengan majoriti 1,978 undi. Di Bachok, Mohamad Zain Abdullah berjaya menumpaskan Hassan Harun dengan lebihan undi 356 undi. Di peringkat DUN pula, daripada 36 kerusi yang ditandingi, PAS hanya memenangi dua kerusi iaitu di Sering dan Manek Urai. Kemenangan PAS di kedua-dua kawasan ini adalah dengan majoriti yang kecil iaitu 84 undi di Sering dan 98 undi di Manik Urai. Bagi PAS, pengajaran penting yang diperolehi dalam PRU-5 (1978) ialah peristiwa tumbangnya kerajaan PAS di Kelantan yang sebelum ini menjadi kubu kuat PAS yang sukar dikalahkan oleh UMNO. PAS hanya berjaya memenangi dua kerusi DUN Kelantan manakala BN yang berpakat dengan BERJASA pimpinan bekas Menteri Besar Kelantan, Muhammad Nasir berjaya menguasai majoriti kerusi DUN Kelantan sekaligus membentuk kerajaan di Kelantan. Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013)*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy. 2014, hlm. 30-31. Lihat juga Ab. Rahman Hj. Ismail dan Mohammad Agus Yusoff. Pencapaian PAS dan UMNO Dalam Politik Kelantan, 1959-1990. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (Peny.) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995, hlm. 116-117.

[775] Hal yang demikian ini kerana, tidak mudah untuk PAS menyatakan persetujuan untuk bersatu, memandangkan pengalaman PAS pernah bersama dengan UMNO pada awal 1973 sehingga kepada krisis yang berlaku pada tahun 1977. Temubual dengan Tengku Hassan Bin Tengku Omar pada 25 Oktober 2014 di Kuala Terengganu.

University of Malaya

Melayu hampir hilang. Persaingan UMNO dengan PAS dan PKR untuk mencari pengaruh politik boleh membawa perpecahan dan merugikan orang Melayu. Pada masa sama, wujud kebimbangan terhadap terhakisnya hak dan kedudukan kuasa politik Melayu dan Islam. Justeru itu, langkah bagi merealisasikan agenda tersebut perlu dilaksanakan. Wujud gesaan supaya dua parti yang Melayu yang berpengaruh iaitu UMNO dan PAS bersatu seperti yang hangat diperdebatkan selepas PRU-12 (2008) dan berterusan selepas PRU-13 (2013). Sungguhpun realitinya nampak sukar, usaha ke arah tersebut bukanlah sesuatu yang mustahil sepertimana PAS pernah bersama-sama dengan UMNO dalam Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan BN.[776]

Kedua, pandangan yang menyatakan perpaduan Melayu melalui penyatuan UMNO dengan PAS dan PKR adalah tidak perlu. Persaingan politik yang melibatkan parti tersebut bukanlah faktor utama yang menyumbang kepada perpecahan orang Melayu. Tambahan pula, seandainya wujud penyatuan tersebut, boleh memberi impak negatif kepada perpaduan kaum di Malaysia. Hal yang demikian ini bermakna, tindakan sedemikian tidak dapat menyelesaikan masalah, malah boleh menyumbang kepada masalah yang lebih besar. Lantaran itu, segala usaha yang bakal atau telah direncanakan ke arah merealisasikan agenda tersebut dilihat sebagai tindakan yang sia-sia.[777]

[776] Pendukung-pendukung pandangan tersebut berpendapat bahawa perpecahan orang Melayu dengan mudah diambil kesempatan oleh musuh untuk melemahkan daya fikiran dan tindakan yang berkesan. Manakala, penguasaan politik yang kukuh adalah perlu bagi orang Melayu bagi menguasai pemerintahan kerana ekonomi telah dikuasai oleh orang Cina. Memandangkan kuasa politik berada di tangan orang Melayu, sudah tentu kuasa ini perlu dipelihara agar tidak terlepas. Justeru itu, orang Melayu mempunyai tanggungjawab yang cukup besar.

[777] Dalam hal yang demikian ini, perbezaan pendapat dan ideologi bukanlah alasan untuk berpecah. Sebaliknya, mengekalkan dan menggalakkan persaingan terutamanya bagi mewujudkan elemen menyemak dan mengimbang *(check and balance)* dalam sebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi adalah jalan yang terbaik. Pada masa sama, persaingan sihat perlu diutamakan dan mengurangkan *politiking* dengan menumpukan kepada agenda pembangunan negara. Justeru itu, walaupun UMNO dan PAS serta PKR masing-masing mempunyai dasar perjuangan yang berbeza, nilai kerjasama perlu dipupuk demi kebaikan rakyat.

University of Malaya

Ketiga, pandangan yang didominasi oleh golongan yang bersifat sederhana. Golongan ini berpendapat, tidak perlu penyatuan UMNO dengan PAS atau PKR, kerana orang Melayu perlu mempunyai sebuah parti yang boleh dijadikan alternatif kepada rakyat dan menyatakan kehendak mereka jika kerajaan sedia ada tidak dapat memenuhi suara hati rakyat terutama dalam aspek kebajikan. Jika ada penyatuan pun, lama kelamaan akan muncul juga sebuah parti baru.[778]

Perpaduan Melayu Melalui Penubuhan APU

Pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO antara Mahathir dan Tengku Razaleigh pada April 1987 menyebabkan UMNO mengalami perpecahan yang serius. Tahun tersebut merupakan antara kemuncak perpecahan Melayu dalam UMNO. UMNO telah berpecah menjadi dua pasukan iaitu *Team A* dan *Team B* yang kemudiannya mewujudkan UMNO (Baru) dan UMNO (Asal). Kesan perebutan jawatan tersebut memberi tamparan hebat kepada UMNO kerana kedudukan UMNO tergugat disebabkan tindakan Tengku Razaleigh yang kalah dengan 43 undi meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 (mengambil nama sempena tahun penubuhan UMNO).[779]

University of Malaya

[778] Persoalan yang timbul ialah adakah ahli UMNO mahupun PAS dapat menerima cadangan atau idea penyatuan kedua-dua parti politik tersebut. Bagi Alias Mohamed, keputusan Asri Muda membawa PAS menyertai Barisan Nasional pada tahun 1974 menyebabkan PAS terbahagi kepada dua kumpulan yang pro dan kontra. Tindakan tersebut sedikit sebanyak telah menyebabkan berlakunya bibit-bibit tidak puas hati para penyokong PAS dan juga menjadi faktor penyumbang kepada pengakhiran kepimpinan Asri Muda. Lihat Alias Mohamed. *PAS Platform Development and Change 1951-1986*. Petaling Jaya: Gateway Publishing. 1994, hlm. 3-5.

[779] Tengku Razaleigh keluar dari UMNO dan menubuhkan Semangat 46 yang membawa bersama Rais Yatim, Rahman Othman, Marina Yusoff, Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang lagi. Situasi ini merupakan antara perpecahan terbesar dalam sejarah UMNO. Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Sikap dan Pemikiran*, hlm. 88.

Kewujudan Semangat 46 telah menyebabkan, UMNO (Baru) yang diusahakan oleh Mahathir terpaksa berdepan saingan daripada parti itu, selain PAS. Tengku Razaleigh yang pernah berusaha mengalahkan PAS dan menaikkan UMNO di Kelantan pada tahun 1978, memperlihatkan kesanggupan berbaik-baik dengan pemimpin PAS setelah berkrisis dengan Mahathir. Sungguhpun rekod Tengku Razaleigh menyedihkan PAS, tetapi rekod itu berlaku pada zaman Asri Muda. Tengku Razaleigh mendekati PAS pada zaman Fadzil Noor dan Haji Hadi. Persoalan juga timbul berkenaan dengan kesudian PAS membuka pintu kepada Tengku Razaleigh tanpa melibatkan Musa Hitam.[780]

Sebelumnya, PAS pernah merestui Mahathir untuk menggunakan platform PAS ketika Mahathir disingkirkan dari UMNO oleh Tunku Abdul Rahman.[781] Sungguhpun PAS dapat menerima Tengku Razaleigh, PAS tidak dapat menerima Musa Hitam yang disifatkan oleh PAS sebagai dalang kepada Peristiwa Memali. Sebab itulah, dalam memorandum PAS kepada Mahathir, PAS meminta agar Musa Hitam meletak jawatan kerana peristiwa tersebut.[782]

---

[780] Pada 2 September 1988 iaitu menjelang Pilihan Raya Kecil Parit Raja, Johor, Musa Hitam mengumumkan keluar dari BN dan berhasrat bersama-sama dengan Tengku Razaleigh untuk menghidupkan UMNO asal. Musa Hitam telah berada dalam UMNO (Baru) pada peringkat awal kemudiannya mengambil keputusan untuk keluar dari UMNO. Alasannya, bukan kerana UMNO Baru tidak betul tetapi kerana hubungan dengan Mahathir sukar untuk dibaiki dan tidak sanggup untuk berketuakan Mahathir. Pengikut Musa Hitam terlalu kecil jumlahnya pada akhir tahun 1988 kerana yang lain lebih tertarik kepada Tengku Razaleigh yang tidak pernah undur dan menoleh ke belakang dalam melaksanakan program menentang Mahathir. Pada masa sama, para pengikut Musa Hitam tidak dapat mempercayai cara berpolitik Musa Hitam. Pada awal tahun 1989 pula, Musa Hitam memilih langkah baru dengan meneruskan agenda para peserta Kongres Melayu Johor. Enam ketetapan kongres tersebut telah diterima baik oleh Majlis Tertinggi UMNO. Pada hari penamaan calon Pilihan Raya Kecil Ampang, Musa Hitam menyuarakan rasa senangnya kerana keenam-enam ketetapan tersebut diterima. Dalam diri Musa Hitam pada awal tahun 1989, terdapat hasrat yang kuat untuk kembali ke pangkuan UMNO. Akhirnya, Musa Hitam kembali menyertai UMNO setelah Tengku Razaleigh mendekati PAS. Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Langkah dan Perhintungan*, hlm. 88-89.

[781] Mahathir pernah menggunakan pentas PAS dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) di Kapar, Selangor setelah dipecat daripada UMNO. Hal yang demikian ini diakui sendiri oleh Mahathir dalam temubual yang diadakan pada 3 Disember 2014.

[782] Dalam memorandum PAS kepada Mahathir, PAS menyatakan: "18.2: Musa Hitam yang bertanggungjawab hingga tercetusnya peristiwa berdarah di Memali itu meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri". Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Langkah dan Perhintungan*, hlm. 17.

University of Malaya

Kerjasama politik yang diterokai oleh PAS bersama-sama dengan Semangat 46, HAMIM dan BERJASA melalui penubuhan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) lebih kepada usaha untuk menumbangkan pemerintahan UMNO dan BN. Dalam hal ini, soal perbezaan ideologi antara dua parti terbesar yang bergabung dalam APU, iaitu PAS dan Semangat 46 diketepikan dengan PAS di bawah pimpinan Fadzil Noor berpendapat kerjasama parti tersebut dengan Semangat 46 adalah secocok dengan Islam.[783] Penerimaan PAS sebenarnya bersandarkan kepada alasan bahawa kerjasama tersebut dapat memberi kekuatan baru kepada PAS dan dianggap berguna untuk menentang UMNO dan BN.[784]

Pihak yang menolak penyatuan ini mempunyai beberapa alasan iaitu bersandarkan kepada alasan sejarah dan alasan perwatakan. Alasan sejarah ialah alasan yang berkaitan dengan perkembangan pemikiran dan tindakan yang berlaku bertahun-tahun lamanya. Tengku Razaleigh dianggap sebagai tokoh yang membentuk sejarah tertentu yang menyebabkan PAS mengalami zaman meleset. Tengku Razaleigh adalah bekas musuh ketat PAS. Semangat 46 adalah bayang-bayang UMNO kerana ahli-ahlinya adalah ahli UMNO asal. Tengku Razaleigh pernah dianggap handal kerana berjaya menjatuhkan kerajaan PAS di Kelantan dan merupakan tokoh utama yang menyebabkan UMNO menang cemerlang di Kelantan pada PRU-5 (1978). UMNO amat berbangga dengan kejayaan tersebut dan PAS amat memarahinya.[785]

---

[783] Tengku Razaleigh (Ku Li) menghormati dasar dan tujuan PAS hendak menegakkan negara Islam, tetapi Semangat 46 mempunyai pendirian yang tersendiri. Menurut Tengku Razaleigh, "yang dipersetujui bersama ialah menerima Islam sebagai *ad-din*". Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Sikap dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: D'Enterprise. 1990, hlm. 78.
[784] Ibid., hlm. 108.
[785] Ibid., hlm. 106.

University of Malaya

Alasan perwatakan ialah alasan yang berkait dengan ciri-ciri yang diharapkan oleh PAS untuk seseorang itu menjadi pemimpin. Tokoh PAS memaparkan perwatakan dan imej yang bercorak ulama, sama ada dari segi pakaian mahupun gaya percakapan (yang diiringi petikan dan terjemahan al-Quran dan Hadis). Mereka menguasai cara dan gaya sebegini terutamanya dalam era Haji Hadi. Cara dan gaya ini tidak pernah dipaparkan oleh Tengku Razaleigh, Marina Yusof, Rais Yatim dan tokoh-tokoh lain dalam Semangat 46.[786]

Penerimaan Islam sebagai *ad-din* oleh Tengku Razaleigh berbeza dengan kehendak Haji Hadi dan Mustafa Ali. Tindakan Semangat 46 yang mengadakan kerjasama politik dengan DAP bagi menarik sokongan bukan Melayu ternyata tidak menyenangkan PAS. Mustafa Ali dalam kenyataannya memberi amaran bahawa kerjasama PAS dan Semangat 46 akan berakhir jika Semangat 46 terus bekerjasama dengan DAP. Isu ini dibangkitkan kerana pada 9 Disember 1989, Tengku Razaleigh dan pengikutnya hadir di majlis DAP di Hotel Federal.[787]

Hubungan PAS dan Semangat 46 dalam APU membuktikan kedua-dua parti tersebut boleh bekerjasama walaupun mempunyai dasar dan ideologi yang berbeza. Matlamat untuk mendapatkan kuasa telah menjadi keutamaan dengan melihat perbezaan dasar dan ideologi bukanlah penghalang. Tindakan tersebut lebih merupakan strategi untuk terus berpolitik mengejar kuasa.[788] Hasilnya, kewujudan APU membolehkan PAS mencapai keputusan yang lebih baik pada PRU-8 (1990) berbanding PRU-7 (1985). PAS

[786] Ibid., hlm. 108.
[787] Tengku Razaleigh sedar bahawa kerjasama Semangat 46 dengan parti Melayu tidak akan membawanya ke mana-mana. Tengku Razaleigh memikirkan perlunya penyertaan parti yang didukung oleh orang bukan Melayu. DAP adalah yang terbaik baginya, walaupun Tengku Razaleigh mengetahui DAP mempunyai sengat yang akhirnya akan menyulitkan orang Melayu. Ibid., hlm. 78.
[788] Temubual dengan Muhaimin Sulam pada 5 Disember 2014.

University of Malaya

memenangi tujuh kerusi parlimen dan Semangat 46 berjaya menang lapan kerusi parlimen. PAS dan Semangat 46 juga berjaya merampas kembali Kelantan daripada UMNO dan BN melalui kerjasama politik dalam APU bersama HAMIM dan BERJASA.[789]

Pembubaran Semangat 46 dan Agenda Perpaduan Melayu

Kerjasama politik Semangat 46 dengan PAS melalui APU yang diasaskan sejak 5 Mei 1989 sukar untuk dipertahankan. Sejak APU mentadbir Kelantan mulai 21 Oktober 1990, kerjasama Semangat 46 dan PAS memperlihatkan satu kerjasama yang rapuh sehingga membawa kepada beberapa krisis terutamanya di Kelantan. Keadaan menjadi semakin tegang terutamanya selepas PRU-9 (1995). Beberapa isu yang berkaitan dengan pentadbiran di Kelantan gagal disepakati bersama sehingga menimbulkan krisis seperti krisis pindaan perlembagaan, pertukaran Pegawai Tadbir Negeri (PTN), isu jawatan Timbalan Menteri Besar II, penswastaan air dan sebagainya.[790]

Semangat 46 tidak berpuas hati dengan beberapa tindakan PAS Kelantan yang disifatkan sebagai wujud satu perancangan teratur untuk menyingkirkan parti tersebut dari

[789] Kerusi parlimen yang dimenangi oleh PAS ialah Tumpat, Pengkalan Chepa, Rantau Panjang, Nilam Puri, Bachok, Kuala Krai dan Marang. Keputusan PAS memberi tumpuan kepada kerusi DUN di Kelantan, Terengganu dan Kedah nyata membuahkan hasil setelah berjaya menguasai Kelantan. Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 39 dan 122.

[790] Dalam krisis pindaan perlembagaan, PAS mengisytiharkan untuk meminda Perlembagaan Negeri Kelantan bagi menghadkan kuasa Sultan Kelantan yang dikatakan sering campurtangan dalam pelaksanaan dasar dan pentadbiran kerajaan negeri. Pada 12 April 1996, Mesyuarat Agung Dewan Pemuda PAS Kota Bharu telah meluluskan usul yang dikemukakan oleh Pemuda PAS cawangan Langgar yang meminta Badan Perhubungan PAS dan Dewan Pemuda PAS Kelantan mengkaji serta mengawal campurtangan Istana dalam pentadbiran kerajaan negeri. Pada 17 April 1996, Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz buat pertama kalinya sejak APU memerintah Kelantan mengakui bahawa memang wujud masalah dengan Istana. Pada 26 April 1996, Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Mahfuz Omar membuat kenyataan bahawa, Dewan Pemuda PAS Pusat mahukan Kerajaan Kelantan meminda perlembagaan negeri melibatkan beberapa perkara bagi memperjelaskan lagi pemisahan kuasa antara Sultan dan kerajaan negeri serta mengelakkan campur tangan Istana dalam pentadbiran negeri. Tindakan tersebut ternyata tidak disenangi oleh Semangat 46 yang menentang keras hasrat PAS. Lihat Wan Imran Wan Ab. Rahman. *Krisis Politik Kelantan: Siapa Salah…Sultan? Semangat 46? atau PAS?* Kota Bharu: Federal Public Agency. 1996, hlm. 23-24.

University of Malaya

Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi meredakan keadaan, usaha dilakukan oleh Semangat 46 untuk mengembalikan kerjasama erat antara kedua parti. Pada 5 Februari 1996, lima orang Ahli Majlis Kerja Tertinggi Semangat 46 mengadakan perjumpaan dengan Nik Aziz (Menteri Besar) bagi membincangkan pelbagai perkara yang boleh memantapkan pentadbiran kerajaan, mengeratkan hubungan antara parti komponen dalam APU dan pelaksanaan dasar Islam dengan cara yang lebih berkesan.[791]

Hubungan yang tidak mesra antara PAS dan Semangat 46 telah mendorong Tengku Razaleigh (Presiden Semangat 46) mengadakan pertemuan secara 'rahsia' dengan Mahathir (Presiden UMNO) pada Mac 1996. Pertemuan tersebut mempunyai kaitan dengan masa depan Semangat 46 ke arah merencanakan perpaduan Melayu. Pemimpin PAS Kelantan termasuk Nik Aziz mengkritik tindakan itu walaupun pertemuan itu mendapat mandat dan direstui oleh Jawatankuasa APU Pusat dan Majlis Kerja Tertinggi Semangat 46.[792] Persetujuan tersebut dicapai dalam satu mesyuarat yang diadakan pada 19 Jun 1995. Hasil daripada mesyuarat tersebut, APU memberi mandat kepada Tengku Razaleigh bagi merintis kerjasama dengan kerajaan pusat.[793]

[791] Ahli Majlis Kerja Tertinggi Semangat 46 yang menyertai perjumpaan tersebut ialah diketuai oleh Ibrahim Azmi Hassan (Naib Presiden), Mohd Rozali Isohak, Sukri Mohamed, Tengku Azlan Sultan Abu Bakar dan Mohd Zain Mat Daud. Ibid., hlm. 4 dan 18.

[792] Di sebalik kritikan tersebut, Nik Aziz juga mengadakan pertemuan dengan Mahathir pada 8 Mei 1996, khusus untuk menyatakan kesediaan PAS untuk bekerjasama dengan UMNO. Pertemuan antara Nik Aziz dan Mahathir tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat EXCO dan hanya diketahui setelah berita mengenainya keluar dalam media massa. Selain itu, diadakan juga upacara menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Keloil Sdn. Bhd. (anak syarikat PKINK) dengan Koperasi Usaha Bersatu (KUB) berhubung dengan projek membangunkan kawasan seluas 2,000 hektar di Bachok untuk bandar bersepadu petrokimia dan gas. Ibid., hlm. 127-128.

[793] Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Presiden PAS, Fadzil Noor serta beberapa pemimpin PAS pusat termasuk Mustafa Ali, Daeng Sanusi Mariok, Hassan Sukri, Halim Arsyad dan Harun Taib. Nik Aziz dan Haji Hadi tidak hadir dalam mesyuarat itu. Ibid., hlm. 124.

University of Malaya

Pada April 1996, PAS menjalankan kempen untuk meminda Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan bagi menghadkan kuasa Sultan Kelantan. Hasrat PAS itu ditentang oleh Semangat 46 sehingga menimbulkan krisis yang lebih besar. Pada Mei 1996, PAS mengeluarkan arahan kepada semua cawangan serta kawasan di seluruh negara agar menerima ahli Semangat 46 yang mahu menyertai PAS. Muktamar PAS Pusat yang berlangsung pada bulan Jun 1996, menyerahkan kepada Dewan Ulama untuk mengkaji dan membuat keputusan berhubung soal hubungan dengan Semangat 46. Pada Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan, 7 Julai 1996, PAS meminda Enakmen Saraan (1980) Pindaan 1995 khusus untuk menurunkan gaji bulanan Mohd Rozali Isohak selaku Timbalan Menteri Besar II.[794]

Pada 14 Julai 1996, PAS secara rasminya memutuskan hubungan politik dengan Semangat 46 di semua peringkat. Semua portfolio dan jawatan yang dipegang atau dianggotai oleh EXCO dan ADUN dari Semangat 46 dilucutkan. Presiden PAS, Fadzil Noor mengumumkan bahawa PAS memutuskan secara rasmi hubungan dan kerjasama politik dengan Semangat 46. Terdapat tiga alasan yang diberikan oleh pemimpin PAS mengenai perkara tersebut. Pertama, PAS menuduh Mohd Rozali Isohak (Timbalan Menteri Besar II dan Pengerusi Badan Perhubungan Semangat 46 Kelantan) telah dengan sengaja mendedahkan rahsia kerajaan negeri.[795] Kedua, PAS juga mensabitkan tindakan beberapa anggota Semangat 46 di Melaka yang menyokong calon BN dalam PRK Bukit

[794] Ibid., hlm. 4-5.

[795] Mohd Rozali Isohak (Timbalan Menteri Besar II) dalam satu kenyataan akhbar pada 9 Mei 1996 mendedahkan kerugian Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) berjumlah RM 14.3 juta dalam perniagaan saham, bayaran RM 240,000.00 kepada firma Wan Mutalib Embong sebagai perbelanjaan menyiapkan draf Hudud dan menafikan bahawa Menteri Besar tidak dirujuk dalam pertukaran dan kenaikan pangkat Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Ibid., hlm. 89.

University of Malaya

Asahan.[796] Ketiga, PAS menjadikan beberapa kenyataan pemimpin Semangat 46 terhadap kepimpinan PAS sebagai alasan utama untuk berpecah.[797]

Pada 6 Oktober 1996, Semangat 46 dibubarkan dalam satu Mesyuarat Agong Khas. Tahun 1996 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan UMNO. Setelah pembubaran Semangat 46, majoriti ahli parti tersebut kembali ke pangkuan UMNO termasuk pemimpin utamanya seperti Tengku Razaleigh, Rais Yatim dan Marina Yusof. Penyertaan beramai-ramai ahli Semangat 46 kepada UMNO yang melibatkan 400,000 ahli Semangat 46 dari seluruh Semenanjung Malaysia telah membentuk kekuatan baru terutamanya kepada UMNO. Tengku Razaleigh menyatakan kembalinya ke pangkuan UMNO bukan untuk mencari pangkat dan jawatan. Malah, Tengku Razaleigh sanggup menjadi 'gurkha' (ahli biasa) kepada UMNO asalkan Melayu bersatu. Sikap 'permusuhan' yang melibatkan Mahathir dan Tengku Razaleigh sejak tahun 1987 diketepikan bagi mengukuhkan perpaduan Melayu.[798]

Krisis Mahathir – Anwar dan Agenda Perpaduan Melayu

Perubahan kepimpinan dalam UMNO dan PAS pada awal 1980-an dilihat dapat memberi sinar kepada kembalinya hubungan UMNO dengan PAS yang terpisah setelah pernah

[796] Bagi Semangat 46, PAS juga melakukan tindakan sedemikian setelah kerusi parlimen dan DUN yang dipersetujui diberikan kepada Semangat 46 'diceroboh' oleh calon PAS. Pertandingan 'tiga penjuru' berlaku di DUN Serada, Terengganu pada tahun 1990. Pada tahun 1995 pula, PAS meletakkan calon menentang Semangat 46 dan BN secara 'tiga penjuru' di tujuh kerusi DUN dan satu kerusi parlimen iaitu di N22 Hulu Jempul (Pahang), N1 Kuala Linggi, N8 Palong (Negeri Sembilan), N11 Tangga Batu, N20 Alai dan N22 Rim, P124 Jasin (Melaka) dan N28 Bukit Permai (Johor). Ibid., hlm. 90.
[797] Ibid., hlm. 90.
[798] Tengku Razaleigh menyerahkan borang keahlian UMNO kepada Mahathir pada 8 Oktober 1996 walaupun Tengku Razaleigh pernah menyatakan *"Mati hidup balik pun saya tidak akan memasuki UMNO*". Lihat Rahman Shaari. Politik Mahathir. *Langkah dan Perhintungan*, hlm. 98 dan hlm. 101.

University of Malaya

bersama-sama dalam kerajaan campuran dan BN. Pada 25 Mac 1982 semasa merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Besut, Terengganu, Mahathir turut mengulangi pelawaannya supaya PAS kembali menyertai BN. Pelawaan tersebut dipandang sepi oleh PAS yang masih lagi merasai keperitan setelah disingkirkan daripada BN. Dua hari kemudiannya iaitu pada 27 Mac 1982, Mahathir kesal dan kecewa dengan 'sambutan dingin' yang ditunjukkan oleh PAS terhadap pelawaannya kepada parti pembangkang tersebut untuk menyertai semula BN.[799]

Mahathir mengulangi tawarannya agar PAS kembali kepada pangkuan BN demi perpaduan dan kepentingan umat Islam di negara ini. Tawaran itu bagaimanapun ditolak oleh pucuk pimpinan PAS atas alasan berbaur politik khususnya kerana tawaran tersebut dibuat ketika pilihan raya umum bakal menjelang.[800] Usaha untuk menjernihkan hubungan antara UMNO dan PAS diteruskan. Misalnya, cadangan untuk mengadakan muzakarah antara UMNO dan PAS pada tahun 1984 bagi meredakan 'permusuhan dan persaingan' antara kedua-duanya. Usaha tersebut hampir berjaya dilangsungkan, tetapi pada saat akhir, termasuklah pertimbangan daripada Majlis Raja-Raja, akhirnya dibatalkan. Sejak itu, masih belum tercapai suatu titik pertemuan dan 'persefahaman' tertentu antara kedua parti berkenaan. Malahan, usaha seperti ini nampaknya semakin sukar dilakukan terutamanya ketika kes pemulauan kenduri, dua imam dan isu kafir mengkafir masih berterusan.[801]

Pada tahun 1986, wujud pertemuan antara pemimpin tertinggi UMNO dan PAS di Kediaman Rasmi Perdana Menteri (Sri Perdana) untuk membincangkan isu perpaduan

---

[799] *Berita Harian*, 28 Mac 1982.
[800] *Berita Harian*, 24 April 1982.
[801] Lihat Hussain Mohamad. *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bestari. 1987, hlm. 201-202.

University of Malaya

Melayu. Pertemuan tersebut diharap mampu membawa makna yang positif dalam perkembangan politik Melayu.[802] UMNO diketuai oleh presidennya pada ketika itu iaitu Mahathir Mohamad dan turut disertai oleh Anwar Ibrahim. Manakala, PAS diwakili oleh presidennya Yusof Rawa, Fadzil Noor (ketika itu Timbalan Presiden PAS) dan Syed Ibrahim.[803] Pertemuan itu disifatkan sebagai pertemuan 10 mata. Pelbagai reaksi wujud daripada pertemuan tersebut seperti pertemuan itu penting kepada perkembangan politik Melayu-Islam di Malaysia. PAS pula menyifatkan pertemuan tersebut tidak serius, hanya pertemuan biasa iaitu, pertemuan antara sahabat lama ataupun sekadar menghormati jemputan Perdana Menteri.[804]

Selepas itu, usaha untuk mewujudkan persefahaman politik UMNO dengan PAS masih belum mencapai kejayaan. Masalah dalaman UMNO yang berlaku pada 1998 sehingga berlakunya pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri telah memberi impak yang besar kepada perjuangan UMNO berdasarkan kepada keputusan PRU-10 (1999). PAS menang di 27 kerusi parlimen dan berjaya merampas Terengganu daripada UMNO serta mengukuhkan penguasaan di Kelantan.[805]

Wujud kebimbangan dalam kalangan pimpinan UMNO mengenai pengaruh PAS yang semakin berkembang. Pada Disember 2000, Mahathir berjumpa Fadzil Noor (Presiden

---

[802] Lihat Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Langkah dan Perhintungan*. Kuala Lumpur: D. Enterprise. 1989, hlm. 36.

[803] Bagi Mahathir dan Yusof Rawa, pertemuan tersebut hanyalah pertemuan antara saudara sesama Islam. Manakala, Fadzil Noor sendiri gembira kerana itulah pertama kali beliau bertemu dengan Mahathir sejak Mahathir menjadi Perdana Menteri. Anwar Ibrahim pula amat berpuas hati dengan pertemuan itu, walaupun tidak ada keputusan bertulis di antara mereka, kerana bagi Anwar Ibrahim, Yusof Rawa seolah-olah bapanya sendiri manakala Fadzil Noor sebagai teman seperjuangannya di dalam ABIM. Ibid., hlm. 37-39.

[804] Ibid., hlm. 39.

[805] PAS merupakan antara parti yang mendapat 'habuan' daripada krisis pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO. Sokongan terhadap PAS terutamanya daripada pengundi Melayu melonjakkan prestasi PAS dalam PRU-10 (1999) terutamanya di negeri Pantai Timur.

University of Malaya

PAS) di Kedah dalam satu majlis berbuka puasa. Pada ketika itu sekali lagi idea untuk membincangkan soal perpaduan Melayu telah timbul. Perjumpaan pada kali ini dilihat lebih serius sehinggalah kedua-dua parti bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Setiausaha Agung masing-masing. Susulan daripada itu, dua pertemuan telah diadakan iaitu pada 8 Februari 2001 dan 17 Februari 2001.[806]

Agenda yang diusulkan oleh UMNO untuk dibincangkan ialah kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam, bahasa Melayu dan Raja-raja Melayu.[807] Ketika semua pihak sudah mula memusatkan tumpuan kepada persetujuan awal UMNO dan PAS untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu pada 19 Februari 2001, Fadzil Noor telah mengumumkan penangguhan pertemuan itu dengan mengemukakan beberapa syarat yang perlu dipatuhi terlebih dahulu oleh pihak kerajaan sebelum meneruskan perbincangan. Syarat tersebut ialah royalti Petronas kepada Kerajaan Terengganu diberikan semula, permit penerbitan akhbar *Harakah* dipulihkan kepada dua kali seminggu daripada dua kali sebulan dan perkataan Islam dalam nama parti tidak diharamkan. [808]

Mahathir juga pernah menawarkan kepada PAS dan PKR (pada ketika itu dikenali PKN – Parti Keadilan Nasional) untuk mengadakan perbincangan mengenai 'perpaduan Melayu'. Jemputan secara bersurat untuk tujuan itu diterima oleh PAS dan PKR pada awal Januari 2001.[809] PAS pada mulanya menyambut cadangan tersebut dengan pada dasarnya bersetuju mengadakan perbincangan awal bersama UMNO. Tetapi, setelah beberapa kali

---

[806] Lihat Mustapa Mohamed. *Kemelut Politik Melayu*, Petaling Jaya: Media Centre. 2001, hlm. 74.
[807] *Dilema Melayu*, 14 Mei 2003.
[808] Ibid., hlm. 75.
[809] Surat jemputan yang dihantar oleh Mahathir telah diterima oleh PAS. Hal yang demikian ini dimaklumkan oleh Kamaruddin Jaafar semasa temubual dengan beliau yang diadakan pada 22 Januari 2015. Pada waktu surat itu dihantar oleh Mahathir, Kamaruddin Jaafar menjawat jawatan Setiausaha Agung PAS.

University of Malaya

Jawatankuasa Teknikal UMNO-PAS ini bertemu, PAS mengumumkan bahawa hanya terus berunding jika tiga syarat yang dikemukakan sebelum ini dipenuhi oleh UMNO. Setelah UMNO tidak memberikan persetujuan kepada tiga syarat ini, rundingan UMNO-PAS tersebut tidak diteruskan. Satu fakta menarik ialah cadangan Mahathir ini dibuat selepas BN kalah kerusinya kepada BA dalam pilihan raya kecil DUN Lunas pada 29 November 2000.[810]

Pada 8 Mei 2002, UMNO dan PAS berkongsi pentas dalam Syarahan Perdana Isu Palestin dan Kemanusiaan anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Majlis Syarahan Perdana tersebut menggabungkan tokoh tertinggi kepimpinan UMNO dan PAS atas satu pentas. Mahathir dan Abdullah Ahmad Badawi (Timbalan Perdana Menteri) mewakili UMNO dan PAS pula diwakili Fadzil Noor dan Haji Hadi (Timbalan Presiden PAS). Usaha melibatkan Mahathir dibuat oleh pihak ABIM yang diketuai oleh Presidennya, Ahmad Azam Abdul Rahman yang beberapa kali mengunjungi Mahathir di Jabatan Perdana Menteri termasuk mengadakan perjumpaan dengan Mahathir di London bagi membincangkan majlis tersebut.[811]

Dalam Syarahan Perdana itu, Mahathir menyatakan bahawa kesanggupannya untuk duduk bersama dengan pemimpin pembangkang di atas satu pentas adalah didorong oleh rasa keprihatinan beliau terhadap masalah yang dihadapi oleh umat Islam di Palestin yang menderita akibat daripada kekejaman Kerajaan Israel. Mahathir juga meminta parti pembangkang supaya bersetuju dengannya dalam satu perjuangan yang dianggapnya

[810] Lihat Kamarudin Jaafar. *Krisis Ketuanan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru. 2010, hlm. 113-114.
[811] Temubual bersama Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.

University of Malaya

sebagai perjuangan menentang musuh bersama umat Islam di negara ini tanpa mengira ideologi politik kepartian masing-masing.[812]

Syarahan tersebut telah melakar suatu harapan terpendam orang Melayu agar dua parti terbesar itu meneruskan usaha mewujudkan perpaduan yang berkekalan dalam kalangan anak watan Malaysia.[813] Usaha mengadakan syarahan itu juga mendapat sambutan baik dengan turut dihadiri oleh lebih 3000 penyokong BN dan Barisan Alternatif (BA). Pemimpin parti politik lain seperti, KeADILan yang diwakili oleh Presidennya, Wan Azizah Ismail dan Presiden Parti Rakyat Malaysia, Syed Husin Ali, antara yang turut berada dalam dewan di mana syarahan itu diadakan. Majlis bersejarah tersebut juga disiarkan secara langsung melalui RTM.[814]

Hakikatnya, tindakan tersebut melambangkan satu pertemuan pemikiran dan kesatuan sikap yang boleh mencairkan kebekuan minda dan kefanatikan yang amat kuat bersarang di dalam jiwa para pengikut parti-parti politik Melayu sehingga mengakibatkan perpecahan dan krisis. Perpecahan yang berlaku tentunya memerlukan gagasan bersepadu untuk penyatuan semula orang Melayu yang perpaduannya menjadi terumbang ambing setelah menikmati perpaduan seketika pada tahun 1970-an. Bagi mengelakkan perpecahan yang berterusan umat Islam di negara ini, majlis tersebut merupakan langkah permulaan kepada usaha perpaduan Melayu dan Islam di negara ini yang melibatkan UMNO dengan PAS. Tindakan tersebut bakal menjadi titik permulaan kepada lebih banyak pertemuan

[812] Lihat Ismail Ibrahim. *Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2002, hlm. 7-8.
[813] *Dilema Melayu*, 14 Mei 2003.
[814] *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2002.

University of Malaya

antara UMNO dan PAS bagi mengurangkan perbezaan pendapat. Walau bagaimanapun, langkah susulan gagal diteruskan setelah kematian Fadzil Noor.[815]

Agenda Perpaduan Melayu Pasca PRU-12 (2008)

Kegagalan BN dalam PRU-12 (2008) untuk mengekalkan majoriti dua pertiga di parlimen selain hilang penguasaan di beberapa negeri seperti Kedah, Perak, Selangor, Pulau Pinang dan kegagalan merampas kembali Kelantan daripada PAS telah membuka lembaran baru kepada perkembangan politik Melayu. Perkembangan selepas PRU-12 (2008) sememangnya menarik untuk diperhalusi dalam politik Melayu. Telah wujud isu Melayu lemah dan Melayu berpecah. Rentetan itu, timbul isu perpaduan Melayu sebagai penyelesaian kepada isu tersebut.[816]

Keputusan pilihan raya tahun 2008 dan 2013 merupakan pilihan raya yang paling mencabar bagi parti politik yang tebal dengan idealisme Melayu iaitu UMNO. Berdasarkan keputusan pilihan raya tersebut, secara umumnya jumlah undi yang diterima oleh UMNO di kebanyakan negeri telah merosot. Hal yang demikian ini membuktikan kepercayaan orang Melayu terhadap UMNO sebagai tulang belakang pemerintahan negara telah merosot dengan ketara. Sokongan generasi muda kepada UMNO mula terhakis. Dalam hal yang

[815] Temubual bersama Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.

[816] Keputusan PRU-12 (2008) menyaksikan PAS mencapai kemenangan yang cemerlang dengan mengekalkan pemerintahan di Kelantan, membentuk kerajaan di Kedah, diberi kepercayaan untuk mengetuai pemerintahan di Perak, bersama membentuk kerajaan di Selangor dan menyumbang kepada pemerintahan di Pulau Pinang serta memperkukuhkan kedudukan di Terengganu. Benih-benih perjuangan juga mula bertapak dan berkembang pesat di Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis. Lihat Teks Ucapan Presiden PAS, Haji Hadi Awang semasa Muktamar Tahunan PAS Ke-54 di Ipoh, Perak yang bertajuk 'PAS untuk Semua'.

University of Malaya

demikian ini, didapati kedudukan dan pengaruh UMNO mula dicabar terutamanya oleh PAS. Prestasi PAS telah melonjak sehingga mencabar pengaruh dan kedudukan UMNO.[817]

Kemerosotan sokongan kepada UMNO dalam PRU-12 (2008) sehingga menyebabkan jumlah kerusi yang dimenangi semakin berkurangan berbanding pilihan raya sebelumnya boleh menghakis kuasa Melayu dalam kerajaan. Lantaran itu, timbul cadangan supaya diwujudkan kerjasama dan muafakat politik melalui pembentukan kerajaan perpaduan yang melibatkan penyertaan PAS ke dalam kerajaan bersama UMNO bagi memperkukuhkan kuasa politik Melayu dalam menghadapi cabaran tuntutan kaum lain. Polemik berkenaan cadangan sedemikian lebih ketara selepas berlakunya PRU-12 (2008).[818]

Keputusan PRU-12 (2008) telah mencabar pengaruh dan kekuatan UMNO dan membuktikan pengaruh UMNO sebagai parti yang dikatakan kuat memperjuangkan kepentingan Melayu telah pudar dan terhakis. Sokongan kepada UMNO walaupun masih wujud tetapi sebagai sebuah parti yang dominan dalam BN, kekalahan parti komponen utama dalam BN seperti MCA dan MIC sehingga BN gagal mengekalkan majoriti dua pertiga disifatkan sebagai kekalahan UMNO. Justeru itu, kedudukan UMNO dilihat semakin goyah lebih-lebih lagi survival politik Melayu dalam landskap politik Malaysia

[817] Pada PRU-8 (2008), jumlah kerusi parlimen yang dimenangi oleh PAS telah melonjak kepada 23 kerusi (berbanding enam kerusi pada tahun 2004) dengan sembilan daripadanya adalah dari Kelantan, enam dari Kedah, empat dari Selangor, dua dari Perak dan masing-masing satu kerusi dari Terengganu dan Kuala Lumpur. Pada PRU-12 (2013) pula, PAS memenangi 21 kerusi parlimen. Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013).* Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy. 2014, hlm. 44-47.

[818] Isu kerjasama UMNO dengan PAS yang wujud selepas PRU-12 (2008) ditafsirkan sebagai usaha untuk menyelamatkan kedudukan UMNO selepas parti tersebut hilang sokongan yang ketara. Demikian juga kerjasama UMNO dengan PAS melalui kerajaan campuran berlaku selepas UMNO hilang sokongan pada PRU-3 (1969). Lihat Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2011, hlm. 138.

University of Malaya

sejak akhir-akhir ini semakin mencabar. Tekanan demi tekanan daripada orang bukan Melayu, NGO-NGO bukan Melayu bahkan orang Melayu sendiri memberi cabaran kepada UMNO dan BN. Persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah parti yang membawa idealisme perjuangan Melayu ini mampu bertahan untuk meneruskan perjuangan melaksanakan agenda Melayu dan agenda Islam?[819]

Selepas PRU-12 (2008) juga, ahli politik dan cendekiawan Melayu mula membahas tentang masa depan dan survival orang Melayu di negara ini. Kebimbangan mula menular dalam kalangan segelintir orang Melayu tentang kemungkinan orang Melayu akan kehilangan penguasaan politik. Kebimbangan tersebut terus menghantui orang Melayu yang dengan menegaskan perkembangan tersebut belum cukup untuk menjamin kelangsungan politik mereka.[820]

Menyedari akan kebimbangan sekiranya penguasaan politik berkemungkinan boleh terlepas kepada masyarakat bukan Melayu, UMNO sekali lagi cuba menghulurkan salam permuafakatan dan kerjasama kepada PAS atas nama perpaduan Melayu. Dalam reaksi tersebut, PAS yang masih merasai keperitan disingkirkan daripada BN pada bulan Disember 1977, amat berhati-hati bagi mengelakkan peristiwa sama berlaku. Lebih-lebih lagi selepas PRU-12 (2008), UMNO berada dalam keadaan lemah. PAS berpendapat UMNO semakin terdesak sehingga mencanangkan perlunya perpaduan Melayu yang

[819] Sepatutnya, isu kerjasama kedua-dua parti terbesar Melayu itu tidak hanya disebabkan oleh prestasi dan pencapaian UMNO, tetapi sebagai strategi mengukuhkan kekuatan politik Melayu dan kestabilan politik negara. Ibid., hlm. 138.

[820] Lihat Nik Anuar Nik Mahmud. PAS dalam Perlembagaan Tanah Melayu. Dlm. Abdul Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015, hlm. 13.

University of Malaya

melibatkan PAS. Tambahan pula, PAS menyifatkan tindakan UMNO sebagai helah dalam usaha parti tersebut untuk kekal berkuasa.[821]

Hubungan antara UMNO dan PAS menjadi polemik setelah UMNO berusaha untuk berbaik-baik dengan PAS yang selama ini menjadi musuh utama. UMNO cuba mempengaruhi PAS untuk bergabung atas nama Melayu dan Islam. Ternyata, tindakan UMNO dilihat tidak bersendirian setelah ada dalam kalangan pemimpin tertinggi PAS memberikan komitmen untuk sedia bekerjasama dengan UMNO. Tindakan pemimpin PAS tersebut bersandarkan kepada alasan perlunya kuasa untuk menegakkan Islam. Pada masa sama, kerana bersangka baik terhadap UMNO dengan menerima alasan pemimpin UMNO yang mula menampakkan sikap membela Melayu dan Islam.[822]

Usaha untuk menarik PAS bersama-sama dengan UMNO dilakukan dengan mengadakan beberapa perbincangan (muzakarah) antara pemimpin UMNO dan PAS.[823] Tindakan UMNO yang mahu mengadakan muzakarah dengan PAS bagi membincangkan perkongsian kuasa di Selangor dan Perak dengan jawatan Menteri Besar ditawarkan kepada PAS selepas PRU-12 (2008) mengundang keraguan dalam kalangan parti sekutu PAS yang lain seperti PKR dan DAP dengan menganggap tindakan tersebut sebagai 'umpan' oleh UMNO.[824]

---

[821] Lihat Kamarudin Jaafar. *Krisis Ketuanan Melayu*, hlm. 19.
[822] Ibid., hlm. 17-18.
[823] Ibid., hlm. 16.
[824] UMNO Perak menawarkan kepada PAS cadangan menubuhkan kerajaan negeri di Perak yang jika dapat direalisasikan bakal menjadi simbol perpaduan politik Melayu dan Islam. Perak boleh menjadi medan terbaik untuk UMNO dan PAS memulakan kerjasama antara kedua-dua parti itu memandangkan penduduk negeri ini terdiri daripada pelbagai kaum berbanding Kelantan yang majoriti penduduknya adalah orang Melayu. Lihat *Utusan Online*. 29 Julai 2008.

University of Malaya

Bermula dengan wujudnya desas desus berlakunya kerjasama UMNO dan PAS, ternyata isu pertemuan antara UMNO dan PAS untuk membincangkan isu perpaduan Melayu sememangnya berlaku.[825] Kedua-dua parti telah mengadakan pertemuan bagi membincangkan isu perpaduan Melayu. Walau bagaimanapun, pertemuan yang sepatutnya dirahsiakan kepada umum akhirnya telah dibocorkan oleh Abdullah Badawi (Perdana Menteri) dengan menyatakan telah wujud tiga pertemuan sulit antara UMNO dan PAS bagi membincangan isu kerjasama.[826] Pengumuman tersebut ternyata mengejutkan ahli PAS termasuk kepimpinan PAS Pusat pada masa itu seperti Husam Musa (Naib Presiden), Kamaruddin Jaafar (Setiausaha Agung), Mahfuz Omar (Ketua Penerangan) dan Salahuddin Ayub (Ketua Pemuda) yang tidak bersetuju dengan usaha PAS untuk bekerjasama dengan UMNO.[827]

Bagi PAS, tindakan Abdulah Badawi yang mengumumkan bahawa pemimpin PAS telah tiga kali menemui beliau dilihat sebagai usaha untuk mengukuhkan kedudukan beliau dalam UMNO di tengah-tengah pergolakan dalaman yang tidak menentu, menabur benih perpecahan di dalam PAS yang mungkin mara mengambil alih tempat UMNO pada masa depan, menghilangkan keyakinan dalam Pakatan Rakyat bagi menghalang Agenda Pasca

[825] Pertemuan telah diadakan di rumah kerajaan di Jalan Bellamy, Kuala Lumpur, beberapa hari selepas PRU-12 (2008). Abdullah bersama Mohamad Khir Toyo, bekas Menteri Besar Selangor, cuba memujuk pemimpin PAS membentuk kerajaan bersama terutamanya di Selangor. Bagaimanapun, semasa dalam perjalanan pulang ke pejabat selepas pertemuan itu, ketiga-tiga pemimpin PAS yang menemui mereka (Mustafa Ali, Khalid Samad dan Nasharudin Mat Isa telah mencapai satu persetujuan untuk menolak tawaran Abdullah. Lihat Zulkifli Sulong. 'Satu Hubungan Istimewa': PAS dan Abdullah Badawi. Dlm. Bridget Welsh dan James U.H. Chin (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. 152. Isu ini turut disahkan oleh Zulkifli Sulong dalam temubual yang diadakan pada 21 Januari 2015.

[826] *Berita Harian*. 21 Julai 2008.

[827] Lihat Wan Hamdi Hamid. Kegagalan Menangani Ketakutan: Abdullah dan Orang Melayu. Dlm. Bridget Welsh dan James U.H. Chin (Peny.). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014, hlm. 105.

University of Malaya

Pilihan Raya 2008 dan menjarakkan semula PAS daripada sokongan masyarakat bukan Melayu.[828]

Sungguhpun tindakan segelintir pemimpin tertinggi PAS yang bersetuju untuk bekerjasama dengan UMNO, komitmen tersebut tidak mencerminkan persetujuan majoriti ahli dalam PAS sehingga wujud perbezaan pandangan dalam menguruskan isu tersebut. Akibatnya, rakyat terutama pemimpin dan ahli PAS yang tidak bersetuju dengan idea kerjasama ini mula mempersoalkan tindakan tersebut, sehingga menimbulkan pergeseran dalam kalangan pemimpin PAS dan ahli-ahlinya. Pendedahan itu juga boleh menyebabkan hubungan PAS dengan sekutunya iaitu PKR dan DAP yang baru sahaja menubuhkan Pakatan Rakyat menjadi renggang.[829]

Ahli PAS yang tidak menyetujui tindakan kerjasama itu beranggapan tindakan UMNO adalah berniat untuk mencetuskan perpecahan dalaman PAS dan juga PAS dengan parti lain dalam PR. Tindakan UMNO ini juga ditafsirkan sebagai usaha menyekat kemaraan PAS sebagai parti terulung untuk orang Islam yang termasuk orang Melayu.[830] Bagi yang tidak bersetuju dengan tindakan UMNO, tindakan pemimpin UMNO sebenarnya bukan kerana Melayu dan Islam sebaliknya kerana UMNO telah menerima pukulan hebat dengan kehilangan majoriti dua pertiga kerusi parlimen. Alasan kepentingan Melayu dan Islam dicanang semata-mata kerana UMNO hampir kehilangan kuasa.[831]

---

[828] Lihat Nik Aziz Nik Mat. *Kemuncup Dalam Perjuangan*. Petaling Jaya: Anbakri Publika Sdn. Bhd. 2008, hlm. 68.
[829] Lihat Kamarudin Jaafar. *Krisis Ketuanan Melayu*, hlm. 16.
[830] Ibid., hlm. 17.
[831] Ibid., 19.

University of Malaya

Tambahan pula, berdasarkan kepada senario yang berlaku sebelum PRU-12 (2008), PAS menjadi sasaran serangan oleh UMNO terutamanya di Kelantan. Tetapi, selepas pilihan raya, PAS dilihat oleh UMNO sebagai satu-satunya parti yang boleh dijadikan sahabat. Berdasarkan keputusan pilihan raya yang tidak berpihak kepada UMNO dan BN di negeri Perak dan Selangor, UMNO mengajak PAS untuk menubuhkan kerajaan campuran di Perak dan Selangor dengan jawatan Menteri Besar diserahkan kepada PAS.[832]

Pertemuan antara PAS dan UMNO berpaksikan usaha untuk membela Melayu dan Islam. Nama-nama dalam PAS yang dikaitkan dengan pertemuan dengan UMNO termasuklah kepimpinan tertinggi parti yang dikatakan selesa dengan hubungan UMNO-PAS kerana tindakan tersebut dapat memberi peluang kepada isu Islam dipertegaskan berbanding dengan PR yang mana dikatakan DAP agak 'keras' untuk menyokong isu Islam yang diketengahkan oleh PAS.[833]

Pertemuan UMNO dan PAS menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan pemimpin PR, iaitu sejauhmanakah PAS setia kepada rakannya? Malah, dalam kalangan pemimpin PAS sendiri telah wujud dua kem yang berbeza iaitu pihak yang bersetuju dengan usaha PAS bekerjasama dengan UMNO yang diberi jolokan pro-UMNO dan pihak yang tidak bersetuju yang digelar sebagai pro-Pakatan Rakyat. Keseluruhan organisasi

[832] Di Perak, keadaan kerusi DUN antara tiga parti iaitu PAS (lima kerusi), PKR (enam kerusi) dan DAP (18 kerusi) jika digabungkan akan memberi kelebihan majoriti kepada ketiga-tiga parti tersebut untuk membentuk kerajaan. Namun begitu, gabungan dengan DAP tidak termasuk dalam persefahaman PAS dan PKR. PAS boleh mengambil satu lagi pilihan iaitu bergabung dengan UMNO dan boleh memerintah Perak. Peluang inilah yang membentuk satu dilema kepada PAS, apatah lagi setelah isu Melayu dikhuatiri menjadi 'umpan' UMNO untuk menarik PAS memikirkan semula pendekatan strategiknya dalam perjalanannya ke persada kuasa. Lihat Mujahid, *Menuju PAS Baru*, Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011, hlm. 117.

[833] Nasharudin Mat Isa (Bekas Timbalan Presiden PAS) merupakan beberapa orang yang dikaitkan dengan pertemuan dengan pemimpin UMNO. Walau bagaimanapun, usaha pengkaji untuk mengadakan temubual dengan Nasharudin Mat Isa bagi merungkai isu kerjasama UMNO dengan PAS terutamanya selepas PRU-12 (2008) tidak kesampaian walaupun pada awalnya beliau bersetuju. Temubual yang dijadualkan pada Disember 2014 telah dibatalkan kerana beliau tidak mahu lagi memberi komen tentang perkembangan politik.

University of Malaya

PAS, isu rundingan UMNO dan PAS berjaya memecahkan keutuhan parti setelah wujud dua kem yang berbeza.[834] Dalam PAS sendiri berlaku serangan di peringkat negeri khususnya di Selangor yang melibatkan Khalid Samad (Ahli Parlimen Shah Alam) dengan Hasan Ali yang pada ketika itu merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Tuduhan berlegar di sekitar adanya rundingan tersembunyi dengan UMNO dan keputusan di bawah portfolio Hasan Ali dikatakan dipengaruhi oleh kepentingan UMNO.[835]

Nik Aziz sebagai Mursyidul Am PAS merupakan orang yang paling tegas menolak sebarang kerjasama dan hubungan PAS dengan UMNO. Malah, dalam kemelut ini, Nik Aziz mendakwa adanya 'UMNO dalam PAS'. Nik Aziz misalnya sedar bahawa, UMNO akan sentiasa mendekati PAS setelah parti itu berada dalam keadaan tersepit.[836] Tekanan isu ini semakin memuncak sehingga Nik Aziz memanggil satu Mesyuarat Khas PAS Pusat untuk mencadangkan satu Muktamar Agung Khas bagi membuat keputusan secara tegas tentang isu hubungan UMNO-PAS dan menegaskan komitmen PAS terhadap PR.[837]

---

[834] Pemimpin PAS yang pro-kerjasama dengan UMNO dikaitkan dengan Haji Hadi, Nasharuddin Mat Isa, Mustafa Ali, Hassan Ali, Harun Din dan Harun Taib. Manakala, yang pro-PR dikaitkan dengan Nik Aziz, Husam Musa, Salahuddin Ayub, Kamaruddin Jaafar, Mahfuz Omar, Hatta Ramli, Khalid Samad, Siti Mariah Mahmud dan Lo' Lo' Ghazali. Lihat Zaini Hassan. *Cuit: Dilema Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distubutors Sdn. Bhd. 2013, hlm. 123.

[835] Lihat Mujahid, *Menuju PAS Baru*, hlm. 120.

[836] Kenyataan ini berdasarkan kepada temuramah dengan Nik Aziz pada 9 Oktober 2014 yang menyatakan bahawa, *"jika UMNO tersepit, PAS diajak untuk bersama dengan UMNO. Isu ini seperti yang berlaku setelah PAS diajak sertai kerajaan campuran atas nama perpaduan. PAS masuk. Bila UMNO kuat, PAS ditendang keluar sehingga PAS merasai penat jerih pengalaman tersebut".*

[837] Nik Aziz selaku Mursyidul Am PAS sebenarnya mahukan penegasan dan komitmen PAS kepada kemelut hubungan UMNO-PAS supaya isu tersebut tidak mengheret ahli dan kepimpinan PAS berpecah dalam menilai keadaan yang PAS sedang lalui. Tidak dinafikan PAS mempunyai arah tujunya sendiri bagi menuju persada kuasa dan PAS mempunyai pilihannya sendiri sama ada mahu bersama UMNO atau PR atau bersendiri. Namun begitu, secara realitinya, risiko mengambil pilihan selain PR terlalu tinggi pada saat harapan pengundi kepada PAS dalam PRU-12 (2008) amatlah besar. Lebih penting daripada itu ialah kepimpinan PAS perlu melihat bahawa jika isu hubungan UMNO-PAS ini tidak diselesaikan, ahli PAS akan terus berada dalam dilema dan perpecahan di peringkat kepimpinan negeri dan bawahan akan terus melemahkan PAS. Lihat Mujahid, *Menuju PAS Baru*, hlm. 121.

University of Malaya

Satu penegasan penting telah dibuat dalam Mesyuarat PAS Pusat hasil daripada kebimbangan yang dizahirkan oleh Mursyidul Am PAS itu. Terdapat tiga perkara penting telah diputuskan. Pertamanya, satu seminar melibatkan keahlian muktamar akan di adakan menggantikan cadangan Muktamar Khas. Keduanya, Jawatankuasa Disiplin akan melihat aduan disiplin yang berkaitan dengan tindakan yang menggugat dasar dan keputusan parti. Ketiga, penegasan bahawa PAS komited dengan PR dan menolak sebarang rundingan dengan UMNO dan mana-mana pihak yang menimbulkan lagi masalah ini boleh diambil tindakan.[838]

Tindakan PAS yang sanggup untuk mengadakan pertemuan dengan UMNO ada kaitan dengan cadangan Anwar Ibrahim berkenaan dengan Agenda 16 September untuk membentuk sebuah kerajaan persekutuan yang baru dengan mendakwa seramai 30 orang ahli parlimen UMNO/BN telah bersedia keluar parti dan menyertai PR.[839] Khabar angin ketika kitu menyebut bahawa kebanyakan wakil UMNO/BN yang bakal belot (lompat parti) itu adalah ahli parlimen bukan Islam dari negeri di Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak yang sememangnya tidak berpuashati dengan kerajaan BN. Tarikh peralihan kuasa yang disebut oleh Anwar Ibrahim ialah pada 16 September 2008.[840]

---

[838] Ibid., hlm. 122.

[839] Kedudukan kerusi parlimen pada 8 Mac 2008 dijangka berubah sekiranya Agenda 16 September menjadi kenyataan. Andaian yang dibuat oleh Anwar Ibrahim ialah kedudukan kerusi parlimen akan bertukar di sebelah PR iaitu 83 + 30 = 113. Manakala di sebelah BN ialah 139 - 30 = 109. Berdasarkan kepada angka tersebut, PR akan mempunyai majoriti empat kerusi melebihi BN. Hal yang demikian ini bermakna, kuasa pentadbiran negara akan beralih daripada BN kepada PR. Keadaan inilah yang mencetuskan polemik 16 September. Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*. Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd. 2009, hlm. 93-94.

[840] Lihat Zulkifli Sulong. *Politik Baru Abad Ke-21: Perubahan ataupun Harapan Palsu*. Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2009, hlm. 50. Lihat juga Saiful Aksara. Antara Jalan Pintas dan Anjakan Paradigma. Dlm. Hafiz Baqi (Peny.) *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*. Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd. 2009, hlm. 60.

University of Malaya

Sekiranya Agenda 16 September menjadi kenyataan, ini bermakna jumlah ahli Parlimen bukan Islam akan melebihi jumlah ahli Parlimen Islam dalam kerajaan PR. Justeru itu, sebahagian pemimpin PAS mula berpendapat, kerajaan yang bakal dibentuk nanti adalah bermajoritikan bukan Islam. Bagi mencari jalan keluar kepada kekusutan tersebut, berlakulah secara senyap-senyap sebahagian pemimpin tertentu PAS mula mengadakan perjumpaan dengan pemimpin UMNO.[841]

Lantaran itu, lahirlah apa yang dinamakan sebagai pro muzakarah dengan anti muzakarah atau pro-Pakatan Rakyat. Pro-muzakarah adalah berdasarkan kepada prinsip Islam dan Melayu yang menuntut agar PAS mengkaji semula hubungan dengan PR. Istilah muzakarah sudah dianggap usaha atau perbincangan untuk berkongsi kuasa dengan UMNO. Anti–muzakarah pula berdasarkan kepada alasan tindakan bekerjasama dengan UMNO adalah bertentangan dengan mandat dan kehendak rakyat yang mengundi PAS dalam PRU-12 termasuk sokongan pengundi Cina dan India. Sesuai dengan slogan "PAS For All".[842]

Naib Presiden PAS, Husam Musa menentang usaha individu tertentu dalam PAS yang berusaha menjalinkan kerjasama dengan UMNO. Husam Musa memberikan amaran keras termasuklah memecat para pemimpin PAS yang cuba untuk bekerjasama dengan

[841] Tindakan tokoh PAS yang mengadakan perjumpaan dengan pimpinan UMNO bagi mewujudkan perpaduan tidak dipersetujui oleh beberapa ahli parlimen PAS yang menang di kawasan yang terdapat ramai pengundi Cina dan India seperti Mariah Mahmud (Kota Raja), Dr. Lo' Lo' Ghazali (Titiwangsa), Mujahid Yusof (Parit Buntar) dan Mahfuz Omar (Pokok Sena).

[842] Hujah yang dikemukan oleh kepimpinan PAS yang mahukan PAS bersama PR ialah pertamanya, mandat rakyat dalam PRU-12 (2008) adalah mereka bersama dengan PR. Kedua, Muktamar PAS ke-54 di Ipoh telah meluluskan usul secara sebulat suara agar PR diperkukuhkan. Ketiga, sokongan penuh orang bukan Islam yang diperolehi oleh PAS dalam PRU-12 adalah kerana PAS bersama arus yang dibawa oleh Pakatan Rakyat pimpinan Anwar Ibrahim. Padahal, pelbagai perkara telah dibuat oleh PAS sebelum ini gagal menarik mereka bersama PAS. Selepas mereka bersama, adakah wajar pandangan dan kehendak mereka diketepikan begitu sahaja. Lihat Hafiz Baqi (Peny). Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September, hlm. 120. Lihat juga Zulkifli Sulong. *Politik Baru Abad Ke-21: Perubahan ataupun Harapan Palsu*, hlm. 51.

University of Malaya

UMNO. Semasa membentangkan kertas kerjanya di Ijtimak PAS Selangor pada 17 Mei 2008 (Isnin), Husam Musa menyebut:

> "Kita akan menjadi ekor sepanjang masa jika menyertai UMNO walaupun dia sedang nazak sekarang". Tambah Husam Musa lagi "Tak kan selepas 40 tahun lebih kita lanyak UMNO, tiba-tiba apabila dia nak mati kita nak hantar ambulan kat dia untuk diselamatkan"[843]

Pada 23 Julai 2008, satu mesyuarat diadakan di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan (JKR 10) di Kota Bharu dengan dihadiri oleh tujuh daripada 13 anggota Majlis Syura Ulama PAS. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Mursyidul Am PAS, Nik Aziz. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Majlis Syura Ulama membuat ketetapan untuk "menutup fail muzakarah dan yang ada hanya muqabalah (pertemuan biasa)". Hal yang demikian ini memandangkan muzakarah sudah menjadi perkara yang mempunyai konotasi tersendiri dalam PAS dan PR sehingga dianggap perbincangan ke arah perkongsian kuasa UMNO dengan PAS.[844]

Pada 31 Julai 2008, PAS telah mencapai kata sepakat melalui mesyuarat bersama antara Jawatankuasa PAS Pusat dengan Majlis Syura Ulama di Pejabat Agung PAS di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Presiden PAS, Haji Hadi dengan ditemani oleh Setiausaha Agung (Kamarudin Jaffar) dan Ketua Muslimat (Nuridah Salleh) mengeluarkan kenyataan berikut. Pertamanya, tidak akan ada kerjasama dengan UMNO untuk membentuk kerajaan. Keduanya, pertemuan boleh dan akan dilakukan dengan sesiapa saja tanpa mengira siapa mereka. Ketiga, PAS komited dengan Pakatan Rakyat (PR) dan akan bergiat aktif dan positif untuk mempertahankannya.[845]

---

[843] Lihat Zulkifli Sulong. *Politik Baru Abad Ke-21: Perubahan ataupun Harapan Palsu*, hlm. 15.
[844] Ibid., hlm. 45.
[845] Ibid., hlm. 51-52.

University of Malaya

Komitmen PAS untuk terus bersama PR dan mengukuhkan hubungan dengan PKR dan DAP disambut baik oleh Naib Presiden PAS iaitu Mohamad Sabu. Mohamad Sabu berpendapat, kemenangan besar PAS dalam PRU-12 (2008) merupakan isyarat jelas daripada rakyat yang mahukan PAS bersama-sama dengan PKR dan DAP dalam PR bagi menggantikan UMNO dan BN. Mandat yang diterima oleh PAS dalam pilihan raya itu merupakan mandat PAS dalam PR. Ironinya, isu muzakarah telah memecahkan PAS dari dalam dan meragukan rakan-rakan PAS dalam PR. Usaha ke arah kerjasama (muzakarah) UMNO dengan PAS kembali meletakkan PAS dalam dua kumpulan yang berbeza. Jika sebelum ini wujudnya golongan ulama dan golongan profesional, kini timbul pula golongan ulama dan golongan Erdogan (merujuk kepada Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan). Golongan Erdogan merupakan kumpulan yang menentang rundingan dengan UMNO. Persaingan kedua-dua golongan ini semakin ketara ketika Muktamar PAS Ke-54 yang diadakan pada 15, 16 dan 17 Ogos 2008 bertempat di Dewan Stadium Indra Mulia, Ipoh, Perak.[846]

Agenda Perpaduan Melayu Melalui Kerajaan Perpaduan

Menyedari tidak banyak pembaharuan boleh dilakukan dalam amalan demokrasi akibat permusuhan dalam politik, malah sikap yang terlalu bermusuh dilihat semakin sebati, usaha yang berkesan perlu dilakukan bagi mencari titik persamaan untuk menyatukan seluruh

[846] Presiden PAS, Haji Hadi semasa menyampaikan Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-54 menyatakan, Perak menjadi tempat Muktamar adalah menandakan satu penghormatan kepada tempat yang mana PAS memulakan langkah pertamanya. Di negeri inilah, tertubuhnya Hizbul Muslimin pada tahun 1948. Di sini jugalah pada tahun 1955, PAS mula mengenal erti demokrasi pilihan raya setelah wakil rakyat pertama dari PAS iaitu Tuan Guru Hj. Ahmad Hussein yang bertanding di Krian telah dipilih menerusi Pilihan Raya Pertama untuk Kerusi Majlis Undangan Persekutuan. Seterusnya, di negeri Perak jugalah Dewan Ulama PAS telah ditubuhkan secara rasmi di Batu 20, Bagan Datoh pada tahun 1957. Lihat Ucapan Dasar Presiden PAS, Haji Hadi semasa Muktamar PAS ke-54 di Ipoh, Perak yang bertajuk 'PAS untuk Semua'.

University of Malaya

parti politik. Justeru itu, idea penubuhan kerajaan perpaduan (*unity government)* diutarakan. Konsep kerajaan perpaduan merupakan idea Presiden PAS, Haji Hadi. Isu kerajaan perpaduan bermula selepas Haji Hadi mengajak semua parti politik bersatu untuk sama-sama menyelesaikan segala kemelut yang berlaku dalam negara melalui satu kaedah pemerintahan yang melibatkan semua pihak atau dinamakan *unity government*.[847]

Sepertimana yang dijelaskan oleh Haji Hadi dalam wawancara dengan *Siasah*, sekiranya kedua-dua pihak mahu, hal yang demikian ini boleh dilakukan. Sebelum ini pun sudah ada pendekatan antara UMNO dan PAS seperti dalam isu Gaza dan Palestin, UMNO dan PAS boleh duduk bersama bagi mengutuk kekejaman Israel. Pendekatan dan persamaan seperti inilah yang boleh mengharmonikan keadaan untuk kebaikan rakyat sepertimana yang dimaksudkan oleh Haji Hadi melalui konsep kerajaan perpaduan.[848] Idea kerajaan perpaduan bukan berkonsepkan kerajaan campuran dan BN sepertimana yang pernah dilalui oleh PAS pada tahun 1970-an.[849]

Isu kerajaan perpaduan antara UMNO dan PAS yang dicetuskan pada Muktamar Tahunan PAS Ke-55 pada bulan Jun 2009 adalah bagi membincangkan kepentingan umat Islam di negara ini dan pembangunan orang Melayu termasuk menjaga hak kaum lain. Usaha ke arah perpaduan antara UMNO dan PAS yang dijelmakan atas pelbagai jenama

[847] *Unity Government* (UG) adalah kerajaan perpaduan yang melibatkan semua parti politik dan tidak ada pembangkang langsung. Semua parti duduk dalam kerajaan dan semua parti ada identiti, ada *syakhsiyyah* dan ada kepelbagaian dan parti berhak untuk membangkang di mana UG ini membolehkan orang dalam UMNO sendiri bangkang kerajaan. Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*, hlm. 11-12.
[848] Ibid., hlm. 27.
[849] Ibid., hlm. 42.

University of Malaya

seperti kerjasama, pertemuan, muzakarah, muqabalah dan sebagainya seringkali kedengaran. Semuanya atas nama perpaduan Melayu. [850]

Persepsi terhadap cadangan untuk melaksanakan kerajaan perpaduan pada peringkat awal masih belum jelas dan samar, sama ada melibatkan PR dengan BN atau hanya melibatkan PAS dan UMNO. Kerajaan perpaduan juga ditafsir begitu negatif sehingga dikaitkan dengan usaha PAS berbaik-baik dengan UMNO atau untuk bergabung dengan UMNO dan menyertai BN. Kerajaan perpaduan didakwa akan memberikan talian hayat dan kekuatan baru kepada UMNO.[851]

Disebabkan oleh kekeliruan yang timbul, Haji Hadi terpaksa menjelaskan secara mendalam dalam satu wawancara yang disiarkan *Siasah* keluaran ke-138 (1 hingga 7 Mac 2009). Dalam wawancara tersebut, Haji Hadi menerangkan cadangan kerajaan perpaduan dengan mengambil contoh Indonesia di bawah bekas Presiden BJ Habibie. Habibie telah membentuk satu pemerintahan yang melibatkan semua parti politik dengan tidak ada pembangkang, semua parti dalam kerajaan dan berlakunya pembahagian tugas mengikut kedudukan parti masing-masing dalam pilihan raya. Jelas Haji Hadi, dalam konteks negara ini, kerajaan perpaduan melibatkan semua parti politik menjadi sebahagian kerajaan dan bukan hanya melibatkan UMNO dan PAS.[852]

University of Malaya

[850] PAS mahu menggunakan istilah "mukabalah" yang tidak menekankan penggabungan kuasa tetapi lebih kepada mencari formula untuk kerjasama politik yang lebih bermoral serta menjaga kepentingan Islam dan Melayu.
[851] Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September,* hlm. 53.
[852] Temubual *Siasah* bersama Haji Hadi. Dlm. Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September,* hlm. 3.

Wujudnya pelbagai persepsi dan tafsiran dalam kalangan penyokong PAS serta PR yang berupa positif dan negatif sama ada bersandarkan hujah yang munasabah dan sebaliknya. Idea tersebut turut dikecam oleh ahli dan pemimpin PAS sendiri. Haji Hadi sendiri mengakui ramai dalam kalangan penyokong serta pimpinan PAS sendiri tidak memahami konsep kerajaan perpaduan yang dicadangkan.

> "Apa yang saya rasa lucu, ada orang UMNO yang membangkang dan ada orang UMNO yang bersetuju. Tetapi, orang PAS juga bangkang dia (PAS) tidak tahu. Ini menandakan, dia (orang PAS) tidak tahu apa *unity government*. Barangkali kalau dia tahu bentuknya, saya rasa orang boleh terima. Oleh kerana, ramai orang tidak faham, saya tarik balik sehingga orang kita faham betul-betul".[853]

Pada 21 April 2009, idea kerajaan perpaduan ditarik balik oleh Haji Hadi kerana wujud ketidakfahaman dalam kalangan ahli PAS sendiri dan menimbulkan pelbagai kekeliruan, walaupun isu tersebut telah dibincangkan di peringkat pemimpin tertinggi PAS. Haji Hadi kemudiannya mengusulkan kempen "PAS ganti UMNO" sebagai usaha parti Islam itu untuk mengggantikan UMNO bagi menjadi wakil dan suara utama orang Melayu-Islam yang tidak selari dengan cadangan kerjasama atau gabungan PAS dengan UMNO.[854] Selepas itu, *Harakahdaily* melaporkan pada 18 Jun 2009 kenyataan Harun Taib, Ketua Dewan Ulama PAS yang menyebut kerajaan perpaduan tidak boleh berlaku jika hanya dengan UMNO. Katanya:

> "Kerajaan perpaduan ini bukan hanya PAS dengan UMNO sahaja, tidak timbul soal PAS-UMNO. Semua parti politik terlibat sama dengan PKR, DAP, MCA, MIC, UMNO dan parti di Sabah dan Sarawak baru jadi 'perpaduan'.[855]

Persepsi dalam kalangan penyokong PAS dan PR tentang kerajaan perpaduan ialah satu kesinambungan rancangan untuk bermuzakarah dengan UMNO atas dasar menyatukan orang Melayu. Hujah yang digunakan untuk menolak idea ini oleh pihak yang tidak

---

[853] Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*, hlm. 12.
[854] http://siasahdaily.blogspot.com. *Isu Rundingan PAS-UMNO Timbul Lagi*. 21 Mei 2011.
[855] http://siasahdaily.blogspot.com. *Mengimbas Kembali 'Kerajaan Perpaduan'*. 15 Ogos 2013.

University of Malaya

bersetuju ialah menyifatkan cadangan untuk mewujudkan kerajaan perpaduan merupakan suatu usaha untuk bersatu dengan UMNO dan BN serta kebimbangan PAS akan hilang sokongan pengundi bukan Melayu yang mengundi PAS dalam PRU-12 (2008) lalu. Keadaan ini berdasarkan kepada analisis keputusan pilihan raya, terbukti sokongan pengundi bukan Melayu merupakan faktor utama PAS berjaya memenangi banyak kerusi parlimen dan DUN khususnya di kawasan bandar.[856]

Hujah lain yang digunakan ialah kerajaan perpaduan hanya menguntungkan UMNO dan BN yang mereka sifatkan sebagai memberi talian hayat kepada parti yang semakin ditolak oleh rakyat dalam PRU-12 (2008) seperti mana yang berlaku di era 1970-an ketika PAS di bawah pimpinan Asri Muda.[857] Jawapan balas daripada penyokong Haji Hadi tentang perdebatan yang mendakwa Haji Hadi cuba membawa PAS bersatu dengan UMNO (menyertai BN) melalui idea kerajaan perpaduan ialah berhujah menyatakan sebarang usaha untuk bersatu dengan mana-mana pihak itu tidak salah dalam Islam selagi mengikut lunas-lunas yang dibolehkan oleh syarak dengan mengemukakan pelbagai dalil termasuk dari al-Quran, Sirah Nabi dan sejarah Islam.[858]

Kerajaan perpaduan telah ditafsirkan sebagai 'perpaduan PAS-UMNO' dengan kedua-dua bergabung dalam satu pakatan politik disifatkan sebagai mengabaikan realiti kedudukan UMNO yang bekerjasama dengan parti komponen bukan Melayu dalam BN dan keduanya, dikatakan menjadi agenda PAS walaupun kenyataan demi kenyataan menafikannya dibuat oleh pemimpin parti tersebut.[859] Sedangkan Haji Hadi ketika

---

[856] Lihat Hafiz Baqi (Peny.). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*, hlm. 41.
[857] Ibid., hlm. 41.
[858] Ibid., hlm. 42.
[859] http://siasahdaily.blogspot.com. *Mengimbas Kembali 'Kerajaan Perpaduan'*. 15 Ogos 2013.

University of Malaya

melontarkan idea ini secara jelas menekankan idea tersebut tidak berkait langsung dengan usaha melakukan kerjasama dengan UMNO dan BN sepertimana yang pernah dilakukan pada era 1970-an dulu. PAS tidak akan mengulangi peristiwa hitam masuk BN.[860] Tambah Haji Hadi:

> "Kita diajar oleh Islam, kita tidak boleh disengat sebanyak dua kali dari satu lubang. Penyertaan kita dalam BN satu sejarah yang hitam, yang pahit, yang tidak akan diulangi, insya-Allah".[861]

Pada 13 Jun 2010, PAS membuat penegasan untuk tidak akan melaksanakan sebarang kerjasama dengan UMNO dan BN dalam pelbagai bentuk. Penegasan tersebut dibuat oleh Haji Hadi ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan pada sidang media selepas menyampaikan ucapan penangguhan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-56 di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK). PAS menyifatkan sebarang kerjasama dengan UMNO akan mendatangkan masalah dan tidak memberi manfaat.[862]

---

[860] Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*, hlm. 42. Dalam kalangan pemimpin PAS, Ahli Parlimen Shah Alam yang juga Ahli Jawatankuasa Lujnah Politik PAS Pusat, Khalid Samad antara yang terawal memberi respons kepada idea Haji Hadi. Dalam blognya, Khalid menulis, *"apa yang saya faham sebagai maksud Presiden ialah gabungan antara BN dan PR. Gabungan ini akan menjadikan semua pihak sebahagian dari kerajaan yang memerintah dan tiada pembangkang buat seketika. Dengan itu, persengketaan dapat dielak dan semua boleh tumpu kepada persoalan menghadapi dan mengatasi kegawatan ekonomi yang sedang menimpa. Cadangan ini dikemukakan hasil dari suasana politik yang semakin tegang dan kegawatan ekonomi yang sedang menimpa. Presiden khuatir persengketaan politik yang sedang dialami sekarang ini, disebabkan persaingan yang sengit antara PR dan BN akan menyebabkan ketegangan semakin meruncing sehingga menjerumus negara ini ke dalam suatu suasana yang tidak terkawal".* Lihat www.khalidsamad.com. Lihat juga Lihat Hafiz Baqi (Peny). *Kontroversi: Kerajaan Perpaduan & 16 September*, hlm. 44.

[861] Petikan temubual *Siasah* dengan Haji Hadi dalam Kontroversi Kerajaan Perpaduan, hlm. 7. Lihat Hafiz Baqi. Menganalisis Idea Presiden PAS. Dlm. *Kontroversi Kerajaan Perpaduan & 16 September*, hlm. 42. Nik Aziz juga mengeluarkan penegasan yang sama semasa temubual dengan beliau pada 9 Oktober 2014.

[862] http//:www.parti-pas.org. 13 Jun 2010.

University of Malaya

Perpaduan Melayu Melalui Rekonsiliasi Nasional dan Pakatan Nasional

Keputusan PRU-13 (2013) sekali lagi menyaksikan UMNO dan BN gagal mengembalikan majoriti dua pertiga di parlimen.[863] Kemenangan UMNO dan BN dalam pilihan raya kali ini yang diterajui oleh Najib Razak disifatkan sebagai 'kemenangan dalam kekalahan' sehingga sekali lagi mengheret isu perpaduan Melayu. Usaha telah dilakukan oleh Saifudin Nasution dan Zahid Hamidi sebagai penggerak untuk mewujudkan kerjasama terutamanya antara Najib Razak dan Anwar Ibrahim melalui cadangan mewujudkan 'rekonsiliasi nasional' atau konsensus nasional pada penghujung tahun 2013.[864]

Rekonsiliasi nasional melibatkan kerjasama untuk merapatkan hubungan dan persefahaman antara kerajaan BN dan PR. Cadangan untuk mengadakan rekonsiliasi nasional disambut baik oleh Najib setelah bersetuju dengan gabungan pembangkang, tetapi, bukan ke arah pembentukan kerajaan perpaduan. Pentadbiran Najib secara dasarnya telah bersetuju mengadakan rekonsiliasi nasional dengan gabungan pembangkang. Keputusan tersebut dicapai setelah Najib selesai berbincang dalam satu mesyuarat kabinet. Persetujuan tersebut adalah berasaskan kepada empat perkara utama iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa.[865]

---

[863] PRU-13 (2013) diadakan pada 5 Mei 2013 merupakan PRU pertama yang dikemudikan oleh Najib Razak setelah mengambil alih pucuk pimpinan daripada Abdullah Badawi pada 3 April 2009. Pilihan raya ini digelar sebagai *'mother of all election'* kerana kekuatan yang hampir seimbang yang dimiliki oleh BN dan PR menjelang pilihan raya. Malah, sokongan kepada PR menampakkan peningkatan berbanding PRU sebelumnya (2008) sehingga PR dilihat mempunyai peluang untuk menguasai tampuk pemerintahan negara menggantikan BN. Selepas keputusan PRU diumumkan, BN masih lagi kekal memerintah walaupun masih gagal mencapai majoriti dua pertiga. Lihat Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya*, hlm. 46-47.

[864] Usaha mengadakan rekonsiliasi nasional sememangnya wujud antara kem Najib dengan kem Anwar. Hal ini dijelaskan oleh Saifudin Nasution Ismail semasa temubual yang diadakan pada 25 Februari 2015. Rekonsiliasi nasional merupakan persetujuan antara Najib dan Anwar dengan Anwar ditawarkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Empat Menteri Kabinet.

[865] Temubual dengan Saifudin Nasution Ismail pada 25 Februari 2015.

University of Malaya

Keputusan Mahkamah Rayuan oleh panel tiga Hakim yang diketuai oleh Datuk Balia Yusof Wahi yang mendapati Anwar bersalah dalam Kes Liwat 2.0 kerana meliwat bekas pembantunya Saiful Bukhari Azlan pada 2008 dan dijatuhi hukuman lima tahun penjara telah merencatkan usaha tersebut. Hukuman tersebut menyebabkan semangat rekonsiliasi nasional telah pudar dan mengubah dinamik dan corak ke arah rekonsiliasi. Hukuman terhadap Anwar ditafsirkan sebagai permulaan kepada berakhirnya rekonsiliasi nasional. Pada masa sama, Anwar menolak rekonsiliasi nasional kerana berpendapat hukuman terhadapnya adalah bermotifkan politik.[866]

Sejak berakhirnya kerjasama politik antara UMNO dan PAS, pelbagai usaha dilakukan bagi mengembalikan kerjasama politik seperti yang terjalin melalui kerajaan campuran. Dengan kata lain, hasrat untuk mencapai perpaduan Melayu sudah beberapa kali dibangkitkan. Namun begitu, hasrat tersebut sukar untuk direalisasikan dan sentiasa tenggelam timbul. Menyentuh impak persaingan antara UMNO dan PAS, usaha ke arah perpaduan antara kedua-dua parti hanya berjaya mencapai peringkat kerjasama setelah UMNO bersama-sama dengan PAS menubuhkan kerajaan campuran dan BN. Hasil kerjasama tersebut lebih disesuaikan dengan konotasi permuafakatan dan kerjasama berbanding dengan perpaduan dan penyatuan.[867]

Perpaduan yang hanya melibatkan ahli UMNO belum bermakna penyatuan Melayu. Perpaduan Melayu tidak bersifat inklusif jika hanya melibatkan UMNO dan PAS. PKR juga perlu dilibatkan kerana PKR disifatkan sebagai parti politik berteraskan Melayu

[866] Temubual dengan Saifudin Nasution Ismail pada 25 Februari 2015.
[867] Temubual dengan Saifudin Nasution Ismail pada 25 Februari 2015.

University of Malaya

(Malay based) walaupun dianggotai oleh pelbagai kaum.[868] Tambahan pula, PKR muncul sebagai parti serpihan UMNO sepertimana Semangat 46. Pelawaan UMNO untuk bergabung dengan PAS atas alasan perpaduan Melayu sukar diterima, kerana PKR sebagai sebuah parti yang diterajui oleh orang Melayu dan didominasi oleh orang Melayu tidak diajak untuk turut serta. Justeru itu, ajakan perpaduan itu lebih dilihat sebagai helah politik berbanding keikhlasan untuk membina perpaduan Melayu.[869]

Kepimpinan politik Melayu sama ada UMNO, PAS dan PKR jika mahukan perdamaian (rekonsiliasi) perpaduan politik Melayu, faktor Anwar Ibrahim tidak boleh diketepikan. Perpaduan parti politik yang berpaksikan Melayu seperti penglibatan parti UMNO, PAS dan PKR akan mewujudkan perpaduan Melayu.[870] Ironinya, usaha tersebut hanya melibatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu dan tidak memberi sumbangan yang bermakna dalam konteks perpaduan nasional. UMNO semestinya tidak akan meminggirkan parti komponen lain dalam BN terutamanya MCA, MIC, Gerakan serta parti komponen lain di Sabah dan Sarawak yang sebelum ini memberi sumbangan besar kepada riwayat politik UMNO sebagai parti teras dalam BN.[871]

Perpaduan Melayu bukan sahaja menentukan halatuju masa depan Melayu tetapi juga berkait rapat dengan perpaduan nasional yang seharusnya melibatkan semua kaum yang ada di negara ini. Dalam hal yang demikian ini, perpaduan Melayu perlu menjadi paksi dan 'tiang seri' kepada perpaduan nasional. Justeru itu, konsep 'Pakatan Nasional' perlu dijadikan acuan. Istilah "Pakatan" diambil bersempena nama Pakatan Rakyat

[868] Temubual bersama Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.
[869] Temubual dengan Saifudin Nasution Ismail pada 25 Februari 2015.
[870] Temubual bersama Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015.
[871] Pada PRU-12 (2008), parti komponen BN di Sabah dan Sarawak telah menyumbang 41 kerusi parlimen dan sebanyak 33 kerusi parlimen pada PRU-13 (2013).

University of Malaya

manakala perkataan "Nasional" diambil daripada istilah Barisan Nasional. 'Pakatan Nasional' merupakan usaha ke arah perpaduan politik yang bersifat inklusif dengan penglibatan pihak kerajaan dan pembangkang dengan berpandukan prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Kewajaran daripada gagasan tersebut adalah bagi mewujudkan kerjasama politik Malaysia yang lebih terjamin.[872] Justeru itu, perpaduan Melayu perlu menjadi paksi dan 'tiang seri' kepada 'Pakatan Nasional'.

Penutup

Perpecahan politik Melayu mempunyai perkaitan yang rapat dengan masalah perebutan kuasa dalam UMNO. Tindakan menubuhkan parti baru setelah keluar atau disingkirkan daripada UMNO telah memberi cabaran besar kepada UMNO. Akhirnya, UMNO terpaksa bersaing dengan parti yang didukung oleh individu yang selama ini menjadi sebahagian daripada ahlinya. Penubuhan PAS, Semangat 46 dan PKR membuktikan hal ini. Sungguhpun terpaksa bersaing dalam mencari kuasa politik, kadang-kadang wujud juga usaha sama ada secara rahsia atau terbuka bagi tersebut untuk mengadakan kerjasama. PAS dan Semangat 46 pernah menguasai isu perpaduan Melayu tanpa melibatkan UMNO.

UMNO dan PAS juga telah membuktikan bahawa walaupun kedua-dua parti itu mempunyai jurang fahaman politik yang luas, tetapi bukan mustahil untuk mencapai kerjasama dan persefahaman terutamanya yang melibatkan kepentingan Melayu dan Islam di negara ini. Hal yang demikian ini terbukti dengan pembentukan Kerajaan Campuran

[872] Bagi parti politik sama ada parti politik Melayu atau bukan Melayu atau gabungan pelbagai kaum, usaha untuk membentuk kestabilan melalui politik kepartian adalah merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian bagi pembinaan sebuah negara bangsa Malaysia yang maju dan stabil.

University of Malaya

PAS-Perikatan dan PAS pernah menjadi sebahagian daripada komponen dalam BN. Sejak itu, hubungan antara kedua-dua parti itu juga sentiasa diselitkan dengan cadangan terutamanya daripada UMNO ke arah perpaduan atau sekurang-kurangnya perlu wujud kerjasama politik dengan PAS. Cabaran utama yang melingkari usaha UMNO tersebut ialah PAS dilihat berhati-hati dalam menerima pelawaan UMNO memandangkan pengalaman PAS pernah ditendang keluar daripada BN masih menjadi igauan buruk yang berpanjangan buat PAS.

Hubungan UMNO dengan Semangat 46 juga mewarnai persada politik tanah air. Kedua-dua parti pernah bersaing dan akhirnya Semangat 46 terpaksa dibubarkan dan ahli-ahlinya kembali ke pangkuan UMNO. Pemimpin dan ahli Semangat 46 berasal dari UMNO. Hanya disebabkan mereka tidak berpuas hati dengan tertentu sehingga menubuhkan parti baru. Matlamat perjuangan Semangat 46 juga tidak banyak berbeza dengan matlamat perjuangan UMNO. Jiwa (semangat) UMNO yang diwarisi oleh pendukung Semangat 46 telah memudahkan laluan untuk parti itu kembali ke pangkuan UMNO.

Kejayaan penyatuan politik antara UMNO dan Semangat 46 pada tahun 1996 telah memberi kekuatan politik kepada UMNO yang hanya berdepan dengan PAS. Manakala, krisis dalaman UMNO (penghujung 1990-an) sehingga berlakunya pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan pimpinan Mahathir seolah-olah meletakkan UMNO dalam situasi yang hampir sama seperti penghujung tahun 1980-an. Krisis tahun 1998 merupakan krisis Mahathir–Anwar dengan impaknya kepada politik Melayu lebih besar berbanding krisis Mahathir–Tengku Razaleigh. Pengaruh Anwar sukar untuk dibendung terutamanya

University of Malaya

dengan penubuhan PKR. Sejak itu, UMNO bukan sahaja terpaksa berdepan dengan PAS, tetapi juga PKR. Pada masa sama, PKR pula berjaya menjadi pendamai antara PAS dan DAP dalam PR terutamanya bagi menghadapai PRU-12 (2008).

Selepas PRU-12 (2008), timbul isu perpaduan Melayu melalui kerajaan perpaduan. Kerajaan perpaduan dipersepsikan sebagai usaha ke arah kerjasama politik antara UMNO/BN dengan PAS tanpa melibatkan PKR dan DAP walaupun idea cadangan kerajaan perpaduan melibatkan kerjasama parti kerajaan (BN) dan pembangkang (PR). Kejayaan Anwar yang memimpin PR dengan memperoleh sebanyak 52 peratus undi popular semasa PRU-13 (2013) memberikan tekanan kepada UMNO dan BN. Kegagalan UMNO dan BN untuk memperolehi majoriti dua pertiga buat kali kedua dan ditambah dengan hanya memperolehi 48 peratus undi popular telah membuka suasana baru kepada hubungan antara UMNO dan PKR. Selepas pilihan raya tersebut, timbul pula isu rekonsiliasi nasional yang melibatkan UMNO/BN dengan PKR tanpa melibatkan PAS dan DAP.

Ironinya, walaupun ada kalanya sukar untuk membentuk perpaduan politik Melayu, usaha ke arah perpaduan politik dilihat sentiasa menjadi agenda parti politik terutamanya parti politik Melayu. Keazaman untuk mewujudkan permuafakatan dan kerjasama antara parti politik sentiasa menjadi keutamaan dalam diri setiap pemimpin. Cuma, yang menjadi halangan ialah, sejauhmanakah pemimpin parti politik bersedia untuk mengetepikan soal kepentingan peribadi dan prinsip sebaliknya menonjolkan sikap yang berjiwa besar? Usaha penyatuan orang Melayu bukan didorong oleh perasaan untuk menidakkan hak orang bukan

University of Malaya

Melayu lain di negara ini, tetapi lebih bersifat keperluan survival dalam negara yang berbilang kaum.

University of Malaya

BAB 7: KESIMPULAN

UMNO sebagai sebuah parti politik yang ditubuhkan 11 Mei 1946 bagi menentang *Malayan Union*, idealisme parti tersebut yang mengutamakan agenda Melayu dan adakalanya membelakangi tuntutan Islam menyebabkan sebilangan ahli tidak berpuas hati sehingga menimbulkan keretakan dan perselisihan. Golongan agama dalam UMNO mula menyifatkan kepimpinan parti gagal memperjuangkan tuntutan Islam yang sebenar. Lebih-lebih lagi ketika itu ulama telah muak dengan sikap Umno yang menganjurkan judi loteri, *fun fair*, kaberat, mengabaikan isu pemurtadan Natrah dan sebagainya. Mereka juga menganggap tidak ada tanda-tanda UMNO akan menegakkan negara Islam sekiranya mencapai kemerdekaan. Tambahan pula, ruang untuk menegakkan Islam di dalam UMNO semakin sempit dan terbatas. Bersandarkan kepada asas-asas tersebut, ada antara mereka mencadangkan golongan alim ulama patut memilih jalan sendiri dalam menentukan masa depan Islam di negara ini.

Desakan untuk mewujudkan sebuah pertubuhan yang berteraskan Islam bagi menggarap tuntutan Islam yang lebih tegas telah membawa kepada penubuhan PAS pada 24 November 1951. Bersandarkan usaha pemerkasaan Islam sebagai agenda utama PAS, parti itu berjaya menarik sokongan bukan sahaja golongan alim ulama tetapi orang Melayu lain yang sebelumnya mendukung perjuangan UMNO. Asas kelahiran PAS adalah bertunjangkan kesedaran perlunya penerusan Islam bagi menyediakan wadah perjuangan kepada golongan yang mahukan Islam.

University of Malaya

PAS kemudiannya menjadi sebuah pertubuhan politik yang terpisah dengan UMNO dan seterusnya menjadi pesaing UMNO. Menjelang tahun 1955, PAS membuat keputusan untuk bergerak sebagai sebuah parti politik dan menyertai politik arus perdana dengan menjadikan Pilihan Raya Persekutuan 1955 sebagai medan mencari kuasa bagi menegakkan Islam di negara ini. Sejak itu, isu agama (Islam) dan perkauman (Melayu) menjadi isu dominan yang berlegar dalam kerangka politik Melayu, lebih-lebih lagi kedua-dua isu tersebut kemudiannya dikaitkan dengan ideologi parti dengan perjuangan UMNO berpaksikan Melayu manakala PAS pula bertunjangkan Islam.

Sungguhpun perjuangan memartabatkan Melayu lebih sinonim dengan penubuhan UMNO, parti tersebut turut menjadikan agenda pemerkasaan Islam sebagai sebahagian daripada perjuangan parti. Bagi PAS yang secara jelas menjadikan Islam sebagai elemen penting dalam kehidupan bernegara, tindakan UMNO untuk menegakkan syiar Islam di negara ini hanyalah bersifat retorik semata-mata. UMNO pula menyifatkan PAS sebagai sebuah parti politik Islam yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik, dengan agama Islam dijadikan senjata politik terpenting PAS. Isu dan persoalan sosial, ekonomi dan politik yang ada hubungan dengan agama Islam telah dipergunakan oleh pemimpin dan penyokong PAS untuk memancing undi orang Melayu.

Berdasarkan kepada huraian di atas, jelaslah bahawa keseluruhan parti politik Melayu berhasrat menegakkan agama, membela bangsa dan negara. Hubungan parti tersebut dengan Islam sepertimana yang termaktub dalam perlembagaan dan undang-undang tubuh parti begitu erat sekali. Kesemua parti politik menegaskan keinginan untuk menegakkan agama Islam dengan berusaha membela kedudukan dan mendaulatkan hukum-

University of Malaya

hukumnya. Dalam Perlembagaan UMNO, terdapat pernyataan yang jelas mengenai keterlibatan parti itu dengan cita-cita Islam. Fasal 3.3 Perlembagaan UMNO menegaskan bahawa, tujuan parti tersebut ialah untuk menegak, mempertahan dan mengembangkan Islam sebagai agama persekutuan. Dalam Perlembagaan PAS pula, dinyatakan bahawa dasar PAS ialah Islam dan tujuan PAS ialah untuk memperjuangkan penubuhan masyarakat dan negara di mana berjalan di dalamnya hukum-hukum Islam. Semangat 46 pula, berdasarkan resolusi Perhimpunan Agungnya, menyatakan penerimaan parti itu terhadap Islam sebagai *ad-din*.

Walau apapun parti orang Melayu yang ditubuhkan, usaha pemerkasaan Islam telah menjadi sebahagian daripada perjuangan parti. Hal yang demikian ini memandangkan agama Islam adalah sebahagian daripada realiti kehidupan orang Melayu dengan kebanggaan sebagai bangsa yang beragama Islam masih kukuh dan teguh dalam hati sanubari orang Melayu. Didapati terdapat jurang yang besar antara konsep Islam yang dipertahankan oleh UMNO dan konsep Islam yang diperjuangkan oleh PAS sehingga timbul istilah "Islam PAS" dan "Islam UMNO". Islam PAS dikatakan bersifat tulen, manakala Islam UMNO bersifat palsu. Melalui persaingan mencari pengaruh inilah timbul pelbagai strategi dan tindakan politik yang mendorong kepada perbalahan antara Melayu UMNO dengan Melayu PAS sehingga melebarkan jurang hubungan yang terjalin dan menyumbang kepada perpecahan dalam masyarakat.

Bagi menyusurgalurkan persaingan politik Melayu, impak daripada persaingan telah membawa kepada perpecahan. Dalam hal yang demikian ini, terdapat sekurang-kurangnya dua aspek perpecahan yang melibatkan orang Melayu dalam politik iaitu perpecahan yang

University of Malaya

disebabkan oleh perbezaan fahaman politik yang diterjemahkan melalui wujudnya dua kelompok yang berbeza dalam sembahyang, menguruskan kematian, kenduri, tidak bertegur sapa dan sebagainya. Aspek kedua ialah perpecahan undi Melayu kerana wujud lebih daripada satu politik yang berteraskan Melayu seperti UMNO, PAS dan PKR. Kewujudan parti ini menyebabkan wujudnya persepsi bahawa politik Melayu semakin lemah. Justeru itu, bagi mengatasi masalah tersebut, perlu kepada perpaduan Melayu.

Punca utama kepada perpecahan yang melibatkan orang Melayu ialah disebabkan persengketaan antara parti politik, khususnya hubungan antara parti pembangkang dan parti pemerintah. Hal yang demikian ini kerana, para penyokong telah diracuni dengan berbagai-bagai pandangan dan sikap yang menyumbang kepada persengketaan. Corak hubungan yang melibatkan parti politik Melayu banyak disulami dengan unsur kemarahan, kebencian dan dendam sehingga meletakkan orang Melayu dalam persengketaan yang berpanjangan. Sikap menyalahkan parti lain bagi menutup kelemahan parti sendiri juga merupakan amalan biasa dalam politik Melayu.

Impak persengketaan yang berpanjangan, persaingan UMNO dengan PAS turut membawa kepada persaingan dalam bentuk akidah sehingga wujudnya gejala kafir mengkafir. PAS mendakwa sesiapa yang menyertai UMNO adalah bertentangan dengan akidah Islam dan dengan sendirinya terkeluar daripada agama Islam. Dengan demikian, hubungan UMNO dengan PAS dikaitkan sebagai hubungan antara kafir dan Islam sehingga menyebabkan permusuhan yang begitu mendalam dan berpanjangan. Keadaan ini menjadi semakin ketara setelah wujudnya sembahyang dua imam, pulau-memulau majlis kenduri, tidak bertegur sapa, kubur berasingan dan sebagainya.

University of Malaya

UMNO dan PAS melihat agama Islam dari sudut yang berbeza sehingga mencetuskan pelbagai isu seperti isu kafir mengkafir, pelaksanaan hukum hudud, konsep negara Islam dan sebagainya. Isu kafir mengkafir merupakan isu besar yang mewarnai persaingan politik sehingga dikaitkan dengan perpecahan masyarakat Melayu dan perpecahan itu dihubungkan dengan tindakan PAS walaupun PAS menafikannya. Isu yang timbul telah menjadi bahan kempen semasa pilihan raya sehingga menyebabkan wujudnya perasaan dendam dan permusuhan yang berterusan dan akhirnya berlakulah keretakan dan perpecahan dalam masyarakat.

Ketika persaingan UMNO dengan PAS tidak menampakkan tanda-tanda untuk dinoktahkan, malah pengaruh PAS menunjukkan peningkatan terutamanya pada PRU-3 (1969) dan berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 serta kebimbangan akan terhakis hak dan kepentingan Melayu, telah membawa kepada wujudnya perpaduan politik Melayu melalui pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan (1973) dan Barisan Nasional (1974). Kerjasama tersebut jelas membuktikan bahawa, walaupun kedua-dua parti berlainan fahaman politik yang sarat dengan sifat permusuhan tetapi tidak mustahil untuk bersama demi kepentingan bersama. Kepentingan negara melangkaui kepentingan parti. Kerjasama yang berlaku adalah jawapan kepada kemelut politik pada waktu itu bagi mencari konsensus terhadap krisis yang berlaku dan dilihat sebagai percampuran ideologi Islam dan demokrasi liberal Melayu.

Hasrat untuk melihat kerjasama yang berterusan antara UMNO dan PAS dalam kerajaan campuran dan BN tidak kesampaian kerana masih wujud persaingan antara kedua-parti terutamanya dalam usaha untuk menarik sokongan orang Melayu sehingga merobek

University of Malaya

persefahaman yang terjalin. Sebelum berlakunya krisis yang melibatkan kedudukan Menteri Besar Kelantan iaitu Muhammad Nasir, perasaan curiga dan tidak puas hati telah lama wujud yang melibatkan kedua-dua parti. Isu pelantikan Muhammad Nasir sebagai Menteri Besar merupakan kemuncak kepada ketegangan hubungan yang terjalin sebelumnya sehingga membawa krisis secara terbuka yang melibatkan UMNO dengan PAS. Kegagalan untuk mencapai kata sepakat dalam krisis politik di Kelantan berkaitan dengan isu Menteri Besar dan keengganan PAS untuk menyokong Undang-Undang Darurat menyebabkan kerjasama politik UMNO dan PAS yang terjalin selama empat tahun akhirnya terlerai. Pada Disember 1977, PAS disingkirkan daripada BN.

Bagi PAS, pengalaman parti tersebut dalam kerajaan campuran dan BN bersama UMNO merupakan pengalaman yang sangat berharga sehingga membuatkan PAS benar-benar mengenali siapakah UMNO sebenarnya. Sejak itu, PAS merasakan tindakan parti tersebut untuk bersama UMNO merupakan suatu kesilapan dan mustahil untuk PAS kembali semula ke pangkuan UMNO pada masa hadapan. Pengalaman tersebut sungguh memeritkan dan sukar dilupai oleh PAS. Situasi sedemikian juga menyebabkan persaingan PAS dengan UMNO menjadi semakin tajam.

Bermula tahun 1978, kedua-dua parti kembali bersaing. Ternyata, persaingan pada ‘gelombang’ kali ini iaitu selepas PAS dikeluarkan daripada BN semakin mencabar. Pada masa sama, pengaruh kebangkitan semula Islam menyebabkan persaingan antara UMNO dan PAS menjadi semakin tajam terutamanya dalam isu berkaitan Islam dengan kedua-dua parti berusaha melonjakkan imej parti yang terkehadapan dalam memartabatkan Islam di negara ini. Kedua-dua parti tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa melakukan

University of Malaya

perubahan bagi menyesuaikan parti kepada pengaruh kebangkitan semula Islam. Lagipun, orang Melayu menjadi semakin kritis terhadap dasar pemerintah dengan memberi tekanan supaya Islam dilaksanakan dalam masyarakat dan negara.

UMNO merupakan antara parti politik yang responsif kepada kebangkitan semula Islam. Kekuatan Islam sebagai simbol dan slogan yang kuat mempengaruhi orang Melayu, mendesak UMNO mengubah strateginya. Suara dan seruan untuk lebih Islam yang datang daripada dalam UMNO semakin kuat kedengaran sejak berakhirnya kerjasama dengan PAS. UMNO mahu membuktikan bahawa parti itu mampu memperjuangkan Islam walaupun tanpa PAS. Perubahan kepimpinan dalam UMNO setelah Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri yang kemudiannya melaksanakan "Dasar Islamisasi" yang disifatkan sebagai suatu konsep membudayakan masyarakat dengan prinsip dan nilai-nilai Islam, berjaya memupuk kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat.

Pada masa sama, UMNO terpaksa bersaing dengan PAS yang 'berwajah baru' dari segi kepimpinan dan pembawaan Islam selepas peletakan jawatan Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS. Kepimpinan PAS kemudiannya diterajui oleh Yusof Rawa dan turut dibarisi oleh Fadzil Noor, Hadi Awang, Nakhaie Ahmad, Nik Aziz yang bertindak melakukan perubahan terhadap pembawaan Islam PAS dengan memperkenalkan konsep "Kepimpinan Ulama". PAS menyelar usaha Islamisasi UMNO dengan menyifatkan tindakan tersebut bukanlah penerokaan untuk melaksanakan Islamisasi, tetapi merupakan manipulasi bagi tujuan menyekat dan mengurangkan tuntutan serta tekanan gerakan-gerakan Islam yang menganjurkan perubahan yang menyeluruh terhadap sistem bernegara untuk mewujudkan keadilan dan pembaikan serta *islah* yang berkesan.

University of Malaya

Langkah PAS mengenakan tindakan tatatertib terhadap ahlinya yang menentang kepimpinan baru parti itu yang memperkenalkan konsep kepimpinan ulama, menyebabkan penarikan diri mereka daripada menjadi ahli PAS dan kemudiannya bertindak keluar parti untuk menubuhkan HAMIM. Tindakan ini disifatkan sebagai menyingkirkan golongan anti kepimpinan ulama yang kebanyakannya terdiri daripada penyokong setia Asri Muda. Pendekatan perjuangan PAS melalui konsep kepimpinan ulama membuatkan parti tersebut berdepan dengan krisis kepimpinan dalam parti dengan kemasukan beramai-ramai profesional Melayu termasuk bekas ahli UMNO berikutan isu pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO dan kerajaan pada tahun 1998. Pertembungan ulama dengan bukan ulama (profesional) dalam PAS kemudiannya berlaku dan menjadi ketara terutamanya selepas PRU-12 (2008) setelah PAS berdepan dengan isu kerajaan perpaduan. Sekali lagi, PAS berusaha menyingkirkaan ahli parti yang tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan tetapi kali ini wujudnya usaha untuk menyingkirkan ahli parti yang menentang gagasan kerajaan perpaduan bersama UMNO.

UMNO dalam usaha menjadikan parti sebagai pelindung kepada orang Melayu dan Islam di negara ini, sentiasa mengalami perpecahan dalaman sehingga melemahkan parti. Kesempatan tersebut digunakan oleh pesaing UMNO terutamanya PAS untuk menarik sokongan. Perkembangan dalam UMNO seperti yang berlaku pada tahun 1987 setelah jawatan Presiden UMNO yang disandang oleh Mahathir dicabar oleh Tengku Razaleigh, bukan sahaja menyebabkan parti tersebut dibatalkan pendaftarannya, tetapi membawa kepada perpecahan politik Melayu setelah Tengku Razaleigh meneruskan cita-cita politik dengan menubuhkan Parti Melayu Semangat 46. Pada tahun 1998 pula, UMNO sekali lagi berdepan dengan krisis kepimpinan sehingga menyebabkan tertubuhnya KeADILan (kini

University of Malaya

dikenali sebagai PKR. Hal yang demikian ini menunjukkan kuasa politik Melayu yang dimiliki oleh UMNO telah dicabar oleh PAS (1951), Semangat 46 (1988) dan PKR (1998) yang merupakan parti yang ditubuhkan oleh mereka yang pernah menyumbang kekuatan kepada UMNO sehingga menghakis dominasi UMNO terhadap kuasa politik Melayu. Persepsi UMNO sebagai parti pelindung orang Melayu semakin terhakis.

Bagi memecahkan tembok penghalang PAS dengan masyarakat bukan Melayu, PAS mula meneroka kerjasama dengan masyarakat bukan Melayu di bawah kepimpinan Yusof Rawa. Penubuhan CCC dan kerjasama PAS dengan parti lain dalam HAK pada tahun 1986 mendapat kritikan UMNO yang berhujah mengatakan tuduhan PAS selama ini bahawa mereka yang bekerjasama dengan bukan Islam adalah kafir kini telah berbalik semula kepada PAS. Bagi UMNO, tindakan PAS yang sanggup untuk mengubah pendekatan politiknya bagi menjalin persefahaman dengan masyarakat Cina dan kesediaan PAS untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu jika parti itu berkuasa merupakan tindakan terdesak untuk meraih sokongan politik semata-mata.

Tidak dinafikan, tindakan parti politik Melayu mengadakan kerjasama politik dengan parti lain merupakan tindakan yang membantu menguatkan parti tersebut tetapi bukanlah ‘tiket’ untuk menjamin parti mencapai kejayaan yang besar. Kerjasama politik PAS dengan parti-parti pembangkang lain merupakan nadi perjuangan PAS bagi menumbangkan UMNO dan BN. PAS pada tahun 1986 mengadakan kerjasama dengan PSRM, NASMA dan SDP melalui penubuhan HAK, tetapi PAS mengalami kekalahan besar dalam sejarah parti tersebut dalam pilihan raya. PAS hanya berjaya mencapai kemenangan besar setelah mengadakan muafakat dengan parti serpihan UMNO seperti

University of Malaya

Semangat 46 melalui APU dan PKR melalui PR. Sehingga kini, kerjasama parti pembangkang masih gagal untuk menafikan penguasaan UMNO dan BN di parlimen.

Peningkatan sokongan orang bukan Melayu kepada PAS pada PRU-12 (2008) dan berterusan pada PRU-13 (2013) meletakkan parti tersebut dalam dilema antara "kemurnian perjuangan PAS dengan fleksibiliti untuk menang". Cita-cita politik PAS ialah Islam, tetapi PAS perlu memikirkan bentuk kerangka politik Islam yang selaras dengan realiti masyarakat majmuk di negara ini yang boleh dijadikan landasan tindakan dan aktiviti politik mereka supaya parti kekal relevan. Usaha PAS untuk mengendurkan prinsip perjuangan daripada konsep Negara Islam kepada Negara Berkebajikan untuk menambat hati masyarakat bukan Melayu menyebabkan parti itu menerima kritikan daripada pesaingnya iaitu UMNO.

Sungguhpun Islam menjadi elemen penting dalam masyarakat Melayu, faktor kebimbangan terhakisnya hak dan kepentingan politik Melayu telah membawa kepada perpaduan orang Melayu sepertimana yang berlaku pada tahun 1946 sehingga melahirkan UMNO dan bukannya kebimbangan terhadap lunturnya nilai Islam. Berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969 dan kebimbangan akan terhakis hak dan kepentingan Melayu sekali lagi membawa kepada wujudnya perpaduan politik Melayu melalui pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan (1973) dan BN (1974). Hal yang demikian ini bermakna, kebimbangan terhadap survival politik Melayu akan terhakis telah menyumbang kepada terbentuknya perpaduan Melayu. Manakala, kebimbangan terhadap kelangsungan Islam gagal menyumbang kepada wujudnya perpaduan Melayu. Malah, faktor agama dikaitkan dengan perpecahan orang Melayu.

University of Malaya

Bagi membuktikan hal ini, seringkali usaha untuk mengadakan kerjasama dan perpaduan Melayu ini dimulakan oleh UMNO dengan mengajak PAS berbincang tentang kepentingan Melayu dan Islam di negara ini. Manakala, isu perpaduan Melayu ini lebih ketara ketika UMNO dan BN hilang sokongan orang Melayu seperti yang berlaku pada PRU-10 (1999) dan PRU-12 (2008). Bahkan, bagi menjamin kepentingan Melayu dan Islam, UMNO setelah kehilangan penguasaan di Perak dan Selangor pada PRU-12 (2008) telah mengajak PAS untuk membentuk kerajaan campuran di negeri tersebut. Kebimbangan yang diluahkan oleh PAS bahawa tindakan UMNO untuk mewujudkan kerajaan perpaduan adalah merupakan tindakan terdesak UMNO untuk parti Melayu itu terus berkuasa merupakan satu kebimbangan yang mempunyai asasnya. Hal yang demikian ini memandangkan, isu perpaduan Melayu tidak kedengaran sekiranya UMNO dan BN mencapai kemenangan besar seperti pada PRU-11 (2004).

Selepas PRU-12 (2008), UMNO berdepan dengan cabaran getir dalam usaha untuk mematahkan kemaraan dan penguasaan pembangkang terutamanya DAP. DAP dilihat begitu agresif untuk menarik golongan muda Melayu mendekati parti itu. Tindakan DAP yang bersedia meletakkan calonnya bertanding di kawasan majoriti Melayu dilihat sebagai isyarat bahawa DAP tidak memerlukan sokongan PAS dan PKR untuk mendapatkan sokongan orang Melayu bagi menghadapi UMNO dan BN. Pada masa sama, strategi UMNO yang sentiasa menyifatkan DAP sebagai parti perkauman Cina dan berbahaya kepada orang Melayu jika Pakatan Rakyat berkuasa telah berjaya mempengaruhi orang Melayu terutama yang tinggal di luar bandar. UMNO juga seringkali menyatakan DAP lebih dominan dalam PR berbanding PAS dan PKR dengan PAS hanya mengikut kehendak DAP.

University of Malaya

UMNO juga turut menyedari kemaraan PAS dan PKR pada PRU-12 (2008) dan semakin meningkat pada PRU-13 (2013). Jika tidak disekat, UMNO berdepan dengan kehilangan kuasa. Justeru itu, UMNO berusaha memecahkan kerjasama pembangkang yang terjalin dalam Pakatan Rakyat dengan cuba menarik PAS untuk mewujudkan kerjasama melalui penubuhan kerajaan perpaduan. Tindakan UMNO bukan sahaja berjaya merobek hubungan PAS dengan DAP dalam PR tetapi juga dalam PAS sendiri. Peranan Anwar Ibrahim dalam PR yang dilihat sebagai tokoh penting yang merapatkan hubungan PAS dan DAP turut menjadi ancaman kepada UMNO dan BN. Perpecahan dalam PAS yang menyaksikan wujudnya golongan pro-kerajaan perpaduan (golongan ulama) dan anti-kerajaan perpaduan (golongan pro-Anwar) dan sabitan kesalahan Anwar Ibrahim terhadap kes liwat 2.0 telah memberi kelebihan kepada UMNO dan BN.

Sungguhpun perpaduan UMNO dengan PAS adalah penting kepada orang Melayu dan Islam di negara ini, sebarang usaha terhadap hasrat tersebut didapati telah mendapat tentangan terutamanya daripada pemimpin dan ahli PAS. Wujud kecenderungan dalam kalangan ahli PAS yang tidak bersetuju dengan gabungan tersebut untuk menubuhkan parti baharu sebagai sebagai alternatif kepada PAS. Sekiranya ini berlaku, perpaduan Melayu antara UMNO dan PAS tidak akan menyelesaikan masalah perpecahan yang melibatkan orang Melayu. Hal ini bermakna, walaupun wujud perpaduan atas nama politik, persaingan akan terus berlaku. Sebagai alternatifnya, kerjasama boleh diwujudkan antara UMNO dan BN (parti pemerintah) dengan PAS, PKR, DAP (parti pembangkang) bagi mengelakkan berlakunya diskriminasi dari segi pentadbiran dan menghormati semangat federalisme serta amalan demokrasi.

University of Malaya

Perpaduan yang hanya melibatkan ahli UMNO belum bermakna penyatuan Melayu. Perpaduan Melayu tidak bersifat inklusif jika hanya melibatkan UMNO dan PAS. Justeru itu, parti politik Melayu lain seperti PKR juga perlu dilibatkan kerana PKR merupakan parti berteraskan Melayu *(Malay based)* walaupun dianggotai oleh pelbagai kaum. Tambahan pula, PKR muncul sebagai parti serpihan UMNO sepertimana Semangat 46. Pelawaan UMNO untuk bergabung dengan PAS atas alasan perpaduan Melayu sukar diterima, kerana PKR sebagai sebuah parti yang diterajui oleh orang Melayu dan didominasi oleh orang Melayu tidak diajak untuk turut serta. Justeru itu, usaha bagi menjayakan perpaduan Melayu antara UMNO dan PAS perlu juga mengambil kira kedudukan PKR.

Realiti politik semasa memperlihatkan politik Melayu masih lagi menjadi "tiang seri" kepada politik negara. Sebarang usaha untuk menyatukan UMNO dan PAS akan memberi kesan kepada perpaduan nasional. Justeru itu, tindakan yang sewajarnya ialah perpaduan politik yang berbentuk dan bersifat inklusif perlu diketengahkan dengan perpaduan Melayu sebagai paksi. Model "Pakatan Nasional" iaitu gabungan antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional bagi mewujudkan kerjasama politik jangka panjang demi kepentingan negara dengan mengetepikan kepentingan parti adalah antara tindakan yang sewajarnya.

Kajian berkenaan dengan persaingan politik Melayu boleh dilihat daripada pelbagai sudut. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokus kepada persaingan pemerkasaan Islam, soal kuasa, kepimpinan dan perpaduan. Manakala, fokus perbincangan pula lebih terarah kepada penglibatan parti UMNO dan PAS. Berdasarkan undi popular pakatan pembangkang yang telah mengatasi parti pemerintah pada PRU-13 (2013) dan kegagalan

University of Malaya

parti pemerintah meraih undi majoriti dua pertiga, masa depan UMNO dan BN dalam persada politik negara dilihat semakin goyah. Pilihan raya akan datang, iaitu PRU-14 bukan sahaja menentukan halatuju parti pemerintah tetapi juga halatuju politik Melayu sekiranya usaha perpaduan UMNO dan PAS menjadi kenyataan.

Memandangkan sejak akhir-akhir ini isu perpaduan Melayu telah menjadi isu yang diperdebatkan oleh banyak pihak, kajian susulan boleh dilakukan bagi mengenalpasti sejauhmanakah persepsi dan penerimaan orang Melayu terhadap agenda perpaduan Melayu terutamanya yang melibatkan UMNO dan PAS? Wujud kesangsian di dalam kalangan ahli dan pemimpin PAS terhadap keikhlasan UMNO untuk mewujudkan perpaduan sehingga ada yang menyifatkan PAS bakal terperangkap dalam helah UMNO. Malah, jika wujud perpaduan sekalipun, situasi tersebut bukanlah jaminan akan berakhirnya persaingan yang melibatkan kedua-dua parti.

Memandangkan isu perpaduan Melayu masih dianggap sensitif dalam sebuah negara berbilang kaum, segala usaha ke arah merealisasikan hasrat tersebut perlu dilaksanakan dengan sewajarnya bagi mengelakkan kesan negatif kepada hubungan antara kaum di negara ini. Perpaduan Melayu telah dianggap oleh orang bukan Melayu sebagai satu usaha orang Melayu untuk meneruskan dominasi dalam sistem politik negara yang boleh memberi kesan kepada perpaduan nasional. Perpaduan Melayu dilihat mempunyai kepentingan politik berbanding kepentingan nasional. Justeru itu, kajian susulan perlu bagi mengenalpasti pandangan orang bukan Melayu terhadap perpaduan Melayu memandangkan sebarang usaha untuk mengetepikan penglibatan pihak-pihak tertentu dalam proses pembangunan politik hanya akan melemahkan masyarakat dan negara.

University of Malaya

RUJUKAN

TEKS UCAPAN DASAR

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Abdul Razak Hussein, dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 pada 24 dan 25 Jun 1972 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang bertajuk "Ke Arah Pengukuhan Negara".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dato' Hussein Onn (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-27 pada 2 - 4 Julai 1976 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur yang bertajuk "Menuju Ke Arah Perpaduan dan Setiakawan".

Teks Ucapan Dato' Hussein Onn (Tun) di Perjumpaan Ketua-Ketua UMNO Bahagian, Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 9 Disember 1977 yang bertajuk "Mengapa PAS Disingkir".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-33 pada 10 - 12 September 1982 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur yang bertajuk "Negara yang Bermaruah".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-35 pada 25 - 27 Mei 1984 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur yang bertajuk "Parti yang Bertanggungjawab".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-37 pada 18 – 20 September 1986 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang bertajuk "Tegas Menghadapi Serangan".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-41 pada 30 November – 2 November 1990 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang bertajuk "Bersatu Bersedia Berkhidmat".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-43 pada 6 - 8 November 1992 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang bertajuk "Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa".

University of Malaya

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-45 pada 18 - 20 November 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang bertajuk "Mengembalikan Maruah Bangsa, Agama dan Tanah Air".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-46 pada 24 - 26 November 1995 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang bertajuk "Jangan Lupa Daratan".

Teks Ucapan Dasar Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad (Tun), dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-47 pada 10 - 12 Oktober 1996 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur yang bertajuk "Pemimpin dan Kepimpinan".

Teks Ucapan Dasar Yang Di Pertua Agung PAS, Yusoff Rawa di Muktamar Tahunan PAS Ke-30 pada 13 April 1984 yang bertajuk "Menggempur Pemikiran Assabiyah".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-49 pada 12-14 September 2003 yang bertajuk "Pulihkan Demokrasi, Daulatkan Islam".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-50 pada 15-17 Ogos 2004 yang bertajuk "Memartabatkan Kedaulatan Rakyat".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-51 pada 3 Jun 2005 yang bertajuk "Paksi Kebangkitan Perjuangan".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-54 pada 15-17 Ogos 2008 yang bertajuk "PAS Untuk Semua".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-55 pada 5-7 Jun 2009 yang bertajuk "Islam Memimpin Perubahan".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-56 pada 11-13 Jun 2010 yang bertajuk "Islam Adil Untuk Semua".

University of Malaya

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-57 pada 16-18 November 2011 yang bertajuk "Membangun Negara Berkebajikan".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-58 pada 16-18 November 2012 yang bertajuk "Negara Berkebajikan Teras Perpaduan".

Teks Ucapan Dasar Presiden PAS, Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang, di dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-59 pada 2013 yang bertajuk "Rahmat Untuk Semua".

MANIFESTO PARTI POLITIK

Manifesto Barisan Alternatif (BA) pada Pilihan Raya Umum 1999 yang bertajuk "Bersama Malaysia Baru: Kesejahteraan Untuk Semua".

Manifesto Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum 1999 yang bertajuk "Malaysia Bebas, Maju dan Sepadu"

Manifesto Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum 2013 yang bertajuk "Menepati Janji Membawa Harapan"

Manifesto PAS pada Pilihan Raya Umum 1978 yang bertajuk "Untuk Agama, Bangsa dan Tanah Air yang Selamat dan Sejahtera".

Manifesto PAS pada Pilihan Raya Umum 1982 yang bertajuk "Undilah PAS untuk Kedaulatan Islam".

Manifesto PAS pada Pilihan Raya Umum 1986 yang bertajuk "Bersatu Menegakkan Keadilan, Kesejahteraan dan Keamanan".

Manifesto PAS pada Pilihan Raya Umum 1990 yang bertajuk "Membangun Bersama Islam".

Manifesto PAS pada Pilihan Raya Umum 1995 yang bertajuk "Membangun Bersama Islam".

University of Malaya

Manifesto PKR pada Pilihan Raya Umum 2008 yang bertajuk "Harapan Baru Untuk Malaysia".

DOKUMEN AWAM (PENYATA RASMI DEWAN RAKYAT)

Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-6, Penggal Ke-3, Jld. III, Bil. 39, 5 November 1985.

Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-7, Penggal Ke-3, Jld. III, Bil. 21, 27 Jun 1989.

Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-8, Penggal 1, Jld. 1, Bil. 56, 15 Julai 1991, hlm. 56.

Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-10, Penggal Ke-2, Jld. II, Bil. 12, 2 Mac 2000.

Dewan Rakyat Malaysia. *Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Ke-10, Penggal Ke-3, Mesyuarat Ke-3, Jld. III, Bil. 72. 3 Disember 2001.

LAPORAN DAN REKOD

Laporan Tahunan PAS Pusat. Sesi 1998/1999.

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1984/1985.

CO 537/1548 – Malay Nationalist Party.

PERLEMBAGAAN PARTI

Perlembagaan BN 1974

Perlembagaan DAP

Perlembagaan Parti Melayu Semangat 46

Perlembagaan PKR

University of Malaya

Perlembagaan PAS

Perlembagaan UMNO

BUKU dan JURNAL

A. Ghani Ismail. *Muzakarah UMNO-PAS*. Kuala Lumpur: Pustaka Islah Sdn. Bhd. 1987.

Ab. Rahim Tahir. *Analisis 1995: Perangkap BN Tahun 2000*. Ampang: Citakhidmat (M) Sdn. Bhd. 1995.

Abd Manaf Haji Ahmad. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distubutors Sdn. Bhd. 2009.

Abdul Ghani Othman. *Hidup Melayu Bersatu.* Johor Bahru: Pejabat Menteri Besar Johor. 2009.

Abdul Halim Mahmood. *Asri Dalam Dilema*. Kuala Lumpur: Eagle Trading Sdn. Bhd. 1983.

_____. *Gelora Politik Kelantan.* Kuala Lumpur: Tinta Enterprise. 1993.

Abdul Latif bin Ibrahim. Pentadbiran Islam di Malaysia. Dlm *Isu Semasa: Menghurai Permasalahan Islam Semasa. Siri 4.* Jakim Kemajuan Islam Malaysia. 2006.

Abdul Rahman Ismail. Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Melayu: Wacana Persejarahan. Dlm. Abdul Rahman Ismail, Azmi Arifin dan Nazarudin Zainun (editor). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2006

Abdul Rahman Ismail dan Mohammad Agus Yusoff. Pencapaian PAS dan UMNO Dalam Politik Kelantan, 1959-1990. Dlm. Mohammad Agus Yusof (Peny). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. 1995.

University of Malaya

Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long, Faudzinaim Badaruddin. Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia. Dlm. *Jurnal Hadhari*. Bil. 2. 2009

Abdul Razak Ayub. *Perpecahan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. 1985.

Abdul Shukur Harun. *Gelombang di Pesisir Waktu*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah. 2012.

Ahmad Atory Hussain. *Dimensi Politik Melayu 1980-1990: Antara Kepentingan dan Wawasan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

_____. *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1998.

_____. Cabaran Politik Melayu. Dlm. Anwar Ridhwan. *Minda Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2008.

_____. *Politik Melayu di Persimpangan: Satu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd. 2009.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid. The UMNO-PAS Struggle: Analysis of PAS's Defeat in 2004. Dlm. Saw Swee Hock dan K. Kesavapany. *Malaysia: Recent Trends and Challenges.* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS). 2006.

_____. Political Engaged Muslim in Malaysia in the Era of Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009). Dlm. *Asian Jurnal of Political Science*. Vol. 18, No 2, August 2010, pp. 154-176. Routledge. 2010.

Ahmad Fawzi Basri, Mohd Idris Salleh dan Shafee Saad. *Bumi Dipijak Milik Orang.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991.

Ahmad Kamar. *Islam Tercabar: Satu Pandangan Terhadap PAS*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu. 1979.

University of Malaya

Ahmad Mohammad Said. *Dualisme Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996.

Ahmad Sunawari Long. Islam di Malaysia: Era Mahathir. Dlm. Mazlan Ibrahim dan Kamarudin Salleh. *Islam Pasca Kemerdekaan*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2008.

Ahmad Zaki Hj. Abd. Latif. Isu Kafir Mengkafir dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Masyarakat Melayu. Dlm. *Jurnal Usuluddin*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bil. 17, Julai 2003.

Aida Aris dan Abu Hassan Hasbullah (Peny.). *Membina Bangsa Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2012.

Alias Mohamed. *Intelijensia Melayu Kelantan: Satu Pandangan Awal*. Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store. 1977.

_____. *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutors Sdn. Bhd. 1978.

_____. *Kelantan Di Bawah PAS – Masalah Tanah dan Rasuah*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd. 1984.

_____. *Malaysia Islamic Opposition: Past, Present and Future*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House. 1991.

_____. *PAS Platform: Development and Change 1951-1986*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd. 1994.

Aminuddin Mohd Yusof. Melayu UMNO, Melayu PAS: Manifestasi Dua Personaliti. Dlm. Wan Hashim Wan Teh. *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Mahir Publication Sdn. Bhd. 1993.

Amer Saifude Ghazali. Sokongan Kepada UMNO dan PAS Dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia: Tumpuan Kepada Pilihan Raya Parlimen 1999 dan 2004 Serta Implikasinya Kepada Pilihan Raya 2008. *Journal of Southeast Asian Studies, Vol. 13*. Universiti Malaya. 2008.

University of Malaya

_____. *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2009.

_____. *Geografi Politik dan Pilihan Raya Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2015.

Apter, D. *Ideology and Discontent*. New York: Free Press. 1964.

Aziz Zariza Ahmad. *UMNO: Falsafah dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Knight. 1979.

Badaruddin Mohd Salleh. *Sejarah Politik dan Perkembangan PAS*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara. 1977.

Badlihisham Mohd Nasir. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2009.

Baharudin Ali Masrom. *Politik Melayu Abad 21*. Kuala Lumpur: D' Enterprise. 1989.

Baharuddin Latif. *Islam Memanggil: Rencana-Rencana Sekitar Perjuangan PAS 1951-1987*. Gunung Semanggol: Pustaka Abrar. 1994.

Borisoff, D. & Victor. D. A. *Conflict Management: A Communication Skill Approach* (2nd ed.) Boston: Allyn and Bacon. 1998.

Chamil Wariya. *UMNO Era Mahathir*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1988.

Chandra Muzafar. *Islamic Resurgence in Malaysia.* Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1987.

Chin, J. dan Welsh, B. (Penyunting). Kesedaran, Transformasi dan Zaman Pentadbiran Abdullah. Dlm. *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014.

Dewan Ulama PAS Pusat. *25 Tahun Kepimpinan Ulama: Membangun Bersama Islam*. Nufairstreet Sdn. Bhd. 2009.

University of Malaya

Dinsman. *10 Tahun Membangun Bersama Islam – Kelantan Di Bawah Kepimpinan Ulama*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik. 2000.

Edward, G. Selling Your Ideas To Management. Dlm. *Supervisory Management*. Vol. 36 (October). 1991.

Esposito, J. L. *Ancaman Islam: Mitos atau Realiti*. (Terj). Nor Azita Omar. Kuala Lumpur: Institut Penterjemahan Negara Malaysia. 2004.

Farish A. Noor. *Islam Embedded: The Historical Developmnet of The Pan Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003).* Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute. 2004.

_____. *Di Balik Malaysia: Dari Majapahit Ke Putrajaya*. Petaling Jaya: ZI Publication. 2008.

Fernando, J. M, Zulkarnain Abdul Rahman dan Sufian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2011.

Firdaus Hj. Abdullah. *Komentar Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2004.

Francis Loh Kok Wah. *Politik Baru di Malaysia.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2005.

Funston, N. J. *Malays Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS.* Petaling Jaya: Heinemann Education Books. 1980.

Ghazali Mayudin. Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud dan Zaini Othman. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2006.

Gomez, E. T. *The 1995 Malaysian General Election: A Report and Comementary*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. 1996.

Halim Mahmood. *Senario Pemilihan UMNO*. Selangor: Marwilis Publisher. 1986.

University of Malaya

Halim Mahmood dan Kamal Osman. *Politik Kelantan: Korban Digeruni*. Kuala Lumpur: Tintan Enterprise. 1995.

Hambali Abdul latif. *UMNO Baru Milik Siapa?* Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd. 1988.

Hamdan Muhammad. *PAS dan Isu-Isu Agama*. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah. 2013.

Haris Zulkapli. *Cabaran Politik Baharu Malaysia*. Kuala Lumpur: Media Icon. 2009.

Ho Kai Leong. Kerangka Politik dan Pentadbiran: Cabaran dan Pembaharuan dan Bawah Pentadbiran Mahathir. Dlm. Ho Kai Leong dan James Chin. *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan Krisis Dalam Pemerintahan.* Singapore; Times Books International. 2003.

Hilley, J. Malaysia: *Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008.

Hussain Mohamed. Proses Politik dan Pilihan Raya di Negeri Terengganu, 1954-1978. Dlm. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 11, 1980.

_____. *Membangun Demokrasi: Pilihan Raya Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Karya Bestari. 1987.

_____. Nilai Budaya dan Risiko Kuasa dalam Politik Melayu Kelantan. Dlm. Mohamad Agus Yusoff. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakatdan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995.

_____. *Membangun Demokrasi: Permasalahan UMNO dan Politik Melayu*. Kuala Lumpur: Dianamedia. 1999.

Hussain Yaakub. *UMNO Tidak Relevan: Hadapi Reformasi Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Penerbit Mariah Jaafar. 2000.

Hussin Mutalib. *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press. 1990.

University of Malaya

_____. *From Revivalisme to Islamic State?* Singapore: Singapore University Press. 1993.

_____. *Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Souteast Asian Studies (ISEAS). 2008.

Ibnu Hasyim. *Konflik UMNO-PAS: Satu Penyelesaian Menurut Islam*. Kuala Lumpur: GG Edar Sdn. Bhd. 1993.

Ibrahim Abu Bakar. Perbandingan pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO. Dlm. Wan Hashim Wan Teh. *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan.* Kuala Lumpur: Mahir Publication Sdn. Bhd. 1993.

Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 1989.

Ibrahim Mahmood. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1981.

Ishak Saat. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn.Bhd. 2005.

_____. *Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2007.

Ismail Ibrahim. *Pemikiran Dr. Mahathir Tentang Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2002.

Ismail Said. *Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam: Karisma Publicatuion Sdn. Bhd. 2008.

_____. *Menegak Agama Membela Bangsa*: Perjuangan PAS 1951-1970. Kuala Lumpur: Unit Buku Harakah. 2011.

Ja'afar Onn. *UMNO dan Malayan Union*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd. 2007.

University of Malaya

Jamaie Hamil, Mohd Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman, Suzanna Mohamed Isa dan Zaini Othman. Budaya Politik Melayu: Kesinambungan dan Perubahan. Dlm. Sity Daud dan Zarina Othman. *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 2005.

John, E. R. *Political Competition: Theory and Application*. Cambridge: Harvard University Press. 2001.

Kamal Amir Kamal Hijaz. *Siapa Gadai Maruah Melayu*. Kuala Lumpur: Intercity Enterprise. 1990.

Kamarudin Jaafar. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda. 1980.

_____. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKDAS). 2000.

_____. *Memperingati Yusof Rawa*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKDAS). 2000.

_____. *Pilihan Raya 1999 Dan Masa Depan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKDAS). 2000.

Kamaruddin Salleh. Politik Melayu: Konsep Negara Islam UMNO dan PAS. Dlm. *Jurnal Islamiyyat.* Vol. 28. 2006.

_____. Negara Islam Dalam Wacana UMNO, PAS dan ABIM. Dlm. Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015.

Kamarulnizam Abdullah. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2003.

Khoo Kay Kim. *The Malay Left 1945-1948: A Prelimenary Discourse*. Sarjana 1 (1). 1981.

University of Malaya

Laila Suriya Ahmad Apandi dan Mohd Dino Khairri Sharifuddin. Islam dan Kestabilan Politik dan Ekonomi: Kejayaan Malaysia. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain. *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007.

Lotfi Ismail. *Pertarungan Poltik di Malaysia, Jilid 3*. Petaling Jaya: Karangkraf Sdn. Bhd. 1978.

Mahathir Mohamad. Ke Arah Meningkatkan Martabat Bangsa. Dlm. Mat Zin Mat Kib & Mohd Shukri Omar. *Melayu dan Isu Kebumiputeraan.* Shah Alam: UPENA. 2007.

Mahadzir Mohd Khir. *Kuasa Melayu: Satu Analsisi Peralihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012.

Malike Brahim. *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 2011.

Maznah Mohamad. The Contest for Malay Votes in 1999: UMNO's Most Historic Challenge. Dlm. Francis Loh Kok Wah and Johan Saravanamuttu (edt). *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies. 2002.

Milne, R.S. dan Mauzy, D.K. (Terj). *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1982.

Mohamad Abu Bakar. Islamic Revivalisme and the Political Process in Malaysia. Dlm. *Asian Survey*. Vol. 21, No. 10, pp 1040-1059. University of California Press. 1981.

_____. Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985. Dlm. Khoo Kay Kim, Mohamad Abu Bakar, Abdullah Zakaria Ghazali, Zainal Abidin Borhan, Adnan Hj. Nawang dan Jazamuddin Baharuddin (editor). *Malaysia Masa Kini*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. 1985.

_____. *Penghayatan Sebuah Ideal: Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

_____. *Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd. 1994.

University of Malaya

_____. Konservatisme dan Konflik Isu Kafir Mengkafir Dalam Politik Kepartian. Dlm. *PEMIKIR.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubutors Sdn. Bhd. 2000. Julai – September.

_____. Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik di Malaysia. Dlm. *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002.

Mohamad Nazri Mohamed Noor. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari.* Petaling Jaya: Strategik Information and Research Development Centre. 2009.

Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2009.

_____. *Gerakan dan Tokoh Kiri: Kamaruzaman Teh Dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2006.

Mohammad Agus Yusoff. *Politik Terengganu Selepas Pilihan Raya Umum 1999: Dari Royalti Ke Wang Ihsan*. Jurnal Jebat Vol. 31. 2004.

Mohammad Hashim Kamali. *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan dan Terengganu*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd. 2003.

Mohammad Redzuan Othman. Pengaruh Timur Tengah Dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu. Dlm. *Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. 2001.

_____. Islam dan Proses Politik dalam Peradaban Malaysia. Dlm. Aziz Deraman & Rohani Zainal Abidin. *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2003.

_____. *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2005.

University of Malaya

_____. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu.* Syarahan Perdana di Universiti Malaya. 25 Februari 2015.

Mohammad Redzuan Othman, Zulkarnain Abdul Rahman, Shaharuddin Badaruddin, Amer Saifude Ghazali dan Md Rozimi Mohd Nasir. *Permatang Pauh: Pilihan Raya Kecil Ogos 2008*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. 2009.

Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali dan Zulkarnain Abdul Rahman (editor). *Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu 2009*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2011.

Mohd Aizat Mohd Salleh. *Pemikiran Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd. 2011.

Mohd Ali Kamarudin. *Penaungan Dalam Kepimpinan Politik Melayu UMNO Kelantan, 1946-1990*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004.

Mohd Asri Muda. *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1993.

Mohd Hasbie Muda. *PAS dan Pilihan Raya: Analisis Pencapaian Parti Islam SeMalaysia Dalam Pilihan Raya Umum (1959-2013).* Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy. 2014.

Mohd Izani Mohd Zain. PAS Dalam Demokrasi dan Politik Islam di Malaysia. Dlm. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005.

_____ (Peny). *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007.

Mohd Jamil Bin Mukmin. *Gerakan Islam di Malaysia: Kesinambungan, Respon dan Perubahan 1957 -2000*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti. 2009.

Mohd Nakhie Ahmad. *Ke Arah Politik Bermaruah*. Damansara: Rangkaian Analisis dan Penyelidikan Islam. 1990.

University of Malaya

_____. *Penyelewengan Tafsiran Mengenai Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. 2003.

Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman. *Dato' Onn Jaafar: Tokoh Nasionalis*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn. Bhd. 1987.

Mohd Noor Yazid. *Percaturan Kuasa dan Politik Pilihan Raya.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2011.

_____. *Sebelum Kuasa Melayu Islam Beralih Tangan*. Jurnal Pemikir, Bil. 63, Januari – Mac 2011. 2011.

Mohd Rumaizudin Ghazali. *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Islam Malaysia. 2011.

Mohd Sayuti Omar. *Dilema Politik Kelantan. Mampukah BN Gugat Angkatan*? Kuala Lumpur: Tinta Merah. 1994.

_____. *Analisis Pilihan Raya 1995.* Kuala Lumpur: Tinta Merah. 1995.

_____. *Hikayat Tok Guru dan Tiga Abdul*. Kuala Lumpur: Tinta Merah. 2000.

Mohd Zain Salleh. *Sejarah UMNO Kelantan*. Kota Bharu: Jawatankuasa Penerangan UMNO Perhubungan Negeri Kelantan. 1985.

Muhamad Nadzri Mohamed Noor. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari.* Petaling Jaya: Strategik Information and Research Development Centre. 2009.

Muhammad Uthman El-Muhammady. Islam Sebagai Pembina Watan Melayu: Cabaran Masa Depan. Dlm. Mohamed Anwar Omar Din. *Dinamika Bangsa Melayu Menongkah Arus Globalisasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004.

Mujahid Yusof Rawa. *Wajah Baru Politik Malaysia.* Petaling Jaya: Anbakri Publika Sdn. Bhd. 2009.

University of Malaya

_____. *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme.* Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2011.

_____. *Rejuvenasi PAS: Idea, Realiti, Aplikasi Ke Arah Aspirasi Massa*. Shah Alam: Ilham Centre. 2012.

Mustapa Mohamed. *Kemelut Politik Melayu*. Petaling Jaya: Media Centre. 2001.

Nagata, J. Religion Ideology and Social Change: The Islamic Revival in Malaysia. Dlm. *Pacific Affairs*. Vol. 53, No. 3. 1980.

Nidzam Sulaiman. Politik Melayu di Persimpangan. Dlm Haris Zuan dan Rizal Hamdan (peny). *Wacana Baru Politik Malaysia: Perspektif Ruang Awam, Budaya dan Institusi.* Petaling Jaya: Strategic Information dan Research Development Centre. 2012.

Nidzam Sulaiman dan Bilcher Bala. Persaingan Parti dan Demokrasi Malaysia. Dlm. Mohd Yusof & Azlan Ahmad. *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2002.

Nik A. Azmi. *Melayu di Persimpangan*. Selangor: Edusystem Sdn Bhd. 2000.

Nik Anuar Nik Mahmud. PAS dalam Perlembagaan Tanah Melayu. Dlm. Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang dan Zakaria Stapa. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015.

Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Perlaksanaan Hukum Hudud Di Kelantan.* Kota Bharu: Telda Corporation Sdn. Bhd. 1994.

_____. *Kelantan: Universiti Politik Terbuka*. Nilam Puri, Kelantan: Maahad ad-Dakwah Wal Imamah. 1995.

_____. *Kemuncup Dalam Perjuangan.* Petaling Jaya: Anbakri Publika Sdn. Bhd. 2008.

Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd. 2004.

University of Malaya

Rahman Shaari. *Politik Mahathir: Langkah dan Perhintungan.* Kuala Lumpur: D' Enterprise. 1989.

_____. *Politik Mahathir: Sikap dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: D'Enterprise. 1990.

Ramlah Adam. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*. Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store. 1978.

_____. *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992

_____. *Sejarah Perkembangan Pilihan Raya Era Pra-Merdeka, 1955*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. 2003.

_____. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2004.

Ratnam, K.J. *Paham Perkauman dan Proses Politik*. Kassim Ahmad (Terj). Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1969.

Riduan Mohamad Nor. *Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan*. K. Lumpur: Jundi Resources. 2011.

_____. *PAS dan Perjuangan Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources. 2011.

Robbins, S.P. *Gelagat Organisasi* (ed. Ke-8). Terjemahan Abdul Razak Ibrahim dan Ainin Sulaiman. Petaling Jaya: Prentice Hall. 2000.

Rustam A Sani. *Melayu Baru dan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1993.

Russli Bin Kamarudin. Perkembangan Politik PAS di Kelantan: Satu Tinjauan. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (Peny.) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995.* Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995.

University of Malaya

Saifuddin Abdullah. *Politik Baru: Mematangkan Demokrasi Malaysia.* Kuala Lumpur: Institut Tejemahan Negara Malaysia. 2009.

Sarim Hj. Mustajab. Gerakan Islah Islamiyyat. Dlm. Kongres Sejarah Malaysia. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. 1979.

Shafie Ibrahim. *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1981.

Sheikh Abu Muhammad Iqamuddin. *Menjawab Tuduhan Liar Terhadap UMNO dan Barisan Nasional*. Selangor: RZ Emas Sri Selasih Sdn. Bhd. 2004.

Sivamurugan Pandian. *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publicatioan & Distrubutors Sdn. Bhd. 2005.

Sivapepegasam, R. *Perisytiharan Malaysia sebagai Negara Islam: Bantahan PAS dan DAP*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti. 2010.

Subky Latif. *Istimewa Terkenang.* Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd. 2009.

_____. Fadzil Noor: *Dia Guru, Dia Kawan*. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd. 2012.

Syed Ahmad Hussein. *Pengantar Sains Politik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.

Syed Ahmad Hussein. *Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2002.

_____. Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik. Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (Peny). *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007.

Syed Arabi Idid Safar Hasim. *Pilihan Raya Umum: Satu Perspektif Komunikasi Politik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

University of Malaya

_____. *Penentuan Agenda: Peranan Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.

Syed Husin Ali. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah. 2008.

Thock Ker Phong. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2007.

Transparency International–Malaysia. *Reformasi Pembiayan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International – Malaysia. 2010.

Vasil R. K. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publication. 1980.

W. Shawaluddin W. Hassan. Orang Luar Sebagai Pemimpin Politik Di Kelantan: Satu Tinjauan Berdasarkan Pilihan Raya 1955-1990. Dlm. Mohamad Agus Yusoff. *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Bangi: Penerbit Fakulti Sains Kemasyarakat dan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 1995.

Wan Abdul Rahman W.A. Latif. Demokrasi di Malaysia: Antara Persaingan dan Perwakilan. Dlm. Ghazali Mayudin. *Politik Malaysia: Perpektif Teori dan Praktik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2002.

_____. *Teori Domino: PRU 13 BN Tumbang*. Kuala Lumpur: Jundi Resources. 2010.

Wan Hamdi Hamid. Kegagalan Menangani Ketakutan: Abdullah dan Orang Melayu. Dlm. Bridget Welsh dan James U.H. Chin (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014

Wan Imran Wan Ab. Rahim. *Krisis Politik Kelantan… Siapa Salah… Sultan? Semangat 46? Atau PAS?*. Kota Bharu: Penerbit Federal Public Agency. 1996.

Wan Mohd Mahyiddin. *UMNO: Sejarah, Organisasi dan Pelaksanaan Dasar*. Kuala Lumpur: HPI Lectures Sdn. Bhd. 2007.

University of Malaya

Yahaya Ismail. *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif. 1986.

Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim. *Politik Melayu dan Demokrasi*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen. 1996.

Yusri Yusof. *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daiisi Communication. 1995.

Zaidi Abdul Rahman dan Osman Md Rasib. Penglibatan BERJASA Dalam Pilihan Raya Umum Di Malaysia, 1977-2013. Dlm. *Jurnal Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL)*. Jilid 2. Bil 1, Januari – Disember 2013.

Zainah Anwar. *Islamic Revivalisme in Malaysia Dakwah Among The Students.* Petaling Jaya: Pelanduk Publication. 1987.

Zaini Hassan. *Cuit: Dilema Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distubutors Sdn. Bhd. 2013.

Zainuddin Maidin. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1994.

Zulkifli Sulong. *Operasi Tawan Terengganu*. Selangor: Penerbitan Pemuda. 1994.

_____. *Fenomena Mawi: Apakah PAS Sudah berubah?* Kuala Lumpur: Edisi Prima Sdn. Bhd. 2005.

_____. *Politik Baru Abad Ke-21: Perubahan ataupun Harapan Palsu*. Kuala Lumpur: The Malaysia Insider Sdn. Bhd. 2009.

_____. 'Satu Hubungan Istimewa': PAS dan Abdullah Badawi. Dlm. Welsh, B. dan Chin, J. (Penyunting). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014.

Welsh, B. dan Chin, J. (Penyunting) *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. 2014.

University of Malaya

Zulkiple Abd Ghani. Kematangan Politik dan Implikasinya Pada Kegiatan Dakwah. Dlm. Zulkiple Abd Ghani & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 2005.

AKHBAR

Berita Harian, 18 September 1977

Berita Harian, 24 April 1982

Berita Harian, 11 November 1984

Berita Harian, 10 September 1994

Berita Harian, 12 Mei 1999.

Berita Harian, 4 September 2001

Berita Minggu, 25 November 2001

Berita Harian, 9 Mac 2008

Berita Harian, 10 Mac 2008

Berita Harian. 21 Julai 2008

Berita Harian, 31 Ogos 2010

Dilema Melayu, 14 Mei 2003

Harakah. 22 November 1993

Mingguan Malaysia. 3 Mei 1992

Mingguan Malaysia, 9 Februari 2003

Mingguan Malaysia, 22 Februari 2009

New Straits Times, 25 November 1993

New Straits Times. 10 September 1994

Sinar Harian, 25 Julai 2013

Straits Times (Malaysia), 17 Disember 1970

University of Malaya

Sunday Times (Malaysia), 30 April 1972

The Star. 9 Februari 1983

Utusan Melayu, 18 Mac 1957

Utusan Melayu, 16 Mei 1962

Utusan Malaysia, 22 September 1973

Utusan Melayu, 14 September 1977

Utusan Melayu, 18 September 1977

Utusan Melayu, 16 Oktober 1977

Utusan Malaysia, 10 September 1980

Utusan Malaysia, 21 Februari 1986

Utusan Malaysia, 17 Jun 1986

Utusan Malaysia. 8 Jun 1999

Utusan Malaysia, 21 November 2001

Utusan Malaysia, 10 Oktober 2001

Utusan Malaysia, 16 November 2001

Utusan Malaysia, 12 November 2001

Utusan Malaysia. 10 November 2001

Utusan Malaysia, 12 Mei 2002

Utusan Malaysia, 3 April 2009

Utusan Malaysia, 9 Januari 2011

Utusan Malaysia, 18 Ogos 2011

Warta Darul Iman, 22 Julai 2002

Warta Darul Iman, 22 Julai 2002

Warta Darul Iman, 22 Disember 2003

University of Malaya

Watan, 15 September 1977

Watan, 18 September 1977

Watan. 16 September 1978

LAMAN WEB

http://presidenpas.org.my. 19 Julai 2011

http://www.pas.org.my. 19 Julai 2011

http://siasahdaily.blogspot.com. 21 Mei 2011

http://siasahdaily.blogspot.com. 15 Ogos 2013

http://www.umno-online.my. 6 Februari 2014

http//:themalaysianinsider.com 21 Julai 2010

http//:themalaysianinsider.com. 6 September 2010

http/:utusan.com.my. 29 Julai 2008

TESIS

Abdul Rahman Ismail. Pembentukan Polisi Awam dan Perkembangan Politik di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO dan PAS. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 1999.

Ahmad Zaki Haji Abdul Latif. Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998). Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 2003.

Alias Mohamed. PAS Platform: Development and Change 1951-1986. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, 1989.

Ismail Yusoff. Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz Nik Mat 1964-2004. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 2009.

University of Malaya

Kamarul Zaman Haji Yusoff. PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. 2004.

_____. PAS Dalam Era Kepimpinan Ulama, 1982-2004. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 2013.

Mazlan Ali. Hubungan Semangat 46 dan PAS, 1986-1996: Satu Tinjauan Terhadap Politik Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.1998.

Mohd Ali Kamarudin. Penaungan dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 1998.

Mohd Izani Mohd Zain. Islam dan Demokrasi: Kajian Kes Mengenai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Dekad 90-an. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. 2001.

Mujahid Yusof. Konflik Organisasi Dalam Parti Islam dan Kesannya Terhadap Perubahan Organisasi: Kajian Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Melaka. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 2007.

Norrodzoh Haji Siren. Penulisan Dakwah: Kajian Retorik Terhadap Teks Ucapan Dasar ABIM dan PAS. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 2010.

Ramli Awang. Syeikh Qadir al-Mandili: Satu Kajian Biografi dan Aliran-Aliran Pemikirannya. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2000/2001.

Shaharuddin Badaruddin. Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia: Kajian Terhadap Pendakatan Perjuangan Pertubuhan Berlandaskan Islam, 1981-2008. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. 2011.

Sollehuddin Alyubi Haji Zakaria. Politik Islam di Malaysia: Impak Konflik PAS-UMNO Kepada Kestabilan Politik dan Keselamatan Negara. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. 2009.

Zatul Himmah Adnan. Islamisation Policy In Malaysia: A Policy Study In A Multi-Religious Society. Tesis Doktor Falsafah. Flinders University. 2013.

University of Malaya

TEMUBUAL

Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 9 Oktober 2014 di Institut Pemikiran Tok Guru, Kota Bharu, Kelantan. Nik Abdul Aziz Nik Mat (YB Tuan Guru Dato' Bentara Setia) adalah merupakan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat (1968-1995), Pasuruhjaya PAS Kelantan (1981-2013), Menteri Besar Kelantan (1990-2013), Ahli Dewan Undangan Negeri dan Mursyidul Am PAS (1994 hingga 2015).

Temubual dengan Tengku Hassan Bin Tengku Omar pada 25 Oktober 2014 di Kuala Terengganu. Tengku Hassan Bin Tengku Omar (Dato') adalah Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Ladang di Terengganu sejak dari 2008 hingga kini.

Temubual dengan Mohd Nakhaie Ahmad pada 16 November 2014 di Sungai Ramal, Kajang, Selangor. Mohd Nakhaie Ahmad (Datuk) adalah merupakan bekas Naib Presiden PAS yang kemudiannya menyertai UMNO. Pernah Menjawat jawatan Yang di-Pertua Yayasan Dakwah Islam (YADIM).

Temubual dengan Mahathir Mohamad pada 3 Disember 2014 di Yayasan Kepimpinan Perdana. Mahathir Mohamad (Tun Dr.) merupakan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia (1981-2003).

Temubual dengan Muhaimin Sulam pada 5 Disember 2014 di Puteri Park Hotel, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Muhaimin Sulam (Dr.) merupakan AJK PAS Pusat (2013-2015) dan Setiausaha Badan Perhubuhan PAS Perak (2013-2015).

Temubual dengan Ahmad Azam Abdul Rahman pada 5 Januari 2015 di Sri Gombak, Selangor. Ahmad Azam Abdul Rahman (Tuan Haji) adalah merupakan Bekas Presiden ABIM.

Temubual dengan Zulkifli Sulong pada 21 Januari 2015 di Universiti Malaya,Kuala Lumpur. Zulkifli Sulong merupakan bekas Ketua Pengarang *Harakah* sebelum menyertai akhbar *Siasah* dan kemudiannya menyertai *The Malaysia Insider*.

Temubual dengan Kamaruddin Jaafar pada 22 Januari 2015 di Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Kamaruddin Jaafar (Datuk) merupakan Ahli Parlimen PAS Tumpat (1999 hingga kini). Kini merupakan ahli PKR sejak 10 September 2015.

University of Malaya

Temubual dengan Saifudin Nasution pada 25 Februari 2015 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Saifudin Nasution (Dato') merupakan Ahli Parlimen PKR di Machang, Kelantan (2008-2013) dan bekas Setiausaha Agung PKR.

Temubual dengan Shahruddin Badaruddin pada 25 Februari 2015 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Shahruddin Badaruddin merupakan Bekas Timbalan Presiden ABIM. Kini menjawat jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar di Universiti Selangor (UNISEL).

Temubual dengan Muhammad Haji Muhammad Taib pada 25 Mei 2015 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Merupakan Naib Presiden UMNO (2000-2003), Menteri Besar Selangor (1986-1997), Senator Dewan Negara (2006-2009). Pada 14 April 2013, bertindak keluar UMNO dan menyertai PAS. Kini merupakan ahli PKR sejak 10 September 2015.

Temubual dengan Muhammad Sabu pada 25 Mei 2015 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Muhammad Sabu (Tuan Haji) merupakan Timbalan Presiden PAS (2013-2015) dan Ahli Parlimen Nilam Puri, Kelantan (1990-1995), Kubang Kerian, Kelantan (1995-1999) dan Kuala Kedah, Kedah (1999-2004). Kini merupakan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah).

Temubual dengan Mohd Anuar Mohd Tahir pada 25 Mei 2015 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Mohd Anuar Mohd Tahir (Tuan Haji) merupakan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat (2009-2015) dan kini merupakan Setiausaha Agung Parti Amanah Negara (Amanah).

Temubual dengan Siddiq Fadzil pada 5 Disember 2015 di Sungai Ramal, Kajang, Selangor. Siddiq Fadzil (Dato' Dr.) merupakan Presiden ABIM (1983-1991) dan kini merupakan Presiden Wadah Pencerdasan Ummah Malaysia (WADAH) yang disandangnya sejak tahun 2005.

University of Malaya